


92-3F99

# MAHATHIR

# WARISAN PERJUANGAN

## LANGKAH KE HADAPAN



aziz zariza ahmad

92 - 3f99

29/2

Almadies

Auss

228/-

# **MAHATHIR**

## **WARISAN PERJUANGAN**

### **Langkah Ke Hadapan**

# **MAHATHIR**

## **WARISAN PERJUANGAN**

### **Langkah Ke Hadapan**

**aziz zariza ahmad**

**112219**  
NASKHAH PEMERIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
**19 DEC 1992**



**Syarikat S. Abdul Majeed**  
Bahagian Penerbitan

*Diterbit oleh*

*Syarikat S. Abdul Majeed  
2210, Malayan Mansion  
Jalan Masjid India  
50100 Kuala Lumpur*

*© Mahathir Mohamad, 1991*

*Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari penerbit.*

*Perpustakaan Negara Malaysia Data-Mengkatalog-dalam-Penerbitan*

*Aziz Zariza Ahmad, 1954 -  
Warisan perjuangan Mahathir ke arah  
cita-cita bangsa / Aziz Zariza Ahmad.*

*ISBN 983-9629-31-X*

*1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri,  
1925. 2. Malaysia - Politics dan  
Government. 3. Malaysia - Economic  
Conditions. 4. Malaysia - Social  
Conditions. 1. Judul.  
320.9595*

*Dicetak oleh*

*Polygraphic Marketing Sdn. Bhd.*

*Lot 14, Jalan 1, Kawasan Perusahaan, Cheras Jaya,  
Balakong, Batu 11, 43200 Cheras,  
Selangor Darul Ehsan.*

## **DIDEDIKASIKAN**

Kepada mereka yang merasa di dalam jiwa mereka dan meyakini bahawa kerajaan mestilah tidak dibenarkan menjadi pelindung pada penipuan atau salahguna kuasa.

Kepada mereka yang percaya bahawa kedamaian bersama keadilan di dunia ini masih lagi ada dan menjadi tanggungjawab setiap orang.

Kepada mereka yang menempuhi berbagai kepahitan untuk berkomunikasi dengan pihak pentadbir mendesak polisi yang lebih baik dari sekadar birokrasi yang wujud.

Kepada mereka yang melihat, merasa dan bertanggungjawab bahawa masih dan senantiasa ada sesuatu yang boleh disumbangkan dan diperbaiki.

## **KEJAYAAN**

*Untuk ketawa selalu, mendapat penghormatan dari orang bijak dan kasih sayang dari kanak-kanak, memperolehi penghargaan dari pengkritik-pengkritik yang jujur dan terelak dari pembelotan kawan-kawan yang palsu, dapat menghargai kecantikan, dapat mencari yang terbaik dari orang lain, dapat meninggal dunia lebih baik, samada melalui anak-anak yang sihat, taman yang indah atau keadaan sosial yang dibaiki, untuk mengetahui bahawa kehidupan seseorang menjadi lebih baik, kerana anda telah pernah hidup, maka ini adalah satu kejayaan.*

*RALPH WALDO EMERSON*

## **PENDAHULUAN**

Saya mengumpul kembali ucapan-ucapan YAB Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed sebagai sambungan tambahan kepada buku yang pernah saya terbitkan sepuluh tahun lalu. Saya sentiasa beranggapan perlunya ucapan dan pemikiran tokoh seperti beliau dibukukan bagi memberi peluang pada semua pihak khasnya generasi yang akan datang mempelajari dan memahami falsafah pemikiran beliau sebagai seorang pemimpin. Semoga akan tampil lebih ramai penulis dan pengkaji yang dapat membuat lebih penyelidikan terhadap corak kepimpinan, pemikiran, vision dan falsafah perjuangan beliau. Dalam usaha pengumpulan dan pembukuan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih pada YB Usu bin Sukam kerana galakan dan sokongan yang beliau berikan atas kepercayaan bersama bahawa buku ini dapat memberi sesuatu pendekatan kepada setiap pembaca ke arah mengenali ketokohan dan kepimpinan YAB Perdana Menteri khasnya dalam usaha bersama kita semua melangkah ke hadapan ‘Ke Arah Wawasan 2020’.

Akhir sekali saya juga mengucapkan ribuan terima kasih pada YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Perhubungan UMNO Negeri Johor atas sumbangan pembiayaan ke arah penerbitan buku ini.

**AZIZ ZARIZA AHMAD**

**Karya-Karya lain oleh pengarang:**

1. UMNO, Falsafah Dan Perjuangan.
2. Rindu-Rindu Di Kampus (Novel)
3. Hussein Onn: Era.
4. Warisan Kepimpinan (Suntingan Ucapan Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad).
5. Sebutir Permata Di Menara (Riwayat Profesor Diraja Ungku Aziz).
6. Putera Raja Di Hati Rakyat (Politik Tengku Razaleigh Hamzah).
7. Pemikiran Intelektual Islam Di Malaysia.
8. Bila Angin Menderu (Novel).
9. Taib Mahmud: Ke Arah Impian Bersama Sarawak.
10. Putera Negara: (Perjuangan Politik Tunku Abdul Rahman Putra).

## PRAKATA

YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed adalah seorang ahli politik yang mempunyai tahap intelek yang tinggi. Adalah amat sukar bagi seseorang pengkaji untuk menentukan adakah beliau itu seorang ahli politik yang intelektual atau seorang intelektual yang berpolitik, apabila suatu penentuan cause and effect, hendak dibuat guna memahami pemikiran dan tindak tanduk beliau. Bagi saya beliau adalah kedua-duanya sekali.

Teks-teks ucapan beliau yang disusun oleh saudara Aziz Zariza Ahmad di dalam buku ini mempamerkan dua sifat-sifat ini mengikut keadaan di mana beliau berucap.

Ucapan-ucapan Dr. Mahathir yang dibuat selepas beliau menjadi anggota Kabinet dan seterusnya Naib Presiden UMNO dari tahun 1975 ke atas bolehlah disifatkan sebagai mencerminkan pendapat dan pendirian rasmi beliau. Ucapan-ucapan dan penulisan seperti Malay Dilema yang dibuat sebelum dari itu adalah merupakan pemikiran bebas yang menjadi andaian asas (domain assumption) kepada pendirian rasmi ini. Kupasan saya di dalam prakata ini hanyalah dibuat terhadap ucapan-ucapan rasmi beliau sahaja.

Apabila berucap di hadapan golongan terpelajar, beliau mengambil suatu pendirian yang defensif terhadap dasar dan perlakuan kerajaan yang ternampak bertentangan dengan sesuatu teori sosial. Contohnya beliau amat sensitif terhadap kritikan yang mendakwa bahawa DEB "menambah kekayaan kepada yang sudah kaya dan menambah kemiskinan yang sudah miskin".

Beliau mencabar pengkritik-pengkritik ini jangan membuat kritikan hanya untuk score a point atau hanya mendapatkan political mileage, malah mengemukakan jalan-jalan penyelesaian yang sesuai dengan kehendak politik negara.

Dan apabila berhadapan dengan golongan biasa, beliau mengemukakan 'pengupasan' teori yang memberi legitimization kepada sesuatu pendirian yang beliau anuti. Contohnya beliau dengan kepastian yang menyakinkan umum, menolak perjuangan komunisme dan sosialisme di negara ini sebagai perjuangan yang

tidak mempunyai asas yang boleh diterima rakyat. Perjuangan Partai Komunis Malaya ‘bukanlah perjuangan yang berasaskan penentang kelas, malah ianya adalah pertentangan ideologi semata-mata’.

Ini bermakna tidak ada penentangan kelas yang merupakan bibit perjuangan sosialisme di dalam masyarakat Malaysia, hanya yang ada ialah penentangan ideologi. Sehubungan dengan saranan ini, pengkaji mungkin berpendapat bahawa Dr. Mahathir masih lagi berpegang kepada pemikiran sosialisme yang berlarutan daripada perjuangan beliau semasa menjadi pemimpin mahasiswa dulu.

Tetapi sangkaan ini meleset kerana dari ucapan-ucapan lain beliau menolak secara total perjuangan sosialisme yang katanya antara lain, menjadikan rakyat sebagai hamba negara dan segelintir pemimpin-pemimpin yang mendapat keistimewaan. Di sini beliau mempamirkan diri beliau sebagai ahli politik yang berintelek.

Dr. Mahathirlah di antara pemimpin dunia yang awal-awal dan dengan lantang menghakirkan sosialisme sebagai suatu perjuangan yang membahagikan kemiskinan, BUKAN kekayaan. ‘Sosialisme cuma menjadikan semua pihak miskin walaupun jumlah pendapatan pekerja mungkin meningkat’. Hakikat kegagalan sosialisme ini hanya diakui oleh Gorbachev akhir-akhir ini.

Jelas, di dalam pemikiran asas, Dr. Mahathir adalah seorang eclectic. Ini menjadikan beliau membangunkan ekonomi negara walaupun kecaman dan kritikan serta ancaman-ancaman di pasaran datang bertalu-talu baik dari dalam maupun dari luar negeri.

Pada hakikatnya, Dr. Mahathir mempunyai pemikiran ekonomi yang progresif. Beliau mempunyai vision yang jelas mengenai arah pembangunan negara, iaitu ke arah sistem ekonomi yang didokong dan diterajui oleh sektor industri pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan.

Ditakdirkan oleh Allah S.W.T. beliau memegang jawatan Perdana Menteri apabila pembangunan ekonomi negara yang didokong dan diterajui selama ini oleh sektor pertanian dan komoditi utama sudah sampai kepada tahap yang membolehkan transformasi ke arah sistem ekonomi perindustrian dilakukan dengan jayanya. Beliau menyedari hakikat ini dan terus melancarkan pembangunan sektor industri berat negara tanpa memperdulikan kritikan dan bantahan dari berbagai pihak. Ternyata, usaha beliau berjaya seperti yang

dilihat pada masa ini di mana sektor pembuatan sahaja menyumbang 27% kepada KDNK.

Dr. Mahathir menyedari juga mengenai risiko yang tinggi apabila barang-barang keluaran negara terus bergantung kuat kepada pasaran dunia. Untuk mempastikan bahawa barang-barang ini akan terus menghadapi tahap permintaan yang stabil hasil dari permintaan dalam yang tinggi, maka suatu strategy demography dibuat, iaitu mempercepatkan pertumbuhan penduduk dengan objektif pencapaian 70 juta di dalam masa 115 tahun. Objektif ini mungkin dapat dicapai di dalam jangka masa yang kurang dari itu memandangkan kadar pertumbuhan sekarang yang mencapai 2.4% setahun. Maka beliau menyeru rakyat jangan terburu-buru menambah bilangan penduduk.

Tetapi beliau juga sedar bahawa tahap pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini yang kadang-kadang mencecah perenggan dua angka, hanya dapat dipertahankan oleh keadaan politik yang stabil. Hakikat ini menjadi faktor sosial yang terpenting memandangkan perbezaan pembahagian kekayaan negara masih lagi mengikut pola etnik. Dan sentimen etnik sahajalah, jika dibiar bermaharajalela, merupakan satu-satunya pembakar yang akan memusnahkan negara ini keseluruhannya. Oleh itu, iaanya perlu dibendung dan dikawal melalui dasar-dasar yang sesuai. Kehendak inilah yang menentukan kaedah pengawalan perlakuan politik pada masa ini. Ianya akan menentukan hidup atau matinya negara ini. Dr. Mahathir tidak menafikan bahawa kaedah-kaedah pengawalan ini agak arbitrary. Tetapi di antara isu memenuhi kehendak perjuangan hak-hak asasi manusia dan isu hidup mati (survival) negara, beliau terpaksa memberi prioritas kepada isu yang kedua ini. Inilah asas peruntukan-peruntukan di bawah Akta Keselamatan Negara (ISA) yang dikritik habis-habisan oleh setengah pihak. Walaupun Akta ini digubal dan diluluskan di zaman Tunku Abdul Rahman untuk tujuan utama melawan ancaman komunis, Dr. Mahathir masih memerlukannya untuk membendung ancaman perangsaan kaum yang tentunya akan memusnahkan segala pencapaian gemilang pada masa ini.

Walaupun di dalam ucapan-ucapannya, beliau sungguh-sungguh mempertahankan Akta ini, tindakan-tindakan beliau menampakkan simpati kepada orang-orang yang ditahan di bawahnya. Jikalau

kita masih ingat, apabila beliau mula memegang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981, satu daripada tindakan pertama yang diambil ialah melepaskan sebilangan besar tahanan-tahanan ISA ini.

Malah beliau tidak mengindahkan desakan-desakan yang dibuat oleh segelintir perwakilan di dalam beberapa perhimpunan agung UMNO untuk menahan beberapa orang pemimpin PAS yang nyata memecahbelahkan orang-orang Melayu dengan "fatwa-fatwa" mereka. Di sini kita dapat lihat bahawa pendirian Dr. Mahathir jelas. Hanya orang-orang yang membangkitkan permusuhan di antara kaum sahaja yang akan dikenakan penahanan di bawah ISA seperti apa yang dilakukan di dalam Operasi Lalang pada tahun 1987. Di sinilah terletaknya perenggan kebebasan "berdemokrasi" di Malaysia.

Pada Dr. Mahathir pentakrifan demokrasi adalah berbeza di antara satu sistem sosial dengan sistem sosial yang lain. Demokrasi di Malaysia mesti mengikut parameter yang digariskan oleh kehendak survival negara, kehendak nilai-nilai agama yang universal dan kehendak norma-norma sosial yang mempertahankan kesusilaan budaya Timur. Demokrasi yang melanggar garis-garis panduan ini seperti menghalalkan perkahwinan sejenis, membenarkan penyebaran maklumat bohong dan yang melanggar kesusilaan sosial tidak dapat diterima sebagai suatu model yang patut dicontohi di Malaysia. Beliau tidak dapat menerima pentakrifan yang dibuat oleh negara-negara Barat yang memaksa nilai-nilai mereka ke dalam apa yang digelar deklarasi hak-hak asasi manusia universal. Parameter yang dikenakan oleh Dr. Mahathir ini dapat disimpul di dalam ungkapan "Antara Kebebasan dan Pertimbangan". Di dalam menikmati kebebasan pertimbangan perlu dibuat ke atas apa-apa perlakuan yang mungkin menjaskan kesejahteraan negara.

Berdasarkan matrix pemikiran ekonomi dan politik yang digaris secara ringkas ini, Dr. Mahathir mahu rakyat mengisikannya melalui kerja yang kuat untuk meningkatkan produktiviti.

Peningkatan produktiviti sebagai suatu komponen utama di dalam menentukan kos pengeluaran akan membolehkan peningkatan daya saing negara di dalam pasaran dunia. Tingginya tahap produktiviti, akan meningkatkan lagi kebolehan negara menakluki padaran dan seterusnya memimpin dunia. Inilah kunci utama yang beliau

mahuakan negara memilikinya. Kunci ini diharapkan akan merintis jalan ke arah suatu peranan kepimpinan di dalam dunia ekonomi dan politik antarabangsa. Perluasan usaha diplomasi yang dibuat khususnya ke negara-negara blok Selatan merupakan langkah Dr. Mahathir membawa Malaysia ke dalam peranan memimpin dunia. Wawasan 2020 adalah suatu crystallization segala ideal-ideal yang disuarakan di dalam ucapan-ucapannya akan tercapai oleh negara di dalam masa 30 tahun yang akan datang.

**DATO' DR. AFFIFUDIN HAJI OMAR (MP)**

*Saya tidak percaya cara memberitahu para penyelidik Universiti di mana mereka salah. Mereka menulis berbagai artikel, buku-buku yang keliru dan palsu. Mereka mendapat M.A. dan PhD. untuk itu..... saya hanya ketawa. Tetapi saya tidak pernah memberitahu mereka mengapa mereka salah, sebab saya orang Asia bukan Barat. Ini adalah suasana di Asia dan jangan cuba menjadi pandai..... sederhana. Diamkan diri. Jika mereka mahu bersikap salah, semoga mereka berjaya.*

*L.K.Y. Parlimen 23 Februari 1977.*

# Kandungan

## UMNO, ORANG MELAYU DAN POLITIK NEGARA

1. Antara Cita-Cita Dan Pencapaiannya	3
2. Konflik Di Kalangan Pemimpin Melayu	18
3. Kepimpinan Pemimpin	26
4. Warisan Kepimpinan	40
5. Masa Dan Pertukaran	57
6. Memberi Hak Melayu Tanpa Merampas Hak Kaum Lain	77
7. Negara Yang Bermaruah	89
8. Masyarakat Dan Nasionalisme	119
9. Tegas Menghadapi Serangan	142
10. Kukuh UMNO Kukuh Negara	170
11. UMNO Tetap UMNO	187
12. Perjuangan Yang Belum Tamat	219
13. Kewibawaan UMNO	238
14. Kepimpinan Rohani Pemuda	261

## PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA

15. Kecekapan Pengurusan Dalam Perniagaan	269
16. Ke Arah Pencapaian Kemajuan Sosial Dan Ekonomi	276
17. Perkembangan Perindustrian Dan Kesan Sekitarnya	282
18. Kisah Seratus Jutawan	289
19. Yayasan Pelaburan Bumiputera	302
20. Penyelarasan Sistem Penilaian Dan Pembangunan	310
21. Pengurusan Dan Matlamat Nasional	319
22. Pendebatan Agung Ekonomi	324
23. Peranan Dan Tanggungjawab Agensi-Agenzi Kerajaan	336
24. Pengurusan Di Malaysia	343
25. Bumiputera Dalam Perniagaan	350
26. Guna Tenaga Dan Prestasi Perlaksanaan	356

27. Sabarlah Menghadapi Kemelesetan	366
28. Kemahiran Manusia Mengguna Masa Dan Teknologi Menentukan Kejayaan	372
29. Prestasi Ekonomi Dan Cabaran	380

### **DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN: KENYATAAN DAN CABARAN**

30. Peranan Kesatuan Guru	391
31. Sejarah Dan Identiti Diri	395
32. Al-Quran: Sumber Dan Landasan Ilmu	399
33. Orang Melayu Dan Asas Kemahiran Moden	404
34. Islam Dasar Perpaduan	410
35. Peranan Guru Pada Masyarakat	419
36. Pengajian Melayu Sebagai Institut Tamadun Bangsa	425
37. Konvensyen Pendidikan	431
38. Islam Di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi	436

### **PERBICARAAN UMUM**

39. Perang Di Malaysia Sekarang: Apakah Ertinya?	443
40. Akta Penyelarasan Perindustrian	450
41. Isu Perubatan Dalam Islam	453
42. Pers: Antara Kebebasan Dan Pembangunan	462
43. Kerjasama Ke Arah Perpaduan Nasional	465
44. Seni Warisan	470
45. Kebebasan Ekstrem Mengganggu Kemajuan	474
46. Memerangi Dadah	483
47. Pulih Kuasa Badan Dunia	492
48. Peranan Wartawan Dan Media Massa	508
49. Diplomasi Kapal Perang	514
50. Kestabilan Negara: Kenyataan Dan Harapan	520
51. Kesepakatan Perlu Untuk Menggubal Dasar Ekonomi	536
52. Langkah Ke Hadapan	548

**UMNO, ORANG MELAYU  
DAN  
POLITIK NEGARA**

# 1

## ANTARA CITA-CITA DENGAN PENCAPAIANNYA

UMNO, seperti yang kita semua sedia maklum telah lahir lebih daripada 30 tahun dahulu dan telah dapat berkembang serta menjadi teguh sepanjang masa. Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi UMNO tetap kukuh dan berkesan perjuangannya. Ini ialah berkat daripada perpaduan dan kerjasama yang ada di kalangan ahli-ahli dan semua anggota-anggota UMNO. Kekalnya UMNO disebabkan juga oleh sejenis kebebasan yang wujud di dalam parti ini.

Kebebasan tanpa had tidak menjamin kejayaan. Kebebasan dalam demokrasi adalah kebebasan yang bertanggungjawab, iaitu kebebasan yang ada batasan tertentu. Kebebasan jenis inilah yang memainkan peranan yang penting bagi mengekalkan UMNO sebagai pertubuhan politik yang berkuasa. Ahli-ahli UMNO tentu sedar dan mesti sedar tentang hakikat ini.

Dalam usaha menjaga keutuhan parti, tiap-tiap orang dalam parti mestilah faham rukun dan tatasusila parti dalam menjalankan tindak tanduk mereka. Cara-cara bergerak telah ditentukan. Ahli-ahli yang sayang kepada parti, perlu berpegang kuat kepada cara-cara bertindak kerana susunan ini menjamin keutuhan parti. Tindakan di luar daripada cara-cara yang tertib akan membawa reaksi dan tindak balas yang sama keras dan sama coraknya. Akibatnya ialah huru-hara dan pecah belah yang boleh

menghancurkan parti. Tiada siapa yang akan beruntung jika parti UMNO ini hancur, tidak mereka yang dikatakan menang dan tidak juga mereka yang dikalahkan. Oleh itu kita perlu berjaga-jaga sebelum kita melakukan sesuatu supaya dapat kita memisahkan antara kegiatan dan pimpinan yang mengutamakan keutuhan dan kepentingan parti daripada kegiatan dan dorongan yang boleh merosakkan parti. Peranan dan tanggungjawab kita bukan perjuangan, tetapi yang berlandaskan kepada tatatertib parti dan keutuhan parti.

Pergerakan Pemuda dan juga Pergerakan Wanita UMNO adalah sebahagian daripada tubuh badan parti UMNO. Ini juga menjadi satu hakikat yang perlu difahami. Pentingnya fahaman ini dapat dilihat daripada sejarah UMNO sendiri. Pada satu ketika, pemimpin-pemimpin UMNO berpendapat bahawa pembangunan agama adalah sama penting dengan kegiatan politik yang menyebabkan UMNO ditubuhkan. Oleh sebab itu Bahagian Ulama ditubuh sebagai satu daripada bahagian-bahagian UMNO. Tetapi malangnya bahagian ini telah mengasingkan diri dan memutuskan hubungannya dengan badan yang melahirkannya. Dari bahagian Ulama, sebuah parti politik lain telah ditubuh. Maka berpecah belahlah dan orang-orang Melayu. Perpecahan ini telah terus berada sehingga wujud Barisan Nasional.

Peristiwa ini tidak boleh dilupakan. UMNO kuat dan berjaya kerana perpaduan yang terdapat di dalamnya. Jika ada perkara yang menimbul perasaan tidak puas hati, cara-cara menyuarakan peranan ini sudah ditentukan. Jika ada perasaan tidak puas hati terhadap pemimpin, ini juga dapat dilahirkan melalui saluran tertentu. Kejayaan mungkin tidak dapat terjamin tetapi selagi saluran ini terbuka, cara-cara lain tidak harus digunakan. Penggunaan cara yang merupakan cabaran atau ancaman bukan sahaja tidak akan berhasil tetapi akan membawa kepada perpecahan dan kehancuran.

Oleh itu, Pergerakan Pemuda dan Wanita harus berhati-hati tentang sikap terhadap parti. Teguran perlu

dibuat jika penyelewengan berlaku atau difikir berlaku. Tetapi, teguran itu hendaklah merupakan dalam parti oleh sebahagian daripada parti. Jika teguran Pergerakan Pemuda dan Wanita dibuat seolah-olah terbit dari parti lain, perbuatan ini adalah tidak wajar dan mungkin menimbul berbagai masalah bagi semua pihak.

Saya telah sebutkan sedikit tentang satu peristiwa dalam sejarah UMNO. Oleh kerana sejarah boleh memberi pelajaran yang berkesan, marilah kita bersama-sama meninjau dengan lebih luas sedikit tentang sejarah UMNO. Peninjauan ini menjadi lebih penting kerana UMNO sudah berusia 30 tahun. Ini bermakna, ramai dari saudara saudari bukan sahaja tidak ada bersama di waktu UMNO dilahirkan tetapi juga tidak terlibat secara langsung dengan gerak-geri UMNO di tahun-tahun permulaan.

UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 dengan satu objektif sahaja – iaitu menentang *Malayan Union*. UMNO tidak ditubuhkan kerana ingin kemerdekaan. *Malayan Union* yang menjadi sasaran yang sebenar pada mulanya. Oleh itu perhatian dan tenaga ditumpu kepada usaha yang besar dan mudah difaham ini. Semua pihak mudah menyokong tindakan UMNO kerana kejayaannya adalah kejayaan bagi semua orang Melayu. Ketewasan *Malayan Union* akan membawa kebahagiaan kepada orang Melayu kerana tujuan *Malayan Union* ialah untuk merampas hak dan menjadikan orang Melayu orang mendatang di negara mereka sendiri. Tidak ada niat dan tujuan lain dalam perjuangan UMNO tahun 1946.

Tetapi apabila *Malayan Union* ditewaskan, pemimpin-pemimpin UMNO dengan tidak semena-mena telah mendapat layanan istimewa daripada penjajah. Ada yang menjadi Menteri Besar dan pegawai yang tinggi dan ada yang mendapat bintang-bintang kehormatan. Dengan ini, maka bermulalah perasaan iri hati dan keretakan dalam UMNO.

Walau bagaimanapun, perjuangan diteruskan sehingga kemerdekaan dicapai. Di waktu perjuangan untuk

kemerdekaan, iri hati terhadap ahli dan pemimpin UMNO yang mendapat tempat dan pangkat tidak menjadi-jadi sangat. Seperti perjuangan menentang *Malayan Union*, perjuangan untuk kemerdekaan mudah difaham dan berjaya menggembungkan tenaga semua pihak dalam UMNO. Tetapi selepas kemerdekaan dicapai dan lebih ramai ahli UMNO dan juga orang Melayu mendapat manfaat dan nikmat maka iri hati bukan sahaja timbul semula tetapi telah bertambah. Dengan ini bibit-bibit perpecahan mula tumbuh dan kembang.

Sungguhpun UMNO mempunyai hasrat dan matlamat yang besar bagi bangsa, agama dan negara, tetapi semakin lama semakin kecil perkara-perkara yang menarik minat dan tindakan daripada ahli UMNO. Minat dan tindakan pula tidak ditujukan kepada pembangunan tetapi ke arah keruntuhan dan kejatuhan sesuatu ataupun seseorang. Jika *trend* ini berterusan, UMNO akan menjadi lebih lemah. Jika UMNO menjadi lemah, maka kesannya akan dirasai bukan sahaja oleh generasi ini tetapi lebih-lebih lagi generasi yang akan mewarisi pertubuhan ini, iaitu pemuda dan pergerakannya dalam UMNO.

UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana dia pemimpin. Tidak ada kebaikan daripada kepimpinan yang lemah sepetimana tidak ada manfaat daripada pertubuhan yang lemah.

Oleh itu, adalah penting bagi semua pihak, khususnya mereka yang akan mewarisi pertubuhan ini, menentukan supaya UMNO ini kekal dengan kepimpinan dan keahlian yang kuat. Untuk menjamin kekuatan ini, perkara yang kecil perlu diketepikan. Soal peribadi juga tidak penting. Yang penting ialah hasrat dan tujuan UMNO ditubuh dan apakah pemimpin memperjuangkan hasrat ini. Yang penting ialah sokongan dan kepercayaan kepada perjuangan dan keupayaan parti. Masalah peribadi, masalah

siapa dahulu siapa kemudian, siapa naik siapa turun adalah perkara kecil. Kita perlu tumpukan perhatian dan tenaga kita semata-mata kepada perjuangan untuk menjayakan bangsa, agama dan tanahair.

Setiap anggota UMNO mahupun Pemuda ataupun Wanita, haruslah memahami dan mengamalkan sikap ini. Kita harus, pada ketika ini, menghidupkan balik semangat perpaduan seperti yang telah lahir pada masa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan dahulu. Saya suka di sini memberi sedikit ingatan, iaitu jangan sekali-kali kita khayal dan sangkakan bahawa kemerdekaan yang telah kita capai itu akan berkekalan secara otomatik. Kekal atau tidak kemerdekaan kita bergantung kepada kesedaran kita dan sikap bertanggungjawab dalam tiap-tiap sesuatu yang dilakukan oleh kita.

Adalah menjadi satu hakikat, iaitu tiap-tiap satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh sebab itu, adalah mustahak kepimpinan dalam satu-satu generasi selaras dengan zamannya. Ini adalah perlu kerana pemimpin serta aspirasi satu-satu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi tersebut sahaja. Saya yakin dan saya percaya generasi muda dalam UMNO tahu apakah peranan yang harus dimainkan oleh mereka bagi mengukuhkan dan gembangkan parti UMNO. Saya percaya mereka mempunyai kesedaran dan keyakinan terhadap diri sendiri untuk meneruskan perjuangan yang telah dirintis dan diusaha oleh generasi yang lama.

Saya telah menyebutkan beberapa ketika yang sudah, bahawa minat orang-orang muda terhadap UMNO adalah kurang pada masa ini. Pihak generasi muda di dalam UMNO haruslah membuat kajian mengapa keadaan ini berlaku. Apakah ini disebabkan oleh UMNO sudah menjadi sompong dan bongkak dan memperjuangkan lagi kepentingan orang di luar UMNO. Atau apakah disebabkan oleh kurang fahaman tentang cara dan peranan yang dimainkan oleh UMNO. Mungkin juga generasi yang baru ini mempunyai minat di bidang lain dan menganggap politik tidak penting. Mungkin pula mereka berpendapat

bahawa hak dan kedudukan mereka terjamin kerana selama-lamanya mereka akan dipertahankan oleh kerajaan yang bersimpati dengan mereka.

Semua ini perlu dikaji dengan teliti. Keluhan dan tangisan tidak ada tempat. Sesuatu itu tidak berlaku tanpa sebab. Kita perlu kaji dan kita perlu tahu kerana cuma dengan cara ini sahaja kita dapat bertindak membetul atau mengatasi masalah kekurangan minat di kalangan belia terhadap UMNO. Tindakan yang saudara akan lakukan bukanlah kerana saudara saudari tamak dan ingin berkuasa. Usaha mempertahankan UMNO dan mengukuhnya adalah penting bagi belia sendiri, sama ada di dalam atau di luar UMNO. UMNO masih merupakan satu agensi yang penting bagi membangunkan orang Melayu. Sama ada belia di luar UMNO faham atau tidak, sebagai orang yang bertanggungjawab, saudara saudari perlu berusaha supaya UMNO terus mendapat sokongan daripada generasi muda.

Hanya dengan sikap dan tindakan seperti ini sahajalah UMNO akan terus menjadi pertubuhan politik yang dinamik, dan saudara saudari akan menjadi pemimpin yang sebenarnya. Jika pada masa-masa yang akan datang keahlian UMNO merosot kerana tidak ada usaha secara sistematis, mengkaji dan membetulkan keadaan dalam UMNO, tidak ada siapa lagi yang boleh disalahkan. Oleh itu saya ingin memperingatkan saudara saudari dalam masalah ini.

Kita harus ingat juga, iaitu segala tindakan yang kita lakukan pada masa ini akan mencorakkan keadaan pada masa yang akan datang. Ini bermakna, segala apa yang kita lakukan sekarang akan menjadi asas pada bentuk dan keadaan yang akan diwarisi pada masa akan datang. Memandangkan kepada keadaan yang mungkin berlaku pada masa akan datang, saya berharap agar generasi muda dalam UMNO akan dapat bertindak dengan lebih bertanggungjawab serta dengan sikap yang lebih positif. Mengkritik memang penting tetapi mengkritik serta mengeluarkan suara yang lantang sahaja tidak akan bermakna bahawa kita sudah menjalankan tugas kita dan

bertindak secara bertanggungjawab. Kita haruslah memainkan peranan yang boleh membawa hasil bagi mengisi cita-cita kita.

Kegiatan politik tidak terhad kepada penentuan dasar dan pentadbiran negara sahaja. Perkara-perkara lain yang menentukan sikap atau membentuk masyarakat juga termasuk dalam bidang tugas pertubuhan politik. Ini ialah oleh kerana sikap dan bentuk masyarakat menentukan politiknya. Politik yang demokratik umpsamanya, adalah hasil dari nilai-nilai yang liberal di kalangan masyarakat. Lebih liberal nilai masyarakat lebih liberallah sikapnya dalam politik. Keruntuhan akhlak dalam politik Barat adalah hasil keruntuhan nilai moral masyarakat liberal Barat.

Oleh itu, adalah penting pertubuhan seperti UMNO, ini mengambil bahagian dalam membentuk nilai-nilai masyarakat. Pentingnya penglibatan UMNO dalam bidang ini menjadi lebih nyata kerana di masa-masa yang lampau ini, kesan kebudayaan dan nilai asing nampaknya sudah berkembang dan berjaya membentuk sikap yang tidak sihat di kalangan orang Melayu, khususnya pemuda dan pemudi di negara ini.

Manusia, biasanya lebih mudah dipengaruhi oleh nafsu dan perasaan benci dan marah. Agama, khususnya agama Islam, dan kebudayaan, terutama kebudayaan Timur, membentuk peribadi yang lebih mulia yang tidak mudah dipengaruhi oleh nafsu dan perasaan benci dan iri hati tadi. Di waktu ini, terdapat satu pertandingan antara pengaruh nafsu dengan pengaruh agama dan kebudayaan. Yang lebih merunsing lagi ialah mereka kononnya berjuang untuk kebaikan menggunakan nafsu dan perasaan iri hati serta benci sebagai alat. Mereka berbuat demikian kerana kesan perasaan-perasaan ini adalah lebih kuat dan lebih mudah menjayakan kepimpinan mereka.

Sebab ini, kita dapat lihat dalam persaingan antara golongan-golongan dalam masyarakat Melayu khasnya, terdapat lebih banyak kecaman terhadap sesuatu daripada kelahiran perasaan kasih sayang kepada cita-cita yang

diperjuangkan. Jika kepentingan kebangsaan diperjuangkan, bukan kasih kepada bangsa yang disebut dan tindakan yang positif kerana perasaan kasih sayang ini, tetapi kebencian kepada orang yang kononnya tidak terdorong oleh perasaan kebangsaan yang disebut-sebut dan ditonjolkan. Kadang-kadang dalam usaha kononnya memperjuangkan kebangsaan, cara-cara yang buruk seperti mengumpat dan berbohong dipergunakan.

Jika agama diperjuangkan lagi sekali bukan kebaikan agama yang disebutkan tetapi keburukan orang lain yang kononnya tidak begitu mengamalkan ajaran-ajaran yang disarankan. Jika yang dijadikan sasaran itu mengamalkan ajaran Islam, tuduhan dibuat juga berasas kepada berbagai jenis pembohongan dan kesalahan lain yang sengaja direka. Tujuannya ialah semata-mata ingin menyakit hati dan menimbulkan perasaan benci kerana perasaan ini lebih mudah mempengaruhi manusia daripada perasaan kasih sayang.

Cara-cara yang buruk ini mungkin memberi kejayaan tetapi kejayaan ini tidak akan selamat dan tidak akan kekal. Mereka yang menggunakan cara-cara ini akhirnya akan ditewas dan dimusnahkan dengan cara ini juga. Pepatah berkata, "*Those who live by the sword shall perish by the sword.*" Mereka yang memperalatkan senjata akan dimusnahkan oleh senjata.

Tidak ada tempat dalam UMNO bagi cara-cara yang buruk ini. Pemuda dan Wanita perlu sedar dan faham bahawa UMNO ditubuhkan kerana kita sayang kepada bangsa, agama dan tanahair. Kerana sayang kepada bangsa, agama dan tanahair, kita sanggup bertungkus lumus dan mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit. Oleh itu, dalam keadaan sekarang di mana terdapat golongan-golongan yang suka menggunakan perasaan benci, iri hati dan nafsu untuk mendapat pengaruh, Pemuda dan Wanita UMNO perlu berjuang dengan lebih kuat lagi untuk mengembalikan masyarakat ke jalan yang benar dan luhur.

Pemuda dan Wanita perlu berjuang berasaskan

kepada kebaikan UMNO dan tidak perlu menimbulkan kebencian kepada sesuatu atau sesiapa untuk mendapat pengaruh. Kepentingan kebangsaan Melayu perlu diperjuangkan kerana ini adalah baik bagi orang Melayu dan bagi negara. Begitu juga agama perlu diperjuangkan kerana agama Islam membawa kepada kebahagiaan kepada kita semua. Perbuatan memperjuang agama Islam melalui sindiran dan perasaan benci dan iri hati adalah perbuatan yang mencemarkan agama. Ini tidak harus dilakukan oleh orang-orang UMNO.

Di waktu kita bersidang dalam Dewan ini, dengan keadaan yang tenang, kita harus ingat bahawa perjuangan yang berasaskan kepada iri hati dan benci telah membawa keazaban kepada orang lain. Di Timur Tengah di waktu ini, orang Arab sesama orang Arab, bahkan orang Islam sesama orang Islam sedang berperang dan bunuh-membunuh. Perkara yang sedih ini berlaku kerana cita-cita agung, iaitu merebutkan balik Baitul Makdis daripada tangan Yahudi sudah dilupakan. Yang diutamakan ialah iri hati dan benci antara satu kumpulan orang Arab dengan orang Arab yang lain, antara satu kumpulan orang Islam dengan orang Islam yang lain. Akibatnya ialah kecelakaan yang dahsyat bagi semua golongan. Begitu ramai orang Islam mati tetapi orang Israel tidak sedikit pun terjejas.

Nafsu dan perasaan yang buruk bukan asas yang sihat bagi perjuangan. Dalam UMNO, asas perjuangan adalah PATRIOTISME dan kasih sayang kepada bangsa, agama dan tanahair. Walau apa sekalipun yang dilakukan oleh pihak lain, saya ingin mengingatkan saudara saudari bahawa cuma PATRIOTISME dan kasih sayang sahaja yang boleh dijadikan asas perjuangan UMNO. Tidak ada tempat bagi asas yang lain dan tidak ada tempat bagi pemimpin yang ingin kepada asas yang lain.

Pemuda dan Wanita yang menyertai perjuangan UMNO adalah pemimpin masyarakat kerana kebanyakan daripada ahli masyarakat tidak menyertai politik. Sebagai pemimpin, mereka harus faham peranan dan tugas seorang pemimpin. Ada pendapat yang diterima oleh segolongan

orang, iaitu pemimpin adalah mereka yang cuma menyuarakan dan memperjuang pendapat dan hasrat orang ramai. Sama ada pendapat itu tepat dan baik tidak dipersoalkan. Walaupun pendapat dan tuntutan ramai itu akan membinasakan masyarakat itu sendiri, juga tidak diambil kira. Yang penting bagi golongan ini ialah oleh kerana menyokong tuntutan ramai mereka boleh menjadi popular, maka mereka sanggup memperjuangkan apa saja. Begitu juga jika sesuatu amalan ramai adalah buruk, maka pemimpin jenis ini akan berdiam diri kerana menentang amalan buruk ini akan menjadikan mereka tidak popular.

Sebenarnya, orang seperti ini bukan pemimpin. Mereka adalah oportunist yang cuma kenal pejuang bagi menjayakan diri mereka. Mereka tidak peduli tentang apa yang akan jadi kepada masyarakat. Mereka sanggup menempuh jalan yang sukar dilalu, walaupun untuk kebaikan. Mereka cuma mahu jalan yang mudah sahaja. Pendapat dan sikap seperti ini tidak ada tempat di kalangan pemimpin-pemimpin di semua peringkat dalam UMNO.

Kita tidak hanya harus mengikut dan memperalatkan pendapat ramai. Kita harus meneliti pendapat ini terlebih dahulu untuk mengetahui sama ada faedah dan kebaikan akan tercapai kerana memperjuangkannya. Jika pendapat ramai didapati mungkin merosakkan mereka yang menuntutnya, sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, dari parti yang juga bertanggungjawab, kita perlu cuba membetulkan balik pendapat ramai. Kita perlu bentuk fikiran ramai supaya mereka tidak menerima akibat buruk walaupun usaha ini akan menjadikan kita tidak popular.

Pemimpin bukan sahaja dikehendaki mengikut kehendak ramai tetapi juga membentuk fikiran dan sikap ramai ke arah kebaikan. Sebahagian yang besar daripada kegagalan orang Melayu dalam berbagai bidang ialah disebabkan kepimpinan yang mengutamakan populariti semata-mata. Walaupun sesuatu itu buruk, asalkan disukai ramai ada saja pemimpin yang sanggup memperjuangkannya. Akibatnya ialah, lebih banyak masa dihabiskan

kerana memperjuang atau mempertahankan sesuatu, dari-pada melaksanakan apa yang jelas baik bagi masyarakat.

Sebagai pemimpin UMNO sekarang dan untuk masa depan, fahaman tentang peranan dan tanggungjawab saudara saudari perlu diketahui betul-betul. Adalah lebih baik kita hancur kerana menjaga kepentingan pengikut UMNO dan orang Melayu serta negara daripada kita menjadi popular dengan memimpin kaum bangsa kita ke arah kecelakaan. Biarkan orang lain menjadi popular, kerana populariti yang murah dan mudah adalah sementara. Akhirnya, kejayaan adalah bagi mereka yang berpegang kepada kebaikan dan kebenaran. Pentingnya kepimpinan seperti ini menjadi lebih lagi kerana negara sekarang menghadapi cabaran daripada pengganas komunis. Untuk mencapai kemenangan secepat mungkin, seluruh tenaga dan wang ringgit mesti disalurkan kepada peperangan rakyat yang sedang kita lancarkan. Tenaga dan wang ringgit untuk peperangan bermakna lain-lain kehendak rakyat terpaksa diturunkan prioritinya.

Sejak kita merdeka, rakyat telah leka dengan berbagai jenis pembangunan. Mereka telah dilayan bukan sahaja dengan kemudahan yang penting seperti sekolah dan klinik, tetapi juga dewan orang ramai yang akhirnya diguna sebagai tempat simpan kambing atau dibiarkan runtuh dan lain-lain pembangunan yang kurang berfaedah. Aspek dengan layanan yang biasa didapati dengan mudah, mereka tentu tidak sanggup bersabar sementara tenaga dan wang kerajaan ditumpukan kepada peperangan. Walaupun kita sedang berperang, mereka akan terus mendesak dan menuntut itu dan ini. Sesiapa yang cuba mengubah sikap mereka tidak akan menjadi popular.

Di sini, wujud satu ujian kepimpinan bagi orang-orang UMNO. Apakah kita sanggup menjadi tidak popular kerana kita sedar peperangan terhadap komunis adalah lebih penting atau kita utamakan populariti diri kita walau-pun kesannya mungkin kecelakaan bagi bangsa dan negara. Saya tidak syak bahawa bagi setengah-setengah pemimpin lain, keutamaan bagi mereka adalah populariti.

Mereka akan menimbulkan masalah layanan terhadap rakyat walaupun layanan ini akhirnya akan menghancurkan rakyat. Mereka akan mendedah dan mempamerkan kekecewaan rakyat sengaja untuk menarik perhatian dan sokongan kepada diri mereka.

Tetapi bagi pemimpin UMNO, tugas dan tanggung-jawab adalah jelas. Kita tidak mahu populariti, kerana populariti. Walaupun rakyat akan menjerit akan mengecam kita, yang mesti diutamakan ialah kebahagiaan yang cuma akan dicapai melalui kemenangan perang terhadap komunis. Lebih besar kesanggupan rakyat mengorbankan kehendak mereka yang tidak begitu penting, lebih mudah dan lebih cepat kemenangan akan dicapai. Lebih cepat menang lebih awal lagi dapat kita sekali lagi menumpukan perhatian kepada tuntutan dan rintihan rakyat.

Peperangan menentang komunis adalah peperangan rakyat. Peperangan ini menjadi peperangan rakyat bukan kerana diisyiharkan sebagai peperangan rakyat tetapi kerana peperangan ini melibatkan semua lapisan rakyat, sama ada miskin atau kaya, lelaki atau perempuan; Melayu, Cina atau India. Semua rakyat akan merasai kesan buruk daripada peperangan ini.

Bagi yang miskin umpamanya, kesan pertama ialah kurangnya peruntukan wang untuk pembangunan. Pembangunan di negara ini ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan. Bertambahnya peruntukan untuk peperangan bermakna peruntukan untuk membasi kemiskinan akan berkurangan. Bagi yang kaya peperangan akan menyusahkan kehidupan dan menyekat perniagaan mereka. Jika perniagaan mereka tergantung mereka juga akan terancam.

Dalam serangan mereka, penganas komunis tidak akan membezakan antara miskin dan kaya, atau antara kaum dengan kaum. Jika mereka berjaya barang sedikit pun, semua pihak akan merasai penindasan mereka. Perkara ini sudah berlaku di lain-lain negara. Tidak ada satu sebab yang ini tidak akan berlaku di sini. Bagi orang

Melayu khususnya, agama mereka akan terancam. Komunis tidak akan membezakan agama Islam orang miskin dengan agama Islam orang kaya. Sekarang ini pun mereka telah mencuba menghancurkan kepercayaan semua orang Melayu, sama ada miskin atau kaya, kepada agama Islam.

Tentulah jelas kepada kita semua bahawa semua pihak ada kepentingan masing-masing yang mesti diperlakukan dalam peperangan menentang komunis. Saya perlu terangkan dan tegaskan perkara ini kerana satu ucapan saya di Perak telah diputarbelitkan oleh akhbar *The New Straits Times* dua minggu dahulu. Sungguhpun dalam ucapan itu saya menegaskan bahawa, "Peperangan menentang komunis BUKAN peperangan kelas tetapi adalah peperangan ideologi" atau "*The war against the communists is NOT A CLASS WAR, but is an ideological war*", pihak *New Straits Times*, kerana sebab-sebab yang saudara saudari tentu faham, telah melaporkan bahawa saya berkata, "Peperangan menentang komunis bukan sahaja peperangan kelas, tetapi adalah juga peperangan ideologi", atau "*The war against the communists is NOT JUST A CLASS WAR, but also and ideological war*".

Laporan putar belit ini sudah tentu mengelirukan rakyat dan mungkin menimbul perasaan gelisah di kalangan orang yang miskin dan pekerja-pekerja bahawa perang ini adalah antara orang kaya dengan orang miskin, dan mereka tidak seharusnya menyertai di sebelah orang kaya. Kesan laporan seperti ini tentulah nyata. Oleh itu, adalah penting kita semua ahli dan pemimpin UMNO dari Pemuda, Wanita dan UMNO dewasa, memahami dan menerangkan tentang perang anti-komunis ini. Ini menjadi tanggungjawab saudara saudari dan juga saya sendiri. Dalam perang melawan komunis, UMNO mesti memainkan peranan yang utama. Kita mesti menjadi lidah dan suara kerajaan serta rakyat. Kita perlu berusaha menggembangkan semua tenaga untuk menentukan ancaman pengganas komunis bukan sahaja ditewas dan dihancurkan tetapi ditewas dan dihancur secepat mungkin.

Dalam ucapan pembukaan saya ini, saya telah menempuh cuma sebahagian sahaja daripada tugas dan tanggungjawab UMNO, khususnya Pemuda dan Wanita, sebagai parti yang mendukung kerajaan. Saya tidak menempuh tentang peranan kita dalam masalah ekonomi, pelajaran, kebudayaan, dadah, jenayah, hubungan kaum dan lain-lain lagi. Tetapi walaupun saya tidak dapat ulaskan semuanya ini satu per satu, saya percaya saudara saudari sebagai pemimpin UMNO faham secara umum tugas dan tanggungjawab.

Memandangkan kepada begitu banyak masalah yang kita hadapi dan tindakan yang perlu diambil; tentulah tidak wajar kita menimbulkan masalah-masalah kecil ataupun mempersoalkan "Apakah ada dalam perjuangan ini untuk diri saya?" Perjuangan kita melalui parti ini bukanlah untuk kebanggaan atau kepentingan diri. Perjuangan kita ialah untuk kebanggaan bangsa. Jika seorang daripada bangsa kita mencapai kejayaan, kita semua mesti berbangga seolah-olah kita semua berjaya. Sebaliknya, kegagalan seorang daripada kita mesti menyedihkan kita semua.

Begitu juga sebagai parti yang memimpin negara ini, apa juga kejayaan negara kita, kita semua mesti berbangga dengannya. Seperti mana dalam bidang sukan, kita berbangga dengan kejayaan pasukan hoki dan badminton kita, kita perlu berbangga dengan semua kejayaan yang dicapai oleh negara atau warganegara kita.

Jika kita faham tentang semua ini dan kita menentukan sikap kita berasas kepada fahaman ini, saya percaya, insya-Allah, kita akan berjaya dan negara kita akan mencapai kemenangan dan kejayaan.

UMNO ditubuhkan dengan cita-cita yang tinggi lagi mulia. Cita-cita tidak akan menjadi kenyataan tanpa usaha. Tidak ada sesuatu dalam dunia ini yang mudah. Pencapaian cita-cita juga tidak mudah, tetapi jika ada ketekunan dan tabah hati dalam usaha, jika ada kerendahan diri dan takwa kepada Allah, lambat-laun, insya-Allah semua akan tercapai. Kejayaan adalah bagi mereka

yang berusaha.

---

*Ucapan Semasa Merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO Dan Pergerakan Wanita Di Balai Budaya, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Pada Hari Khamis, 1 Julai 1976, Jam 8.30 Pagi.*

---

## 2

# KONFLIK DI KALANGAN PEMIMPIN MELAYU

**MUNGKIN** dalam sejarah orang Melayu tidak ada satu masa yang kepemimpinannya menjadi kelam-kabut dan *credibility* pemimpin-pemimpin menjadi tanda tanya.

Tuduhan korupsi, bersubahat atau diperalat oleh komunis, sosialis, mengutama kepentingan diri mengguna pengaruh dan lain-lain, semuanya dibuat dan dilempar ke sana sini sehingga tidak ada seorang pun pemimpin yang boleh dipercayai.

Dalam keadaan ini kepemimpinan dan peranannya dalam masyarakat Melayu tidak lagi mudah difaham, seperti pada zaman feudal dahulu. Di zaman feudal, kepemimpinan tidak begitu menjadi masalah.

Raja, secara automatik adalah pemimpin dan dianya mempunyai kuasa yang tidak boleh disoal atau ditentang. Kehilangan seorang raja, sama ada kerana sebab-sebab biasa atau tidak, tidak menjelas kepemimpinan kerana penggantinya ialah raja juga atau akan digelar raja dan akan mempunyai hak kepemimpinan yang sama dan *absolute*.

Tetapi apabila negara ini memilih demokrasi berparlimen dan menjadikan raja sebagai *constitutional ruler*, maka kepemimpinan orang Melayu mula menjadi masalah. Ini tidak bermakna demokrasi tidak baik bagi orang Melayu.

Memang sistem demokrasi lebih baik daripada sistem

feudal tetapi kebaikan sesuatu sistem tidak dapat menjamin kesan yang baik daripada sistem itu. Kesan yang baik cuma terdapat jika sistem itu dapat berjalan seperti dirancang dan dijangka. Dan untuk sistem itu berjalan dengan baik, pengguna sistem itu mestilah faham benar-benar cara sistem ini bergerak, dan *limitationnya*.

Sistem demokrasi memberi peluang kepada siapa saja untuk menjadi pemimpin. Tidak ada sekatan sama sekali daripada segi kelayakan.

Untuk menjadi budak pejabat atau tukang kebun, bukan sahaja kelulusan pelajaran perlu diambil kira tetapi kesihatan calon ditentukan dahulu. Tetapi untuk memimpin negara, jika tidak dapat menulis dan membaca, ini tidak menjadi masalah. Begitu juga tidak sihat, termasuk jika tidak siuman, atau sudah masuk umur pencen, ini tidak menjadi halangan kerana tidak ada peperiksaan doktor sebelum menjadi pemimpin parti, atau menjadi calon, ataupun menjadi menteri atau Timbalan Menteri.

Dengan ini, maka pemimpin muncul sebagai cendawan di merata tempat dan daripada semua golongan. Semuanya berbakat, semuanya layak dan semuanya mempunyai pendapat dan hasrat yang tersendiri.

Kesan dan akibat penukaran sistem daripada feudal kepada demokratis dan munculnya begitu ramai pemimpin Melayu tentulah akan dibincang oleh simposium ini. Jika diizinkan, saya ingin menyentuh sedikit peristiwa ini dan memberi pandangan saya yang cetek.

Di zaman ini, orang Melayu terdedah kepada berbagai jenis kepemimpinan dan beribu-ribu pemimpin kerana sekian lama demokrasi telah berjalan.

Kepemimpinan dan pemimpin Melayu ini tidak mempunyai matlamat yang sama atau cara yang sama. Orang Melayu diajak pergi ke kiri, dan juga ke kanan, ke depan dan juga ke belakang, ke atas dan ke bawah.

Orang Melayu disuruh kerja lebih kuat untuk mencapai kekayaan dan disuruh jangan kerja terlalu kuat atau patut berpada sahaja kerana kita tidak mengejar kekayaan dunia.

Orang Melayu disuruh belajar ilmu, orang Melayu juga disuruh singkirkan ilmu yang kononnya sekular. Orang Melayu disuruh menerima ideologi dan seribu satu lagi seruan yang bertentangan, yang datang daripada pemimpin dan kepemimpinan orang Melayu sendiri.

Tidaklah hairan kenapa orang Melayu sudah menjadi tidak tentu arah sekarang, tidak tahu haluan dan matlamat yang hendak dituju.

Kalau dalam tahun-tahun 1946-1957, mereka kukuh perpaduan dan dapat membulatkan tenaga untuk mencapai matlamat yang ditentukan oleh pemimpin mereka, sekarang mereka terbahagi kepada seribu satu kumpulan yang sering bercakaran di antara satu sama lain.

Dahulu hampir semua orang Melayu adalah nasionalis yang sayang kepada bangsa mereka. Sekarang ada yang dengan lantang berkata, menjadi nasionalis Melayu adalah sempit dan tidak Islam. Sebagai orang Islam, nasionalisme tidak perlu. Yang perlu ialah perpaduan dalam Islam sahaja dan dengan itu mereka terus mengecam nasionalis Melayu sebagai tidak begitu Islam. Malangnya, serangan mereka tidak menyatupadukan orang Melayu sebagai orang Islam, tetapi memecah dan melemahkan mereka sebagai penganut agama Islam.

Ada yang berjalan ke merata-rata dunia Islam untuk memburuukkan orang Melayu dan kerajaan pimpinan orang Melayu sebagai kerajaan yang cuma nasionalis dan tidak begitu Islam.

Kalau perhubungan antara negara kita dengan negara Islam di Timur Tengah adalah baik, mereka ini cuba supaya perhubungan ini menjadi buruk. Sekali lagi haluan orang Melayu menjadi samar-samar di samping perpaduan orang Islam antarabangsa menjadi bertambah buruk dan orang Islam menjadi bertambah lemah.

Semua ini dibuat kononnya kerana nasionalisme Melayu adalah tidak baik, terlalu sempit dan tidak perlu diadakan.

Orang Melayu yang mendengar dan melihat pemimpin Melayu yang mengutuk nasionalisme Melayu mula

hilang kepercayaan kepada pentingnya nasionalisme untuk menentukan nasib orang Melayu dan nasib agama Islam yang dianuti oleh mereka.

Tetapi nasionalisme Melayu dan perpaduan orang-orang Melayu tidak sahaja dikecam oleh orang yang kononnya berjuang untuk perpaduan Islam. Ada pula orang Melayu yang bersahabat dengan orang lain di luar dan di dalam negeri untuk mengutuk nasionalisme Melayu.

Orang seperti ini juga sanggup pergi keluar negeri dan dari jauh mengecam dan memburukkan negara sendiri dan kepemimpinan yang berteras Melayu. Orang ini kononnya patriot dan kalau dipuji oleh orang lain, terutama yang kulit putih, maka kembanglah mereka dan sangguplah mereka mengelirukan lagi orang Melayu dengan kepimpinan mereka. Ramai juga orang Melayu yang terikut-ikut dengan pendapat orang-orang ini dan menambah pecah belah di kalangan orang Melayu.

Sementara itu berbagai jenis pemimpin dan kepemimpinan wujud di negara ini. Ada yang tua, ada yang muda. Semuanya mengaku dan mendakwa bahawa mereka sahajalah yang tahu jalan ke arah kebahagiaan bagi orang Melayu.

Ada yang berkata, bahawa oleh kerana mereka berumur dan sudah lama berjuang maka mereka sajalah yang berhak memimpin. Di sebaliknya, ada yang berkata oleh kerana mereka mempunyai ijazah yang berjela-jela maka mereka sahajalah yang layak memimpin.

orang Melayu menjadi kacau  
oleh telatah pemimpin.....

Dengan itu, maka persaingan dan caci-mencaci pun berlaku. Satu pihak cuba menyekat pihak yang lain dan berkempen untuk menegakkan kebenarannya, dan pihak yang disekat pula bertindak dengan cara yang sama. Orang Melayu mendengar, melihat, kadang-kadang sedih, kadang-kadang riang dengan telatah pemimpin-pemimpin ini (termasuk telatah saya sendiri) dan terus keliru dan

tidak tentu arah.

Bagi orang Melayu yang ramai, memilih yang mana satu yang benar tidak begitu mudah. Jika didengar pidato dan keterangan tiap-tiap seorang yang berlagak sebagai pemimpin, keyakinan dan penjelasan nampaknya begitu nyata dan bernas sehingga pemimpin itu tetap boleh diterima.

Tetapi pemimpin yang lain juga nampaknya benar dan boleh diterima. Malangnya, pemimpin-pemimpin itu tidak sama pendapat, bahkan terus bertentangan. Jadi, sukarlah orang Melayu membuat pilihan.

Bukan sahaja tiap-tiap pemimpin itu benar mengikut keterangan mereka tetapi kesalahan pemimpin lain pula jelas salah mengikut keterangan pemimpin yang menentang mereka.

Sekali lagi dan tidak dapat ditolak. Maka, bertambah kelirulah orang Melayu. Semuanya benar tetapi semuanya juga tidak benar.

Pemimpin yang nyata benar mengikut pendapat mereka sendiri kadang-kadang berjaya mendapat sokongan dan terus terletak pada tempat-tempat di mana mereka terpaksa membuktikan kebenaran mereka. *The moment of truth* sudah tiba. Apakah mereka dapat membuktikan bahawa apa yang diperkatakan oleh mereka dapat dilaksanakan?

Ada yang akan cuba, dan ada yang tidak. Ada yang berjaya, ada yang tidak. Ada yang meneruskan percubaan, ada pula yang terus lupa kepada janji-janji sendiri dan melakukan tugas mengikut nafsu. Ada yang menggunakan pengaruh kerana terpilih untuk memenuhi tembolok, ada yang tidak, atau tidak begitu sangat.

Tetapi siapa juga pemimpin yang dipilih dan berkuasa, sama ada jujur atau tidak, berjaya atau tidak, berusaha atau tidak, mereka akan menarik kecaman sesaat selepas mereka memegang jawatan.

Tidak ada siapa yang akan puas hati dengan mereka. Dan sudah tentu pemimpin yang tidak terpilih dan mereka yang ingin mendapat tempatnya tidak nampak satu pun

yang dibuat oleh pemimpin yang dipilih, (walaupun yang dipilih itu, sebelum dianya dipilih adalah popular) yang membuktikan bahawa dianya adalah baik dan menjalankan tugas dengan sempurna.

Kecaman itu meningkat sepanjang masa. Kecaman dibuat secara terbuka atau secara tertutup, secara langsung atau secara sendirian. Surat layang pun berterbangan ke sana sini, penuh dengan tuduhan, sindiran dan ancaman-ancaman.

Sedikit demi sedikit tuduhan, walau bagaimana ganjil dan tidak munasabah, akan diterima. Pemimpin yang begitu disanjung tinggi sebelum dianya memegang jawatan, mula diragukan sehingga akhirnya dia mempunyai rupa buruk sebagaimana dituduh. Penyokong-penyalokong mula mengasingkan diri takut mereka juga terlibat dengan kejatuhan pemimpin mereka.

*pemimpin yang terpilih  
dikecam sehingga jatuh.....*

Akhirnya, jatuhlah pemimpin itu. Tetapi sejurus selepas dia jatuh, maka bermulalah keluhan. Bukanakah pemimpin ini yang berjuang untuk kita? Tidakkah dia memberi semua tenaga dan masanya untuk kita? Tidak mungkinkah dia dianiaya?

Semakin jauh pemimpin itu terpisah dari kuasa, semakin baik bentuk imejnya. Semua kesalahannya dilupakan, ataupun sekurangnya tidak disebutkan. Mereka yang dahulunya mengecam sekarang menyanyi memujinya. Tidakkah kepemimpinannya membawa kepada zaman yang gilang-gemilang?

Tetapi kalaularah pujian ini berkesan dan pemimpin itu dipilih semula dan diberi kuasa, maka sekali lagi proses memburukannya akan bermula. Sekali lagi berbagai tuduhan dibuat. Sekali lagi usahanya akan dihalang.

Semua proses ini berlaku dalam semua masyarakat manusia sejak zaman purba. Ianya berlaku kepada Julius Caesar dan juga kepada Presiden Nixon. Tetapi apabila

proses ini berlaku di kalangan orang Melayu yang baru sahaja berubah daripada sistem feudal kepada sistem bebas, kesannya agak lebih buruk.

Masyarakat orang Melayu belum kukuh. Negara yang didukuki oleh orang Melayu bukan diduduki oleh mereka sahaja. Pembangunan orang Melayu belum sempurna. Kedudukan mereka dihampir semua lapangan amatlah lemah.

Apabila masyarakat Melayu ini diserang oleh proses yang disebut tadi, maka mereka menerima akibat yang lebih buruk.

Orang Melayu sekarang, sudah hampir tidak tahu arah. Mengikut salah, tidak mengikut pun salah. Berkecuali salah tidak berkecuali pun salah.

Gambaran ini mungkin keterlaluan. Tetapi keterlaluan adalah relatif. Apa yang keterlaluan dahulu adalah perkara biasa sekarang, dan apa yang keterlaluan dipandang daripada kaca mata sekarang menjadi perkara biasa di masa akan datang. Dilihat daripada kaca mata 1946 atau 1957, masalah kepimpinan orang Melayu sekarang adalah terlalu buruk.

Symposium ini disusun oleh cerdik pandai Melayu. Secara automatik cerdik pandai adalah pemimpin. Adanya symposium ini membuktikan pandangan yang serius oleh pemimpin cerdik pandai terhadap masalah kepemimpinan orang Melayu.

Umumnya, cerdik pandai Melayu adalah dari golongan yang muda. Sama ada disukai atau tidak oleh golongan tua seperti saya, cerdik pandai yang muda ini akan mempengaruhi kepemimpinan orang Melayu dan terus akan mewarisi kepemimpinan ini.

Golongan tua boleh berkempen menentang pencalonan pemimpin yang berijazah berjela-jela tetapi proses yang tidak dapat dihalang akan mengubah yang tua ke alam baka. Jika tidak sebelum daripada itu, sekurang-kurangnya selepas itu pemimpin cerdik pandai muda akan *take over*.

Saya berdoa agar symposium ini akan berjaya meng-

analisa sejarah dan masalah kepemimpinan orang Melayu. Saya berdoa supaya simposium ini tidak akan menjadi forum lepas geram. Saya berdoa agar simposium ini tidak akan menjadi forum memburukkan pemimpin dan menegakkan kepemimpinan kumpulan-kumpulan tertentu yang belum mendapat tempat.

Akhirnya, saya berdoa agar simposium ini tidak akan menambah kekeliruan yang sudah pun banyak di kalangan orang Melayu sehingga mereka tidak akan percaya kepada apa juga kepemimpinan Melayu seperti mereka sekarang tidak lagi percaya kepada syarikat-syarikat anjuran orang Melayu.

# 3

## KEPIMPINAN PEMIMPIN

**PERHIMPUNAN PERGERAKAN PEMUDA** dan Pergerakan wanita bagi tahun ini sudah tentu tidak sama iklimnya dengan tahun lepas. Yang pertamanya, tahun ini bukan tahun pemilihan pemimpin dan yang keduanya, wakil-wakil, pemuda-pemuda khasnya, tentu masih merasai sedih kerana telah kehilangan pemimpin pilihan mereka, iaitu Tan Sri Syed Jaafar Albar, Singa UMNO, pejuang bangsa dan negara yang telah kembali ke Rahmat Allah semasa berada dalam perjuangan.

Saya tidak dapat menjadi hipokrit dengan mendakwa bahawa saya selalu memandang tinggi perjuangan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar tetapi saya tidak dapat nafikan peranannya dalam membangunkan UMNO, mengembangnya ke seluruh negara dan menolong menjayakan segala usaha dan cita-citanya. Ketokohannya tidak terhad kepada UMNO sahaja, tetapi meliputi negara. Sebab itu, jenazahnya ditempatkan di tempat yang sesuai dengan peranan politiknya terhadap negara. Sebagai ahli pidato yang berkesan, tidak ada siapa di dalam atau di luar UMNO yang setanding dengan Albar. Sebagai pemimpin, Albar sama-sama memikul beban parti kita dari masa yang ianya dipandang rendah dan hina sehingga UMNO menjadi parti pemerintah yang boleh memberi kebahagiaan dan kemuliaan secara langsung kepada anggotanya. Kegigihan Albar tidak boleh disangsi, begitu juga ke-

sanggupannya menghadapi aneka cabaran.

Setahun dalam perjuangan parti politik adalah satu jangka masa yang panjang tetapi juga singkat. Daripada segi arus dan peristiwa politik, satu tahun boleh membawa kehancuran atau kebahagiaan, dan berbagai lagi kejadian yang bermakna dan berkesan. Tetapi satu tahun amatlah pendek untuk menunaikan janji, merancang dan menjayakan sesuatu tujuan ataupun cuba menyusun gerak langkah untuk mencapai sesuatu matlamat. Bagi Pemuda UMNO, setahun yang lepas mencerminkan hakikat ini. Tahun 1976-77, memperlihatkan berbagai peristiwa yang malang dan sedih. Saudara Pemangku Ketua Pemuda dan semua ahli tentu faham apa ianya peristiwa-peristiwa ini. Sebaliknya, daripada segi kecapaian beberapa rancangan dirancang oleh Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar dan rakan-rakannya serta juga oleh Pemangku Ketua, bukti kejayaan tidak begitu jelas dan ketara.

Saya percaya walau apa pun kemalangan yang menimpa dan kegagalan yang menyerang Pergerakan Pemuda, mereka tidak mudah kecewa atau tidak mudah '*frust*' mengikut istilah moden yang amat *un-Islamic* dan akan teruskan perjuangan mereka sehingga kejayaan menjadi satu kenyataan kepada semua pihak.

Pergerakan Wanita pada tahun yang lalu nampaknya bergerak maju dalam keadaan yang tenang. Oleh itu, tidak selalunya kita mendengar tentang peristiwa-peristiwa yang melibatkan mereka. Bagi suratkhabar yang bergantung kepada yang *sensational*, Pergerakan Wanita amat mengecewakan. Tetapi daripada segi parti, kegiatan wanita yang secara senyap-senyap menyusun perkembangannya dan menarik sokongan kepada parti, nilai dan kesan kegiatan wanita amat berharga.

Dalam hidup tradisi Melayu, wanita memang memainkan peranan yang penting dan utama. Masyarakat Melayu tidak akan merupakan Melayu tanpa pegangan wanita kepada kekeluargaan yang sihat dan kesanggupan mereka bekerja sementara lelaki asyik berhujah dan berpolitik dalam erti kata yang asli. Tradisi wanita ini telah dibawa

masuk ke dalam UMNO dan hasilnya ialah UMNO menjadi kukuh dan mencapai kemenangan setiap masa. Tradisi ini juga menyebabkan gambaran ketenangan dalam perjuangan wanita sehingga kadang-kadang kita lupa kepada peranan mereka. Tetapi saya percaya Presiden UMNO dan semua ahli Majlis Tertinggi serta lain-lain pemimpin UMNO tidak pernah tidak menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita.

Ada satu pepatah yang berkata, "*No news is good news*". Jikalau tidak ada peristiwa buruk berlaku tidak akan ada berita yang dilaporkan. Suratkhabar sekarang lebih asyik melapor berita buruk daripada yang baik. Jika sesuatu yang buruk berlaku kepada Malaysia umpamanya, semua majalah asing akan laporkan dengan terperinci. Begitu juga kalau ada sahaja sedikit berita angin yang buruk terhadap UMNO, kita tidak akan baca lain daripada itu dalam setengah suratkhabar, terutama yang harap mencari makan daripada penderitaan orang lain.

Oleh kerana wanita UMNO jarang terlibat dengan peristiwa yang buruk, maka kadang-kadang tidak ada laporan sama sekali berkenaan dengannya. Ini adalah amat baik. Jadi, jangan wanita berasa tersinggung atau sedih kerana ukuran inci ruangan suratkhabar yang dipenuhi oleh cerita wanita begitu pendek bagi tahun 1976-77. Wanita wujud bukan untuk memperkayakan *mass media*. Wanita wujud kerana penyertaan wanita dalam politik adalah penting dan berkesan.

UMNO kini telah melangkah masuk ke usia ke-31 tahun dan bagi sebuah badan siasah 31 tahun, bermakna UMNO sudah lama dewasa dan sepatutnya matang dalam politik. Memang kecerdasan dan kematangan ini terbukti dalam gerak-geri dan kejayaan yang dicapai oleh UMNO. Tetapi kita juga harus ingat bahawa kejayaan atau sukses biasanya mempengaruhi dan mengubah sikap manusia dan masyarakat. Biasanya, sukses menjadi seorang atau sesuatu masyarakat itu sompong dan bongkak. Soal yang kita harus tanya ialah apakah UMNO sudah atau belum terpengaruh oleh kejayaannya? Apakah UMNO atau ahli-ahlinya sudah

menjadi sompong dan lupakan daratan?

Saya ingin menjawab bahawa tidak ada bukti yang UMNO telah dipengaruhi oleh kejayaannya dan masih bersikap satu kumpulan orang yang tertindas yang cuma ingin membela hak yang adil dan saksama. Saya ingin berkata demikian, tetapi malangnya ini tidak seratus peratus benar. Walaupun UMNO belum lupa daratan seperti yang telah terjadi kepada setengah parti yang terlalu kuat di Malaysia, namun tanda-tanda pengaruh kejayaan sikap ahli UMNO sudah ada.

Umpamanya, perpaduan yang dianggap begitu penting di waktu UMNO ditubuh di zaman penjajah, tidak lagi begitu dihargai. Kononnya, kita mesti usaha betulkan perkara itu dan ini di dalam UMNO walaupun kesannya ialah melemahkan dan mungkin menghancurkan UMNO. Memandang kepada perubahan sikap ahli UMNO terhadap perpaduan, maka musuh-musuh UMNO pun tidak segan-segan lagi menyertai usaha membetulkan UMNO ini. Mereka ini, yang bukan ahli UMNO dan tidak tertakluk kepada aturan-peraturan UMNO, dengan lantangnya mengkritik, bukan UMNO, kerana kata mereka, dengan nada yang penuh simpati, UMNO adalah benteng pertahanan orang Melayu, tetapi penyelewengan yang kononnya berlaku dalam UMNO yang melemahkan benteng yang orang Melayu harapkan ini.

Mereka ini menunjuk kepada perbuatan pemimpin-pemimpin UMNO, atau peristiwa-peristiwa dalam UMNO, atau pendirian UMNO terhadap sesuatu perkara yang dikatakan oleh mereka menyerang orang Melayu atau UMNO sendiri, sebagai bukti penyelewengan UMNO dalam menjalankan tugas sucinya. Mereka ini akan membincang, menulis dan berucap tentang peranan UMNO mempertahankan orang Melayu khususnya dan negara amnya, bukan sebagai musuh tetapi sebagai orang yang kononnya penuh simpati dengan UMNO, yang cuma ingin melihat UMNO kekal dan kuat untuk menjalankan tugasnya. Kadangkala, bila membaca tulisan mereka, kita hampir percaya bahawa penulis adalah ahli UMNO yang

sayang kepada pertubuhan ini dan ingin memeliharanya ataupun lebih daripada itu. *They are more UMNO than UMNO.*

Dahulu di waktu musuh UMNO tetap berlagak sebagai musuh dan mengkritik semua perbuatan UMNO, sama ada baik atau tidak, penentuan sikap ahli UMNO terhadap mereka amatlah mudah. Ahli UMNO merapatkan barisan dan bukan sahaja mempertahankan UMNO tetapi dengan pintar dan berani, menyerang musuh-musuh ini. Perbuatan musuh menyerang UMNO cuma mengukuhkan perpaduan dalam UMNO.

Tetapi sekarang, oleh kerana musuh menukar taktik dan berlagak sebagai penyokong secara tidak langsung, penentuan sikap ahli UMNO terhadap mereka tidak begitu mudah. Terpengaruh dengan sikap simpati musuh jenis baru ini, sebahagian daripada ahli UMNO tidak lagi menganggap mereka ini sebagai musuh yang ingin hancurkan UMNO, tetapi sebagai penyokong di luar pagar. Oleh itu, pada mulanya ahli UMNO sanggup menerima sokongan daripada orang di luar pagar ini, dan selepas dari itu ahli UMNO pula menjadi penyokong orang ini apabila mereka mengecam UMNO. Dengan ini, maka hilanglah keutuhan UMNO dan ianya menjadi satu gelanggang di mana berbagai pendapat dan desakan dipertarungkan. UMNO dalam bentuk ini tidak lagi parti politik seperti dicipta dahulu, tetapi adalah semata-mata forum atau gelanggang perbahasan yang bebas.

Apabila UMNO sudah menjadi forum dan bukan parti lagi maka lebih ramai lagi kemunculan mereka yang ingin menggunakan gelanggang ini untuk mencari pengaruh. Mereka membuat berbagai analisa yang kononnya berilmiah dan mereka juga menonjolkan masalah dan perkara yang kata mereka perlu diperjuangkan oleh UMNO, demi bukan sahaja kebaikan orang Melayu dan negara, tetapi demi kebahagiaan UMNO sendiri. Dan ramailah ahli-ahli UMNO yang tertarik dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh orang luar ini. Ya, memang analisa orang itu benar. Ya, memang betul

pemimpin UMNO terlalai dalam perkara ini. Ya, memang peristiwa ini berlaku dalam UMNO. Ya, memang benar pemimpin UMNO terlibat dalam perkara yang buruk ini. Ya, memang kita mesti singkir jenis ini. Ya, memang kita perlu singkir pemimpin UMNO demi kebaikan UMNO.

Ada suara kecil yang berkata bahawa perbuatan seperti ini akan menghancurkan UMNO. Jawab mereka yang sudah terpengaruh, kita mesti bersihkan diri kita dahulu, lepas itu kita satu padu dan kukuhkan semula. Masih ada suara yang meragu-ragukan perbuatan ini. Tetapi perubahan sikap sudah jauh berjalan dan mereka yang masih ragu diberitahu, adalah lebih baik UMNO hancur daripada keburukan yang ditonjol oleh pihak luar tadi terus berlaku.

Dan dengan ini dari luar dan dari dalam UMNO pun diserang. Mungkin saudara saudari berpendapat bahawa ini adalah gambaran yang keterlaluan. Tetapi ini tidak keterlaluan. Ahli UMNO sekarang lebih berminat mendengar, membaca dan mempertahankan bukan sahaja pendapat orang mengkritik dari luar ini tetapi ada ahli yang mempertahankan pengkritik-pengkritik ini seolah-olah orang ini yang menjadi pemimpin UMNO.

Sementara kegelisahan dalam UMNO berlaku dan UMNO mungkin lemah, orang ini, pengkritik ini hidup bahagia. Tidak ada sesuatu yang merugikan yang akan berlaku kepada mereka. Mereka tidak mungkin diguling oleh bahagian UMNO atau hilang kerusi. Mereka terus bekerja di mana mereka bekerja, naik pangkat, dapat pencen, jual buku dan majalah lebih banyak, dijemput ke sana ke sini. Tidak ada pengorbanan apa pun daripada pihak mereka.

Semua ini berlaku kerana orang Melayu, termasuk pengkritik-pengkritik tadi dan ahli UMNO sendiri tidak terasa tertindas lagi seperti mereka yang pelopori UMNO dahulu. Sukses sudah mempengaruhi mereka. Sekarang mereka rasa tidak siapa yang boleh menggugat kedudukan mereka. Orang Melayu sudah berkuasa. UMNO tulang belakang parti dan kerajaan. Memang inilah hak dan inilah

peranan dan tempat orang Melayu dan UMNO. Inilah keadaan yang ada sekarang dan inilah keadaan yang akan berlaku pada bila-bila masa. Oleh itu, apa sebab khuatir? Apa sebab kita perlu menjaga keutuhan parti? Apa sebab kita perlu jaga perpaduan dalam UMNO? Dan apa sebab kita perlu hapuskan sengketa di antara kita orang Melayu, tuan empunya negara ini?

Kejayaan bukan sahaja mengancam dan meretakkan perpaduan di kalangan orang UMNO dan orang Melayu tetapi ada banyak lagi kesan yang buruk. Saya tidak perlu menyebut yang lain ini tetapi memadailah jika saya katakan bahawa semua kesan buruk ini boleh mengembalikan orang Melayu kepada keadaan dahulu, keadaan mereka berpuak-puak, berpecah-pecah, lemah dan ditindas serta dijajah di tanahair mereka sendiri. Tujuan mengingatkan saudara saudari tentang perubahan keadaan dan perubahan sikap yang sedang berlaku ialah kerana ingin menyelamat diri kita semua - satu tinjauan semula jadi bagi mana-mana masyarakat manusia. Tetapi terselamat sahaja tidak mencukupi.

Kita hidup di negara berbilang kaum. Walaupun tidak menjadi hasrat kita merebut hak orang lain atau menindas sesiapa, yang tidak dapat dielak dalam masyarakat majmuk ini, persaingen. Kaum-kaum dalam masyarakat majmuk bersaingen sama ada disengaja atau tidak. Dalam apa juga bidang, persaingen terpaksa berlaku. Oleh itu, kalaupun perpaduan wujud di kalangan orang Melayu dan ahli UMNO, ianya tidak akan berhasil jika tidak ada kesanggupan dan keupayaan bersaingen dalam semua bidang. Kuasa politik yang datang daripada perpaduan yang kukuh boleh menolong persaingen ini, tetapi kuasa politik bukan kuasa muktamad untuk menentukan kemenangan. Kuasa muktamad ialah kecekapan kita dan kesanggupan kita dalam menghadapi aneka jenis halangan dan tekanan.

Kita boleh menyeru supaya orang lain faham masalah yang kita hadapi, supaya orang lain jujur dan patuh kepada dasar pembangunan negara, supaya orang lain menolong kita. Kita boleh pun mengecam orang lain kerana tidak

menolong kita. Tetapi akhirnya, yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan kita ialah usaha dan kebolehan kita sendiri.

Sebab itu, jika perpaduan wujud di kalangan kita, dan kita dapat menyingkir segala peristiwa yang melemahkan parti, kita masih dikehendaki menumpu perhatian kepada penguasaan kecekapan-kecekapan yang perlu. Kepercayaan bahawa semua masalah boleh diatasi dengan kuasa politik adalah khayalan. Kuasa politik mungkin membuka peluang bagi kita menyerap ilmu, atau memasuki sesuatu jurusan perniagaan, atau mendapat jawatan. Tetapi sama ada kita berjaya menyerap ilmu, mendapat keuntungan perniagaan atau menjalankan tugas dengan sempurna cuma boleh ditentukan oleh kita sendiri, oleh usaha dan ketekunan kita, oleh kecekapan yang ada pada kita.

Masalah kita sebagai ahli politik dalam negara yang demokratik ialah kita mungkin tidak popular jika kita tidak sanggup mengguna atau lebih tepat lagi menyalahguna kuasa politik untuk bukan sahaja memberi peluang tetapi untuk menentu dengan tepatnya hasil yang kita idamkan. Desakan akan datang sepanjang masa supaya kuasa politik digunakan bukan sahaja untuk membuka peluang tetapi kejayaan peluang itu juga ditentukan oleh kuasa politik. Masalahnya ialah, jika kuasa politik diguna untuk menjayakan peluang, maka kehilangan kuasa politik akan membawa kegagalan walau apa pun peluang diberi. Orang yang mengguna kuasa politik untuk mengatasi semua masalah dan cabaran, akan lumpuh dan gagal apabila dipisah daripada kuasa politik.

Dengan usaha yang dijalankan oleh musuh UMNO, ada kemungkinan yang bukan sahaja UMNO tetapi orang Melayu akan kehilangan kuasa politiknya. Lebih kerap kita salahgunakan kuasa politik, lebih mudah musuh kita berjaya. Walau apa pun kekuatan kita pada hari ini, harus kita ingat tidak ada satu yang kekal di dunia ini. Semua yang ada permulaan akan berjumpa dengan penghujungnya. Oleh itu, janganlah kita fikir bahawa kuasa yang ada

pada kita adalah untuk selama-lamanya. Kita cuma boleh menentu lambat atau cepat kehilangan kuasa berlaku.

Bagi mereka yang cekap dan berkebolehan, tidak adanya kuasa politik kepada mereka tidak mengancam diri mereka. Mereka terus berada, dan secara tidak langsung berkuasa, termasuk dalam bidang politik. Memandang kepada hakikat ini, kita harus mengguna kesempatan ini, di waktu kita mempunyai kuasa politik, untuk melengkapkan diri dalam berbagai bidang. Kita harus berusaha supaya tidak selalu bergantung kepada kuasa politik. Dengan cara ini, kita akan betul-betul kuat dan boleh berdikari memelihara diri.

Soalnya ialah apakah UMNO sebagai parti politik yang bertanggungjawab sanggup mencegah perbuatan mengguna kuasa politik untuk serba serbi tanpa mengambil kira kesannya. Sanggupkah kita mendesak dan memberi amaran kepada orang Melayu, dan khasnya ahli UMNO, supaya jangan terlalu bergantung kepada kuasa politik? Sanggupkah kita menjadi tidak popular kerana tidak mahu UMNO dan orang Melayu menjadi lumpuh dan tidak terdaya menghadapi apa-apa cabaran apabila terpisah daripada kuasa politik? Soal ini perlu saudara saudari tanyakan kepada diri sendiri tiap-tiap kali kita mahu mengguna kuasa politik. Apakah hasil yang diharapkan benar akan tercapai? Atau apakah demi keselamatan jangka panjang, kita harus berdiri menghadapi cabaran tanpa bergantung kepada apa yang kita sangkakan tongkat ajaib kita?

Saya sedar nasihat ini tidak popular. Sepanjang masa saya dengar sungutan, kenapa tidak menggunakan kuasa politik kita untuk itu dan untuk ini, untuk tempat di situ dan jawatan di sini dan lain-lain. Tetapi walaupun tidak popular, hakikat dan kebenaran tentang kegunaan kuasa politik perlu dijelas. Kepimpinan tidak akan mempunyai makna jika tindakan diambil semata-mata atas alasan disukai ramai.

Kepimpinan dalam demokrasi memang menjadi satu perkara yang rumit dan sebenarnya bertentang dengan prinsip dan asas demokrasi. Pemimpin perlu memimpin,

iaitu menunjuk jalan kepada pengikut yang sudah tentu lebih ramai. Sebaliknya, demokrasi berkehendakkan supaya pendapat ramai diikuti. Ini bermakna, jika pengikut ramai mahu sesuatu pemimpin terpaksa turut.

Soal ini mungkin dianggap terlalu akademik tetapi sama ada akademik atau tidak, pemimpin-pemimpin UMNO dalam semua peringatan terjerat dalam perangkap ini. Saudara saudari yang hadir dalam mesyuarat ini juga terus terperangkap kerana saudara saudari juga terpaksa menghadapi masalah di mana saudara saudari dikehendaki memimpin ahli UMNO dan juga menurut mereka. Jika, seperti zaman UMNO dahulu, tidak ada perbezaan antara kehendak pemimpin dengan ahli biasa, masalah tidak timbul. Tetapi sekarang, zaman dan suasana sudah berubah.

Hasil usaha musuh UMNO serta perubahan nilai sudah mencetuskan keadaan yang mana bukan sahaja pendapat ahli kadangkala berbeza dengan pemimpin, tetapi juga bertentangan terus dengan pemimpin.

Soalnya ialah, apakah pemimpin perlu menurut semata-mata atau cuba memimpin sama. Pemimpin yang semata-mata menurut bukanlah pemimpin sebenarnya. Dia lebih merupakan oportunist yang cuba menggunakan pendapat orang ramai untuk mendapat tempat bagi dirinya. Memang ramai pemimpin jenis ini terdapat dalam demokrasi. Ada saja peristiwa yang disukai ramai, maka pemimpin jenis ini muncul sebagai jaguh walaupun semua pihak tahu bahawa dahulu pemimpin ini tidak ada minat sama sekali dalam perkara yang sekarang dia perjuangkan. Dengan tidak ragu-ragu saya berkata UMNO akan menjadi lebih bahagia tanpa pemimpin jenis ini.

Pemimpin yang berguna dalam demokrasi mestilah memimpin di samping menurut. Memang sukar memimpin di waktu menurut, tetapi perbuatan ini tidak mustahil. Pemimpin muncul kerana mereka mempunyai kebolehan yang lebih daripada yang lain. Kebolehan ini tentu berasas kepada pengetahuan yang juga lebih. Melalui pengetahuan ini, pemimpin dapat menilai sesuatu dengan lebih tepat

dan waras. Jika pemimpin tidak oportunis, nilaiannya yang dibuat olehnya mestilah disampaikan kepada pengikutnya supaya mereka pula akan dipandu dengan maklumat tambahan ini. Dengan ini, pemimpin tidak menjadi penurut sahaja tetapi benar-benar menjadi pemimpin dalam konteks demokrasi.

Memimpin cara ini memang sukar. Jika tidak kena gaya pemimpin jenis ini akan hilang popularitinya, akan tersingkir dan mungkin tersungkur. Oleh itu, keberanian adalah perlu. Pemimpin yang tidak berani pegang kepada apa yang diketahuinya, adalah baik tetapi cuma menyesuaikan dirinya sepanjang masa adalah pengecut. Pengecut seperti ini yang mementingkan populariti dirinya lebih daripada kebaikan akan membawa pengikutnya ke lembah kehinaan dan kehancuran.

Tetapi di samping itu, pemimpin tidak harus menganggap bahawa perbuatan menentang, sama ada menentang suara ramai atau menentang pemimpin atasan, bermakna keberanian dan kematangan kepimpinan. Cuma berani menentang sahaja belum menjadikan seseorang itu pemimpin yang benar. Keberaniannya mestilah berasas kepada yang benar dan diiringi dengan kewarasan fikiran serta kejujuran kerana benar.

Perhimpunan saudara saudari hari ini adalah perhimpunan pemimpin. Yang bermesyuarat hari ini ialah UMNO, tulang belakang Barisan Nasional dan pemerintah Malaysia sejak ianya merdeka 20 tahun dahulu. Oleh itu, negara akan dilahirkan dalam perhimpunan ini. Tidak syak lagi apa yang berlaku hari ini akan menjadi penunjuk masa hadapan bagi negara Malaysia.

Perlukah saya ulang di sini betapa pentingnya kita tahu peranan pemimpin dan kepimpinan dalam negara demokratik ini? Perlukah ditegaskan lagi betapa pentingnya kita bersikap waras dan memperlihatkan kematangan kita? Gejala-gejala yang mesti dihadapi oleh pemimpin demokrasi adalah lebih banyak daripada gejala-gejala dalam lain-lain sistem politik. Seperkara yang sukar diatasi ialah pendedahan yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin.

Persahabatan di kalangan manusia cuma berlaku kerana tidak semua daripada perasaan antara dua sahabat didedah kepada satu sama lain. Biasanya, perasaan yang baik dilahirkan dan yang buruk disembunyikan. Jika kebencian terhadap sesuatu tabiat atau perbuatan kawan diberitahu kepadanya, persahabatan itu tidak akan kekal. Sudah tentu kalau perasaan yang buruk terhadap musuh dilahirkan sepanjang masa, permusuhan akan bertambah dan pemulihannya tidak akan berlaku.

Sebagai pemimpin, saudara saudari tidak dapat elak daripada menghadapi masalah ini. Apa yang saudara saudari perkatakan dalam mesyuarat ini umpamanya, akan didedah sepenuh-penuh kepada seluruh negara, yakni termasuk musuh-musuh saudara saudari dan musuh UMNO. Ada pula di antara ahli pendedah ini yang akan membuat gambaran supaya menimbulkan kebencian terhadap orang-orang yang tertentu di antara saudara saudari. Kita akan berbuih mulut cuba membetulkan balik laporan daripada pendedahan jenis ini, tetapi kesannya tidak mungkin dihapus sepenuhnya.

Hakikat ini juga perlu disedari oleh saudara saudari tiap-tiap kali ucapan dibuat. Yang mendengar bukan sahaja yang hadir dalam dewan yang bahagia ini. Yang mendengar adalah kawan seluruh negara. Yang lebih buruk lagi ialah mereka di luar dewan ini akan mendengar bukan ucapan sepenuh yang tertib dan berbatas yang saudara saudari lafazkan, tetapi sedutan-sedutan yang dipilih dengan tujuan-tujuan tertentu – sama ada dengan niat baik atau jahat. Yang menjadi hero dalam dewan mungkin merupakan *crook* di luar dewan dan juga sebaliknya. Oleh itu, berhati-hatilah apabila membuat ucapan, kerana hasilnya mungkin tidak seperti dijangka.

Kepimpinan dalam demokrasi boleh dicabar dengan seribu satu cara. Buat masa-masa yang lampau ini, satu cara yang jelas berkesan ialah dengan menimbulkan keraguan terhadap apa yang kononnya ada di sebalik kepimpinan seorang pemimpin. Dengan perkataan lain, sikap terhadap pemimpin bukan yang jelas dan nyata tetapi

apa yang tersembunyi. Bukan ditentukan oleh perbuatan atau perkataannya, tetapi oleh tohmah dan sangkaan buruk yang sengaja dilempar terhadap peribadinya.

Kesan taktik ini nyata sekali apabila kita perhitungkan bilangan pemimpin kita yang diragukan. Di kalangan pemuda, hampir semua pemimpin disyaki tidak jujur walaupun mereka berkhidmat dengan penuh dedikasi dan kejujuran. Semua yang diusahakan oleh mereka dipersoal tentang niat di sebaliknya. Ada pemimpin yang sudah sampai peringkat yang mana mereka mendapat label. Setelah ini berlaku apa juga yang dibuat olehnya ditafsir mengikut label. Jika dia membuat jahat, maka ini membuktikan tuduhan yang dibuat itu adalah benar.

Saya yakin semua pemimpin pemuda dan wanita berjuang untuk kebaikan parti. Tetapi oleh kerana fitnah dan perasaan syak wasangka yang ditanam oleh pihak lain, kita dapati bahawa kepercayaan antara satu sama lain hampir tidak wujud kadang-kadang. Dalam keadaan yang mana kepimpinan dan peribadi menjadi sasaran, tenaga dan usaha tidak dapat lagi ditumpukan kepada perjuangan parti dan bangsa. Sepenuh tenaga dan usaha terpaksa ditumpu kepada pemulihan daripada pemimpin.

Kepimpinan yang matang harus memikirkan perkara ini. *Issue* yang dahulunya menyatu padu, sekarang menjadi isu yang membelah belah. Pejuang untuk sesuatu matlamat sekarang dikecam sebagai penentangan matlamat itu. Jaguh terbalik menjadi petualang. Hero tiba-tiba menjelma menjadi *crook*. Ketenteraman hilang diganti dengan gamat dan riuh. Dan semua pihak pun keliru dan kehilangan punca. Dan ramailah yang cuba menangguk di air yang keruh ini. Ada yang nampak peluang, mengambil alih dan ada yang cuma inginkan kehancuran, jika tidak pun UMNO, sekurang-kurangnya Pemuda.

Kepimpinan wanita juga tidak terselamat daripada usaha jenis ini. Oleh kerana tidak banyak peristiwa berlaku dalam wanita yang boleh diperalatkan, maka peristiwa rekaan diada-adakan. Sudah tentu jika wanita latah dan mula mencurigai hasrat dan niat pemimpin-pemimpin,

maka wanita juga akan menjadi sasaran.

Saya tidak mahu mengaku ada KRISIS kepimpinan dalam Wanita atau Pemuda. Tetapi saya tidak dapat menolak kenyataan bahawa usaha musuh UMNO untuk menyerang bahagian UMNO yang tersensitif sekali sudah mencapai kejayaan peringkat pertama. Saban hari kita dengar tentang berbagai masalah yang tidak memberi nikmat sama sekali kepada bahagian-bahagian ini atau kepada UMNO. Apakah kualiti kepimpinan kita sudah capai taraf yang cukup tinggi untuk mengatasi masalah-masalah ini? Saya yakin dan percaya bahawa kepimpinan kita sudah matang dan berkeupayaan mengatasi masalah-masalah kepimpinan dan pemimpin dalam UMNO, khususnya dalam Wanita dan Pemuda perlu dihursti dan dijelaskan.

Proses masa tidak dapat tidak akan memaksa pemimpin tua yang ada sekarang ini mengundur diri. Tempat mereka akan diambil alih oleh pemimpin yang lebih muda, baik dari golongan Wanita atau dari golongan Pemuda. Tugas yang tua ialah menentukan supaya, yang pertama, ada badan yang akan diwarisi oleh pemimpin yang muda yang sedang bergiat sekarang, dan keduanya ialah pemimpin yang akan mengambil alih tempat-tempat pemimpin tua mempunyai kelayakan yang cukup untuk menjalankan tugas mereka. Inilah yang saya usahakan pada hari yang berbahagia ini.

---

*Ucapan Semasa Merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO Dan Pergerakan Wanita UMNO, Di Balai Budaya, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Pada hari Khamis, 30 Jun 1977, Jam 8.30 Pagı.*

---

## 4

### WARISAN KEPIMPINAN

**PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN** adalah peristiwa biasa bagi UMNO di semua peringkat tetapi Perhimpunan Tahun 1978 ini berbeza daripada perhimpunan-perhimpunan yang lain bukan sahaja kerana pemilihan pemuda dan wanita akan dibuat serentak dengan pemilihan kepimpinan UMNO dewasa tetapi persidangan ini diadakan selepas satu pilihanraya yang juga luar biasa.

Kita telah mengadakan pilihanraya kali ini lebih awal daripada jadual biasanya. Tetapi bagi saudara-saudara dan saudari-saudari, keistimewaan Pilihanraya 1978, saya percaya tidak terletak kepada tarikhnya tetapi kerana peranan yang telah diberi kepada golongan pemuda dan wanita untuk mewakili dan memimpin rakyat dan juga negara. Peranan ini memberi erti yang istimewa dalam aliran masa depan UMNO. Ia juga merupakan satu jenis ujian kepada golongan muda yang tidak puas hati dengan berbagai perkara dan sekarang mendapat peluang untuk membetulkannya.

Calon-calon wanita dan pemuda bukan sahaja diberi peluang mengambil tempat calon yang lama tetapi ramai daripada mereka telah diberi jawatan-jawatan yang penting setelah mereka menang, baik di peringkat pusat maupun Kerajaan Negeri. Tiga daripada Menteri Besar/Ketua Menteri terdiri daripada orang yang umurnya kurang dari 40 tahun (iaitu pemuda dalam tafsiran perlombagaan

UMNO) dan ramai daripada timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta ahli-ahli Exco negeri juga daripada golongan pemuda. Wanita juga diberi peranan yang bertambah di peringkat negeri dan pusat. Tekanan kepada angkatan muda dan wanita tentulah jelas dalam pilihanraya ini. Tekanan ini dibuat dengan sengaja sebagai menyambut desakan pemuda dan wanita dan juga sebagai satu usaha memperbaharui parti kita UMNO. Usia UMNO sudah meningkat 32 tahun dan ramai daripada ahli pemimpinnya sudah pun meningkat umur. Oleh itu, pemindahan kuasa daripada golongan tua kepada golongan muda perlu disusun sekarang ini.

Mungkin ada pemikiran bahawa pemindahan kuasa daripada satu generasi kepada satu generasi tidak harus dirancang. Mungkin ada mereka yang berpendapat bahawa, penentuan pemimpin yang akan mewarisi kuasa perlu dibuat selepas yang lama dan usang mengundur diri. Mungkin ada mereka yang berpendapat satu rebutan kuasa patut diadakan selepas pengunduran pemimpin lama. Ini mungkin difikir lebih demokratik dan tidak boleh dipengaruhi oleh kepimpinan yang ada. Cara ini kononnya, akan menentukan mereka yang betul-betul disukai ramai akan dipilih.

Kita tidak boleh menafikan bahawa penentuan *second echelon leadership* di waktu pemimpin lama masih ada dan berkuasa, boleh dipengaruhi oleh cara-cara fikiran dan falsafah yang sudah ada dan menyekat penyerapan fikiran yang berbeza dan radikal daripada berkembang. Tetapi, kita harus ingat bahawa pertamanya sebuah parti mestilah ada prinsip perjuangannya yang tetap dan tertentu. Perubahan secara radikal akan menjadikan parti itu parti lain sama sekali – iaitu parti yang asal secara tidak langsung sudah dibubarkan dan diganti dengan yang baru. Jika ini menjadi niat mereka yang ingin mewarisi kepimpinan parti, maka adalah lebih baik mereka menyatakan hasrat mereka atau mereka menubuh parti sendiri dan cuba menarik sokongan untuknya. Perebutan mengubah secara langsung prinsip perjuangan sebuah parti merupakan satu pengkhianatan

kepada pengasas parti dan mungkin juga satu penipuan terhadap penganut dan penyokong yang ada.

Yang keduanya, pemindahan kepimpinan di waktu pemimpin lama masih ada tidak menyekat penyerapan idea dan cara baru yang sesuai dengan prinsip parti. Kepimpinan baru tetap membawa perubahan tetapi kerana cara pemindahan kepimpinan dilakukan, parti akan kekal dalam bentuk asal dan tubuh badan parti tidak boleh diperalatkan oleh mereka yang tidak menerima prinsip perjuangan parti tetapi ingin mengguna tenaga dan alatan yang ada kepada parti secara *ready-made* untuk tujuan lain.

UMNO tetap berubah pada tiap-tiap kali kepimpinannya berubah. UMNO di bawah kepimpinan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman, yang berbeza pula daripada UMNO di bawah Tun Abdul Razak yang seterusnya berbeza daripada UMNO di bawah Y.A.B. Dato' Hussein Onn. Tetapi perbezaan ini adalah perbezaan stail, perbezaan pendekatan, perbezaan tekanan dan sikap. Prinsipnya, atas perjuangan tidak berbeza – dan UMNO masih UMNO yang ditubuhkan 32 tahun dahulu yang disokong oleh rakyat dan diberi kepercayaan oleh rakyat kerana ianya UMNO. Tidak ada penyelewengan prinsip, dan sudah tentu tidak ada pengkhianatan yang berlaku.

Cara pemindahan kuasa dilakukan dalam UMNO adalah penting untuk perjuangan dan pengekalan UMNO. Rebutan ala *coup* tidak harus berlaku kerana *coup* melahirkan *coup*. Mereka yang mengguna cara ini akan digulingkan dengan cara ini juga – dan cara ini tidak stabil. Ia akan memecahkan UMNO kepada faksi-faksi yang masing-masing bergelut untuk menjatuhkan yang lain. Akhirnya, UMNO sendiri akan jatuh dan tidak ada apa yang akan diwarisi oleh pemimpin *coup* atau *counter-coup*, walaupun usaha mereka berjaya. Oleh itu, saya berharap golongan muda dalam parti mengawasi cara-cara mereka bertindak untuk mengganti kepimpinan yang lama. Janganlah gugurkan tradisi semata-mata kerana ianya tradisi. Jangan percaya kepada yang baru semata-mata kerana

ianya baru.

Seperkara lagi yang dibuktikan oleh pilihanraya yang baru ialah buruk-baiknya disiplin dan ketertiban dalam UMNO. Di mana kawasan yang UMNO memegang teguh kepada prinsip dan cara perjuangannya, iaitu di mana disiplin parti dijunjung tinggi, tidak ada siapa yang dapat mengalahkannya. Sebaliknya, di mana terjadi perbalahan, walaupun ada faksi yang benar dan jujur dan berjiwa UMNO seratus peratus, akibatnya ialah kekalahan, bukan sahaja bagi calon yang rasmi tetapi juga bagi yang meninggalkan UMNO untuk merebut tempat untuk faksinya dan dirinya. Faksi-Faksi UMNO yang secara haram menyokong pembelot UMNO tidak mendapat kemenangan. Yang mendapat kemenangan ialah orang lain dari parti-parti lawan, yang walaupun lemah telah menjadi kuat kerana UMNO sudah menjadi lemah.

Hakikat ini perlu difahami oleh semua ahli-ahli UMNO terutama mereka yang muda dan yang baru masuk ke dalam UNMO. Pemindahan kuasa dan kepimpinan sering berlaku dalam UMNO. Untuk maksud ini, cara dan peraturan telah disusun. Tetapi cara dan peraturan sahaja tidak bermakna dan berkesan melainkan semangat di belakang peraturan-peraturan ini difahami. Peraturan menentukan cara sesuatu keputusan dibuat seperti cara memilih pemimpin atau cara memilih calon. Tetapi yang penting ialah mereka yang gagal tidak kecewa, tidak menentang keputusan, tidak mensabotaj dan tidak melakukan sesuatu apa yang boleh melemah dan merosakkan parti.

Hakikat ini juga perlu difahami oleh pemuda dan wanita kerana peranan yang lebih meluaskan yang diberi kepada mereka dalam pilihanraya yang baru lepas ini. Hakikat ini juga perlu difahami kerana dalam Perhimpunan Agung tahun 1878 ini, kita memilih pemimpin untuk pemuda, wanita dan UMNO dewasa dan pemimpin yang dipilih mesti diterima bukan sahaja oleh penyokong-penyokong tetapi juga oleh mereka yang menyokong calon yang kalah. Dengan itu, maka apa yang biasa terjadi

kepada parti lain tidak akan terjadi kepada UMNO. Pemilihan pemimpin tidak seharusnya menyebab faksi yang kalah mengasingkan diri dan membelakangkan parti jika mereka benar-benar memahami konsep demokrasi. Selepas pemilihan pemimpin, semua yang sayang dan setia pada parti dan percaya kepada perjuangannya perlu rapatkan balik barisan dan berikan sokongan yang penuh kepada kepimpinan yang telah dipilih.

Inilah tradisi UMNO yang terbesar dan terpenting sekali. Perbalahan boleh dan memang berlaku sebelum sesuatu keputusan dibuat tetapi apabila keputusan sudah dibuat walaupun keputusan itu pahit ianya tetap diterima, semua pihak merapatkan semua barisan dan memberi sokongan yang sewajarnya. Inilah tradisi yang mengekal-kal UMNO. Oleh itu, tradisi ini perlu difahami oleh mereka yang mewarisi UMNO supaya amalannya dapat diteruskan. Sekali lagi, perlu diulangkan bahawa kita sedar sesuatu tradisi tidak harus diikuti semata-mata kerana ianya satu tradisi yang hingga kini boleh menyelamatkan UMNO dengan kekuatannya. Oleh itu, tradisi ini perlu dikenekalkan. Tidak ada makna bagi kita mengenepikan atau memisahkan sesuatu tradisi jika akibatnya ialah tidak ada lagi parti yang kita akan warisi. Oleh itu, berhati-hatilah. Musuh UMNO ramai dan bukan semuanya berada di luar UMNO.

*Solidarity* dalam UMNO dan kekuatannya sehingga kini menjamin kestabilan negara Malaysia. Ini adalah satu kenyataan yang diakui oleh kawan serta lawan. Sebab itu, rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional dan rakyat amnya, memandang berat terhadap keutuhan dan kestabilan UMNO. Kita sebagai pihak yang terlibat perlu memandang peranan kita sebagai satu tanggungjawab yang serius. Parti lain dan pemimpin parti lain dan ahli parti lain boleh main politik, boleh merajuk, boleh tinggal parti, boleh tubuh parti lain, boleh sabotaj parti sendiri, boleh membuat serba-serbi tetapi UMNO tidak – UMNO dan ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpin tidak boleh sesuka hati memecah dan meroboh apa yang telah dibina. UMNO dan

ahlinya mesti serius, kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang berat terhadap agama, bangsa dan negara.

Pemuda dan Wanita mahu peranan yang lebih dan pemuda dan wanita telah diberi peranan yang lebih. Dalam sedikit masa ramai pemimpin yang ada sekarang terpaksa mengundur diri dan peranan yang dimainkan oleh pemuda dan wanita akan bertambah lagi. Akhirnya, saudara saudari akan mewarisi pertubuhan ini sepenuhnya. Mungkin saudara saudari akan berbangga dengan pengambilan alih sebuah pertubuhan politik yang jelas kukuh dan berjaya. Tetapi warisan ini bukan satu tanggungjawab yang berat dan untuk memikul tanggungjawab ini persediaan diri perlu dibuat sekarang ini juga. Apa yang dikhuatiri ialah sementara ramai yang tahu mengkritik tentang itu dan ini yang berlaku sekarang, tidak ramai yang memahami atau mengetahui sejarah asas perjuangan UMNO yang menentukan kejayaannya sekian lama. Memandangkan kepada masalah ini, maka satu rancangan dan usaha untuk menyediakan diri untuk mengambil alih tugas mesti dibuat. Persediaan diri yang dimaksudkan ialah penyerapan secara sistematik sejarah dan asas perjuangan UMNO selain daripada asas-asas kepimpinan yang berkesan.

Di antara strategi UMNO yang telah memberi kemenangan kepadanya sejak tahun 1951 ialah kesederhanaan dan kesanggupan bekerjasama dengan parti-parti lain asalkan tidak menjelaskan hasrat perjuangan UMNO. Strategi ini penting kerana kejatuhan lain-lain parti, lain-lain bangsa, bahkan lain-lain negara adalah disebabkan oleh tamak dan sikap yang melampau. Adalah lebih baik kita berjaya sekadar yang boleh (yang praktikal) daripada mencuba merebut segala-galanya tetapi akhirnya semuanya tercincir. Kesederhanaan UMNO bukan disebabkan oleh kurang keberanian tetapi berasas kepada perhitungan yang waras yang tidak dikongkong oleh perasaan dan nafsu. Kesederhanaan UMNO adalah kesederhanaan yang mengutamakan kejayaan perjuangan untuk agama, bangsa dan tanahair lebih daripada kepuasan hati.

Musuh-musuh kita memang tahu asas kejayaan kita ini dan mereka telah dan akan mencuba memisahkan kita daripada asas ini. Pemimpin yang lama tidak mungkin terperangkap. Tetapi kita dapati pemimpin yang baru, yang mungkin tidak tahu sejarah UMNO, asas perjuangan UMNO dan tambahan pula, terdiri daripada golongan muda mungkin dipengaruhi oleh cabaran dan godaan yang dibuat oleh musuh kita. Dalam soal kemelayuan atau bumiputeraan, agak mudah kita menyambut cabaran musuh kita dengan cuba membuktikan bahawa kita lebih kuat semangat perkauman daripada mereka. Untuk membuktikan betapa kuatnya semangat kita ini, kita cuba mengalahkan musuh politik kita dalam peraduan menjerit perkauman dan kita pamerkan segala kejayaan kita dalam memperjuangkan kepentingan kaum kita.

Dengan latah dan telatah kita ini, maka seperti yang dijangka oleh musuh politik kita, rakan kita dari parti kaum lain pun mencurigai kebijaksanaan bersahabat dengan kita dan mula membenci kita. Dalam keadaan ini, mudah sekali bagi musuh kita pergi kepada kaum-kaum lain untuk mempengaruhi mereka itu terhadap bahayanya bekerjasama dengan kita. Demi kepentingan diri mereka, kaum-kaum lain didesak oleh musuh kita supaya memberi sokongan kepada mereka. Kekalahan beberapa calon UMNO dalam Pilihanraya 1969 dan juga 1978, adalah disebabkan percubaan beberapa orang daripada kita membuktikan semangat perkauman kita adalah lebih kuat daripada musuh kita dan membelakangkan kesederhanaan yang menjadi asas perjuangan UMNO.

Kita harus ingat bahawa kita adalah parti yang berkuasa. Apa yang dikatakan oleh kita boleh dan mungkin dikotakan. Kesederhanaan yang menjadi asas kepada perjuangan UMNO bukan bermakna kesederhanaan yang pragmatis. Tuntutan kepada yang lebih tetapi yang tidak mungkin dicapai, adalah khayalan. Tuntutan kepada yang bukan-bukan, yang membawa reaksi yang buruk dan mungkin menghancurkan kita, adalah perbuatan yang bukan sahaja tidak bertanggungjawab tetapi mungkin

merupakan satu pengkhianatan.

Oleh itu, kita tidak harus tahu atau takut mempertahankan kesederhanaan UMNO. Kesederhanaan inilah yang menyelamatkan bukan sahaja parti kita tetapi juga agama, bangsa dan negera kita. Jika hari ini gerak-geri UMNO dan Perhimpunan Agungnya diberi perhatian yang serius bukan sahaja oleh orang Melayu, tetapi oleh semua kaum di Malaysia, bahkan oleh dunia, ini ialah disebabkan kesederhanaan yang hingga kini memberi kejayaan kepada UMNO.

Saudara-saudara yang akan mewarisi UMNO perlu sedar tentang hakikat ini dan perlu memeliharanya. Janganlah hendaknya kerana terikut-ikut dengan irama yang dimainkan musuh, kita gugurkan sesuatu yang sekian lama telah memberi kejayaan kepada kita. Sebab itu, saudara, saudari yang akan mewarisi UMNO hendaklah sedar kenapa kesederhanaan ini perlu dalam konteks politik di negara kita. Saudara saudari tidak harus terikut-ikut dengan stail dan sikap mereka yang mencabar kita. Cabaran-cabaran itu adalah cabaran kosong kerana mereka yang mencabar tahu benar bahawa bukan sahaja UMNO tetapi mereka sendiri, di waktu mereka berkuasa tidak mungkin membuat apa-apa untuk mencapai apa yang dijadikan isu oleh mereka. Cabaran mereka hanyalah satu strategi untuk merisaukan dan memesongkan kita supaya kita gugurkan kesederhanaan kita dan dengan itu kita dikalahkan.

Sehingga ini kerjasama antara UMNO dan parti-parti lain dalam Barisan Nasional cuma berlaku di peringkat kumpulan dewasa. Tidak ada kerjasama yang wujud di peringkat pemuda dan juga wanita sedangkan pemuda dan wanitalah yang akan mewarisi UMNO ini. Keraguan mungkin timbul, bahkan sudah timbul, di kalangan rakan-rakan Barisan Nasional. Apakah Barisan Nasional dapat dikekalkan selepas UMNO diambil alih kepimpinannya oleh generasi yang muda? Dengan keraguan ini timbulah tanda tanya tentang kestabilan negara kita di masa akan datang.

Sebab itu, sekali lagi saya ingin ingatkan bahawa sikap

pelampau parti lawan adalah tayangan dan strategi sahaja, dan kita tidak harus terikut-ikut. Generasi muda, baik pemuda atau wanita perlu membuktikan diri sekarang dengan mengadakan perhubungan dengan rakan sebaya mereka bahawa mereka akan meneruskan sikap UMNO yang diamalkan sekarang.

Seperkara lagi yang kita harus berhati-hati ialah perkembangan tafsiran agama Islam yang bersendirian – tafsiran yang dibuat bukan berasas agama dan ajaran-ajarannya tetapi kerana satu perlumbaan yang sudah wujud di kalangan orang Islam di negara kita dan juga di negara Islam dan masyarakat Islam yang lain. Tafsiran moden yang mengikut kehendak hati ini berbahaya kerana akibatnya ialah pecah belah, sengketa, kekeliruan dan kelemahan bagi orang Islam dan negara-negara mereka.

Sepatutnya hari ini orang Islam dan negara-negara Islam menjadi kumpulan yang terkuat sekali di dunia dan bukan sahaja boleh mempertahankan agama, dan negara mereka tetapi mengembangkan syiar Islam dan menambah penganut agama Islam. Oleh kerana kurniaan Tuhan, negara-negara Islam telah menjadi yang terkaya sekali di dunia. Lebih daripada itu, negara Islam menguasai satu bahan yang boleh memaksa seluruh dunia tunduk kepada mereka dengan tidak payah berperang atau berbuat apa-apa lain. Selain daripada zaman keagungan Islam dalam abad-abad permulaan perkembangan agama Islam, inilah zamannya yang Islam mempunyai peluang dan kekuatan untuk menambah penganut dan mengembangkan ajaran-ajaran suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Tetapi apa yang sebenarnya berlaku sekarang ialah pecah belah, percakaran dan peperangan saudara yang melemahkan bukan sahaja orang-orang Islam tetapi juga melemahkan pegangan mereka kepada agama Islam. Sebab itu kita dapati di Timur Tengah, lebih ramai orang Islam dibunuh oleh orang Islam sendiri daripada orang Islam yang dibunuh oleh musuh dan terdiri daripada bukan Islam. Sebab itu di beberapa buah negara, orang minoriti Islam ditindas dan diburu tanpa sesuatu yang berkesan yang

dibuat oleh negara-negara Islam. Sebab itu juga beberapa negara yang dahulu 100 peratus atau hampir 100 peratus Islam, sekarang ini sudah menolak agama Islam dan menerima ideologi dan fahaman yang bertentangan dengan Islam – iaitu yang atheistik.

Memandang bahawa negara dan bangsa yang lebih dahulu Islam daripada kita dan begitu kukuh pegangan mereka kepada agama Islam, boleh menolak agama Islam dan menjadi komunis, kita harus berwaspada dan memerhati dan menganalisa sebab-sebab kejadian ini berlaku. Jika kita berbuat demikian kita akan dapati bahawa langkah pertama ialah akibat perbuatan mentafsirkan agama mengikut kehendak hati dan hasrat diri atau hasrat kumpulan tertentu. Ada yang berkata, Islam adalah sosialisme asli dan ada yang berkata Islam adalah ideologi. Setelah kekeliruan wujud maka dengan mudahnya kumpulan anti-Islam merebut kuasa.

Di negara kita sekarang, perbuatan mentafsir sesuka hati sedang berlaku dengan pesatnya. Yang menarik mereka ini bukanlah ajaran Islam yang sebenar tetapi yang memenuhi kehendak nafsu mereka. Perlumbaan sedang berlaku untuk menunjuk-nunjuk apa yang mereka anggap sebagai 'Keislaman' yang lebih nyata kepada masyarakat. Walaupun agama Islam melarang perbuatan mengkafirkhan orang Islam dengan sewenang-wenangnya, memecah dan memulaukan orang Islam dan membuat nilai tersendiri tentang keislaman orang Islam lain, perbuatan ini kian bertambah. Sungguhpun Islam menyeru kepada perpaduan dan persaudaraan di kalangan umat Islam, mereka ini membelakangkan semua seruan ini.

Sebaliknya, mereka suka gunakan pakaian seragam yang membeza dan mengasingkan mereka daripada orang Islam lain. Jika orang lain turut memakai seperti diamal atau didesak oleh mereka, mereka ini akan menukar pakaian mereka seperingkat lagi supaya perbezaan antara mereka dengan orang Islam dapat dikenalkan. Dan jika ini pun ditiru dan diikuti, mereka akan terus menukar lagi untuk mengekalkan perbezaan antara mereka dengan

orang lain. Dengan ini, maka wujudlah kumpulan-kumpulan yang diasingkan melalui pakaian seragam seperti terdapat dalam agama-agama lain, yang mempunyai '*monks*' dan '*nuns*' dan berbagai '*religious orders*' yang mempunyai pakaian seragam tertentu. Kumpulan-kumpulan lain pula memandang kumpulan-kumpulan lain dan orang Islam lain dengan pandangan yang merendahkan kerana pada anggapan mereka pegangan orang lain kepada agama Islam adalah kurang daripada mereka. Di mana duduknya sikap seperti ini dalam Islam tidak diambil pusing oleh mereka.

Perbuatan ini tidak terhad kepada pakaian tetapi diteruskan dalam bidang lain, dalam bidang dakwah pun ada perlumbaan bukan untuk dakwah sebenarnya tetapi untuk menunjuk-nunjuk kononnya bahawa dakwah yang dijalankan oleh diri sendiri adalah lebih berkesan dan lebih Islam daripada dakwah pihak lain. Yang penting bagi mereka ini bukan dakwah tetapi rupa dakwah. Untuk maksud ini sekali perpaduan dan persaudaraan dalam agama Islam dibelakangkan walaupun firman Tuhan mewajibkannya. Yang penting ialah kelebihan diri daripada orang lain, dalam kegiatan yang mereka anggap sebagai dakwah.

Hasrat menunjuk keistimewaan dan kekuatan dakwah setengah-setengah daripada mereka sudah sampai ke peringkat mereka menafikan ajaran Al-Quran yang tidak secocok dengan kehendak hati mereka dan mengutamakan firman, hadis dan sunnah yang ditafsirkan oleh mereka sendiri. Dengan ini, timbulah kumpulan-kumpulan yang ingin mencapai jalan yang mudah ke syurga dengan melakukan perbuatan jenayah di tengah malam. Jika ini tidak dihalang dan dihentikan, akan ada kumpulan lain pula yang ingin tunjuk bahawa kononnya untuk Islam mereka sanggup melakukan perbuatan yang lebih daripada yang telah dilakukan – mungkin termasuk pembunuhan.

Demikianlah riak perlumbaan yang sedang berlaku di kalangan setengah-setengah orang Islam di Malaysia kini. Perbuatan mereka memberi gambaran bahawa Islam

adalah satu agama yang aneh dan tidak toleran serta kejam kepada orang yang bukan Islam. Ini tidak mengapa, kata mereka yang kononnya menjalankan dakwah Islamiah secara ini. Kononnya, adalah lebih penting kita membersihkan Islam di kalangan orang Islam sendiri sebelum kita cuba menarik orang yang bukan Islam supaya memandang tinggi dan menerima ajaran agama Islam.

Mereka yang berkata demikian sudah lupa bahawa pada satu ketika orang Melayu bukan beragama Islam. Kalaulah orang-orang Islam dari Semenanjung Arab dan India 600 tahun dahulu lebih mengutamakan kebersihan agama Islam daripada mereka sendiri untuk menentukan tempat bagi mereka sahaja di akhirat dan tidak berusaha mengembangkan agama Islam di kalangan orang Melayu yang beragama Hindu dan animisme pada ketika itu, mungkin hari ini kita orang Melayu tidak Islam – seperti orang lain di sekeliling orang Melayu sekarang tidak Islam kerana tidak ada usaha kita ke arah pengislaman. Jika kita bersyukur dengan pengislaman kita, kita harus menentukan supaya orang lain juga akan menerima nikmat ini. Tetapi golongan yang berdakwah secara ekslusif lebih mengutamakan kononnya kebersihan diri mereka supaya mereka terjamin ke syurga walaupun orang lain akan ke neraka. Mereka ini mementingkan diri sendiri dengan tidak memikirkan apakah ini yang dituntut oleh agama.

Semua ini adalah *relevant* kepada kita di dalam UMNO. Hari ini sudah ada ramai daripada ahli UMNO yang tertarik bukan dengan suruhan agama Islam tetapi dengan perbuatan riak ini. Ada ahli-ahli kita yang juga ingin berlumba untuk menunjuk bahawa kita akan dilihat sebagai lebih Islam daripada orang lain. Ada di antara kita yang ingin memperalatkan Islam seperti yang diperbuat oleh parti lain supaya orang akan tertipu dengan warna Islam yang kita sapukan kepada parti kita – iaitu setakat kulitnya sahaja seperti yang telah disapukan oleh parti lain kepada diri mereka.

Aliran ini adalah bahaya bukan sahaja kepada diri kita sebagai parti politik tetapi juga kepada agama Islam

sendiri dan semua orang Melayu. Aliran ini akan menentukan supaya perpecahan berlaku dikalangan kita orang Melayu, supaya kelemahan menimpa kita kerana menumpukan semata-mata kepada perbuatan riak, menunjuk-nunjuk keislaman kononnya dan membelakangkan usaha lain yang disuruh oleh agama – seperti persaudaraan dalam Islam, seperti menuntut ilmu dunia sesama ilmu untuk akhirat, seperti bekerja kuat secara yang halal untuk menambah rezeki, seperti mengembangkan syiar Islam dan lain-lain lagi.

Kita harus berwaspada supaya kita tidak terperangkap dengan keghairahan yang sedang berlaku di kalangan setengah-setengah orang Islam di negara kita. Kita adalah sebuah parti yang bertanggungjawab. Apa yang terjadi kepada UMNO akan menentukan nasib agama dan bangsa di negara kita. Sebab itu, kita mesti menentukan bahawa agama Islam tidak dipengaruhi oleh riak nafsu dan dengan itu kita tidak akan hancur dan orang Islam tidak akan hancur di negara kita ini. Kita perlu berpegang kuat kepada ajaran Islam yang sebenar. Kita tidak harus pilih hadis dan sunnah Nabi dan firman Tuhan yang secocok dengan kehendak hati kita sahaja dan menolak atau membelakangkan yang tidak menolong membantukan tafsiran yang kita pilih untuk agama Islam yang kita anuti.

Perlumbaan menunjuk kepada masyarakat kelebihan Islam kita daripada Islam orang lain, tidak ada tempat dalam UMNO. UMNO mesti berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar. Kita perlu terus mengamalkan persaudaraan dan perpaduan dalam Islam walaupun dengan orang Islam yang menjadi musuh-musuh politik kita termasuk mereka yang suka memencilkan diri. Kita akan menunaikan semua ibadat dalam Islam dengan tidak memilih yang mana satu yang kononnya lebih menolong diri kita ke syurga dan mengenepikan yang mana yang cuma menolong masyarakat dan agama amnya.

Kita akan berbuat demikian kerana inilah peranan yang ditentukan oleh agama kita dan ini adalah termaktub dalam perlombaan parti kita. Kita tidak harus malu

kerana ini. Kita tidak harus terikut-ikut dengan perbuatan orang lain. Generasi muda UMNO perlu faham semua ini kerana sekali lagi ingin saya tegaskan, bahawa mereka akan mewarisi UMNO dan perjuangannya. Jikalau generasi baru UMNO terpesong dari garis panduan dan matlamat-matlamatnya, terutama dalam bidang agama, ada kemungkinan UMNO akan hancur dan orang Melayu dengan keislaman mereka juga akan hancur. Awasilah. Hari ini sudah ada negara-negara Islam dan masyarakat-masyarakat Islam yang menolak agama Islam dan menerima ideologi yang atheis. Dan mereka menjadi demikian kerana amalan agama yang dipilih-pilih dan perlumbaan menunjuk-nunjuk yang saya sebutkan tadi. Janganlah kita juga turut ke jalan kebinasaan ini.

Tahun 1978, adalah tahun permulaan pemindahan kuasa di dalam UMNO. Generasi muda sudah mula mengambil alih. Yang menjadi penting kepada kita dan kepada masyarakat di Malaysia ialah pengambilan alih ini berjalan dengan tertib dan licin. UMNO mesti utuh dan kukuh bukan sahaja di masa proses pengambilan alih ini berlaku tetapi setelah ianya berlaku. Tidak ada gunanya jikalau dalam pengambilan alih cuma sebahagian sahaja daripada UMNO yang kekal di bawah kepimpinan baru, sementara yang sebahagian lagi mengasingkan diri kerana kecewa.

Kepimpinan sekarang masih di tangan Angkatan 1946. Kepimpinan yang baru bukan sahaja tidak dari Angkatan ini tetapi ramai yang cuma dewasa setelah merdeka dicapai. Sebuah parti perlu berubah mengikut zaman. Tetapi asas dan tradisi perjuangan parti juga ada tempat dalam pengekalan dan kejayaan parti. Sebab itu, hari ini kita harus meninjau sejarah dan alam sekeliling parti. Mudah-mudahan dengan berbuat demikian kita dapat mengelak nasib yang sering melanda mereka yang kerana tamak dan angkuh telah hancur dan luput dari muka bumi ini. Seperti saya katakan tadi, pada tahun ini kita akan memilih pemimpin di semua peringkat dalam UMNO. Oleh itu, perhimpunan tahunan ini adalah lebih

bergelora daripada tahun-tahun yang kita mengadakan pemilihan pemimpin.

UMNO mengamalkan sistem demokrasi dalam pemilihan calon seperti juga dalam lain-lain urusan parti. Mengikut demokrasi, calon-calon dan penyokong-penyokong mereka berhak berkempen supaya kejayaan mereka lebih cerah. Kempen yang dimaksudkan ialah kempen yang menumpu kepada kebolehan calon untuk mengisi jawatan yang ditandinginya. Banyak faktor-faktor yang menentukan kebolehan calon perlu disebutkan. Minatnya, khidmatnya yang terdahulu, semangatnya, kelayakannya dan seribu satu perkara lain. Tetapi, satu aliran yang tidak sihat sudah terdapat di masa-masa yang lampau dalam kempen untuk calon. Aliran ini tidak menekankan kelayakan calon, tetapi tertumpu kepada keburukan – iaitu keburukan calon yang lain. Yang lebih mendukacitakan lagi ialah jika tidak ada keburukan calon lain yang boleh memburukkan peluangnya, ada orang-orang yang boleh mengadakannya.

Satu lagi cerita yang amat digemari ialah penceburan dalam kegiatan-kegiatan yang tidak disukai oleh orang UMNO. Seperti biasa, kebenaran tidak penting. Yang penting ialah kesan terhadap calon lain. Saya yakin soal komunis dan soal *Freemason* akan ditimbulkan semula. Calon yang ditentang kononnya komunis atau *Freemason* ataupun sekurang-kurangnya penyokong pertubuhan-pertubuhan ini. Ada banyak cerita lain yang akan kedengaran di waktu ini – cuma di waktu ini – waktu pemilihan calon. Selepas itu, cerita ini akan hilang sama sekali seolah-olah tidak pernah disebut. Soal adil tidak adil, baik tidak baik, tidak diambil kira. Bagi mereka yang begitu sekali taksub dengan kemenangan bagi calon mereka, tidak ada sesuatu walaupun kotor bagai najis yang mereka tidak sanggup buat.

Memanglah benar tidak perlu menentukan supaya mereka yang tercemar dan mempunyai latar belakang yang buruk tidak harus dipilih sebagai pemimpin. Tetapi yang menjadi masalah ialah perbuatan sengaja mengadakan

yang tidak ada semata-mata untuk maksud mengalahkan calon lawan. Perbuatan ini amatlah buruk kerana akibatnya ialah yang layak tidak dipilih dan yang bergantung kepada cara-cara yang kotor akan dipilih.

Jika ini berterusan, UMNO akan dipimpin dan diwarisi oleh mereka yang buruk budi pekerti dan akhlak serta yang tidak mempunyai bakat dan kaliber memikul beban dan tanggungjawab dalam sebuah parti yang berkuasa. Tiap-tiap kali pemilihan dibuat, semakin buruklah kepimpinan parti dan semakin lemahlah parti. Oleh itu, saya ingin merayu kepada saudara saudari sekalian supaya menolak cara yang buruk ini. Jikalau ada kualiti yang buruk kepada mana-mana calon buatlah tuduhan atau kecaman secara terbuka dan buktikan apa yang diperkatakan. Jika benar apa yang diperkatakan, calon itu tidak akan terpilih. Tetapi jika tuduhan itu tidak benar, janganlah menyebarkan risalah yang disembunyi puncanya, jangan menyebar berita angin dan jangan tikam dari belakang. Memadailah dengan kita perkatakan kualiti yang baik yang ada kepada calon yang kita minati.

Dahulu, saya telah berkata bahawa generasi muda tidak lagi berminat untuk menyokong UMNO. Tetapi sejak itu, usaha telah dijalankan untuk menawan hati pemuda pemudi dan hasilnya ialah ramainya mereka ini menyertai UMNO. Ini dapat dilihat waktu pilihanraya, baik daripada segi tenaga kerja atau pengundi. Sokongan ini mempunyai alamat yang baik bagi UMNO. Tetapi pertambahan ini cuma akan berkesan jikalau UMNO berjaya mengkekalkan peranannya sebagai parti politik yang utama dalam negeri kita ini. UMNO akan menjadi warisan saudara saudari. UMNO mempunyai semua *assets* warisan yang baik. Apakah ia akan kekal sebagai warisan yang baik bergantung kepada mereka yang mewarisinya. Oleh itu, fikirlah dengan mendalam tentang peranan saudara saudari dalam UMNO. Fikirkan juga tentang apa yang saya telah perkatakan dalam ucapan ini.

Hari ini saudara saudari akan mewarisi suatu badan yang masih kuat dan kukuh dan saudara saudari akan

berbangga dan bersyukur dengan nasib baik saudara saudari. Kalaularah kerana lalai dan percakaran di masa depan, UMNO ini hancur dan generasi yang berikutnya tidak ada apa yang hendak diwarisi, saudara saudari mungkin dikutuk oleh mereka. Tanggungjawab waris UMNO adalah berat. Oleh itu, berhati-hatilah.

---

*Ucapan Semasa Merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO Dan Pergerakan Wanita UMNO, Pada Hari Khamis, 14 September 1978, Di Balai Budaya, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Jam 9.00 Pagi.*

---

# 5

## MASA DAN PERTUKARAN

MASA mempunyai satu khasiat dan kesan yang amat penting bagi masyarakat manusia. Masa tidak sahaja menjadikan yang muda tua, satu proses tidak boleh disekat, dihenti atau dibalikkan, tetapi masa juga dapat mengubah corak dan pemikiran masyarakat dan nilai hidup mereka sehingga masyarakat berubah menjadi berlainan dan berbeza sama sekali. Masa boleh menjadi masyarakat yang mundur maju dan yang maju mundur, menjadi yang anarkis tertib dan tersusun dan yang tersusun dan tertib anarkis, menjadi masyarakat yang berpegang kuat kepada agama atheist dan hedonis (iaitu yang hidup untuk kepuasan nafsu sahaja) dan sebaliknya yang atheist dan hedonistik sedar kepada kerohanian dan agama. Pendek kata, masa berkuasa mengubah fikiran dan keadaan masyarakat sehingga tidak ada satu yang kekal, sama ada baik atau buruk.

Tidak berapa lama dahulu, British dengan angkuhnya berkata, "*The sun never sets on the British Empire*" – bermakna bukan sahaja jajahan mereka mengelilingi dunia dan tidak ada satu masa yang seluruh empayar mereka gelap malam tetapi bermakna juga empayar mereka akan kekal selama-lamanya. Perjanjian mereka disyaratkan berkuatkuasa selagi ada bulan dan bintang dan matahari – iaitu sehingga kiamat. Dan Perdana Menteri mereka, Winston Spencer Churchill, berjanji kepada dunia yang

dianya tidak akan “*preside over the liquidation of the British empire*”. Demikian Great Britain dahulu. Tetapi masa mengubah nasib empayar British dan hari ini cuma tinggal sekeping dua wilayah sahaja lagi. Matahari tidak memancar secara berkekalan di atas jajahan British lagi. Dan negara yang begitu terkenal sebagai kuasa dunia sekarang ini cuma tinggal nama sahaja – dan bukan itu sahaja – keadaan di Great Britain sendiri mencemaskan. Kalau dahulu mereka mengecap orang lain sebagai pemalas dan pengotor – hari ini mereka sendirilah yang dicapkan dengan label-label itu.

Masa tidak sahaja mengubah nasib empayar British tetapi juga negara dan bangsa-bangsa lain. Kadangkala perubahan yang berlaku adalah begitu radikal sehingga kita tidak dapat kenal mereka lagi. Yang miskin menjadi kaya raya sehingga orang yang kuat dan megah datang bertalu-talu menyembah mereka dan mereka dilayan bagai-khan raja di negara yang dahulu menghinakan mereka. Dan yang megah dahulu, hari ini sudah tidak ada lagi dan menjadi pengemis dunia, meminta-minta kepada orang yang dahulu ditindas oleh mereka. Demikian masa dan kesannya. Kepada individu, kepada masyarakat, kepada negara, kepada dunia – semuanya merasai peralihan. Masa menjadi penawar kepada segala jiwa perasaan. Masa mengubah segala sikap dan nilai yang kononnya kekal abadi. Masa menjadikan yang ada tidak ada dan yang tidak ada diadakan atau dicipta buat kali pertamanya. Tidak ada yang kekal dan tidak ada yang mustahil apabila diserang oleh masa.

Saya menjelaskan peranan masa untuk memperingati diri saya dan saudara saudari bahawa tidak ada mustahil apabila diserang oleh peralihan masa. Sudah tentu pemikiran dan sikap dalam politik mudah ditukar selepas genapnya sekian masa. UMNO yang mempunyai dasar perjuangan yang tertentu juga mungkin bertukar dasar perjuangan dan menjadi parti yang bercorak kiri atau kanan daripada kedudukan UMNO sekarang. Dan dengan itu, kejayaan UMNO dan kejayaan negara juga akan

terancam.

Peralihan masa harus dititikberatkan oleh saudara saudari kerana kemungkinan ialah saudara saudari dari generasi yang muda yang akan mewarisi dan mengalami pertukaran yang berlaku dan kesan-kesannya. Generasi yang ada tetap luput dan hilang ataupun tidak berdaya lagi memimpin atau mempengaruhi keadaan. Mereka cuma akan dibawa oleh peralihan masa tidak semestinya menjadikan keadaan lebih buruk dari yang ada. Memang benar pertukaran yang akan berlaku boleh membawa kepada lebih banyak kebaikan dari sekarang. Generasi sekarang dan pemimpin-pemimpinnya harus mengakui bahawa bukan semua keadaan yang wujud di masa mereka baik-baik belaka dan tidak boleh jadi lebih baik. Yang sebenar ialah banyak yang buruk dan tidak diingini berlaku sekarang, sama ada kerana tidak dapat dielak atau mungkin juga kerana nilai dan tindakan yang dibuat oleh pemimpin generasi ini tidak sebaik seperti yang dijangka. Mungkin generasi yang lain dapat membuat nilai yang lebih tepat dan baik terhadap keadaan alam masyarakat dan membentuk dasar dan tindakan yang boleh membawa kepada lebih banyak kebaikan. Dan dengan itu, pertukaran yang akan berlaku membawa lebih kebaikan daripada keburukan. Tetapi pertukaran yang lebih buruk lebih mengancam kerana apa yang tidak dapat dinafikan ialah keadaan sekarang adalah lebih baik daripada dahulu – iaitu dari zaman penjajah dan masa-masa sejurus selepas kemerdekaan dicapai – bukan sahaja bagi orang UMNO dan orang Melayu tetapi semua kaum bumiputera dan bukan bumiputera dan seterusnya negara keseluruhan.

Biasanya, apabila masyarakat manusia mencapai kemajuan maka timbulah perasaan bahawa kemajuan tidak perlu dipelihara. Ianya adalah keadaan semula jadi. Walau apa pun dibuat, ianya akan berkekalan. Dengan perkataan lain, kemajuan dianggap sebagai perkara biasa dan kerana ianya perkara biasa kita boleh "*take for granted*" bahawa ia akan ada sepanjang masa. Sejarah menunjukkan bagaimana negara-negara dan empayar-empayar

yang maju dan gagah, termasuk empayar Islam telah merosot dan akhirnya lumpuh lenyap dalam jangkamasa yang pendek sahaja, kerana pemimpin-pemimpin dan penduduk tidak lagi berusaha mempertahankan kekuatan negara dan empayar-empayar ini. Bagi setengah-setengah negara atau masyarakat, mereka tidak pun sampai ke kemuncak pembangunan yang mungkin tetapi telah merosot lebih awal.

Jika dikaji, kita akan dapat bahawa punca merosotnya negara dan masyarakat ialah sikap tidak menghargai, dan oleh itu tidak memelihara kemajuan yang telah dicapai. Pemimpin asyik bercakar dan pengikut berpecah-pecah dan bermusuh antara satu sama lain. Sejarah orang Melayu penuh dengan peristiwa-peristiwa seperti ini. Di zaman raja berkuasa, rebutan kuasa berlaku bukan sahaja selepas kemangkatan seorang raja tetapi sepanjang masa. Dan tiap-tiap kali rebutan berlaku, kuasa-kuasa asing dipohon memberi bantuan kepada kedua-dua pihak. Akhirnya, negeri-negeri Melayu semuanya dijajah dan komposisi penduduknya tidak lagi dikuasai oleh orang Melayu.

Pada tahun 1945-1946 baharulah satu kesedaran menyerang orang Melayu akibat daripada penderitaan di waktu Perang Dunia Kedua dan cadangan British merampas kuasa dan mendirikan *Malayan Union*. Sejak dari tahun itu, perpaduan orang Melayu telah meningkat dan dengan perpaduan datang kuasa dan kemajuan. Apabila kita bercakap tentang kemajuan, kita tidak bermaksud kemajuan material atau dunia sahaja sejak kuasa terdapat kepada kita (walaupun kuasa ini diagih juga dengan kaum-kaum lain) kita telah dapat mengukuhkan kedudukan dan amalan agama Islam di kalangan orang Islam – khususnya orang Melayu. Tidak dapat siapa pun – termasuk pengkritik kita – yang boleh mengatakan, bahawa perpaduan yang diteroka oleh UMNO tidak meninggikan dan mengembang syiar Islam di Malaysia dan mendapat pengiktirafan daripada lain-lain negara Islam. Dan dengan proses yang dibuat sekarang, kuasa kerajaan yang

diperolehi melalui UMNO akan membawa lebih banyak kemajuan dalam bidang agama. Dengan perkataan lain, kemajuan yang dimaksudkan hasil daripada perpaduan dan kuasa ialah kemajuan yang menyeluruh – yang meliputi alam lahiriah dan rohaniah.

Tetapi kemajuan telah menimbulkan keangkuhan di kalangan beberapa segmen orang Melayu. Mereka ini berpendapat, bahawa yang perlu ialah menuntut lebih daripada yang sudah ada. Mereka tidak khuatir sama sekali bahawa kuasa boleh hilang dari tangan mereka. Dengan sombongnya mereka melupakan asas-asas kuasa itu – iaitu perpaduan dan kecekapan menggunakan kuasa. Mereka lupakan bahawa bagaimana besar sekalipun kuda yang dipunya oleh beberapa jenis manusia dalam sejarah, kerana kelalaian dan penyalahgunaan kuasa, akhirnya mereka jatuh.

Kita belum pun sampai ke puncak kemajuan baik di bidang *material* atau *spiritual*. Tetapi tanda-tanda tidak sedarkan diri dan keangkuhan kuasa (*arrogance of power*) sudah pun wujud tidak meliputi semua orang Melayu. Ada kumpulan-kumpulan orang Melayu yang giat mengadakan serpihan-serpihan daripada masyarakat Melayu tanpa sebab yang waras. Apabila wujudnya serpihan ini maka tumpuan kegiatan mereka ialah memburuk dan memecah baki yang masih bersatu padu. Untuk tujuan ini, mereka tidak kira apakah kesan kegiatan mereka terhadap orang Melayu serta agama dan ..egara mereka.

Pada satu ketika, kumpulan-kumpulan kini memperalatkan masalah sosial dan ekonomi. Tertarik dengan pendapat sosialis, dengan suara yang nyaring, mereka ini mengkritik dan mengecam apa yang dikatakan ketidak-adilan sosial, iaitu pembahagian kekayaan dalam masyarakat. Sama ada bukti menunjuk ini benar atau tidak, mereka melaungkan slogan "yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin lebih miskin". Bagi kumpulan ini, soal kekayaan material adalah perkara utama dalam mencapai kebahagiaan hidup – pendapat yang tidak berbeza dengan pendapat komunis. Bagi mereka,

yang maju dan gagah, termasuk empayar Islam telah merosot dan akhirnya lumpuh lenyap dalam jangkamasa yang pendek sahaja, kerana pemimpin-pemimpin dan penduduk tidak lagi berusaha mempertahankan kekuatan negara dan empayar-empayar ini. Bagi setengah-setengah negara atau masyarakat, mereka tidak pun sampai ke kemuncak pembangunan yang mungkin tetapi telah merosot lebih awal.

Jika dikaji, kita akan dapat bahawa punca merosotnya negara dan masyarakat ialah sikap tidak menghargai, dan oleh itu tidak memelihara kemajuan yang telah dicapai. Pemimpin asyik bercakar dan penganut berpecah-pecah dan bermusuh antara satu sama lain. Sejarah orang Melayu penuh dengan peristiwa-peristiwa seperti ini. Di zaman raja berkuasa, rebutan kuasa berlaku bukan sahaja selepas kemangkatan seorang raja tetapi sepanjang masa. Dan tiap-tiap kali rebutan berlaku, kuasa-kuasa asing dipohon memberi bantuan kepada kedua-dua pihak. Akhirnya, negeri-negeri Melayu semuanya dijajah dan komposisi penduduknya tidak lagi dikuasai oleh orang Melayu.

Pada tahun 1945-1946 baharulah satu kesedaran menyerang orang Melayu akibat daripada penderitaan di waktu Perang Dunia Kedua dan cadangan British merampas kuasa dan mendirikan *Malayan Union*. Sejak dari tahun itu, perpaduan orang Melayu telah meningkat dan dengan perpaduan datang kuasa dan kemajuan. Apabila kita bercakap tentang kemajuan, kita tidak bermaksud kemajuan material atau dunia sahaja sejak kuasa terdapat kepada kita (walaupun kuasa ini diagih juga dengan kaum-kaum lain) kita telah dapat mengukuhkan kedudukan dan amalan agama Islam di kalangan orang Islam – khususnya orang Melayu. Tidak dapat siapa pun – termasuk pengkritik kita – yang boleh mengatakan, bahawa perpaduan yang diteroka oleh UMNO tidak meninggikan dan mengembang syiar Islam di Malaysia dan mendapat pengiktirafan daripada lain-lain negara Islam. Dan dengan progres yang dibuat sekarang, kuasa kerajaan yang

diperolehi melalui UMNO akan membawa lebih banyak kemajuan dalam bidang agama. Dengan perkataan lain, kemajuan yang dimaksudkan hasil daripada perpaduan dan kuasa ialah kemajuan yang menyeluruh – yang meliputi alam lahiriah dan rohaniah.

Tetapi kemajuan telah menimbulkan keangkuhan di kalangan beberapa segmen orang Melayu. Mereka ini berpendapat, bahawa yang perlu ialah menuntut lebih dari pada yang sudah ada. Mereka tidak khuatir sama sekali bahawa kuasa boleh hilang dari tangan mereka. Dengan sombongnya mereka melupakan asas-asas kuasa itu – iaitu perpaduan dan kecekapan menggunakan kuasa. Mereka lupakan bahawa bagaimana besar sekalipun kuda yang dipunyai oleh beberapa jenis manusia dalam sejarah, kerana kelalaian dan penyalahgunaan kuasa, akhirnya mereka jatuh.

Kita belum pun sampai ke puncak kemajuan baik di bidang *material* atau *spiritual*. Tetapi tanda-tanda tidak sedarkan diri dan keangkuhan kuasa (*arrogance of power*) sudah pun wujud tidak meliputi semua orang Melayu. Ada kumpulan-kumpulan orang Melayu yang giat mengadakan serpihan-serpihan daripada masyarakat Melayu tanpa sebab yang waras. Apabila wujudnya serpihan ini maka tumpuan kegiatan mereka ialah memburuk dan memecah baki yang masih bersatu padu. Untuk tujuan ini, mereka tidak kira apakah kesan kegiatan mereka terhadap orang Melayu serta agama dan ..egara mereka.

Pada satu ketika, kumpulan-kumpulan kini memperalatkan masalah sosial dan ekonomi. Tertarik dengan pendapat sosialis, dengan suara yang nyaring, mereka ini mengkritik dan mengcam apa yang dikatakan ketidak-adilan sosial, iaitu pembahagian kekayaan dalam masyarakat. Sama ada bukti menunjuk ini benar atau tidak, mereka melaungkan slogan "yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin lebih miskin". Bagi kumpulan ini, soal kekayaan material adalah perkara utama dalam mencapai kebahagiaan hidup – pendapat yang tidak berbeza dengan pendapat komunis. Bagi mereka,

masyarakat yang bahagia ialah masyarakat yang anggotanya mendapat pendapatan yang sama. Bagi mereka, ini *equality* pendapatan bermakna keadilan dan kebahagiaan. Oleh itu, mereka berjuang untuk persamaan pendapatan semata-mata.

Apakah benar bahawa pemilikan harta sama rata bermakna keadilan dan kebahagiaan tidak disoal oleh kumpulan ini. Kerana ada orang berkata begitu dan mereka disogok oleh sosialis dan komunis asing dengan nilai ini, mereka menerima sahaja hujah-hujah ini tanpa kajian. Bahawa pembahagian kekayaan sama rata dalam sesuatu masyarakat akan menjadikan semua anggota masyarakat itu miskin tidak disoal oleh mereka itu. Mereka menolak kenyataan yang jelas menunjuk bahawa amalan sistem sosialis dalam milik harta kekayaan menjadikan rakyat miskin dan hamba kepada beberapa kerat pemimpin yang hidup mewah. Kesan daripada kempen pihak sosialis ini terhadap orang Melayu yang baharu sahaja mula membanguni, ialah kemajuan yang terhalang. Dalam bidang pelajaran bagi anak-anak Melayu yang ketinggalan akibat penjajah British, kegelisahan yang dicetuskan oleh sosialis/komunis memesongkan pandangan kepada apa yang dicerminkan sebagai usaha memperbaiki keadaan masyarakat – iaitu usaha mengamalkan sistem dan dasar sosialis dan komunis. Kononnya, masyarakat yang ada adalah kapitalis dan tidak adil, dan oleh itu harus dihancurkan. Dan pelajar-pelajar Melayu pun ke hulu dan ke hilir untuk membangkitkan perasaan dan melancar berbagai tindakan.

Akibatnya, peluang belajar yang disediakan dengan begitu susah untuk mereka tercicir dan tidak dapat menolong mereka mengatasi kemunduran diri mereka. Orang Melayu yang berharapkan kepada generasi muda; orang Melayu yang memikir bahawa perjuangan dan korban mereka sudah mula berhasil, kecewa. Sosialis, komunis dan lain-lain musuh yang tidak suka orang Melayu mencapai kejayaan pula riang gembira. Orang Melayu akan terus ketinggalan dan masyarakat mereka akan terus

subur untuk semaian pendapat yang akan menjadikan mereka alat komunis dan sosialis.

Dalam bidang pekerjaan, kesan sosialis juga dirasai. Pelajar-pelajar dan cerdik pandai sosialis cuba mempengaruhi pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja supaya tidak menunjuk minat kepada pekerjaan. Kita semua tahu bahawa kita harus bekerja dengan jujur untuk mendapat nafkah. Kita semua tahu bahawa sebagai orang Islam kita harus memberi khidmat kita seperti yang dijanjikan. Kita tahu adalah salah bagi kita mengambil upahan untuk khidmat yang kita tidak beri. Kita tahu pula bahawa bangsa yang bekerja dengan kuat dan jujur tentu maju dan sebaliknya bangsa yang malas dan menipu dalam pekerjaan mereka akan mundur. Tetapi apabila pihak sosialis menyuruh orang Melayu supaya tidak bekerja kuat, tidak bekerja betul dan menggunakan tenaga dan kecekapan mereka untuk merosakkan dan mengancam perusahaan yang memberi peluang mereka bekerja dengan tujuan untuk mendapat pendapatan yang lebih, ramai orang Melayu terikut-ikut dan tidak menyoal motif orang-orang yang kononnya bersimpati dengan mereka. Pekerja Melayu dengan mudah terperangkap dengan tarikan pendapatan yang lebih melalui ugutan dan mengikut telunjuk orang-orang ini.

Kesannya ialah orang Melayu tidak dapat meninggikan taraf kecekapan mereka dalam berbagai bidang dan mereka mendapat imej sebagai pengacau dan pemalas yang cuma akan membawa masalah kepada sesiapa yang memberi peluang bekerja kepada mereka. Sementara itu, orang yang menyuruh mereka mengambil berbagai tindakan mencapai lebih banyak kejayaan kerana mereka bekerja keras dan sering meninggikan taraf kecekapan mereka. Kita tahu bahawa bangsa yang pemalas dan tidak cekap tidak akan berjaya dan sebaliknya yang rajin dan berkebolehan mudah berjaya dan lebih bahagia. Kita dapat lihat bagaimana orang Inggeris yang sudah menjadi malas. Kita dapat lihat bagaimana bangsa-bangsa yang kalah perang telah bekerja dengan kuat dan penuh minat dan hari ini menjadi

bangsa yang kaya raya dan dihormati oleh semua. Kita lihat dan kita tahu semua ini; kita tahu keburukan yang akan menimpa kita kalau kita malas dan tidak mahu menuntut ilmu dan kecekapan. Tetapi apabila pihak sosialis dan kuncu-kuncu mereka berkata, bahawa tanpa ilmu dan kecekapan kita boleh dapat kesenangan dan mewah. kita mudah percaya. Kita percaya kata-kata mereka bahawa mengugut dan merampas perusahaan orang lebih mudah memberi kejayaan. Dan dengan itu, walaupun peluang diberi kepada kita, kita tidak juga meninggikan kecekapan dan pengetahuan kita.

Kita tahu tidak ada jalan yang mudah untuk mencapai kejayaan. Kita tahu cuma melalui ketegasan dan ketekunan sahaja yang boleh kita memperbaiki keadaan kita. Tetapi, kita mudah terpedaya dengan cara yang mudah yang ditayang oleh sosialis, kepada kita. Mogok, tidak bekerja dan ugutan kononnya memberi lebih pendapatan daripada bekerja dengan jujur dan penuh minat. Buat suatu masa, ramai juga daripada anak muda kita terutama di institusi pelajaran tinggi yang cuba mengamalkan cara sosialis. Mereka tidak belajar dan mengasahkan kecekapan mereka tetapi sebaliknya mereka cuba mencapai matlamat mereka dengan cara mengadakan huruhara. Mereka menyusun dan mengadakan demonstrasi dan kekacauan di seluruh negara. Mereka menghasut orang kampung dan pekerja kilang supaya menggunakan demonstrasi massa sebagai cara mudah mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Kerja dan usaha tidak perlu, kata mereka. Dengan menimbulkan kekacauan di seluruh negara, kerajaan terpaksa tunduk kepada mereka. Pendapatan tidak payah dikaitkan dengan kerja. Kerajaan boleh ditekan supaya memberi sara hidup kepada semua yang tidak bekerja. Dengan itu, semua orang tidak perlu bersusah payah bekerja lagi. Bahawa inilah yang membawa kehancuran masyarakat yang lebih maju daripada kita, tidak diambil kira. Yang ditumpukan oleh anak muda Melayu ini ialah cara ini begitu berkesan serta mudah kerana ia bergantung kepada nafsu manusia – dan nafsu memang lebih mudah

diperalatkan daripada nilai-nilai yang waras.

Pengaruh nafsu juga diguna oleh penuntut yang pro-sosialis dalam menguasai fikiran dan gerak-geri pekerja-pekerja. Bila ada saja mogok atau lain-lain bukti kegelisahan pekerja-pekerja kilang dan lain-lain perusahaan, maka sampailah kuncu-kuncu sosialis ini untuk menangguk di air yang keruh. Mereka memberi bantuan moral dan wang kononnya kerana simpati mereka terhadap penderitaan kaum buruh. Walhal, maksud mereka ialah untuk mendapat pengaruh supaya kerajaan takut kepada pemimpin sosialis dan sedia mengikut kehendak mereka. Matlamat puak pro-sosialis ialah mengadakan *general strike* seluruh negara. Ini tetap akan menjatuhkan kerajaan dan kuasa akan terdapat kepada pemimpin sosialis tanpa proses demokrasi. Sekali kuasa terlepas kepada tangan mereka, mereka akan susun pentadbiran mereka supaya demokrasi tidak akan mengancam kedudukan mereka dan kuasa yang terdapat pada mereka akan berkekalan.

Dasar dan tuntutan sosialis memang menarik. Mereka tidak bersetuju dengan kekayaan yang menjolok yang diperolehi oleh kapitalis daripada titik peluh pekerja. Pekerja, kata mereka, harus mendapat bahagian yang sama dan adil daripada hasil usaha mereka. Oleh itu, semua perusahaan harus dimiliki oleh pemerintah dan semua keuntungan dibolot oleh pemerintah untuk membiayai segala kemudahan percuma untuk rakyat. Bahawa, yang akan menjadi *elite* dan mengganti tempat orang kaya ialah pemimpin-pemimpin pemerintahan sosialis tidak disebutkan. Bahawa, dengan ini juga semua pekerja akan menjadi hamba golongan *elite* ini tidak juga diperkatakan.

Pada permukaannya, konsep dan dasar sosialis ini amatlah menarik sehingga pada satu ketika dan usul supaya UMNO mengamalkan ideologi separuh sosialis. Tetapi, apabila dibahas dalam Mesyuarat Agung UMNO, usul ini telah ditolak dan perjuangan UMNO secara umum dikatakan berpandu kepada nasionalisme demokratik. Pada masa yang sosialis cuba memesongkan perjuangan UMNO, ada satu lagi kumpulan yang juga mencari

kesempatan. Sebenarnya, kumpulan ini wujud lebih awal lagi tetapi perjuangan mereka telah menjadi samar-samar kerana sebahagian daripadanya telah menyertai kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu, serpihan daripada kumpulan ini telah mencipta berbagai gerakan yang kononnya berasas kepada agama Islam. Buat beberapa tahun awalan tujuh puluhan, mereka ini bekerjasama dengan puak sosialis daripada berbagai kaum. Demonstrasi-demonstrasi pada masa ini disertai oleh kumpulan ini atas apa yang ditafsirkan sebagai *Islamic Socialism*.

Gagalnya usaha sosialis telah menyebabkan kumpulan-kumpulan "agama" ini berpisah dan berjuang berasingan. Walaupun perpisahan berlaku, taktik dan strategi adalah sama dan matlamat juga adalah sama. Malangnya, ada kumpulan-kumpulan yang benar-benar ingin berpandu dengan ajaran Islam telah terperangkap sehingga ahli UMNO pun telah terlibat. Dengan ini, maka sekali lagi perjuangan UMNO untuk bangsa dan agama terancam dan tergugat. Agama Islam merupakan kuasa yang kuat yang mempengaruhi nilai-nilai dan gerak-geri orang Melayu. Hakikat ini digunakan oleh kumpulan-kumpulan yang ingin memperalatkan agama untuk memecahbelahkan orang Melayu supaya menjadi lemah dan oleh itu, terpaksa bergantung kepada mereka. Pengaruh mereka akan menjadi lebih kukuh dan menyeluruh kerana kelemahan orang Melayu. Kumpulan-kumpulan yang memperalatkan agama tidak puas hati dengan agama Islam kerana tidak ada paksaan dan tekanan dalam Islam. Tuhan yang Maha Mengasihani dan Maha Penyayang tidak sesuai dengan strategi mereka. Tuhan yang mengampuni dosa juga tidak sesuai.

Mereka lebih suka kepada Tuhan yang bengis seperti dalam agama-agama kolot dahulu yang mana pengikut dikorban dan disembelih jika tidak mahu mengikut perintah Tuhan. Mereka lebih suka kepada agama yang menjadikan pemimpin agama pemilik kuasa menghukum dan menyeksa pengikut seperti *high priests* dahulu kala. Mereka lebih suka kepada agama yang mempunyai sistem

*clergy* atau *priests* yang bukan sahaja mentafsir agama tetapi kononnya adalah lebih dekat kepada Tuhan dan menjadi orang perantaraan antara manusia dan Tuhan. Pendek kata, mereka ingin menjadi dalang yang berkuasa walaupun orang lain yang memerintah. Kejadian di sebuah negara Asia Tengah di mana kerajaan diletak di bawah telunjuk kumpulan *clergy* yang berkuasa menghukum dan menjalankan hukum minat kumpulan ini.

Bahawa, agama Islam adalah agama yang toleran mengecewakan mereka ini. Oleh itu, sepanjang masa mereka mengutamakan kekerasan hukum Islam dan aspek negatif sahaja yang kononnya mencerminkan agama Islam keseluruhannya. Dunia dan kejayaan di dalam dunia kononnya, tidak penting dalam Islam. Bertentangan dengan ajaran Islam mereka mentafsirkan berbagai ilmu sebagai ilmu sekular yang tidak harus dipelajari oleh orang Islam. Dengan ini, mereka berharap golongan yang terpelajar dalam dunia Islam ialah mereka sahaja. Dan golongan lain tidak berpengetahuan dan terpaksa tunduk kepada mereka.

Mereka tidak mahu penganut Islam berusaha untuk mencari kekayaan walaupun dalam Islam tidak ada ketegahan terhadap kekayaan. Bahawa Nabi Muhammad s.a.w. dan ramai keluarga dan rakannya adalah daripada golongan yang kaya yang mampu mengeluarkan zakat, tidak disebut oleh mereka. Satu pepatah yang digunakan oleh mereka untuk mengekalkan kemiskinan dan melarang bekerja kuat ialah kononnya, "rezeki secupak tidak akan jadi segantang". Dengan ini, Tuhan disalahkan kerana memberi rezeki cuma secupak sahaja dan penganut Islam tidak berupaya bagi menambahnya menjadi segantang. Tidak salahlah kalau kita tidak berusaha menambah rezeki.

Bahawa, sebenarnya Tuhan memberi bukan secupak tetapi segantang atau lebih jika sahaja kita berusaha dengan fikiran dan tenaga yang juga dikurniakan Tuhan tidak disebut mereka. Umpamanya, tanah yang kita milik boleh memberi lebih rezeki (iaitu perolehan) jika kita tidak

membazirnya sedikit pun dan kita gunakan tenaga kita sepenuhnya untuk mengeluar hasil yang sepenuhnya. Tapi akibat daripada menyalahkan Tuhan, tanah yang dikurniakan oleh-Nya kepada kita dibiarkan sehingga benarlah rezeki cuma secupak. Dan kita pun berkata, "Lihat, rezeki secupak pemberian Tuhan. Dia tidak boleh menjadi segantang. Bukan saya malas. Tuhan yang menentukan lebih dahulu." Jadi kalau kita miskin Tuhan yang salah, bukan kita.

Bahawa, pembaziran tanah kurniaan Tuhan adalah satu sikap yang sompong dan tidak bersyukur kepada Allah s.w.t., tidak difikirkan sama sekali. Tabiat buruk ini tidak berbeza dari melempar buang barang yang diterima sebagai hadiah. Apakah perasaan pemberi tidak dititikberat langsung? Sebaliknya, pemberi dikatakan memberi cuma sedikit sahaja dan itu pun tidak berguna. Apakah ini yang dikehendaki oleh agama, oleh Allah s.w.t.? Apakah kesyukuran tidak ada tempat dalam Islam? Apakah tidak disebut dalam Quran?

"Lain syakar tum laazi dan nakum, walain kafar tum iqna azzbi la syadid." Yang bermaksud, "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih."

Mereka yang membawa ajaran ini; yang membentuk nilai-nilai ini, menjadikan agama Islam sebagai alasan dan asas satu falsafah dan cara hidup yang bertentangan dengan agama Islam. Mereka menyalah tafsirkan agama Islam dengan sengaja. Bahawa kesan, daripada tafsiran yang salah ini ialah masyarakat Islam yang lemah dan terpaksa mengemis kepada orang bukan Islam, bahkan orang yang menjadi musuh kepada Islam tidak diambil kira oleh golongan ini. Bagi mereka, yang penting ialah dalam masyarakat Islam yang berpemikiran lemah dan papa kedana, mereka mendapat tempat sebagai orang yang berkuasa.

Seperti pepatah berkata, "Dalam masyarakat yang buta, seorang yang tunggal celek menjadi raja." Dalam

masyarakat Islam yang tidak tahu agamanya yang sebenar, mereka yang dapat menonjol pengetahuan agama melalui hadis dan firman dan sunnah nabi yang dipilih-pilih. mereka berharap menjadi raja yang berkuasa. Berhadapan dengan mereka yang memperalatkan agama Islam, UMNO kadangkala terpengaruh juga. Ada di antara kita yang terima bulat-bulat tafsiran yang salah dan nilai-nilai yang buruk yang ditonjolkan oleh golongan oportunistik agama ini. Ada juga di antara kita yang berpendapat, bahawa kita harus menunjuk bahawa UMNO tidak kurang minatnya dalam agama dengan mengamalkan cara-cara yang salah tadi. Ada yang berkata, bahawa ini adalah Islam dan kita harus berbuat seperti mereka.

Sebab itu, ramai daripada ahli-ahli dan bahagian-bahagian UMNO yang membuat usul-usul supaya kita juga membuat apa yang diperbuat oleh golongan yang menyeleweng daripada ajaran agama Islam. Ada orang UMNO yang hendak kita mengutamakan pakaian sebagai ukuran keislaman. Ada yang hendak kita mengenepikan pelajaran yang ditafsir sebagai sekular oleh oportunistik agama sebagai amalan Islam. Dan ada yang hendak supaya kerajaan yang dipimpin oleh UMNO melakukan apa yang salah dan kejam terhadap orang bukan Islam sebagai bukti keislaman, kononnya. Dan banyak lagi perbuatan-perbuatan yang sebenarnya berasas kepada nafsu yang angkuh kerana kita sudah berkuasa, yang disuruh kita buat sebagai tanda keislaman. Bahawa semua ini bertentangan dengan Islam yang sebenar dan tidak pun selaras dengan kerajaan Islam yang sebenar di bawah pimpinan Nabi dan sahabat-sahabatnya, tidak diambil kira. Yang penting ialah ada orang Islam yang berkuasa dan kenapa mereka tidak menunjuk kuasa ini dengan terang sebagai bukti orang Islam berkuasa – terutama terhadap yang bukan Islam. Demikianlah reaksi sebahagian daripada ahli UMNO apabila berhadapan dengan strategi musuh politik UMNO yang memperalatkan agama Islam.

UMNO tidak harus terperangkap dengan usaha kumpulan-kumpulan dakwah songsang dan mereka yang

didorong oleh nafsu yang saya sebutkan tadi. Kita harus ingat bahawa kita tidak lari daripada asas Islam dalam perjuangan kita. Jauh lebih awal dari parti lain dan kumpulan lain, kita telah berikrar untuk melindung Islam di Malaysia ini dan memajukannya. Dan ikrar ini tidak tinggal ikrar sahaja. Bukti yang jelas dan nyata menunjukkan bagaimana dalam masa UMNO memerintah, pegangan kepada agama Islam oleh orang Islam telah menjadi lebih kukuh, pergetahuan mereka tentang agama Islam telah bertambah, kegiatan yang berasas agama Islam telah meningkat dan segala kemudahan untuk amalan agama Islam telah disediakan dengan bagitu banyak.

UMNO harus pegang kepada agama Islam yang sebenar dan tidak terpengaruh dengan sandiwara yang sedang diperlihatkan oleh setengah-setengah orang lain. Masalah yang dihadapi oleh orang Islam adalah lebih besar dari soal warna dan bentuk pakaian, soal adanya tempat sembahyang di atas kapal terbang atau keretapi (orang Islam boleh sembahyang walaupun sambil menunggang kuda), soal tanda haram/halal yang sebenarnya tidak mempunyai makna kerana tidak siapa pun yang boleh menjamin kebenarannya (orang Islam juga sanggup menjual daging haram dengan tanda halal), dan soal titik bengik yang lain. Masalah yang dihadapi oleh Islam dan orang Islam ialah masalah *survival*, masalah persaudaraan dan perpaduan dalam Islam, masalah kehormatan terhadap agama Islam dan pengikut-pengikutnya, dan masalah perkembangan agama Islam dan pemancaran cahayanya ke sudut-sudut dunia yang masih gelap.

Zaman ini mempunyai berbagai jenis cabaran dan ancaman yang luar biasa bagi orang Islam. Yang pertama ialah persaudaraan dalam Islam. Orang-orang yang beragama Islam dan negara-negara yang diperintah oleh Islam bukan sahaja tidak bersaudara tetapi bermusuhan. Orang Islam menuduh orang Islam lain sebagai tidak Islam bukan kerana agama tetapi kerana politik. Bila mereka bersetuju daripada segi politik, maka amalan agama tidak dipedulikan walaupun jelas amalan itu salah.

Besok, bila sudah bermusuh semula semuanya tidak kena dan tidak Islam dan mereka menentang kerana Islam kononnya. Begitu juga dengan orang Islam dalam sesebuah negeri. Bila tidak ada pertentangan politik, semua yang diamal adalah Islam belaka tetapi apabila bermusuh balik, maka yang dibuat bersama dahulu sudah tidak Islam lagi dan dikecam dengan hebat. Hasil daripada sikap ini ialah permusuhan bahkan perperangan antara orang-orang Islam sesama Islam adalah lebih kuat dari antara Islam dengan orang yang bukan Islam dan yang jelas anti-Islam. Lebih ramai orang Islam dibunuh oleh orang Islam daripada orang Islam yang dibunuh oleh bukan Islam. Dan kelemahan orang Islam sekarang lebih disebabkan oleh orang Islam daripada yang bukan Islam.

Dalam sejarah Islam tidak ada satu masa yang negara-negara Islam mempunyai sumber kekayaan yang bukan sahaja terbanyak sekali tetapi yang strategis. Dengan kekayaan ini tidak sahaja dibazirkan malah digunakan untuk menindas rakyat sendiri, membala dendam dalam negara dan antara negara Islam dan menghasut serta memerangi negara dan orang yang seagama. Tidak guna kita berkata, bahawa ini tidak berlaku, bahawa ini adalah laporan oleh orang yang bukan Islam dan anti-Islam. Kita tahu ini berlaku kerana kita mendengar daripada orang Islam yang terlibat sendiri apabila mereka berusaha mendapat sokongan daripada kita dan kita lihat dengan mata kepala kita sendiri.

sokongan daripada kita dan kita lihat dengan mata kepala kita sendiri.

Dalam perperangan yang berlaku, orang Islam dan negara Islam dengan segala suka hati meminta pertolongan daripada orang yang sekali lagi bukan sahaja tidak Islam tetapi sebenarnya anti-Islam. Pertolongan ini terpaksa dipohon kerana orang Islam, walaupun kaya raya, tidak mempunyai ilmu dan kebolehan membuat dan mengeluar alat-alat perang yang begitu penting dalam menghadapi musuh. Analisa yang cetek sekalipun dapat menunjuk bahawa masalah orang Islam dan negara Islam bukan

disebabkan oleh polisi atau perjanjian atau siapa berkawan dengan siapa. Masalah orang Islam ialah kelemahan mereka yang menyebabkan mereka kalah tiap-tiap kali mereka berperang. Dan kekalahan ini ialah disebabkan oleh kurang pengetahuan terutama dengan selok-belok peperangan moden. Dengan tentera yang jumlahnya lebih kuat dan dilengkапkan oleh alat peperangan yang moden, ketidakcekapan mereka telah menyebabkan kekalahan mereka tiap-tiap kali.

Dan bila kalah, mereka tidak mahu mengakui sebab yang sebenar tetapi sebaliknya menyalahkan apa yang tidak menjadi sebab. Dengan itu, kesalahan tidak dapat dibetulkan selama-lamanya – dan kekalahan tetap akan berlaku jika ada percubaan lagi untuk melawan musuh. Akhirnya, mereka hidup dalam ketakutan. Semua ini harus diakui oleh kita jika pun tidak oleh orang Islam lain. UMNO dan orang Islam di Malaysia tidak harus memiliki sikap yang salah. Kita tidak harus khayal dan berkata bahawa sebenarnya kita betul dan berjaya sedangkan jelas di mata umum kita tidak betul dan tidak berjaya.

Dengan pengetahuan ini, maka dapatlah kita betulkan yang tidak betul dan mencapai kemajuan yang seharusnya. Maksudnya ialah dengan tidak segan-segan kita mengakui bahawa dalam bidang pelajaran umpamanya, kita ketinggalan dan dengan tidak membahas lagi suruhan agama terhadap tuntutan ilmu maka secara bersungguh-sungguh kita tumpukan kepada penguasaan semua jenis ilmu yang berguna. Dalam bidang perniagaan sebagai sara hidup dan sebagai puncakekayaan, kita mengakui kemunduran dan kesalahan kita. Dan oleh kerana tidak ada larangan terhadap perniagaan dan kekayaan pula boleh memberi kekuatan kepada orang Islam, kita dengan serius dan bertanggungjawab menyertai bidang ini. Segala suruhan agama tentang kejujuran dalam perniagaan harus diamalkan sehingga tiada sesiapa akan ragu-ragu bila bermiaga dengan kita.

Dalam bidang pentadbiran, kita amalkan cara-cara pemerintah yang adil seperti yang terdapat dalam

pemerintahan Islam di bawah pimpinan Nabi Muhammad dan Khulafa-ur-Rashidin. Memang benar kita tidak dapat melaksanakan semua yang dilaksanakan pada masa itu kerana pemimpin-pemimpin itu adalah luar biasa dan masyarakat Islam pada masa itu lebih tahu dan lebih dekat dengan Islam. Juga, kekuatan orang Islam pada ketika itu tidak ada bandingannya. Tetapi, segala-gala yang dapat kita amalkan dalam negara yang orang-orang Islam yang belum bersatu padu dan masih serba kekurangan, akan kita amalkan. Kita tidak akan tergoda dengan Islam tayangan yang lebih menumpu kepada lambang-lambang yang direka-reka – seperti pakaian dan warna – dan kegiatan memecah batu di tengah malam. Kita akan tumpukan kepada amalan agama Islam yang sebenar yang akan memberi kekuatan dan kehormatan kepada agama Islam dan kepada kita. Dan ini, termasuklah keadilan mengikut Islam terhadap semua pihak yang diperintah oleh kita. Tidak ada tempat bagi kita untuk menyang kuasa kita dengan menindas dan melakukan yang tidak adil kepada orang lain. Lebih-lebih lagi, tidak ada tempat bagi kita mengubahkan dan menukar agama Islam dan Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang kepada satu agama yang menyuruh kita lakukan penindasan dan Allah s.w.t. kepada Tuhan yang bengis yang mahu korban darah sebagai tanda ketaatan dan kepercayaan pengikutnya.

UMNO dan ahli-ahli UMNO mestи sedar bahawa bilangan orang Melayu tidak ramai dan tidak ramai pula daripada kita yang mempunyai bakat dan kebolehan dalam serba-serbi kegiatan yang boleh memberi kekuatan kepada kita. Perpecahan dan ajaran yang salah telah mengurangkan lagi tenaga kita. Sesuatu yang boleh memberi kekuatan kepada kita ialah penglibatan wanita dalam semua bidang yang tidak dilarang oleh agama. Sebab itu, penyertaan wanita amat penting dalam semua bidang bagi menambah tenaga untuk memulih kedudukan kita. Per cubaan untuk menjadikan wanita sebagai orang kelas dua dalam Islam dan tidak boleh berpelajaran atau bekerja adalah perbuatan yang mengkhianati bangsa dan juga

agama – kerana tanpa penyertaan wanita, separuh dari tenaga orang Islam akan hilang. UMNO akan terus berjuang supaya wanita Melayu mempunyai tempat dalam barisan hadapan untuk memulihkan orang Islam dan orang Melayu.

Cabaran yang dihadapi oleh UMNO semakin lama semakin bertambah dan semakin kompleks. Perubahan dan pertukaran kerana peredaran masa akan menambah dan menjadikan lebih kompleks lagi serangan yang akan dihadapi oleh UMNO. Masa akan mencabar nilai dan pegangan bukan sahaja orang Melayu lain tetapi ahli UMNO sendiri sehingga keraguan akan timbul terhadap dasar dan konsep perjuangan UMNO sendiri. Dan, dengan pertukaran nilai ini, kekuatan yang hingga kini dapat ditumpang dan melindungi orang Melayu mungkin akan beransur-ansur lenyap.

Memang ini adalah aliran biasa bagi sesebuah parti politik bahkan sesuatu kumpulan dalam peredaran masa. Pertukaran nilai tidak semuanya buruk tetapi biasanya manusia yang hidup senang dan mewah, atau yang memikir bahawa mereka sudah hidup senang dan mewah tidak lagi menghargai kesenangan dan kemewahan mereka. Berbanding dengan keadaan dahulu, orang Melayu sekarang berkuasa dan lebih mewah. Oleh itu, lebih besar kemungkinan mereka menganggap kemewahan mereka adalah perkara biasa dan kekal dan tidak payah dihargai atau dipelihara. Dengan anggapan ini, pertukaran akan lebih ke arah yang buruk dari yang baik.

Kemungkinan yang berlaku adalah lebih kerana mereka yang sudah mewah atau menilai mereka mewah biasanya lemah dan mudah terpengaruh dengan cara-cara yang mudah. Malangnya, cara yang mudah tidak mungkin membawa kebaikan yang berkekalan. Kesedaran tentang hakikat ini amatlah penting kerana ramai yang akan menunjuk kepada cara yang mudah. Apabila sahaja kita menghadapi satu cabaran yang sukar diatasi, akan ada orang berkata, sebenarnya itu tidak penting diatasi. Alihkan sahaja kepada jurusan lain atau asingkan diri

daripada yang susah ini.

Dengan perkataan ini, kita harus berwaspada apabila sahaja yang mudah ditunjukkan kepada kita untuk mengatasi masalah atau cabaran yang kita hadapi. Kajian yang mendalam dan iklas harus dibuat tiap-tiap kali cara yang mudah ditonjolkan. Jika ada sedikit pun keraguan, kita harus berani tolak dan pegang kuat kepada cara yang lama walaupun susah untuk dilaksanakan. Cuma, jikalau kajian menunjukkan dengan jelas bahawa cara yang baru ini tetap berkesan dan membawa kepada kebaikan, baharulah kita harus tukar cara-cara yang telah kita amalkan.

Tidak ada yang mudah bagi kita dalam apa juga lapangan. Semuanya berkehendak kepada usaha yang gigih dan kesanggupan mengalami tekanan dan kerugian sebelum tercapai matlamat. Dalam menghadapi masa dan pertukaran yang datang bersamaannya kita dalam UMNO dan orang Melayu amnya harus menyediakan diri untuk bermacam-macam dugaan. Tidak ada masa yang rintangan dan masalah akan habis diatasi. Habis satu akan diganti dengan satu lagi. Dalam perjuangan tidak akan ada kemenangan yang terakhir yang memboleh kita berehat sepanjang masa.

Generasi muda UMNO yang berpendapat, bahawa jika hari ini mereka tidak dapat mengambil bahagian dalam mengatasi sesuatu masalah, maka tidak ada gunanya penyertaan mereka dalam parti, adalah salah. Masalah dan cubaan tidak akan habis selesai di waktu golongan tua menguasai parti dan kerajaan. Lebih banyak masalah akan mengancam UMNO dan orang Melayu dan agama Islam kemudian hari yang mana tidak dapat tidak, tenaga dan kebolehan golongan muda akan diperah habis-habisan. Perjuangan tidak punyai akhirnya. Kekecewaan tidak ada tempat dalam hati orang UMNO sama ada tua atau muda.

Oleh itu, bersedia lah. Masa akan membawa perubahan dan pertukaran. Nilai-nilai yang ada mungkin luput dan lenyap dan akan diganti dengan nilai-nilai yang baru. Keadaan pembahagian kuasa di negara ini juga

mungkin berubah dengan masa dan perlindungan yang sehingga ini kita miliki mungkin lesap dan hilang. Kedudukan kita mungkin berubah. Yang mustahil mungkin menjadi perkara biasa.

Ramai yang menanti-nanti pertukaran ini. Ramai yang lihat kejadian di lain negara yang ingin supaya masa akan membawa pertukaran yang sama di negara ini. Ramai yang sanggup mengadakan huru-hara asalkan mereka mendapat manfaat daripada mereka. Di tengah-tengah pergolakan ini, UMNO berada. Walau apa juga cabaran masa, kita perlu pegang kepada yang benar. Kita perlu pertahankan konsep yang baik dan tidak menukar semata-mata kerana ingin mengikut aliran zaman. Kita dalam UMNO adalah benteng pertahanan yang melindungi agama, bangsa dan tanahair. Dan, kita tidak akan lupa tanggungjawab ini walau apa pun dugaan atau cabaran.

Bersedialah. Bersedialah untuk menghadapi masa dan pertukaran. Bersedialah untuk memperjuangkan cita-cita dan matlamat perjuangan UMNO yang berasas kepada kebenaran dan tafsiran agama yang sebenar. Kita masih mempunyai banyak yang hendak dikerjakan. Masa akan menambah tugas yang mesti kita pikul. Di bahu saudara saudarilah yang kemudiannya beban ini akan diletak. Walau apa sekalipun pertukaran yang akan dibawa oleh masa, saudara saudari harus menentukan perlindungan yang diberi oleh UMNO, dapat menyelamat dan memajukan orang Melayu khususnya dan dengan itu agama dan negara Malaysia.

---

*Ucapan Semasa Merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO Dan Pergerakan Wanita UMNO, Pada Hari Khamis, 5 Julai 1979, Di Balai Budaya, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Jam 9.00 Pagi.*

---

# 6

## MEMBERI HAK MELAYU TANPA MERAMPAS HAK KAUM LAIN

**DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD**, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, telah ditemuramah oleh wakil majalah antarabangsa, *Far Eastern Economic Review* selama dua jam di pejabat beliau baru-baru ini.

Dalam temuramah hati ke hati yang pertama dengan wakil akhbar asing, Dr. Mahathir telah membicarakan dengan panjang lebar tentang latar belakang Rancangan Malaysia Ketiga dan kajian separuh penggalnya. Secara ikhlas, Dr. Mahathir menyatakan tentang dilema kerajaan – dilema orang Melayu yang baru – dalam usaha meninggikan taraf ekonomi orang-orang Melayu ataupun bumiputera tanpa mencederakan ekonomi lain-lain kaum di Malaysia. Dr. Mahathir juga menyentuh tentang bagaimana mengimbangkan pembangunan di bandar dan di luar bandar. Dengan menyatakan, bahawa para pelabur-pelabur Cina di Malaysia gagal melahirkan industri berdasarkan pengeluaran eksport dengan kukuh, Dr. Mahathir menekankan bagaimana Malaysia memerlukan pasaran teknologi luar untuk membantunya serta memperbaiki lagi iklim pelaburan luar negeri di Malaysia. Di ruangan ini, kita siarkan semula wawancara khas itu untuk para pembaca.

**Soalan:** Apa yang jelas dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga ialah ekonomi Malaysia

berada dalam keadaan yang kukuh. Harga barang pasaran berada dalam keadaan yang baik, eksport semakin bertambah, pelaburan swasta dalam negeri semakin menampakkan kemajuan, pengeluaran minyak bertambah dan kehendak pasaran dalam negeri semakin bertambah. Dalam keadaan sebaik itu, mengapakah kerajaan masih menambahkan perbelanjaan yang begitu banyak bagi membiayai Rancangan Malaysia Ketiga bagi separuh penggal kedua ini?

**Dr. Mahathir:** Pertama sekali, apabila kerajaan memperuntukkan perbelanjaan untuk pembangunan, kami mendapati bahawa tidak kesemua perbelanjaan itu akan digunakan. Satu hal lagi, ialah satu-satu peruntukan untuk projek tertentu tidak akan ditukar membiayai projek lain. Jadi, lebih baik kalau kerajaan mengeluarkan perbelanjaan untuk seberapa banyak projek yang boleh. Dan, kalaupun bilangan projek yang dirancangkan dapat disempurnakan perbelanjaannya, kemungkinan kurang daripada yang dijangkakan.

**Soalan:** Adakah projek-projek yang dirancangkan itu kesemuanya merupakan projek-projek baru ataupun merupakan terusan daripada projek-projek yang pernah dirancangkan oleh sektor swasta dulunya?

**Dr. Mahathir:** Sebahagian daripadanya memang merupakan projek baru. Tetapi dalam projek-projek lain pula, kami terpaksa menambahkan peruntukan kerana keadaan inflasi baru-baru ini, yang meninggikan kos pembiayaan. Dengan sebab itu, peruntukan tambahan perlu diadakan. Bercakap tentang mengambil alih daripada pihak swasta, soal ini tidak perlu di ketengahkan buat masa ini kerana sejak kempen menggalakkan sektor swasta melibatkan diri dalam rancangan pembangunan setahun lalu, kerajaan mendapat pandangan serta hasrat penyertaan yang berbeza-beza daripada mereka. Jadi, kami tidaklah menambahkan biayaan itu dengan tujuan untuk mengambil alih kerana kegagalan sektor swasta.

**Soalan:** Mengikut perancangan yang asal, nampaknya tekanan yang lebih diberikan kepada sektor swasta untuk

mendapatkan pelaburan yang lebih bagi mencapai matlamat rancangan tersebut. Dan sementara sahaja perubahan berlaku dalam mencapai matlamat pelaburan, sektor awam nampaknya memberi lebih daya usaha dalam membangunkan ekonomi. Mungkinkah matlamat yang ingin dicapai itu agak terlalu besar dan melangit dan payah dicapai?

**Dr. Mahathir:** Ini memang benar. Saya rasa matlamat yang ingin dicapai dalam pembangunan ini jauh lebih besar daripada rancangan-rancangan yang terdahulu daripadanya. Dan peranan yang diuntukkan kepada sektor swasta juga besar, maka kami harus mempunyai rancangan-rancangan tertentu kalau-kalau salah satu sektor gagal memainkan peranan mereka. Sektor awam akan menarik diri apabila sektor swasta bersedia mendapatkan pelaburan yang ada.

**Soalan:** Satu hal yang nampak jelas dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga ialah, sektor swasta masih belum memainkan peranannya dalam pelaburan seperti yang diharapkan. Apa pendapat tuan tentang perkara ini dan mengapa ini terjadi terutama sekali di kalangan pelabur-pelabur yang terdiri daripada keturunan Cina?

**Dr. Mahathir:** Saya sehingga sekarang ini masih berpendapat yang pandangan saya tentang soal ini adalah betul. Bila anda mengharapkan penglibatan daripada pelabur tempatan, mereka hanya mahu melabur dalam bidang yang mereka biasa dengannya. Mereka melabur dalam bidang binaan, bidang perlombongan, dan dalam bidang pertanian di ladang-ladang. Dalam bidang-bidang ini, sudah tidak ada masalah lagi. Kalaupun ada, masalah hanya soal mendapatkan tanah, dan perkara-perkara ringan seperti itu. Dan, anda boleh lihat mereka rancak mengadakan perdagangan dalam negeri sahaja. Lihatlah bilangan kedai-kedai yang baru tumbuh. Tetapi, bila anda suruh orang-orang Cina dalam negeri melibatkan diri dalam bidang perkilangan, mereka akan mula bersuara dengan bertanya; Mahu mengilang apa? Di mana hendak

dipasarkan? Mereka hanya gemar mengilang bahan-bahan kegunaan dalam negeri kerana hanya barang-barang ini sahaja serasi dengan mereka dan hanya itu yang mereka biasa. Ini bermakna, yang kita harus menyekat import dan menyempitkan pengguna.

Saya tidak mahu pengguna disekat seperti ini. Secara terus terang, ingin saya nyatakan bahawa saya sanggup memberi sokongan kepada pelabur tempatan ini tetapi jangan sampai menyekat kemahuan dan kehendak pengguna. Pelabur tempatan harus boleh bersaing mengeluarkan bahan-bahan sama seperti yang diimport. Tidak mengetahui pasaran luar negeri, mereka ini mencari pasaran dalam negeri, dan dengan mengetahui kerajaan tidak mengenakan perlindungan yang banyak dalam pasaran tempatan, pelabur-pelabur ini tidak boleh melabur sehingga pelabur luar datang. Pelabur luar datang bukan sahaja dengan kemahiran tetapi juga dengan pengetahuan tentang pasaran. Pelabur tempatan menyatakan, inilah sebabnya mengapa mereka tidak senang dengan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi saya tidak fikir Dasar Ekonomi Baru menghalang mereka.

**Soalan:** Nampaknya pada dasar bahawa pelabur-pelabur luar itu menjadi faktor yang bakal memberi perangsang kepada pelabur tempatan untuk melabur.

**Dr. Mahathir:** Ya.

**Soalan:** Demikian itu nampaknya jelas sekali penjelasan tuan tentang mengapa jumlah pelaburan tempatan tidak berjaya disalurkan sehingga mencapai matlamat yang dikehendaki. Pembiayaan daripada pelabur tempatan dengan sumber tempatan kurang 6 *billion* ringgit daripada matlamat asal. Dan kerajaan pula telah memperuntukkan 4 *billion* ringgit sebagai tambahan untuk mencukupkan pelaburan dalam sektor swasta sebagai tambahan peruntukan bagi memenuhi kekurangan ini. Sesetengah orang berkata, ini adalah sama seperti kerajaan memberi subsidi kepada kekurangan daripada pelaburan tempatan.

**Dr. Mahathir:** Sesetengah tuduhan begini adalah

benar juga. Ada dua cara bagaimana kerajaan boleh mengatasi masalah yang dihadapi ini, iaitu sama ada kerajaan sendiri melibatkan dirinya ataupun memberi perangsang. Kadang-kadang kedua-duanya harus dilakukan. Kalau didapati kerajaan tidak boleh menunggu mereka (pelabur tempatan), maka kerajaan haruslah berusaha sendiri. Dengan melibatkan diri terus juga bermakna memberi perangsang kepada mereka.

**Soalan:** Dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan telah menambah peruntukan awam sejumlah 1.4 *billion* ringgit ataupun 82 peratus kepada agensi-agensi bumiputera. Tuan sendiri menyatakan, bahawa pengusaha bumiputera harus berdiri di atas kaki sendiri, tetapi nampaknya kerajaan telah memberikan sesuatu yang besar kepada mereka.

**Dr. Mahathir:** Apa yang penting ialah memberi kepada mereka supaya mereka tidak merampas di belakang hari daripada orang lain. Kerajaan membantu kerana kerajaan sedar, bahawa bumiputera tidak berdaya dan tidak cukup wang untuk mendapatkan bahagian mereka.

Kalau bumiputera gagal mencapai penyertaan 30 peratus dalam ekonomi negara menjelang tahun 1990 ini, bermakna kita harus dengan cara radikal mengambil daripada orang lain. Ini adalah dasar yang tidak baik pada pandangan kami. Lebih baik kerajaan memberi peruntukan untuk bumiputera sekarang ini dan berharap mereka dapat mengekalkan apa yang telah diberikan oleh kerajaan kepada mereka. Ini penting. Bukan sahaja mereka harus mengambil apa yang kerajaan berikan tetapi juga menjaganya supaya tidak terlepas setelah mendapat. Misalnya, pada masa dulu kaum bumiputera membeli dan kemudian menjual semula saham mereka. Sebab itu, kita memperuntukkan sejumlah 300 juta ringgit bagi tabung pelaburan bumiputera untuk mempercukupkan bilangan saham yang diperuntukan kepada bumiputera yang bakal dipenuhi kemudian.

**Soalan:** Ada cakap-cakap mengatakan yang tuan

membuka peluang untuk mendapatkan ekuiti yang diperuntukan kepada bumiputera kepada masyarakat umum.

**Dr. Mahathir:** Ini merupakan masalah yang kompleks. Cara yang paling baik memberi saham kepada bumiputera ialah dengan memberikannya kepada bumiputera yang layak menerima saham tersebut. Mereka ini kaum bumiputera yang sudah maju dalam bidang perniagaan. Kalau ini diberikan, maka tentu akan ada sungutan bahawa kita memperkaya orang yang sudah kaya dan yang miskin tidak punya saham. Dan kalau pula kita memberikannya kepada bumiputera biasa, tentu mereka tidak boleh menjaganya dan memberikannya kepada orang lain dengan menggunakan nama bumiputera. Bumiputera begini tentu untung sedikit tetapi akhirnya dia tidak akan memiliki saham tersebut.

**Soalan:** Baru-baru ini pihak *Review* membuat kajian tentang saham yang diperuntukan kepada bumiputera (*Review* 6 Okt. '78) dan mendapati banyak daripada peruntukan saham itu didapati oleh ketua-ketua cawangan UMNO. Mereka ini berjaya mendapat saham yang dikhaskan untuk bumiputera. Jelasnya, satu bahagian daripada hak orang Melayu telah dipergunakan untuk kepentingan politik.

**Dr. Mahathir:** Saudara boleh membuat pengertian begitu. Tetapi kalau dilihat daripada satu segi, ahli-ahli UMNO juga bumiputera. Dan kalau mereka mendapat saham, ini bermakna bumiputera mendapat saham. Kalau mereka menulis dengan menggunakan kertas tulis UMNO, ini tidak bermakna yang kita memberi peluang istimewa kepada mereka, sebab lebih ramai lagi yang bukan ahli UMNO juga mendapat saham yang diperuntukan. Apabila sesuatu bahagian UMNO menulis meminta peruntukan untuk bumiputera akan menikmati hasil saham itu, bagi kita apa yang penting ialah memberi seberapa banyak saham yang boleh kepada kaum bumiputera. Kadang-kadang peluang untuk bumiputera ini disalahgunakan. Tetapi bukannya ahli UMNO sahaja yang menyalahguna-

kan peruntukan bumiputera ini. Sejak UMNO berkuasa, ramai orang Melayu yang menentang UMNO juga turut mendapat hasil daripada usaha memberi peruntukan kepada bumiputera.

**Soalan:** Bagaimana kerajaan boleh memperkuatkan dasarnya membantu kaum bumiputera tetapi dalam masa yang sama memberitahu kepada kaum lain yang juga taat setia kepada Malaysia bahawa mereka juga mempunyai peranan membangunkan negara ini?

**Dr. Mahathir:** Saya percaya bila semua kaum di negara ini merasa tidak gembira maka ini bermakna kami telah berjaya melakukan sesuatu yang betul. Pada masa ini, kalau anda bercakap dengan orang-orang Cina, mereka akan berkata yang mereka tidak gembira. Kalau bertanya kepada orang-orang Melayu, dia juga tidak gembira. Dia berkata, apa gunanya tinggal di negara sendiri kalau rumah besar dan tanah dimiliki oleh orang lain? Dan kalau anda bercakap dengan orang-orang India, dia juga akan berkata yang dia tidak gembira. Jadi kalau kita mencapai tahap ini, maka tahulah kita yang kerajaan bersikap adil. Kalau kita bersikap tidak adil, maka hanya orang Melayu akan gembira. Orang-orang Melayu tidak menerjunkan diri dalam lapangan-lapangan perniagaan tertentu tanpa diberitahu. Inilah yang disediakan untuk orang-orang Cina pula. Lihatlah apa yang berlaku kepada *Benson And Hedges* (boikot terhadap rokok ini di sesetengah negara ini kerana syarikat ini ingin memenuhi kehendak pengambilan lebih ramai bumiputera). Ini hanya boleh dilakukan oleh orang-orang Cina. Orang-orang Melayu tidak boleh lakukan ini kerana kuasa membeli mereka kecil sekali. Kerap sangat orang mengatakan, bahawa Dasar Ekonomi Baru itu untuk kaum bumiputera sahaja. Jadi orang-orang Cina pun menentang Dasar Ekonomi Baru. Tetapi lihatlah UDA (Perbadanan Pembangunan Badan), sebagai salah satu badan yang membantu pembentukan Dasar Ekonomi Baru.

UDA telah membina ratusan bangunan kedai di Kuala Lumpur. Siapakah yang berniaga di situ? Itulah

Dasar Ekonomi Baru orang-orang Melayu tidak gembira dengan perkara ini. Tetapi mengapakah orang-orang Cina dan orang-orang India tidak melihat ini semua? Mengapa mereka tidak melihat apa yang memberi faedah kepada mereka? Saya boleh bawa banyak contoh. Lihat jutawan-jutawan yang berkongsi dengan UDA. Berapa juta telah mereka buat untung? Mengapa tidak memberi keadilan kepada Dasar Ekonomi Baru?

(Berbalik kepada kesedihannya dan keadaan hidup orang Melayu, Dr. Mahathir memilih satu kiasan yang sangat memeranjatkan). Sekali pandang seperti orang-orang Negro di Amerika... biasa dikatakan Negro bertaraf rendah. Kami semacam Negro di negara ini.

**Soalan:** Ya, tetapi berlainan dengan Amerika, orang-orang Negro merupakan golongan minoriti. Tetapi di sini....

**Dr. Mahathir:** ..... Di sini orang-orang kulit hitam ini (Melayu maksudnya) memerintah. Inilah yang paling menyedihkan. Kalauolah orang Negro memerintah di Amerika, tentu jadi macam Idi Amin atau jadi apa-apa lagi.

**Soalan:** Adakah sama persamaan itu. Sebagai orang Melayu yang ditentang, menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian? Apakah terasa tekanan seolah-olah tekanan ekonomi ataupun tekanan perkauman yang sama seperti di Amerika?

**Dr. Mahathir:** Apa yang menjadi kenyataan ialah disebabkan oleh tekanan, orang-orang Negro di Amerika berjaya menduduki jabatan yang mereka tidak pernah duduki sebelumnya. Inilah apa yang kami usahakan di sini. Bukannya dengan merampas hak orang lain tetapi dengan menjamin hak kami di sini. Tidak ada negara yang melakukan percubaan seperti yang kami lakukan. Kami sedang melakukannya dengan perlahan-lahan dan dengan baik sekali. Saya bukan seorang anti-Cina, tidak dengan cara apa sekalipun. Tetapi saya rasa orang Melayu mestilah mendapat tempat di negara ini. Kalau tidak maka

menyediakan sekali, tidak baik untuk sesiapa pun.

**Soalan:** Tetapi, tidakkah kesedihan itu wujud sekarang ini?

**Dr. Mahathir:** Memang ada ....daripada orang-orang Melayu juga, yang anda tidak dapat dengar sekarang ini. Anda lebih tahu tentang kesedihan orang-orang Cina tetapi saya lebih tahu tentang kesedihan orang-orang Melayu. Memanglah, saya tahu kesedihan orang-orang Cina. Saya mendapat laporan, saya bercakap dengan mereka, saya dengar daripada mereka. Kerajaan kami terdiri daripada orang-orang India, Cina dan Melayu. Kami cuba mencari jalan yang pertengahan. Sebagai balasan, kami dihentak oleh semua orang.

**Soalan:** Kalau boleh saya kembali ke persoalan sektor swasta pelaburan tidaklah sebesar yang diharapkan oleh kerajaan. Dengan memberikan reaksi kurang enak terhadap bumiputera seperti yang tuan terangkan dan perkataan, bagaimana tuan boleh membuka jalan ke arah pelaburan yang lebih pesat daripada mereka? Dengan lain-lain perkataan, tuan bercakap seolah-olah menuju konfrontasi?

**Dr. Mahathir:** Saya tidak fikir kami menuju ke arah pertentangan antara satu sama lain. Menjadi kenyataan, bahawa pelaburan daripada pelaburan tempatan berkurangan tanpa pelabur-pelabur asing datang memperkenalkan teknik baru dan pasaran baru. Ada lapangan-lapangan tertentu yang mereka (orang-orang Cina) boleh laburkan. Kerajaan pada masa dulu berusaha menaikkan perbezaan taraf supaya dapat menolong pengusaha tempatan. Kalaupun sekarang mereka mahu melabur, saya rasa tidak ada lapangan yang sesuai bagi mereka kecuali mereka mengadakan usaha sama dengan pelabur luar. Sekarang, pelabur luar mulai datang, dan tentu keadaan akan menjadi lebih baik. Sekarang ini kita mempunyai masalah lain. Pelaburan asing yang datang ke sini akan menjalankan perusahaan besar. Modal yang diperlukan juga besar, mungkin hingga ratusan juta ringgit. Pelaburan seperti ini tidak menarik minat pelabur tempatan yang

mahuakan keuntungan segera dalam pelaburan kecil. Mereka di sini tidak semaju para pengusaha di Hong Kong dan Taiwan yang menumpukan perhatian terhadap barang-barang eksport ...., tapi lihat sajalah Hong Kong di mana ekonominya tidak stabil apabila terlalu mengharapkan pasaran eksport.

**Soalan:** Bercakap tentang pelaburan asing, saya rasa pelabur luar ini merasa takut. Mereka akan bertanya, kalau ditandatangani perjanjian adakah ini bermakna masih atas dasar perbincangan dulu ataupun adakah merupakan perjanjian yang boleh berkekalan?

**Dr. Mahathir:** Rekod kejayaan dalam soal ini saya rasa lebih baik kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Bukannya kita kata yang kita ini paling baik. Memang ada kelemahan juga di sana sini. Kadang-kadang kita meluluskan sesuatu yang bukan menggambarkan kehendak kita. Tetapi pada umumnya, kita mengkotakan cakap kita. Sebagai contoh banyak perusahaan yang mendapat kebenaran mengeluarkan barang di sini, membesarluaskan perusahaan mereka. Pelabur yang baik mestilah pandai membuat tafsiran sendiri. Kita rasa kalau dibanding dengan negara-negara lain kita masih merupakan negara yang paling baik untuk melabur.

**Soalan:** Dalam kajian separuh penggal, kita lihat pendapatan masyarakat kampung dan masyarakat bandar berlainan sekali. Secara nisbah kalau dikira, pendapatan masyarakat bandar naik tiga kali ganda bernisbah dengan kenaikan pendapatan masyarakat kampung. Mungkin daripada satu segi dirasakan kerajaan akan melakukan sesuatu bagi meninggikan lagi pendapatan masyarakat kampung. Tetapi daripada segi lain pula, mungkin lebih ramai orang dari kampung yang akan datang ke bandar kerana pendatang di bandar berkembang cepat.

**Dr. Mahathir:** Kalau tidak diperkatakan daripada segi perkauman, ada jalannya mengatasi masalah ini kerana sudah menjadi kebiasaan masyarakat bandar mendapat pendapatan yang lebih daripada masyarakat luar bandar. Kalau dilihat, masyarakat kampung tidak berbelanja besar

seperti masyarakat bandar pula. Soalnya, bagaimanakah menjadikan masyarakat kampung itu lebih maju seperti masyarakat bandar, yang mana dengan sendirinya sedang berlaku sekarang. Tetapi masalahnya, kita dapati ramai setinggan-setinggan Melayu di bandar ialah asalnya daripada masyarakat kampung. Inilah yang menyediakan dan memeningkan kita, bukannya perbezaan pendapatan antara penduduk kedua kawasan. Memanglah perbezaan itu juga mendatangkan masalah dan merunsingkan kita, tetapi yang lebih mustahak diperhatikan ialah kalangan mereka yang baru datang ke bandar, kesemuanya miskin-miskin belaka. Ini tidak boleh dibiarkan berleluasa kerana akan mendatangkan masalah yang lebih besar lagi. Pada masa yang sama juga, kita mahu meninggikan lagi taraf hidup masyarakat kampung. Sekarang ini mereka datang ke bandar dengan kehendak mereka sendiri. Kalau ada sekeping tanah, tanah ini akan diturunkan kepada generasi satu lagi dan bilangan mereka yang mewarisi tanah itu semakin banyak. Kita tidak punya tanah yang cukup untuk semua. Jadi caranya tentulah dengan memindahkan sebahagian daripada mereka. Sebab itu, kita lebih banyak bercakap hak bersama. Sesiapa yang tidak dapat bekerja di estet boleh mendapat hasil daripada tanah mereka yang dikerjakan oleh orang lain dan mereka boleh pergi ke tempat lain mencari bidang pekerjaan lain untuk menambahkan pendapatan.

Soal lain pula, apabila anda bertanya tentang perbezaan pendapatan antara masyarakat bandar dan luar bandar, bermakna anda merasa sesuatu tentang hal itu dan ini membayangkan semacam dilema. Apabila kami mahu melakukan sesuatu kami akan dikecam, dan dikecam oleh kedua-dua belah pihak. Orang-orang Cina di bandar-bandar menyatakan kami tidak berlaku adil kerana membelanjakan wang yang banyak untuk pembangunan kampung. Orang kampung mengatakan, tujuan memberi peruntukan lebih kepada kami ialah untuk menjadikan orang bandar lebih kaya. Beginilah selalu dengan rasa tidak gembira oleh semua pihak. Ingatlah yang orang-

orang Melayu juga tidak senang hati dan tidak gembira. Dan kami akan hanya boleh hidup terus kalau semua boleh rasa gembira sedikit melihat orang Melayu gembira, kerana orang-orang Melayu menstabilkan negara ini. Kita tidak mahu peristiwa rusuhan 1969 berlaku sekali lagi.

## NEGARA YANG BERMARUAH

**PERHIMPUNAN AGUNG UMNO** tahun lalu begitu menarik perhatian sekali kerana ia menandakan detik perubahan pucuk pimpinan di dalam UMNO. Hari ini, kami berdiri di hadapan saudara saudari sekalian dengan beban amanah yang telah diserahkan kepada kami. Tentulah kali ini yang menjadi tanda-tanya masing-masing ialah prestasi kepimpinan yang telah diberi kepercayaan setahun lalu itu.

Kali ini, setelah peralihan pucuk pimpinan parti berlaku dengan licin, perhimpunan Pemuda dan Wanita pula telah melaksanakan tanggungjawab mereka untuk meneruskan tradisi demokrasi kita sebagaimana yang termaktub di dalam perlumbaan parti dengan pemilihan pucuk pimpinannya masing-masing. Alhamdulillah, semuanya telah berjalan dengan beres dan penentuan telah pun di buat oleh para perwakilan masing-masing. Kepada Saudara Anwar Ibrahim yang telah memenangi jawatan Ketua Pemuda, dan Datin Paduka Hajah Aishah Ghani yang telah memenangi jawatan Ketua Wanita, serta mereka yang lain yang telah memenangi jawatan masing-masing, saya bagi pihak parti keseluruhannya, mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah. Kepada yang menang dan juga yang tewas ingatlah, bahawa menang dan tewas itu ialah persepsi dari sudut individu, tetapi dari sudut prinsip perjuangan parti, tidak ada yang tewas; yang tewas juga menang, kerana perjuangan kita ialah

perjuangan yang satu, iaitu perjuangan untuk mengukuhkan UMNO supaya UMNO dapat memainkan peranannya sebagai parti yang memelihara dan mendukung kepentingan bangsa, agama dan negara. Tidak sekali-kali harus kita lupa, bahawa tujuan pertandingan dan amalan demokrasi adalah proses untuk mengukuhkan Parti, bukan pertarungan untuk mencari juara. Setiap ahli UMNO yang mendukung cita-cita dan perjuangan parti serta prinsip-prinsip demokrasi kita, tidak kira jawatannya, adalah juara.

Bagi saya, Perhimpunan Agung kita ini bukan sahaja penting daripada beberapa sudut yang saya telah sebutkan itu sahaja. Perhimpunan kita ini juga penting kerana kita – UMNO dan Barisan Nasional – baharu sahaja menang Pilihanraya Umum 1982. Ia adalah peluang yang istimewa bagi kita untuk bersama-sama mengucap kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wataala di atas rahmat dan penentuan-Nya mengurniakan kemenangan kepada kita. Bagi pihak Majlis Tertinggi, dan parti amnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang telah bekerja keras untuk membawa kejayaan kepada UMNO dan Barisan Nasional di dalam pilihanraya yang lalu. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah, dan selamat menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah kepada semua calon-calon kita yang telah menang. Kepada pengundi sekalian, saya juga menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada UMNO dan Barisan Nasional. Semoga Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui atas segala sesuatu, akan memandu kita dalam menunaikan tanggungjawab dan janji-janji kita demi kepentingan bangsa, agama, dan negara.

### **UMNO Dan Pilihanraya 1982**

Pilihanraya adalah ujian. Ia adalah ujian terhadap perpaduan, semangat perjuangan dan kerjasama serta kematangan parti, pemimpin dan juga ahli-ahli sekalian. Ujian ini mendedahkan kekuatan dan kelemahan kita. Kita

bukan sahaja harus menerima dengan insaf dan objektif hakikat kekuatan dan kelemahan kita, malahan bertindak memelihara dan meningkatkan lagi kekuatan dan mengikis kelemahan kita. Inilah yang akan menjamin keutuhan UMNO.

Syukur alhamdulillah, Barisan Nasional telah memang pilihanraya 1982 dengan cemerlang. UMNO, sebagai salah sebuah parti komponen Barisan Nasional, telah memenangi sebilangan besar daripada kerusi-kerusi yang diperuntukan kepadanya. Di negeri-negeri tertentu, UMNO telah dapat merebut balik beberapa kerusi yang dimiliki oleh parti lawan. Di Perak, buat pertama kalinya, UMNO telah menang semua kerusi yang ditandinginya. Di Johor, Barisan Nasional telah mencapai kejayaan seratus peratus. Kawasan-kawasan di bandar-bandar pula, yang tidak pernah dimenangi oleh parti-parti Barisan Nasional, kali ini diperolehi oleh Barisan Nasional melalui parti-parti rakan UMNO.

Barisan Nasional pada amnya dan UMNO khasnya, bolehlah berbangga dengan prestasi yang dicapai dalam pilihanraya yang lepas. Tetapi, kemenangan ini dicapai bukan sepenuhnya kerana perpaduan dan kedewasaan UMNO. Terdapat tindak tanduk dan sikap di kalangan beberapa orang ahli UMNO yang membuktikan masih ada fahaman yang kolot mempengaruhi beberapa orang yang kecewa kerana tidak mendapat sesuatu untuk diri sendiri.

Adanya tindak tanduk dan sikap yang tidak diingini, lebih mendukacitakan lagi kerana orang-orang ini telah mendapat nikmat yang banyak daripada ketaatan orang lain dahulu. Beberapa orang daripada mereka ini terdiri dari bekas wakil rakyat. Mereka berjaya menjadi wakil rakyat dahulu kerana di waktu mereka dicalonkan semua ahli-ahli UMNO dan kepimpinan UMNO tempatan dan pusat telah bekerja bertungkus lumus untuk mendapat kemenangan bagi mereka. Di antara yang bekerja ialah orang-orang yang dicalonkan kali ini. Tetapi apabila orang-orang ini dicalonkan, bekas wakil rakyat itu tidak mahu menolong dan ada yang disyaki membantu pihak yang

menentang UMNO. Inilah balasan mereka kepada orang yang memberi kejayaan kepada mereka dahulu.

Ada pula orang yang berminat untuk menjadi calon, tetapi tidak dipilih, yang melakukan perbuatan yang sama. Kerana mereka tidak dipilih, mereka cuba menarik sekumpulan daripada ahli-ahli UMNO untuk tidak bekerjasama bagi menjamin kemenangan calon UMNO. Mereka tidak memikir, jika mereka dicalonkan dan orang lain melakukan demikian kepada mereka, mereka tentu akan merasa kecewa.

Dalam UMNO, tidak ada sesiapa lebih berhak daripada yang lain. Jawatan-jawatan yang dipegang oleh orang-orang tertentu, sama ada dalam parti atau dalam kerajaan, adalah amanah sementara untuk kepentingan parti, kepentingan bangsa, agama dan negara. Perbuatan mementingkan diri, walaupun benar dirinya adalah lebih layak, cuma akan melemahkan parti dan melemahkan perjuangan. Walau bagaimana baik sekalipun seseorang, walau bagaimana cekap dan bijak seseorang, dalam apa juga sistem politik, dianya seorang diri tidak akan berkesan. Yang memberi kesan kepadanya sebagai pemimpin, ialah kemenangan partinya terutama apabila partinya menjadi parti yang memerintah. Dengan perkataan lain, parti yang memberi makna kepada pemilihan wakil rakyat; calon wakil rakyat, dengan seorang diri dan terasing, bukanlah calon yang sebenar tetapi adalah semata-mata oportunistis yang mencari kesempatan untuk diri sendiri. Penyokong-penyokong orang ini adalah orang-orang yang tertipu – atau dalam *slang* Inggeris ‘*suckers*’.

Dalam UMNO, tidak ada tempat bagi orang yang mengutamakan diri sendiri, yang tidak mahu turut kehendak parti melalui perlumbagaan yang mewujudkan parti. Jika pemimpin parti salah, ada cara dan masanya untuk membetul atau mengubah kepimpinan. Jika peruntukan dalam perlumbagaan salah, ada masa dan caranya untuk meminda perlumbagaan. Tetapi orang yang menyatakan kepimpinan atau peruntukan perlumbagaan

salah, cuma ketika dirinya tidak mendapat sesuatu yang diidami, orang ini adalah oportunist, yang sanggup menerima kesalahan pemimpin jika dirinya untung, dan cuma nampak kesalahan kepimpinan bila dirinya rugi.

Dalam pilihanraya yang lepas, memang terdapat oportunist seperti ini. Tetapi, kita menang juga. Apa yang saya perkatakan ini bukan ditujukan semata-mata kepada mereka yang telah menjadi oportunist, tetapi juga kepada oportunist yang akan datang. Kita akan menghadapi pilihanraya lagi di masa hadapan. Saya dan parti berharap, peristiwa-peristiwa yang telah saya jelaskan ini tidak akan berlaku lagi.

UMNO kuat dan kukuh kerana adanya perpaduan di kalangan ahli-ahlinya. Perpaduan wujud kerana matlamat - iaitu matlamat untuk menebus maruah orang Melayu dan orang Islam lain di negara ini. Untuk mencapai matlamat yang mulia ini, susunan kepimpinan dan cara-cara bertindak mestilah diadakan. Sementara perpaduan adalah penting, tidak kurang pentingnya ialah kepimpinan yang berkesan dan cara-cara bergerak yang tertib. Angkatan Tentera yang terbesar sekalipun tidak akan berjaya semata-mata kerana saiznya. Hanya dengan adanya kepimpinan yang berkesan, dan taktik serta strategi yang tertib sahaja, yang akan menentukan kejayaan. Begitu jugalah dengan pertubuhan politik.

Jika arahan dan susunan kerja di belakangkan dalam UMNO, dan ahli-ahli bertindak bersendirian mengikut pendapat diri sendiri, UMNO sebagai parti tidak akan wujud dan bergerak maju. Kepimpinan UMNO pula tidak akan dihormati oleh sesiapa. Pendek kata, UMNO, sebagai parti politik nasional, akan hancur. Matlamat UMNO tidak akan tercapai dan perjuangan untuk orang Melayu dan orang Islam akan gagal. Akhirnya, Malaysia sebagai sebuah negara akan menjadi lemah. Mungkin komunis dalam negeri akan menguasai kerajaan, atau Malaysia akan sekali lagi dan buat selama-lamanya, dijajah secara langsung, atau tidak langsung oleh kuasa asing.

UMNO bukanlah sebarang parti. UMNO adalah parti

memerintah, parti yang benar-benar boleh menjayakan perjuangan orang Islam Melayu. UMNO telah menjadi parti yang memelihara dan melindungi bangsa Malaysia dan negara Malaysia. Tidak ada tempat dalam UMNO bagi orang berpandangan cetek, yang cuma memikir tentang kepentingan dirinya sahaja. Jika UMNO berjaya hingga kini, ini ialah oleh kerana disiplin yang terdapat di dalamnya, dan susunan hierarki kuasa yang tertib dan teratur. Janganlah kerana tamak beberapa orang pemimpin, segalagala yang dipupuk dan dibina selama 36 tahun ini dimusnahkan. Janganlah kerana tamak orang ini, orang Melayu, orang Islam, bangsa Malaysia dan negara Malaysia dihancurkan.

### Cabarani Dan Masa Depan

Perjuangan UMNO selama 36 tahun – perjuangan menyatukan bangsa Melayu, mematahkan gagasan *Malayan Union*, menuntut dan mencapai kemerdekaan, menjamin dan melindungi kepentingan Melayu, agama Islam dan negara, dan seterusnya – sebagai teras parti komponen yang memerintah, tidak dapat dinafikan, adalah rekod yang cemerlang.

Perayaan Jubli Perak Kemerdekaan sepuluh hari yang lalu mengingatkan kita kembali kepada perjuangan kita, cabaran-cabaran dan masa-masa genting yang kita lalui serta kemajuan-kemajuan yang kita capai. Sebagai parti yang memegang amanah bangsa, sejarah 25 tahun pertama kita sebagai negara merdeka, hanyalah satu detik yang pendek dalam sejarah negara. Esok, lusa, dan tahun demi tahun, kita bertanggungjawab untuk memikul beban amanah terhadap maruah bangsa, agama dan negara. Kita tidak boleh lemah, dan kita tidak boleh cuai. Perjuangan ini adalah perjuangan yang tidak ada hujung; setiap detik adalah permulaan dan setiap permulaan harus kita lalui dengan semangat yang gigih dan dengan langkah yang teliti dan tegas. Perjuangan kita memerlukan satu semangat, satu suara dan satu tindakan bagi menjamin hasil yang berkesan.

Setelah berjuang sekian lama, kita mestilah sedar bahawa dengan masa yang berlalu dan dunia yang berubah, kita juga berubah. Kita harus melihat perspektif kemerdekaan kita, kejayaan dan pencapaian, serta kelemahan dan kegagalan kita daripada sudut pengkritik diri yang jujur dan dewasa. Walaupun sesudah 25 tahun merdeka, kita tidak boleh leka dan bersenang-senang. Insaflah, bahawa perjuangan kita untuk mengisi kemerdekaan, untuk menebus maruah dan kehormatan bangsa dan agama masih lagi di peringkat permulaan. Kita perlukan usaha yang berlipat ganda bagi membawa agama, bangsa dan negara ke tahap yang lebih kukuh lagi bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan generasi-generasi yang akan datang.

Asas kebahagiaan negara ialah perpaduan, keadilan, keharmonian, kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan. Maruah dan kehormatan tidak bergantung kepada satu unsur sahaja. Semua asas-asas ini, adalah berkaitan dan semuanya tidak mudah dicapai kecuali dengan tindakan tegas dan berani, dengan pengorbanan dan sumbangan fikiran dan tenaga.

Hari ini, kita sebagai anggota masyarakat dunia, menghadapi berbagai cabaran. Di negara kita, ancaman komunis masih wujud, anasir yang ingin memecahbelahkan rakyat dan menghancurkan negara masih ada, inflasi masih belum reda, harga barang mentah kita belum pulih dan stabil, eksport negara telah merosot. Kita perlu berjimat dan mengatur perbelanjaan negara dengan lebih kemas.

Di peringkat antarabangsa, kemelesetan ekonomi masih berterusan. Sebagai negara membangun yang kecil, walaupun kita mempunyai sumber-sumber kekayaan dan kita tidak terdedah kepada malapetaka yang sering melanda banyak negara, kita tidak dapat mengelakkan diri daripada kesan-kesan ekonomi dunia yang meleset. Negara-negara maju masih mengamalkan strategi konfrontasi di sebalik diplomasi kerjasama. Banyak masa yang terbuang dengan bercakap dan resolusi yang tidak ke mana-mana. Keamanan dan kehidupan selesa masih jauh

daripada umat manusia. Dalam dunia Islam, pertumpahan darah dan perselisihan masih memecahkan umat Islam. Kita dihina dan dipermain-mainkan. Kuasa-kuasa besar masih bertelagah, masih memperalatkan negara lemah dalam peperangan proksi mereka, dan mencabul maruah dan kehormatan kita. Ketika manusia begitu maju dalam ilmu pengetahuan, cengkaman nilai-nilai primitif masih menguasai politik antarabangsa sehingga kemanusiaan tidak mempunyai makna.

Dalam suasana yang penuh cabaran ini, yang ada pada kita ialah kemungkinan meningkatkan ketahanan, kemampuan dan keupayaan kita dalam semua bidang supaya kita tidak dapat diperdaya dan diperbuat sesuka hati oleh orang lain. Kita mesti membetulkan pendirian dan sikap kita, dan kita mesti menyusun strategi bertindak kita, dan kita mesti bertindak bagi menebus maruah bangsa, agama dan negara sepenuhnya.

### **Politik Dan Ekonomi**

Sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, masyarakat Melayu dan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu telah melalui berbagai-bagai perubahan. *Malayan Union* telah diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu di bawah takluk British, kemudian Persekutuan ini telah mencapai kemerdekaan dan selepas itu telah bercantum dengan Singapura, Sarawak dan *British North Borneo* menjadi Malaysia. Singapura telah keluar pada tahun 1965, dan sekarang ini Malaysia mengandungi negeri-negeri di Semenanjung bersama dengan Sarawak dan Sabah.

Sementara itu, masyarakat Malaysia pula berubah corak. Pemisahan antara kaum dalam bidang ekonomi dan penempatan yang dipupuk oleh British dahulu sudah beransur-ansur kurang. Perubahan yang ketara sekali ialah penyertaan bumiputera, terutamanya orang-orang Melayu, dalam kegiatan ekonomi negara. Walaupun politik masih memainkan peranan yang besar dalam menentukan nasib dan haluan yang dituju oleh negara, peranan kegiatan

ekonomi sudah menjadi semakin penting. Kerajaan juga sudah terlibat dengan banyaknya dalam kegiatan ekonomi, sama ada sebagai pemegang amanah bagi bumiputera, mahupun sebagai daya penggerak bagi perkembangan ekonomi negara seluruhnya. Terdapat syarikat-syarikat kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri dalam hampir semua bidang di mana mereka, kadang-kadang melindung dan membimbing peniaga atau pengusaha bumiputera dan kadang-kadang, malangnya mereka bersaing dan mengganggu peniaga bumiputera.

Adalah jelas, bahawa kegiatan ekonomi sudah meningkat sebagai satu kuasa dalam menentukan masa depan negara dan masa depan bumiputera, lebih-lebih lagi orang-orang Melayu. Agensi-agensi ekonomi kerajaan tidak lagi boleh dibiarkan diisi oleh siapa sahaja yang terjumpa yang boleh ditugas untuk menguruskannya. Kita tidak lagi boleh bergantung kepada bidan tarik. Kita perlu kan pengurusan yang arif, bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam selok-belok politik negara.

Di waktu badan-badan ekonomi ditubuh untuk memenuhi keperluan Dasar Ekonomi Baru, kita kerap kali melantik orang politik sebagai pengurus dan pegawai pentadbir sebagai pengurus. Biasanya, kedua-duanya tidak berpengalaman atau terlatih dalam bidang pengurusan. Sementara beberapa daripada orang yang dilantik ini dapat menguasai bidang pengurusan perniagaan dengan pantas dan jayanya, ramai pula yang gagal. Kesan daripada kegagalan ini membantutkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Kerap kali pula badan-badan ini menjadi penghalang kepada perkembangan syarikat-syarikat bumiputera.

Sekarang ini, pengurusan ala bidan tarik sudah berakhiran. Kita berkehendakkan pengurus badan-badan berkanun dan *corporation* yang lebih profesional serta sedar akan dasar dan matlamat politik, terutamanya Dasar Ekonomi Baru.

Ahli-ahli politik yang berminat untuk menyertai kerajaan harus faham, bahawa tidak semua daripada mereka diperlukan dalam pentadbiran. Sebahagian

daripada mereka diperlukan dalam bidang ekonomi, sama ada sebagai pengurus, atau ahli lembaga atau penguruspengurus. Penyertaan mereka dalam bidang ekonomi, terutama dalam syarikat milik-kerajaan, adalah sama pentingnya dengan penyertaan sebagai jemaah pentadbir dalam kerajaan.

Kita tidak mahu penyertaan ahli politik dalam badan-badan ekonomi milik-kerajaan merupakan sebagai "*job for the boys*". Janganlah fikir, bahawa kerana khidmat politik yang lama maka kita harus diberi jawatan. Tidak ada sesuatu yang lebih berbahaya daripada memberi jawatan kepada orang yang bukan ahli di dalamnya. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan politik dalam ekonomi, ahli-ahli politik yang berminat perlulah menguasai selok-belok pengurusan perniagaan. Apabila mereka memiliki kecekapan yang sesuai, mereka perlu menganggap bahawa peranan mereka dalam kegiatan ekonomi tidak kurang pentingnya daripada peranan rakan-rakan mereka yang mendapat tempat sebagai anggota pentadbiran. Politik adalah alat, bukan matlamat kita. Matlamat kita ialah kehidupan yang lebih bahagia.

Sementara itu, pengurus dari punca-punca bukan politik akan dipertingkatkan pengetahuan mereka dalam bidang politik. Kita tidak berhajat untuk menggantikan mereka dengan orang politik. Kita cuma ingin menyesuaikan pengurusan dengan realiti politik dalam Malaysia.

Saya berharap, ahli-ahli politik akan sedar tentang peranan ekonomi dalam politik dalam kebahagiaan negara. Ahli-ahli yang benar-benar berjuang untuk kepentingan bangsa, agama dan negara, tidaklah harus mengidami jawatan-jawatan politik sahaja, tetapi hendaklah sanggup memainkan peranan dalam bidang ekonomi, sama ada secara sendiri atau mewakili kerajaan Barisan Nasional dalam badan-badan tertentu. Janganlah berfikir untuk menjadi senator sahaja jika tidak dapat menjadi wakil rakyat. Bersedia dan berlatihlah untuk penglibatan di dalam ekonomi kerana kegiatan ekonomi tidak kurang pentingnya daripada kegiatan politik. Orang yang berbuat

demikian adalah orang yang benar-benar mengutamakan dan memperjuangkan agama, bangsa dan negara.

Malaysia adalah di antara negara-negara kecil dan membangun. Hari ini, bilangan penduduk kita sudah meningkat 14 juta. Berbanding dengan kebanyakan negara yang terkemuka, yang sama luas wilayahnya, bilangan penduduk di Malaysia adalah kecil.

Sama ada Malaysia menjadi negara maju atau tidak, tidaklah bergantung kepada bilangan penduduk. Yang penting ialah daya pengeluaran – iaitu kesanggupan untuk tekun bekerja. Asalkan ada kesanggupan untuk bekerja kuat, dan tidak memilih kerja, negara akan membangun dengan pesat dan menjadi maju. Juga, jika semua penduduk Malaysia sanggup bekerja kuat, tambahan bilangan penduduk tidak akan menjadi masalah. Sebaliknya, ia mungkin membawa manfaat.

Dalam ekonomi moden, pengeluaran barang buatan bergantung kepada *volume* atau besarnya jumlah satu-satu jenis barang yang dikeluarkan. Kita boleh mengeluarkan lebih banyak barang secara ekonomis di Malaysia jika pasar di dalam negeri besar atau pasar dunia sanggup membuka pintu untuk barang keluaran kita. Tetapi, pasar dunia yang terbesar bagi barang-barang buatan berada di negara-negara maju yang sering mengamalkan dasar “*protectionist*” atau pasaran terlindung. Oleh itu, jika kita ingin maju dalam bidang pembuatan, kita perlu ada pasaran dalam negeri yang besar dan kaya.

Memandang kepada hakikat ini, kita perlu mengkaji semula dasar kependudukan di Malaysia. Pengurangan penduduk tidak semestinya meninggikan taraf hidup, dan tambahan penduduk pula tidak semestinya menurunkan taraf hidup. Yang penting ialah daya membeli atau “*purchasing power*” penduduk, dan ini bergantung kepada bilangan dan daya pengeluaran mereka. Kita boleh menampung penduduk yang lebih ramai, iaitu hingga ke paras 70 juta jika penduduk Malaysia sanggup bekerja kuat dan menjadi lebih produktif. Dengan pasaran domestik yang besar, dan daya membeli yang tinggi, industri kita

tidak akan bergantung terlalu sangat kepada pasaran dunia. Memang benar kita akan menghadapi masalah, terutama sekali jika kita mempunyai masyarakat yang tidak berdisiplin. Tetapi, ini boleh kita atasi jika kita pupuk semangat disiplin dan kuat bekerja dari sekarang. UMNO akan memberi perhatian kepada perkara ini dan akan membuat kajian yang mendalam berkenaan dengan kependudukan dalam jangka panjang di Malaysia.

### **Demokrasi Dan Liberalisme**

Dalam setahun yang lepas ini, kita telah cuba memerintah negara secara lebih liberal. Memang pun Malaysia lebih liberal pemerintahannya berbanding dengan kebanyakan negara lain di dunia. Tetapi, sejak setahun yang lepas ini, kita telah cuba memberi lebih banyak kebebasan, bahkan juga kepada orang-orang yang menolong musuh kita.

Kita telah membebaskan ramai daripada orang-orang tahanan termasuk ahli-ahli dari parti pembangkang. Kita juga telah menawar untuk melepaskan sesiapa juga dari golongan "*hard core*" komunis yang sanggup kerakyatannya dilucutkan dan diterima oleh negara asing. Kebenaran untuk menerbit surat-surat khabar dan majalah, telah diberi kepada hampir sesiapa sahaja yang memohon.

Kita berharap, dasar liberalisme ini akan dihargai dan dipelihara oleh pihak-pihak yang mendapat faedah daripadanya. Malangnya, ada pihak yang menganggap kebebasan ini sebagai satu "lesen" untuk membuat apa sahaja. Ada yang cuba menyelewengkan proses undang-undang dengan mengguna tekanan dari luar negeri untuk membebaskan penjenayah yang telah dihukum mengikut semua proses undang-undang. Juara-juara penjenayah ini, dengan suara yang lantang, sering mendesak kita hadapkan ke mahkamah orang-orang yang ditahan di bawah undang-undang *ISA* kerana kononnya tidak adil. Tetapi apabila penjenayah dibicarakan dan dihukum, mereka sekali lagi menjerit, bahawa ini pun tidak adil. Mereka adalah boneka kumpulan-kumpulan asing di luar negeri yang tidak senang

melihat keamanan di Malaysia.

Di bidang akhbar pula, setelah kebenaran diberi dengan mudah, ada akhbar-akhbar baru yang mengguna seks dan skandal untuk mendapat pelanggan yang ramai. Pada permukaannya akhbar-akhbar ini kononnya memandang berat skandal-skandal yang berlaku. Tetapi sebenarnya, yang diutamakan ialah kelarisan penjualan akhbar berkenaan. Tuduhan yang melulu dibuat tanpa mengambil kira kesan kepada yang dituduh. Akhbar-akhbar ini mengambil kesempatan daripada keengganinan yang dituduh menghadapi publisiti. Mereka berasa megah dan angkuh kerana, sebagai penulis akhbar, mereka boleh hebahan segala maklumat dan hujah melalui akhbar mereka sementara yang dituduh tidak mempunyai alat untuk mempertahankan diri mereka.

Kerajaan memandang berat penyalahgunaan kebebasan yang terdapat dalam dasar liberal kerajaan sekarang. Kebebasan yang diguna untuk menindas orang lain tidak kurang buruknya daripada penindasan oleh kerajaan yang tidak liberal. Jika kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini diteruskan, sikap liberal kerajaan mungkin ditukar semula. Kita liberal kerana kita percaya masyarakat Malaysia sudah dewasa. Tetapi, jikalau tidak ada penghargaan terhadap dasar kerajaan maka terpaksa kerajaan menamatkan liberalisme yang disalahgunakan ini. Jangan fikir, bahawa liberalisme kerajaan ialah tanda kelemahan. Tidak ada cadangan oleh kerajaan untuk menghapuskan ISA selagi kegiatan-kegiatan yang mengancam keamanan negara masih diminati oleh golongan tertentu. Kepada kerajaan Belanda, saya syorkan mereka periksa semula sejarah pemerintahan mereka di Dutch East Indies sebelum mereka berlagak sebagai manusia yang mempunyai "*conscience*". Digul adalah ciptaan mereka.

Baru-baru ini, kita sekali lagi mendengar satu tuduhan yang biasa dilempar oleh seorang yang kononnya ahli UMNO. Tuduhannya ialah UMNO sudah diresapi oleh Pertubuhan *Freemason*. Tidak cukup itu, tuduhan juga

dibuat bahawa Jabatan Perdana Menteri dimasuki oleh *Freemason*, bahawa Setiausaha Politik Perdana Menteri adalah orang *Freemason* dan saya sendiri adalah penyokong *Freemason*. Kerajaan kononnya sekarang kerajaan yang dikuasai oleh *Freemason*.

Sama ada gerakan *Freemason* ini buruk atau tidak, adalah satu perkara lain. Tetapi, menuduh Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri, Setiausaha politiknya, UMNO, dan kerajaan dikuasai oleh badan ini adalah satu perbuatan yang biadab. Dakwaan orang ini, bahawa dia adalah ahli UMNO amat mengecewakan.

Kita telah perhatikan tindak tanduk orang ini sekian lama, dan jika ada musang berbulu ayam atau musuh dalam selimut, inilah dia. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1978, orang ini cuba membawa usul tergempar kononnya kerajaan telah membenar "lumba anjing" di negara ini. Mesyuarat hendak ditangguhkan kerana mahu membahas perkara ini terlebih dahulu. Risalah-risalah disebar bukan sahaja kepada para perwakilan tetapi juga kepada orang ramai.

Kita semua tahu apa yang berlaku. Apabila orang ini diberi peluang bercakap, dia tidak bercakap dan tidak pun membangkitkan perkara "lumba anjing" ini. Sebabnya, jelas tuduhan ini tidak berasas. Tujuannya membawa usul ini ialah supaya majlis menjadi gamat, supaya kerajaan dikecam oleh ahli UMNO, supaya UMNO rosak, dan tujuan yang terbesar sekali ialah untuk membuka peluang kepada musuh-musuh UMNO menghentam UMNO dan kerajaan.

Kegiatan orang ini di mana-mana sahaja, mencerminkan keperibadiannya. Ia biasa menceroboh masuk ke bangunan PKNS dan membuka kedai tanpa izin. Sewa kedai tidak bayar dan akhirnya barang-barang yang tidak berguna yang ada di kedai itu terpaksa dilelong untuk mendapat balik sewa.

Ada kedai lain yang disewa dengan mudah kerana ianya bumiputera, dan selepas dapat sahaja kedai itu, disewa olehnya kepada bukan bumiputera. Sewa dikutip

daripada penyewa bukan bumiputera tetapi sewanya sendiri kepada PKNS tidak dibayar sehingga PKNS terpaksa mengambil tindakan undang-undang.

Sebagai ketua sebuah persatuan perniagaan Melayu, orang ini membuat syarikat dengan nama yang seakan-akan nama persatuan yang ia dipilih untuk mengetuai. Syarikat ini memohon sekeping tanah daripada kerajaan. Kerana disangka yang memohon ialah persatuan dan bukan dirinya sendiri, pihak berkuasa meluluskan permohonan ini. Dalam masa yang singkat, nama pemilik tanah ini ditukar kepada nama syarikat kepunyaannya sendiri dan diserah kepada bukan bumiputera untuk taman hiburan yang tidak mempunyai unsur Melayu sama sekali. Apabila taman hiburan ini tidak maju, tanah ini dijual terus kepada syarikat bukan bumiputera.

Ada lagi perbuatan-perbuatan menggunakan nama bumiputera atau Melayu untuk mendapat itu dan ini semata-mata untuk mengkhianati hak orang Melayu. Tetapi, bila berucap suaranya lantang – mengecam orang lain tidak Islam, tidak bumiputera, tidak mengutamakan bahasa, Zionis dan sebagainya. Senarai ahli-ahli *Freemason* disimpan sebagai alat ugutan. Tiap kali seseorang mendapat apa-apa sesuatu maka di keluarkanlah senarai ini. Senarai ini tidak tetap. Adakala nama orang-orang tertentu dimasukkan, dan entah dengan tujuan apa nam-nama ini digugurkan dari senarai yang dikeluarkan kemudian. Apabila sahaja berpeluang menuduh maka tuduhan dibuat dengan tidak mengambil kira keadaan yang sebenar.

*Freemason* bukanlah satu badan yang kita alu-alukan dan orang Islam tidak sepaututnya menjadi ahli pertubuhan ini. Tetapi, janganlah seseorang terpesong daripada kenyataan kerana ingin mencari alasan untuk melindung kelemahan kita. Janganlah kita habislah tenaga dan masa berjuang dengan bayang sedangkan yang mengancam kita berada di hadapan kita dengan terang dan nyatanya. Zaman kita hidup di alam khayalan sudah berlalu. Hari ini, kita perlu menghadapi kenyataan dan mengatur langkah

berasas kepada kenyataan. Orang yang percaya kepada khayalan mereka sendiri, dan mengambil tindakan berasas kepada khayalan mereka, akan diketawan oleh musuh mereka yang tahu keadaan yang sebenar. Hari ini, sasaran-nya ialah *Freemason*, tetapi sudah pun ada anda-tanda iaitu selepas *Freemason*, Kelab Rotary, Kelab Apex, Kelab Lions dan lain-lain lagi kelab perkhidmatan dan badan-badan kebajikan akan menjadi sasaran dan pengharaman mereka dituntut. Mereka akan mengugut, akan mendakwa bahawa semua badan ini adalah gerakan Zionis dan berperanglah kita bermati-matian sementara musuh kita masuh dari pintu depan, pintu yang kita buka dengan luas kerana kita asyik berperang dengan musuh ciptaan kita ini. Banyak negara Islam sudah pun mengharamkan badan-badan yang saya sebutkan tadi tetapi apakah mereka sudah mencapai kejayaan. Apakah kerana pengharaman ini maka Israel hari ini terburjur di medan perang?

Penyakit yang dialami oleh kita ialah tabiat memejam mata kepada cabaran yang nyata dan mengalih perhatian kepada masalah-masalah ciptaan sendiri. Akibatnya, ialah pembaziran tenaga dan masa tanpa apa-apa hasil. Apakah tujuh setengah juta orang Islam di negara ini takut kepada *Freemason*? Apakah perjuangan kita hingga kini tidak pernah mencapai kejayaan kerana *Freemason*? Apakah kita tidak merdeka kerana dihalang oleh *Freemason*? Kalau kita sudah begitu takut kepada *Freemason*, tidak gunalah kita anggap diri kita orang Islam yang kuat iman. Kita sudah begitu lemah sehingga kita takut kepada beberapa kerat manusia yang bersandiwarah dalam bangunan yang kita namakan "Rumah Hantu". Dan bertambah takutlah kita kerana hantu ciptaan kita ini.

Setiausaha Kerja kita memang biasa menjadi ahli *Freemason*. Ramai juga orang Melayu yang pernah menjadi ahli *Freemason*. Sebabnya, ialah kerana fesyen semasa, kerana sukar berdekat dengan orang kulit putih di zaman orang kulit putih berkuasa. Memang ada ramai orang Melayu yang berbangga kerana boleh bercampur gaul dengan orang kulit putih dahulu.

Tetapi, Setiausaha Kerja dan ramai daripada orang Melayu menjadi *Freemason* sudah pun meninggal pertubuhan itu. Mereka tidak lagi terikat dengan apa yang dikatakan sumpah mereka – kerana bagi orang Islam, sumpah seperti itu tidak bermakna sama sekali. Mereka sudah bertaubat.

Dalam Islam, pembunuhan sekalipun boleh diampun. Ini kan pula perbuatan kebudak-budakan di masa muda. Apakah kita akan singkir mereka yang dahulu terlibat dengan *Freemason* sehingga tidak mungkin mereka balik ke pangkuhan masyarakat? Apakah kita menolak orang sudah bertaubat? Apakah agama Islam tidak akui orang yang bertaubat?

Setiausaha Kerja UMNO telah dipilih kerana dia berkali-kali bekerja dengan sukarela mengendalikan jentera pilihanraya di peringkat pusat. Kita tidak pernah kalah di waktu beliau bertugas dalam bilik gerakan. Sebaliknya, kemenangan kita telah meningkat dari tahun 1974, 78 hingga ke 82. Jika benar dia ejen *Freemason* yang bertujuan menghancurkan UMNO, maka, dia adalah ejen yang tidak pernah berjaya. Tetapi, saya dan rakan-rakan saya tahu tentang kerjanya dan kami puas hati dengan kesetiaannya. Sebaliknya, ada orang yang menuduhnya biasa melesapkan peruntukan pilihanraya di waktu yang sama.

Apakah jenis masyarakat kita jika orang yang nyata setia dituduh dan orang yang nyata oportunis, yang tidak bermaruah, di dewa-dewakan? Sekali lagi saya ingin katakan, daripada segi kesan kepada perpaduan dalam, orang yang menuduh adalah lebih *Freemason*, bukan orang yang dituduh. Jika ada orang yang patut disingkir, orang yang menuduhlah yang patut disingkir. Dialah musang berbulu ayam, dialah duri dalam daging, dialah musuh dalam selimut, dialah *Freemason* pada hakikat. Awasilah orang yang melempar fitnah. Tuhan telah berfirman yang bermaksud, orang yang memfitnah adalah lebih bahaya daripada pembunuhan – dan Tuhan adalah lebih mengetahui.

UMNO, dan orang Melayu dan Islam mempunyai

tanggungjawab yang besar. Tanggungjawab ini memerlukan kita menumpukan perhatian kepada masalah-masalah yang nyata. Masalah-masalah ini kita tahu akan memusnahkan kita jika kita alpa. Lihatlah apa yang sedang terjadi dalam dunia Islam. Walaupun nampaknya ada kesedaran yang baru terhadap ajaran Islam, tetapi kesedaran ini lebih tertumpu kepada soal-soal yang memecahbelahkan umat Islam dan mencetuskan perperangan di kalangan mereka. Tidak ada perhatian yang serius yang diberi kepada penyerapan ilmu, kepada memperkuatkan persaudaraan dan kepada menentang musuh. Akibatnya, ialah orang Islam tidak hidup bahagia seperti yang dijanjikan kepada umat Muhammad s.a.w. Sebabnya, bukan kerana Islam menghalang, tetapi kerana orang Islam mudah dipesong daripada ajaran Islam, mudah dipengaruhi oleh nafsu.

Oleh itu, UMNO perlu menarik balik perhatian orang Melayu yang juga orang Islam kepada hakikat masalah yang sebenar dan mengikut kehendak agama dalam mengatasi masalah ini. Singkirkanlah khayalan. Elaklah diri daripada menghabis masa dan tenaga melawan musuh ciptaan. Hadapilah musuh yang ada di hadapan kita, musuh yang sebenar, iaitu nafsu dan hasad dengki kita yang tetap menjadikan kita sasaran sesiapa sahaja yang pintar dan berani.

UMNO telah menewaskan *Malayan Union*. UMNO telah memenangi kemerdekaan. UMNO telah menebus maruah orang Melayu yang dijajah. UMNO telah memelihara dan menegak agama Islam di Malaysia. UMNO telah memerintah dengan adil dan membawa pembangunan dan lain-lain lagi. Semua ini ialah hasil perjuangan UMNO. Tetapi, saya ulangi sekali lagi, perjuangan UMNO belum tamat. Sekarang ini, kita menghadapi perjuangan yang terbesar sekali – perjuangan untuk mengubah sikap orang Melayu supaya sesuai dengan kehendak agama Islam di zaman moden ini.

Sehingga kini, ada orang Melayu cuma bercakap berkenaan dengan agama Islam tetapi amalan mereka

adalah berlainan. Mereka bercakap tentang persaudaraan dalam Islam tetapi ada mereka yang mengadakan isu supaya orang Islam tidak bersaudara. Mereka bercakap tentang mempelajari ilmu tetapi mereka tidak mempelajarinya. Mereka bercakap tentang ketahanan orang Islam tetapi tidak berusaha ke arahnya.

Tugas UMNO sekarang ialah meningkatkan lagi amalan mengenai Islam dan menjamin masyarakat Melayu benar-benar mengamalkan ajaran agama Islam. Ini bermakna orang Melayu mesti menjadi orang yang rajin, berpengetahuan dan cekap dalam semua bidang. Orang Melayu mesti berusaha ke arah "*self-reliance*" atau kebolehan sendiri dalam semua bidang. Untuk ini, kita perlu semangat yang tidak mudah luntur. Setiap kali kita jatuh kita akan bangun dan berusaha lagi – bukan kerana kemegahan dan keuntungan material tetapi, kerana Islam dan keagungan Allah subhanahu wataala.

Memang perjuangan ini jauh lebih besar daripada segala perjuangan UMNO dahulu. Memang perjuangan ini tidak mudah dijayakan. Tetapi UMNO mesti memperjuangkannya, walau apa sekalipun rintangannya, kerana inilah perjuangan kita yang sebenarnya.

### **Perhubungan Luar**

Satu perkara yang menarik perhatian ahli-ahli UMNO ialah perhubungan negara dengan negara-negara asing. Hingga kini, kita telah menurut arus sejarah sahaja. Memang ada sebab-sebabnya yang kita berbuat demikian. Tetapi, kita sudah merdeka selama sesuku abad dan dalam tempoh sesuku abad itu, banyak perubahan telah berlaku kepada negara kita dan kepada dunia.

Negara kita tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kekuatan dan pertolongan negara-negara Komanwel. Corak perdagangan sudah bertukar sehingga "*Commonwealth preference*" tidak ada lagi dan sebahagian terbesar perdagangan kita adalah dengan negara-negara bukan Komanwel. Kita tidak lagi bergantung semata-mata kepada timah dan getah, tetapi sudah menjadi pengeluar minyak

sawit, petroleum, balak dan barang-barang buatan. Ekonomi kita tidak lagi dikongkong sepenuhnya oleh orang asing atau oleh satu kaum.

Pentadbiran pula tidak lagi terhad kepada menjaga keamanan dan tatatertib masyarakat, tetapi meliputi dasar dan luar, penyelarasan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Pentadbiran tidak lagi boleh mengasingkan diri dalam bilik kerja tetapi perlu keluar berjumpa dan berdialog dengan rakyat walaupun di luar masa kerja.

Dunia telah berubah dengan tertubuhnya ASEAN yang diikuti dengan penglibatan United Kingdom dalam Kesatuan Ekonomi Eropah atau *EEC*. Komanwel dibelakangkan oleh pengasas Komanwel sendiri. Di Vietnam, Amerika Syarikat telah dikalahkan. Republik Rakyat China telah membuka pintunya kepada dunia luar. Negara-negara Islam muncul bersama dengan pengambilan alih pemasaran minyak petroleum oleh negara-negara pengeluar. Vietnam telah mencerobohi Kampuchea dan mengancam kestabilan Asia Tenggara.

Memandang kepada perubahan-perubahan ini, maka tidak dapat tidak, Malaysia perlu mengubahsuaikan pendekatannya terhadap hubungan dengan negara-negara asing. Kita perlu menentukan keutamaan kita sama seperti negara-negara lain menentukan keutamaan mereka dari masa ke semasa.

Kita yakin, bahawa ASEAN mempunyai peranan penting dalam menstabilkan keadaan di Asia Tenggara. Tanpa kestabilan di wilayah ini kita tidak mungkin dapat hidup dengan aman. Oleh itu, kita memberi keutamaan yang tertinggi kepada perhubungan dengan negara-negara ASEAN. Kita akan berusaha sedaya upaya mengadakan perhubungan yang baik dan setiap negara ASEAN dan memupuk keutuhan pertubuhan serantau ini. Ini akan, buat tanpa menjaskan kedaulatan kita.

Dalam konteks Asia Tenggara, kita, melalui ASEAN, akan berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea. Walau apa sekalipun terjadi, kita tidak akan terima tindakan sesebuah negara jiran melanggar negara

tetangga untuk mendirikan sebuah kerajaan boneka.

Keutamaan kita yang kedua ialah perhubungan dengan negara-negara Islam. Sebagai sebuah negara Islam, kita tidak boleh berpisah dengan dunia Islam. Kita berasa bertanggungjawab terhadap nasib yang menimpa umat Islam di mana sahaja mereka berada. Adalah menjadi kepercayaan kita, bahawa perpaduan umat Islam bukan sahaja akan membawa kebahagiaan kepada mereka tetapi juga kepada dunia.

Kita sedar akan kelemahan dan pecah belah yang terdapat dalam dunia Islam. Tetapi, pendirian kita ialah kita tidak mahu memihak kepada sesiapa, dan jika dikehendaki, kita sedia menjadi orang tengah dan pendamai. Walau apa sekalipun berlaku, pendirian kita ialah persaudaraan dengan semua negara dan penganut agama Islam.

Demikian jugalah pendirian kita di kalangan semua negara di dunia. Kita tidak mahu terlibat dengan permusuhan antara kuasa-kuasa besar. Kita berkecuali dan oleh itu, kita akan teruskan keanggotaan kita dan peranan kita dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Sebarang usaha untuk memasukkan pergerakan ini dalam mana-mana kem kuasa besar akan ditentang oleh kita.

Komanwel masih wujud walaupun hidup segan. Kita sedar akan potensi Komanwel, terutama sebagai satu forum untuk negara-negara kecil yang baru merdeka. Oleh itu, kita akan kekal sebagai ahli Komanwel dan akan memainkan peranan dalam pembangunan negara-negara kecil. Walaupun saya berpendapat, mesyuarat seluruh Komanwel tidak berfaedah, saya akan menghadiri mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Kommanwel Peringkat Wilayah atau "*Commonwealth Heads of Government Regional Meeting*" yang akan berlangsung di Fiji pada bulan depan. Ini ialah oleh kerana ramai ketua-ketua kerajaan yang akan hadir ialah dari negara-negara kecil dari wilayah ini.

Akhirnya, yang menjadi tumpuan kita sekarang ialah perhubungan dua hala. Kita dapati, bahawa lebih banyak

perkara-perkara boleh diselesaikan melalui rundingan dua hala daripada rundingan berbagai hala atau *multi-lateral*. Oleh itu, sementara meneruskan kerjasama dalam konteks kumpulan, kita akan mengadakan juga hubungan dua hala untuk projek-projek tertentu. Kita telah mengadakan hubungan dengan Mali di Afrika dan dengan beberapa negara Pasifik Selatan untuk maksud ini.

Kita berpendapat, bahawa tanggungjawab sosial bukan sahaja terhad kepada masalah-masalah dalam negeri tetapi melibatkan juga perhubungan antarabangsa. Seperti mana di dalam negeri yang kaya perlu dikenakan cukai supaya yang miskin boleh ditolong, begitu juga dalam masyarakat antarabangsa yang kaya perlu membantu yang miskin. Ada pihak-pihak yang berkata, bahawa dalam perhubungan antara Utara dan Selatan dan usaha membentuk satu *New International Economic Order*, atau Order Baru Ekonomi Antarabangsa, Malaysia cuba menonjolkan Konsep Dasar Ekonomi Barunya – iaitu perseimbangan dan pembasmian kemiskinan. Jika unsur Dasar Ekonomi Baru dilihat dalam sasaran Malaysia bagi mengatasi masalah ekonomi dunia yang tidak seimbang, kita tidak akan menafikan. Memang asas-asas Dasar Ekonomi Baru merupakan manifestasi tanggungjawab sosial yang baik, dan kita sanggup mengutarakannya dalam perhubungan antarabangsa.

### **Pandang Ke Timur**

Baru-baru ini, kerajaan telah membuat satu dasar yang dikenali sebagai "Pandang ke Timur". Penjelasan telah pun dibuat berkali-kali tentang maksud dasar Pandang ke Timur ini. Umumnya, dasar ini adalah berhubung dengan ekonomi negara. Di timur, terdapat beberapa buah negara yang telah menunjukkan kebolehan mereka mengatasi masalah-masalah pembangunan ekonomi sehingga mereka dapat bersaing dengan jayanya dengan negara-negara barat yang telah lama maju.

Selama beberapa abad, kita kagum dengan kekuatan dan kebolehan Barat. Kita bukan sahaja kagum tetapi kita

telah menerima pendapat, bahawa tidak mungkin kita, atau mana-mana bangsa Timur, bersaing dengan orang-orang Barat. Tetapi hari ini, kita telah melihat sekurang-kurangnya dua buah kuasa barat dikalahkan di medan perang oleh bangsa Timur. Dan, di dalam bidang ekonomi pula, sementara negara barat umumnya tidak dapat mengatasi krisis minyak dan lain-lain, beberapa negara Timur dapat mengatasinya. Asia Tenggara juga merupakan satu kumpulan negara-negara yang berjaya membangun dengan pesat di waktu negara-negara maju di barat mengalami kemerosotan atau pembangunan yang lembap.

Memandang kepada hakikat inilah maka kita harus membetulkan sikap dan pandangan kita. Barat tidak lagi boleh menjadi contoh sepenuhnya. Orang yang gagal tidak boleh dijadikan contoh. Jika kita ingin kejayaan kita perlu mengambil sebagai contoh negara yang berjaya, dan yang berjaya hari ini berada di Timur. Contoh-contohnya ialah Jepun dan Korea Selatan.

Dalam pada itu, kita sedar bahawa bukan semua yang didapati di Timur adalah baik. Masih ada beberapa tauladan dan contoh di Barat yang baik yang perlu kita terus terima. Oleh itu, kajian perlu dibuat tentang apa yang hendak kita terima dan amalkan dari Timur dan apa yang hendak kita tinggalkan dari Barat.

Yang menarik perhatian kita di Timur ialah kerajinan. Orang-orang Jepun dan Korea bukan sahaja rajin bekerja tetapi juga rajin dalam menjaga kebersihan dan ketertiban rumah tangga dan kampung halaman. Sebenarnya, kita sebagai orang Islam menjunjung tinggi kerajinan dan kebersihan, tetapi amalan kita tidaklah seperti yang dituntut oleh agama Islam. Semenjak serapan nilai barat di zaman ini, kerajinan pun sudah dipandang rendah dan hina terutama oleh generasi muda. Ada mereka yang berkata, "Kalau rajin kita akan jadi robot", ada yang berkata, "Kita akan jadi hamba", dan lain-lain lagi. Manusia, kononnya memerlukan rehat yang bertambah-tambah. Kalau dahulu kerja tujuh hari, sekarang patut enam hari. Kalau sudah enam hari bekerja patut dikurang kepada lima setengah,

kepada lima dan seterusnya.

Kerajinan membawa kebahagiaan. Kita semua tahu tetapi, sejak pengaruh barat menular, kita sudah menjadi malas. Oleh itu, kita perlu pandang ke Timur di mana terdapat bangsa-bangsa yang rajin bagi menghapuskan nilai barat yang telah kita serapkan kini. Dahulu, kita dihina oleh Barat kerana kita dikatakan malas. Sekarang apabila Barat menjadi malas, kita dijunjung tinggi tabiat malas. Ini benar-benar menunjukkan, bahawa kita tidak mempunyai pendirian sendiri – bahawa kita berasa serba kurang sehingga apa sahaja yang ada pada kita, kita pandang rendah, dan apa saja yang dimiliki oleh Barat, kita muliakan. Kita sudah menjadi "pak turut" yang tidak mempunyai pendirian sendirian sendiri. Masanya sudah tiba untuk kita menebus kembali maruah kita. Demikianlah dasar pandang ke Timur; kerana kita adalah dari Timur, memandang ke Timur bermakna memandang kepada diri sendiri juga – memupuk nilai-nilai baik yang sedia ada dan mengikis nilai-nilai yang kita tahu tidak bermanfaat.

Bukan kerajinan dan ketertiban sahaja yang hendak kita tiru dari Timur. Kita mahu ketekunan bekerja, kecekapan pengurusan dan cara-cara perhubungan sekerja dan lain-lain lagi yang terdapat di Timur. Jelaslah, dasar Pandang ke Timur ini adalah untuk kebaikan, untuk memelihara maruah kita dan menjadikan kita kaya daripada segi jasmani dan rohani. Yang diutamakan dan yang dijunjung tinggi masih juga agama kita, agama Islam. Yang kita akan serapkan ialah nilai-nilai dan cara-cara yang tidak bertentangan dengan agama, bahkan kebanyakannya adalah nilai-nilai yang dipandang tinggi dan dituntut oleh agama. Kalau pada hari ini kita tidak amalkan cara-cara ini, ini bukanlah kerana agama melarang atau tidak menyuruh, tetapi kerana kita amalkan ajaran agama di mulut sahaja dan tidak melalui perbuatan. Sebenarnya, jika kita benar-benar menurut ajaran Islam berkenaan dengan kerajinan, menuntut ilmu, mencari nafkah, kebersihan, ketahanan dan lain-lain nilai yang baik, kita tidak

perlu pandang ke mana-mana lagi. Tetapi kita tidak. Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda, bahawa kita perlu menuntut ilmu walaupun ke Negeri China. Maksudnya, kita harus mengambil contoh-contoh yang baik dari mana-mana jua pun. Inilah yang kita lakukan apabila kita pandang ke Timur.

### **Islam**

Semenjak dekad 70-an hingga sekarang, dunia semakin sedar mengenai Islam dan penganut-penganutnya. Sebagai sebuah negara Islam dan sebagai orang Islam, kita berbangga dengan perkembangan ini. Kita percaya, bahawa dalam tiap-tiap perhitungan politik dan ekonomi dunia, kesan kebangkitan semula Islam tidak boleh di ketepikan.

Di samping kebanggaan ini, kita tidak dapat menidakkan beberapa kejadian yang mengancam kedudukan agama suci Allah subhanahu wataala ini. Di beberapa negara, umat Islam telah diusir dan ditindas tanpa apa-apa pertolongan yang boleh diberi oleh negara-negara Islam, walaupun oleh negara Islam yang kaya raya. Musuh-musuh Islam membuat sesuka hati mereka terhadap orang-orang Islam kerana, walaupun ada negara Islam yang kaya tetapi mereka adalah lemah kerana kurang pengetahuan dan berpecah belah.

Unsur-unsur yang memecahbelahkan umat Islam berlaku di negara kita sendiri. Beberapa orang yang berminat di dalam bidang politik telah mencabul kesucian Islam dengan menonjolkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam. Demikianlah kesan kegiatan mereka ini sehingga tergugat akidah beberapa kumpulan orang Islam di sana sini, dan berlakulah peristiwa sembahyang dua imam, perkuburan yang berasingan sesama orang Islam, penggunaan simbol parti untuk mayat dan perpecahan masyarakat Islam.

Perlembagaan negara ini menjadikan kedudukan agama Islam sebagai tanggungjawab kerajaan. Apabila kesucian Islam dicemar dan akidah serta iman orang Islam

digugat hasil daripada apa yang dilakukan oleh beberapa pemimpin parti PAS, terutamanya di Trengganu, kerajaan pusat tidak boleh mendiamkan diri. Saya ingin memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin PAS yang suka mencemar agama Islam dan mengeliru serta memesongkan kepercayaan orang Islam, bahawa kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang bagi menghentikan kegiatan mereka. Kerajaan bertanggungjawab memelihara dan melindungi umat Islam di negara ini daripada segala ajaran sesat, dan tokoh-tokoh politik yang tamak kuasa tidak dikecualikan daripada undang-undang yang akan dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Sebagai satu usaha ke arah kebahagiaan umat Islam di negara ini dan juga di dunia, kerajaan telah merancangkan tiga projek yang besar. Yang pertama ialah Universiti Islam Antarabangsa yang bertujuan, di antara lain, memberi tempat kepada sebahagian daripada penuntut Islam yang sekarang ini terpaksa menuntut di luar negara-negara Islam di mana mereka terdedah kepada nilai-nilai yang boleh meruntuh akhlak dan keperibadian Islam. Seperti amalannya di institusi pengajian tinggi di Sepanyol di bawah pemerintahan Islam dahulu dan di Baghdad, universiti ini akan menerima sekumpulan penuntut bukan Islam supaya dunia bukan Islam dapat memahami falsafah dan peribadi Islam.

Yang keduanya ialah penubuhan Bank Islam. Bank adalah satu institusi kewangan yang penting dalam ekonomi moden tetapi kini sistem bank yang wujud memperkenalkan sistem yang tidak begitu sesuai dengan agama Islam. Dengan penubuhan Bank Islam, kita yakin bahawa ekonomi dan ketahanan orang Islam serta agama Islam sendiri akan menjadi lebih kukuh. Sistem kewangan Islam ini adalah satu alternatif kepada sistem kewangan yang wujud sekarang ini.

Langkah yang ketiga yang akan diambil oleh kerajaan ialah memperkenalkan tamadun Islam di universiti-universiti di tanahair kita. Islam, sebagai agama rasmi negara, patut dikenali oleh semua penduduk di Malaysia. Kita

tidak bercadang mengajar asas-asas agama Islam dengan tujuan pengislaman, tetapi untuk memperkenalkan peradaban Islam atau "*Islamic Civilisation*". Kaedahnya adalah sama dengan pengajaran "*History of the British Empire*" atau Sejarah Empayar British di zaman penjajahan dahulu. Dengan cara ini, kita harap dapat mengurangkan perasaan takut dan curiga yang terdapat di kalangan setengah orang bukan Islam di Malaysia terhadap agama Islam dan orang Islam. Kita yakin, ini akan dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum di Malaysia.

Semua usaha-usaha ini dibuat kerana UMNO, sebagai parti orang Islam dan tulang belakang kerajaan, bertanggungjawab terhadap Islam dan negara. Saya yakin, dari masa ke semasa, lain-lain unsur Islam akan dimasukkan ke dalam kegiatan negara. Semua ini akan dibuat tanpa menjelas kedudukan agama-agama lain yang dilindungi oleh perlembagaan.

Saudara-saudara dan saudari-saudari yang hadir pada hari ini datang dari seluruh semenanjung untuk mendengar dan membahas perkara-perkara yang berhubung dengan parti, kerajaan dan negara. Tahun ini, UMNO berusia 36 tahun dan Malaysia berusia sesuku abad. Kita telah mara jauh ke hadapan dan dalam proses ini, kita semakin dewasa.

Sekarang, kita memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan terhadap masa depan kita. Negara yang berluah ini akan kita jadikan sebuah negara yang maju dan jaya. Bangsa kita akan kita jadikan bangsa yang bermaruah tinggi dan dihormati, insya-Allah.

Seperti saya katakan tadi, perjuangan kita belum tamat. Dalam pilihanraya yang lalu, kita menggunakan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah". Memanglah bersih, cekap dan amanah boleh membawa kejayaan. Tetapi, kita perlu juga lain-lain nilai yang tinggi – keberanian, ketahanan, kejujuran, kerajinan, bersopan santun, berdisiplin dan sebagainya. Semua ini kita ingin amalkan kerana kita yakin, bahawa nilai-nilai yang baik membawa kebaikan.

Tidak ada bangsa yang ingin dan sanggup dihinakan

oleh orang lain. Tetapi, tidak ingin dan tidak sanggup sahaja tidak cukup. Kita perlu berusaha untuk mencapai tahap yang akan menentukan kita akan dihormati. Bagi tujuan ini, kita perlu menginsafi kelemahan kita. Kejayaan kita berada di tangan kita, dan kitalah yang mesti membetulkan diri kita dan membaiki keadaan di sekeliling kita.

Malaysia yang kita idami ialah Malaysia yang aman, yang makmur, yang bebas daripada segala ancaman. Kita boleh mencapai keamanan melalui politik yang adil dan bertimbang rasa. Ini tidak bermakna, sesiapa yang sengaja cuba mencabul keamanan dan ketenteraman negara, akan kita layan dan dibenarkan bermaharajalela. Tetapi, bagi orang yang menghormati undang-undang dan tatasusila negara, serta dasar-dasar asasnya, walau apa bangsa dan agama, mereka tidak akan ditindas atau dianiaya.

Kita mahukekayaan bukan kerana taksub dengan kebendaan tetapi keranakekayaan perlu untuk memeliharaan keselamatan kita – untuk membangunkan negara kita, untuk membersih dan mengindahkan alam sekeliling kita, untuk meninggikan taraf kehidupan semua rakyat, dan untuk menambah peluang pekerjaan. Tidak kurang pentingnya ialah peranankekayaan dalam memelihara agama dan keimanan kita kerana kemiskinan adalah hampir kepada kekuatan. Kita ingin kaya kerana kita tidak ingin bergantung kepada orang yang sudah tentu akan mengambil peluang untuk mempengaruhi kita atau membendung kebebasan kita. Kita ingin kaya supaya kita boleh menolong orang yang kurang bernasib baik, termasuk negara yang miskin dan menderita.

Kita perlukekayaan kerana kita mahu hidup bahagia, kerana kebahagiaan adalah hak orang Islam. Tidak ada kebahagiaan bagi orang yang terdedah kepada segala macam tekanan oleh sebab kemiskinan.

Kebebasan daripada ancaman memerlukan kesanggupan mempertahankan negara. Harta dan jiwa tidak bermakna tanpa kebebasan. Oleh itu, tiap-tiap seorang daripada kita harus sanggup mengorbankan harta dan jiwa untuk negara. Bangsa yang pengecut, yang menyerahkan

pertahanan negara kepada orang lain tidak akan hidup bahagia. Akhirnya, bangsa itu akan dijajah dan mungkin dihapuskan.

Kebahagiaan tidak akan datang melayang. Pengorbanan dan usaha diperlukan bukan daripada orang lain tetapi daripada kita sendiri.

UMNO dan ahli-ahlinya harus faham hakikat ini jika kita benar-benar inginkan kebahagiaan. Kelemahan kita menyebabkan kemunduran kita. Mungkin orang lain juga menjadi penghalang. Tetapi, adalah lebih baik kita mengatasi kelemahan kita daripada kita mengeluh tentang apa yang kita katakan "sabotaj" oleh orang lain.

Kita mendapati ramai daripada orang Melayu yang masih tidak sanggup berusaha, tidak sanggup belajar dan tidak sanggup bekerja. Masih ramai yang memilih-milih kerja. Ramai pula daripada penuntut yang ingin mendapat ijazah di universiti bukan kerana ilmu pengetahuan yang didapati itu berguna, tetapi kerana status. Apabila ijazahnya didapati tidak sesuai dengan kerja yang dipohon, maka kerajaan dikecam. Ramai yang tidak lekat dengan satu-satu kerja lebih daripada dua tahun kerana bosan, kerana tidak boleh kerja dengan rakan sekerja, kerana mengejar gaji lebih tinggi sedikit. Ada pula yang setelah menjadi eksekutif tidak mahu meninggalkan pejabat berhawa dingin, dan bercampur dengan pekerja dalam kilang, atau di tempat kerja lain. Ada yang tidak mahu kotor tangan sedikit pun.

Semua sikap ini adalah penghalang kemajuan orang Melayu. Mereka mungkin tidak suka mendengar tentang kelemahan diri mereka, tetapi, UMNO adalah pertubuhan yang bertanggungjawab untuk membimbang orang Melayu. UMNO mesti membawa orang Melayu ke alam nyata. Musuh UMNO akan menangguk di air yang keruh ini, tetapi UMNO tidak boleh membenarkan sikap yang membinasakan ini menguasai orang Melayu, walaupun politik parti terjejas.

Peranan dan tanggungjawab UMNO kepada orang Melayu mestilah jelas. UMNO bukanlah semata-mata alat

untuk mendesak kerajaan membuat itu dan ini, dan memberi itu dan ini. UMNO adalah juga badan kepimpinan orang Melayu ke arah kebahagiaan. UMNO adalah contoh dan tauladan kepada orang Melayu. UMNO mesti menyakinkan orang Melayu, bahawa kemajuan dan kebahagiaan mereka berada di tangan mereka.

Orang yang menyeru ke arah kebaikan melalui pengorbanan dan usaha, jarang sekali mendapat sambungan. Sebaliknya, orang yang suka menyuruh orang lain menjalankan kerja memang disukai ramai. Tetapi kita semua tahu kesan bergantung kepada orang. Kerana kita menyerah kerja kepada orang lainlah, maka negara kita dijajah dahulu dan pembangunan orang Melayu terbantut.

Sebagai parti yang bertanggungjawab, UMNO tidak mempunyai pilihan lain. UMNO akan merintis segala perubahan yang akan membawa kebahagiaan negara. UMNO akan mempertingkatkan kecekapan orang Melayu dan orang Islam lain serta rakyat keseluruhannya. UMNO akan menjunjung tinggi amanah yang diletakkan di bahunya ini.

Insya-Allah, orang Melayu dan orang Islam di negara ini akan sedar, akan maju dan bahagia, dan negara akan dihormati oleh seluruh dunia.

Malaysia yang bermaruah ialah matlamat kita. UMNO akan menjadi tauladan dan memimpin orang-orang Melayu dan semua rakyat Malaysia ke arah matlamat yang mulia ini.

---

*Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang ke-33 Di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, Pada hari Jumaat, 10 September 1982, Jam 9.00 Pagi.*

---

## MASYARAKAT DAN NASIONALISME

**PERHIMPUNAN AGUNG UMNO** 1985 ini, tetap akan menjadi mesyuarat yang istimewa dalam sejarah perjuangan UMNO dan perjuangan orang Melayu. Yang pertama, perhimpunan kali ini diadakan dalam bangunan UMNO sendiri. Memang benar UMNO telah memiliki bangunannya sendiri semenjak awal-awal lagi tetapi bangunan-bangunan ibu pejabat UMNO dahulu adalah terlalu kecil untuk menampung mana-mana Perhimpunan Agung UMNO. Kompleks UMNO yang baru sahaja siap dan dirasmikan pembukaannya semalam, merupakan bangunan yang khusus direka bentuk untuk menampung keperluan persidangan yang terbesar yang diadakan tiap-tiap tahun di negara kita – iaitu Perhimpunan Agung UMNO.

Kompleks UMNO ini membuktikan bukan sahaja kemajuan UMNO tetapi juga kejayaan orang Melayu khususnya, dan kejayaan pemerintahan kerajaan campuran di Malaysia semenjak merdeka.

Walaupun kita terpaksa meminjam duit untuk membangunkan projek ini, tetapi kita tahu orang tidak akan memberi pinjaman jika kita tidak mempunyai kemampuan untuk membayar balik. Ahli-ahli UMNO sendiri tidaklah menderma seperti dijangka, tetapi ada juga orang-orang lain yang mengakui, bahawa kejayaan mereka adalah hasil kejayaan perjuangan UMNO dan pemerintahan yang

diterajui oleh UMNO dan oleh itu sudi membantu UMNO untuk mendirikan ibu pejabat ini. Selain daripada itu, kita yakin perolehan daripada kompleks ini dan keuntungan beberapa perniagaan di mana UMNO mempunyai saham, akan menolong kita membayar balik pinjaman dan memberi sedikit lebihan untuk pengurusan ibu pejabat.

Yang kedua, ialah bilangan ahli UMNO sudah meningkat sehingga lebih daripada satu juta. Ini membuktikan, bahawa orang Melayu yang berminat dengan UMNO semakin bertambah. Di mana sahaja kita pergi terdapat papan tanda menyatakan ada cawangan UMNO di situ. Sudah tentu semua kawasan setinggan mempunyai papan tanda UMNO. Jika ada sebuah bangsal kecil di dalam satu kawasan pembangunan baru, papan tanda UMNO serta bendera UMNO tetap ada dengan megahnya. Dalam kawasan di mana pihak lawan menganggap sebagai kubu mereka, di situ pun ada UMNO.

Keahlian yang ramai ini mencerminkan minat orang Melayu menjadi ahli UMNO. Tetapi, malangnya ia belum tentu mencerminkan semangat dan kefahaman tentang perjuangan UMNO.

Kedua-dua keistimewaan UMNO yang saya sebutkan ini, iaitu kejayaan ekonominya dan bertambahnya sebilangan ahlinya, walaupun pada permukaannya merupakan satu perkembangan yang boleh dibanggakan, tetapi ada juga unsur-unsur keburukan, unsur-unsur yang boleh merobohkan UMNO dari dalam.

Kejayaan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi tidak selalunya membawa kesyukuran. Ramai yang berjaya dan menjadi kaya tidak puas hati dengan kekayaan semata-mata. Mereka mahu tempat dalam bidang politik dan kuasa yang kononnya dimiliki orang-orang politik.

Justeru itu, kita telah lihat penggunaan wang untuk menjayakan pertandingan merebut jawatan dalam UMNO, baik di peringkat cawangan, atau bahagian atau pusat. Sagu hati dihantar kepada ahli dengan kiriman salam daripada si polan si polan. Kadang-kadang sampul surat khas digunakan dengan ucapan 'salam sejahtera' daripada

orang yang berkenaan.

Ramai ahli UMNO dibawa makan angin ke luar negeri. Banyak juga majlis jamuan diadakan, lengkap dengan syarahan kecil dan doa. Hotel-hotel mewah mendapat pelanggan yang ramai. Begitu juga bas-bas persiaran, mendapat tempahan sepanjang tahun.

Tiap sesuatu mempunyai permulaannya. Penggunaan wang bermula dengan penempatan wakil-wakil ke Perhimpunan Agung di hotel-hotel mewah. Dahulu, wakil-wakil ke Perhimpunan Agung mencari tempat tinggal sendiri di hotel-hotel kecil, tetapi kerana undi mereka diminati oleh calon-calon Majlis Tertinggi, maka mereka diberi layanan yang istimewa. Selepas itu, berlakulah perlumbaan menggunakan wang.

Kita tidak boleh salahkan pemberi sahaja. Penerima juga bersalah. Mereka mendesak, bahkan secara halus mengugut bakal calon supaya memberi layanan kepada mereka. Jika tidak, maka kesannya mungkin buruk kepada calon.

Amatlah pedih bagi saya untuk mendedahkan perkara-perkara yang buruk ini. Saya sedar, parti-parti lawan akan menggunakan untuk menghentam kita. Tetapi, saya tidak mempunyai pilihan. Dengan bertambahnya ahli-ahli UMNO, lebih ramai orang yang tidak berprinsip sudah menjelma dan menggunakan cara-cara yang buruk untuk mendapat tempat. Dan orang-orang yang sudah lama dalam UMNO pun lupa akan prinsip perjuangan kerana takut kehilangan tempat.

Memandangkan kepada hal ini, UMNO terpaksa meminda undang-undang tubuhnya untuk mengadakan sekatan yang lebih berkesan terhadap penyelewengan yang dilakukan oleh ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin parti. Undang-undang ini akan menambahkan kuasa badan-badan penyelaras UMNO menyelesaikan masalah-masalah tanpa disekat oleh '*court injunction*' yang sudah menjadi adat kepada beberapa ahli yang mengutamakan kepentingan diri sendiri lebih daripada kepentingan parti.

Saya sedar, ada pihak yang mempermainkan konsep

'contract' antara ahli dengan parti. Kononnya, sekian lama UMNO berada, kita tidak perlu kepada 'contract'. Yang perlu, kata mereka, ialah keadilan dalam menyelesaikan masalah.

Yang pertamanya, mereka yang menyatakan keadilan dalam UMNO harus bertanya diri sendiri, apakah benar mereka sendiri adil. Yang keduanya, keadilan biasanya cuma diakui oleh pihak yang mendapat apa yang diminatinya. Jika seorang itu gagal, maka sudah tentu dia tidak akan mengakui keadilan keputusan yang dibuat.

Sebenarnya, UMNO mengamalkan sistem yang demokratik dan memilih pemimpin dengan mengundi secara ramai. Sama ada pemimpin yang dipilih terjamin sifat keadilannya, tidak dapat ditentukan. Yang penting ialah jika pemimpin betul-betul tidak adil, dia dapat digantikan melalui proses demokrasi. Janganlah kita membenarkan kesalahan teknik mengatasi prinsip dan kepentingan parti keseluruhan.

Di antara gejala buruk yang muncul kerana kemajuan ekonomi orang Melayu dan bertambahnya ahli UMNO, ialah politik wang dan rebutan tempat yang telah saya perkatakan. Memadailah jika saya katakan, bahawa kedua-dua amalan ini jika tidak dibendung akan menghancurkan UMNO dan juga negara.

Nasib orang-orang Melayu dan agama Islam akan menjadi amat buruk jika UMNO hancur. UMNO tidak akan hancur kerana serangan musuhnya tetapi UMNO boleh hancur kerana pecah belah di dalam parti, kerana sengketa di antara ahli-ahli UMNO. Ingatlah, rebutan takhta negeri-negeri Melayu oleh kerabat diraja Melayu telah menyebabkan negara kita dijajah selama lebih 400 tahun. Ingatlah dan insaallah. Yang tamak akan kehilangan semua akhirnya.

Sebelum kedatangan Portugis, Belanda dan Inggeris, orang-orang Melayu menjadi rakyat dibegini banyak negeri-negeri kecil yang muncul kerana rebutan kuasa oleh keluarga raja-raja Melayu. Negeri-negeri kecil ini lemah dan dengan berterusnya rebutan takhta oleh keluarga

diraja, maka satu demi satu negeri-negeri Melayu telah jatuh ke tangan penjajah.

Penubuhan UMNO dalam tahun 1946, telah berjaya menyatukan semula orang-orang Melayu untuk menentang *Malayan Union* sehingga mencapai kemenangan. Perpaduan melalui UMNO ini telah diteruskan sehinggalah kita berjaya mencapai kemerdekaan.

Tetapi, perpaduan dan cantuman negeri-negeri Melayu yang menjadikan negara Malaysia telah membawa cabaran baru – iaitu pentadbiran yang lebih besar. Sejarah menunjukkan, cuma bangsa yang mampu mentadbir bilangan manusia yang lebih ramai sahaja yang dapat menegakkan negara yang besar dan kuat. Bangsa yang tidak mampu akan berpecah-pecah menjadi negeri-negeri kecil seperti yang berlaku dalam alam Melayu di Asia Tenggara.

Soalnya ialah, apakah orang-orang Melayu mampu mentadbir UMNO yang sudah besar atau apakah orang-orang Melayu tidak mampu? Inilah ujian yang kita hadapi sekarang setelah UMNO menjadi begitu besar dan disertai pula oleh berbagai golongan anggota masyarakat termasuk mereka yang tidak faham matlamat UMNO atau tidak mempunyai semangat kebangsaan.

Dalam persidangan khas yang akan diadakan, kita akan membentangkan pindaan dan peraturan-peraturan baru yang bertujuan untuk menjaga keutuhan dan kekesanan UMNO. Saya bersetuju bahawa undang-undang tidaklah sebegitu berkesan seperti kesanggupan mengawal diri oleh kita semua. Tetapi, dalam mana-mana kumpulan manusia, walaupun yang cukup tertib, akan terdapat individu-individu yang menjadi duri dalam daging masyarakat. Tujuan undang-undang adalah untuk mengawal mereka ini sahaja. Jika majoriti daripada ahli UMNO berkelakuan buruk dan tidak menghiraukan aturan-peraturan atau undang-undang, pindaan perlembagaan tidak akan membawa apa-apa kesan daripada segi pemeliharaan parti.

Saya berharap, ahli-ahli UMNO akan menyokong

pindaan undang-undang tubuh dan peraturan parti demi menjaga keutuhan dan kewibawaan parti. Lebih-lebih lagi saya berharap, undang-undang ini tidak akan kerap digunakan kerana ahli-ahli parti akan mengawal nafsu dan bertindak sebagai satu bangsa yang bermaruah dan bersopan.

### **Barisan Nasional**

UMNO menerima kenyataan dan berpegang teguh kepada kebenaran. Kenyataannya ialah Malaysia adalah negara berbilang kaum. Oleh itu UMNO sanggup bekerjasama dengan semua kaum asalkan sahaja perjuangan mereka tidak bertentangan dengan kepentingan negara dan perjuangan UMNO.

Sebab itulah, UMNO sanggup menjadi anggota Perikatan dan Barisan Nasional. Kita sanggup mengenepikan sedikit kepentingan kita kerana kita ingin mengutamakan kepentingan negara. Kita ingin supaya mereka ini stabil daripada segi politik dan ekonomi, dan dalam negara majmuk tidak ada sesuatu yang lebih berkesan dalam menentukan kestabilan daripada bekerjasama antara kaum.

Tetapi kerjasama itu hendaklah berkesan dan jujur. Sehingga kini, kerjasama dalam Perikatan dan kemudianya Barisan Nasional adalah berkesan dan kerajaan-kerajaan campuran yang ditubuhkan di bawah Perikatan dan Barisan Nasional telah berjaya membangunkan negara kita, Malaysia.

Walaupun biasanya parti-parti komponen dalam Barisan Nasional tidak campur tangan dalam masalah rumah tangga parti masing-masing, tetapi kepentingan Barisan Nasional lebih utama daripada kepentingan sesuatu parti komponen. Jika peristiwa dalam parti komponen bukan sahaja merosakkan dirinya sendiri, tetapi mengancam kekuatan Barisan Nasional, maka Barisan Nasional tidak dapat berdiam diri.

Namun demikian, kita amat berhati-hati dalam mengambil tindakan. Masa yang cukup diberi untuk se-

suatu parti menyelesaikan masalah mereka.

UMNO amat kecewa apabila usaha Barisan Nasional untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu sebelum pilihanraya, telah sengaja diputusbelitkan oleh golongan-golongan tertentu dengan berkata, bahawa UMNO telah campur tangan dalam pemilihan para pemimpin bagi sebuah parti komponen. Tujuan dakwaan ini ialah untuk menimbulkan perasaan perkauman yang boleh mempopularkan pihak-pihak tertentu.

Yang anehnya ialah, mereka yang sekarang mendakwa UMNO telah campur tangan dalam masalah parti mereka, adalah juga orang yang sama yang dahulunya sering meminta pertolongan supaya diberhentikan orang-orang tertentu daripada parti itu di dalam kerajaan, kerana tindakan ini dipercayai boleh menolong pihak masing-masing dalam usaha merebut jawatan dalam parti. Pendek kata, mereka yang mendesak supaya ada campur tangan luar bagi menentukan siapakah yang akan memimpin parti. Tetapi hari ini, mereka ini jugalah yang menyalahkan campur tangan luar apabila mereka gagal menyelesaikan masalah mereka.

Masyarakat Cina di Malaysia adalah kedua besarnya selepas masyarakat Melayu. Kita ingin melihat masyarakat Cina diwakili dalam kerajaan. Tetapi, dua perkara mestilah diambil ingatan.

Pertamanya, keinginan UMNO bekerjasama dengan masyarakat Cina janganlah digunakan sebagai alat politik peribadi sesiapa.

Yang keduanya, wakil masyarakat Cina dalam kerajaan hendaklah terdiri daripada orang yang ikhlas serta jujur dan bukan orang yang mengutamakan kepentingan diri.

Para pemimpin mestilah sanggup tunduk kepada keputusan ramai. Pemimpin tidak harus mencari isu semata-mata untuk kepentingan diri. Pemimpin tidak boleh mempermainkan aturan-peraturan supaya kedudukannya dalam parti dikekalkan.

UMNO tidak berniat untuk campur tangan dalam

masalah rumah tangga parti lain dalam Barisan Nasional. Tetapi, UMNO sebagai anggota Barisan Nasional tidak sanggup kewibawaan Barisan Nasional terjejas kerana kepentingan sesuatu parti komponen atau orang-orang tertentu. Dan, UMNO tidak sanggup ditohmah oleh mereka yang sudah kehilangan pengaruh.

### **Ekonomi Negara**

Kita telah diberitahu oleh akhbar-akhbar dan berita-berita angin, bahawa ekonomi negara telah merosot. Berita-berita ini disokong pula dengan tindakan majikan di beberapa industri menamatkan khidmat atau mengurangkan masa kerja pekerja-pekerja mereka.

Negara kita ialah sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan dengan dunia luar, terutama dengan negara-negara maju, untuk memperkembangkan dan kestabilan ekonomi kita. Dalam keadaan ekonomi dunia yang merosot, tidak dapat tidak kita akan rasai kesan kemerosotan ini.

Yang penting bukanlah sebab-sebab kemerosotan ini berlaku di negara asing. Yang penting ialah sikap dan tindakan kita dalam menghadapi kemelesetan ekonomi negara kita.

Kita boleh mengambil sikap tidak mempedulikan kenyataan dan kita teruskan amalan biasa kita, iaitu membelanjakan wang dengan tidak menghiraukan kesan buruknya. Kita boleh meminjam duit daripada negara-negara asing dan bank-bank sehingga segala pendapatan kita terpaksa digunakan untuk membayar hutang sahaja.

Tetapi, seperti individu yang berhutang, negara juga terpaksa membayar hutang. Dan bayaran ini akan menjadi beban yang amat berat untuk dipikul. Kita berhutang hari ini, dan anak cucu kita akan menanggung beban pembayarannya. Neneh moyang kita menggadai negeri untuk perbelanjaan yang membazir seperti acara perkahwinan besar-besaran, dan akibatnya ialah kita dijajah.

Pemberi hutang di zaman ini tidak akan menjajah secara langsung jika kita gagal membayar hutang. Tetapi,

penjajah secara tidak langsung atau neo-kolonialisme boleh berlaku. Pada ketika itu, sia-sia sahaja perjuangan untuk kemerdekaan. Kita dan anak cucu kita akan hidup di bawah telunjuk bangsa-bangsa asing.

Bukanlah maksud saya, bahawa negara tidak boleh berhutang sama sekali. Kita boleh berhutang. Bahkan kita harus meminjam dan kerap kali kita mendapat nilai mata wang yang digunakan semasa membayar adalah lebih rendah daripada nilainya di waktu kita meminjam. Namun demikian, ada hadnya untuk kita meminjam.

Memandang kepada hakikat inilah, kita perlu berjimat cermat dan mengawasi segala perbelanjaan. Pembangunan negara tidak lagi boleh dilaksanakan dengan pesat seperti dahulu. Projek dan subsidi terpaksa dikurangkan. Barang-barang mewah dari luar negeri hendaklah dikurangkan pembeliannya, baik oleh kerajaan atau rakyat.

Tetapi ramai yang bertanya, mengapakah kita membina jambatan dan jalan-jalan raya? Tidak dapatkah kita menangguhkan projek-projek ini?

Sebenarnya, kemelesetan ekonomi dunia berlaku dengan mengejut. Kesannya terhadap ekonomi negara cuma dirasai dengan sepenuhnya dalam tahun 1983 – 85. Pada tahun 1980, kita masih begitu mewah sehingga kita dapat mengadakan semakan gaji lebih awal daripada biasa dan menaikkan gaji dan pencek ke paras yang amat tinggi. Begitu juga kita tidak mempunyai alasan bagi menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang telah lama dirancang. Cuma dalam tahun 1983, barulah kita mula menangguhkan projek yang belum '*committed*'. Sudah tentu projek-projek yang kontraknya telah diberi atau kerja-kerja telah bermula, terpaksa diteruskan. Jika dibatalkan, maka bayaran pampasan yang tinggi terpaksa dibayar kepada pihak-pihak berkenaan. Ini bermakna, kerugian tanpa sebarang hasil.

Namun demikian, projek-projek infrastruktur, terutama yang akan memberi pulangan wang, perlu diadakan. Dengan itu, kerajaan telah melaksanakan beberapa

projek walaupun semasa kemelesetan ekonomi.

Hasil daripada pengurusan kewangan negara yang lebih berhati-hati ialah kedudukan kewangan kita telah menjadi lebih sihat berbanding dengan kedudukan kewangan hampir semua negara membangun di rantau ini bahkan di dunia. Namun demikian, kita belum lagi lepas daripada bahaya. Kita masih perlu berjimat cermat dalam perbelanjaan kita. Justeru itu, bagi beberapa tahun yang akan datang, kita terpaksa mengurangkan hutang kita. Tetapi, kita harus meneruskan projek-projek yang berfaedah kerana jika tidak, industri pembinaan akan terhenti. Ini bermakna, bukan sahaja majikan akan rugi tetapi juga para pekerja, pembekal, pekedai, penjaja, perusahaan kenderaan dan lain-lain pihak akan turut rugi.

Sekali lagi ingin saya jelaskan, bahawa langkah bagi mengatasi kemelesetan ekonomi ialah penjimatan belanja dan peningkatan daya pengeluaran. Sekarang ini kos pengeluaran bahan-bahan mentah di Malaysia adalah lebih tinggi daripada kos di negara-negara lain yang mengeluarkan bahan yang sama. Jika kita tidak dapat mengurangkan kos ini dan meningkatkan daya pengeluaran, maka harga barang kita tidak dapat bersaingan atau '*competitive*' di pasaran dunia. Sekali lagi, yang akan menderita bukan sahaja tauke-tauke, tetapi juga pekerja-pekerja dan lain-lain pihak yang bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada industri-industri bahan mentah kita.

Pemulihan ekonomi negara tidak bergantung kepada kerajaan sahaja. Kita semua, sama ada sebagai majikan atau pekerja bergaji, juga bertanggungjawab. Jeritan dan pekikan pekerja dan analisa oleh pakar-pakar di seminar-seminar dan bengkel-bengkel tidak akan membawa apa-apa kebaikan selagi kita semua tidak bersikap bertanggungjawab dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran. Hanya penjimatan belanja dan daya pengeluaran yang tinggi yang menjadi ubat kepada ekonomi yang meleset. Tidak ada ubat yang lain.

Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, kemelesetan ekonomi dunia memberi kesan yang buruk

kepada ekonomi negara. Malaysia adalah sebuah negara di mana 50 peratus Keluaran Negara Kasar atau *GNP* bergantung kepada perdagangan dengan negara-negara lain. Dengan kemerosotan permintaan daripada negara-negara maju, maka tidak dapat tidak pendapatan kita daripada dagangan akan berkurangan. Kurangnya perdagangan mengurangkan pula hasil yang diperolehi oleh kerajaan daripada cukai eksport dan cukai pendapatan, serta lain-lain cukai.

Apakah yang harus kita lakukan dalam keadaan ini? Jika kita ingin meneruskan juga perbelanjaan biasa, maka tidak dapat tidak kita mesti berhutang. Hutang negara adalah perkara yang serius. Faedah dan hutang pokok mesti dibayar. Sebahagian daripada hasil yang dipungut oleh kerajaan mestilah digunakan untuk membayar hutang. Selepas membayar hutang yang banyak dan belanja urusan, kerajaan tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk pembangunan. Tetapi, pembangunan terpaksa diteruskan dan projek-projek yang penting terpaksa dilaksanakan. Oleh kerana itu, kita terpaksa berhutang.

Berhutang untuk membina projek penting yang boleh mendatangkan hasil kepada kerajaan adalah munasabah. Tetapi, kita tidak boleh berhutang untuk belanja pengurusan yang berterusan atau '*recurrent expenditure*' seperti gaji, pencen dan lain-lain. Kita tidak boleh berbuat demikian, sama juga seperti seorang tidak boleh berhutang untuk makan hariannya.

Dalam keadaan di mana kita tidak dapat meningkatkan hasil, kita harus berbelanja untuk urusan setakat mana yang kita mampu sahaja. Kita patutlah sanggup berkorban sedikit, supaya bayaran hutang tidak meningkat dengan begitu pesat sehingga bakinya tidak mencukupi untuk perbelanjaan pengurusan.

Malangnya, terdapat ugutan daripada pihak pemimpin kesatuan kakitangan kerajaan, bahawa jika tuntutan mereka tidak dilayan, maka mereka akan mogok. Apakah dengan mengadakan mogok ini, kita akan mendapat hasil yang banyak untuk membayar gaji tambahan?

Tentulah jelas, bahawa mogok ini akan merosakkan ekonomi negara dan mengurangkan hasil kerajaan. Kegiatan perniagaan akan tergendala dan para pelabur, dari dalam dan luar negeri, akan berasa takut untuk melabur. Kerja-kerja mengutip hasil akan tergendala dan projek-projek pembangunan untuk rakyat pun akan terhenti.

Jauh daripada menolong menambah pendapatan kerajaan, mogok akan mengurangkan pendapatan kerajaan dengan berpanjangan, kerana kesan daripada sesuatu mogok itu tidak akan hilang apabila sahaja ia diberhentikan. Keupayaan kerajaan menaikkan gaji akan tergendala buat beberapa tahun.

Kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab kepada kakitangannya. Kerajaan juga bertanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya. Sehingga kini, kemelesetan ekonomi telah menyebabkan beribu-ribu pekerja swasta menganggur. Ramai yang tidak dapat bekerja lagi di negara jiran, kerana di sana juga kemerosotan ekonomi telah menyebabkan pekerja asing dan pekerja tempatan kehilangan pekerjaan. Di samping itu, kedai-kedai dan pekerja-pekerja kedai turut merasai secara langsung kesan buruk perniagaan yang merosot. Penjaja yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang mengalami kerugian jika cuaca buruk, tetapi tidak terlepas daripada tekanan ekonomi yang meleset. Petani dan nelayan, penoreh getah dan pekerja lombong, semuanya menderita bukan sahaja kerana kehilangan atau kekurangan pendapatan, tetapi juga kerana inflasi.

Sebaliknya, tidak seorang pun daripada kakitangan kerajaan telah dibuang kerja kerana kemelesetan ekonomi. Sebenarnya, sebahagian daripada mereka telah mendapat kenaikan gaji hingga sebanyak 12 peratus iaitu lebih daripada sebulan gaji dalam satu tahun. Ada juga yang telah dinaikkan gred dan elauan mereka.

Apakah kerajaan perlu melayan kakitangannya sahaja tanpa mengambil kira rakyat lain? Saya amat dukacita kerana mereka yang bernasib baiklah yang bercadang mengancam kestabilan negara dan mungkin juga periuk

nasi orang lain.

Kita tahu, bahawa kita akan mengadakan pilihanraya tidak lama lagi dan kita memerlukan seberapa banyak sokongan yang boleh. Tetapi, kerajaan Barisan Nasional ini tidak sanggup menjadikan Malaysia negara yang bankrap semata-mata kerana mahu memancing undi. Kita akan menghadapi cabaran dan ugutan dengan pendirian yang tegas. Tawaran kenaikan gaji yang kita telah persetujui sudah pun menjejas kedudukan kewangan negara. Kita tidak sanggup menggadai negara kerana takut kehilangan kerusi.

Saya sedar bahawa bukan semua pekerja kerajaan yang ingin mengambil tindakan mogok. Yang berminat ialah para pemimpin kesatuan sekerja yang bercita-cita besar. Memang mudah menjadi popular dengan mendesak orang lain memberi sesuatu. Memang mudah menjadikan isu gaji sebagai tangga untuk mendapat jawatan yang diidami. Tetapi, jalan itu berbahaya dan boleh memakan diri. Oleh itu, berhati-hatilah.

Negara ini ialah negara demokratik. Setiap rakyat bebas bergerak. Kerajaan tidak berniat untuk membendung terlalu sangat percakapan dan kegiatan para pengkritik kerajaan. Sebaliknya, kita ingin bersikap lebih liberal lagi. Sebab itulah, kita telah membebaskan ramai yang berada di dalam tahanan. Sebab itulah juga, kita telah memberi kebenaran mencetak dengan lebih mudah dan lebih banyak. Sebab itulah, kita berhentikan pengakuan umum atau '*public confession*' melalui TV dan media-media lain.

Tetapi, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak lupa bahawa keselamatan dan kestabilan negara adalah tanggungjawab kerajaan. Apabila kita menganggap perlu, kita akan menggunakan segala kuasa dan undang-undang yang ada pada kerajaan dengan adil. Tiada siapa pun perlu khuatir mengenai ini.

### **Demokrasi Berparlimen Dan Raja Berperlembagaan**

Sebelum pun UMNO ditubuh, orang-orang Melayu telah menyatakan sokongan mereka kepada sistem

demokrasi. Perhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang bersidang untuk membentuk alat menentang *Malayan Union* telah dengan secara automatik membuat keputusan mengikut lunas-lunas demokrasi.

Apabila ianya ditubuh, UMNO telah menyatakan pegangannya kepada sistem pentadbiran demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Ideologi lain – sosialis atau komunis, liberal atau konservatif – tidak menjadi panduan kepada UMNO atau mempengaruhinya. Hanya yang didukung ialah demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan.

Kita tidak menafikan, bahawa ada pengaruh sistem British dalam pemilihan UMNO. Dalam sejarah Melayu, tidak ada demokrasi. Yang ada ialah sistem beraja, di mana raja mempunyai kuasa yang tidak terbatas. Sistem pemerintahan Melayu ialah sistem feudal. Sistem feudal inilah yang menyebabkan negeri-negeri Melayu diserah dan dikuasai oleh penjajah.

Walaupun kita tidak begitu gemar dengan sifat-sifat yang ada pada British, kita tidak menolak sesuatu kerana ianya berasal daripada British. Sebagai bangsa yang waras, kita mengkaji dan meneliti apa ianya isi dan apa ianya hampas. Kita tidak berasa was-was semata-mata kerana asal usul sesuatu itu. Yang penting, ialah sama ada sesuatu itu boleh mendatangkan kebaikan atau keburukan. Dan kita berpendapat, bahawa sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan adalah sebaik-baiknya sistem – sudah tentu lebih baik daripada sistem feudal.

Kita tidak berasa kesal dengan pilihan kita. Demokrasi menentukan, bahawa jika seseorang pemimpin sudah tidak layak lagi, maka dianya tidak dapat mengekal-kalau kedudukannya. Memang baik jika seseorang pemimpin atau sesebuah kerajaan tidak diganggu atau dipengaruhi oleh kemungkinan dia dikalahkan apabila menggubal dasar dan melaksanakan rancangan. Kerajaan yang tidak berasa takut kepada ugutan seseapa, kadang-kadang boleh bertindak dengan lebih adil. Seseorang atau sesuatu kumpulan yang berpengaruh, tidak boleh mengancam

menarik sokongan jika tidak mendapat sesuatu bagi dirinya.

Sebaliknya, kerajaan pilihan ramai seperti yang terdapat dalam demokrasi, selalunya terpaksa memperhitungkan kesan terhadap sokongan baginya setiap kali ia menggubal dasar atau undang-undang. Dengan perkataan lain, politik mempengaruhi kerajaan. Terdesak dengan kemungkinan dikalahkan dalam pilihanraya yang berikutnya, kerajaan demokratik kerap kali memberi lebih keutamaan kepada kepentingan politik daripada kepentingan-kepentingan lain.

Namun demikian, kita tidak berminat dengan sistem diktator atau feudal. Kita berasa lebih lega jika kita boleh menukar kerajaan melalui proses demokrasi daripada mendedahkan diri kita kepada kemungkinan wujudnya kerajaan yang kejam dan tidak bertimbang rasa yang tidak dapat dijatuhkan tanpa revolusi.

Melalui sistem demokrasi berparlimen, kita dapat menukar wakil rakyat dan kerajaan dari semasa ke semasa tanpa masalah. Sudah tentu melalui demokrasi, jika kita tersalah pilih dan sebuah kerajaan yang korup dan berkuku besi muncul, maka kita akan berpeluang menjatuhkannya dalam tempoh masa lima tahun.

Kita pilih sistem raja berperlembagaan dan tidak sistem pemerintahan republik dan presiden kerana di waktu kita berjuang untuk kemerdekaan, umumnya raja-raja telah memberi kerjasama dan sokongan kepada gerakan nasionalisme. Raja-raja tidak menghalang terlalu kuat seperti yang berlaku di Indonesia dan India. Justeru itu, tidak ada sebab mengapa kita patut memilih sistem republik dengan presiden sebagai ketua negara.

Selain daripada itu, sistem demokrasi berparlimen, dan raja berperlembagaan bermakna pemerintahan diamanahkan kepada rakyat. Raja menjadi simbol pentabiran supaya taat setia rakyat kepada negara ditujukan kepada simbol kedaulatan negara. Tetapi, pentabiran negara yang sebenarnya ditentukan oleh rakyat melalui pilihanraya yang bebas.

Oleh kerana raja tidak terlibat dengan pentadbiran dan tidak terikat dengan mana-mana parti politik, maka kesetiaan rakyat tidak berbelah bahagi. Rakyat tidak dipengaruhi dengan fahaman politik atau ideologi dalam mencurah kesetiaan mereka kepada negara dan raja yang menjadi simbolnya.

Malangnya, walaupun sistem ini berjalan dengan baik dan ahli-ahli politik tidak cuba melibatkan raja-raja, sekarang ini ada pihak lain yang ingin menggunakan kedudukan raja-raja untuk kepentingan peribadi masing-masing. Oleh kerana kerajaan menghormati raja-raja dan perlembagaan melindungi mereka, orang-orang yang berkepentingan ini berpendapat, bahawa dengan melibat raja-raja dalam kegiatan peribadi mereka, mereka juga akan dilindungi oleh undang-undang, bahkan mereka dapat membelakangkan segala dasar dan matlamat kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Mereka membuat rancangan-rancangan perniagaan yang memikat hati raja-raja dalam perniagaan mereka. Bukan sahaja mereka berharap akan dapat mempengaruhi pihak berkuasa dengan cara ini, tetapi mereka boleh bersaing dengan jayanya dengan pengusaha-pengusaha lain, terutamanya pengusaha-pengusaha bumiputera.

Tidak dapat tidak, kegiatan ini mencemar nama baik raja-raja di kalangan rakyat. Tidak dapat tidak, jika kegiatan ini berterusan, pandangan rakyat terhadap raja-raja akan menjadi busuk. Tidak dapat tidak, rakyat akhirnya akan mempersoalkan sistem raja berperlembagaan.

Para perwakilan sekalian, kerajaan telah cuba merahsiakan kegiatan ini untuk menjaga nama baik raja-raja. Tetapi, sedikit sebanyak kegiatan-kegiatan menggunakan pengaruh raja-raja sudah sampai ke telinga rakyat.

Sebelum pandangan rakyat menjadi buruk, saya ingin menasihatkan, bahkan memberi amaran kepada golongan yang cuba memperalatkan raja-raja untuk kepentingan perniagaan mereka supaya memberhentikan kegiatan ini. Kita tidak mahu sistem raja berperlembagaan disoal oleh

rakyat. Kita, UMNO khususnya, menjunjung sistem ini dan kita tidak mahu sistem ini diancam dan dicabar semata-mata kerana kepentingan orang-orang yang tamak.

Jika kita mendapati sesiapa cuba berbuat demikian, dianya akan dimasukkan ke dalam 'senarai hitam' dan segala urusan perniagaannya yang melibatkan kerajaan akan dipandang seorang dan tidak akan mendapat layanan. Kegiatan mereka juga akan didedah supaya rakyat tahu siapa yang cuba memburukkan sistem raja berperlembagaan.

### Penerapan Nilai-Nilai Islam

Saya ingin menyatakan sekali lagi, bahawa Malaysia adalah negara berbilang kaum dan berbilang agama. Manakala agama Islam diterima sebagai agama rasmi negara, agama-agama lain adalah bebas diamalkan oleh penganut-penganutnya. Di samping itu, orang-orang Islam dipelihara daripada pengembangan agama-agama lain. Sebaliknya, dalam mengembang dan meningkatkan bilangan penganut agama Islam, paksaan tidak boleh digunakan.

Semua ini, secara langsung atau tidak langsung adalah peruntukan perlembagaan, undang-undang asas pentadbiran negara kita, undang-undang asas yang disusun dengan mengambil kira pandangan Islam dalam pentadbiran negara yang berbilang kaum dan agama.

Al-Quran dan hadis serta sunnah nabi, adalah asas kepercayaan orang-orang Islam. Asas ini tidak boleh dipersoalkan tetapi untuk kehidupan harian, kita perlu kepada panduan amalan secara terperinci.

Umpamanya, ayat 60 Surah Al-Anfaal, menyuruh kita membuat persediaan bagi mempertahankan umat Islam. Pada zaman Rasulullah s.a.w., ini bermakna menyediakan pedang dan kuda. Pada zaman moden ini, mempertahankan ummah bermakna menyediakan *carbine*, *machine gun*, meriam, kereta kebal, kapal terbang, kapal perang, kapal selam, radar, *laser beam range finder* dan seribu satu alat moden. Sementara Al-Quran, hadis dan sunnah nabi mem-

beri panduan, usaha untuk mencipta segala alat yang diperlukan ini mestilah dibuat oleh kita dengan menggunakan akal fikiran kurniaan Tuhan.

Begitu jugalah dengan cara-cara pemerintahan. Sementara panduan asas terdapat dalam Al-Quran, hadis dan sunnah nabi, untuk mencegah berbagai jenayah moden, untuk mentadbir zon ekonomi, untuk menentukan lalu lintas dalam bandar dan di jalan raya, untuk mengurus pelabuhan dan lapangan terbang, gerakan anti-penyeludupan dan seribu satu urusan dan tanggungjawab, kerajaan terpaksa menggubal undang-undang, dengan menggunakan akal fikiran dan kepakaran secara bermesyuarat. Yang penting ialah perkara tersebut mengambil kira ajaran agama Islam dan keadaan sesebuah negara.

Perlu ditegaskan di sini, bahawa agama Islam memberi kelonggaran dan mengambil kira keadaan semasa. Dalam pentadbiran, yang penting ialah keselamatan dan kesempurnaan masyarakat. Kita tidak dapat berpegang kepada tafsiran yang dibuat oleh manusia biasa walau bagaimana arif sekalipun, jika tafsiran itu begitu ketat atau *rigid* sehingga keselamatan masyarakat dan orang-orang Islam terancam.

Di Malaysia, pentabiran kita tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan mengambil kira keadaan semasa, termasuklah keadaan di mana separuh daripada rakyat negara ini bukan beragama Islam. Banyak perkara yang haram bagi kita tetapi tidak haram bagi orang-orang bukan Islam. Kita tidak boleh memaksa mereka mengamalkan suruhan agama Islam. Jika kita cuba berbuat demikian, mereka akan mencari jalan supaya percubaan kita tidak akan berkesan. Di samping itu, perhubungan antara kita dengan mereka akan menjadi buruk sehingga mungkin berlaku pertelingkahan. Demikian juga tindakan mereka mengelak daripada perbekalan undang-undang, boleh membawa keburukan kepada negara.

Kita tidak mahu menjadi orang-orang munafik atau hipokrit yang mempamerkan keislaman di negeri sendiri tetapi melakukan maksiat apabila sahaja berada di luar

negeri. Kita tidak mahu memperkatakan sesuatu tetapi melakukan yang lain. Nama Islam sudah banyak tercemar, bahkan orang Islam diketawakan kerana perbuatan sekumpulan orang hipokrit daripada kalangan orang Islam sendiri.

Kita tidak mahu jadi hipokrit. Kita tidak mahu membuat tafsiran yang lebih ketat daripada suruhan Islam dan selepas itu kita melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tafsiran yang kita laung-laungkan.

Dalam usaha kita mengamal dan mengembangkan syair Islam, kita akan menggunakan kelonggaran yang diberi oleh agama Islam, sekiranya kita mendapat kelonggaran ini perlu dan ianya bermanfaat kepada kita dalam jangka panjang.

Oleh itu, kita bermula dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Jika kita berjaya menentukan yang kerajaan kita ini bersih, cekap, beramanah, tertib, rajin, sopan, berdisiplin, bertanggungjawab, dan menjunjung tinggi nilai-nilai lain yang mulia bagi setiap umat yang bertakwa, insya-Allah syair Islam akan berkembang dan kita semua akan memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Inilah sebabnya kita menitikberatkan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan. Rupa bentuk yang kononnya Islam tidak memberi makna sehingga nilai-nilai yang saya sebutkan tadi diamalkan. Kita tidak mahu bermusuhan dengan mereka yang menganggap rupa bentuk Islam itu penting tetapi janganlah mereka pula menganggap orang yang tidak mengutamakan rupa bentuk sebagai kurang Islam. Yang penting ialah jika ada perbezaan pendapat dalam Islam, kita terima hakikat perbezaan ini tetapi janganlah kita berpecah belah kerananya.

### **Nasionalisme**

Umat Islam, di mana juga mereka berada adalah bersaudara, tetapi masyarakat Islam di sesuatu tempat atau negara perlu berdiri di atas kaki sendiri, atau berdikari. Sebab itu, walaupun kita bersimpati dengan pejuang-

pejuang Mujahiddin Afghanistan, perperangan untuk membebaskan Afghanistan bergantung atas usaha mereka sendiri. Untuk menentukan mereka bersemangat berperang membebaskan negara sendiri, perasaan cinta dan kasih kepada negara mereka Afghanistan, cinta dan kasih sayang yang tidak kenal takut, tidak kenal mati, mestilah tertanam di dalam sanubari orang-orang Afghan sendiri. Perasaan inilah yang dikatakan perasaan kebangsaan atau nasionalisme, dan semangat yang lahir daripadanya ialah semangat kebangsaan. Walaupun simpati umat Islam keseluruhannya penting juga, tetapi yang akan menentukan perjuangan pembebasan Afghanistan ialah semangat kebangsaan orang-orang Afghan itu sendiri.

Namun demikian, lain halnya dengan permusuhan antara dua kumpulan orang Islam atau dua buah negara Islam. Permusuhan seperti ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Orang seperti inilah yang dikenali sebagai mazhabiah atau asabiah. Mereka membelaikan Islam kerana terlalu taksub dan taat kepada kumpulan atau negara mereka.

UMNO terdiri daripada golongan orang-orang Melayu yang bersemangat kebangsaan. Tetapi, kita tidak membelaikan Islam walaupun bersemangat kebangsaan. Semangat kebangsaan memberi kekuatan kepada perjuangan Islam dan persaudaraan dalam Islam. Sebaliknya, kumpulan-kumpulan yang menentang UMNO sanggup menidakkannya persaudaraan dalam Islam dan membuat tohmah yang jelas menunjukkan bahawa bukan Islam yang menjadi panduan mereka, tetapi nafsu dan syaitan.

Sebagai pertubuhan kebangsaan Melayu, UMNO tidak ragu dengan keislaman dirinya. UMNO akan berpegang kepada semangat kebangsaan, kerana semangat kebangsaan dalam UMNO adalah sama dengan semangat kebangsaan yang diperlihatkan oleh Mujahiddin Afghanistan. Kita akan terus mempertahankan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan tidak akan mengabaikan tanggungjawab kita untuk memancing undi.

Mereka yang cuba berbuat demikian, menderhaka

kepada orang Melayu dan mengkhianati Islam. Undi memang penting dalam politik demokrasi, tetapi janganlah kerana undi kita sanggup menjual bangsa dan keturunan kita. Jangan kita memuttarbelitkan tafsiran agama untuk kepentingan pilihanraya seperti yang dibuat oleh satu kumpulan yang kononnya berpegang kepada ajaran Islam.

Sebaliknya, kita harus menebalkan lagi semangat kebangsaan kita. Untuk tujuan ini, kita harus menentukan bahawa kebolehan dan keupayaan kita adalah sama dengan kaum-kaum lain di negara ini. Selagi kita terpaksa bergantung kepada lain-lain kaum untuk tugas-tugas biasa kita, selagi tugas-tugas dan kecekapan tertentu tidak ada pada kita, selama itulah semangat kebangsaan kita akan terus cacat. Selama itulah perimbangan antara kaum tidak akan tercapai.

Semangat kebangsaan bukan untuk mendabik dada, untuk bermegah-megah dan sompong atau untuk memandang hina orang-orang lain. Semangat kebangsaan adalah untuk mendorong kita supaya meningkatkan kebolehan kita supaya sama, bahkan lebih daripada orang lain, dan dengan cara ini, kita menjadi mangsa yang bermaruah, dihormati serta disegani.

Inilah kebangsaan yang dimaksudkan oleh UMNO apabila kita memilih nama bagi parti kita dan kita menentukan matlamat perjuangan kita. Janganlah sesiapa mencemarkan semangat kebangsaan kita ini dengan kelakuan atau perbuatan buruk yang menghinakan bangsa kita.

Tidak akan Melayu hilang di dunia. Tetapi Melayu jenis apakah yang harus kekal ini? Melayu yang mulia atau Melayu yang menjadi hamba kepada orang lain, yang selalu meminta-minta, yang lemah semangat dan yang tidak pun berupaya mempertahankan diri? Melayu apakah yang tidak akan hilang di dunia ini? Bersama-sama lah kita merenungkannya. Jika kita mahu Melayu yang mulia dan berkemampuan, ubahlah sikap dan perkukuhkan semangat. Insya-Allah, kita akan jadi Melayu yang mulia.

Pepatah Melayu berkata, 'Hujan emas di negeri

orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri'. Malaysia adalah tanahair kita. Malaysia bukan syurga, walaupun tidak dihujani keris lembing. Penduduknya terdiri daripada berbagai kaum, dan sudah tentulah mempunyai perbezaan pendapat dan kadangkala pula bertelingkah. Dalam keadaan masyarakat yang sedemikian, tidak ada suatu pun yang kena jika dibuat, dan tidak ada suatu pun yang kena jika tidak dibuat.

Tetapi, Malaysia adalah negara kita, negara orang Melayu, orang bumiputera, orang-orang Malaysia keturunan Cina, keturunan India, orang-orang Iban, Kadazan, dan lain-lain keturunan. Walau bagaimana buruk sekalipun negara Malaysia, rakyatnya mestilah cintakannya. Ini bukan sesuatu yang luar biasa.

Manusia suka kepada apa yang menjadi kebiasaan-nya. Sudah tentu negaranya menjadi kebiasaan-nya. Sebab itu, ada manusia yang sanggup tinggal di padang pasir yang begitu panas dan kering. Terdapat juga manusia yang sanggup tinggal di negara sejuk di mana buminya diliputi salji berpuluhan-puluhan kaki tebalnya.

Mereka sanggup hidup dalam keadaan sedemikian dan tidak mahu berpindah. Mereka sanggup berperang bermati-matian jika negara mereka dicerobohi. Kerana sayang kepada tempat kebiasaan inilah, maka wujudnya bangsa dan negara. Sayang kepada tempat kebiasaan inilah yang dikatakan nasionalisme atau semangat kebangsaan.

Bangsa Melayu adalah juga bangsa Malaysia. Semen-tara kita menganggap negeri-negeri Melayu sebagai bumi asli orang Melayu, kita akui hak keturunan kaum-kaum lain sebagai warganegara Malaysia. Walaupun ada di antara mereka yang dengan mudahnya meninggalkan bumi Malaysia untuk bermastautin di negara lain, kita tidak menafikan, bahawa kebanyakan daripada mereka yang bermastautin di negara ini benar-benar setia dan taat kepada Malaysia. Justeru itu, kita iktiraf mereka sebagai warganegara.

Kita orang-orang Melayu tidak harus berasa segan silu dengan perasaan kasih sayang kita terhadap negara dan

bangsa kita. Kita adalah manusia biasa dan ini adalah perasaan biasa manusia. Tidak ada manusia yang hatinya begitu kering hingga tidak berasa berdebar apabila dia pulang ke tanahairnya. Lebih lama dia dipisahkan dari tanahairnya lebih kuat denyut jantungnya. Inilah tanahair yang tercinta. Inilah tempat tumpah darahnya.

Saya tidak malu mengakui, bahawa semangat kebangsaan memberi dorongan kepada tindakan saya. Saya percaya, kita semua mempunyai perasaan yang serupa. Jika tidak, hendaklah kita suburkan perasaan cinta kepada bangsa dan negara ini. Kita tidak akan rugi. Sebaliknya, kita akan menerima manfaat dan kita akan menjadi lebih bahagia. Kita akan dihormati dan kita akan berjaya.

UMNO adalah parti kebangsaan. Ahli-ahli UMNO terdiri daripada orang-orang Islam. Oleh itu, UMNO adalah juga parti Islam. Islam dan semangat kebangsaan tidak bertentangan. Sebagai parti kebangsaan, UMNO akan melindung orang-orang Melayu khususnya, serta rakyat dan negara Malaysia amnya daripada ancaman dan pengaruh-pengaruh luar. UMNO akan memupuk semangat nasionalisme supaya perasaan ini akan menyatupadukan segala tenaga dan fikiran rakyat untuk membangun dan membina negara yang mulia, yang bermaruah dan berjaya. Sebagai parti Islam, UMNO akan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang didukung oleh Islam.

---

*Ucapan Presiden UMNO Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-36 Di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kompleks UMNO Malaysia, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, Pada Hari Jumaat, 27 September 1985, Pukul 9.30 Pagi.*

---

## TEGAS MENGHADAPI SERANGAN

### UMNO Dan Pilihanraya 1986

KALI ini kita bersidang selepas pilihanraya dalam masa kita mencapai kejayaan yang terbaik sekali sejak tertubuhnya UMNO dan sejak pilihanraya diadakan dalam negara kita. Jika pada tahun 1955, semasa kita masih dijajah oleh British, UMNO menang 34 daripada 35 kerusi yang kita tandingi, pada kali ini UMNO menang 83 daripada 84 kerusi yang ditandingi. Daripada segi peratusan, dalam tahun 1955, kita menang 97 peratus daripada kerusi yang dipertandingkan tetapi dalam tahun 1986, kita menang hampir 99 peratus daripada kerusi yang kita tandingi. Di peringkat negeri juga, kita mencapai kejayaan yang cemerlang.

Kita berhak berbangga dengan kejayaan ini. Tetapi, kita tidak boleh terlalu sangat berbangga dengan kejayaan diri sendiri, atau bersikap sombong dan angkuh atau begitu berpuas hati sehingga lalai akan tanggungjawab kita, akan betapa perlunya kita bekerja lebih kuat dan memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat yang telah memberikan kepercayaan kepada kita.

Kemenangan UMNO sudah tentu akan menambahkan lagi perasaan iri hati dan geram di kalangan musuh kita. Mereka telah membuat berbagai ramalan yang sebenarnya berasaskan kepada angan-angan dan khayalan mereka. Kononnya, UMNO menghadapi krisis kepimpinan, UMNO telah diserang oleh gejala berpuak-puak atau

faksionalisme, UMNO telah terbawa-bawa dengan sentimen ke daerah atau menjadi *parochial*. Ada yang berpendapat, bahawa UMNO sudah menjadi begitu busuk di dalam sehingga tidak dapat dibersihkan lagi.

Mereka juga telah menyebarkan berbagai berita angin untuk menghilangkan kepercayaan rakyat dan ahli-ahli UMNO kepada kepimpinan parti. Kononnya, pemimpin-pemimpin tertentu terlibat dengan rasuah, termasuk melesapkan duit BMF. Kononnya, Perdana Menteri Malaysia adalah seorang Perdana Menteri yang terkaya sekali dalam dunia dan kononnya perkara ini telah dilaporkan dalam majalah dagangan *Fortune*. Apabila tidak sesiapa pun boleh mengesahkan telah membaca rencana ini dalam majalah *Fortune*, berbagai helah telah dibuat, kononnya keluaran yang berkenaan disekat daripada dijual di Malaysia, atau sebaliknya bukan *Fortune* tetapi *Business Week* atau *Forbes Magazine* yang menyiarkan berita ini.

Walaupun dibuktikan, bahawa semua berita ini tidak benar, fitnah-fitnah ini terus disebarluaskan juga sehinggalah sekarang.

Sejurus sebelum pilihanraya, perjualan timah dan kes Makuwasa telah diheboh-hebohkan scolah-olah sekali lagi pemimpin tertentu dalam kerajaan terlibat dengan penyalahgunaan duit kerajaan dan bukannya berusaha untuk menyelamatkan ekonomi dan kewangan negara.

Demikianlah propaganda musuh UMNO dan penyokong-penyokong mereka dari luar negeri, termasuk beberapa majalah dan akhbar yang dikuasai oleh Zionis, sehingga mereka sendiri percaya, bahawa apa yang diperkatakan oleh mereka itu benar dan UMNO akan kalah teruk dalam pilihanraya apabila pilihanraya diadakan.

Penipuan diri juga berlaku dalam parti lawan. Mereka mendewa-dewakan pemimpin mereka dan puluhan ribu datang dari jauh untuk mendengar jaguh ciptaan mereka ini di mana juga beliau berucap. Tetapi, puluhan ribu ini kebanyakannya bukan orang tempatan dan mereka tidak berhak mengundi di tempat itu. Sebenarnya, tidak ramai penduduk tempatan yang menyokong parti ini. Sebahagian

orang tempatan yang hadir adalah orang yang tidak committed kepada parti lawan atau mungkin juga orang UMNO yang datang untuk melihat.

Kita bersyukur kerana walaupun kadang-kadang kita khuatir akan sokongan rakyat kepada kita, tetapi umumnya, kita ketahui pendirian rakyat. Kita akui ada sebilangan bumiputera terpelajar di bandar yang tidak menyokong UMNO. Mereka ini berpendapat, kononnya mereka adalah lebih layak memerintah daripada orang politik tetapi mereka tidak sanggup mengadu nasib dalam proses demokrasi.

Orang-orang yang memang anti-establishment mencari alasan tentang sebab-sebab mengapa rakyat tidak akan menyokong parti kerajaan. Seperti juga dengan parti lawan yang disebutkan tadi, mereka akhirnya percaya dengan propaganda mereka sendiri dan yakin parti Barisan Nasional akan kehilangan banyak kerusi, dan tidak lagi akan berkesan apabila menubuhkan kerajaan.

Setelah mendapati, bahawa ramalan mereka tidak menjadi kenyataan, mereka ini sekarang asyik pula menganalisa keputusan pilihanraya umum baru-baru ini untuk membuktikan, bahawa tekaan mereka adalah tepat dan Barisan Nasional tidak menang seperti yang dicerminkan dengan bilangan kerusi yang dimenangi. Mereka sekarang mengubah asas perkiraan mereka. Hasil usaha menipu diri ini ialah dakwaan mereka, bahawa sebenarnya 43 peratus rakyat menyokong parti lawan dan hanya 57 peratus sahaja yang menyokong Barisan. Ada yang berkata, kemenangan BN di tempat-tempat tertentu adalah begitu kecil seolah-olah kelebihan kecil itu tidak bermakna kemenangan.

Parti lawan pun bersetuju dan menggunakan perkiraan ini. Kata DAP parti lawan mendapat 43 peratus undi. Yang mereka lupai ialah 24 ahli Dewan Rakyat dari parti itu tidak mendapat 43 peratus. Ramai daripada 43 peratus pengundi ini menyokong parti-parti lawan yang lain dan calon-calon bebas yang tidak secucuk dengan DAP. Sebaliknya, BN mendapat 57 peratus dan peratusan

ini dicapai oleh BN tanpa berkongsi dengan parti-parti lain.

Ada pula yang berkata, bahawa tanpa orang-orang Cina, UMNO tidak mungkin menang. Mereka mengeneppikan konsep kerjasama antara kaum dalam Barisan Nasional di mana asasnya ialah tolong-menolong. Parti-parti lain dalam BN menang kerana sokongan orang-orang Melayu. Mereka amat kecewa kerana cauvinisme DAP jelas kelihatan, tetapi UMNO nyata tidak cauvinistik. Sebenarnya, jika UMNO hendak, UMNO boleh bertanding di dalam lebih daripada separuh kawasan-kawasan Dewan Rakyat. Tetapi, UMNO sanggup bukan sahaja untuk memberi tempat kepada lain-lain parti komponen Barisan Nasional, malah sanggup pula menjayakan mereka.

Kita akui, bahawa memang benar hanya 57 peratus daripada rakyat yang mengundi Barisan Nasional sedangkan BN dapat empat per lima daripada kerusi Dewan Rakyat. Apakah ini ganjil dalam demokrasi? Berapa peratuskah daripada rakyat yang mengundi yang menyokong kerajaan-kerajaan yang sekarang memerintah di negara-negara demokratik di Eropah dan Amerika Utara? Tahukah mereka, bahawa di Amerika Syarikat, setiap negerti atau '*state*' diberi dua kerusi dalam Senat yang begitu berkuasa di Amerika Syarikat. Misalnya, penduduk New Jersey yang hanya 5 juta mendapat dua kerusi, sementara penduduk California yang berjumlah 22 juta mendapat dua kerusi juga. Ini bermakna, orang-orang New Jersey mempunyai empat setengah undi bagi setiap satu undi di California.

Di Amerika Syarikat juga, negeri atau '*state*' yang merupakan desa atau *rural* yang kebanyakannya penduduknya terdiri daripada para petani yang bilangannya tidak ramai, tetapi mendapat dua kerusi Senat juga. Jelaslah, bahawa di Amerika Syarikat juga terdapat *rural weightage* atau diskriminasi yang memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar dan petani. Sebenarnya, pembahagian kerusi yang berat ke kawasan luar bandar adalah satu amalan yang

universal dalam demokrasi.

Sungguhpun BN mendapat 57 peratus daripada undi dan empat per lima daripada kerusi, ini adalah perkara biasa. Negara yang memberi keutamaan kepada peratusan undi akan menghadapkan masalah jika lebih daripada dua parti bertanding. Malaysia akan mengekalkan sistem yang memberi *weightage* kepada kawasan luar bandar kerana sistem ini adalah yang terbaik bagi kestabilan dan pembangunan yang seimbang.

### **Hubungan Kaum**

Malaysia adalah negara majmuk. Di negara majmuk apakah kedudukan minoriti yang bukan bumiputera? Di negara-negara yang baru merdeka, biasanya jika bumiputera menjadi majoriti, mereka menindas minoriti daripada kaum bukan bumiputera. Ada yang terpaksa menggugurkan nama asal mereka, ada yang tidak boleh belajar bahasa asal mereka, ada yang tidak dibenarkan berniaga di kawasan-kawasan tertentu. Ada juga yang tidak dibenarkan mengamal barang sedikit pun kebudayaan mereka.

Apakah ini tidak berlaku di negara maju seperti di Amerika dan Eropah? Di Britain, warganegara bukan kulit putih menjadi rakyat kelas dua. Sementara yang kulit putih boleh berkahwin dengan orang asing dan membawa balik isteri, warganegara bukan kulit putih tidak dibenarkan membawa isteri dari luar negeri, bahkan terpaksa mendaftarkan visa bila ke luar negeri. Warganegara Komanwel berkulit putih boleh keluar masuk dengan bebas. Hasil kerajaan tidak boleh digunakan untuk sekolah yang menggunakan bahasa yang bukan Inggeris. Sekolah yang diakui dan dibiayai oleh kerajaan, adalah sekolah Inggeris sahaja.

Dalam bidang politik, walaupun lebih daripada 10 peratus penduduk Britain terdiri daripada orang-orang yang berasal dari India, Pakistan, Bangladesh, Caribbean dan Afrika, mereka tidak mempunyai wakil rakyat dalam parlimen. Kalau adapun seorang menjadi ahli Majlis Bandaran, ini diheboh-hebohkan.

Sebenarnya, Britain akan menjadi bankrap hari ini

jika tidak kerana usaha dan kerajinan warganegara British berketurunan Asia, Afrika dan Caribbean. Tetapi, mereka ini tidak ada suara dan menjadi warganegara kelas dua.

Demikian juga di Amerika Syarikat di mana terdapat lebih daripada 20 peratus warganegara yang terdiri daripada orang-orang kulit hitam dan *Hispanics*. Tidak mungkin orang-orang ini dapat memegang pangkat tertinggi dalam Amerika Syarikat. Sebabnya ialah diskriminasi ras. Di negara yang bukan demokratik, amalan diskriminasi kaum memanglah berlaku.

Sebaliknya di Malaysia, kaum minoriti keturunan orang-orang yang datang ke negara ini di zaman British dahulu diberi layanan yang lebih baik daripada layanan di lain-lain negara di dunia ini – sama ada yang baru merdeka atau yang sudah maju.

Ada bukti yang menunjukkan, bahawa di beberapa buah negara apabila orang mendatang pula sudah menjadi majoriti, maka mereka tidak akan memberi peluang atau apa-apa layanan kepada orang tempatan yang sudah menjadi minoriti. Di negara ini pun sudah ternampak *trend* seperti ini berlaku di mana mereka menjadi majoriti, umpamanya di bandar-bandar tertentu. Mereka menolak persahabatan orang-orang tempatan dan dengan lantang menggecam mereka seolah-olah orang tempatan tidak berhak sama sekali.

Lim Kit Siang dari DAP baru-baru ini menyeru, supaya langkah-langkah diambil untuk mencegah polarisasi kaum. Aneh sekali seruan ini datang daripadanya, sedangkan DAPlah yang menentang segala usaha perpaduan. DAP adalah parti anti-Melayu yang tebal yang menggunakan isu-isu yang boleh membangkitkan kebencian orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu sebagai asas popularitinya. Selepas membakar hati orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu dan menolak konsep kerjasama kaum anjuran Barisan Nasional, Kit Siang kononnya mahu polarisasi kaum dikurangkan.

Apakah perwakilan DAP dalam Dewan Rakyat mencerminkan kedudukan kaum-kaum di Malaysia? Siapakah

wakil Melayu di Parlimen dari DAP? DAP memperingati kita, bahawa 43 peratus daripada rakyat menyokong parti-parti lawan. Dengan tidak seorang pun daripada wakil rakyat DAP di Dewan Rakyat terdiri daripada orang Melayu, apakah bagi DAP tidak ada orang Melayu di Malaysia ini?

Jika DAP hendak bercakap berkenaan dengan perkauman, lebih baik DAP tumpukan kepada parti PAS yang tebal perkauman Melayunya. UMNO sanggup berkerjasama dengan orang-orang bukan Melayu hingga dalam kawasan di mana orang Melayu merupakan majoriti pun, kita sanggup menyokong calon bukan Melayu daripada parti komponen Barisan Nasional sehingga menang. Kalau hari ini, setelah pilihanraya diadakan, terdapat orang-orang Melayu, Iban, Kadazan dan lain-lain kaum bumiputera di samping orang-orang Cina dan India di sebelah kerajaan dan dalam kabinet, sebabnya ialah kerana ada Barisan Nasional dan kerana Barisan Nasional disertai oleh UMNO.

Di negara-negara lain, *racialist*, *racists* dan *chauvinists* dikecam hebat oleh akhbar-akhbar luar negeri. Di Malaysia, akhbar-akhbar yang sama menyokong parti *racialist* dan *racist* seperti DAP dan PAS. Kita hairan kenapa? Apa hubungan DAP dan PAS dengan akhbar-akhbar asing ini? Ataupun mungkin DAP dengan PAS dianggap sebagai alat untuk menghancurkan negara, satu-satunya negara yang orang Islam berkuasa dan demokratik serta stabil.

Walaupun UMNO kecewa dengan aliran cauvinistik di kalangan ramai orang-orang Cina di kawasan-kawasan bandar dalam pilihanraya baru-baru ini, UMNO tidak akan membalaik dengan menjadi *racialist* Melayu. UMNO percaya dan menyokong kerjasama antara kaum di Malaysia. Sebab itu, walaupun parti-parti Cina dalam Barisan Nasional tidak memenangi kerusi yang sepatutnya, bilangan Menteri dan Ketua Menteri yang bukan Melayu tidak dikurangkan. Dengan UMNO memenangi 83 daripada 84 kerusi, UMNO sepatutnya mendapat tambahan jawatan menteri kabinet. Hakikat ini tidak akan disebut

oleh orang-orang lain di luar UMNO kerana mereka takut, jikalau mereka berbuat demikian, ini bererti mereka mengiktiraf kejujuran dan kemurahan hati UMNO. Tetapi ini tidak mengapa kepada UMNO. Kita bukan membuat sesuatu untuk dipuji atau untuk orang lain terhutang budi kepada kita. Kita membuat sesuatu kerana perbuatan itu baik dan adil.

Kita teruskan dasar berbilang kaum dan kerjasama antara kaum ini tanpa mengambil kira segala kata-kata kesat yang dilemparkan terhadap kita. Pemerintahan kerajaan Barisan Nasional, yang diketuai oleh UMNO, akan terus menegakkan keadilan antara kaum. Dasar mengimbangkan pembangunan kaum-kaum di Malaysia akan diteruskan.

### **Dasar Ekonomi Baru**

Dasar Ekonomi Baru memberi kepada bumiputera hanya 30 peratuskekayaan negara ini, sedangkan lebih daripada 50 peratus daripada penduduk negara ini terdiri daripada bumiputera. Nisbah ini menggambarkan, bahawa pembahagian ini akan membuat bumiputera terus lebih miskin daripada bukan bumiputera walaupun DEB tercapai. Kita tidak akan menuntut lebih walaupun kita berhak. Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan dasar ini sehingga ia tercapai, kerana dasar ini sudah pun mencerminkan kesanggupan kita bertolak ansur dan mengutamakan bukan bumiputera.

Jangan sesiapa fikir oleh kerana kita senyap apabila hak kita dicabar, maka ini bermakna, bahawa kita berasa tersalah atau kita lemah. Orang-orang Melayu tidak berjuang untuk mencapai kemerdekaan bersama supaya orang-orang Melayu menjadi golongan yang miskin dalam negara sendiri.

Kita tidak berniat untuk merampas hak sesiapa. Tetapi jangan sesiapa cuba merampas hak kita. Kita lihat di negara-negara lain, kaum yang miliki kuasa politik dan kuasa ekonomi tidak pernah memberi layanan kepada kaum yang ketinggalan dan tidak mampu. Di Malaysia

bumiputera memiliki kuasa politik sahaja. Kita tidak ada kuasa ekonomi tetapi kita masih juga melayan kepentingan orang-orang lain.

Janganlah menunjuk kepada kerajaan sahaja apabila memperhitungkan ketidakseimbangan. Tunjuk juga kepada swasta, di mana peluang-peluang bekerja bagi bumiputera terhad kepada jawatan rendah atau jawatan yang tidak mempunyai tanggungjawab tetapi baik untuk imej.

Kerajaan yang kita sertai dan pimpin, bersedia untuk memperbaiki kedudukan kaum dalam kerajaan. Soalnya, apakah pihak swasta bersedia untuk berbuat demikian?

Kalau pihak swasta berkata, bahawa bumiputera tidak mempunyai kebolehan atau kecekapan, jangan kecam kerajaan apabila kerajaan memberi keutamaan kepada bumiputera untuk belajar dan berlatih.

UMNO sedar, bahawa Malaysia sudah menjadi negara berbilang kaum. Kita terima akan pentingnya kerjasama antara kaum. Jika tidak, UMNO tidak akan menyertai Barisan Nasional.

Jika Malaysia ingin maju, semua kaum mesti mendapat tempat. Dan UMNO akan berusaha dengan rakan-rakan dalam Barisan Nasional untuk menentukan semua mendapat tempat yang sepatutnya. Walaupun orang-orang Cina di bandar-bandar telah membuktikan cauvinisme mereka dan menolak tangan persahabatan kita dalam pilihanraya baru-baru ini, UMNO tidak akan mengubah sikapnya. Kita sanggup bekerjasama dengan semua kaum untuk menegakkan Malaysia yang lebih maju. Kita menolak *racialism* yang sempit, sama ada daripada orang-orang Melayu atau daripada orang-orang Cina atau daripada orang-orang India.

Kita sedar tentang percubaan yang dibuat oleh satu gabungan badan-badan politik, badan-badan perkauman dan lain-lain untuk menghancurkan kestabilan negara kita, Malaysia. Apabila kita mengadakan kempen melawan rasuah, mereka memfitnah dan membuat tohmah, bahawa kerajaan sendiri terlibat dalam rasuah. Mereka membesar-besarkan penyelewengan dalam BMF bukan dengan niat

untuk memulihkan keadaan atau mendapat balik wang yang hilang tetapi untuk memburukkan nama kerajaan, untuk mendapat *political mileage*.

Jika kerajaan hendak menjadi popular, kerajaan boleh dengan mudah menjadikan BMF sebagai isu politik. Kita boleh melupakan sahaja ribuan juta yang hilang dan sebaliknya mengadakan tangkapan dan perbicaraan walau-pun kita tidak berkuasa ke atas jenayah yang berlaku di luar negara kita. Dengan ini, kerajaan akan nampak tegas.

Tetapi, kerajaan tidak semata-mata melihat daripada sudut keuntungan politik. Kita berasa bertanggungjawab terhadap wang yang begitu banyak yang telah hilang. Justeru itu, kita utamakan usaha untuk mendapat balik wang ini. Jika tindakan terhadap penjenayah tidak diambil, ini adalah kerana undang-undang negara ini tidak boleh di-kuatkuasakan di Hong Kong di mana jenayah itu berlaku.

Sebenarnya, pihak kerajaan Hong Kong pun tidak dapat mengambil tindakan serta-merta kerana proses mendapat bukti tetap memakan masa. Adalah dianggarkan, bahawa proses undang-undang akan mengambil masa sekurang-kurangnya lima tahun sebelum hukuman dijatuhkan. Dan apabila hukuman dijatuhkan, wang yang hilang tidak akan didapati balik.

Sekarang ini, kes timah pula dibangkitkan. Kerajaan mengaku kita telah cuba menyelamatkan perniagaan timah dengan memasukkan pasaran dan membeli timah. Memang benar kerajaan tidak boleh memasuki pasaran timah, tetapi penipuan yang besar dibuat dalam London Metal Exchange (LME) pada ketika itu yang merugikan kita.

Pada ketika itu, sekumpulan ahli LME telah sengaja menekan turun harga timah dengan menjual *forward*, iaitu untuk dibekal pada masa hadapan, dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran ketika itu. Mereka ini tidak memiliki walau satu paun pun timah. Harapan mereka, ialah tindakan mereka akan mengurangkan pembelian semasa yang akan menurunkan harga timah. Apabila harga timah turun, mereka akan membeli timah untuk membekal pelanggan mereka apabila segenap tempoh yang

dijanjikan.

Untuk menstabilkan harga, kerajaan, melalui broker yang berdaftar dengan LME (tidak ada orang Malaysia yang boleh menjual beli timah dalam LME), telah membeli timah yang dijual *forward* oleh ahli-ahli LME untuk mempertahankan harga tinggi dalam pasaran.

Melalui cara ini, apabila genap masanya untuk timah dibekalkan kepada pembeli, pilihan yang boleh dibuat oleh ahli-ahli LME yang berjudi dengan pasaran timah, ialah membeli timah dengan harga mahal daripada kita untuk membekalkan kepada pembeli *forward* mereka atau mereka terpaksa mungkir janji dan menerima tindakan kerana *breach of contract*.

Tetapi, LME telah menipu dengan menukar aturan-peraturan jual beli apabila sampai masanya bagi ahli-ahli mereka menunai janji. Mereka berkata, bahawa janji itu tidak perlu ditunaikan. Dengan itu, terselamatlah ahli-ahli mereka dan harga timah pun turun dengan mendadak.

Kerana tindak tanduk LME, kerajaan rugi dalam operasi ini yang diluluskan oleh kabinet dalam tahun 1980. Tetapi kita bercadang mengganti balik kerugian ini dengan penjualan timah yang ada pada kerajaan dan perniagaan tertentu yang akan dibuat oleh sebuah syarikat yang dimiliki 100 peratus oleh kerajaan yang diberi nama Makuwasa. Sebenarnya, saham KWSP yang dipindahkan kepada Makuwasa bukanlah hak KWSP. Saham ini ialah saham yang dikhaskan untuk bumiputera yang harganya memang rendah daripada harga pasaran. KWSP tidak pernah diberi saham untuk bumiputera kerana ia bukan badan bumiputera yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, agihan kepada KWSP ini dibuat semata-mata untuk dipindahkan kepada Makuwasa yang mana keuntungannya akan didapat oleh kerajaan.

Adakah sesiapa daripada kerajaan mendapat untung daripada operasi ini? Tentulah jelas, bahawa tidak sesiapa pun yang mendapat apa-apa untung untuk diri sendiri. Apa yang dibuat oleh kerajaan adalah bertujuan menyelamatkan perniagaan timah. Ramai daripada pelombong-pelom-

bong yang sepatutnya sudah bankrap lebih awal lagi telah terselamat kerana operasi kerajaan ini. Dan kerajaan pula dapat mengutip hasil yang lebih tinggi kerana, buat beberapa waktu, harga timah kekal di paras yang tinggi. Jika tidak kerana penipuan yang dibuat oleh London yang mana aturan-peraturan dipindah untuk melindungi ahli-ahli LME, kerajaan tidak akan rugi dan soal penglibatan kerajaan dalam mempertahankan harga bijih timah tidak akan dibangkitkan sama sekali.

Saya sedar, pihak DAP ingin menjadikan perkara ini sebagai satu lagi skandal. Jika DAP mempunyai bukti, bahawa terdapat pemimpin atau pegawai kerajaan terlibat dengan rasuah, silalah buat aduan. Jika tuduhan tidak berdasas, sila sanggup pula menerima tindak balas.

Tidak usah sebut tentang Suruhanjaya Siasatan. Kita tahu, apabila sahaja Suruhanjaya ditubuhkan, satu kempen akan diadakan untuk menentukan Suruhanjaya itu menarik mengikut gendang dan irama pihak tertentu.

Ahli Suruhanjaya akan begitu ghairah dengan publisiti dan keinginan menjadi hero sehingga tidak dapat bersikap berkecuali dan objektif lagi. Berbagai hadiah akan diberikan kepada ahli Suruhanjaya semasa menjalankan tugas supaya tindakannya berat sebelah kepada pihak tertentu.

Jika kita tidak suka kepada orang tengah yang mirip kepada kerajaan, kita juga sepatutnya tidak suka kepada orang tengah yang mirip kepada pihak anti-kerajaan. Di sini letaknya keadilan.

Sementara BMF dan Makuwasa dijadikan isu dan skandal, perbuatan beberapa orang *banker* dari Malaysia, yang bukan dari Bank Bumiputera, yang menyalahgunakan wang dua buah bank di Hong Kong tidak pula diberi perhatian. Kerana mereka ini, nama orang Malaysia menjadi begitu busuk di kalangan masyarakat *banker* dan *financier* di luar negeri. Demikian juga dalam peristiwa Carrian. Hampir seratus buah bank lain kehilangan wang, termasuklah sebuah bank yang terbesar yang mempunyai cawangannya di Malaysia. Semua pihak membisu seribu bahasa berkenaan bank-bank ini baik di Hong Kong atau

di Malaysia. Mengapakah Bank Bumiputera diheboh-hebohkan? Kerana skandal atau kerana bumiputera? Kerana tidak suka melihat bumiputera berjaya? Kerana seronok melihat kegagalan bumiputera?

Bank Bumiputera kerugian dua ribu juta ringgit. Tetapi skandal Pan-Electric menyebabkan kerugian enam belas ribu juta ringgit, bukan duit kerajaan, bukan semua duit tauke, tetapi duit pelabur kecilan di Malaysia, hampir kesemua mereka terdiri daripada orang-orang Cina Malaysia. Soal siapakah yang bersalah tidak perlu kita bincangkan. Tetapi kerana Pan-EL, buat kali pertamanya dalam sejarah pasaran saham Malaysia, pasaran saham terpaksa ditutup. Kerana Pan-EL, semua saham jatuh harga. Kerana Pan-EL, ramai peniaga dan syarikat menjadi bankrap. Kerana Pan-EL, hutang bank tidak dapat dibayar oleh ramai pelanggan bank dan bank rugi. Kerana Pan-EL, harga bangunan, harta dan saham jatuh sehingga rendah daripada nilai cagaran di bank. Kerana Pan-EL, ekonomi negara terjejas.

Tetapi reaksi terhadap kes Pan-EL tidak seperti dengan kes BMF. Mengapa tidak begitu dihebohkan oleh pencipta skandal daripada parti-parti lawan? Mungkinkah kerana tidak dilakukan oleh bumiputera? Pada pandangan saya, bukan kehilangan duit yang penting kepada mereka. Yang menggerak dan mendorong kritikan mereka ialah perasaan cauvinisme, perasaan perkauman yang tebal.

Demikian juga dengan pasaran komoditi di mana harga minyak kelapa sawit telah mengalami manipulasi sehingga musnah pasaran itu. Dan sekarang koperasi pula. Ratusan juga daripada duit rakyat dilesapkan oleh orang-orang tertentu yang menguasai koperasi ini.

Akibat daripada semua ini, ekonomi negaraerosot dan kepercayaan orang asing kepada negara ini tergugat. Perniagaan-perniagaan kecil dan besar sudah tidak ada pelanggan lagi. Modal untuk pelaburan baru sudah tidak ada. Bangunan-bangunan yang didirikan tidak mendapat penyewa.

Siapakah yang menyebabkan semua ini berlaku?

Orang kampungkah? Dasar Ekonomi Barukah? Atau orang-orang di bandar-bandar – orang-orang yang begitu senang mengecam kerajaan, orang yang selalu menyalahkan kerajaan, orang yang begitu marah sehingga ingin melihat BN kalah.

Malaysia perlukan kestabilan dan keamanan supaya rakyat hidup bahagia, supaya rakyat bergerak dan mencari nafkah, selamat daripada sebarang ancaman, supaya ekonomi tumbuh dengan baik untuk memberi keuntungan kepada peniaga dan pengusaha, serta peluang-peluang pekerjaan kepada ratusan ribu yang keluar dari sekolah-sekolah dan institusi-institusi pelajaran tinggi setiap tahun dan supaya kerajaan memperolehi hasil dan cukai yang cukup untuk membayar gaji, mentadbir dan membangunkan negara.

Malaysia perlukan kestabilan dan keamanan supaya pelabur dan peniaga asing dapat melabur dengan selamat dan mendapat keuntungan yang sewajarnya, di samping menolong mengembangkan ekonomi negara dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk negara kita. Pelabur-pelabur asing amat sensitif dan mereka mempunyai pilihan yang luas kerana banyak negara-negara lain juga mempelawa mereka.

Pelabur-pelabur asing tidak memegang semata-mata kepada janji kerajaan atau kelonggaran syarat-syarat melabur, tetapi mengambil kira semua aspek iklim pelaburan. Mereka menghantar pakar-pakar perisik komersial untuk memerhati, menyoal selidik dan menganalisa sebarang kejadian, laporan akhbar, cakap-cakap di kedai-kedai kopi, di kelab-kelab dan berita-berita angin.

Dengan perasaan bertanggungjawab terhadap kebahagiaan rakyat dan negara, kerajaan cuba sedaya upaya mengelak daripada membuat apa-apa atau mengeluarkan kata-kata yang boleh disalah ertikan atau boleh memberi gambaran, bahawa terdapat unsur-unsur ketidakstabilan atau ketegangan di negara kita. Saya sendiri tidak membuat apa-apa komen atau menyatakan pendapat saya, jika komen itu mungkin disalahtafsirkan dan memberi gam-

baran ketidakstabilan atau ketegangan dalam negara kita.

Rupa-rupanya penghargaan yang tinggi yang diberi oleh kerajaan, dan kita UMNO umumnya, terhadap stabiliti negara ini, telah dilihat oleh pihak-pihak tertentu sebagai peluang untuk mereka mengugut kedudukan kerajaan, orang-orang Melayu dan bumiputera, peluang untuk mereka menuntut itu dan ini.

Sepanjang masa, parti-parti perkauman bukan Melayu telah sengaja membuat kenyataan-kenyataan dan ugutan-ugutan yang menghalang usaha kerajaan untuk menyelamatkan rakyat. Sementara kita berdiam, mereka sengaja menjolok isu-isu perkauman.

Mereka mengecam DEB dan pelaksanaannya. Mereka memberi gambaran yang tidak tepat berkenaan dengan hasil DEB. Mereka sengaja membisik, bahawa keadaan perhubungan kaum di Malaysia tidak baik sehingga mungkin meletup bila-bila sahaja.

Mereka cuba menggambarkan kedudukan kerajaan sebagai tidak kukuh, sebagai kerajaan yang tidak mendapat sokongan daripada rakyat lagi, sebagai kerajaan yang korup dan akan tumbang pada bila-bila masa sahaja.

Dengan dibantu oleh akhbar-akhbar asing yang dimiliki oleh Zionis, mereka sedikit sebanyak berjaya menghilangkan kepercayaan para pelabur asing terhadap kestabilan negara kita.

Kerana ingin menghapuskan dakwaan, bahawa kerajaan tidak mendapat sokongan rakyat dan dasar-dasarnya tidak diterima oleh rakyat. Kerajaan dan Barisan Nasional telah mengadakan pilihanraya. Keputusan pilihanraya menunjukkan, bahawa sebenarnya sokongan kepada kerajaan tidak merosot walaupun bertukar corak sedikit. Tetapi, usaha untuk mengurangkan kepercayaan kepada Malaysia diteruskan juga supaya ekonomi terus terjejas.

### **Jangan Salahkan DEB**

Sejurus selepas pilihanraya, beberapa pihak telah membuat analisa, kononnya beberapa aspek keputusan pilihanraya disebabkan oleh pelaksanaan DEB. Kononnya,

DEB baik tetapi pelaksanaannya tidak betul. Kononnya, DEB hanya berjaya mewujudkan beberapa jutawan Melayu.

Apakah dakwaan ini benar? Apakah DEB semata-mata bermakna pembahagian saham atau peluang berniaga? Apakah pelaksanaannya tidak betul? Apakah yang sebenarnya berlaku?

Pertamanya, DEB bukan semata-mata pembahagian saham atau kontrak. DEB meliputi segala kegiatan ekonomi dan sosial. Sebelum DEB, anak Melayu dan bumiputera yang berpelajaran tinggi amat berkurangan. Semenjak DEB, ramai daripada anak orang kampung, anak pekerja mahir dan tidak mahir, anak orang miskin sudah mendapat pelajaran dan sekarang menjadi orang-orang profesional. Malang sedikit, kadang-kadang mereka ini sendiri tidak sedar, bahawa mereka adalah hasil program-program DEB. Lalu mereka menyahut tuduhan, bahawa DEB cuma menambah jurang perbezaan antara bumiputera dengan bumiputera. Maka lebih gembiralah pengkritik DEB daripada parti-parti pembangkang.

Jika tidak ada DEB, dapatkah kita melihat begitu ramai bumiputera dan Melayu menuntut di universiti-universiti di dalam dan di luar negeri? Jika mereka semua anak orang-orang kaya, maka bermaknalah DEB sudah berjaya mewujudkan ramai orang kaya bumiputera, bukan sahaja segelintir jutawan Melayu. Tetapi, kita tahu ramai daripada mereka adalah anak-anak miskin, dan ini bermakna, bahawa DEB memberi manfaat kepada bumiputera yang miskin.

Soal jutawan bumiputera! Berapa ramaikah mereka? Kita nampak mereka kerana mereka adalah orang kaya baru yang memang suka menunjuk-nunjukkankekayaan mereka. Mereka menggunakan *Rolls-Royce*, kot *Pierre Cardin*, berumah besar dan ke sana sini dengan *designer brief-case*, berjalan *first class*. Cuba tanya pula berapa ramaikah jutawan bukan bumiputera? Kita tidak tahu, sehinggalah seseorang yang memakai singlet sahaja diculik dan mampu membayar berjuta-juta ringgit sebagai

tebusan. Ketika itu, barulah kita tahu yang dianya seorang jutawan. Dan kita tahu ramai yang terkenal sebagai jutawan, sama ada baru atau lama. Bagi setiap orang jutawan bumiputera, kemungkinannya ialah terdapat sekurang-kurangnya sepuluh orang jutawan bukan bumiputera. Jadi, apakah yang dihebohkan, bahawa DEB kononnya hanya mewujudkan jutawan bumiputera?

Salahkah kalau bumiputera menjadi jutawan? Kita bukan sosialis. Kita amalkan sistem *free enterprise*, sistem bebas. Sesiapa yang mempunyai kepintaran dan inisiatif, boleh menjadi kaya. Tidak bolehkah seorang bumiputera menjadi kaya di antara sepuluh, mungkin seratus orang kaya yang bukan bumiputera? Apakah kita hendak melihat bumiputera cuma miskin atau *middle-class* atau golongan pertengahan sahaja? Selagi kita bukan sosialis atau komunis, selama itulah akan terdapat orang-orang kaya dalam masyarakat kita. Apakah mereka semua mestilah terdiri daripada orang-orang bukan bumiputera?

Benar, kebanyakan bumiputera yang mendapat sedikit kekayaan adalah kerana mendapat kontrak atau bantuan kerajaan. Kenapa? Sebab kontraktor bumiputera tidak boleh bermimpi akan mendapat kontrak daripada pengusaha atau peniaga kaya yang bukan bumiputera. Semenara kontraktor bukan bumiputera boleh mendapat kontrak daripada bumiputera, kontraktor bumiputera tidak pernah diberi kontrak oleh bukan bumiputera. Kononnya tidak cekap, tidak layak. Bila hendak cekap? Bila hendak layak jika tidak diberi peluang kerja?

Apakah kontraktor bukan bumiputera tidak dapat kontrak langsung daripada kerajaan, tidak dapat menjadi jutawan kerana tidak dapat membekal dan membina itu dan ini untuk kerajaan? Apakah DEB memberi keuntungan kepada bumiputera sahaja?

Sila semak hutang daripada bank. Sila semak bilangan ahli-ahli profesional bumiputera. Sila bandingkan bilangan peguam bumiputera, dan bandingkan dengan nisbah kaum di negara ini. Kalau kerana, kononnya, tumpuan kepada satu kaum, pengikut satu agama sahaja, terdapat keadaan

yang begitu tidak seimbang antara kaum dalam semua bidang selain daripada politik, apakah nisbah yang akan terdapat di dalam negara ini jika pelaksanaan DEB dibuat mengikut kemahuan para pengkritik yang begitu lantang mengecam DEB, mengecam pelaksanaan DEB?

Cukuplah UMNO diarah supaya jangan bangkitkan isu-isu yang boleh menjegas kestabilan negara. Saya sendiri membisu supaya iklim pelaburan tidak tergugat. Kita cuba melayan bermacam-macam tuntutan. Kita pinda syarat-syarat *Industrial Co-ordination Act (ICA)*. Kita benarkan tarian singa. Kita berdialog dengan peniaga-peniaga tertentu dan bersabar apabila mereka mengecam kerajaan. Kita berdiam apabila kata-kata kesat digunakan dalam akhbar, apabila beberapa cauvinis bercakap seolah-olah orang Melayu tidak berhak di negara ini, seolah-olah ini bukan asalnya negeri Melayu, sebaliknya adalah sebahagian daripada negara asing.

Kita berdiam apabila mereka berkata, mereka tidak suka kepada perkataan bumiputera, tidak mahu dengar DEB disebut, tidak mahu apa-apa rancangan bagi menentukan nasib orang bumiputera dan Melayu selepas DEB.

Mereka tahu, bahawa matlamat DEB tidak akan tercapai apabila genap masa yang ditentukan untuk dasar ini. Mereka tahu, bahawa sebenarnya pencapaian mereka telah melebihi 40 peratus, walaupun sebelum tamat DEB. Mengikut *projection* yang dibuat, pada tahun 1990, sebahagian daripada kuota bumiputera dan kuota orang-orang luar akan terdapat kepada orang-orang bukan bumiputera. Tetapi, awal-awal lagi mereka mengugut, bahawa ketegangan akan berlaku jika ada usaha untuk mencapai matlamat DEB setelah genap tempohnya pada tahun 1990.

Rancangan DEB diasaskan kepada pertumbuhan ekonomi sebanyak tujuh peratus hingga lapan peratus. Sekarang tidak ada pertumbuhan dan dengan itu *target* bagi bumiputera tidak mungkin dicapai. Tetapi yang ditonjolkan ialah tarikh dan bukan imbangan ekonomi antara kaum sebagai objektif DEB. Sedangkan kita tahu sebabnya DEB dibentuk ialah kerana terdapat perbezaan yang

ketara dalam pembahagian kekayaan antara kaum di negara ini. Pada masa DEB dibentuk, pertumbuhan ekonomi amat baik, dan mengikut perhitungan tahun 1970, kita memerlukan dua puluh tahun sahaja untuk mencapai objektif 30 peratus bagi bumiputera yang berjumlah 52 peratus daripada penduduk negara ini. Kita menerima nisbah ini kerana kita tidak tamak. Perancangan pada tahun 1970 tidak sama sekali menyangka, bahawa ekonomi akan merosot dan matlamat DEB tidak akan tercapai dalam masa 20 tahun. Jelas sekali, DEB bukan menekankan jangka masa tetapi imbangan pembahagian kekayaan.

Kita tidak mahu menekan atau membahaskan perkara ini dahulu kerana kita tidak mahu memberi gambaran, bahawa kaum-kaum di Malaysia tidak sepakat. Kita percaya, bahawa jika ada masalah antara kita, maka eloklah jika kita bincangkan dalam keluarga terutama bagi anggota Barisan Nasional. Kita tidak suka terseret dalam perbahtasan terbuka kerana ini tetap akan mencetuskan ketegangan dan menakutkan para pelajar, sama ada dari dalam atau luar negeri. Kita tidak mahu pertumbuhan ekonomi negara terjejas kerana pertengkaran antara kita, antara kaum-kaum di Malaysia. Di mana-mana juga kita pergi, kita sebutkan tentang kestabilan dan keamanan di Malaysia sebagai satu aset untuk menarik para pelancong dan para pelabur.

Kita sedar, masalah kadang-kadang dalam pelaksanaan DEB. Mungkin ada pegawai yang *over-zealous*. Tetapi ini semua boleh dirunding tanpa diheboh-hebohkan dan ia boleh dibetulkan.

Malang sekali sikap kita ini ditafsir sebagai pendirian orang yang salah, orang yang lemah. Justeru itu, ugutan secara terbuka dibuat. Mereka sengaja mengancam harmoni dan kestabilan negara untuk memaksa supaya DEB tidak dilaksanakan, tidak dicuba supaya tercapai matlamatnya. Mereka sengaja membuat interpretasi yang tidak betul kepada orang luar dan pelabur asing untuk menjelaskan pertumbuhan ekonomi.

Kita mahu harmoni. Kita mahu kestabilan. Kita mahu

pertumbuhan ekonomi. Kita sedar, pertumbuhan ekonomi penting untuk kesejahteraan kita dan juga untuk negara.

Tetapi, *NOT AT ANY COST*. Kita tidak akan menggadai maruah kita. Kita tidak akan memperdagangkan kehormatan kita sehingga anak cucu kita tidak dapat memanggung kepala. Kita tidak akan menyondol-nyondol hanya kerana terpikat dengankekayaan kebendaan.

Sudah banyak pengorbanan yang telah kita buat. Kita terima, bahawa kita sudah menjadi salah satu kaum dalam negara yang berbilang kaum. Nampaknya, bangsa Melayu sudah hilang. Yang tinggal hanya kaum Melayu bangsa Malaysia. Kita akui kaum-kaum lain mempunyai hak untuk mengekalkan identiti mereka. Kita tidak protes melihat semakin banyak kekayaan negara diperolehi oleh orang lain. Kita tidak protes apabila dalam bidang swasta diskriminasi dikenakan kepada kita.

Sebaliknya, kita sanggup membendung kemelayuan kita dalam politik. Untuk bersahabat dengan kaum-kaum lain di negara ini, kita berlawan habis-habisan dengan ekstremis di kalangan kita sendiri. Di kawasan-kawasan di mana kita mempunyai majoriti yang *absolute*, kita sanggup bertanding sesama kita sehingga kalah menang kita bergantung kepada pengundi kaum lain. Kita terima calon-calon bukan daripada kaum kita di kawasan-kawasan di mana kita ramai dan kita tentukan mereka mendapat kemenangan.

Semua ini kita buat kerana kita percaya kepada kerjasama antara kaum dan pembahagian kuasa antara kaum. Dan, kita masih percaya kepada konsep ini. Kita masih ingin melihat negara ini stabil dan aman. Kita masih bersedia untuk menghulur tangan persahabatan kepada kaum-kaum lain. Tetapi '*Don't take us for granted*'. Kesabaran kita bukan tidak terhad.

UMNO masih merupakan tulang belakang Barisan Nasional dan tulang belakang kerajaan. Justeru itu, UMNO perlu merintis jalan serta menjadi contoh dan teladan dalam semua bidang. Sekarang ini kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi. Kita tidak boleh meng-

harap orang lain menolong mengatasi masalah ini. Kita juga tidak boleh bergantung kepada kerajaan.

Harga getah, harga kelapa sawit, harga minyak mentah, harga lada, harga kayu balak tidak akan naik walaupun kerajaan membuat undang-undang supaya harga naik. Harga barang ini ditentukan oleh pasaran dunia dan kita tidak berkuasa ke atas pasaran dunia. Kita juga tidak mampu melawan negara-negara kaya yang memberi subsidi yang banyak untuk menurunkan harga barang mereka supaya dapat bersaing dengan jayanya dengan barang kita.

Kita hanya mempunyai satu cara sahaja untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi akibat daripada kejatuhan harga barang eksport kita. Caranya ialah dengan mengurangkan kos pengeluaran, supaya apa yang dikeluarkan oleh kita lebih murah daripada apa yang dikeluarkan oleh orang lain, dan dengan ini barang kita lebih laris dijual.

Apakah peranan kita untuk mengurangkan kos pengeluaran? Apakah dengan menurunkan gaji kita? Bagi eksekutif, memang inilah menjadi satu daripada caranya. Gaji di sini bukan bermakna gaji sahaja tetapi segala elauan dan kemudahan atau *perks*, yang didapati. Bahawa jumlah semua gaji, elauan dan *perks* eksekutif, yang bilangannya tidak ramai, tidak banyak, tidaklah boleh dijadikan alasan mengapa ia tidak boleh dikurangkan. Di mana kecemasan, semua pihak mesti memikul beban supaya ianya menjadi ringan. Dan, sekarang ini kita menghadapi kecemasan ekonomi.

Saya ingin menyebut, bahawa kita telah memotong gaji menteri-menteri lebih daripada 10 peratus semenjak tahun 1982. Tetapi saya tahu bagi yang sinis, mereka akan berkata, menteri boleh potong gaji kerana mereka rasuah, terutama Perdana Menteri. Mereka yang berkata demikian berdusta. Kalau tidak mahu berkorban sendiri, janganlah memperkecil dan memfitnah tentang pengorbanan orang lain untuk melindungi kebakilan diri sendiri.

Bagi pekerja yang bergaji rendah, pengurangan gaji

tidak dibuat. Tetapi peningkatan hasil kerja mesti dibuat. Untuk ini, satu rancangan latihan besar-besaran akan diadakan terutamanya bagi yang menganggur. Rancangan latihan ini akan tertumpu kepada kemahiran sahaja tetapi juga kepada sikap dan sifat yang akan menjamin daya pengeluaran yang tinggi.

Pusat-pusat latihan akan diadakan bagi memupuk nilai-nilai yang baik untuk membantu meningkat etika kerja. Kerja-kerja yang berkesan akan ditekankan. Peserta akan terdiri daripada mereka yang rela menghadapi cabaran latihan yang intensif dan hebat. Mereka yang lulus dan menunjukkan bukti, bahawa sikap mereka terhadap kerja sudah berubah dan boleh meningkatkan tanggungjawab dan hasil, mereka ini akan diutamakan apabila ada peluang kerja, baik dalam kerajaan atau dalam bidang swasta.

Semua kaum akan berpeluang mendapat latihan ini. Tatanegara juga akan diajar supaya para lulusan kursus ini tidak begitu tebal perkaumannya dan mempunyai sifat-sifat patriotisme terhadap negara. Ini ialah kerana kita percaya, bahawa masa hadapan negara ini bergantung kepada pengurangan polarisasi kaum dan pembangunan yang seimbang antara kaum daripada kerajinan, disiplin, inisiatif dan lain-lain nilai murni masyarakat yang boleh meningkatkan keupayaan kita bersaing dengan orang lain.

UMNO sebagai parti politik yang ulung, akan menyokong usaha ini dengan menggalakkan ahli-ahli UMNO menyertainya. Jika orang lain tidak mahu mempercayai niat baik kerajaan, tidak mahu menyertai rancangan ini, ahli-ahli UMNO dari golongan muda akan menyertainya. Walau apa sekalipun tuduhan dibuat, rancangan ini akan diteruskan. Pemulihian ekonomi negara ini dan pembangunannya adalah tanggungjawab istimewa UMNO, tanggungjawab kita yang setia pada parti walau apa pun fitnah yang dilemparkan kepada kita.

### **Dasar Luar Negeri**

Kita baru sahaja membentuk kerajaan yang baru dan

eloklah jika kita tegaskan semula dasar-dasar kita, termasuk dasar luar negeri. Kerajaan pimpinan UMNO ini akan terus mengutamakan ASEAN sebagai satu pakatan jiran sewilayah walaupun matlamat pasaran bersama belum tercapai.

Kita akan meneruskan kerjasama kita dengan Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura. Jarak perhubungan kita dengan Filipina akan ditentukan selepas mereka selesai menggubal perlumbagaan baru negara mereka.

Singapura meminta pertolongan kita berkenaan dengan bekalan air. Sebagai jiran, kita sedia menimbang permohonan ini dengan wajarnya. Sementara kita sedar akan pentingnya air bagi Singapura, kita tidaklah dapat membelakangkan kepentingan kita sendiri.

Keutamaan kita selepas ASEAN ialah Pertubuhan Negara-Negara Islam atau OIC. Kita berminat dengan kerjasama dunia Islam walaupun negara-negara Islam tidak lagi kaya seperti dahulu, dan mereka sering berkelahi antara satu sama lain. Di samping itu, terdapat nasionalisme Arab yang begitu ekstremis sehingga membelakangkan Islam. Ada juga yang Marxist atau sekurang-kurangnya menjadi *client state* kepada komunis atau kepada Amerika Syarikat. Ada pula yang suka menimbulkan kecauan di negara-negara Islam yang lain, bahkan sanggup cuba mempengaruhi politik dalam negara kita. Semua ini kita tahu tetapi kita masih ingin mengadakan kerjasama dengan negara-negara dan orang-orang Islam di mana juga mereka berada.

Keutamaan kita yang ketiga ialah Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali. Kita tidak mungkin mendapat apa-apa pertolongan daripada negara-negara ini tetapi sebagai *third force* mereka, mengimbangkan pertandingan antara blok Timur dan Barat. Sebagai sebuah negara kecil, kita tidak mahu menyebelahi mana-mana blok. Sebaliknya, kita memerlukan kawan yang setaraf dengan kita dan bukan kuasa besar yang memandangkan kita hanya sebagai *client state* iaitu pelanggan mereka sahaja.

Di antara Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa di

dunia ini, kita hanya menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan beberapa agensinya. Jika perlu kita bercakap kepada dunia keseluruhannya, kita akan gunakan forum Bangsa-Bangsa Bersatu. Demikianlah dengan masalah dadah. Kita akan menyertai perjumpaan-perjumpaan anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu dalam usaha menentang bahaya dadah kerana bukan masalah kita sahaja tetapi adalah juga masalah dunia.

Satu kajian terperinci akan dibuat berkenaan dengan penubuhan Komanwel untuk mengetahui faedah daripada keahlian kita dalamnya dan membandingkannya dengan perhubungan antara Britain, khususnya dengan beberapa negara bukan Komanwel. Ada perbezaan yang jelas di antara ahli yang kulit putih dengan ahli yang bukan kulit putih dalam Komanwel dan butir-butir berkenaan aspek ini perlu di ketahui. Kita juga tahu, bahawa sementara penuntut-penuntut dari Eropah dan Amerika Syarikat, yang bukan ahli Komanwel, mendapat layanan istimewa, penuntut-penuntut kita dikenakan yuran pelajaran yang begitu tinggi sehingga secara tidak langsung kita membantu penuntut Inggeris dan lain-lain.

Dasar Pandang ke Timur akan diteruskan. Kebudayaan dan moraliti bangsa-bangsa di Timur lebih secocok dengan kita. Di samping itu, cara-cara mereka membangunkan negara mereka membawa lebih banyak kejayaan, dan kita tidak mahu meniru orang yang gagal. Sekarang ini, terdapat ramai pekerja dan eksekutif Barat pergi ke Jepun untuk belajar teknik-teknik pembuatan dan etika kerja. Jelaslah, bahawa bangsa-bangsa Barat pun sedang memandang ke Timur dan mengikut jejak langkah kita. Tidak ada satu sebab mengapa kita perlu menolak Dasar Pandang ke Timur ini.

### **Maruah Bangsa**

Manusia sanggup berperang bermati-matian kerana tidak suka dihina. Orang-orang Melayu adalah sama daripada segi memelihara maruah. Jika tidak berjuang selama 400 tahun untuk kebebasan negara kita, sebabnya ialah

kerana sebagai satu bangsa kita tidak sanggup diperhambakan oleh sesiapa.

Di zaman ini, penjajahan secara langsung sudah hampir luput. Sebenarnya, kebanyakan daripada saudara saudari tidak pernah merasai kehinaan sebagai orang yang dijajah. Justeru itu, penghargaan terhadap kebebasan bangsa yang merdeka tidak sebegitu tebal. Ketidaksedaran ini akan melalaikan kita, terutama apabila penjajahan secara tidak langsung diusahakan.

Melalui ekonomi kebudayaan, penjajahan *indirect* ini sedang berlaku. Kita amalkan sistem *free enterprise* kerana ianya lebih baik daripada sistem feudal. Kita sedar, bahawa ekonomi negara-negara di dunia tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain. Tetapi, kita tidak begitu bebas kerana harga barang kita dikuasai oleh orang-orang lain. Hari ini, kita merasai kesan penjajahan ekonomi ini apabila harga barang kita ditekan turun sehingga meleset ekonomi negara kita.

Penjajahan melalui kebudayaan dapat dilihat apabila kita simpan rambut panjang, kita pakai *jeans* walaupun ke majlis perkahwinan, kita menari macam orang gila tanpa segan-silu di *Rock* Konsert, lelaki pakai subang, atau sengaja suka pakaian yang kotor dan koyak. Adat resam, sopan santun bangsa kita sudah hampir luput dan kita hampir kehilangan identiti.

Bukan semua peniruan kebudayaan asing membuktikan penjajahan oleh bangsa asing. Ada amalan yang baik yang sepatutnya kita tiru dengan mata terbuka. Tetapi, penjajahan kebudayaan berlaku apabila kita terbawa-bawa dengan kebudayaan asing sehingga tidak mempedulikan akan kesan buruk daripadanya.

Kita juga dijajah melalui dadah. Kita tidak mengeluarkan dadah di negara ini. Amalan ini bukan sebahagian daripada kebudayaan kita. Tetapi hari ini, majoriti yang menghisap dan menyuntik dadah adalah belia-belia Melayu. Mereka ini tidak boleh mempertahankan maruah bangsa kita.

Dalam bidang media massa pula, pada mulanya hanya

media massa asing sahaja yang *brainwash* kita. Sedikit demi sedikit nilai-nilai kita berubah. Akhirnya, ada wartawan dan akhbar kita sendiri yang telah *dibrainwashkan*. Tidak perlu lagi akhbar asing *subvert* nilai hidup dan kebudayaan kita. Kita sendiri sudah mengambil alih peranan *brainwashing* ini. Kadang-kadang yang memburukkan imej negara kita ialah orang-orang Malaysia sendiri. Mereka tidak peduli, bahawa mereka sendiri akan menjadi mangsa keburukan itu. Mereka sudah begitu objektif, kononnya. Tetapi sebenarnya, mereka telah diperalatkan oleh penjajah.

Sebenarnya, UMNO sahaja yang terdaya mempertahankan maruah kaum kita, maruah bangsa Malaysia kita dan maruah negara kita. Kalau kita desak supaya UMNO mengutamakan perpaduan dan berdisiplin, sebabnya bukanlah kerana ini memudahkan kerja pemimpin tetapi kerana perpaduan dan disiplin sahaja yang menjadikan parti kita berkesan dan dihormati dan layak memimpin dan menjadi teladan kepada lain-lain penduduk di Malaysia, baik Melayu, baik bukan Melayu.

Perpaduan, disiplin dan kesetiaan kepada parti, menentukan kemenangan kita dalam pilihanraya dan pembentukan kerajaan yang berkesan. Wakil-wakil rakyat yang menang, menang kerana disiplin dan ketaatan ahli dan pemimpin-pemimpin kepada parti. Jikalau kita mendapat kebahagiaan daripada sifat-sifat ini, janganlah apabila kita tidak bertanding lagi, kita lupakan akan jasa-jasa orang lain kepada kita dahulu. Janganlah kita bertukar haluan dan bersikap berkecuali dan kononnya objektif apabila kita tidak perlu lagi sokongan parti. Taat setia bukanlah untuk mendapat tempat. Taat setia adalah sifat kita ahli UMNO, sifat yang kita junjung sepanjang hayat kita, kerana taat setia inilah yang memberi kejayaan kepada kita. Oleh itu, teruskanlah sokongan kita kepada UMNO, terutamanya di waktu pilihanraya, walaupun kita tidak bertanding lagi.

Cerah atau gelapnya masa depan orang Melayu dan agama Islam khususnya, bangsa Malaysia, negara Malaysia bahkan kaum-kaum lain yang berada di Malaysia, bergant-

tung kepada UMNO. Parti-parti lain adalah ekstremis atau cauvinis atau terlalu kecil untuk memelihara negara ini dan menghadapi berbagai cabaran. UMNO adalah *binding force* atau kuasa yang mengikat, kuasa yang menarik semua parti yang bersikap sederhana supaya bekerjasama. Sikap ini adalah pilihan UMNO sendiri. Jika tidak, akan berpecahlah rakyat negara ini seperti yang terjadi di negara-negara lain yang mempunyai berbagai kaum. Sistem demokrasi dengan sendirinya tidak menjamin keadilan dan kebahagiaan. Yang benar-benar menjamin kedua-dua nikmat ini ialah pengalaman demokrasi yang ikhlas dan jujur. Dan, UMNO adalah pengamal demokrasi yang ikhlas dan jujur.

Jelas sekali, bahawa tanggungjawab kita, ahli-ahli UMNO, adalah berat. Kita mesti memikul tanggungjawab ini dan kita mesti menentukan kestabilan dan keadilan bagi semua rakyat di negara ini. Kita mesti menghulur tangan persahabatan setiap masa.

Di waktu kemelesetan ini, di waktu wang sukar dicari dan kerajaan sendiri menghadapi masalah kewangan, ahli-ahli UMNO perlu menunjukkan kesabaran dan sanggup berjimat cermat dengan wang ringgit dan harta yang ada pada kita. Kita tidak boleh meneruskan cara hidup yang biasa kita amalkan di zaman mewah dahulu. Sebaliknya, kita harus menerima kesan kemelesetan ekonomi ke atas kehidupan kita dan kita menyesuaikan diri kita dengan keadaan ini.

Kita bersyukur, negara kita bukan sahaja masih aman dan sejahtera, tetapi juga agama Islam yang kita anuti terus berkembang dan terpelihara. Kita berdoa, semoga umat Islam negara ini akan terus berpegang kepada tali Allah dan bersatu padu.

Perpaduan ummah negara ini telah terancam semasa pilihanraya umum yang lalu. Kita seharusnya mencuba supaya perpaduan yang tergugat itu dapat dipulihkan semula. Apa-apa perbezaan pendapat dan apa-apa perbezaan pendapat dan apa-apa salah faham sesama sendiri, janganlah dibiarkan berpanjangan. Bersama-sama lah kita

menjadikan QI-Quran dan sunnah sebagai panduan hidup kita. Kita patutlah mengutamakan sifat-sifat yang lebih luhur dan sederhana supaya kita tidak bersikap keterlaluan atau ekstrem. Kita harus yakin akan kesederhanaan yang dituntut oleh agama Islam yang bukan sahaja dapat mengekalkan perpaduan di kalangan ummah, tetapi juga dapat mengembangkan lagi syair Islam. Ia juga akan membolehkan kita bekerjasama dengan kaum-kaum lain, bahkan memberi perlindungan kepada mereka.

Kita telah membuktikan tekad kerajaan mengembangkan syair Islam dengan melaksanakan beberapa projek dan dasar. Saya tidak bercadang menyenaraikan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan kerana umum mengetahuinya. Kita harus bertekun untuk melaksanakan apa sahaja yang boleh dilakukan untuk mengembangkan syair Islam.

Di sini, harus kita berhati-hati kerana dalam iklim politik yang terdapat di negara ini, amat mudah kita memperkata atau membuat sesuatu bukan kerana agama tetapi kerana terbawa-bawa dengan arus tekanan politik. Orang yang membenarkan kepentingan politik sendiri mempengaruhi tindakan keagamaannya akan membawa kepada penyelewengan dan mungkin merosakkan akidah. Oleh itu, setiap kali bertindak atau membuat cadangan, bertanyalah diri terlebih dahulu sama ada ianya didorong oleh agama atau kerana perasaan riak. Hanya dengan bersikap jujur dalam menjawab soalan ini, baharulah agama Islam terselamat.

# 10

## KUKUH UMNO KUKUH NEGARA

### Pergolakan Politik Antarabangsa

**KITA** berhimpun pada hari ini dalam keadaan dunia yang kehilangan arus dan arah. Manusia yang mempunyai pengetahuan sehingga mampu mendarat di bulan; mempunyai kebolehan berkomunikasi yang tidak kenal jarak jauh atau dekat; dapat melihat kuman yang terkecil sekali serta *universe* yang luasnya diukur dengan sejauh mana cahaya bergerak pada satu tahun atau '*light-years*' dan lain-lain lagi yang lebih ajaib daripada semua cerita ajaib; manusia ini, tidak dapat mengurus hal ehwal dunia dengan baik supaya segala sengketa dan masalah hidup rukun damai dapat diatasi.

Politik dunia sekarang ini memperlihatkan manusia terbahagi kepada tiga blok yang tiap-tiap satu menentang yang lain dengan kesan yang amat buruk kepada manusia. Jika puak Barat dan puak komunis tidak berperang secara langsung, secara tidak langsung mereka berperang dengan memperalatkan negara-negara ketiga.

Bunuh-membunuhi, menculik dan perasugut bukan sahaja dilakukan oleh penjenayah tetapi juga oleh negara-negara. Bahawa, perbuatan ini kerap kali menganiaya orang yang tidak terlibat dan tidak berdosa tidak diambil kira. Ada negara yang cuba '*assassinate*' orang-orang tertentu dengan mengebom kediaman mereka, sambil mengecam perbuatan mengganas atau *terroisme*.

Di dalam dunia Islam, bermacam-macam rusuhan

berlaku. Culik dan perasugut menjadi senjata utama sehingga imej Islam terjejas. Sementara sedikit sahaja daripada puak Zionis yang dibunuh atau dicederakan dalam peperangan 40 tahun Arab-Israel, lebih daripada satu juta orang Islam telah dibunuh oleh orang Islam sendiri dengan senjata yang dibekal oleh pihak Timur, Barat dan Israel.

Dalam bidang ekonomi juga, jenayah tidak kurang. Di Amerika Syarikat, lebih seratus bank telah bankrap, sementara di Britain sebuah bank yang besar sedang disiasat oleh kerajaan. Saham-saham syarikat gergasi telah dimanipulasikan oleh pengarah-pengarahnya melalui '*insider trading*': broker bursa saham terlibat dengan berbagai jenayah komersial, bahkan dengan pengedaran dadah. Saham-saham yang tidak berharga atau '*junk shares*' dijual dengan harga yang tinggi yang tidak ada kena-mengena dengan pulangan daripada pelaburan.

Kerajaan-kerajaan Barat tidak mahu menaikkan cukai untuk membiayai perbelanjaan mereka. Oleh itu, mereka bermuafakat mencari jalan keluar dengan mendesak negara-negara kaya yang mengeksport kepada mereka untuk menaikkan nilai matawang. Dengan itu, maka nilai *yen* dan *deutschmark* meningkat naik dan menjadi beban kepada negara-negara miskin.

Tetapi negara-negara kaya ini tidak juga dapat mengurangkan import mereka daripada negara-negara yang berkenaan. Masalah ekonomi Eropah-Amerika tidak juga dapat diatasi.

Penipuan yang ketara sekali ialah penekanan yang dibuat ke atas harga bahan mentah. Dengan menggunakan teknologi baru, mereka meningkatkan pengeluaran bahan mentah sehingga melebihi permintaan terhadap barang-barang ini. Di masa yang sama, negara-negara industri yang terbesar mencipta teknologi baru yang boleh mengurangkan penggunaan bahan mentah yang dijual oleh negara-negara membangun. Dengan bertambahnya pengeluaran dan kurangnya penggunaan, maka pasaran bahan mentah dibanjiri dengan barang-barang yang tidak

ada pembeli. Dengan itu, harga bahan-bahan mentah turun dengan mendadak.

Kita biasa mendengar cogan kata, "yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin menjadi lebih miskin". Dalam masyarakat manusia, biasanya jika seseorang menjadi kaya, ada sahaja orang yang miskin yang dapat menumpang kekayaan ini. Sebab itu, apabila pelombong maju dan kaya, banyak peluang pekerjaan dan peluang perniagaan wujud. Kerajaan juga dapat mengutip cukai yang kemudiannya diagihkan di kalangan rakyat, melalui subсидi dan projek.

Tetapi negara-negara kaya yang menjatuhkan harga bahan mentah dengan sengaja, berjaya menambahkan kekayaan mereka daripada kerugian negara yang miskin. Dalam tahun 1986, tidak kurang daripada 70,000 juta atau *70 billion* dolar Amerika telah dinikmati oleh negara kaya kerana harga bahan mentah jatuh dengan teruk. Di samping itu, harga barang buatan mereka telah meningkat tinggi dan sekali lagi negara miskin terpaksa menanggung kerugian kerana terpaksa membeli dengan harga yang mahal. Dalam masa yang sama, nilai hutang negara miskin meningkat kerana kenaikan nilai mata wang negara yang memberi pinjaman.

Politik Barat dan Timur tidak pernah sejuk. Masing-masing menuduh, bahawa satu pihak mempunyai niat jahat apabila mana-mana pihak membuat cadangan perdamaian atau keamanan. Rundingan di meja menjadi konfrontasi yang kemudian menjadi pertandingan tuduh-menuduh. Apabila pemimpin tertinggi Barat dan Timur berjumpa di Iceland, awal-awal lagi pihak akhbar Barat berkata, bahawa perjumpaan itu tidak akan memberi hasil yang baik. Justeru itu, sikap pemimpin lebih mirip kepada permusuhan.

Apabila rundingan gagal maka berkatalah nujum-nujum akhbar, "Bukankah kami sudah berkata, perjumpaan itu tidak mungkin membawa hasil?". Maka mereka memuji diri sendiri kerana mereka anggap mereka begitu bijak. Dan negara-negara kecil pun mengeletar

kerana takut perang nuklear akan berlaku dan dunia ini musnah sama sekali.

Hakikatnya, kuasa tenaga besar tahu perang nuklear akan memusnahkan kedua-dua pihak, tetapi masing-masing ingin mempunyai bilangan senjata nuklear yang terbanyak. Maka mereka berbelanjalah sehingga bukan sahaja kedudukan kewangan negara mereka terjejas, tetapi kewangan dunia pun menjadi buruk. Yang betul-betul menderita ialah negara-negara membangun seperti Malaysia.

Walaupun umumnya negara-negara di seluruh dunia ternampak tidak sihat, tetapi tidaklah semua negara-negara ini menderita. Ada yang semakin maju dan kaya. Pada analisa yang terakhir, maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada bangsa itu sendiri. Negara-negara seperti Korea dan Taiwan memperolehi begitu banyak nikmat semasa dunia tidak sihat kerana sikap bangsa mereka.

Kita dapatti mereka ini sanggup bekerja keras supaya barang keluaran mereka dapat menandingi daripada segi mutu dan harga barang keluaran negara lain. Soal tidak ada bahan utama atau pasaran tempatan yang besar tidak menghalang mereka. Semua ini diatasi dengan tekunan, kerajinan dan disiplin yang dipupuk oleh kebudayaan mereka secara sedar atau tidak sedar.

Apa yang jelas daripada prestasi yang dicapai oleh negara-negara di dunia, di zaman kemelesetan ini, ialah maju mundurnya bangsa dan negara bergantung kepada sifat-sifat yang ada pada penduduk atau rakyat. Jika rakyat sanggup berusaha dengan penuh minat, maka berjayaalah negara dan bangsa itu. Jika sebaliknya, rakyat tidak sanggup berusaha, segala bantuan menjadi sia-sia sahaja.

### **Dasar-Dasar Negara**

Setelah memenangi Pilihanraya 1986, dengan mendapat mandat yang besar daripada rakyat, kerajaan telah menumpukan perhatiannya kepada strategi dan usaha untuk meneruskan pembangunan negara. Dengan tidak

ada lagi gangguan-gangguan daripada parti-parti lawan, adalah difikir, bahawa langkah yang diatur oleh kerajaan dapat dijalankan dengan licin dan lancar.

Dasar luar dan dasar dalam negeri telah diselenggarakan dengan tegas. Walaupun Malaysia adalah negara kecil, kita tegas dalam memperjuangkan sesuatu yang kita fikir adil. Kita telah mengambil bahagian cergas dalam perbahasan dan tegas dalam tindakan mengenai beberapa masalah penting di dunia.

Kita mengecam Soviet Russia kerana menakluki Afghanistan. Secara terbuka, kita menyokong Mujahidin Afghan dan kita memberi tempat dan bantuan kepada perwakilan mereka di Malaysia. Sikap kita ini didorong oleh perasaan persaudaraan Islam dan sifat kemanusiaan kita.

Di Asia Barat, kita terus menyokong PLO sebagai wakil tunggal orang-orang Palestin. Kita tidak mahu mengiktiraf kumpulan-kumpulan serpihan. Pendirian kita adalah konsisten.

Berkenaan dengan perang Iraq-Iran, kita bukan sahaja berkecuali tetapi berusaha untuk mendamaikan kedua-dua negara ini. Kita menganggap peperangan ini sebagai pembaziran yang hanya menguntungkan Israel dan penyokong-penyokong mereka.

Sikap kita terhadap regim Afrika Selatan dan *apartheid* adalah jelas. Kita mengutuk sekeras-kerasnya *apartheid* dan kita menyokong pemerintahan majoriti kulit hitam di Afrika Selatan.

Kita tidak bermusuhan dengan Amerika Syarikat atau negara-negara Eropah, bahkan kita tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa selain daripada Afrika Selatan dan Israel. Tetapi tidak bermusuhan tidak bermakna kalau sesiapa melakukan perbuatan yang kejam, yang tidak adil kita harus berdiam diri. Sebab itulah, kita kecam tindakan Amerika Syarikat dan United Kingdom terhadap Libya.

Memang benar, sebagai sebuah negara kecil pendirian kita tidak akan menggoncang dunia, tetapi negara dan bangsa yang bermaruah tidak boleh berdiam diri hanya sanya kerana perbuatan yang buruk dilakukan oleh kuasa

yang besar. Keadilan tidak bererti jika ada pilih kasih atau tidak. Demikian juga ketegasan tidak bermakna jika kita memilih-milih untuk bersikap tegas.

Dalam sejarah negeri-negeri Melayu, terdapat amalan menghantar bunga emas ke negara-negara yang lebih kuat daripada kita. Kita hormati adat tetapi bukan semua adat perlu dikekalkan. Amalan sujud kepada sesiapa sahaja kerana takut atau kerana wang, bukanlah adat yang harus kitakekalkan.

Maruah bangsa dan maruah negara perlu kita pertahankan. Jika tidak, kemerdekaan tidak bermakna. Apa dianya kemerdekaan jika kita meletakkan diri kita dibawah telunjuk orang-orang lain?

Kita tidak harus angkuh dan sompong. Kita harus berbaik-baik dengan orang lain. Kita harus sederhana dan toleran. Tetapi, semua ini diasaskan kepada *reciprocity*, atau timbal balas, iaitu jika kita menghormati mereka, pihak mereka pula hendaklah menghormati kita. Inilah asas dasar luar negeri kita. Kita bukan *client state* atau negara pelanggan kepada sesiapa.

Di dalam negeri, kita bersikap pragmatis dan terbuka. Malangnya, ramai pihak yang mengambil kesempatan menyalahgunakan sikap kita. Satu langkah yang diambil pada tahun 1981-82 ialah untuk tidak menghalang penerbitan akhbar, majalah dan buku-buku dalam negeri. Jika pada hari ini terdapat begitu banyak akhbar-akhbar dan buku-buku, termasuk buku-buku yang melempar fitnah dan tuduhan liar, sebabnya ialah kerana semenjak tahun 1981, kita bersikap lebih liberal.

Sikap liberal kerajaan diasaskan kepada kepercayaan, bahawa masyarakat Malaysia sudah dewasa dan matang dan kenal antara kaca dan permata. Namun demikian, jika kebebasan ini sering disalah guna, sikap liberal ini terpaksa ditamatkan.

Kerajaan juga tidak suka menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Orang-orang dalam tahanan yang tidak benar-benar mengancam keselamatan negara telah dibebaskan. Daripada hampir 600 orang dalam tahanan

sebelum kerajaan ini mengambil alih, kini hanya 30 orang *hard-core terrorists* sahaja yang masih ditahan. Namun demikian, jangan sesiapa memikir, bahawa kerajaan ini lemah. Jika ada sesiapa yang cuba menimbulkan huru-hara, tindakan tegas akan diambil.

### **Ekonomi Dan Kewangan**

Semenjak tiga tahun yang lepas, kita telah cuba memperbaiki kedudukan kewangan negara. Kita tidak lagi berhutang tanpa mengambil kira pembayaran balik yang mesti dipikul oleh negara kelak. Kita telah mengurangkan perbelanjaan kerajaan yang sering meningkat dahulu. Kita telah cuba mengurangkan beban bayaran gaji dengan cara memindah kepada swasta bahagian-bahagian khidmat kerajaan yang difikirkan tidak semestinya diuruskan oleh kerajaan.

Kemelesetan ekonomi dunia serta kejatuhan secara menyeluruh semua harga bahan mentah memerlukan perubahan strategi ekonomi kita. Di waktu ini, negara-negara yang mengeluarkan barang buatan seperti Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong mendapat lebihan dagangan yang amat tinggi. Kita bernasib baik kerana di waktu bahan mentah masih berharga tinggi, kita tidak lupa akan sektor pembuatan. Kita telah meningkatkan perkembangan industri asas (*basic industries*) dan lain-lain perusahaan pembuatan.

Justeru itu, di zaman kemelesetan harga bahan mentah ini, kita dapat menumpang industri pembuatan. Kita sudah menjadi negara utama di dunia dalam pengeluaran komponen elektronik dan alat pendingin. Industri tekstil dan pakaian juga mencapai kejayaan yang cemerlang.

Di antara industri berat, kilang kereta Proton mempunyai potensi yang tinggi. Semenjak ianya mula mengeluarkan kereta, kilang Proton menarik minat bukan sahaja mereka yang ingin mengimport Proton Saga ke negara-negara mereka, tetapi juga syarikat-syarikat motor antarabangsa yang bercadang menggunakan kilang Proton

untuk mengeluarkan komponen kereta mereka.

Kilang Proton juga membantu kilang-kilang komponen tempatan dan ramai peniaga dan pengusaha lain. Peniaga kecil dan penjaja juga mendapat nikmat daripada industri kereta ini.

Sepertimana termaklum, tumpuan tidak diberi kepada perniagaan dan perusahaan besar sahaja. Perusahaan-perusahaan kampung, peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjajah, semuanya mendapat bantuan dalam bentuk wang atau kemudahan seperti ruang atau tempat berniaga. Barang kerja tangan mendapat pasaran yang baik dan mutu barang ini dipertingkatkan. Di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur terdapat pusat pasaran kraftangan iaitu Karyaneka. Masalahnya sekarang, ialah untuk mendapat barang yang bermutu yang memenuhi permintaan yang kian meningkat.

Demikianlah usaha yang dibuat sehingga pelukis-pelukis yang dahulunya tidak mempunyai tempat untuk mempamerkan hasil karya mereka, sekarang ini sudah mendapat banyak tempat. Hatta para penyair pun boleh menarik pelanggan dengan mendeklamasikan sajak mereka di tempat-tempat yang dikhaskan untuk mereka.

Perniagaan dan perusahaan yang bukan tradisional telah diperkenalkan oleh agensi-agensi kerajaan dan disambut baik oleh bumiputera. Jambu, pisang emas, jagung, kelapa muda, *asparagus* dan beberapa buah-buahan tempatan laris dijual dan dieksport. Sate yang dahulu dapat dijual oleh orang yang pandai buat sate sahaja, sekarang dapat dijual oleh sesiapa sahaja melalui franchise. Pendek kata, jika ada kesanggupan, memang ada peluang berniaga atau berusaha.

Kemelesetan ekonomi membawa kesan yang buruk kepada hampir semua negara membangun. Memang ada sebuah negara jiran yang ekonominya mencatatkan pertumbuhan. Pertumbuhan ini, di antara lain, disebabkan mereka tidak ada masalah pembahagian kekayaan antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Jika kita tidak perlu mengawasi pertumbuhan

yang tertekan kerana kemelesetan ekonomi dijadikan sasaran tindakan bank-bank umpamanya. Institusi-institusi kewangan telah dinasihatkan supaya tidak terlalu keras menuntut bayaran atau mengambil tindakan undang-undang. Kerajaan tidak mahu melihat peniaga dan pengusaha bumiputera khususnya, tersekat apabila ekonomi pulih semula.

Pengurusan kerajaan tidak dilupakan dalam usaha memelihara ekonomi negara di zaman kemelesetan. Kerajaan percaya, ubat yang mustajab sekali di waktu kita tidak berada ini ialah mengurangkan belanja ke paras yang kita mampu sahaja dan meningkatkan lagi daya pengeluaran. Kita boleh meminjam lagi untuk berbelanja seperti di zaman mewah, tetapi ini bermakna menggadai-kian masa depan kita.

Tindakan penswastaan dan pengurangan kakitangan kerajaan adalah bertujuan mengurangkan beban kerajaan. Seberapa yang mungkin kita akan tentukan tidak ada sesiapa yang teraniaya kerana pendekatan ini.

Sebenarnya, kesan baik daripada tindakan-tindakan kerajaan sudah pun dirasai. Rizab kita sudah meningkat sekali ganda berbanding dengan keadaan tiga tahun dahulu. Perbelanjaan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kelima dapat ditingkatkan semula daripada 37 ribu juga kepada 48 ribu juta ringgit. Kita telah dapat menyelamatkan 2 ribu juta ringgit wang pampasan kerana projek-projek yang telah diikat janji tidak perlu dibatalkan.

Projek-projek kerajaan di zaman dahulu adalah projek sosial semata-mata. Jalan raya dibina tanpa banyak mengambil kira perolehan daripadanya. Demikian juga khidmat telefon, pelabuhan, pelajaran, perubatan dan lain-lain. Jika bayaran dikenakan, ini adalah sebagai mengambil syarat sahaja.

Kerajaan membiayai khidmat-khidmat ini melalui cukai daripada punca lain seperti pendapatan, cukai eksport dan import, cukai jalan dan cukai jualan. Di waktu kos pentadbiran rendah, kita dapat membiayai khidmat-

ekonomi untuk menentukan perbezaan antara kaum tidak menjadi lebih ketara, atau dengan perkataan lain, jika kita sanggup gugurkan sahaja DEB, pertumbuhan ekonomi negara kita juga akan meningkat dengan pesat. Tetapi DEB adalah pilihan kita. Kita tidak mahu berbangga dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi bumi-putera menjadi papa kedana. Dasar kerajaan sekarang masih lagi diasaskan kepada agihan kekayaan secara adil dan saksama antara kaum walaupun terjejas sedikit pertumbuhan ekonomi. Biarlah kita lambat asalkan selamat.

### **Penerapan Nilai-Nilai Islam**

Di antara dasar dan matlamat terpenting kerajaan ialah dasar penerapan nilai-nilai Islam. Tekanan utama kerajaan ialah terhadap nilai-nilai seperti persaudaraan, amanah, disiplin, kejujuran, keadilan, tuntutan kekayaan di dunia secara halal, toleransi dan lain-lain nilai murni.

Di antara nilai-nilai Islam ialah kita tidak menggunakan paksaan untuk menentukan orang lain turut kita. Islam lebih mengutamakan pujuk rayu daripada paksaan. Menggambarkan Islam sebagai agama yang tidak toleran, tidak bertimbang rasa dan kejam, adalah perbuatan yang mencemar nama baik Islam dan menyekat perkembangannya.

Selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam, kita telah berusaha untuk membersihkan pengurusan dalam semua bidang. Setelah ekonomi negara mengalami kemerosotan, maka terdedahlah beberapa amalan yang tidak sihat di kalangan para peniaga dan para pengurus. Tindakan telah diambil terhadap mereka yang menyamun duit orang lain yang diamanahkan kepada mereka. Malangnya, kita tidak dapat mengesan dan mendapat bukti secukupnya akan kecurangan pengarah-pengarah, pengurus-pengurus dan peniaga-peniaga ini. Tetapi, kita tidak putus asa. Akan kita tentukan penipu akan menerima balasan yang setimpal dengan jenayahnya.

Di samping itu, kerajaan tidak mahu melihat mereka

khidmat sosial dari cukai biasa. Tetapi sekarang kos sudah meningkat berpuluhan kali ganda. Oleh kerana itu, sebahagian daripada kos khidmat perlu dipindahkan kepada pihak swasta atau kerajaan memungut sedikit bayaran daripada khidmat tertentu.

Kerajaan tidak boleh dan tidak berhajat untuk mendapat balik semua kos yang terlibat. Jika diswastakan sekalipun, elemen subsidi terpaksa diadakan kerana pihak swasta juga tidak mungkin menampung semua kos dengan kutipan wang yang akan diperolehi. Sebab itulah, kita sanggup memajak seluruh sistem keretapi dengan bayaran satu ringgit sahaja.

### **Maruah Bangsa**

Maruah sesuatu bangsa tidak boleh dipertahankan semata-mata dengan meminta supaya orang lain tidak menghinakan bangsa itu. Apa yang perlu dibuat ialah membuktikan, bahawa bangsa berkenaan mempunyai sifat-sifat yang mulia dan berjaya.

Dalam bidang politik, orang-orang Melayu telah berjaya sehingga kini. Tetapi dalam bidang agama, sosial dan ekonomi, pencapaian kita belum begitu memuaskan.

Kita belum berjaya dalam bidang agama kerana jelas sekali kita tidak mengamalkan banyak daripada ajaran agama. Ada di antara kita tidak mahu bersaudara, kita sering membelakangkan amanah, kita tidak begitu toleran, kita tidak begitu memberi penghargaan kepada keadilan dan lain-lain lagi. Sebab itulah, kita menganjurkan penerapan nilai-nilai Islam.

Dalam bidang sosial, orang-orang Melayu sering memencilkan diri daripada orang lain. Justeru itu, kita tidak begitu berjaya mempengaruhi sesiapa. Kita lebih suka menggunakan kuasa untuk mendapat kerjasama daripada menggunakan kemesraan untuk tujuan yang sama. Untuk kejayaan dalam bidang politik, sosial dan ekonomi, pergaulan kita sesama sendiri dan dengan kaum-kaum lain adalah faktor yang penting.

Di dalam bidang ekonomi, kejayaan kita amat terhad.

Pencapaian sebanyak 18 peratus bagi kaum bumiputera dalam bidang ekonomi diperolehi kerana peranan agensi-agensi kerajaan. Sebilangan kecil orang-orang Melayu yang mencapai sedikit kejayaan bergantung semata-mata kepada perniagaan dengan kerajaan. Tanpa kerajaan, orang Melayu tidak dapat bersaing.

Ini bukanlah pencapaian yang dimaksud dan diharapkan oleh kita dalam perancangan DEB. Kita hendak orang-orang Melayu menyertai bidang ekonomi dengan kebolehan dan kekuatan mereka sendiri. Jika kerajaan membantu, ini adalah pada permulaan sahaja atau dalam membekalan kemudahan-kemudahan asas untuk menembusi bidang yang dimonopoli oleh kaum-kaum lain.

Menyedari hakikat ini, kita telah cuba mengenal pasti akan sebab-sebab kegagalan orang-orang Melayu dalam berbagai bidang. Kita dapati ada kelemahan yang ketara daripada segi sifat-sifat serta sikat-sikap orang-orang Melayu. Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini, kerajaan bercadang untuk mengadakan kursus-kursus secara menyeluruh untuk mendedah dan memperkenalkan kepada orang-orang Melayu, khususnya akan sifat-sifat dan sikap-sikap yang menjadi penghalang kepada kejayaan mereka dan bagaimana mereka boleh mengatasi halangan-halangan ini.

Kem-kem latihan untuk maksud ini, serta juga pelatih-pelatih, sudah disediakan. Demikian juga kurikulum dan bentuk kursus. Dalam peringkat pertama, pemimpin-pemimpin politik di peringkat tertinggi sekali dan pengawal tertinggi kerajaan persekutuan dan negeri telah pun mengikuti kursus ini.

Tekanan dalam kursus ini ialah mengkritik diri sendiri dan bukan mengkritik orang lain. Setelah mengenali kelemahan diri sendiri, maka baharulah seseorang itu akan dapat membetulkan dirinya. Amalan mengkritik orang lain tidak digalakkan kerana orang lain tidak akan membetulkan diri mereka kerana teguran daripada kita.

Setakat ini, hasil kursus ini adalah memuaskan. Adalah diharapkan melalui kursus-kursus ini, kita akan

dapat melahirkan orang-orang Melayu yang lebih cekal, lebih bertanggungjawab dan lebih berdedikasi dalam segala usaha mereka. Jika maksud kursus ini dicapai, orang-orang Melayu khususnya, tidak akan lagi bergantung semata-mata kepada kerajaan dan kuasa politik untuk menentukan kejayaan mereka. Mereka akan berjaya kerana kebolehan mereka sendiri. Dengan ini, masa depan mereka akan lebih terjamin.

UMNO adalah harapan orang-orang Melayu. Segalanya yang kita nikmati hari ini adalah hasil perjuangan UMNO. Kita telah menangkis *Malayan Union*, kita telah mencapai kemerdekaan, kita telah mengisikan kemerdekaan ini dengan pembangunan, kita telah meningkatkan ekonomi dan pelajaran orang-orang Melayu dengan menggunakan kekuatan yang kita dapati daripada UMNO.

Jika UMNO berjaya menghasilkan semua ini, sebabnya bukanlah semata-mata kerana UMNO merupakan sebuah pertubuhan yang bersemangat kebangsaan. Semangat kebangsaan penting dalam memperjuangkan kemerdekaan, dan semua parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan memang mempunyai semangat kebangsaan. Bahkan banyak parti-parti yg politik yang lebih kuat semangat mereka daripada UMNO.

Tetapi setelah merdeka, banyak parti-parti politik kebangsaan di lain-lain negara tidak dapat memerintah dengan sempurna dan membawa kebahagiaan kepada bangsa mereka. Bermacam-macam masalah dan penyakit menyerang parti-parti ini. Akibatnya, negara yang mereka bebaskan daripada penjajah menjadi lemah dan mundur dan rakyat menderita lebih daripada di zaman penjajah. Banyak daripada parti-parti ini bertukar corak dan mengenepikan demokrasi. Banyak yang berpecah dan hilang begitu sahaja.

Sebaliknya, UMNO mempunyai falsafah yang membolehkannya membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Kerana UMNO tidak terlalu ekstrem, UMNO dapat membentuk satu rangka kerjasama

dengan lain-lain kaum dan parti-parti politik di Malaysia. UMNO mengutamakan keamanan dan tidak suka kepada keterlaluan. UMNO menghormati dan memegang kuat kepada konsep dan amalan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Hasilnya ialah Sabah dan Sarawak dapat menyertai Semenanjung dan tertubuhlah Malaysia. Penduduk berbagai kaum dan suku kaum dapat hidup aman dan dapat bekerjasama dengan tidak merusuh seperti berlaku di negara-negara lain.

Hasilnya ialah pembangunan desa dan pembangunan bandar yang pesat. Hasilnya ialah pelaburan yang banyak yang dapat menampung dan memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian besar daripada belia-belia yang membanjiri pasaran kerja daripada sekolah-sekolah dan universiti-universiti.

Memang benar kita menghadapi bermacam-macam masalah dan dugaan. Parti-parti lawan tumbuh dengan subur dalam sistem demokrasi tajaan UMNO. Pada satu ketika, negara-negara jiran berkonfrontasi dengan kita. PAP, semasa Singapura berada dalam Malaysia, telah mengugut ketenteraman dengan slogan '*Malaysian Malaysia*' mereka. Pakistan memutuskan hubungan diplomatik dengan kita kerana sokongan kita kepada India. Kita dianggap sebagai neo-kolonialisme kerana dasar kita menyokong kuasa-kuasa barat ketika itu.

Di dalam negeri pula, Kelantan mengugut menarik diri daripada Persekutuan. Sarawak di bawah seorang pemimpin tertentu menolak kuasa pusat dan Sabah bergelora apabila sebilangan daripada penduduk Sabah mengugut untuk keluar daripada Malaysia kerana Singapura sudah disingkir daripada Malaysia.

Pengganas komunis terus mengganas selepas merdeka. Ketua Polis Negara dibunuhi di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur dan Tugu Peringatan dibom. Ketua Polis di Perak ditembak mati. Ramai anggota keselamatan terbunuh atau cedera.

Tentera Merah Jepun menawan Bangunan Amerika

International Assurance. Rusuhan kaum berlaku pada tahun 1969 dan beberapa kawasan di Kuala Lumpur dibakar.

Memang terdapat tragedi dan peristiwa buruk dalam sejarah Malaysia yang merdeka. Tetapi, negara yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin UMNO, negara yang kerajaan mempunyai UMNO sebagai teras kerajaan campuran telah berjaya mengatasi semua masalah ini. Semua peristiwa buruk menjadi peristiwa sementara, berkat kecekapan UMNO yang menerajui kerajaan.

Selagi UMNO kukuh dan kuat, keupayaan UMNO mengatasi masalah tidak boleh dipertikaikan. Falsafah UMNO amat sesuai untuk memerintah sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia. UMNOlah yang memberi kestabilan kepada negara Malaysia ini.

Allahyarham Tun Dr. Ismail telah berkata, bahawa apabila generasi selepas merdeka dewasa, mereka akan menimbulkan masalah. Mereka ini tidak tahu pahit maung perjuangan untuk kemerdekaan. Mereka ini akan menganggap kemerdekaan dan segala nikmat daripadanya sebagai perkara biasa. Mereka ini juga akan mempunyai *expectation* yang tinggi.

Memang benar apa yang diperkatakan oleh pemimpin terkemuka UMNO ini. Tetapi Allahyarham Tun Dr. Ismail tidak menduga semua masalah yang akan menyerang UMNO. Oleh kerana generasi muda perlu diberi tempat dalam UMNO, maka terkecualah beberapa ahli yang lebih awal menyertai UMNO.

Masalah pemimpin-pemimpin UMNO ialah sementara minat untuk memeluk gunung ada, tetapi apakan daya tangan tak sampai. Seperti selimut yang pendek, menutup dada mendedahkan peha, menutup peha mendedahkan dada. Telan mati emak, luah mati bapa. Masalah ini akan menyerang sesiapa juga yang memimpin UMNO.

Falsafah perjuangan UMNO tidak ada tolok bandingnya. Ia tidak boleh dipertikaikan. Ia amat sesuai bagi negara berbilang kaum ini di mana kaum bumiputera, khususnya orang-orang Melayu, begitu memerlukan

perlindungan dan bantuan.

Tetapi setelah ada di antara kita yang memilih untuk membelakangkan tradisi, dan setelah beberapa orang ahli mendahuluikan cita-cita mereka daripada cita-cita bangsa, falsafah UMNO tergugat dan tidak lagi dapat menjamin kejayaan UMNO.

Nasib sesuatu bangsa ditentukan oleh bangsa itu sendiri. Allah s.w.t. tidak menghamparkan bangsa yang berikhtiar dan berusaha. Tuhan juga tidak akan menolong mengubah nasib sesuatu bangsa jika bangsa itu tidak berusaha untuk mengubah nasib mereka sendiri.

UMNO, sebagai kumpulan yang terpenting dalam masyarakat Melayu, tidak boleh mengecualikan diri daripada terlibat dengan perubahan dan nasib bangsa Melayu. Dan sebenarnya penubuhan UMNO dan perlembagaannya mengiktirafkan dan mengakui tanggungjawab UMNO dalam menentukan nasib bangsa Melayu, agama Islam dan negara.

Sejarah menyaksikan peranan UMNO, ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpinnya. Sejarah akan memuji atau mengutuk orang Melayu mengikut kejayaan atau kegagalan mereka. Kita tahu, sejarah memberi nilai yang tinggi terhadap pencapaian UMNO sehingga hari ini. Terpulanglah kepada kita semua untuk menentukan hukuman sejarah terhadap apa yang akan terjadi dari hari ini sehingga kepada dekad-dekad yang akan datang.

Ingatlah, tidak ada seorang pun daripada kita, termasuk saya sendiri, yang penting. Tidak ada seorang ahli UMNO atau pemimpin-pemimpin UMNO yang penting walau apa pun jawatan mereka. Yang penting ialah pertubuhan ini, UMNO, sebagai sebuah badan untuk mengubah nasib orang-orang Melayu. Tanpa UMNO, tidak ada satu pun yang boleh dibuat oleh sesiapa daripada kita, walau bagaimana bijak dan pintar orang itu.

Oleh itu, haruslah kita berfikir dengan sedalam-dalamnya tentang peranan kita dalam perhimpunan ini. Janganlah sejarah, janganlah generasi yang akan datang, janganlah anak cucu kita mengutuk kita kerana kita

membenarkan nafsu menguasai kita dan kita kecewakan harapan mereka.

---

*Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-38 Di Dewan Merdeka, Pusat Perdagangan Dunia Putra, Kompleks UMNO, Kuala Lumpur, Pada Hari Jumaat, 24 April 1987, Pukul 8.30 Pagi.*

---

# 11

## UMNO TETAP UMNO

**SEBENARNYA** UMNO yang bersidang pada hari ini, dari-pada segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, dari-pada segi perlembagaannya, daripada segi keahliannya adalah UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946, di Istana Besar, Johor Bahru. UMNO ini ialah UMNO, parti yang mewakili orang-orang Melayu semenjak tahun 1946, yang berjuang melawan *Malayan Union* yang berjuang mencapai kemerdekaan, yang berjuang untuk mengisi kemerdekaan itu dengan semua keperluan dan hak satu bangsa yang merdeka, yang berjuang untuk meletakkan orang-orang Melayu, khususnya sebagai bumiputera yang mempunyai tempat tertentu dalam negara Malaya dan kemudiannya Malaysia. UMNOlah yang menjadi tulang belakang perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional. Hukuman, bahawa UMNO tidak sah adalah perkara teknikal. Pembatalan pendaftaran UMNO juga adalah teknikal. Dan pendaftarannya semula menjadi perkara teknikal juga. UMNO sebagai instrumen perjuangan orang-orang Melayu, tidak pernah tidak wujud.

UMNO sebagai sebuah badan yang hidup, telah melalui evolusi mengikut perkembangan dalam negara dan peredaran zaman. Pada peringkat awal penubuhannya, UMNO hanya menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan memupuk perpaduan orang-orang Melayu dalam usaha menentang *Malayan Union*. Di waktu itu, UMNO

dipimpin oleh Allahyarham Dato' Onn Jaafar dan telah berjaya dalam usaha ini.

Kemudian, Dato' Onn bercadang menjadikan UMNO, parti orang-orang Melayu, sebagai parti semua kaum. Ini telah menyimpang daripada asas dan semangat UMNO. Cadangan Dato' Onn bercanggah dengan selera politik orang-orang Melayu. Oleh itu, UMNO telah menolak kepimpinan Dato' Onn dan orang-orang yang sependapat dengannya.

Selepas itu, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dijemput oleh Allahyarham Tun Razak dan rakan-rakan yang setia kepada perjuangan UMNO untuk memimpin UMNO. Tunku bukan sahaja telah meningkatkan perjuangan UMNO kepada pencapaian kemerdekaan tetapi juga perlumbagaan UMNO telah dipinda supaya kuasa Presiden diperkuuhkan untuk menjayakan perjuangan parti.

Kali pertama pindaan dibuat ialah untuk mengubah komposisi Majlis Kerja Tertinggi UMNO supaya Setiausaha, Bendahari dan lima orang ahli MKT dilantik oleh Presiden bagi menentukan pentadbiran UMNO Pusat dikuasai oleh Presiden dan mudah bagi Presiden mendapat sokongan majoriti dalam MKT.

Kali yang kedua, perlumbagaan UMNO dipinda ialah untuk menguatkan lagi kuasa UMNO Pusat. Pada ketika itu, setiap negeri mempunyai UMNO Negeri yang menguasai semua bahagian UMNO di negeri berkenaan. Pindaan yang dibuat menghapuskan UMNO Negeri. Ini digantikan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri tanpa sebarang kuasa eksekutif. Bahagian-bahagian UMNO berhubung terus dan dikuasai terus oleh UMNO Pusat. Badan Perhubungan Negeri hanya menyelaraskan kegiatan bahagian-bahagian sahaja. Perwakilan ke Perhimpunan Aguan tidak lagi terdiri daripada wakil negeri-negeri tetapi wakil bahagian-bahagian.

Dari masa Dato' Onn sehingga sekarang, berbagai-bagi pindaan telah dibuat berkali-kali kepada perlumbagaan UMNO. Tetapi pindaan-pindaan ini tidak mengubah

asas, semangat, cita-cita dan perjuangan UMNO. UMNO tetap UMNO, parti yang ulung yang mewakili semangat, cita-cita dan perjuangan orang-orang Melayu. Sepertimana peninggalan Dato' Onn dan penyokong-penyokongnya tidak menjelaskan kekuatan dan perjuangan UMNO untuk orang-orang Melayu, begitu juga penyingkiran beberapa tokoh UMNO oleh Presiden Parti dan lain-lain pemimpin, tidak menjelaskan UMNO. Di antara tokoh-tokoh UMNO yang dipecat ialah Encik Aziz Ishak, seorang menteri kabinet ketika itu (kerana ingin membuat kilang kertas dan kilang baja), Allahyarhamah Khatijah Sidek (Ketua kaum Ibu), dan beberapa tokoh terkemuka yang lain.

Saya juga dipecat daripada menjadi ahli MT dan UMNO bukan kerana tidak menyokong UMNO tetapi kerana mengkritik kepimpinan kerajaan semasa itu.

Jelas dilihat, bahawa pindaan-pindaan kepada perlembagaan UMNO dibuat oleh Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa untuk memenuhi perjuangan UMNO. Tetapi, tiada siapa yang berkata, UMNO selepas pindaan perlembagaan atau pemecatan ahli, tidak menjadi UMNO lagi. Ahli-ahli UMNO, orang-orang Melayu, parti-parti kawan dan lawan dan rakyat keseluruhannya, telah mengakui dan menerima UMNO, sebelum dan selepas apa-apa perubahan atau tindakan yang diambil oleh UMNO sendiri.

### **UMNO Dicemar Di Mahkamah**

Mengheret UMNO ke mahkamah dan mencemarkan parti kita ialah satu perkara yang dahulunya tidak pernah terlintas di hati sanubari ahli-ahli UMNO. Keputusan mahkamah yang menyatakan, bahawa UMNO tidak sah adalah perkara yang terasing daripada UMNO. Ia bukanlah pilihan UMNO. Ia bukanlah hajat UMNO walaupun ia mungkin menjadi niat segelintir ahli-ahli UMNO yang mempunyai kepentingan peribadi. UMNO sememangnya mempunyai cawangan-cawangan yang tidak sah daripada segi undang-undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Tetapi, ini tidak menimbulkan masalah kerana ahli-ahli UMNO setia kepada parti dan perjuangannya.

Mereka menyelesaikan masalah pencabulan perlembagaan parti melalui jentera parti, khususnya Biro Disiplin dan Majlis Tertinggi. Walau apa pun perselisihan faham, mereka tidak bertindak di luar UMNO kerana ini akan memburukkan UMNO.

Apabila parti UMNO diseludupi oleh orang-orang yang berkepentingan diri, yang tidak setia kepada parti, yang tidak bersemangat Melayu, maka berlakulah kegiatan mengheret UMNO ke mahkamah. Mereka membelakangkan parti kerana bagi mereka, yang utama ialah kepentingan politik diri mereka. Walaupun parti akan menjadi porak-peranda, menjadi lemah, bahkan diharamkan oleh mahkamah, ini tidak menjadi hal bagi kumpulan ini. Bagi mereka, yang penting ialah mereka berpeluang merebut kepimpinan parti.

Sebab itulah, usaha Majlis Tertinggi dengan melantik sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada lima orang ahli Majlis Tertinggi untuk menyelesaikan masalah ahli-ahli UMNO secara rundingan dan di luar mahkamah, telah tidak berjaya. Amaran telah diberi oleh Jawatankuasa Majlis Tertinggi ini kepada mereka yang membawa UMNO ke mahkamah, bahawa tindakan mereka membawa UMNO ke mahkamah akan menyebabkan seluruh pertubuhan UMNO diharamkan. Amaran ini tidak dihiraukan oleh mereka. Yang penting bagi mereka ialah memaksa supaya diadakan pemilihan Majlis Tertinggi sekali lagi. Hakikat bahawa pemilihan pada 24 April 1987, telah pun menjaskan perpaduan UMNO, tidak dipedulikan. Pemilihan sekali lagi hanya akan menyebabkan pertandingan yang lebih sengit dan memburukkan lagi perpaduan dalam UMNO. Hakikat ini juga tidak mempengaruhi mereka supaya tidak meneruskan kes mereka untuk diputuskan oleh mahkamah. Mereka tidak sabar untuk merebut kepimpinan UMNO. Mereka tidak sanggup menunggu hanya dua tahun lagi, iaitu pada tahun 1990, untuk bertanding dalam pemilihan jawatan-jawatan Majlis Tertinggi. Pada waktu itu, mereka boleh cuba merebut kepimpinan UMNO sekali lagi.

Akhirnya, mahkamah menghukum seluruh UMNO tidak sah. Mereka dengan mudah menerima keputusan mahkamah ini dan tidak membuat rayuan kepada Mahkamah Agung supaya dibatalkan keputusan ini. Sebaliknya, dengan pantas mereka cuba menubuhkan 'UMNO Malaysia' untuk menggantikan UMNO yang telah diharamkan. Pada ketika itu, tidak adupun sebutan 'Semangat 46'.

Oleh kerana pengharaman UMNO adalah disebabkan perkara teknikal dan bukan kerana kehendak UMNO, maka pemulihannya hendaklah dibuat oleh UMNO sendiri melalui pemimpin-pemimpin UMNO, iaitu Majlis Tertinggi UMNO yang wujud di waktu UMNO diharamkan oleh mahkamah. Hanya Majlis Tertinggi ini yang dapat menjamin penerusan perjuangan cita-cita dan semangat UMNO. Tidaklah munasabah orang-orang lain mengambil tindakan kecuali pemimpin-pemimpin UMNO sendiri tidak mengambil tindakan memulihkan parti.

Tetapi, puak yang telah menyebabkan UMNO diadu di mahkamah sehingga UMNO diharamkan, membelakangkan Majlis Tertinggi UMNO. Mereka mencari orang yang bukan anggota Majlis Tertinggi untuk mengetuai 'UMNO Malaysia', tajaan mereka. Orang-orang yang mereka anggap tidak secocok dengan mereka, termasuk semua yang dipilih oleh Perhimpunan Agung untuk memegang jawatan tertentu dalam Majlis Tertinggi, di ketepikan. Perkara ini samalah seperti merampas UMNO atau dalam bahasa Inggeris '*hijack*' UMNO.

Malang bagi mereka, 'UMNO Malaysia' yang mereka anjurkan itu tidak dapat didaftarkan kerana Pejabat Pendaftaran Pertubuhan masih belum membatalkan nama UMNO yang asal. Untuk membatalkan nama UMNO, Pendaftar Pertubuhan dikehendaki memberi notis tunjuk sebab atau '*show cause*' kepada Setiausaha Agung UMNO mengapa pendaftaran UMNO tidak boleh dibatalkan. Demikian juga 'UMNO 88' yang ditaja oleh Majlis Tertinggi UMNO tidak boleh didaftarkan.

Apabila Setiausaha Agung UMNO menerima surat '*show cause*', di samping tidak membantah kerana kepu-

tusan mahkamah tidak boleh diketepikan oleh Pendaftar Pertubuhan, Setiausaha Agung dan lain-lain ahli Majlis Tertinggi telah membuat permohonan sejurus selepas UMNO asal dimansuhkan secara rasmi, untuk mendaftar semula UMNO yang diberi nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO atau *United Malays National Organisation*. Inilah permohonan yang pertama dan terawal untuk mendaftar sebuah parti dengan nama UMNO yang diterima oleh Pendaftar Pertubuhan selepas ia membatalkan pendaftaran UMNO yang asal mengikut peraturan dan kehendak undang-undang. Oleh itu, wajarlah ia didaftarkan dan selepas itu tidak ada lagi parti lain yang boleh didaftarkan dengan nama yang sama.

Penggunaan perkataan (Baru) di hujung perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu adalah hanya untuk menentukan urusan rasmi parti yang baru didaftar ini tidak dikelirukan dengan UMNO asal yang masih mempunyai harta dan surat-menyurat yang perlu diambil alih oleh Pemegang Amanah Raya. Sebenarnya, pertubuhan yang menggantikannya boleh menggunakan nama asal tanpa ditokok tambah perkataan lain. Tetapi, perbuatan ini akan menyusahkan Pendaftaran Pertubuhan dan Pemegang Amanah Raya sewaktu mereka menguruskan harta dan urusan UMNO asal. Selain daripada keperluan ini, pertubuhan yang didaftar pada 13 Februari 1988, adalah UMNO yang asal yang menyambung segala dasar, semangat, keahlian dan perjuangan yang ditentukan pada tahun 1946. Pembatalan UMNO oleh mahkamah dan Pendaftar Pertubuhan adalah perkara teknikal menurut kehendak undang-undang semata-mata. Walaupun daripada segi undang-undang UMNO tidak wujud buat beberapa hari, namun daripada segi perjuangan dan semangat, UMNO tetap wujud.

Sebab itulah, kerajaan yang didukung oleh UMNO tidak pun terjejas dan ahli-ahli dewan-dewan perundangan terus menjadi ahli dan anggota kerajaan Barisan Nasional.

Penting diingatkan, pembatalan pendaftaran UMNO bukanlah kerana wujudnya cawangan-cawangan yang tidak

berdaftar, tetapi kerana ianya dibawa ke mahkamah. Pada tahun 1984, setelah Perhimpunan Agung UMNO diadakan, ada ahli UMNO yang membawa UMNO ke mahkamah. Tetapi, mereka tidak meneruskan tindakan mereka sehingga UMNO diharamkan.

Setelah kejadian itu, ibu pejabat UMNO telah menyemak semua fail cawangan UMNO dan mendapat ada 5,000 cawangan yang tidak berdaftar. Setelah semua cawangan didaftarkan semula, Setiausaha Agung telah mengarah supaya diadakan mesyuarat penubuhan.

Sebahagian daripada 5,000 cawangan yang didapati tidak berdaftar pada tahun 1984, telah tidak terdaftar semenjak 1966, kerana tidak ada ahli yang membawa UMNO ke mahkamah. Bukanlah ada atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menjadikan UMNO tidak sah, tetapi ada atau tidaknya orang-orang yang tidak sayangkan UMNO dan sanggup membawa UMNO ke mahkamah.

Dengan terdaftarnya semula UMNO, maka halangan undang-undang telah diatasi dan UMNO terus bergerak seperti sediakala. Tidak wujud badan lain yang berhak menggunakan mana-mana perkataan yang terkandung dalam nama asal UMNO atau nama yang ada sekarang atau nama yang boleh dikelirukan dengan parti kita.

UMNO wujud pada hakikatnya dan tidak ada sesiapa yang boleh membuat fitnah, berpura-pura atau secara rasmi mendakwa UMNO tidak ada dan perlu dihidupkan semula. UMNO tidak mati.

UMNO bukan makhluk yang boleh hidup dan mati seperti makhluk lain. UMNO adalah pertubuhan yang ditubuhkan mengikut undang-undang. Hanya pendaftarannya sahaja tergugat buat sementara. Segala usaha untuk menghapuskan UMNO gagal.

### **Serpihan UMNO Memecahbelahkan Perpaduan Melayu**

Sikap pihak yang kononnya ingin menghidupkan semula UMNO jelas menunjukkan, bahawa mereka tidak

faham bahawa pendaftaran UMNO sahaja yang dibatalkan. Undang-undang begitu jelas, bahawa yang telah dibatalkan tidak boleh disahkan semula. Ia perlu didaftarkan semula mengikut kehendak undang-undang. Ini telah pun dibuat apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO (*United Malays National Organisation*) didaftarkan.

Oleh kerana mereka gagal meyakinkan majoriti ahli UMNO, bahawa tindakan-tindakan mereka adalah untuk UMNO dan orang-orang Melayu, atau untuk menyatupadukan tenaga politik orang-orang Melayu sebab sebenarnya tindakan mereka adalah untuk kepentingan diri mereka, sekarang mereka tidak segan-segan lagi mempamerkan tindakan mereka yang memecahbelah itu. Kalau dahulu, mereka cuma bergerak di kalangan orang-orang Melayu untuk memburukkan kepimpinan UMNO supaya mereka boleh menggantikan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang, sekarang secara terbuka mereka berpaling tadah menjadi pembangkang kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO. Meraka sudah menyeberang ke sebelah pihak pembangkang dalam Dewan Rakyat dan satu dua Dewan Undangan Negeri. Mungkin mereka akan mengundi bersama parti pembangkang setiap kali ada pengundian dalam dewan-dewan ini. Dalam hal yang demikian, jika ada pilihanraya, undi UMNO akan berpecah. Malahan, di kawasan-kawasan tertentu UMNO, akan kalah dan mereka pun akan kalah. Hanya parti lawan yang akan menang. Justeru itu, DAP dan PAS mempunyai harapan yang baik kerana tindakan kumpulan serpihan.

Parti DAP tidak pernah bersimpati dengan imbangan kaum yang menjadi cita-cita orang-orang Melayu dan Dasar Ekonomi Baru Mereka, sepanjang masa mengecam rancangan kerajaan dan UMNO, khususnya. Mereka mempunyai dan mempraktikkan perkauman yang tebal. Pemimpin-pemimpin mereka menghina orang-orang Melayu dan UMNO, dan membuat tuduhan-tuduhan melulu terhadap UMNO dan kerajaan Barisan Nasional. Mereka juga mengecam konsep kerjasama antara kaum seperti yang di-

anjurkan oleh Perikatan dan Barisan Nasional. Pendeknya, mereka adalah musuh ketat kepimpinan Melayu dan UMNO. Mereka mendukung konsep '*Malaysian Malaysia*' yang akan membelakangkan orang-orang Melayu. Dengan konsep ini, mereka akan menguasai segala-galanya: pelajaran, perniagaan, politik, sosial dan lain-lain. Dan orang-orang Melayu akan diketepi dan ditekan seperti dijajah dahulu.

Sekarang, kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, DAP nampak peluang mereka untuk mencapai *dominance*, sudah muncul. Dengan itu, mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, kerajaan Barisan Nasional dan kedudukan orang-orang Melayu.

Kumpulan serpihan UMNO ini adalah kumpulan minoriti. Jika mereka percaya kepada demokrasi, sepatutnya mereka patuh kepada keputusan majoriti, kumpulan majoriti tidak menolak mereka tetapi sifat semula jadi berkehendakkan yang kecil beralih kepada majoriti dan bukan yang majoriti mengikut yang kecil, jika penyatuan hendak dicapai.

Adalah tidak demokratik dan ganjil bagi kumpulan minoriti cuba memaksa kumpulan majoriti menerima kepimpinan mereka. Tetapi, oleh kerana mereka gagal memaksa majoriti, mereka sanggup mengasingkan diri daripada majoriti dan memecahbelahkan perpaduan Melayu. Jika terjejas kedudukan dan kekuasaan Melayu, sebabnya ialah kumpulan minoriti ini berdegil tidak mahu mengikut majoriti. Demikianlah degilnya mereka sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO.

Kata kumpulan serpihan ini, sebabnya mereka tidak menyokong kepimpinan UMNO sekarang ialah kerana, apabila mereka kalah dalam pemilihan, mereka digugurkan daripada kabinet. Apakah ini begitu ganjil? Apabila Allahyarham-Allahyarham Dato' Onn, Dato' Panglima

Bukit Gantang, Dato' Zainal Abidin, Dato' Nik Kamil dan lain-lain pengasas UMNO ditolak oleh majoriti UMNO, mereka tidak diterima sebagai anggota kabinet apabila Malaya merdeka. Sungguhpun Dato' Nik Kamil, Dato' Panglima Bukit Gantang dan beberapa pemimpin asal UMNO tidak lagi berada dipucuk pimpinan UMNO, mereka terus bekerja keras untuk mencapai kemerdekaan. Apabila Allahyarham Dato' Nik Kamil dan Allahyarham Dato' C.M. Yusuf merujuk balik kepada UMNO, mereka hanya dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Encik Aziz Ishak dan beberapa tokoh lain juga telah disingkirkan. Tun Hussein Onn menjadi anggota kabinet hanya apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Dari masa Tun Razak pun, beberapa tokoh yang tidak secocok dengannya dikeluarkan daripada kabinet. Dan di masa Tun Hussein, Dato Harun hilang jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor. Janganlah sesiapa berpura-pura, kononnya tidak pernah ada penyingkiran dalam UMNO bagi sesiapa yang menghalang kepimpinan majoriti. Sayugia diingatkan, bahawa penyingkiran daripada kerajaan yang dibuat tahun lalu ialah kerana mereka tidak memegang kepada ikrar sumpah mereka dan kerana mereka membocorkan rahsia kerajaan.

Dalam usaha untuk merebut kepimpinan UMNO, kecaman dibuat hanya kepada seorang pemimpin sahaja. Oleh kerana orang ini memegang jawatan yang tertinggi sekali, kumpulan serpihan ini percaya, jika ianya digulingkan, dan tempatnya diisikan oleh peminat utama jawatan itu, maka tokoh yang mengambil alih jawatan itu boleh menggantikan semua pemimpin lain dengan orang-orangnya. Orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia bukanlah begitu jahil sehingga tidak faham muslihat ini. Mereka juga tidak percaya, bahawa jika kumpulan serpihan ini berjaya, tidak ada menteri atau timbalan menteri yang akan disingkirkan.

### **Demokrasi – Asas UMNO Dan Kerajaan**

Sekarang ini, tuduhan yang dibuat terhadap kerajaan

ialah ianya tidak demokratik. Tuduhan ini, malangnya dibuat juga oleh Tunku. Kita tidak mahu menyentuh tentang pentadbiran dan tindakan-tindakan Tunku. Kita menghormati beliau sebagai seorang tokoh negara. Tetapi, malangnya, Tunku sendiri telah dikeliru dan diseretkan ke dalam permainan politik pihak-pihak tertentu untuk memenuhi kemahuan mereka. Sebenarnya, yang tidak demokratik ialah kerajaan Malaysia yang pertama. Umum mengetahui UMNO, perikatan dan kabinet tidak dirunding sama sekali apabila pengumuman dibuat mengenai penubuhan Malaysia di satu majlis di Singapura. Perkara yang sebegini besar sepatutnya diberi peluang kepada semua pihak menyuarakan pendapat mereka jika demokrasi wujud pada ketika itu. Demikianlah juga dengan pemisahan Singapura daripada Malaysia. Dari London, keputusan muktamad dibuat untuk memisahkan Singapura daripada Malaysia. Tun Razak cuma diberitahu tentang keputusan ini. Allahyarham Syed Jaafar Albar, yang kemudian menentang tindakan itu, digugurkan daripada jawatan Setiausaha Agung UMNO.

Sebelum kerajaan yang ada sekarang, kebenaran untuk mengeluarkan suratkhabar atau majalah sukar diperolehi. Kerana mengkritik UMNO, akhbar Mingguan Warta yang diterbitkan di Singapura telah dikeluarkan dari Stesyen Keretapi Johor Bahru dan kemudian dibakar atas arahan Presiden UMNO. Akhbar Utusan Melayu pula diambil alih oleh UMNO. Akhbar *Straits Times* juga dibeli oleh UMNO. Dengan ini, tidak ada akhbar yang mengkritik kerajaan pada masa itu. Apabila akhbar *China Press* mengkritik kerajaan, lesennya ditarik balik.

Sebaliknya, semenjak tahun 1981, permit KDN dikeluarkan dengan mudah untuk siapa sahaja, termasuklah mereka yang menentang kerajaan. Jika disemak, banyak akhbar dan majalah dicetak selepas tahun 1981. Banyak daripada akhbar dan majalah yang mendapat KDN menentang kerajaan. Hanya jika mereka cuba melaga-lagakan kaum-kaum, barulah KDN mereka ditarik balik seperti yang dibuat pada bulan Oktober tahun 1987.

Berkenaan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA pula, lebih daripada dua ribu orang berada dalam tahanan semasa pemerintahan tiga Perdana Menteri dahulu. Bukan sahaja komunis yang dimasukkan ke dalam tahanan, tetapi juga anggota-anggota parti PAS, Parti Buruh, dan Parti DAP ditahan di bawah ISA. Encik Lim Kit Siang dimasukkan ke dalam tahanan pada tahun 1969. Encik Aziz Ishak dimasukkan ke dalam tahanan. Saudagar Anwar Ibrahim juga dimasukkan ke dalam tahanan. Apakah benar dakwaan, bahawa hanya komunis sahaja yang dimasukkan ke dalam tahanan dahulu?

Pada penghujung tahun 1968 dan awal tahun 1969, Parti Buruh telah mengadakan perletakan jawatan wakil rakyat mereka seorang demi seorang untuk mengganggu kerajaan. Apakah tidak ada tindakan yang diambil terhadap mereka? Kepimpinan pada masa itu telah mengutuk tindakan tersebut. Kemudian perlombagaan telah dipinda, di mana sekiranya berlaku kekosongan kerusi di Dewan Rakyat dalam tempoh masa enam bulan sebelum tamat hayat biasa parlimen, kekosongan itu tidak akan dipenuhi. Mengenai Majlis-Majlis Bandaran pula, pemilihan anggota-anggota Majlis-Majlis tersebut digantung dan ahli-ahli Majlis dilantik oleh kerajaan apabila didapati parti lawan selalu menguasai Majlis Bandaran dan mempolitikkan pentadbiran bandar-bandar.

Apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini. Bahkan ada tindakan-tindakan kerajaan Perdana Menteri-Perdana Menteri dahulu yang lebih tidak demokratik. Apabila ada tindakan oleh kerajaan untuk mengawal keamanan, hanya parti-parti lawan dan akhbar-akhbar asing sahaja yang membuat tuduhan kerajaan tidak demokratik. Ahli-ahli UMNO, perikatan dan Barisan Nasional, mengalu-alukan tindakan kerajaan. Jika disemak catatan perbahasan dalam Dewan Rakyat dan akhbar-akhbar pada masa itu, apa yang diperkatakan ini akan didapati benar.

Jika hari ini terdapat tuduhan yang kerajaan tidak demokratik, sebabnya ialah kerana ada segelintir bekas

ahli UMNO yang kecewa dan ingin memburukkan imej kerajaan supaya tindakan mereka untuk merebut jawatan parti dan kerajaan akan disokong oleh pihak-pihak tertentu dan akhbar-akhbar asing. Sebenarnya, mereka lah yang tidak demokratik. Mereka lah yang menolak keputusan ramai. Apabila mereka berkuasa dahulu, mereka bertindak secara kejam, menyingkirkan orang-orang yang mereka tidak suka, bertindak kasar kepada sesiapa yang tidak mahu menurut mereka. Ramai yang tidak bersetuju dengan mereka tidak dicalonkan sebagai wakil rakyat di negeri-negeri yang mereka menjadi ketua perhubungan. Siapakah yang sebenarnya tidak demokratik – kerajaan-kerajaan dahulu atau kerajaan yang ada sekarang?

Negara kita bukan sahaja demokratik tetapi pemerintahan negara ini juga tertakluk kepada dan mendukung kedaulatan undang-undang. Dalam pentadbiran yang diasaskan kepada undang-undang, ada prinsip-prinsip tertentu yang mesti diikuti. Di antara prinsip-prinsip ini ialah tidak ada sesiapa yang terkecuali daripada tindakan undang-undang.

Memang benar raja-raja yang memerintah tidak tertakluk kepada undang-undang biasa. Tetapi, mereka pun tidak bebas sehingga boleh melakukan sebarang jenayah. Pada hakikatnya, kita semua, sama ada kita Perdana Menteri atau buruh kasar, sama ada kita hakim atau pesalah – semuanya tertakluk kepada undang-undang.

Tetapi, undang-undang yang kita gunakan secara am adalah undang-undang yang dibentuk oleh kita melalui Dewan-Dewan Undangan mengikut kehendak Perlembagaan Negara. Daripada segi undang-undang, perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi sekali, yang mengatasi undang-undang lain.

Oleh kerana undang-undang negara kita digubal oleh kita manusia dan bukannya undang-undang Tuhan, kita boleh meminda undang-undang ini jika perlu. Tetapi, pinداan ini tertakluk kepada prinsip-prinsip tertentu. Kita tidak boleh meminda undang-undang sehingga keputusan mahkamah dibatalkan. Jika kita berbuat demikian, Parli-

men akan menjadi mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Agung. Apa yang boleh dibuat oleh Parlimen ialah meminda undang-undang untuk digunakan pada masa hadapan.

Untuk menentukan hakim-hakim bebas daripada tekanan mana-mana pihak, peruntukan khas dibuat dalam perlembagaan supaya hakim tidak mudah disingkirkan. Kerajaan atau rakyat atau raja yang memerintah, tidak berkuasa menyingkirkan hakim-hakim. Hanya hakim-hakim sahaja yang berhak menyingkirkan mana-mana hakim melalui prosedur tertentu, iaitu melalui sebuah tribunal yang dianggotai hanya oleh hakim-hakim. Pihak raja yang memerintah tertakluk kepada nasihat tribunal itu. Ahli-ahli politik tidak boleh campur tangan dalam hal ini. Demikian peruntukan perlembagaan.

Peruntukan ini tidak akan dibuat jika mereka yang menggubal perlembagaan Malaysia tidak mahu hakim yang bersalah disingkirkan. Bahawa peruntukan ini dibuat dalam perlembagaan menunjukkan, betapa seriusnya pandangan penggubal perlembagaan terhadap kedudukan hakim dan kebebasan kehakiman. Tetapi mereka juga tahu hakim adalah manusia biasa yang mungkin membuat kesalahan. Oleh itu, dalam situasi yang tertentu, melalui proses tertentu, mereka boleh dipecat.

Ramai daripada pénentang kerajaan yang bercakap tentang ‘Pemerintahan Undang-Undang’ atau ‘*Rule of Law*’, tetapi di masa yang sama mendesak supaya undang-undang yang sedia ada tidak digunakan bagi orang-orang tertentu, khususnya Ketua Hakim Negara. Apakah maknanya ‘*Rule of Law*’ jika ada pilih kasih dan diskriminasi pula dalam kegunaannya?

Penyingkiran hakim mungkin tidak pernah dibuat di Malaysia. Ini adalah kerana, dahulu hakim-hakim tidak melanggar undang-undang. Tetapi di negara-negara lain seperti Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom dan India, penyingkiran hakim pernah dibuat. Apakah yang istimewa sangat dengan hakim di Malaysia sehingga dianggap lebih tinggi daripada undang-undang?

Sekarang orang yang bercakap tentang '*Rule of Law*' dan kononnya berjuang untuk kebebasan kehakiman mahu membawa pindaan undang-undang supaya keputusan mahkamah dibatalkan oleh parlimen. Apakah benar dakwaan mereka, bahawa mereka menjunjung tinggi perintahan berasaskan undang-undang atau *Rule of Law*? Atau adakah kepentingan politik diri sendiri yang menyebabkan mereka berpendirian demikian terhadap pemecatan hakim?

Segala hasutan dan tindak tanduk yang membawa perpecahan dalam UMNO dan di kalangan orang-orang Melayu berpunca daripada mereka ini. Mereka yang mencabar kepimpinan. Mereka yang tidak mahu menerima keputusan pemilihan Perhimpunan Agung. Mereka yang membuat dakwaan di mahkamah sehingga UMNO dihukum tidak sah. Mereka yang cuba '*hijack*' UMNO dengan menaja parti 'UMNO Malaysia' yang membelakangkan pemimpin-pemimpin yang telah dipilih oleh Perhimpunan Agung, tetapi yang mereka tidak setuju. Mereka yang berkempen dan menghasut di merata-rata tempat untuk memecahbelahkan UMNO. Mereka yang meletakkan jawatan dan memaksa pilihanraya kecil diadakan sehingga orang-orang Melayu terkeliru dan berpecah. Mereka yang menyeberang Dewan dan menyertai kumpulan pembangkang. Semua ini dan bermacam-macam tindakan buruk diambil oleh mereka, tetapi mereka menu-duh kita, pihak majoriti, yang menyebabkan segala-galanya. Sebenarnya, kita pihak majoriti hanya mempertahankan diri daripada tohmahan fitnah dan tindakan mereka.

Tindakan mereka ini disokong dan digalakkan oleh akhbar-akhbar asing tertentu dan oleh kumpulan pembangkang dalam negeri. Sokongan daripada media asing tertentu ini bukanlah kerana mereka sayang kepada kumpulan serpihan ini. Tujuan mereka ialah supaya kestabilan dan kemajuan Malaysia terjejas dan orang-orang Melayu dilumpuhkan.

Tidak dapat dinafikan, bahawa Malaysia sudah mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang perindustrian se-

hingga dalam beberapa bidang telah dapat bersaing dengan negara-negara yang sudah maju. Ada pihak-pihak di negara-negara maju yang tidak senang dengan kejayaan ini dan mereka amat gembira jika pembangunan negara membangun seperti Malaysia tergugat oleh politik yang menjasikan kestabilan. Sebab itulah, apabila ada sahaja golongan kecil yang boleh mencetuskan kekacauan, mereka membesar-besarkan berita dan kegiatan kumpulan kecil ini. Ada media asing yang sengaja tidak melaporkan apa yang benar, tetapi membuat ramalan yang memburukkan keadaan serta menggalakkan kumpulan-kumpulan kecil ini untuk bertindak dengan lebih berani dan dengan lebih tidak bertanggungjawab.

Ada media asing yang sering mengecam Malaysia sebagai tidak demokratik, bukan sahaja sekarang ini tetapi juga semenjak negara kita mencapai kemerdekaan lagi. Sekarang mereka mendakwa, bahawa kononnya Malaysia di masa dahulu adalah contoh negara membangun yang demokratik. Tetapi, jikalau dibaca balik laporan-laporan mereka dahulu, dakwaan Malaysia tidak demokratik dan mendiskriminasi antara kaum telah dibuat bertalu-talu di masa pemerintahan Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein. Sekarang, mereka cuba melaporkan seolah-olah dahulu mereka tidak pernah berkata yang Malaysia tidak demokratik atau mengamalkan diskriminasi antara kaum.

Tujuan media asing dan kumpulan-kumpulan tertentu ini ialah untuk menjasakan kestabilan dan pembangunan Malaysia. Ada juga unsur-unsur anti-Islam dalam sikap mereka. Ada juga perasaan, bahawa orang-orang tempatan terutamanya orang-orang Melayu dan Islam tidak mampu memerintah diri sendiri, jauh sekali mencapai kemajuan. Oleh itu, sesiapa sahaja yang menentang kestabilan dan menimbulkan masalah kepada negara akan mendapat sokongan mereka. Dalam hal ini, kumpulan serpihan UMNO telah diperalatkan oleh media asing untuk menjasakan pembangunan Malaysia. Tetapi, kumpulan ini rela diperalatkan, kerana bagi mereka adalah lebih baik Malaysia kucar-kacir dan tidak maju asalkan mereka mendapat

sokongan pihak asing untuk kepentingan diri mereka. Jika orang-orang Melayu menjadi lemah dan mundur, itu pun tidak mengapa kerana ini juga akan menolong mereka mendapat sokongan.

Walaupun kumpulan minoriti ini meneruskan tindak tanduk mereka, parti UMNO dan kerajaan akan terus berusaha untuk memajukan negara. Matlamat kita ialah keadilan sosial, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik. Kita ingin menentukan, bahawa kaum-kaum yang ada di Malaysia akan mendapat habuan dan bahagian masing-masing secara adil. Oleh kerana kaum bumiputera dan orang-orang Melayu khususnya masih lagi ketinggalan, usaha-usaha membantu mereka akan diteruskan supaya mereka mendapat bahagian-bahagian yang adil. Di samping itu, kita tidak akan merebut apa yang telah ditentukan untuk bukan bumiputera.

### **Dasar Ekonomi Baru Dan Ekonomi Negara**

Pada tahun 1990, Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan diulang kaji. Matlamat kaum bumiputera belum dicapai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kita dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan DEB. Pemberian peluang, kemudahan, modal dan tenaga oleh kerajaan tidak mencukupi untuk menjayakan perniagaan dan perusahaan yang diberi milik kepada bumiputera, sama ada secara langsung atau melalui badan-badan kepentingan bumiputera. Dalam hal ini, kecekapan pengurusan adalah perkara yang amat penting, dan ini sukar terdapat di kalangan bumiputera.

Justeru itu, hanya melanjutkan DEB tidak akan memberi faedah sepenuhnya kepada bumiputera. Untuk menjayakan usaha mengembangkan bumiputera dengan bukan bumiputera, pengetahuan dan pengalaman bumiputera mesti dipertingkatkan melalui berbagai-bagai cara. Antara cara yang berkesan sekali ialah dengan menjadi *apprentice* kepada orang yang cekap dalam bidang pengurusan. Di sini kaum lain, sama ada rakyat Malaysia atau asing, dikehendaki memainkan peranan penting. Kaum-kaum lain mestilah faham bahawa lebih cepat mereka menolong

bumiputera memperolehi kecekapan yang diperlukan, lebih cepat pengimbangan antara bumiputera dengan bukan bumiputera dapat dicapai. Selagi bumiputera tidak diberi pertolongan dalam bidang pengurusan sehingga mereka mampu bersaing, selagi itulah pencapaian DEB tidak akan memuaskan. Dalam menjayakan usaha ini, bumiputera tidak boleh menunggu sahaja. Mereka pasti berusaha. Mereka mesti membetulkan kesalahan dan kelemahan diri mereka.

Kerajaan akan memberi galakan kepada usahasama bumiputera dengan bukan bumiputera asalkan bumiputera memainkan peranan yang bermakna dalam pengurusan. Kita tidak akan membelakangkan syarikat yang 100 peratus bumiputera yang berkebolehan, tetapi kita harus sedar bilangan mereka tidak banyak dan mungkin tidak berupaya dengan sendiri mengambil alih bahagian 30 peratus saham syarikat yang ditentukan untuk bumiputera. Memberikan sesuatu projek kepada sesuatu syarikat yang 100 peratus dimilik oleh bumiputera hanya kerana ianya 100 peratus bumiputera, sedangkan ia tidak berupaya menguruskan projek itu adalah perbuatan yang mengkhianati matlamat kita untuk menolong bumiputera. Bilangan bumiputera yang dahulu tidak ada masalah kewangan, tetapi sekarang diserang oleh bank dan menjadi muflis telah meningkat kerana cuba melaksanakan bilangan projek yang lebih daripada kemampuan, kurang kecekapan pengurusan dan tidak berupaya mengatasi kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Justeru itu, kerajaan akan meneliti kemampuan mereka secara mendalam sebelum memberikan sesuatu projek kepada bumiputera.

Kerajaan sedar, pengkritiknya akan menjadikan perkara-perkara ini sebagai isu politik. Sebenarnya, ramai daripada pengikut-pengikut kumpulan tertentu terdiri daripada orang-orang yang mempunyai masalah kewangan kerana mereka telah menyalahgunakan pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi dan sekarang ini tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut. Kita tidak akan gentar dengan ancaman kumpulan ini.

Kita tidak berniat menjadikan peniaga dan pengusaha Melayu muflis supaya mereka akan bergantung kepada kita. Kita ingin menjadikan orang-orang Melayu usahawan dan peniaga yang cekap, yang berdikari dan mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jayanya.

Matlamat ekonomi kita ialah menegakkan asas yang kukuh untuk Malaysia membangun sehingga sampai ke tahap negara yang maju. Matlamat ini bukan mustahil dicapai. Banyak negara-negara maju dan negara-negara pertanian yang mundur. Tetapi, oleh kerana mereka memasuki bidang perindustrian dengan bersungguh-sungguh hari ini, mereka telah maju.

Ada yang berpendapat, bahawa kita terlalu bercita-cita tinggi. Pendapat ini adalah pendapat orang yang mudah mengaku kalah atau '*defeatist*', hasil sikap kurang percaya kepada diri sendiri. Sebenarnya, kita bukan sahaja mampu tetapi kita tidak ada pilihan. Walaupun bidang pertanian merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang penting, namun demikian pertanian tidak mungkin mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi puluhan ribu lulusan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi setiap tahun. Lagi pula, penggunaan jentera dan teknologi moden akan mengurangkan lagi penggunaan para pekerja ladang. Hanya sektor industri sahaja yang boleh menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi dan mewujudkan kekayaan yang boleh mengimbangi antara bumiputera dengan bukan bumiputera, dan antara negara kita dengan negara-negara lain.

### **Perindustrian Dan Teknologi Moden**

Kita hidup di zaman persaingan. Apa yang boleh dibuat oleh kita boleh juga dibuat oleh orang lain dan sebaliknya. Sebenarnya, tidak ada barang buatan yang tidak boleh kita buat. Yang akan menentukan jaya atau tidaknya barang buatan kita itu ialah kos dan mutunya.

Di sini, kita perlu kepada pengurusan yang cekap, pengurusan yang tahu mengawal kewangan dan kos, yang faham akan cara dan kegunaan jentera serta teknologi

pengeluaran yang terbaik untuk sesuatu industri.

Tidak kurang pentingnya bagi pertumbuhan ekonomi ialah mutu perkhidmatan dan hasil usaha kita. Jika kita terkenal dengan perkhidmatan yang buruk dan barang buatan kita tidak bermutu, maka pertumbuhan industri, dan dengan itu pertumbuhan ekonomi juga akan terjejas. Sebaliknya, jika perkhidmatan kita baik dan hasil kerja kita bermutu, bukan sahaja para pelabur akan melabur di negara kita, tetapi juga ramai para pelawat dan pelancong akan berkunjung ke Malaysia dan akan membelanjakan wang dengan banyaknya. Ini bukan sahaja akan menambah peluang-peluang pekerjaan tetapi juga meningkatkan pendapatan para pekerja. Sebenarnya, barang atau perkhidmatan yang bermutu tinggi tidak sukar dipasarkan dengan harga yang juga tinggi dan lebih menguntungkan. Harga yang murah untuk yang tidak bermutu tidak mjamin penjualan yang laris di pasaran moden ini.

Di sini, kita perlu sikap berbangga dan '*pride*' dengan apa juga hasil kerja kita. Perkhidmatan dan barang yang bermutu tinggi hasil usaha kita bukan sahaja akan memberi pendapatan yang lumayan, tetapi juga akan memberi kepuasan kepada kita. Masyarakat pula harus menghargai dan menyanjung tinggi mereka yang mengeluarkan barang yang bermutu atau perkhidmatan yang baik. Kualiti hendaklah menjadi salah satu nilai yang dikehendaki oleh masyarakat Malaysia dan mereka yang mencapai kualiti yang tinggi harus diiktiraf dan disanjung tinggi dan diberi tempat yang istimewa dalam masyarakat.

Mengapakah kita hendak mengejar sangat taraf negara maju ini? Hasrat kita bukanlah semata-mata untuk mendapat pendapatan yang lebih supaya boleh hidup mewah, boleh berehat dan melancong ke sana sini.

Hasrat kita, ialah supaya negara dan masyarakat kita dihormati, disegani dan diterima sebagai setaraf dengan mereka yang sudah maju. Hasrat kita, ialah supaya kita tidak perlu bergantung kepada sesiapa. Hasrat kita, ialah supaya kita tidak perlu mengikut telunjuk orang. Kesimpulannya, ialah supaya kita bebas dalam segala-galanya.

Untuk mencapai taraf ini, kita perlu mendapat pendapatan per kapita yang sama dengan pendapatan per kapita di negara yang maju. Banyak negara membangun sudah mempunyai angka per kapita yang sekali ganda lebih tinggi daripada negara maju tetapi masih ditakrif sebagai negara membangun. Untuk mencapai taraf negara maju, kita memerlukan peningkatan pengetahuan dalam semua bidang sehingga taraf atau lebih daripada taraf pengetahuan penduduk negara maju.

Pengetahuan yang dimaksudkan bukan semata-mata daripada segi memperolehi ijazah tetapi pengetahuan dan kebolehan mencipta, mereka bentuk, membuat barang buatan yang bermutu dan sofistikated dengan menggunakan segala jenis logam, bahan mentah semula jadi dan bahan-bahan tiruan seperti plastik, *carbon fibre*, *composites* dan lain-lain lagi. Kita mesti berkebolehan menggunakan komponen elektronik dan laser dalam barang buatan dan ciptaan kita.

Kita tidak mungkin membuat semua barang buatan yang ada. Banyak yang tidak dapat tidak, mesti didapati daripada punca luar negeri. Tetapi kita perlu tahu akan cara-cara membuatnya. Bagi kita, tumpuan akan diberikan kepada beberapa bidang mengikut keutamaan yang ditentukan oleh kita.

Malaysia, mestilah juga mempunyai rakyat yang cekap dan berpengetahuan dalam bidang pengurusan. Mereka perlu tahu selok-belok perniagaan dan boleh berniaga dengan jayanya. Setiap rakyat Malaysia mesti tahu, bahawa kerja mereka, di samping memberi pendapatan kepada mereka sendiri, juga mesti menambah kekayaan negara. Mereka harus ingat, bahawa yang memberi peluang dan pendapatan kepada mereka ialah negara Malaysia ini.

Untuk mencapai semua ini, rakyat Malaysia dikehendaki mempunyai nilai-nilai hidup dan etika kerja yang mulia. Kita mahu sampai ke tahap di mana rakyat Malaysia terkenal bukan sahaja kerana kecekapan tetapi juga kerana mereka jujur dan tidak mungkir janji, kerana

mereka tidak menipu dan mereka rajin serta setia kepada negara.

### **Sejarah Sebagai Pedoman**

Dalam sejarah manusia, terdapat banyak negara yang mundur tetapi kemudiannya telah menjadi maju, kaya dan kuat. Tetapi setelah itu, pretasi mereka merosot semula sehingga mereka hilang ditelan zaman. Demikianlah dengan negara Parsi lama, Yunani, Rome, China di zaman Kublai Khan dan Genghis Khan, Sri Vijaya, Majapahit dan *Egypt* di zaman Firaun. Demikian juga dengan empayar Islam, yang pada satu ketika dahulu menjadi empayar yang terbesar sekali di dunia, meliputi Sepanyol di Barat hingga ke China di Timur. Di zaman moden, empayar British juga mengalami nasib yang sama.

Jelas daripada contoh-contoh ini, bahawa kemajuan sesebuah negara tidak kekal. Oleh itu, mungkin ada yang bertanya, apa gunanya kita mengejar kemajuan? Tidakkah lebih baik kita berpuas hati dengan yang sedikit yang ada pada kita dan sebaliknya kita mengejar ketenangan jiwa sebelum kita kembali ke rahmatullah?

Yang pertama, masalahnya dalam dunia moden ini ialah kita tidak akan dibenarkan hidup sempurna, dan kita tidak boleh mendapat ketenangan jiwa jikalau kita tidak boleh mempertahankan diri kita. Yang keduanya, menumpukan kepada ketenangan jiwa untuk diri sendiri sahaja adalah sifat yang tamak, yang bercanggah dengan ajaran agama kita, agama Islam. Kita mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat dan agama.

Kejatuhan setengah-setengah negara yang maju adalah disebabkan keruntuhan akhlak atau kehilangan pedoman agama. Apabila pemimpin-pemimpin empayar Islam lupa kepada ajaran Islam dan mereka asyik dengan keseronokan hidup, maka empayar mereka pun merosot. Terdapat sultan-sultan dan ketua-ketua negara-negara Islam di masa dahulu yang menyalahgunakan kedudukan mereka semasa negara mereka maju. Wang negara dibelanjakan untuk diri sendiri. Kemiskinan dan penderitaan

rakyat tidak dihiraukan. Ajaran Islam ditafsir mengikut nafsu sendiri.

Akibatnya, kemajuan negara mereka merosot. Mereka tidak lagi sanggup dan sedia mempertahankan negara mereka seperti yang dituntut oleh agama Islam. Mereka tidak memberi perhatian kepada pembangunan pengetahuan dan teknologi. Sementara musuh mereka mencipta alat-alat perang dan lain-lain yang meningkatkan kekuatan dan keupayaan mereka, pemimpin-pemimpin Islam bukan sahaja asyik meluangkan sejarah kegemilangan mereka dahulu, tetapi membuat tafsiran-tafsiran agama yang menghalang kemajuan. Mereka lebih menitikberatkan perkara remeh-temeh daripada perkara kemajuan dan peningkatan kemampuan negara. Larangan terhadap lukisan sebarang gambar umpamanya, dianggap sebagai begitu utama sedangkan suruhan Tuhan supaya bersedia menentang musuh diketepikan.

Layanan terhadap rakyat yang bukan sebangsa dengan pemerintah, sama ada Islam atau bukan Islam, amatlah kejam dan menghina. Dengan itu, berbagai suku bangsa bersubahat dengan musuh empayar Islam dengan niat menjatuhkannya. Akhirnya, hancurlan empayar Islam.

Demikian juga dengan lain-lain empayar dan negara yang maju dan kuat. Apabila sahaja maju, maka pemimpin dan rakyat lupa akan tanggungjawab mereka, asyik dengan kemewahan dan kemudiannya menjadi lemah. Maka komplot-komplot pun tumbuh seperti cendawan untuk merebut kuasa. Akhirnya, kemajuan merosot dan mereka kembali menjadi mundur.

### **Islam**

Memandang akan gejala-gejala yang menimpa negara-negara maju, maka amatlah penting bagi kita mananam dengan kuat ajaran Islam yang sebenar supaya terbentuk peribadi bangsa dan individu yang tidak akan lupa daratan. Sementara kita berusaha membangunkan bangsa Melayu khususnya, sehingga ke tahap bangsa yang maju, agama tidak boleh diabaikan.

Tekanan perlu diberi bukan kepada rupa bentuk yang dikatakan Islam tetapi kepada amalan nilai-nilai yang mencerminkan peribadi Islam yang sebenar. Orang-orang Melayu yang akan maju kerana pengetahuan dan kecekapan, mestilah mempunyai nilai-nilai mulia seperti keikhlasan, kejujuran, beramanah, bertanggungjawab, keberanian dan lain-lain sifat yang mulia supaya pengetahuan dan kecekapan mereka tidak disalahgunakan.

Mungkin ada yang akan berkata, ini adalah terlalu idealistik dan sukar dicapai. Bagi setengah orang Islam lebih mudah dicapai rupa bentuk yang dikatakan Islam daripada apa yang sebenarnya dituntut oleh Islam. Jika orang-orang Melayu berpegang kepada ajaran Islam, mereka harus cuba mengamalkan nilai-nilai Islam yang sebenar dan yang mulia ini. Kita telah melihat bagaimana kemewahan sebelum resesi baru-baru ini telah menjadikan ramai rakyat Malaysia termasuk orang-orang Melayu begitu tamak sehingga yang sudah kaya pun sanggup menipu dan menyalahgunakan kuasa yang diamanahkan kepada mereka. Perasaan tamak juga telah membawa kepada perpecahan di kalangan orang-orang Melayu dan kepada percubaan merebut kuasa kerana kepentingan diri. Oleh itu, ada yang berpendapat, mungkin lebih baik jika kita tidak mengejar kemajuan dan sebaliknya kekal dengan kemunduran kita.

Tetapi sekali lagi perlu ditekankan, kita tidak mempunyai pilihan. Jika kita mundur, kita akan dihina dan ditindas oleh orang-orang lain. Kita mungkin dikuasai oleh negara-negara dan orang-orang bukan Islam yang maju. Bahkan, kita mungkin dipisahkan daripada agama Islam. Oleh itu, kita harus cuba menerapkan nilai-nilai yang unggul atau *ideal* walaupun kita tidak mungkin berjaya sepenuhnya. Ini adalah tanggungjawab kita sebagai orang-orang Islam yang bermaruah dan berhemah tinggi. Memandangkan kepada hakikat ini, maka kerajaan akan menumpukan perhatian yang khusus dan memberikan pertubuhan yang wajar kepada pelajaran agama, dakwah Islamiah dan latihan rohaniah supaya pegangan kepada

agama Islam akan menjadi benteng kepada orang-orang Melayu dan orang-orang Islam yang lain, dalam kita mengejar kemajuan. Tekanan akan diberi kepada pembentukan peribadi yang benar-benar Islam.

Dalam usaha ini, imbangan akan diberikan kepada ilmu-ilmu duniawi dengan bekalan untuk akhirat. Imbangan ini dituntut oleh agama Islam. Sepertimana kita tidak mahu orang-orang Islam yang tamak, mementingkan diri sendiri dan yang semata-mata memikirkan kepentingan mereka di akhirat, begitu juga kita tidak mahu orang-orang Islam yang terlalu taksub dengan kemajuan di dunia sehingga mereka lupa akan akhirat. Untuk maksud ini, para pendidik agama perlu memberikan penjelasan dan tekanan terhadap imbangan antara kaum dan akhirat.

Gerakan dakwah akan diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan. Peruntukan serta kakitangan yang lebih akan diadakan untuk tujuan ini. Kurikulum dakwah tidak sepatutnya terserah semata-mata kepada budi bicara dan kefahaman individu-individu yang mungkin mengeliru dan memesongkan akidah umat Islam.

Sumbangan dan kekesaan institusi-institusi pelajaran agama, daripada taman-taman asuhan sehingga ke universiti-universiti, kepada pembentukan umat Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam akan dikaji semula supaya sesuai dengan kehendak agama Islam yang sebenar dan bukan kehendak kumpulan-kumpulan tertentu. Penyelewengan yang sedang berlaku mesti dihapuskan.

Tugas mengembangkan kefahaman agama yang betul dan benar serta usaha membangunkan negara adalah sebahagian daripada ibadat yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam di Malaysia. Kerajaan akan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebahagian daripada ibadat kepimpinan kerajaan, sebagai satu fardu kifayah. Kita mesti berusaha menentukan, bahawa walaupun kemajuan dicapai, orang-orang Melayu akan terus insaf dan sedar dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Dengan itu, kita tidak akan dilanda dengan masalah tertentu seperti

yang dialami oleh beberapa buah negara yang maju.

Dalam usaha membangunkan bangsa dan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dalam hal ini, peranan pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan diberi kepada kaitan ilmu yang dipelajari dengan kerja yang akan dilaksanakan. Ijazah dari institusi pengajian tinggi tidak bermakna semua kerja boleh dibuat oleh pemegangnya. Demikian juga keperluan negara dalam zaman teknologi. Kegunaan teknologi moden secara praktik mestilah diberi perhatian yang sewajarnya di sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Sementara kita perlu memberi tempat kepada sastera demi pembentukan peribadi bangsa, kita harus ingat, bahawa pertumbuhan industri memerlukan mereka yang bukan sahaja tahu bagaimana alatan moden berfungsi, tetapi perlu tahu secara praktik dan '*hands on*' bagaimana mengeluarkan barang-barangan buatan, penggunaan bahan-bahan baru, dan menguruskan kerja-kerja yang perlu dalam proses perkilangan.

Kita tidak mahu jurutera yang berkolar putih, yang duduk dalam bilik berhawa dingin dan berfungsi sebagai pentadbir. Kita tidak mahu para profesional yang mengejar ijazah seumur hidup tanpa menggunakan pengetahuannya dalam kehidupan diri dan masyarakat. Kita tidak mahu terlalu ramai yang mengejar ilmu hanya untuk mengembangkan ilmu itu secara teori sahaja. Yang kita kehendaki ialah mereka yang, setelah lulus ijazah pertama, akan menggunakan pengetahuan itu secara praktikal. Setelah jelas ilmu nya berguna dan dia mampu menghasilkan sesuatu, dan setelah beberapa tahun berlalu, barulah dia harus diberi peluang mengejar ijazah yang lebih tinggi. Selepas itu, sekali lagi ilmu yang diperolehi digunakan secara praktikal. Hanya apabila seseorang itu terlatih dalam jurusan tertentu, mempunyai pengalaman yang luas dan umurnya telah meningkat, barulah seseorang itu diberi tempat sebagai pentadbir atau sebagai pengembang ilmu. Dan, sebagai pentadbir, mereka akan mendapat tempat dan peluang yang sama dengan pihak pentadbir yang lain.

Ringkasnya, pendidikan diadakan dengan tujuan penggunaan ilmu secara praktikal, supaya proses industrialisasi negara dapat dipertingkatkan. Dalam usaha ini, ijazah tidak harus diberi penilaian secara otomatis. Yang tidak berijazah tetapi nyata cekap dan berpengalaman akan mendapat peluang, kenaikan pangkat dan gaji yang sama dengan yang berijazah.

Dalam sesebuah negara yang pesat membangun, belajar kerana semata-mata ingin belajar, tidak harus mendapat penilaian yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar dengan tujuan menggunakan ilmu pengetahuan itu bagi kemajuan masyarakat dan negara.

Di Malaysia, kita biasanya menganggap sesuatu kerja itu sebagai cara mendapat pendapatan dan sara hidup sahaja. Ini wajar. Tetapi hasil kerja juga perlu diberikan tempat yang tinggi dalam penilaian kita. Kerja yang menghasilkan sesuatu yang baik dan bermutu tinggi mestilah dihargai dan dibanggakan.

Jika kita ingin maju, terutama dalam bidang pengurusan dan pembuatan, apa yang dihasilkan daripada kerja kita amat mustahak. Tidak ada gunanya kita menguruskan tetapi tidak mendapat keuntungan. Tidak ada gunanya kita berusaha tetapi hasilnya ialah barang yang tidak bermutu, yang tidak boleh diguna dan dipasarkan. Kualiti yang tinggi dan kos yang rendah mestilah menjadi tumpuan dan matlamat setiap pekerja, sama ada buruh dan pengurus atau pengarah, sama ada dalam kerajaan atau swasta.

Penghargaan juga perlu diberikan kepada pekerja-pekerja kolar biru. Pekerja-pekerja kolar biru yang menghasilkan barang, membina atau mencipta sesuatu atau memperbaiki alat dengan cekap tidak boleh dianggap kurang penting. Mereka mesti dilayan sekurang-kurangnya sama dengan pekerja-pekerja kolar putih daripada segi gaji, peluang naik pangkat dan lain-lain keistimewaan jika mereka menghasilkan barang yang bermutu dalam proses industrialisasi kita.

Di masa dahulu, barang buatan dikeluarkan oleh negara-negara maju semata-mata. Kita hanya mengelu-

kan barang mentah yang kita jual dengan harga yang ditentukan oleh pihak pembeli. Tetapi sekarang, jelas kita juga mampu mengeluarkan berbagai-bagai jenis barang buatan.

Oleh kerana sara hidup kita rendah, maka kos barang kita juga rendah dan kita mampu bersaing di pasaran dunia dengan barang buatan daripada negara-negara maju. Ini menyebabkan pengusaha-pengusaha dan pekerja-pekerja di negara-negara maju khuatir nasib dan taraf hidup tinggi mereka akan terancam.

Pengusaha-pengusaha di negara-negara maju cuba mengatasi saingen daripada negara-negara membangun dengan memindahkan industri-industri mereka ke negara membangun. Ini menyebabkan industri-industri pembuatan tidak tumbuh dengan pesat seperti dahulu di negara-negara maju. Pekerja-pekerja di negara-negara maju tidak lagi dapat menuntut kenaikan gaji yang tinggi sepanjang masa. Kita bersimpati dengan para pekerja di negara-negara maju tetapi apakah pekerja-pekerja negara-negara maju hidup mewah dan semakin mewah? Kita juga berhak mendapat pekerjaan dan pendapatan yang kian meningkat dan taraf hidup yang tinggi.

Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan menggalakkan pelaburan asing melalui insentif-insentif cukai yang dibantu dengan paras gaji yang berpatutan berbanding dengan negara-negara maju, walaupun paras gaji ini tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Strategi ini berjaya menarik para pelabur asing dan industri-industri baru yang mewujudkan ribuan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Harus diingat, bahawa walaupun pendapatan kita rendah, kos sara hidup di negara kita juga rendah. Rumah murah yang kita jual dengan harga \$25,000 ringgit di Malaysia berharga hampir sepuluh kali ganda di beberapa negara maju. Di Jepun, semangkuk mi berharga \$25 ringgit. Apakah gunanya pendapatan yang tinggi jika kos keperluan kita begitu tinggi?

Memandang akan kejayaan strategi pelaburan kita, kesatuan-kesatuan sekerja di negara-negara maju cuba

menghasut pekerja-pekerja kita menuntut kenaikan gaji sehingga kos pengeluaran kita meningkat dan barang keluaran kita tidak lagi dapat bersaing di pasaran dunia. Mereka juga menimbulkan soal hak asasi manusia dan 'workers' rights' untuk menghapuskan GSP kita. Tindakan mereka sebenarnya ialah kerana mereka lebih suka kita menganggur daripada kita bersaing dengan mereka. Hak asasi manusia dan hak pekerja adalah alasan sahaja. Sebenarnya, hak pekerja tidak bermakna jika kita menganggur.

Kerajaan tidak berniat untuk menyekat peningkatan pendapatan pekerja-pekerja di negara ini. Sekarang ini pun, pendapatan para pekerja sudah meningkat berbanding dengan dahulu kerana pertumbuhan ekonomi hasil berbagai usaha kerajaan. Tetapi, jika kita inginkan taraf hidup yang lebih tinggi dan mengurangkan pengangguran, kenaikan gaji hendaklah jangan terlalu mendadak sehingga menakutkan para pelabur. Juga, janganlah kita mudah mengugut dan mengambil tindakan perusahaan tanpa mengambil kira kesan jangka panjang kepada negara dan kepada yang menganggur.

Insya-Allah, kalau kita bersabar dan kita membuktikan, bahawa sesiapa yang melabur di Malaysia akan memperolehi keuntungan, pelaburan asing akan bertambah dan peluang-peluang pekerjaan sudah tentu akan bertambah juga. Di masa itu, kita percaya gaji yang ditawarkan akan meningkat dengan sendirinya. Inilah yang telah berlaku di Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura. Tidak ada sebab mengapa ini tidak boleh berlaku di Malaysia.

Kita harus yakin, bahawa satu hari kelak pendapatan para pekerja di Malaysia tidak akan jatuh kurangnya dari pada pendapatan para pekerja di negara-negara maju. Tetapi, produktiviti kita mestilah tinggi dan mutu kerja kita tinggi juga supaya kita boleh terus bersaingan dengan jayanya di pasaran dunia. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pendapatan para pekerja tanpa menjaskan iklim pelaburan. Adalah mustahil para pekerja di negara-negara maju lebih sayang dan bersimpati

dengan pekerja-pekerja Malaysia daripada kerajaan Malaysia sendiri. Dahulu, di waktu kita cuma mengeluarkan getah dan bijih timah dan kita tidak bersaing dengan mereka, para pekerja negara-negara maju sedikit pun tidak menghiraukan nasib kita. Mengapakah sekarang mereka begitu kuat hendak mempertahankan hak pekerja-pekerja kita? Adakah desakan *AFL-CIO* supaya *GSP* kita dihentikan, satu tanda kesayangan mereka kepada pekerja-pekerja kita? Janganlah kita mudah terpengaruh dengan kata-kata manis mereka. Sebenarnya, ada udang di sebalik batu.

### **Politik Kestabilan**

UMNO adalah parti politik. Tetapi, wujudnya UMNO bukan kerana hendak berpolitik semata-mata. UMNO ditubuhkan kerana kita tahu, bahawa melalui politik, kita boleh mempertahankan hak dan memperbaiki nasib orang-orang Melayu, agama Islam dan negara kita Malaysia. UMNO dan perjuangan politiknya adalah sebagai instrumen dan jentera untuk mencapai matlamat yang telah kita rancangkan itu.

Kita perlu kepada kuasa politik, kerana kuasa politik boleh menentukan pencapaian matlamat kita. Lebih kuat kuasa politik kita, lebih mudah kita mencapai matlamat yang telah kita tentukan. Sekiranya kuasa politik kita lemah, maka sukarlah kita mencapai matlamat kita. Jika kuasa politik kita lumpuh, maka segala cita-cita orang-orang Melayu akan menjadi angan-angan semata-mata.

Dalam negara kita yang berasaskan demokrasi, kuasa datang daripada rakyat. Lebih ramai sokongan rakyat, lebih teguhlah kuasa kita dan lebih mampulah kita melaksanakan rancangan murni kita untuk rakyat, untuk agama dan untuk negara.

Orang-orang Melayu masih menjadi kaum yang ketinggalan di negara berbilang kaum ini. Kita bernasib baik tidak menjadi kaum yang tertindas atau *oppressed race* seperti orang kulit hitam di Afrika Selatan. Kita telah dikejutkan oleh British dengan rancangan *Malayan Union*

mereka. Dalam ketakutan, kita telah bersatu dan memberanikan diri menentang British. Kita berjaya. Dengan itu, orang-orang Melayu mendapat tempat yang tinggi, sama seperti orang-orang yang pernah menjajah kita. Dan, dengan itu juga bermulalah rebutan tempat dan kedudukan oleh yang berkepentingan diri.

Hari ini, kita sudah sampai kepada satu tahap yang bahaya. Matlamat perjuangan orang-orang Melayu belum tercapai. Tetapi, kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, orang-orang lain sudah berpeluang menangguk di air yang keruh ini.

Kepimpinan UMNO sekarang tidak mahu perpecahan diteruskan. UMNO tidak mahu orang-orang Melayu menjadi lemah. UMNO tidak mahu orang-orang Melayu diperalatkan untuk menggagalkan orang-orang Melayu sendiri. UMNO mahu orang-orang Melayu bersatu.

Kita percaya, bahkan kita yakin, perpaduan dan kekuatan politik orang-orang Melayu adalah penting untuk menstabilkan negara dan menjayakannya. Nasib orang-orang bukan Melayu juga bergantung kepada kekuatan politik orang-orang Melayu. Jika kita bertanggungjawab kepada negara dan semua penduduknya, segala usaha kita mestilah dibuat untuk mengukuhkan lagi kuasa politik orang-orang Melayu.

Justeru itu, UMNO sedia menerima sesiapa sahaja yang ingin menjadi ahli UMNO, sama ada dianya bekas ahli UMNO, ataupun bukan. UMNO sedia berunding dengan sesiapa sahaja bagi menyatupadukan orang-orang Melayu. UMNO sedia menerima ahli-ahli PSRM atau ahli-PAS atau ahli-ahli DAP dan sesiapa juga yang terdiri dari-pada orang-orang Melayu sekiranya mereka memohon dan bersedia menghayati dasar dan perjuangan UMNO.

Semua orang yang menyertai UMNO akan mempunyai hak yang sama mengikut perlumbagaan UMNO. Tetapi, hak ini mestilah disertai dengan perasaan penuh tanggungjawab. Hanya yang kita minta, yang kita rayu, ialah hentikanlah pecah belah yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu sekarang ini.

Orang-orang Melayu belum lagi terselamat daripada bahaya. Kita belum lagi mencapai kemajuan yang memuaskan. Kita masih menghadapi perjuangan yang besar untuk menjadikan orang-orang Melayu satu bangsa yang terhormat dan dihormati di dunia yang penuh pancaroba ini.

Allah berfirman dalam Surah A-Ii'Imraan – Ayat 103. Yang bermaksud:

'Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai.'

---

*Ucapan Presiden UMNO Di Perhimbunan Agung UMNO Di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra Kompleks UMNO, Kuala Lumpur, Pada Hari Jumaat, 28 October 1988, Pukul 8.30 Pagi.*

---

## PERJUANGAN YANG BELUM TAMAT

**HARI** ini, kita menempah satu lagi peristiwa yang bersejarah dalam riwayat UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Hari ini, kita rayakan hari lahir UMNO. Pada 11 Mei 1946, di Istana Besar Johor Bahru ini, UMNO telah ditubuh dan dilancarkan sebagai parti politik dan alat bagi perjuangan orang-orang Melayu menangkis usaha British untuk menghapuskan bangsa Melayu, negeri-negeri Melayu dan sistem raja-raja Melayu.

Cadangan menu buhkan sebuah parti politik yang mewakili semua orang Melayu telah dipersetujui di perhimpunan pertubuhan-pertubuhan orang Melayu dan seluruh semenanjung termasuk Singapura yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946.

Di zaman pemerintahan tentera Jepun, orang-orang Melayu memikirkan, jika British kembali semula, maka mereka akan diberi semula taraf kerakyatan negeri-negeri yang dilindungi oleh British dan mereka akan diiktirafkan semula sebagai warganegara tunggal negeri-negeri Melayu. Hanya penduduk Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sahaja yang ditakluki oleh British secara lansung yang akan menjadi rakyat British. Tetapi, setibanya sahaja British, mereka mengumumkan rancangan menyatukan semua negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka dalam sebuah jajahan takluk British terus yang dinamakan

*Malayan Union.* Semua penduduk berbagai kaum di wilayah berkenaan akan diberi taraf warganegara tanpa membezakan yang Melayu dan yang bukan, yang baru datang dan yang telah lama tinggal. Raja-raja Melayu diberi peranan simbolik sahaja dan bertanggungjawab hanya terhadap adat istiadat Melayu dan agama Islam. Taraf sama rata atau *equal citizenship* yang akan diberi kepada semua penduduk Tanah Melayu, akan mendedahkan orang-orang Melayu kepada persaingan daripada kaum-kaum lain yang tetap akan menjadikan orang Melayu kaum yang termiskin dan daif di Malaysia. Pada ketika itu, orang-orang Melayu hanya menjadi penanam padi, nelayan persisiran dan ada segelintir yang bernasib baik menjadi kerani kecil di jabatan-jabatan kerajaan. Tidak ada di antara mereka ahli peniaga atau ahli profesional.

Demikianlah pemerintahan British sehingga tandatanda, bahawa Semenanjung Tanah Melayu adalah negeri asal orang Melayu sudah hampir luput. Bandar-bandar terutamanya, tidak sedikit pun mencerminkan kebudayaan Melayu. Jika ada orang Melayu di bandar, mereka tinggal di kawasan-kawawan miskin di pinggir bandar atau di kawasan tanah rizab.

Keadaan orang Melayu semasa pemerintahan British samalah dengan orang *Red Indian* di Amerika Syarikat. Lebih kuat British berkuasa, lebih buruk kedudukan orang Melayu. Di negeri-negeri Selat, iaitu Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, orang-orang Melayu memegang jawatan-jawatan rendah sahaja. Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, keadaannya baik sedikit, dengan beberapa elit daripada golongan pembesar negeri, memegang jawatan pentadbir. Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, di mana British kononnya boleh memberi nasihat sahaja, kakitangan kerajaan kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu walaupun ketua jabatan terdiri daripada pegawai-pegawai British. Di bandar-bandar, tidak ada

orang-orang Melayu bermiaga di kedai-kedai batu. Bilangan penjaja Melayu pun lebih kecil daripada kaum lain. Tidak ada sama sekali pengusaha Melayu. Di kawasan-kawasan kediaman orang-orang berada, tidak terdapat barang sebuah pun rumah orang Melayu. Pendek kata, di bandar-bandar besar, orang-orang Melayu menjadi kaum asing yang tidak mempunyai tempat. Jika British bertimbang rasa sedikit, orang-orang Melayu di tempatkan dalam kawasan rizab Melayu seperti *Red Indian*.

Di estet dan lombong juga tidak kelihatan orang-orang Melayu. Bukan sahaja mereka tidak memiliki puncakekayaan ini, tetapi juga mereka tidak berpeluang bekerja. Mungkin mereka tidak berminat bekerja dalam lombong atau menjadi penoreh getah, tetapi jawatan-jawatan dalam syarikat-syarikat juga tidak terdapat kepada orang-orang Melayu. Selain daripada kebun kecil getah yang dimiliki oleh beberapa kerat orang Melayu, mereka sekali lagi menjadi orang asing dalam estet dan lombong. Di sini bukan tempat mereka. Ini adalah seolah-olah negara asing di mana mereka tidak boleh faham bahasa yang ditutur atau ditulis.

Walaupun British mengakui sebelum Perang Dunia Kedua dalam perjanjian mereka dengan negeri-negeri Melayu, bahawa Semenanjung ini adalah Semenanjung Melayu, atau *Malay Peninsular*, tetapi selain daripada kawasan sawah dan kawasan-kawasan yang terpencil, Semenanjung ini sudah dijadikan negara orang bukan Melayu.

Demikianlah kedudukan orang-orang Melayu sehingga jika mereka terpaksa bersaing dengan kaum lain, mereka tetap akan kalah dalam semua bidang dan akan menjadi kaum yang termiskin dan daif sekali dalam negeri-negeri Melayu. Jika mereka berpeluang menjadi petani dan memiliki sawah padi di zaman British, sebabnya ialah kawasan sawah padi telah dirizabkan bagi mereka. Di mana sawah tidak dirizabkan, kaum lain dengan mudahnya mengambil alih dan mengerjakannya jika semua penduduk berbagai kaum di Malaya diberi kerakyatan dan hak sama

rata dan persaingan dalam semua bidang dibenarkan tanpa apa-apa sekatan, bukan sahaja kemelayuan negeri-negeri Melayu akan luput, tetapi juga orang-orang Melayu akan diperhambakan di tanahair mereka sendiri. Ini tidak bermakna, bahawa mereka tidak mampu mempertingkatkan taraf mereka, tetapi penjajahan oleh British yang mengutamakan kepentingan ekonomi diri mereka semata-mata telah menyebabkan orang Melayu tertinggal begitu jauh sekali sehingga kemungkinan mereka berupaya bersaingan atau mengejar kaum-kaum lain tanpa pertolongan, sudah tidak ada.

Kita sering mendengar ungkapan, 'yang miskin menjadi lebih miskin, yang kaya lebih kaya'. Ungkapan ini memang mempunyai asas pada masa penjajahan British. Yang miskin tidak mempunyai sebarang modal, iaitu pelajaran, wang ringgit, peluang, kredibiliti, *contacts*, pengalaman, tempat, kebolehan meminjam modal dan lain-lain fakta lagi yang boleh menolong mereka meningkatkan ekonomi dan taraf hidup mereka. Sebaliknya, yang kaya mempunyai semua fakta yang boleh menolong mereka menjadi lebih kaya dengan lebih cepat.

Dengan itu, jika persaingan secara terbuka dan bebas diadakan antara rakyat yang mempunyai hak sama rata, semakin lama semakin jauhlah jarak perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya. Dalam keadaan ini, benarlah ungkapan 'yang miskin menjadi lebih miskin, yang kaya menjadi lebih kaya'.

Di zaman British, orang-orang Melayu adalah kaum yang miskin dan orang-orang bukan Melayu, rata-ratanya adalah kaum yang lebih kaya. Jika taraf yang sama rata diberikan kepada semua penduduk Malaya mengikut rancangan *Malayan Union*, orang-orang Melayu yang sudah miskin dan serba ketinggalan tetap akan menjadi lebih miskin dan mereka yang lain lebih kaya. Jarak pencapaian antara kaum-kaum akan menjadi lebih jauh dan tidak mungkin boleh dirapatkan semula. Sebab itu, apabila British mendakwa, bahawa *Malayan Union* adalah langkah ke arah pemerintahan sendiri, ramai orang Melayu pada

masa itu menyatakan, mereka tidak mahu pemerintahan sendiri – tidak mahu kemerdekaan. Mereka menulis kepada akhbar majlis menyatakan, mereka mahu naungan British diteruskan untuk keamanan dan tunjuk ajar dalam bidang pentadbiran.

Kita menganggap sikap seperti ini adalah aneh tetapi memanglah orang-orang Melayu sendiri pada masa itu kurang kepercayaan kepada kebolehan mereka dalam semua bidang dan ketidakmampuan mereka untuk bersaing dengan kaum-kaum lain. Mereka yakin, tanpa perlindungan British, kacau-bilau akan berlaku dalam negeri-negeri di Semenanjung termasukah Negeri-Negeri Selat dengan kemungkinan negeri-negeri ini jatuh ke tangan bangsa asing, khususnya orang Cina komunis, yang pada masa ini mempunyai pasukan gerila yang sedang menggalas di merata tempat di Semenanjung.

Ramai orang Cina pada masa itu masih mengibarkan bendera Kuomintang dan menganggap diri mereka rakyat negara China, dan negara China pula mengakui semua orang Cina di mana juga mereka berada, sebagai rakyat Negara China. Tidaklah menjadi sesuatu yang luar biasa, jika negara China memberi pertolongan kepada rakyat mereka dalam usaha merebut negeri-negeri Melayu.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua dan sebelum sempat tentera British kembali ke Malaya, gerila komunis telah bermaharajalela. Mereka telah mengambil alih balai polis di beberapa kawasan terpencil dan menaikkan bendera komunis Bintang Tiga dan Bintang Satu. Ada orang-orang kampung yang dibunuhi untuk menakutkan mereka supaya mereka menerima pemerintahan komunis. Memang hasrat komunis untuk mendirikan Republik Komunis di Malaya.

Apabila British mendirikan pemerintahan tentera, mereka mengiktiraf dan menghalalkan Parti Komunis Malaya. Dalam sekelip mata, Parti Komunis Malaya telah menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja yang dikuasai oleh komunis. Mereka bergerak bebas dan sompong kerana mereka yakin Malaya akan jatuh ke tangan mereka. Hanya

apabila mereka melancarkan Perang Gerila pada 1948. barulah pihak British bertindak.

Ketakutan orang-orang Melayu yang disebabkan oleh kedaifan mereka dan oleh berbagai kemungkinan ini, telah membawa kepada kesedaran politik luar biasa. Daripada bangsa yang tidak pernah mendatangkan masalah kepada pemerintahan British, mereka telah bangun menentang rancangan *Malayan Union* British dengan kerasnya. Pada mulanya, penentangan dibuat secara berasingan di negeri masing-masing. Ini tidak berkesan. Pihak British terus juga menghantar MacMichael untuk mendapat persetujuan raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu pula pada ketika itu tidak ada hubungan dengan rakyat dan tidak ada pula mengharapkan sokongan daripada rakyat. Mereka berasa lemah dan kedudukan mereka bergantung semata-mata kepada British. Sebelum daripada *Malayan Union* pun, ada masanya bakal raja disingkir dan digantikan dengan anggota keluarga diraja yang lain kerana tidak mematuhi kehendak British. Tidaklah hairan jika raja-raja menantangani perjanjian *Malayan Union* yang dibawa oleh MacMichael, iaitu menyerahkan hak mereka dan hak orang-orang Melayu.

Memandangkan, bahawa tindakan oleh kumpulan-kumpulan kecil Melayu di negeri masing-masing tidak dihiraukan oleh British, maka desakan dibuat supaya orang-orang Melayu dari semua negeri di Semenanjung bersatu padu dan bergerak bersama dan serentak.

Akhirnya pada 1 Mac 1946, pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan sosial Melayu telah mengadakan Kongres Melayu Se-Malaya yang pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Sesuatu yang menarik di majlis itu ialah persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor, yang berkenan merasmikan pembukaan kongres ini. Inilah kali pertama raja bersama rakyat dalam menghadapi masalah dengan British. Tarikh dan peristiwa ini tidak kurang pentingnya kepada perjuangan nasib orang-orang Melayu dari tarikh keramat 11 Mei semasa UMNO

ditubuhkan secara rasminya.

Selain daripada Parti Kebangsaan Melayu Se-Malaya atau *Malay Nationalist Party (MNP)* yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dan sebuah pertubuhan lain, 39 pertubuhan yang lain sebulat suara bersetuju menubuhkan sebuah parti politik orang-orang Melayu di peringkat nasional yang dianggotai oleh semua pertubuhan yang hadir dalam kongres dan pihak-pihak lain yang bersetuju menyertainya.

Allahyarham-Allahyarham Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Zainal Abidin dan Dato' Nik Kamil adalah antara tokoh-tokoh terkenal yang dipilih untuk menubuhkan PERKEMBAR, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau *UMNO - United Malaya National Organisation*, nama yang ilhamkan daripada nama Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Organisation (UNO)*.

Sementara usaha-usaha menubuhkan UMNO dilaksanakan, kegiatan menentang *Malayan Union* tidak dikurangkan. Pada 11 Mei 1946, di Kongres Melayu ketiga yang diadakan di Istana Besar, Johor Bahru, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO ditubuhkan dengan rasminya. Hanya *Malay Nasionalist Party* atau *MNP* sahaja yang tidak menyertai UMNO.

Sejarah perjuangan orang-orang Melayu dan sejarah UMNO perlulah diketahui oleh semua ahli UMNO. Keahlian tidak bermakna, jika kita tidak tahu asal usul kita. Sejarah kita adalah pengajaran bagi kita, adalah panduan perjuangan kita.

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang-orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri-negeri yang berasingan. Mereka memang sudah lemah kerana mereka tidak mempunyai orang-orang yang terpelajar, profesional, ahli-ahli peniaga yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan lain-lain lagi kelemahan. Tetapi, apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri

masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah. Sebab itulah, walaupun terdapat tentangan daripada orang-orang Melayu apabila sahaja *Malayan Union* diumumkan, pihak British tidak sedikit pun menghiraukan tentangan ini. Mereka meneruskan sahaja rancangan mereka itu.

Apabila orang-orang Melayu disedarkan, bahawa tindakan secara berasingan tidak berkesan, maka pada ketika itulah desakan dibuat oleh berbagai pihak supaya disatupadukan orang-orang Melayu sebagai satu bangsa bagi menentang rancangan British. Dan, kita telah melihat bagaimana berkesannya perjuangan orang-orang Melayu setelah mereka bergabung tenaga melalui Kongres Melayu Se-Malaya dan kemudian, dengan lebih tepat lagi, melalui UMNO.

Walaupun British sudah melancarkan *Malayan Union* secara rasmi, akhirnya, mereka terpaksa menarik balik *Union* itu, satu tamparan hebat kepada sebuah kuasa dunia yang terkenal kerana kepintaran pemerintahan kolonial mereka. Semua ini adalah hasil semangat, kesedaran dan perpaduan orang-orang Melayu.

Jika kita disoal, apakah yang memberi kejayaan kepada satu bangsa yang begitu lemah, iaitu bangsa Melayu pada tahun 1946, jawapannya ialah semangat perpaduan yang berjaya mengumpulkan orang-orang Melayu dari negeri-negeri yang berasingan, dari pertubuhan-pertubuhan yang berlainan, untuk menghadapi ancaman terhadap bangsa mereka. Inilah semangat yang muncul pada 1948, apabila bangsa diancam dengan kemungkinan dihapuskan.

Orang-orang Melayu menangkis usaha-usaha British untuk mecahbelahkan mereka. Sebaliknya, mereka bersatu padu. Orang-orang atasan juga sanggup bergabung tenaga dengan rakyat jelata dan rakyat memberanikan diri mendesak raja-raja supaya menentang British.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah bangsa Melayu, di mana mereka begitu kuat bersatu. Yang mencacatkan sedikit ialah kelakuan *Malay Nationalist Party* atau *MNP*

yang bukan sahaja mengasingkan diri daripada UMNO, tetapi juga semasa orang-orang Melayu berjuang untuk menghapuskan *Malayan Union*, mereka mengadakan kerjasama dengan *All Malaya Council of Joint Action* atau *AMCJA*, sebuah gabungan kiri yang menyokong *Malayan Union*. Tetapi, *MNP* adalah pertubuhan yang kecil yang mendapat sokongan daripada hanya segelintir orang-orang Melayu. Ramai daripada penyokong *MNP* telah berpihak kepada UMNO apabila mereka melihat gerak-geri para pemimpin *MNP*.

Dengan *MNP* menjadi lumpuh, perpaduan Melayu dalam UMNO menjadi begitu kuat sehingga UMNO boleh menggerakkan orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung, bertindak serentak dengan pendirian yang sama pada bila-bila masa. Apabila UMNO memutuskan orang-orang Melayu berkabung sebagai tanda penolakan *Malayan Union*, orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung berkabung. Apabila disuruh memulaukan segala istiadat menyambut *Malayan Union*, mereka semua mematuhi arahan itu.

Pihak British yang dahulu tidak menghiraukan pendapat orang-orang Melayu, adalah satu bangsa yang tidak berwibawa yang boleh di ketepikan dengan mudah, terpaksa menukar sikap apabila UMNO ditubuhkan. Jika dahulu mereka tidak menghormati pemimpin-pemimpin Melayu selepas UMNO ditubuhkan, British terpaksa berunding dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan memberi pertimbangan yang wajar kepada pendapat dan pendirian UMNO. Dan ini dibuat diperingkat yang tertinggi sekali, iaitu dengan melibatkan Gabenor British dan kerajaan di London.

Dengan tertubuhnya UMNO hasil daripada semangat perpaduan yang tidak mementingkan diri, dengan sokongan sebulat suara kepada pemimpin-pemimpin UMNO, maka pengaruh dan kuasa orang-orang Melayu meningkat. Raja-raja juga mengakui kekuatan UMNO dan menerima pandangan UMNO. Raja-raja yang sebelum UMNO wujud telah menandatangani triti MacMichael,

menolak perjanjian rasmi itu dengan beraninya dan mengambil langkah untuk menentang *Malayan Union*.

Demikianlah satu bangsa yang lemah menjadi satu bangsa yang berwibawa dan dihormati. Perjuangan orang Melayu tidak diasaskan kepada kekayaan, kepada kemampuan mengadakan revolusi bersenjata, kepada apa-apa jenis kekerasan. Asas perjuangan Melayu ialah perpaduan mereka. Semangat perpaduan yang tidak mementingkan diri inilah yang memberi kejayaan kepada perjuangan orang-orang Melayu.

Di waktu Kongres Melayu Se-Malaya dan penubuhan UMNO, tidak sesiapa pun berasa iri hati dengan tempat yang utama dan tinggi yang diberikan kepada Allahyarham Dato' Onn dan pemimpin-pemimpin lain. Sebenarnya, ramai yang menolak jawatan-jawatan pada masa itu kerana mereka dengan ikhlas dan terus-terang menyatakan, bahawa mereka tidak layak sebab-sebab tertentu.

Bukan sahaja yang tidak memegang jawatan tidak cemburu, tetapi juga mereka memberi sokongan yang penuh kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih dan menggesa ahli-ahli pertubuhan mereka menerima kepimpinan parti. Apabila Allahyarham Dato' Onn dan lain-lain pemimpin menjelajah ke seluruh Tanah Melayu, orang-orang Melayu melupakan perasaan kenegerian dan menyambut Allahyarham Dato' Onn sebagai pemimpin bangsa Melayu.

Memang benar, akhirnya Allahyarham Dato' Onn diganti dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Yang Dipertua UMNO. Tetapi penukaran ini bukan disebabkan kerana Tunku meminati jawatan. Apa yang berlaku adalah perbezaan pendapat antara Allahyarham Dato' Onn dengan majoriti pemimpin UMNO dan juga majoriti orang-orang Melayu.

Allahyarham Dato' Onn bercadang menjadikan UMNO bukan lagi parti orang-orang Melayu, tetapi parti yang terbuka kepada semua kaum. Orang-orang Melayu pada masa itu belum merasa diri mereka selamat, bahkan sekarang ini pun mereka belum bersedia membuka UMNO

kepada kaum-kaum lain. Oleh sebab itulah, majoriti Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan ahli-ahli tidak bersetuju dengan cadangan Dato' Onn. Jika beliau sanggup menerima pandangan majoriti ini, ahli-ahli UMNO sanggup terus menerima kepimpinan Dato' Onn. Tetapi Dato' Onn tidak mahu menukar pendiriannya, dan oleh itu telah tidak mendapat sokongan majoriti.

Tidak ada kempen yang dijalankan oleh Tunku Abdul Rahman. Anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang lain pula tidak berebut-rebut untuk mendapat jawatan Yang Dipertua yang dikosongkan oleh Allahyarham Dato' Onn. Sebaliknya, mereka bersetuju menjemput Tunku Abdul Rahman yang bukan ahli Majlis Kerja Tertinggi dan tidak terlibat dengan penubuhan UMNO. Tidak ada perasaan tamak kepada jawatan di pihak sesiapa. Yang dianggap penting ialah kredibiliti dan ketuhan UMNO dan kejayaan perjuangan orang-orang Melayu. Pada pendapat Allahyarham Tun Razak dan rakan-rakannya, Yang Teramat Mulia Tunku, kerana umur dan statusnya di Kedah, adalah orang-orang yang boleh memberi imej yang baik kepada UMNO.

Dengan itu, Tunku Abdul Rahman dijemput dan beliau menerima jawatan dan tugas Yang Dipertua UMNO. Selain daripada mereka yang sepandapat dengan Dato' Onn yang bilangannya kecil, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO merapatkan semula barisan mereka dan memberi sokongan yang penuh kepada Tunku Abdul Rahman. Kekuatan UMNO tidak terjejas. Pihak British tidak dapat mencari peluang atau alasan daripada 'perpecahan' UMNO ini. Mereka terpaksa terus mengiktiraf UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai suara majoriti orang-orang Melayu. Justeru itu, UMNO berjaya menuntut kemerdekaan.

Sekali lagi kita melihat semangat perpaduan dalam UMNO. Selepas peralihan kepimpinan kepada Tunku Abdul Rahman, tidak ada rebutan jawatan dalam UMNO walaupun pada tiap-tiap tahun UMNO mengadakan pemilihan Majlis Kerja Tertinggi. Di peringkat cawangan

dan bahagian pun, pertandingan diadakan dengan sopan, tanpa kempen dan penggunaan wang. Jika adapun pertandingan di peringkat MKT, ianya adalah untuk ahli-ahli biasa MKT sahaja, tidak untuk Presiden, atau Timbalan Presiden, atau Naib Presiden. Hanya jika ada mana-mana kekosongan jawatan Naib Presiden oleh kerana kematian atau lain-lain sebab, maka bahanalah ada pertandingan di peringkat Naib Presiden. Jika tidak, maka semua Naib Presiden, Timbalan Presiden dan Presiden menang tanpa bertanding.

Ketertipan dalam UMNO mengukuhkan parti dan memberi kredibiliti kepada pemimpin. Kerana pemimpin ada kredibiliti, pendapatnya dihormati dan dipercayai oleh semua pihak sama ada British ataupun kaum-kaum lain. Maka, mudahlah pemimpin menjaga kepentingan orang-orang Melayu.

Mungkin ada yang berpendapat, ini tidak demokratik. Tetapi, peristiwa tidak bertanding dan perlantikan semula berlalu sepanjang masa dalam demokrasi. Setiap kali kita mengadakan pilihanraya, ada sahaja yang menang tanpa bertanding. Di negara-negara lain pemimpin-pemimpin parti kerap juga dipilih semula tanpa bertanding.

Hasil daripada adat dan tradisi, UMNO tidak berebut-rebut jawatan ini, ialah parti yang kukuh dan stabil. Pemimpin UMNO dianggap suara parti apabila mereka berunding dengan pihak lain. Tidak ada sesiapa daripada dalam parti yang menolak pendapat yang disuarakan oleh pemimpin. Kuasa-kuasa yang diberi kepada pemimpin dihormati oleh semua pihak.

Ini tidak bermakna pemimpin boleh berbuat apa sahaja. Pengunduran Allahyarham Dato' Onn adalah kerana beliau ingin membuat sesuatu yang tidak dipersetuju oleh majoriti orang-orang Melayu, bukan kerana Tunku Abdul Rahman ingin menjadi Yang Dipertua parti. Pemimpin hanya bebas bertindak asalkan tidak terkeluar daripada prinsip dan matlamat perjuangan parti. Selagi pemimpin tidak bertentangan dengan pendirian parti, dia akan disokong oleh semua anggota parti, walaupun

kadang-kadang, seperti keputusan menubuhkan Malaysia dan penyingkiran Singapura, pemimpin tidak terlebih dahulu berunding dengan parti melalui Majlis Kerja Tertinggi. Tentangan oleh Allahyarham Syed Jaafar Albar terhadap pemisahan Singapura, tidak mendapat sokongan daripada Majlis Kerja Tertinggi atau ahli-ahli biasa UMNO.

Tradisi dan adat UMNO tidak mencabar kepimpinan parti menjadikan UMNO tenang, kuat dan berkesan. Tidak semua yang dibuat oleh pemimpin dipersetujui 100 peratus oleh ahli-ahli. Demikian dalam peristiwa 13 Mei 1969, ada ahli-ahli UMNO yang berpendapat, bahawa pemimpin pada ketika itu bersalah. Mereka ini disingkirkan daripada UMNO tanpa menjelaskan kewibawaan parti walaupun pendirian mereka menarik dan mendapat simpati daripada ramai ahli.

Secara halus dan tertib, pendirian ahli-ahli UMNO disampaikan kepada pemimpin berkenaan dan beliau menarik diri secara terhormat dan timbalannya mengambil tempat tanpa rebutan. Demikianlah, seperti rambut ditarik tanpa tepung berkecaci. UMNO terus kuat dan pemimpin barunya mendapat kesetiaan ahli-ahli dan tidak kurang dihormati oleh orang-orang luar. Tidak ada perpecahan berlaku. Mereka yang bersimpati dengan Tunku, tidak membuat angkara. Tunku sendiri tidak sengaja mencuba *subvert* atau melemahkan kepimpinan Allahyarham Tun Razak, walaupun ada tanda-tanda Tunku tidak begitu bersetuju dengan tindakan-tindakan Tun Razak sebagai pemimpin parti dan Perdana Menteri.

Semangat perpaduan dan tradisi serta sopan santun bangsa Melayu telah berjaya membentuk sebuah parti politik yang kukuh di kalangan rakyat satu bangsa yang hampir tidak mempunyai pengalaman dalam bidang politik, jauh sekali politik berparti dalam demokrasi. Di segenap kampung, walau bagaimana terpencil sekalipun, cawangan-cawangan UMNO ditubuhkan lengkap dengan ketua, setiausaha, bendahari dan lain-lain ahli jawatan-kuasa. Jika ada sahaja pilihanraya kecil atau pilihanraya

umum, semua cawangan ini bergerak serentak dan menjalankan tugas-tugas yang diperlukan. Pada masa-masa lain, cawangan-cawangan terlibat dengan usaha-usaha pembangunan negara. Sementara itu, di peringkat pemerintahan, kerajaan pimpinan UMNO berjaya menyesuaikan diri dan menghadapi segala cabaran pentadbiran zaman yang moden dan mencabar ini.

Dengan perkataan lain, UMNO telah berjaya menjadikan orang-orang Melayu satu bangsa yang cukup sofistikated dalam bidang politik. Mereka boleh menggembangkan orang-orang Melayu dalam satu jentera politiknya berkesan dan berwibawa sehingga sukar dikalahkan. Demikianlah berkesannya perjuangan UMNO, sehingga hari ini, setiap orang Melayu, bahkan setiap rakyat Malaysia, secara langsung atau tidak langsung mendapat nikmat daripadanya.

Semua ini adalah hasil semangat, tradisi dan adat yang membawa orang-orang Melayu serta pertubuhan-pertubuhan mereka ke suatu kongres pada 1 Mac 1946, kerana semangat, tradisi dan adat yang sama.

Dan semangat, tradisi dan adat ini telah menjadi sebahagian daripada sifat-sifat UMNO sendiri sehinggalah pada tahun 1984.

Pada tahun 1984, Timbalan Presiden UMNO yang telah dipilih pada tahun 1981 dicabar. Segala nasihat supaya tidak melanggar tradisi dan adat UMNO dan orang-orang Melayu tidak dihiraukan. Semangat UMNO sudah dalam hati pencabar. Sebenarnya, pada ketika itu dia luput dalam hati pencabar. Sebenarnya, pada ketika itu dia hairanlah kejadian-kejadian yang menyusuli usaha tokoh ini merebut jawatan Timbalan Presiden. Yang mendorongkan bukanlah semangat UMNO tetapi kepentingan diri yang mendesak supaya apa yang sahaja dilakukan termasuklah membinasakan UMNO.

Kita tidak perlu ceritakan tentang percubaan merebut jawatan Presiden oleh tokoh ini pada 1987. Kononnya tidak bersetuju dengan dasar. Kononnya kerana ekonomi negara meleset disebabkan kerajaan tidak cekap. Konon-

nya diktator. Semua ini adalah alasan yang diada-adakan sahaja. Yang penting dan utama ialah rebutan jawatan Presiden untuk menjadi Perdana Menteri.

Hasil tekanan cita-cita besar ini ialah pada 4 Februari 1988, UMNO diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram. UMNO yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu pada tahun 1946, UMNO yang dimiliki oleh berjuta orang-orang Melayu, UMNO yang telah menjadi benteng kepada orang-orang Melayu dan negara, UMNO ini diharamkan kerana diseret ke mahkamah oleh orang yang ingin mendapat jawatan.

UMNO mempunyai jenteranya sendiri untuk menyelesaikan masalah tanpa campur tangan orang luar. Jika tidak ada kepercayaan kepada Majlis Tertinggi, boleh dirujuk kepada perhimpunan agung. Tetapi, jentera parti diketepikan dan kuasa parti diserahkan kepada mahkamah. Inikah tindakan orang yang bersemangat UMNO? Inikah semangat UMNO pada tahun 1946 yang kownnya orang ini ingin pertahankan? Saudara saudari tahu apa ianya semangat orang-orang Melayu dan UMNO pada tahun 1946. Apakah ada persamaan antara nafsu yang mendorongkan tindakan golongan yang menyebabkan UMNO diharamkan dengan semangat yang kita tahu terdapat di kalangan orang-orang Melayu dan UMNO sewaktu menentang *Malayan Union*? Apakah kerjasama dengan DAP umpamanya, melawan UMNO, mencerminkan semangat itu?

Tidak sesiapa dapat menafikan, bahawa UMNO yang ada sekarang mendapat sokongan majoriti yang besar daripada orang-orang Melayu. Bilangan ahli-ahli UMNO sekarang ini sudah sama dengan bilangan ahli-ahli UMNO dahulu, walaupun bilangan ahli-ahli dahulu tidak tepat dan diragukan. Tidak syak lagi, bahawa ahli-ahli UMNO akan terus bertambah, insya-Allah. Mereka yang percaya dan inginkan perpaduan tidak boleh menolak UMNO kerana tanpa UMNO perpaduan tidak bermakna. Apakah dengan disatukan kumpulan-kumpulan serpihan dan minoriti orang Melayu, maka perpaduan tercapai? Mereka

yang inginkan perpaduan mestilah bersatu dengan pihak majoriti.

Apakah perpaduan bermakna jika masing-masing mempunyai tujuan yang berlainan, masing-masing ingin memperalatkan yang lain? Jika perpaduan hendak dicapai, maka masing-masing mestilah menyetujui akan asas dan dasar yang sama. Jika tidak, maka yang dilakukan bukanlah perpaduan tetapi pakatan sahaja.

Perpaduan hanya boleh dicapai dalam UMNO di mana ahli-ahli dan menerima akan asas dan dasar perjuangan parti. Pintu UMNO masih terbuka. Jika benar ada orang yang mempunyai Semangat 46 di luar UMNO, mereka harus menyertai UMNO. Hanya dengan bersatu dengan pihak majoriti sahaja baharulah perpaduan boleh dicapai. Apabila minoriti menentang majoriti, pecah belah namanya.

Perjuangan orang-orang Melayu belum tamat. Mereka belum mencapai tahap pembangunan yang boleh membantu mereka bersaing dalam masyarakat majmuk Malaysia dengan jayanya. Sudah tentu mereka belum sampai ke tahap untuk bersaing dengan bangsa-bangsa maju di dunia.

Justeru itu, mereka masih memerlukan kuasa politik dan pengaruh yang kuat dalam kerajaan. Dengan adanya UMNO, orang-orang Melayu telah dapat mempertahankan kedudukan mereka sementara meningkatkan kebolehan mereka untuk bersaing dalam dunia yang penuh cabaran. Insya-Allah, dengan diberi perlindungan dan peluang, mereka akan mencapai tahap kebolehan yang boleh menjamin kejayaan mereka. Tetapi sebelum itu mereka perlu kepada perlindungan kuasa politik dan kerajaan.

Selagi pencapaian orang-orang Melayu belum menjamin kejayaan masa depan mereka, selagi itulah orang-orang Melayu harus menentukan kemenangan mereka dalam bidang politik. Politik orang-orang Melayu masa kini bukan untuk mendapat tempat tertentu bagi diri sesiapa, tetapi untuk mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu yang masih lemah. Demikianlah juga dengan

UMNO. UMNO bukan alat sesiapa untuk mendapat jawatan yang tinggi, tetapi UMNO adalah alat perjuangan orang-orang Melayu.

Jika pada tahun 1946 orang-orang Melayu membentuk UMNO dan memilih Allahyarham Dato' Onn sebagai pemimpin, tujuannya ialah kerana tanpa sesebuah parti politik nasional dan seorang pemimpin dan jurucakap, perjuangan orang-orang Melayu melawan *Malayan Union* tidak mungkin berjaya. Pemilihan Allahyarham Dato' Onn bukan untuk beliau menjadi orang besar. Jika ini berlaku, ia adalah secara kebetulan sahaja.

Sebabnya, UMNO diteruskan selepas *Malayan Union* dibubarkan ialah kerana perjuangan orang-orang Melayu belum tamat. Orang-orang Melayu masih belum memerintah negara mereka sendiri selepas *Malayan Union* diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu. Berkat perpaduan yang berterusan orang-orang Melayu dalam UMNO, Perikatan telah menang 51 daripada 52 kerusi dalam pilihanraya 1955. Dengan majoriti yang besar ini, pihak British tidak mempunyai helah bagi menolak tunutan orang-orang Melayu untuk mendapat kemerdekaan.

Selepas merdeka pada tahun 1957, masalah orang-orang Melayu belum selesai. Apakah maknanya merdeka jika orang-orang Melayu masih mundur dalam segala bidang dan masih lemah? Jika kerajaan dikehendaki menolong orang-orang Melayu, maka kerajaan itu mestilah berteraskan Melayu. Melalui UMNO, sokongan orang-orang Melayu kepada kerajaan dibulatkan dan langkah-langkah dapat diambil oleh kerajaan bagi meningkat pencapaian orang-orang Melayu.

Peristiwa 13 Mei 1969 mengingatkan pemimpin-pemimpin UMNO supaya tidak lalai dalam menjalankan tugas membantu orang-orang Melayu. Dasar Ekonomi Baru atau DEB digubal kerana kerajaan dikejutkan dengan peristiwa berdarah 13 Mei.

Tetapi kita belum mencapai matlamat DEB sepenuhnya. Walaupun kedudukan orang-orang Melayu sekarang begitu baik sehingga ada yang lupa akan sebabnya, mereka

tidak berasa cemas, tetapi ini adalah kerana UMNO masih ada untuk menentukan orang-orang Melayu terlindung. Jika UMNO tidak ada dan parti yang memerintah dianggotai oleh 40 wakil rakyat Melayu dan yang lainnya daripada kaum lain, seperti yang dirangka oleh kumpulan serpihan, orang-orang Melayu tidak akan mendapat perlindungan lagi. Pada masa itu, kita akan balik kepada situasi semasa British memerintah, bahkan lebih buruk daripada itu.

Hari ini, 11 Mei, kita merayakan bukan sahaja kejayaan bapa – bapa kita membentuk UMNO, tetapi kita juga merayakannya supaya kita dapat memperingati dan menyedarkan diri kita akan perlunya kita meneruskan perpaduan orang-orang Melayu dalam UMNO, dan kita meneruskan usaha-usaha untuk menjadikan orang-orang Melayu bangsa dan kaum yang berwibawa dalam negara kita.

Insya-Allah, jika kita seperti pada hari ini, tidak lupa akan sejarah dan asal usul kita, jika tahu menghargai jasa mereka yang begitu berani dan bersemangat berusaha untuk menyatupadukan orang-orang Melayu dan menubuhkan UMNO, jika kita insaf dan selalu bersyukur akan nasib baik kita, insya-Allah, kita akan mendapat ganjaran lagi, kita akan mencapai kejayaan, kita akan menjadi bangsa yang gagah, yang mulia dan dihormati. Kita perlu ingat, bahawa mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi berkali-kali segala kesalahan mereka dan akan menerima keburukan yang menimpa mereka terdahulu.

Mereka yang belum insaf, insaflah dan balik ke pangkal jalan. Mereka yang tahu insaf, insaflah dan bersyukur mudah-mudahan Allah s.w.t. akan mengurnia-kan lebih banyak kejayaan.

Rayakanlah hari ini, 11 Mei, sebagai hari yang mulia, hari yang bahagia, hari yang keramat bagi bangsa Melayu yang beragama Islam. Rayakanlah hari ini kerana kita semua berhak merayakannya. Mudah-mudahan, anak cucu kita dan seluruh zuriat kita tidak akan mudah menjadi

orang yang tidak tahu berterima kasih kepada jasa.

---

*Ucapan Penuh Presiden UMNO Di Perhimpunan Sambutan Hari Kelahiran UMNO Di Istana Besar, Johor Bahru, Hari Khamis, 11 Masi 1988.*

---

# 13

## KEWIBAWAAN UMNO

TAHUN 1989, merupakan tahun yang bertuah bagi UMNO. Pada tahun ini, kita telah berjaya memulihkan sepenuhnya pertubuhan yang kita semua sayangi ini, pertubuhan yang begitu berjasa kepada orang Melayu, kepada rakyat Malaysia dan kepada negara Malaysia.

Pada tahun yang lepas ini, kita mengadakan Perhimpunan Agung hanya untuk meluluskan undang-undang pertubuhan kita. Wakil-wakil yang hadir tidak dipilih melalui proses biasa tetapi melalui peruntukan perlombagaan khusus untuk masa penubuhan.

Pada tahun lalu, cawangan-cawangan belum ditubuhkan dan sudah tentu cawangan-cawangan tidak bermesyuarat bagi melantik wakil ke mesyuarat bahagian untuk memilik wakil ke mesyuarat agung. Peraturan yang kita amalkan tahun lepas adalah peraturan-peraturan sementara; sesuatu yang perlu dilakukan dalam proses penubuhan parti-parti atau menghidupkan semula parti.

Untuk menentukan parti kita dipulihkan semula, kita telah menyekat kemasukan mereka yang tidak berminat untuk memulihkan UMNO. Sudah tentu dalam keadaan di mana susunan rapi bagi parti belum selesai, kehadiran mereka ini akan menyukarkan proses pemulihan. Justeru itu, mereka ditinggalkan buat sementara waktu di luar parti.

Setelah kita memulihkan parti kita, UMNO, daripada

segi semangat keahlian, pentadbiran dan perlembagaan serta di sisi undang-undang, setelah kita mendapat sokongan daripada sebahagian besar daripada ahli UMNO yang setia, setelah kita mendapat pengiktirafan daripada orang Melayu umumnya dan pengundi Melayu khasnya, seperti yang dibuktikan daripada kejayaan kita dalam beberapa pilihanraya kecil, maka kita telah membukakan pintu parti kita kepada semua bekas ahli parti yang belum menyertai UMNO dan juga semua orang Melayu lain. Kita tidak khuatir lagi dengan mereka ini sekarang walaupun semangat UMNO dan semangat perpaduan mungkin belum tertanam secukupnya dalam hati sanubari mereka.

Ahli setia, ahli yang bersemangat UMNO, ahli yang percaya kepada perpaduan Melayu akan menjamin kekuatan dan kejayaan UMNO. Kita percaya ahli yang setia dan bersemangat ini, jauh lebih ramai dan lebih berwibawa daripada kurang bersemangat. Kita juga percaya, mereka tidak akan berani mengulangi sesuatu yang akan menyebabkan UMNO dihukum tidak sah sekali lagi.

Undang-undang tubuh dan disiplin parti akan dikuasakan ke atas semua yang menjadi ahli UMNO. Kita semua berada dalam UMNO kerana UMNO sahajalah yang mampu memberi perlindungan dan kejayaan kepada orang Melayu dalam negara yang berbilang kaum ini. UMNO sahajalah yang boleh menstabil dan mententeramkan keadaan dalam negara kita, Malaysia. UMNO sahajalah yang mampu menjamin keutuhan agama, bangsa dan negara, insya-Allah. Sejarah perjuangan orang Melayu membuktikan kebolehan UMNO ini.

Perlembagaan UMNO semenjak dahulu lagi memang mempunyai semua peruntukan untuk menyelesaikan sebarang masalah dan pertikaian dalam parti. Kita sedar, bahawa perlumbagaan parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara. Memang benar ahli boleh mendakwa parti dan orang tertentu, termasuk pemimpin-pemimpin di mahkamah. Kita menjadi ahli parti kerana kita percaya kepada perjuangan parti. Kita menjadi ahli parti kerana

kita yakin, bahawa cita-cita kita ahli UMNO, bahkan cita-cita orang Melayu umumnya, boleh diperjuang dan dijayakan melalui gabungan tenaga dalam parti UMNO.

Kemasukan kita dalam parti bermakna kita menerima perlombagaan, tradisi dan cara-cara pentadbiran parti. Walaupun perlombagaan parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara, tetapi apabila kita menyertai UMNO sebagai ahli, kita tentulah sanggup meletakkan diri kita di bawah perlombagaan parti. Ini bermakna, bahawa kita mengutamakan kepentingan parti dan perjuangannya yang ditentukan melalui suara ramai.

Jika kita tidak bersetuju dengan suara ramai, maka tindakan yang harus diambil ialah menarik diri kita keluar daripada parti. Kita boleh menyertai parti lain atau menubuhkan parti kita sendiri. Tetapi, di mana juga kita berada, kita akan menghadapi masalah jika kita tidak sanggup menerima suara ramai dan cara-cara pengurusan parti. Pendek kata, setiap orang yang menjadi ahli parti mestilah meletakkan dirinya di bawah kepentingan diri.

Perbuatan menghancurkan parti kerana kita tidak bersetuju dengan suara ramai, perbuatan membelakangkan jentera parti dan mencari penyelesaian di luar daripada parti, perbuatan menghalang perjalanan parti kerana kita tidak mendapat sesuatu untuk diri sendiri – semua ini menunjukkan kita tidak faham selok-belok berparti dan konsep suara ramai dalam parti yang demokratik.

Sebenarnya, mengikut perlombagaan parti, tidak terdapat wakil yang tidak sah di Perhimpunan Agung 1987. Perlombagaan parti memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi menentukan kesahihan wakil-wakil. Majlis Tertinggi telah memberi peluang sebelum Perhimpunan Agung 1987, untuk semua ahli UMNO membuat pengaduan tentang apa-apa masalah sebelum perhimpunan agung diadakan, supaya semua aduan dapat diputuskan mengikut peruntukan dalam perlombagaan parti.

Beberapa perkara telah dibangkitkan mengenai mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian sebelum Perhimpunan Agung 1987. Ini telah dibincang dan diputus-

kan oleh Majlis Tertinggi mengikut cara dan kuasa yang diberi kepadanya oleh perlombagaan parti. Dalam sebuah parti yang mempunyai lebih satu juta ahli dan 8,000 cawangan, adalah amat sukar, bahkan tidak mungkin bagi Majlis Tertinggi sendiri mengawasi setiap mesyuarat cawangan setiap kali diadakan. Akan ada beberapa orang yang keahliannya tidak sah yang menghadiri satu atau dua mesyuarat cawangan daripada 8,000 cawangan. Dengan itu, mesyuarat cawangan itu menjadi tidak sah. Jika mesyuarat cawangan itu memilih wakil ke mesyuarat bahagian, maka mesyuarat bahagian pula menjadi tidak sah. Jika mesyuarat perwakilan bahagian itu memilih wakil ke perhimpunan agung UMNO, maka perhimpunan agung UMNO juga menjadi tidak sah.

Semuanya boleh jadi tidak sah termasuk parti juga kerana hanya satu dua orang yang mungkin pun bukan ahli UMNO, tetapi menghadiri mesyuarat cawangan dengan sengaja, atau mungkin dengan tujuan-tujuan tertentu. Mengikut undang-undang yang ada, amat mudah bagi seorang individu menidakkannya hak sebilang besar rakyat yang lain. Apakah ini demokrasi? Apakah erti suara ramai jika seorang dua boleh menidakkan hak satu juta orang lain.

Jika tindakan seperti ini digunakan, maka tidak akan wujud hak mereka yang ramai lagi. Siapa sahaja boleh mengharamkan mana-mana organisasi, seperti mana juga siapa sahaja boleh mendapat *injunction* atau perintah mahkamah untuk mengganggu perjalanan mana-mana pertubuhan.

Kita tidak menyalahkan mahkamah kerana membuat keputusan mengikut undang-undang. Memang rakyat, negara dan kerajaan juga mahu hakim dan mahkamah berpegang kepada undang-undang apabila memutuskan hukuman. Di zaman feudal, raja-raja dan hakim-hakim menggunakan budi bicara mereka sendiri untuk memutuskan sesuatu kes dan mengenakan jenis dan bentuk hukuman yang difikirkan sebagai amat sesuai dengan jenayah yang dilakukan. Tetapi di zaman ini dan di negara

kita, bukan sahaja kerajaan dan rakyat harus patuh kepada undang-undang, tetapi hakim juga harus patuh kepada undang-undang. Oleh yang demikian, jika sesuatu itu menyalahi undang-undang maka hakim akan menghukum salah dan mengenaikan hukuman mengikut undang-undang.

Jika tafsiran yang dibuat oleh hakim tidak seperti yang dikehendaki oleh rakyat, maka rakyat melalui wakil-wakil mereka boleh meminda undang-undang melalui parlimen. Rakyat tidak boleh membatalkan sesuatu hukuman yang sudah pun dibuat oleh mahkamah mengikut undang-undang. Hanya mahkamah sahaja yang boleh membatalkan hukuman mahkamah yang lebih rendah daripadanya. Inilah proses undang-undang. Inilah *Rule of Law*. Jika wakil-wakil rakyat boleh membatalkan keputusan mahkamah, maka sesiapa pun tidak akan percaya lagi kepada mahkamah.

Hari ini, pintu UMNO terbuka luas untuk siapa saja menjadi ahlinya. Mereka telah menyebabkan parti kita diheret ke mahkamah pun sanggup kita terima. Mungkin mereka sekali lagi akan membuat angkara yang sama, tetapi kita tidak mahu sesiapa pun menuduh, bahawa parti UMNO tertutup kepada orang Melayu tertentu. UMNO terbuka kepada semua orang Melayu, tetapi mana-mana parti politik juga memerlukan setiap ahli mereka menerima prinsip dan matlamat parti serta juga perlombagaan dan pentadbirannya. Memang ada peraturan-peraturan untuk meminda perlombagaan dan mengubah corak pentadbiran, bahkan kadang-kadang untuk menukar matlamat parti. Tetapi, peraturan-peraturan ini mestilah dipatuhi sekiranya hendak membuat sebarang pindaan.

Apabila kita menjadi ahli sesuatu pertubuhan, bermakna kita membuat satu perjanjian, satu kontrak untuk mengutamakan syarat-syarat keahlian kita dalam pertubuhan itu. Jika tidak bertindak di luar daripada syarat-syarat perjanjian itu, maka kita mungkir janji dan orang yang mungkir janji akan hilang kepercayaan orang lain. Justeru itu, setiap ahli UMNO mestilah patuh kepada

syarat-syarat kontrak sebagai ahli.

### **Tradisi Tidak Bertanding**

Sebagai sebahagian daripada proses pemulihan parti, kita telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat cawangan dan bahagian bertujuan, antara lain memilih pemimpin-pemimpin cawangan dan bahagian. Majlis Tertinggi telah menasihatkan supaya pertandingan tidak diadakan untuk jawatan-jawatan tertentu.

Memanglah benar perlembagaan parti memberi hak untuk memilih pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian. Namun demikian, Majlis Tertinggi yang bertanggungjawab terhadap keutuhan dan kewibaan parti perlu memberi nasihat supaya parti berada dalam keadaan sihat dan teguh.

Kita mendapati, bahawa pemilihan pemimpin di masa-masa yang lampau ini sering membawa kepada perpecahan. Sesiapa juga yang dipilih dalam pertandingan, beliau tidak mungkin mendapat sokongan daripada semua pihak. Yang tidak menyokongnya akan kecewa dan mungkin mengasingkan diri. Ini akan menyebabkan kepimpinan orang yang terpilih itu menjadi lemah kerana terdapat ahli yang tidak sanggup merapatkan barisan di belakangnya selepas pemilihan.

Dengan itu, pemimpin yang terpilih akan kurang berkesan dan tidak akan berjaya memimpin parti di peringkat bahagian untuk menentukan kemenangan colon Barisan Nasional dalam pilihanraya. Apa gunanya menang menjadi pemimpin bahagian tetapi kemudiannya kerusi dewan undangan negeri atau parlimen bagi kawasan berkenaan jatuh ke tangan pihak lawan? Lebih buruk lagi, jika di kebanyakan tempat berlaku perebutan kepimpinan, parti akan kalah dalam pilihanraya umum dan tidak dapat membentuk kerajaan. Kita hendaklah ingat, bahawa kemenangan dalam parti tidak bermakna, jika parti tidak mendapat kemenangan dalam pilihanraya umum.

Ada yang berpendapat bahawa calon-calon dalam pilihanraya akan datang ialah ketua-ketua bahagian. Juga

ada yang berpendapat bahawa jika ketua bahagian tidak dipilih sebagai calon, maka dianya tidak akan menyokong lain yang dicalonkan. Fikiran seumpama ini adalah cetek kerana ketua bahagian yang dipilih pun mungkin tidak akan mendapat sokongan daripada semua ahli UMNO kerana ada yang kecewa dengan pemilihannya. Mungkin mereka ini tidak ramai tetapi mencukupi untuk mengurangkan undi sehingga kalah.

Sebab itulah, Majlis Tertinggi telah menasihatkan supaya tidak ada pertandingan pada kali ini. Selepas pilihanraya, dan apabila pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian diadakan sekali lagi, pertandingan bolehlah diadakan semula. Pada ketika itu, pilihanraya tidak akan tergugat, dan insya-Allah kita akan dapat memulihkan perpaduan dalam parti sebelum pilihanraya yang berikutnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada bahagian-bahagian yang telah menerima nasihat Majlis Tertinggi, terutama calon-calon yang telah menarik diri daripada pertandingan kerana mahu menentukan bahagian dan parti tidak berpecah dan menjadi lemah. Kematangan UMNO dalam bidang politik terbukti sekali lagi.

Sekarang amatlah penting bagi kita semua menghentikan ugutan untuk tidak menyokong calon parti jika tidak dipilih sebagai calon. Kemenangan bergantung kepada semua pihak, bukan kepada satu kumpulan sahaja. Parti semestilah bebas memilih calon walaupun amalan payung terjun tidak popular. Sebagai seorang daripada anggota payung terjun dalam UMNO, saya sedar bahawa saya tidak akan berada di tempat ini kalau saya tidak dibenarkan terjun ke kawasan Kubang Pasu selepas kawasan terjun lama saya penuh dengan ‘pengganas’. Namun, amalan calon payung terjun tidak harus diamalkan terlalu kerap. Orang tempatan mesti diberi peluang.

Kita harus ingat, bahawa tujuan pilihanraya diadakan ialah untuk membentuk kerajaan. Kerajaan dibentuk untuk kepentingan rakyat dan bukan untuk kepentingan kerajaan atau orang tertentu. Tetapi, jika rakyat tersalah

pilih, maka mereka akan mendapat kerajaan dan para pemimpin yang hanya asyik untuk berkuasa sahaja.

Kata pepatah barat, "*A people deserves the Government it gets*" atau lebih kurang maksudnya, "Sesuatu bangsa mendapat kerajaan yang padan bagi bangsa itu". Jika kita hendak kerajaan yang baik, kita akan mendapat kerajaan yang baik, tetapi jika kita sengaja memilih kerajaan yang buruk, kita akan mendapat kerajaan yang buruk. Dalam sistem demokrasi, terutamanya, rakyat tidak boleh menyalahkan sesiapa jika pemerintahan negara buruk kerana ia adalah pilihan rakyat sendiri.

Parti UMNO berjaya menujuhkan kerajaan yang memerintah secara adil dan terbukti boleh membawa kebahagiaan kepada rakyat. UMNO ditubuhkan bukan kerana kita ingin menentukan si polan si polan menjadi Perdana Menteri atau ingin memberi orang tertentu pangkat dan pendapatan, atau menjadi calon. Oleh itu, janganlah sesiapa cuba mencari kesempatan daripada UMNO. Kita tidak harus berhempas pulas untuk mendapatkan tempat dalam UMNO. UMNO akan memberi tempat kepada mereka yang UMNO kehendaki mendapat tempat. UMNO berbuat demikian supaya mereka dapat menjayakan cita-cita UMNO, orang Melayu dan Malaysia.

Syukur alhamdulillah, keadaan dalam negara kita, kemajuan yang dicapai, ketenteraman yang kita nikmati – semuanya menunjukkan rakyat berhati-hati dalam pemilihan kerajaan. Rakyat terus memberi kepercayaan mereka kepada UMNO dari masa *Malayan Union* hingga sekarang. Justeru itu, UMNO, ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpin mestilah bertanggungjawab dan membuktikan, bahawa kepercayaan rakyat kena pada tempatnya.

### **Pertumbuhan Penduduk Dan Ekonomi**

Malaysia bukanlah sebuah negara yang mudah ditadbir. Selain daripada mempunyai penduduk berbilang kaum, selain daripada dipisahkan dengan lautan yang luas, selain daripada mengamalkan sistem demokrasi yang

sofistikated, kita sekarang terpaksa menumpukan perhatian kepada kesan-kesan pertumbuhan penduduk yang pesat.

Mungkin ada yang akan ketawa besar kerana matlamat kerajaan untuk meningkatkan penduduk sehingga menjadi 70 juta nampaknya berjaya terlalu awal. Tetapi, saya ingin menjelaskan sekali lagi, bahawa matlamat kita ialah 70 juta pada tahun 2100 iaitu 115 tahun daripada tarikh matlamat itu diumumkan. Sebenarnya, berdasarkan perangkaan tahun 1985, kita perlu kurangkan kelahiran anak untuk mencapai 70 juta penduduk pada tahun 2100. Mengikut perkiraan yang kita buat, angka 70 juta akan tercapai pada tahun 2030, iaitu 70 tahun lebih awal daripada tarikh yang kita anggarkan.

Sekarang ini jelas, bahawa jika kita tidak berjaga-jaga, penduduk negara ini akan bertambah menjadi 70 juta lebih awal lagi. Peningkatan bilangan penduduk sekarang adalah lebih daripada 340,000 setahun atau satu juta setiap tahun. Ini bermakna, kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan sekurang-kurangnya sebanyak dua peratus hingga tiga peratus setahun untuk pembangunan infrastruktur dan keperluan-keperluan lain, selain daripada tambahan perbelanjaan biasa untuk pentadbiran, gaji dan pencen. Masalahnya ialah, kerajaan tidak akan dapat membekalkan wang yang cukup melainkan ekonomi negara berkembang dengan pesat. Untuk menentukan ekonomi negara terus berkembang, kita perlu kepada beberapa syarat dan fakta.

Syarat pertama yang penting ialah kestabilan politik. Tetapi, ada sahaja pihak-pihak tertentu yang ingin menggugat kestabilan politik supaya ekonomi negara terjejas dan rakyat kurang yakin kepada kerajaan. Memandangkan akan kesan buruk ketidakstabilan politik, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba membangkitkan isu-isu kaum dan isu-isu lain yang sensitif.

Rakyat pula perlu faham, bahawa demi kepentingan rakyat sendiri, mereka janganlah memberi galakan kepada

pihak-pihak yang suka menggunakan isu sensitif untuk kepentingan politik mereka. Negara telah merdeka selama 32 tahun dan tidak siapa pun dapat menafikan bahawa rakyat sudah menjadi lebih makmur. Tidak banyak negara yang dahulunya dijajah, setelah merdeka berjaya membangun dengan lebih pesat lagi daripada zaman penjajahan. Banyak negara menjadi lebih mundur, terutamanya kerana tidak ada kestabilan politik dan kerana tidak ada demokrasi yang memberi kuasa kepada rakyat bagi membolehkan mereka menggantikan kerajaan yang tidak berusaha untuk kesejahteraan mereka.

Bagi sesebuah negara yang membangun, demokrasi yang diamalkan tidak perlu terlalu liberal sehingga kerajaan menjadi kaku dan hanya ingin menjadi popular. Salah satu daripada kelemahan demokrasi ialah tuntutan terhadap kerajaan adalah berlebih-lebihan. Jika kerajaan lemah dan cuba melayan semua tuntutan, kerana ingin kekal sebagai kerajaan, negara akan menjadi bankrap. Unsur ini terdapat pada ketika dahulu apabila kerajaan berhutang terlalu banyak untuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan kerana pihak tertentu ingin menjadi popular. Jika amalan ini diteruskan, Malaysia mungkin termasuk dalam senarai negara-negara yang hampir bankrap. Sebab itu, semenjak tahun 1984, kita telah mengurangkan perbelanjaan kita walaupun kerajaan menjadi tidak begitu popular.

Syarat yang keduanya, ialah peningkatan bilangan penduduk memerlukan tambahan peluang-peluang pekerjaan setiap tahun. Dengan bilangan 17 juta rakyat dan pertumbuhan penduduk pada kadar lebih dua peratus, kita memerlukan 340,000 peluang pekerjaan setiap tahun. Ini bukanlah suatu perkara yang mudah diadakan. Tetapi, jika rakyat kita terkenal kerana rajin, tidak suka menimbulkan masalah, insya-Allah, kita bukan sahaja akan dapat menarik pelaburan dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak, tetapi pendapatan pekerja juga akan meningkat. Majikan tidak khuatir akan kenaikan gaji asalkan produktiviti meningkat dan dengan itu

keuntungan juga meningkat bersama. Mereka yang suka menimbulkan suasana perusahaan yang menakutkan para pelabur bukanlah kawan para pekerja, jauh sekali kepada mereka yang menganggur. Mereka yang mudah mengugut akan merosakkan perkhidmatan dan menyusahkan rakyat jika tuntutan mereka tidak dilayan. Mereka ini, sebenarnya melambatkan proses peningkatan pendapatan rakyat akhirnya. Amatlah tidak adil kita memburukkan nasib orang lain untuk memperbaiki pendapatan kita. Ketika kita menganggur dahulu, kita berdoa untuk mendapatkan pekerjaan. Patutkah setelah kita mendapat pekerjaan, kita membuat perkara yang menghalang orang lain daripada mendapat kerja?

Sebenarnya, kerajaanlah yang menjadi kawan kepada para pekerja kerana kerajaanlah yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan di dalam dan di luar kerajaan. Insentif yang diberikan kepada para pelabur adalah bertujuan menambah peluang pekerjaan dan membantu gaji pekerja. Tidak ada sesiapa yang boleh menafikan, bahawa jika tidak ada pelburan maka tidak akan ada peluang pekerjaan. Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh mengadakan peluang pekerjaan hanya untuk menampung pengangguran.

Dengan iklim perusahaan dipelihara dengan baik dan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, kerajaan akan mendapat cukai untuk menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk rakyat. Pertumbuhan penduduk biasanya menyebabkan taraf hidup menurun. Tetapi, jika rakyat bekerjasama rapat dengan kerajaan, insya-Allah taraf hidup rakyat tidak akan menurun, bahkan akan meningkat.

### **UMNO – Teras Politik Negara**

Sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab, UMNO mesti memimpin rakyat ke arah kebahagiaan. UMNO mesti kekal sebagai teras kepada Barisan Nasional, kepada kerajaan dan kepada negara. Renunglah ke

hadapan dan jadikan parti kita sebagai contoh kepada rakyat. Janganlah kita kelirukan rakyat dengan bercakaran sesama sendiri, berebut-rebut untuk mendapat tempat dan menggunakan wang untuk kepentingan diri. Sebenarnya, jika kita berebut-rebut, yang dikendung berciciran dan yang dikehjarnya tidak dapat. Sia-sia sahajalah segala usaha kita.

Rakyat harus bertanggungjawab. Jika rakyat mudah dibeli dengan wang, jika rakyat menganggap demokrasi sebagai alat untuk membuat tuntutan yang berlebihan, maka akhirnya rakyat akan mendapat kerajaan yang tidak bertanggungjawab dan yang akan berbelanja secara berlebih-lebihan untuk menjadi popular. Kerajaan yang hanya ingin popular akan bankrapkan negara.

### **Dasar Ekonomi Baru**

Kerajaan telah menubuhkan sebuah majlis perundingan untuk membincangkan dasar ekonomi selepas 1990. Kita belum mengetahui apakah yang akan disyorkan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara atau MPEN. Wakil kita dalam MPEN bertanggungjawab untuk menentukan perseimbangan tercapai dalam pembangunan ekonomi negara selepas 1990.

Selama 19 tahun kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita dapat mengenal pasti beberapa kelemahan yang menyebabkan orang Melayu dan bumiputera yang lain tidak mencapai kejayaan yang diharapkan. Penguasaan 20 peratus daripada punca ekonomi moden untuk bumiputera sekarang ini adalah hasil usaha kerajaan. Jika pada tahun 1991, kita menyerahkan kesemua aset ini kepada individu atau syarikat bumiputera, kita khuatir secara langsung dan tidak langsung, aset ini akan berpindah ke tangan bukan bumiputera. Dengan itu, kita tidak akan mencapai apa-apa kejayaan yang boleh ditunjukkan sebagai hasil 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Sementara kita boleh menyalahkan pihak lain kerana pencapaian kita yang rendah dalam bidang ekonomi, kita juga harus memeriksa diri kita. Apakah kita tidak bersalah

langsung?

Orang Melayu tidak suka kelemahan mereka didedahkan, tetapi hakikatnya ialah semua orang sering menyindir tentang kelemahan kita ini bahkan mereka memperalatkan kelemahan ini sehingga menjadikan Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, eloklah jika kita mengenal pasti kelemahan kita dan mengambil tindakan yang positif untuk mengatasinya.

Saya tidak berhajat menghuraikan semua kelemahan-kelemahan ini. Memadailah jika saya sebutkan, bahawa antaranya ialah sikap-sikap dan nilai-nilai yang kita pegang dalam pengurusan kegiatan ekonomi kita. Selagi sikap-sikap dan nilai-nilai kita tidak sesuai dengan pengurusan yang baik, selama itulah kita akan gagal.

Justeru itu, walau apa pun bentuk dasar ekonomi selepas 1990, tumpuan mestilah diberikan kepada pembentukan sikap dan pengalaman nilai-nilai yang sesuai dengan pengurusan yang baik. Kita tidak lagi akan melantik pengurus bumiputera hanya kerana dia seorang bumiputera. Sebaliknya, kita akan menentukan kebolehan keupayaannya terlebih dahulu. Kita akan memberi latihan amali walaupun terpaksa meletakkannya di bawah pengurusan bukan bumiputera. Kita akan membuat penilaian yang teliti tentang kebolehannya, bukan sahaja daripada segi pengetahuan tetapi lebih penting lagi daripada segi sikap dan nilai-nilai yang diamalknya. Mungkin proses ini akan memakan masa yang lama. Kita harus bersabar. Orang asing yang menjadi pengurus dalam perniagaan dan perusahaan mereka, biasanya sudah berumur sebelum diberi tanggungjawab yang berat. Terlalu ramai pengurus Melayu dan bumiputera yang muda dan yang tidak mencukupi pengalaman memegang jawatan-jawatan yang amat berat.

Yang penting bukan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sebanyak 30 peratus, tetapi sama ada apa yang kita perolehi akan kekal dalam tangan bumiputera dan berpotensi untuk meningkat. Mereka yang melihat Dasar Ekonomi Baru sebagai peluang untuk kaya hari ini, walaupun akan bankrap esok hari, bukanlah orang yang

boleh menjayakan hasrat dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Jalan yang akan kita lalui mempunyai banyak ranjau. Insya-Allah, kita akan melaluinya dengan mata yang terbuka dan perancangan yang kemas. Kita akan menambah usaha kita dan berserah kepada Allah subhanahu wataala. Kita adalah hamba Allah. Menyalahkan takdir adalah sama dengan menyalahkan Tuhan, jika kita tidak berusaha memperbaiki diri kita dan tidak berusaha sedaya upaya. Tambatkan unta itu dan berserahlah kepada Allah.

### **Maruah Bangsa Dan Negara**

Cita-cita kita untuk meningkatkan maruah bangsa tidak akan tercapai dengan memaksa orang lain menghormati kita. Maruah bangsa adalah hasil daripada pencapaian bangsa itu. Bangsa yang bersusila, bersopan santun, berhemah tinggi, berbudi bahasa, rajin dan terkenal kerana mengamalkan nilai-nilai yang mulia, dengan sendirinya akan bermaruah tinggi. Kejayaan sesuatu bangsa amat mustajab dalam menentukan bangsa itu dihormati.

Mungkin kita berpendapat, amat sukar bagi sesuatu bangsa mempunyai semua nilai yang *ideal* tadi. Tetapi, tanpa memiliki semua pun akan membawa sedikit sebanyak kejayaan yang diidami. Amatlah negatif kalau awal-awal lagi kita menolak kemungkinan kita memiliki nilai-nilai yang disebut itu tanpa mencuba.

Dalam sejarah manusia, berjaya atau tidaknya sesuatu bangsa itu bergantung kepada nilai-nilai yang dipegang dan yang diamalkan oleh bangsa itu.

Orang Melayu boleh memilih sama ada untuk mencapai kejayaan atau kehinaan. Dalam bidang politik, apabila orang Melayu bersatu padu, mereka berjaya menewaskan British. Tetapi, apabila mereka berpecah belah, mereka jatuh satu demi satu. Demikian sejarah penjajahan negeri-negeri Melayu.

Perpaduan orang Melayu wujud kerana tekanan dari-

pada luar. Pada tahun 1946, orang Melayu tertekan dengan rancangan British mengambil alih negeri-negeri Melayu. Dalam ketakutan, mereka bersatu padu dan menentang British. Tanpa senjata, tanpa wang, tanpa cerdik pandai yang ramai, mereka berjaya. Senjata mereka hanyalah perpaduan. Semangat yang ada pada tahun 1946 ialah semangat perpaduan, yang menyatupadukan bangsa tanpa mengira raja atau rakyat, daerah atau keturunan.

Sekarang ini, kita menganggap kemerdekaan dan kuasa orang Melayu sebagai perkara biasa. Generasi muda terutamanya tidak dapat menggambarkan keadaan ketika dijajah. Demikian juga ketika kita dijajah, kita tidak dapat memikirkan, bahawa kemerdekaan boleh dicapai oleh orang Melayu yang telah dijajah selama hampir 450 tahun. Oleh itu, tuntutan kemerdekaan yang diusahakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan satu inisiatif yang luar biasa. Ramai yang berkata, ini adalah anangan-angan besar Tunku Abdul Rahman yang tinggal sebagai anangan-angan sahaja. Tetapi hari ini kita tahu apa yang dikatakan anangan-angan itu sudah menjadi kenyataan.

Demikian juga kejayaan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Pencapaian mereka tanpa bergantung kepada kerajaan bukanlah sesuatu yang mustahil. Kita boleh berjaya dan berjaya dengan gilang-gemilang. Tetapi kita hendaklah terlebih dahulu mengakui, bahawa kita memerlukan pengorbanan, kita perlu menukar sikap pegangan kita kepada nilai-nilai tertentu, kita perlu menyokong tindakan yang baik walaupun pedih, dan kita perlu menolak sogokan daripada mana-mana untuk keuntungan jangka pendek.

Tidak ada jalan yang mudah untuk mencapai matlamat yang mulia. Kita perlu masa, yakni kita perlu bersabar, sambil bertekun menghadapi segala rintangan dan masalah.

Kerajaan tahu dan kita semua juga tahu bagaimana orang Melayu boleh berjaya, tetapi selalunya mereka yang berkepentingan suka menggunakan politik untuk meng-

gagalkan usaha kerajaan. Usaha mereka tidak akan berjaya jika rakyat tidak melayan orang seperti ini. Jika orang Melayu tidak mahu mengamalkan cara yang mereka tahu boleh membawa kejayaan, akhirnya kita akan menderita.

### **Malaysia – Negara Membangun**

Negara kita belum lagi menjadi negara yang maju dan kaya. Tetapi, ramai yang berlagak seolah-olah negara ini sudah pun menjadi negara maju seperti negara-negara di Eropah dan Amerika Utara. Ramai yang mendesak supaya kerajaan membekalkan kemudahan-kemudahan yang bermutu tinggi. Kita hendakkan jalan raya, elektrik, air, sekolah, universiti, hospital, pelabuhan, lapangan terbang dan kemudahan lain yang terdapat di negara maju. Kita hendak supaya bandar-bandar kita mempunyai taman yang besar dan indah, supaya bangunan-bangunan lama dipelihara, bangunan-bangunan baru tidak terlalu padat dan kawasan lapang dan luas. Kita mahu hutan kita dipelihara, empangan hidro-elektrik tidak dibina, industri kita lebih bersih daripada bersih.

Kita mahu rumah murah yang besar, mempunyai tiga bilik tidur dengan bilik mandi, satu *standard* yang lebih tinggi daripada rumah-rumah yang setaraf di negara-negara maju. Kita tidak suka rumah bertingkat-tingkat. Sebaliknya, di negara-negara maju, kebanyakannya pekerja tinggal dalam sebuah bilik yang menjadi tempat tidur waktu malam. Mereka tidak memiliki tempat tinggal sendiri, hanya sekadar menyewa. Apabila pendapatan sudah meningkat dan mereka berkahwin, barulah mereka berpindah ke tempat tinggal dua bilik. Peratusan rakyat negara maju yang memiliki rumah sendiri amatlah rendah berbanding dengan pendapatan tinggi yang mereka perolehi.

Tetapi di Malaysia, kita mengeluh jika rumah murah tidak ada tiga bilik tidur, tidak ada halaman, tidak ada pintu belakang, tidak ada lif yang cukup besar untuk mayat dan lain-lain lagi. Sebenarnya, dengan harga \$25,000, kita

tidak mungkin mampu membeli sebuah bilik pun di kebanyakan negara-negara maju dan juga negara-negara tidak maju.

Semuanya adalah soal sikap dan nilai. Jika kita sanggup bersusah sedikit, jika kita tidak selalu menuntut berlebih-lebihan, kita akan berasa tertekan dan terdesak. Kita akan mudah bersyukur seperti yang dituntut agama kita. Kita tidak akan mudah dihasut dan bertindak tanpa memikir dengan lebih jauh dan mendalam. Kita tenang dan akan sanggup menghadapi cabaran hidup dengan jiwa yang teguh. Allah subhanahu wataala telah berjanji, jika kita bersyukur, kita akan mendapat lebih banyak nikmat lagi.

Sistem demokrasi kita sekarang memberi hak kepada kita mendesak kerajaan yang kita pilih. Tetapi, apabila desakan menjadi ugutan, cara ini tidak demokratik lagi. Apabila kita menyalahgunakan hak demokrasi kita, maka kita tidak akan mendapat nikmat daripada demokrasi. Demokrasi boleh membawa kebahagiaan jika kita tahu menggunakan demokrasi dengan baik. Oleh itu, berhati-hatilah menggunakan hak demokrasi. Janganlah kita menggunakan demokrasi untuk menekan pihak berkuasa supaya memberi apa yang tidak mampu diberikan.

### **Gejala Janji-Janji Kosong**

Sebelum bulan April 1991, kita akan menghadapi pilihanraya. Menjelang pilihanraya, kita akan digoda dan dinoda oleh orang tertentu. Mereka akan menjolok perasaan kita sehingga kita akan berasa marah dan tidak lagi dapat mencimbang sesuatu dengan fikiran yang waras. Ingatlah, apa yang telah terjadi kepada kita apabila kita disogok dengan fitnah dan tuduhan yang tidak berasas. Pepatah Inggeris berkata, "*Beware of Greeks bearing gifts*" atau "Berjaga-jaga apabila orang *Greek* membawa hadiah". Wilayah Troy telah jatuh ke tangan orang *Greek* kerana mereka menerima hadiah kuda kayu yang diberi oleh orang *Greek*. Demikian juga dengan orang yang akan datang ketika pilihanraya untuk membuat janji-janji yang

memikat nafsu kita. Mereka sanggup membuat apa-apa juga janji kerana mereka tahu mereka tidak akan dapat menubuhkan kerajaan yang akan bertanggungjawab menunaikan janji-janji itu. Mereka berharap akan menang di beberapa kawasan untuk kepentingan diri mereka sahaja.

Apabila parti kita, UMNO, dihukum tidak sah oleh mahkamah, kita terpaksa menghadapi bermacam-macam kesulitan dan masalah. Kita bukan sahaja perlu mendaftarkan semula parti kita, tetapi kita juga terpaksa menyusun semula parti supaya ia dapat bergerak seperti dahulu. Ahli-ahli Majlis Tertinggi yang asal telah berusaha menubuhkan semula badan pertubuhan negeri, bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan. Ahli-ahli lama terpaksa dicari untuk menghidupkan semula cawangan-cawangan yang menjadi tunjang politik parti di kampung-kampung.

Untuk mengelak daripada tindakan-tindakan yang boleh mengharamkan parti sekali lagi, pendaftaran ahli terpaksa dibuat di peringkat pusat dengan menggunakan komputer. Tanggungjawab yang lebih berat terpaksa dipikul oleh ibu pejabat parti. Parti bukan sahaja memerlukan ahli, tetapi lebih penting lagi ialah simpati dan sokongan yang diberikan kepada parti oleh orang ramai. Kita bernasib baik kerana telah ada beberapa pilihanraya kecil untuk menguji sokongan rakyat berbilang kaum kepada parti kita. Alhamdulillah, daripada lapan pilihanraya kecil, enam membuktikan pengiktirafan dan sokongan rakyat kepada parti kita. Yang dua lagi pula tidak menunjukkan, bahawa terdapat sokongan yang bermakna daripada orang Melayu kepada pihak lain yang mendakwa mereka mewarisi UMNO.

Malangnya, masalah kita tidak selesai hanya dengan kejayaan kita mendapat pengiktirafan majoriti ahli UMNO dan orang Melayu serta kaum-kaum lain, bahawa parti kita adalah penyambung dan pewaris kepada UMNO yang telah dihukum tidak sah oleh mahkamah. Masalah yang belum dapat kita atasi ialah pengambilan balik harta dan pentadbiran harta UMNO daripada Pemegang Harta.

Semua harta dan saham serta wang tunai UMNO berada dengan Jabatan Pemegang Harta. Kita tidak boleh sentuh walau satu sen pun. Kita tidak boleh menggunakan bangunan kita sendiri tanpa membayar sewa. Walaupun hutang kita juga diambil alih, tetapi harta yang kita sudah bayar sepenuhnya pun bukan kita punya. Pusat Dagangan Dunia Putra dengan Dewan Merdeka, di mana kita berada ini, pun bukan milik kita lagi.

Masalah mendapat balik harta kita ini amat sukar diusahakan kerana bilangan keahlian UMNO dahulu yang sering kita sebut sebagai 1.4 juta sukar dibuktikan. Walaupun kita tahu daripada 1.3 juta ahli UMNO sekarang, lebih daripada 900,000 adalah ahli lama, tetapi bukti keahlian 900,000 ini sukar didapati untuk diterima oleh mahkamah.

### **UMNO Parti Kita**

Beban yang kita terpaksa pikul kerana orang yang mengheret kita ke mahkamah amatlah berat. Sepatutlah kita tidak memaafkan mereka. Tetapi, kita sanggup membendung perasaan kita. Walaupun berkali-kali kita dikecam dan berbagai-bagai tuduhan dibuat, kita bersabar. Yang utama bagi kita ialah perpaduan semula orang Melayu dalam UMNO. Justeru itu, kita telah membuka dengan seluas-luasnya pintu UMNO. Kita terima semua mereka yang ingin menyertai pertubuhan kita dengan tidak mengambil kira latar belakang dan peranan mereka dalam menyeret UMNO ke mahkamah. Ramai daripada mereka yang dahulu tidak bersetuju dengan UMNO di bawah kepimpinannya sekarang, telah kita terima dengan hati terbuka dan kita akan terus menerima dan berusaha supaya mereka merujuk semula kepada UMNO.

Baru-baru ini, kita terperanjat dengan kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Walaupun pada mulanya ramai pemimpin dan ahli UMNO berasa amat marah tetapi kita berjaya membendung rasa kecil hati kita. Sebaliknya, kita bertenang dan mengambil

jalan yang lebih matang iaitu dengan cara berbincang dari hati ke hati dengan Yang Teramat Mulia Tunku sendiri.

Pemuda, yang biasanya lekas marah, telah mengambil langkah pertama di bawah pimpinan Ketua Pemuda, Yang Berhormat Dato' Najib Tun Razak. Mereka berjaya bertemu dengan Yang Teramat Mulia Tunku dan berbincang dengan beliau dalam suasana muhibah. Walau-pun perjumpaan itu tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UMNO dan orang Melayu, ia berjaya meneroka satu pendekatan yang lebih waras. Pemuda juga berjaya menjelaskan pendirian Pemuda dan UMNO dan Tunku pula dapat menyampaikan niat dan cita-cita beliau kepada Pemuda, berhubung dengan perpaduan orang Melayu dan peranan yang harus dimainkan oleh UMNO.

Pihak Majlis Tertinggi telah mendengar laporan Ketua Pemuda dan bersetuju supaya Wanita UMNO juga turut berjumpa dengan Yang Teramat Mulia Tunku. Seperti mana kita semua maklum, perjumpaan Wanita dengan Tunku juga diadakan dalam suasana muhibah.

Pada 11 November pula, saya telah diterima bertemu Yang Teramat Mulia Tunku, yang saya hormati sebagai bekas Presiden UMNO, sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia. Sudah tentu saya menghormati Tunku sebagai orang yang lebih tua daripada saya, kerana ini adalah adat orang Melayu, lebih-lebih lagi Tunku adalah daripada keluarga diraja negeri saya.

Saya berpeluang mendengar pandangan Tunku berkenaan dengan perpaduan orang Melayu dan berkenaan kedudukan dan hak kaum-kaum di Malaysia. Saya juga berpeluang menjelaskan sedikit sebanyak berkenaan dengan kedudukan UMNO sekarang dan bagaimana Parlimen tidak berkuasa membatalkan hukuman yang telah dibuat oleh mahkamah.

Pertemuan yang diadakan itu membuka peluang untuk perbincangan-perbincangan di masa hadapan dalam usaha mententeramkan lagi keadaan politik di Malaysia, khususnya di kalangan orang Melayu. Saya yakin, bahawa

Yang Teramat Mulia Tunku dapat memainkan peranan sebagai orang tengah yang tidak memihak kepada mana-mana pihak, tetapi hanya kepada keseluruhan orang Melayu dan negara Malaysia. Insya-Allah, perjuangan UMNO untuk menyatupadukan orang Melayu akan berhasil dengan pertolongan Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

### **Masa Hadapan Yang Cerah**

Malaysia mempunyai masa hadapan yang cerah. Kita telah membuktikan kemampuan kita mentadbir dan membangunkan negara kita ini. Kita mempunyai rancangan yang teratur yang memberi tekanan kepada semua aspek pembangunan; rohani dan jasmani, dunia dan akhirat. Kita yakin kita mampu melaksanakan rancangan kita dengan sempurna dan berkesan. Kita bukan komunis, atau sosialis atau kapitalis. Kita tidak ekstrem; yang jernih kita terima, yang keruh kita buang. Kita tidak terkongkong dengan apa-apa ideologi. Kita mengakui kelemahan yang ada pada kita dan kita cuba mengatasi kelemahan ini. Yang kita hendak, ialah supaya semua rakyat Malaysia hidup bahagia, terpelihara daripada segala malapetaka ciptaan manusia dan dihormati oleh dunia.

Rancangan-rancangan kerajaan dan pengurusannya telah membuktikan kemampuan kita mengatasi tekanan kemelesetan ekonomi dunia dan membawa negara ke era kemajuan sekali lagi. Kita yakin kita dapat, insya-Allah, meneruskan rancangan kita untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang maju dengan penduduk yang berhemah tinggi dan menikmati kehidupan yang sempurna.

Kita yakin, keadaan tidak seimbang antara kaum di Malaysia akan dapat kita atasi sedikit demi sedikit tanpa menjelaskan pembangunan negara. Tetapi, semuanya terpulang kepada rakyat. Dalam negara yang tidak demokratik sekalipun kemajuan negara banyak bergantung kepada sikap rakyat. Ini kan pula negara kita yang demokratik. Rakyat boleh menentukan stabil atau tidak stabil, maju atau tidak majunya negara ini.

Kerajaan dan pemimpin parti boleh memberi panduan dan merancang. Kerajaan hanya boleh berusaha. Tetapi akhirnya, rakyat yang akan menentukan nasib mereka dan nasib negara.

Dunia sekarang mengiktiraf dan menerima kemampuan Malaysia mengadakan pemerintahan yang berkesan dan mampu mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dan pergolakan politik. Dunia tidak lagi memandang rendah terhadap Malaysia. Pendek kata, usaha kita untuk mempertingkatkan maruah agama, bangsa dan negara sudah mula berhasil.

### **Nilai-Nilai Islam**

Malaysia adalah sebuah negara majmuk. Agama Islam diterima sebagai agama rasmi negara, tetapi agama-agama lain bebas diamalkan oleh penganut-penganutnya.

Agama Islam memberi kelonggaran dalam berbagai-bagi perkara dan mengambil kira keadaan semasa. Dalam pentadbiran, yang penting ialah keselamatan dan kesempurnaan masyarakat. Inilah yang dilakukan oleh kerajaan.

Di Malaysia, pentadbiran kerajaan tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan kerajaan mengambil kira keadaan semasa, termasuklah keadaan di mana ramai daripada rakyat negara ini bukan beragama Islam. Perhubungan antara orang Islam dengan bukan Islam di negara ini adalah baik dan keadaan ini mestilah dikekalkan. Alhamdulillah, Malaysia terkenal sebagai sebuah negara Islam di mana rakyat majmuknya hidup dalam keadaan aman dan damai, dan pembangunan negara berjalan dengan baik. Kita tidak boleh berbangga dengan keislaman negara jika bukan sahaja pembangunan tidak ada tetapi rusuhan dan perang juga berlaku.

Dalam usaha kita mengembangkan syair Islam, kita akan sentiasa bersikap liberal dan toleran dan seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam tidak akan menggunakan sebagai paksaan. Antara usaha-usaha yang kita laksanakan ialah penerapan nilai-nilai Islam dan pentabiran

dan kehidupan harian kita. Insya-Allah, dengan kejujuran dan keikhlasan, usaha-usaha kita ini akan memperolehi kejayaan.

Hari ini, kita boleh berbangga dengan negara kita, Malaysia. Apabila kita melihat bendera Malaysia yang tersgam indah berkibar di atas tiang yang tinggi mencakar langit, satu perasaan datang kepada kita, perasaan bersyukur bercampur bangga. Kita tidak lagi rasa terhina kerana kemunduran kita. Ini bendera kita. Ini ibu kota kita. Ini negara kita dan kita berdiri megah dalam masyarakat dunia. Insya-Allah, dengan perpaduan dan kematangan kita, akan kita majukan lagi negara yang tercinta ini.

Marilah kita jayakan Perhimpunan Agung kita ini. Marilah kita kukuhkan lagi semangat dan tekad kita dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan demi agama, bangsa dan negara. Marilah kita sama-sama berdoa agar perjuangan murni UMNO direstui Allah subhanahu wataala.

**WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

---

*Ucapan Presiden UMNO Di Perhimpunan Agung UMNO Di Dewan Negara Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, Pada Hari Jumaat, 17 November 1989, Pukul 9.30 Pagi.*

---

## KEPIMPINAN ROHANI PEMUDA

**KEPIMPINAN**, menentukan corak dan arus yang dijalani oleh sesuatu kumpulan. Sebab itu, kita lihat maju mundur sesuatu kumpulan mempunyai ikatan yang rapat dengan kepimpinannya. Dalam sejarah zaman keagungan sesuatu kumpulan, kemajuannya tidak dapat dipisah daripada kepimpinan yang terdapat dalam zaman itu.

Kepimpinan bukan sahaja boleh membawa kebahagiaan dan kemuliaan, tetapi kepimpinan juga boleh membawa kepada keruntuhan. Sekali lagi kita lihat bagaimana bangsa yang kuat dan luas kuasanya boleh jatuh dan hancur dalam satu generasi sahaja. Kekuatan, kecekapan dan keberanian yang memang ada pada bangsa itu, tiba-tiba hilang dan bangsa itu tidak lagi terdaya mempertahankan kedudukannya. Mereka memandang kepada pemimpin tetapi tidak ada panduan yang diterima oleh mereka. Dalam keadaan tidak tentu arah, mereka ditewas dengan mudahnya oleh musuh mereka atau dihancurkan di tangan mereka sendiri.

Dalam mana-mana masyarakat, ramai yang mempunyai aspirasi untuk menjadi pemimpin. Oleh kerana pemimpin tidak dapat tidak akan mendapat berbagai keistimewaan, bukan semua yang ingin menjadi pemimpin didorong oleh tujuan yang bahagia lagi mulia. Ramai yang ingin jadi pemimpin cuma berniat untuk mendapat keistimewaan pemimpin sahaja. Sebab itu, kerap kali kita

dapat ramai daripada mereka yang berminat menjadi pemimpin tidak suka mendengar soal keupayaan atau kecekapan memimpin. Mereka lebih menumpu kepada soal peluang dan giliran merasai nikmat.

Biasanya, pemimpin wujud kerana daya usaha dirinya sahaja. Dengan cara langsung dan tidak langsung, orang yang berminat akan menonjolkan kebolehannya memimpin. Niat yang sebenar yang mendorong dirinya jarang kali diperkatakan dan jarang dapat dikenal awal oleh bakal penyokongnya. Niat sebenar cuma dapat diketahui apabila pemimpin sudah mendapat tempat. Di waktu itu, agak lewat untuk menarik balik sokongan kepadanya. Semakin lama ditunggu, semakin kuat kedudukan pemimpin, dan semakin sukar untuk melucutkan jawatannya.

Seperkara yang sering berlaku ialah perwujudan golongan pengiring kepada pemimpin. Walaupun pemimpin itu buruk sekali, dan tindak tanduknya merugikan masyarakat, ada sahaja orang yang akan taat setia dan sanggup memeliharanya. Golongan pengiring ini biasanya mendapat manfaat daripada pemimpin yang mereka lindungi. Kadang-kadang, golongan inilah yang menasihat dan mendorong supaya pemimpin melakukan perbuatan yang salah. Dengan ini, ikatan antara pemimpin dan pengiringnya menjadi lebih kukuh. Pemimpin akan melindungi pengiringnya walaupun diketahui dia salah dan pengiring pula akan mempertahankan pemimpin kerana nasib mereka terjalin dengan nasib pemimpin. Dalam keadaan ini, semakin lama keadaan menjadi semakin bertambah buruk. Akhirnya, tercetuslah pemberontakan dan rebutan kuasa yang mungkin menjadikan masyarakat itu hancur lebur.

Psikologi kepimpinan sekarang ini dikenali dan difahami. Apa yang diperkatakan tadi bukanlah satu pandangan yang *original*. Sejarah lama dan sejarah semasa menunjukkan dengan sejelas-jelasnya proses dan akibat ini. Tetapi, walaupun diketahui oleh pemimpin, pengiring dan pengikut, proses pemilihan pemimpin yang buruk,

penyelewengan pemimpin dan kejatuhan pemimpin terus berlaku sepanjang masa. Soalnya bukan perkara-perkara ini akan berlaku atau tidak. Soalnya ialah bila ia akan berlaku. Lambat laun terjadilah peristiwa-peristiwa ini.

Memandang kepada hakikat, bahawa kepimpinan tetap akan menyeleweng dan usang, apakah gunanya mencuba mengelak daripada kejadian ini? Percubaan untuk mengekalkan kepimpinan yang baik adalah penting kerana semakin lama kepimpinan yang baik berterusan, selama itulah masyarakat menjadi lebih bahagia dan selama itulah masyarakat dapat menyerapkan unsur-unsur kekuatan dan nilai yang boleh mengembalikannya kepada kesempurnaan setelah penyelewangan kepimpinan diatasi. Dengan perkataan lain, lebih lama dan lebih kukuh kepimpinan yang baik berterusan, lebih mudah dan lebih cepatlah pemulihan masyarakat itu setelah penyelewangan kepimpinan dapat diatasi.

Dengan ini, adalah nyata bahawa segala usaha yang perlu dibuat untuk menentukan kepimpinan yang baik, wujud dan kekal, mestilah diusahakan. Kepimpinan tidak lagi boleh dibenar wujud seperti cendawan, mengikut keadaan sekitar dan peluang – dan seperti cendawan membesar kerana diizinkan oleh suburnya alam sekeliling. Kepimpinan sekarang harus dibentuk mengikut lunas-lunas yang sihat, yang menjamin pembentukan masyarakat bahagia.

Yang menjadi masalah ialah tafsiran dan ketetapan tentang apa yang dikatakan sihat dan baik. Sepintas lalu, ini nampaknya mudah. Yang baik ialah yang diterima sebagai baik oleh masyarakat umum. Tetapi sebenarnya, masyarakat tidak begitu tahu tentang baik buruknya sesuatu kerana apa yang baik buat sesuatu masa atau tempat boleh jadi tidak baik untuk masa lain atau tempat lain. Begitu juga apa yang baik untuk satu tujuan mungkin tidak baik untuk tujuan lain.

Disiplin umpamanya, adalah sesuatu yang dianggap baik. Dalam Perang Uhud, kita melihat bagaimana pasukan pemanah, kerana tidak patuh arahan untuk

mengawasi rusuk angkatan tentera Rasulullah, maka mereka telah diserang dari belakang. Kemenangan yang telah diperolehi oleh angkatan Perang Islam dalam serangan awal telah berubah akibat serangan musuh dari belakang dan menyebabkan tentera Islam akhirnya ditewas. Dan matilah Saidina Hamzah. Nabi sendiri telah luka parah.

Jika pasukan pemanah Islam berdisiplin dan patuh kepada arahan, kemenangan tetap akan terdapat kepada angkatan Islam. Malangnya, kerana melihat begitu banyak barang rampasan perang bertaburan di medan perang dan rakan mereka sedang mengumpul dan mengambilnya, mereka telah mengenepikan arahan dan memecah disiplin. Akibatnya, angkatan Islam telah ditewas dan sebahagian daripada mereka yang tidak berdisiplin telah terbunuh.

Kita boleh katakan daripada peristiwa ini dan umumnya, bahawa disiplin adalah baik. Tetapi, kita dapati kadang-kadang disiplin juga boleh membawa kepada keadaan yang buruk. Ini berlaku apabila taat setia diberi kepada kepimpinan atau arahan yang salah. Jikalau kerana disiplin pengikut tidak menyoal pemimpin dan tidak memikir sama sekali, jika arahan itu salah sekalipun pengikut mengikut juga. Akhirnya, mereka mungkin termusnah kerana disiplin mereka. Pembunuhan diri beramai-ramai oleh penganut "Kuil Rakyat" di bawah pimpinan seorang paderi adalah contoh yang amat tepat. Kerana berdisiplin dan sanggup taat kepada arahan, ibu sanggup membunuh anak sendiri dan sembilan ratus orang telah mati tanpa apa-apa faedah kepada mereka ataupun mana-mana pihak.

Dalam Islam juga, perpecahan telah berlaku dan beberapa kumpulan yang menyeleweng telah wujud kerana orang-orang tertentu telah berjaya menarik sokongan yang begitu kuat, iaitu menanam disiplin di kalangan pengikut mereka sehingga apabila tafsiran yang salah dibuat sekalipun, sokongan dikekalkan juga. Penyokong mungkin menjadi begitu fanatik sehingga sanggup bermati-matian mempertahankan tafsiran dan pentasir yang salah. Mereka

akan sanggup memisahkan diri daripada kebanyakan orang Islam kerana patuh kepada pimpinan mereka.

Yang jelas ialah untuk menentukan kepimpinan yang baik wujud, pemimpin tidak boleh dibiar tumbuh seperti cendawan sahaja tanpa ditentukan terlebih dahulu kepimpinannya berasas kepada yang benar dan baik bagi masyarakat. Dengan perkataan lain kepimpinan mestilah dibentuk mengikut ajaran-ajaran yang diterima umum.

Kursus kepimpinan dalam konteks ini menjadi penting. Ia dapat membentuk jenis kepimpinan yang tidak mudah menyeleweng dan membahayakan masyarakat.

Kursus kepimpinan kerohanian pula menjadi lebih penting lagi kerana pemimpin tetap mendapat kedudukan yang istimewa, yang boleh memberi kuasa dan peluang untuk mendapat sesuatu untuk diri sendiri. Dalam keadaan ini, pemimpin lebih mudah dipengaruhi oleh nafsu dan tamak kepada harta. Jika pemimpin dipengaruhi oleh hasil material daripada kepimpinannya, penyelewengan tentu mudah berlaku.

Untuk mematah pengaruh nafsu ini, nilai yang lebih tinggi perlu menguasai segala gerak-geri dan pemikiran pemimpin. Kepimpinan mesti dikuasai oleh perasaan bertanggungjawab dan kemuliaan khidmat. Yang harus diutamakan oleh pemimpin ialah kepentingan dan kebahagiaan mereka yang dipimpin dan kebaikan umumnya.

Kebaikan dalam konteks ini perlu diambil berat kerana kadang-kadang pengikut juga didorong oleh nafsu dan suka membuat yang tidak baik. Pemimpin perlu menyedarkan pengikutnya tentang apa yang tidak baik walaupun pengikutnya tertarik dengan ini.

Betapa kompleksnya kepimpinan dapat dilihat daripada perbincangan ini. Kepimpinan tidak semata-mata bermakna menjadi ketua kepada kumpulan. Kepimpinan melibatkan semua kecekapan-kecekapan berfikir, berbahas, berpidato dan lain-lain. Kepimpinan juga memerlukan perangai dan nilai yang baik, perasaan bertanggungjawab, dan lain-lain nilai etika yang mulia.

Tetapi, sungguhpun kompleks sifat-sifat yang perlu ada kepada seorang pemimpin, semuanya dapat diadakan dengan latihan rohaniah yang berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar. Oleh sebab ini, saya mengalukan kursus kepimpinan rohaniah yang dianjurkan oleh Pemuda UMNO. Mudah-mudahan dengan kursus ini, bentuk kepimpinan UMNO dan orang Melayu pada masa yang akan datang akan menjadi lebih baik, dan orang Melayu khususnya dan negara amnya, akan menjadi bahagia dan maju jaya.

---

*Ucapan Semasa Merasmikan Kursus Kepimpinan Rohani Pemuda UMNO di Morib.*

---

# **PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA**

# 15

## KECEKAPAN PENGURUSAN DALAM PERNIAGAAN

**SEMENJAK** terlancarnya Dasar Ekonomi Baru, kita dapati bumiputera telah mula mengorak langkah untuk lebih bergiat di dalam berbagai-bagai bidang ekonomi negara. Kecenderungan kaum bumiputera untuk menyertai di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini secara beramai-ramai adalah sangat mengalakkan kerana kita benar-benar ingin menyaksikan kaum bumiputera menguasai sebahagian daripada kegiatan ekonomi di negara ini, di mana seperti yang kita semua sedia maklum, kerajaan telah menetapkan sebagai *target* tahun 1990 bagi tercapainya matlamat di mana 30 peratus daripada ekonomi negara dikuasai oleh bumiputera.

Di sini, tidak dapat dinafikan, iaitu di antara kalangan bumiputera-bumiputera yang telah cuba bergiat di dalam berbagai bidang ekonomi negara, ada kedapatan di antaranya yang telah berjaya dan tidaklah pula kurangnya yang telah menemui kegagalan dan kekecewaan. Cerita kejayaan dan kegagalan di dalam satu-satu bidang ekonomi itu adalah satu perkara biasa, malah ini merupakan asam garam dan adat resam di dalam alam perniagaan. Namun begitu, saya ingin juga menarik perhatian saudara-saudara, bahawa sebagai bumiputera kita tidak mampu mengalami kadar kegagalan yang tinggi kerana kita mempunyai masa yang singkat sekali untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Saya sedar, sejak beberapa waktu kebelakangan ini kita telah mendengar sungutan-sungutan tidak puas hati di kalangan bumiputera tentang cara perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini dijalankan serta mengenai kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh orang-orang perseorangan bumiputera untuk menepati matlamat dasar tersebut. Walaupun telah bertambahnya penyertaan bumiputera di sektor-sektor yang tertentu, namun kerajaan masih tidak berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh bumiputera setakat ini.

Di bidang perdagangan dan perindustrian, kerajaan ingin melihat bumiputera menuju projek-projek bercorak perindustrian ataupun memilih saham-saham di dalam projek-projek perindustrian yang dianjurkan oleh warganegara-warganegara Malaysia yang lain dan seterusnya barang-barang keluaran daripada kilang-kilang yang telah didirikan di negara ini. Peraturan-peraturan tertentu telah pun diadakan supaya bumiputera diberi peluang dan kesempatan untuk menyertai di dalam bidang-bidang tersebut, masih jauh tertinggal dari apa yang dirancangkan. Misalnya, di dalam projek-projek perindustrian yang telah diluluskan bagi tempoh tahun 1969-1975, projek-projek kepunyaan bumiputera cuma merupakan 10 peratus atau 216 sahaja daripada jumlah kesemua projek-projek yang telah diluluskan yang telah melibatkan modal ekuiti sebanyak \$200.92 juta. Selanjutnya, kebanyakan daripada projek-projek ini adalah projek-projek yang kecil dan sederhana dan tidak pula dipunyai 100 peratus oleh bumiputera.

Gambaran yang sama didapati juga daripada segi pemilihan saham-saham di dalam syarikat-syarikat perindustrian yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walaupun secara umumnya peruntukan ekuiti kepada bumiputera telah bertambah, namun sambutan terhadap pengambilan saham-saham tersebut belum lagi memuaskan. Dari tahun 1969-1975, jumlah saham yang telah dikhaskan kepada bumiputera di dalam syarikat-syarikat yang diluluskan ialah \$911 juta

daripada jumlah modal sebanyak \$3,559 juta yang dicadangkan (*proposed share capital*). Daripada jumlah ekuiti ini, jumlah modal yang sebenar yang dipanggil bagi projek-projek yang dilaksanakan (*implemented projects*) ialah \$1,472 juta yang mana \$364 juta ataupun 27.4 peratus adalah dikhaskan kepada bumiputera. Tetapi setakat ini cuma 15.3 peratus sahaja ataupun \$22.5 juta telah dibeli dan dimiliki oleh bumiputera.

Ini bererti, bahawa sebanyak lebih kurang \$138.6 juta saham yang dikhaskan untuk bumiputera dalam projek-projek perindustrian yang telah dilaksanakan masih belum lagi dibeli, dan satu ciri yang kurang menarik di sini ialah 62.9 peratus daripada saham-saham sebenar yang dikhaskan ini, telah dibeli oleh institusi bumiputera, manakala pelaburan dan penanaman modal yang dibuat oleh syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan hanya merupakan 37.1 peratus sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat bumiputera seperti mana yang diharap-harapkan oleh kerajaan untuk memastikan penyertaan aktif bumiputera di dalam pemilikan saham-saham di syarikat perindustrian, masih belum mencukupi lagi.

Saya sedar, satu daripada sebab-sebab pelaburan modal bumiputera tidak mencapai peringkat yang dikehendaki ialah sebahagian daripada saham yang ditawarkan tidak menjamin keuntungan bagi pelabur. Jika pelabur bumiputera mempunyai modal yang kecil, kegagalan perniagaan yang disertainya akan memusnahkan terus modal yang kecil ini. Sebaliknya, keuntungan perniagaan besar tidak sebesar yang dijangka, iaitu pelaburan \$1000.00 mungkin memberi keuntungan cuma sebanyak \$100.00 ringgit setahun.

Oleh sebab ini, pelaburan lebih baik diadakan secara *Unit Trust* daripada pelaburan secara langsung dalam perniagaan tertentu. Melalui *Unit Trust*, kegagalan sesuatu perniagaan akan dikurangkan dengan kerana kejayaan perniagaan yang lain. Selain daripada ini, *Unit Trust* membolehkan pelaburan yang kecil dibuat berkali-kali seolah-

olah seperti simpanan wang.

Juga penjualan balik saham adalah terjamin. Mungkin juga *Unit Trust* akan mengalami kerugian, tetapi ini tidak akan menjadi terlalu tinggi. Umpamanya, dalam pasaran saham ada syarikat yang sahamnya telah jatuh dari \$1.00 menjadi 20 sen tetapi saham Amanah Mara umpamanya, cuma jatuh beberapa sen sahaja. Saya syorkan supaya Dewan Perniagaan Melayu mengkaji kemungkinan mengadakan *Unit Trust* sendiri untuk membeli saham-saham yang telah dikhaskan untuk bumiputera.

Ini adalah satu cadangan sahaja. Mungkin ada cara-cara lain. Pihak kerajaan sendiri sedang mengkaji cara-cara untuk menentukan supaya saham-saham ini akan terdapat kepada bumiputera akhirnya. Dari segi pengedaran barang-barang pula, kita dapat bahawa bumiputera hanya menjadi pengedar bagi beberapa barang tertentu sahaja termasuklah barang-barang seperti bahan-bahan binaan, makanan dan kenderaan. Keadaan seperti ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekurangan modal, kemahiran dan hubungan perniagaan tetapi keadaan begini tidaklah harus dibebankan kepada kerajaan sahaja kerana sumbangan yang serupa juga adalah sangat-sangat diperlukan daripada kaum bumiputera sendiri. Selain daripada itu, saya juga difahamkan bahawa ada terdapat sebahagian daripada kaum bumiputera mengedarkan barang-barang import yang dikenakan sekatan kuota sahaja untuk mengambil kesempatan daripada amalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang menghadkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada paras kuota untuk bumiputera.

Perkara ini sangatlah mendukacitakan kerana barang-barang yang dikenakan sekatan kuota ini cuma merupakan sebahagian kecil sahaja daripada barang-barang yang diimport oleh sekatan-sekatan kuota yang dikenakan adalah satu langkah sementara sahaja. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar peniaga-peniaga bumiputera akan cuba berdagang dan mengedarkan barang-barang terdiri daripada berbagai-bagai jenis dan

bukan hanya terhad kepada barang-barang yang tertentu ataupun kepada barang-barang yang dikenakan sekatan sekarang ini sahaja. Hanyalah dengan langkah yang sedemikian sahaja baru tujuan asal kerajaan untuk mewujudkan satu golongan bumiputera dalam bidang perniagaan akan dapat tercapai.

Pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah tanggungjawab kita bersama dan bukan pihak kerajaan semata-mata. Kerajaan, melalui agensi dan jabatan-jabatannya, akan terus membantu dan menggalakkan penyertaan bumiputera di dalam bidang ini tetapi usaha ini hendaklah juga digabungkan dengan perasaan kesedaran, daya usaha berserta dengan kesanggupan kaum bumiputera sendiri untuk mengambil kesempatan terhadap kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. Dari masa ke semasa kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu ke arah tercapainya matlamat tersebut. Umpamanya, melalui Lembaga Kemajuan seminar-seminar pelaburan tempatan seperti-mana yang telah diadakan di Alor Setar baru-baru ini, dan di mana minat yang ditunjukkan oleh para pelabur sangatlah menggalakkan.

Tujuan mengadakan seminar seperti ini ialah untuk memberi gambaran kepada bakal-bakal pelabur termasuk kaum bumiputera terhadap peluang-peluang dan galakan-galakan pelaburan yang ada disediakan oleh kerajaan. Selain daripada itu, LKPP juga menjalankan kajian-kajian projek yang sesuai untuk diusahakan oleh bumiputera, serta memberi perkhidmatan nasihat dan berbagai-bagai bantuan lagi. Saya telah difahamkan, satu strategi baru telah dilancarkan oleh LKPP baru-baru ini di dalam usahanya untuk memperhebatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang perusahaan. Dengan kerjasama daripada bank-bank perniagaan, badan ini berharap penyebaran kajian-kajian projek yang telah disiapkan akan dapat diluluskan kepada para pelabur bumiputera sekalian. Apa yang diharapkan ialah semoga kejayaan rancangan ini tidak akan terjejas kerana kekurangan "*management*

"expertise" di kalangan bumiputera-bumiputera untuk mentadbir projek-projek ini kelak.

Untuk tujuan memperlengkapkan kaum bumiputera supaya dapat bertanding dengan lain-lain kaum yang telah mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran di dalam bidang perdagangan dan perindustrian, oleh sebab mereka telah lama berkecimpung di dalam bidang-bidang tersebut, kerajaan akan terus memberi latihan dan pimpinan yang khas kepada bumiputera. Saya berasa suka cita setakat ini usaha dan seruan kerajaan telah menelurkan beberapa kejayaan yang memuaskan. Sebagai contoh, saya ingin menyentuh tentang kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) di dalam usahanya mewujudkan golongan penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus bumiputera yang terlatih di bidang teknik-teknik pengurusan moden.

Kalau dalam tahun 1970, PDPN hanya berjaya melatih 19.9 peratus bumiputera daripada jumlah pelatih-pelatih di peringkat tersebut tetapi dalam tahun 1975 pula, seramai 2,116 orang bumiputera atau 5.3 peratus daripada sejumlah 4,120 pelatih-pelatih telah menerima latihan-latihan di bidang teknik pengurusan moden di bawah kelolaan pusat ini. Seterusnya, untuk menampung keperluan-keperluan tenaga mahir dan separuh mahir daripada pihak swasta PDPN juga baru-baru ini telah melancarkan, dengan kerjasama daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, satu program latihan selama tujuh minggu bagi tujuan menyediakan pekerja-pekerja bumiputera untuk memegang jawatan-jawatan penyelia di masa hadapan. Saya ingin menyeru kepada pihak swasta dan kaum bumiputera, khasnya, supaya mengambil peluang daripada kemudahan-kemudahan seperti ini yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Satu perkara yang ingin saya sebutkan di sini ialah tentang sikap yang boleh mengurangkan kegagalan bumiputera dalam perniagaan. Kita semua maklum, hampir semua bidang kegiatan manusia memerlukan latihan kecekapan. Tetapi dalam bidang perniagaan terdapat

pendapat, bahawa siapa saja dapat mencebur diri tanpa latihan atau kemahiran. Asalkan saja ada modal atau peluang maka kejayaan tentu tercapai.

Malangnya, hakikat bukan begitu. Modal dan peluang tidak boleh menentukan kejayaan melainkan kecekapan mengurus dan bersama. Oleh itu, adalah lebih wajar kita mengakui kelemahan kita dan melatih diri dahulu daripada kita melanda masuk ke dalam gelanggang yang kita tidak faham jerangkap yang ada. Tiada ada sesuatu yang lebih bahaya dalam bidang perniagaan daripada anggapan bahawa diri sendiri adalah terlalu pandai untuk diajar. Mereka yang seperti ini, biasanya menuduh semua pihak apabila gagal. Dan mereka ini akan gagal tiap-tiap kali kerana terlalu sompong untuk melihat yang benar.

Saya berharap agar sikap ini di kalangan peniaga bumiputera dapat diubah. Kelemahan bumiputera adalah kelemahan pengurusan. Akuilah hakikat ini dan betulkanya. Selagi kecekapan pengurusan tidak ada kepada bumiputera, seribu lesen dan seribu juta ringgit modal tidak akan mendatangkan kesan.

Telah saya katakan sebentar tadi, bahawa untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru maka kita memerlukan kerjasama dan sumbangan daripada semua pihak – daripada pihak kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu ini dan yang paling pentingnya – daripada diri bumiputera sendiri. Saya yakin pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan ini dapat memainkan peranan yang penting sebagai nadi penggerak penyertaan bumiputera di bidang perdagangan dan perindustrian.

---

*Ucapan Di Upacara Perasmian Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan Dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Kedah, Pada 27 Mei 1976, Jam 9.30 Pagi.*

---

# 16

## KE ARAH PENCAPAIAN KEMAJUAN SOSIAL DAN EKONOMI

**SEMINAR** Perancangan Kesuburan ke arah Pencapaian Kemajuan yang lebih besar di bidang Sosial dan Ekonomi atau *Fertility Planning Towards Achieving Greater Sosio-Economic Development*, bukanlah diadakan pada julkung kali, kali ini, malah telah beberapa kali dijalankan tetapi dengan tema yang agak berlainan. Seminar pada hari ini diadakan bertujuan, merumuskan fikiran dan pendapat pakar di bidang berkenaan untuk rancangan pembangunan negara yang mana dapat memberi panduan dan garis kasar kepada kerajaan bagi melaksanakan rancangan pembangunan selanjutnya.

Seminar ini diadakan ketika kita mengkaji penghasilan daripada Rancangan Malaysia Kedua dan pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga.

Dapatlah saya jangkakan, bahawa seminar ini akan menghasilkan satu *approach* baru yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan masyarakat dalam perancangan kesuburan. Yang demikian, saya berharap semua pendapat, pandangan, fikiran dan rumusan-rumusan yang disuarakan oleh pakar-pakar daripada semua bidang yang khusus, akan dapat difahami dan dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan serta pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam usaha pembangunan, dan saya penuh yakin seminar seumpama ini tidaklah sia-sia sahaja sekiranya rumusan dan pendapat yang manfaat itu dilaksanakan

dengan sepenuhnya mengikut kehendak rakyat.

Pengalaman yang lepas menunjukkan kepada kita, bahawa segala rancangan yang ditujukan kepada pembangunan rakyat tidak seharusnya berdasarkan kepada rancangan atau *planning* yang disediakan oleh kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan semata-mata. Pada tempoh yang akan datang, khususnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan selanjutnya, apa yang diharapkan selain daripada pihak kerajaan menentukan sesuatu projek diperlukan pendapat atau kehendak rakyat mestilah dibincang dan ditentukan terlebih dahulu.

Rancangan Malaysia Kedua, yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru, telah pun habis tempoh perlaksanaannya pada tahun lepas. Apa yang ternyata ialah perlaksanaan rancangan-rancangan fizikal berjalan dengan memuaskan, tetapi yang belum memuas hati ialah perlaksanaan rancangan menyusun semula masyarakat yang belum menjamin kestabilan dan ketahanan negara.

Rancangan Malaysia Kedua bolehlah dikatakan memberi nafas baru kepada usaha-usaha pembangunan terutama pembangunan di luar bandar. Kerajaan sedar, bahawa golongan rakyat luar bandar berkehendakkan perhatian yang lebih kerana golongan ini tertinggal dalam semua bidang. Rancangan Malaysia Ketiga merupakan lanjutan daripada usaha-usaha yang lepas, dan sudah tentu akan terus ditumpukan kepada golongan-golongan yang masih ketinggalan tadi. Kerajaan akan menitikberatkan sebahagian besar daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti masalah ekonomi, masalah persekolahan anak-anak, masalah kesihatan keluarga, kediaman dan kemudahan-kemudahan kebajikan, peluang-peluang pekerjaan untuk belia di samping mendidik mereka supaya mengubah sikap mengikut nilai-nilai hidup moden. Di samping itu, masyarakat perlu mengambil peluang menyertai dan memainkan peranan masing-masing dalam usaha pembangunan bagi melahirkan warganegara baru dalam konteks satu bangsa Malaysia yang kukuh dan bersatu padu. Masalah yang akan timbul melibatkan

manusia dalam zaman pembangunan sekurang-kurangnya sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat pada tahun 1985. Dalam hubungan ini, masalah yang kita akan hadapi akibat kesuburan yang tidak dikawal pada dua puluh tahun yang lalu ialah penyediaan kerja untuk belia yang akan membanjiri pasaran pekerja. Negara ini sahaja telah berusaha untuk mengadakan berbagai pekerjaan tetapi masih terlalu jauh daripada mencukupi walaupun kadar penganggur turun dari tujuh perpuluhan empat peratus pada tahun 1970, kepada tujuh peratus pada akhir tahun 1975. Mengikut catuan bilangan, penganggur sudah meningkat 300,000 pada tahun 1975, tidak termasuk yang separuh menganggur di kampung-kampung. Masalah ini perlu dikaji supaya bertambahnya bilangan penduduk tidak akan membawa gejala yang tidak sihat.

Masalah perancangan kesuburan ini memang ada pertalian dengan soal kemiskinan yang mendorongkan kita melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara, seperti rancangan-rancangan lima tahun yang diamalkan di negara ini. Rancangan pembangunan yang lepas-lepas sudah dapat menyediakan program tertentu ke arah tujuan meninggikan taraf hidup rakyat, akan tetapi hingga kini belum lagi diaturkan satu program yang benar-benar menumpukan perhatian terhadap keperluan perancangan kesuburan sebagai salah satu langkah membasmi kemunduran dan kemiskinan dalam bidang pembangunan di samping lain-lain usaha yang sedang pesat dijalankan.

Dengan sebab itulah pada awal-awal tadi saya sebutkan, bahawa sangatlah kena pada ketikanya seminar ini diadakan bagi membincang perkara tersebut dengan lebih mendalam supaya dapat menyusun sesuatu rancangan yang terkhusus dan dapat pula dilaksanakan. Janganlah hendaknya membuat rumusan-rumusan atau memberikan pendapat-pendapat yang tidak dapat hendak dijalankan kerana hal ini tentu akan merugikan sahaja. Saya menaruh minat dalam hal perancangan kesuburan yang merupakan batu asas kepada membentuk sesebuah keluarga yang benar-benar sihat dan cergas dalam masyarakat Malaysia

moden sambil menikmati kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Inilah tujuan utama kerajaan terhadap pembangunan rakyat.

Saya menaruh kepercayaan yang penuh, masyarakat muda yang dilahirkan dalam keadaan kesihatan yang baik dan mendapat layanan serta didikan sempurna, akan menjadi warganegara yang cergas dan bertanggungjawab pula. Untuk menentukan, iaitu generasi muda bakal mewarisi negara ini adalah sesungguhnya suatu generasi baru, bertenaga kuat, berfikiran waras serta dedikasi, maka soal perancangan kesuburan ini perlu diberi perhatian dari sekarang. Kegagalan kita berbuat demikian bererti meruntuhkan negara yang kita sedang bina dan bangunkan ketika ini.

Ini bukanlah semata-mata tanggungjawab atau beban kerajaan sahaja, malah menjadi kewajipan kepada seluruh rakyat dan juga kakitangan kerajaan. Tujuan kita mengadakan rancangan pembangunan dan rancangan kesuburan ialah supaya generasi yang akan datang akan mewarisi sebuah negara yang makmur dan rakyatnya bersatu padu dan bahagia. Di samping itu, kita harus ingat bahawa rancangan-rancangan ini tidak akan berhasil jika perbezaan terdapat antara kedudukan berbagai golongan di negara kita. Kadar kematian bayi umpamanya, adalah lebih tinggi di kawasan-kawasan luar bandar daripada dalam bandar. Jika ini berterusan, semua usaha kita akan terjejas.

Perkembangan yang akhir-akhir ini menunjukkan lagi satu masalah yang mencabar. Rakyat dari luar bandar berduyun-duyun menumpu ke kawasan bandar untuk memulakan kehidupan baru dengan bekerja di kilang-kilang perusahaan dan pejabat-pejabat kerajaan. Mereka telah tinggal bersesak-sesak di kampung-kampung setinggan sekitar bandar-bandar besar dan kecil. Adalah nyata sekali rakyat yang tinggal di perkampungan setinggan ini mengalami serba kekurangan daripada segi kesempurnaan dan kemudahan-kemudahan hidup.

Pada suatu masa, mungkin kehidupan mereka menjadi lebih selesa dan mereka dapat memelihara

keluarga yang besar. Tetapi tentulah tidak wajar jika di waktu hidup sebagai setinggan dalam serba kekurangan, mereka terus mengadakan keluarga yang besar. Di waktu terpaksa menumpang sebagai setinggan adalah lebih baik mereka rancangkan supaya beban keluarga yang besar tidak menambah beban yang terpaksa mereka pikul sebagai setinggan. Begitu juga dengan penduduk rumah pangsa. Kesuburan sesuatu famili perlu disusun mengikut keadaan alam sekeliling. Kesuburan tidak patut dihalang tetapi keselesaan hidup mestilah diambil kira setiap masa.

Masalah kesuburan manusia memanglah masalah individu, tetapi individu tidak hidup berasingan. Dia hidup dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting individu mengambil berat keadaan dalam masyarakat apabila dia melakukan sesuatu. Kesuburan individu adalah kesuburan masyarakat dan negara. Oleh itu, negara perlu nasihatkan individu dalam semua gerak-gerinya termasuk kesuburan.

Kadar pertambahan pendapatan negara kita walaupun menghadapi inflasi yang teruk beberapa tahun lepas terdapat tujuh perpuluhan empat peratus dalam tempoh sepanjang Rancangan Malaysia Kedua berbanding dengan hanya enam peratus di tahun-tahun 60-an. Pendapatan purata rakyat bertambah sebanyak tiga peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua itu. Tidaklah dapat dinafikan pertambahan pendapatan purata atau per kapita ini sebanyak sedikitnya adalah hasil daripada penurunan kesuburan daripada tiga peratus setahun sebelum Rancangan Malaysia Kedua kepada dua perpuluhan tujuh peratus setahun sepanjang Rancangan Malaysia Kedua.

Perkembangan ekonomi dan pendapatan per kapita ada kaitan yang rapat dengan kesuburan. Sementara kita tidak mahu menghalang kesuburan, ini tidak bermakna bahawa kita tidak perlu rancangan kesuburan supaya tekanan ekonomi tidak menjadikan kehidupan kita bertambah buruk dari masa ke semasa.

Kelahiran manusia haruslah diperhatikan dari semasa ke semasa. Untuk mencapai kejayaan di bidang

pengawalan kelahiran, kita hendaklah lebih dahulu menukar sikap manusia terhadap masalah ini. Kesulitan yang timbul akibat kelahiran sekarang, hanya dapat dirasakan sesudah lima belas atau dua puluh tahun kemudian manakala bayi yang lahir hari ini memasuki bidang pekerjaan. Ketika itu, adalah sudah terlambat bagi kita bertindak.

Dalam masa kita menjalankan dan berusaha melaksanakan segala rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi kepentingan rakyat, kita sentiasa menghadapi rintangan dan cabaran pengganas-pengganas komunis. Pengganas komunis semakin berminat menggagalkan usaha kerajaan, kerana dengan cara itu sahaja mereka dapat mempengaruhi rakyat. Satu daripada cara mereka bertindak ialah dengan sengaja menyalah tafsir polisi kerajaan.

Polisi kerajaan berkenaan Perancangan Kesuburan sudah tentu akan disalah tafsir oleh komunis supaya melemahkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dan menjayakan cita-cita mereka. Sebab itu, adalah perlu dan penting semua pihak faham dasar kerajaan terhadap Perancangan Kesuburan. Dengan kefahaman ini, komunis tidak akan dapat peralatkan dasar ini untuk kepentingan perjuangan mereka.

---

*Ucapan Sempena Pembukaan Seminar Perancangan Kesuburan Ke Arah Pencapaian Kemajuan Yang Lebih Besar Di Bidang Sosial Dan Ekonomi Di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, Pada Hari Rabu, 16 Jun 1976, Jam 9.30 Pagi.*

## PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DAN KESAN SEKITARNYA

**HARI** ini kita menyaksikan pembukaan rasmi satu lagi kilang perusahaan di negeri kita Malaysia. Kilang Sharp/Roxy ini bermodal tiga perpuluhan lapan juta ringgit *paid-up* dan dipunyai bersama oleh Syarikat Sharp-Roxy 80 peratus dan Syarikat Trasmadi Sdn. Bhd. sebuah syarikat bumiputera 20 peratus.

Semua pihak yang melihat kilang ini tentu sedar dan setengah pihak pula mungkin berasa iri hati sedikit kerana perusahaan ini akan memberi dan menambah kekayaan bagi mereka yang memegang saham di dalamnya. Mereka yang boleh memiliki sudah tentu merupakan orang yang sudah berada dan mereka akan menjadi lebih kaya lagi kerana kejayaan perusahaan ini. Jurang perbezaan antara mereka dengan yang tidak berada tentu akan bertambah jika kilang ini membawa keuntungan seperti yang dirancangkan.

Di samping itu, mungkin ada orang-orang yang berpendapat bahawa tidaklah wajar bagi kerajaan negara Malaysia dan kerajaan Negeri Kedah menggalak dan memudahkan penanaman modal oleh pemodal-pemodal supaya mereka menjadi lebih kaya, hidup senang-lenang dan mewah. Sebuah kerajaan yang didukung oleh rakyat yang sebahagian besarnya bukan kaya dan bukan pemodal, sepatutnya mengutamakan kehendak yang ramai dan tidak mereka yang bilangannya sedikit sahaja dan dituduh

sebagai golongan yang tamak harta kekayaan. Lebih-lebih lagi mereka berkata, kerajaan sebuah negara yang merdeka tidak patut memberi peluang kepada orang asing mencari kekayaan lagi di negara ini dan menguasai ekonomi negara.

Sebelum kita terlalu terpengaruh dengan perasaan iri hati dan hasad dengki yang menjadi asas perjuangan bagi beberapa golongan di negara kita ini, marilah kita renung sejenak tentang apakah kesannya dan apakah hasil-hasil dari perusahaan ini khasnya dan semua perusahaan-perusahaan amnya.

Kedah adalah satu jelapang padi yang terkenal dan bagi negeri ini, perusahaan yang tertua dan yang memberi peluang pekerjaan kepada ramai penduduknya ialah perusahaan menanam padi. Malangnya, sementara bilangan penduduk berlipat ganda dengan pesatnya, luas tanah untuk padi tidak sama pesat bertambah. Di samping itu, sikap anak penanam padi pula sudah berubah dan sebahagian daripada mereka memandang rendah kerja ibu bapa mereka. Mereka tidak sanggup ke sawah lagi. Jika kita mahu padi ditanam maka kita tidak boleh bergantung kepada tenaga manusia, tetapi mahulah berharap kepada tenaga jentera.

Semua ini bermakna pengangguran akan bertambah. Sekarang ini, lebih daripada enam peratus daripada tenaga kerja di negara ini menganggur. Apakah kerajaan yang bertanggungjawab mahu melihat rakyat menganggur tanpa membuat sesuatu? Jika kerajaan sendiri tidak dapat mengadakan peluang pekerjaan yang cukup, tidakkah kerajaan patut menggalak usaha yang boleh memberi peluang kerja yang lebih sesuai dengan kehendak hati orang yang tidak lagi suka ke sawah?

Jika mereka yang sudah pun bekerja, pada hari ini merenung sejenak, tentu mereka akan ingat bahawa tidak berapa lama dahulu mereka menganggur. Di waktu mereka menganggur mereka berpendapat, apa pun adalah lebih baik daripada menganggur dan meminta-minta daripada ibu bapa yang juga tidak mampu memberi duit

belanja mereka. Pada ketika itu, mereka berpendapat bahawa kalaualah mereka dapat kerja alangkah baik nasib mereka. Dan mereka yang memohon kerja sanggup berjanji akan memberi khidmat yang baik asalkan sahaja mereka dilepas dari pengangguran.

Mungkin mereka yang bekerja di kilang ini dan di kilang-kilang lain pada hari ini sudah lupa sedikit tentang kesedihan mereka di waktu mereka menganggur, dan dengan itu simpati mereka terhadap orang-orang yang menganggur pun sudah luput. Tetapi, kerajaan tidak dapat lupa kerana masih ramai yang menganggur. Dan mereka yang menganggur ini perlu diberi perhatian yang berat oleh kerajaan. Sebab itu, walaupun yang sudah bekerja mungkin tidak memandang berat tentang pelaburan modal dan perwujudan perusahaan di negara ini, kerajaan terpaksa terus memandang berat terhadap soal ini supaya peluang bekerja terus bertambah untuk kepentingan orang yang masih menganggur.

Tetapi perusahaan bukan sahaja mewujudkan peluang kerja; ia juga memberi hasil lain kepada negara. Kita semua menuntut supaya diadakan sekolah, hospital, air, api, jalan, bantuan, biasiswa dan seribu satu lagi kemudahan daripada kerajaan. Untuk membayai semua ini, cukai yang dikutip mesti bertambah tiap-tiap masa. Cukai tidak boleh dikutip daripada orang yang miskin. Oleh itu, perusahaan yang untung mesti ada supaya cukai dapat dikutip daripada syarikat dan tuan punya perniagaan untuk diedar kepada rakyat keseluruhannya. Lebih untung dan lebih banyak perusahaan dan perniagaan lebih banyak cukai yang boleh dipungut.

Cukai yang dikenakan kepada syarikat, iaitu yang tidak mempunyai taraf perintis ialah 40 peratus dicampur dengan lima peratus cukai pembangunan. Ini bermakna daripada \$1,000.00 untung, kerajaan akan ambil \$450.00 dan pengusaha \$500.00. Jika untung 1 juta, kerajaan ambil \$450,000.00.

Keuntungan bersih yang dibahagikan kepada pemegang saham setelah ditolak cukai pun masih boleh

memberi faedah kepada kerajaan. Tiap-tiap kali pemodal membeli atau membayar untuk apa juga daripada keuntungannya, kerajaan mendapat cukai lagi. Umpamanya, kalau pengusaha menggunakan wang keuntungannya untuk menyewa rumah, penerima sewa rumah terpaksa membayar cukai lagi dan seterusnya.

Semua ini datang daripada adanya perusahaan. Jika tidak ada perusahaan, tidak akan ada cukai dan tidak akan ada peruntukan yang cukup untuk berbagai kemudahan bagi rakyat, khususnya rakyat yang miskin yang tidak ada pendapatan yang cukup untuk menolong diri sendiri. Umpamanya, anak orang miskin tidak akan dapat pelajaran walaupun berotak geliga jika tidak ada biasiswa daripada wang yang dikutip oleh kerajaan melalui aneka jenis cukai.

Selain daripada ini, perbelanjaan semua pihak, sama ada tuan punya perusahaan atau pekerja, akan menolong lain-lain peniaga, daripada orang yang menjual kopi hingga kepada kontraktor rumah. Mereka yang membuka kantin, mengada gerai makanan, menyewa rumah, menjual kain baju, mengadakan kenderaan dan lain-lain, semuanya akan mendapat faedah kerana adanya pekerja di kilang ini.

Jika perusahaan begitu menguntungkan, kenakah kerajaan tidak terus memiliki dan dengan itu mendapat bukan setakat empat perpuluhan lima peratus daripada keuntungan, tetapi 100 peratus. Malangnya, perusahaan tidak selalunya untung. Kalau rugi dan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan, kerajaan akan menanggung kerugian ini seratus peratus. Memang ada perusahaan yang sekarang dimiliki seratus peratus oleh kerajaan dan banyak pula daripada perusahaan ini telah rugi berjuta-juta. Tiap-tiap kali perusahaan-perusahaan ini rugi, kerajaan dan rakyat terpaksa memikulnya. Jika kerajaan terpaksa menampung kerugian, peruntukan pembangunan untuk rakyat terpaksa dikurangkan.

Jika sebaliknya perusahaan dimiliki oleh swasta, bila untung kerajaan terima, rugi adalah beban swasta. Kerajaan tidak perlu keluar modal tetapi dapat untung.

Wang yang mesti diguna sebagai modal pula boleh diguna untuk pembangunan negara dan menolong rakyat. Cuma, mereka yang jahil sahaja yang berpendapat bahawa mendapat untung tanpa mengeluarkan modal adalah tidak bijak.

Memandang kepada semua faedah-faedah ini tentulah nyata kenapa negara ini menggalak pelaburan modal yang pesat. Lebih banyak perusahaan lebih legalah kehidupan rakyat daripada segenap lapisan.

Walaupun demikian, kerajaan terpaksa mengawasi juga perkembangan perniagaan dan perusahaan supaya tidak menimbulkan masalah bagi masyarakat. Sebab itu, kita membentuk Dasar Ekonomi Baru. Memandang bahawa perusahaan boleh memberi faedah bukan sahaja kepada pemodal tetapi juga kepada penganggur, pekerja dan peniaga-peniaga lain kecil dan besar, tafsiran dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru perlu ditentukan dengan waras dan adil kepada semua pihak.

Janganlah hendaknya kerana ingin menjaga peluang pemodal untuk memiliki saham dan mendapat untung, maka peluang kerja bagi yang menganggur dan peluang pekerja untuk hidup sempurna, kepentingan peniaga lain dan juga keperluan kewangan negara dan rakyat terjejas. Oleh itu, sungguhpun kita ingin menjaga kepentingan pemodal bumiputera, kerajaan terpaksa juga ambil kira kepentingan penganggur, pekerja dan pihak-pihak lain. Jika tidak ada wang yang cukup bagi bumiputera membeli saham, tetapi Dasar Ekonomi Baru dipatuhi oleh kilang-kilang dalam pengambilan pekerja dan kakitangan, kerajaan tidak akan menghalang pengusaha. Tetapi kerajaan akan mengawasi supaya ini tidak dijadikan alasan untuk menyekat pemilikan saham perusahaan oleh bumiputera mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Bagi pekerja yang sudah dapat peluang kerana Dasar Ekonomi Baru, mereka juga bertanggungjawab terhadap kejayaannya. Janganlah kerana sudah dapat kerja mereka melakukan apa-apa yang boleh menghalang kejayaan perusahaan yang memberi peluang kepada mereka.

Perbuatan ini akan menganiayakan orang-orang lain yang masih menganggur kerana jika tindakan pekerja merugikan perniagaan, perusahaan baru sudah tentu tidak akan bertambah dengan pesatnya dan yang menganggur akan terus menderita. Kerajaan akan memelihara hak pekerja tetapi asas tuntutan pekerja mestilah keadilan dan bukan keupayaan merosakkan perniagaan. Dalam apa juga tindakan kerajaan, kepentingan semua pihak mesti dipertimbangkan, terutama sekali mereka yang betul-betul malang seperti penganggur.

Saya telah mengambil masa yang agak panjang dalam ucapan pembukaan ini kerana kerajaan anggap amatlah penting bagi semua pihak – dari pelabur asing dan tempatan hingga pekerja buruh kasar – memahami dasar yang diamalkan oleh negara ini. Penjelasan ini menjadi lebih penting kerana orang-orang tidak pernah membuat sesuatu apa pun untuk memberi peluang kerja kepada rakyat, dengan pantasnya mereka akan mengguna perwujudan perusahaan seperti ini untuk mencari pengaruh. Mereka akan mengecam dasar kerajaan kerana kononnya menolong pemodal-pemodal yang kaya sahaja. Mereka akan mencuba menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pekerja untuk membuktikan mereka adalah jaguh pekerja, yang sanggup menolong pekerja.

Saya berharap, pekerja dan rakyat tidak mudah terpengaruh dengan pendapat mereka ini. Bagi mereka ini, penderitaan rakyat cuma merupakan satu perkara yang sesuai untuk mendapat pengaruh. Jika rakyat menganggur, mereka berpura-pura bersimpati tetapi mereka tidak ingin melihat perusahaan wujud sungguhpun ini memberi peluang bekerja untuk orang yang menganggur.

Dengan penjelasan ini, saya harap sikap kerajaan negara ini terhadap pelaburan modal adalah jelas. Kita tidak segan-segan berkata, bahawa kita suka melihat lebih banyak perniagaan dan perusahaan oleh pihak swasta. Kerajaan juga akan melibatkan diri dalam perusahaan tetapi tidak dengan tujuan menghalang kemajuan swasta. Sebaliknya, kerajaan akan berusaha dan akan bekerjasama

dengan pihak swasta supaya hasilnya ialah negara yang lebih makmur dan penduduk yang lebih mewah.

---

*Ucapan Di Upacara Pembukaan Rasmi Syarikat Sharp-Roxy Di Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah, Pada Hari Ahad, 9 Oktober 1976, Jam 2.30 Petang.*

---

## KISAH SERATUS JUTAWAN

**SEKALI** lagi kita berkumpul untuk membincangkan satu masalah nasional, masalah yang begitu berkesan dalam menentukan baik/buruknya masa depan negara Malaysia, yang begitu mudah menimbulkan emosi dan mendedah kita semua, terutama kaum bumiputra, kepada pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan semua yang telah kita bina.

Sejak ekonomi bumiputra dikenali sebagai satu masalah kepada kita, ramai yang mendakwa mereka tahu sebab-sebabnya dan tahu tepat tentang cara-cara mengatasinya.

Beribu-ribu *solution* ini telah diamalkan. Tetapi, masalah ini nampaknya masih menjadi masalah dan tiap-tiap tahun konvensyen dan seminar dan bengkel tetap akan diadakan untuk membincang masalah ini.

Dan ramai pula yang mengambil bahagian dalam perbincangan seperti ini, telah diberi peluang untuk mengamalkan cadangan atau *solution* mereka sendiri. Tetapi, penempatan mereka di tempat di mana mereka boleh bertindak tidak memberi kesan seperti mereka perkatakan dalam tesis mereka. Sudah tentu mereka ada alasan kenapa mereka tidak dapat menjalankan *solution* mereka. Alasan yang popular sekali ialah halangan oleh orang lain sama ada ketua mereka atau pemimpin kerajaan atau siapa saja. Dan, apabila disebut kerajaan dan

pemimpin-pemimpin kerajaan maka ramailah yang akan mengangguk-angguk, bertepuk sorak dan berpekkik. Apakah yang lebih sedap daripada menyalah dan menuduh orang lain, terutama orang atasan, yang mana tempatnya yang tinggi itu pun sudah cukup untuk menimbul perasaan iri hati dan benci.

Malangnya, walaupun menyalah orang atasan adalah sedap dan popular sekali, ianya tidak berjaya mengatas masalah. Lebih-lebih lagi masalah tidak dapat diatasi, oleh kerana ingin membantu tuduhan dan tesis lalu menyalahkan orang lain dan para pemimpin; *facts and figures* dan asas-asas direka atau sengaja diada-adakan atau diputar-kar. Kebenaran tidak diberi tempat oleh orang yang ada sesuatu niat yang lain daripada hasrat dan matlamat perbincangan yang diadakan.

Masalahnya ialah, ekonomi bumiputera yang tidak seimbang dengan ekonomi orang-orang keturunan lain, yang tidak mencapai taraf yang sejajar dengan pembangunan negara dan dunia moden. Bahawa, masalah ini tidak menjadi masalah satu kaum sahaja, tidak dipersoalkan lagi. Tetapi tiap-tiap kali dasar digubal atau tindakan diambil, kesan dan peranan kaum timbul dan suasana dikeruhkan. Dan, suasana menjadi lebih keruh kerana banyak daripada rancangan dan tindakan telah tidak mencapai sepenuhnya matlamat yang ditujukan.

Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang berkumpul di dewan ini, dan akan mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan yang berikut, adalah orang yang berasa bertanggungjawab dalam perkara ini. Dan saya percaya juga, bahawa banyak idea-idea baru yang akan dikemukakan adalah idea-idea yang berasal hasil dari tinjauan dan kajian yang luas dan mendalam.

Sebagai seorang yang di waktu ini diberikan peranan yang besar dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, saya bersyukur kerana terdapat begitu ramai orang-orang yang menitikberatkan masalah ekonomi bumiputera. Saya yakin bahawa rumusan yang akan dicapai dalam konvensyen ini, amatlah berguna. Oleh itu, saya mengalu-

alukan usaha ini dan mengucap tahniah kepada mereka yang menyusun dan menguruskan konvensyen ini.

Namun demikian, saya ingin menyuarakan sedikit pendapat saya tentang perjalanan majlis seperti ini. Sungguhpun kebanyakannya daripada peserta dan hadirin terdiri daripada mereka yang serius dan begitu berminat dalam mencari jalan memperbaiki keadaan, kadangkala ada orang yang menganggap perhimpunan dan syarahan sebagai satu jenis hiburan.

Ada yang pula mungkin menganggap, majlis seperti ini sebagai forum untuk mempamer kebolehan dan menarik perhatian kepada diri sendiri. Dan ada yang hendak menonjolkan sesuatu yang diperjuangkan olehnya, yang sebenarnya tidak ada kaitan tepat dengan masalah yang menjadi tajuk. Saya yakin saudara-saudara yang semuanya terdiri daripada para intelektual yang disanjung tinggi oleh rakyat, tidak akan memberarkan majlis ini diperalatkan. Majlis ini adalah majlis yang serius dan berminat untuk membuat kebajikan kepada masyarakat. Sesiapa yang cuba menggunakan untuk tujuan lain, akan mengkhianati tujuan majlis ini diadakan.

Dalam perbincangan berkenaan ekonomi umpamanya, soal miskin dan kaya amatlah menarik. Dan di antara kata-kata yang popular dan tidak pernah gagal menarik sokongan dan tepuk sorak inilah slogan, "Yang miskin menjadi lebih miskin dan yang kaya lebih kaya". Dalam usaha membuktikan kebenaran slogan ini, kebenaran diketepikan sebagai tidak penting. *Argument* ekonomi yang berbagai diluahkan oleh peserta semata-mata sebagai pengabdian kepada slogan golongan materialis/sosialis ini, golongan yang percaya bahawa kebahagiaan hidup berasas semata-mata kepada harta kekayaan.

Jika didapati orang yang miskin sudah mendapat pendapatan yang bertambah, ini diperkecilkkan dengan berkata bahawa nilai mata wang sudah merosot.

Jika yang kaya mengalami kerugian daripada susutan pendapatan kerana cukai yang tinggi, daripada kemerosotan pasaran, ini tidak disebut sama sekali.

Bahawa, setiap masa ramai yang kaya menjadi bankrap juga tidak disebutkan. Yang ditekankan ialah walau apa pun kenyataan menunjukkan bahawa si miskin sudah kurang miskin, kenyataan ini tidak diakui dan dikatakan bukan kenyataan. Yang benar ialah yang tidak nyata.

Taktik menekan bahawa yang putih sebenarnya hitam dan oleh itu secocok dengan apa yang disarankan oleh pensyarah ialah satu taktik yang amat digemari. Dan mereka yang tahu bahawa yang putih sebenarnya putih dan yang hitam sebenarnya hitam tidak berani menyuarakan pendapat mereka kerana takut hadirin tidak suka mendengar pendapat seperti ini. Kalau hendak popular diamkan sahaja jangan cuba menentang hadirin, walaupun ini adalah satu sikap pengecut.

Saya percaya, ada kertas-kertas yang akan dibentangkan yang akan mendedah berbagai jenis kelemahan dalam dasar dan perlaksanaan dasar yang ada sekarang. Hujah yang tetap menarik ialah, "Walaupun DEB bertujuan meninggikan ekonomi bumiputera, tetapi sebenarnya cuma segelintir sahaja yang merasai nikmat DEB". Mungkin cerita 100 orang jutawan bumiputera akan disebut atau dibayangkan. Dan ramai daripada hadirin akan merasai benci kepada 100 orang ini. Dan sudah tentu perkara ini akan dijadikan lambang kegagalan DEB.

Soal apakah niat mereka yang mendedah dan menonjol cerita 100 orang jutawan bumiputera ini tidak ditimbulkan. Soal sama ada benar atau tidak 100 orang jutawan bumiputera wujud, tidak akan ditimbul. Yang akan menarik perhatian ialah inilah bukti DEB, menguntungkan cuma segelintir bumiputera. Syabas F.E.E.R. Engkau amat berjaya.

Saya kenal sebilangan daripada nama-nama yang disebut dalam laporan ini. Di antaranya ada yang boleh dipanggil *millionaire* – iaitu ianya hutang berjuta ringgit dan sering berkejar ke sana ke sini untuk mengelak daripada tekanan si penagih hutang. Ramai pula yang cuma lagak sahaja sebagai jutawan. Keadaan sebenar, Allah sahaja yang mengetahui.

Tetapi cerita 100 jutawan ini amat disukai oleh mereka yang ingin membantu hujah mereka bahawa DEB menguntungkan sebilangan kecil bumiputera sahaja. Jikalau ada orang lain jadi jutawan, ini tidak apa. Tetapi jangan bumiputera. Malangnya, bila tidak ada jutawan bumiputera, maka ditimbul pula soal kenapa orang lain boleh jadi jutawan, duduk dalam mahligai dan berkereta *Roll-Royce* tetapi bumiputera tidak ada yang merasai kemewahan ini. Orang yang menonjol perkara ini sebenarnya bermaksud bumiputera yang dianya mahu melihat sebagai jutawan ialah dirinya sendiri. Jika bumiputera lain jadi jutawan, ini tidak bermakna orang bumiputera sudah jadi jutawan. Bumiputera yang dimaksudkan ialah dirinya. Tetapi bila dianya jadi jutawan, bumiputera lain pula akan menegur.

Berbalik kita kepada peserta jenis ini. Kecamannya terhadap kegagalan DEB adalah menyeluruh. Kononnya, DEB cuma menjadikan segolongan kecil bumiputera kaya. Yang lain tidak merasai nikmat sama sekali daripada DEB. Jika apa yang diperkatakan olehnya benar maka dianya tidak sepatutnya berada di atas pentas dan mengeluarkan pendapat sedemikian.

Sebabnya adalah, sebelum DEB bilangan bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi umpamanya amatlah sedikit. Dan yang mendapat kelayakan *postgraduate* sehingga boleh membuat berbagai tesis dan teori berkenaan ekonomi bumiputera, hampir tidak ada. Tetapi ketika ini, bilangan bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi hasil Dasar Ekonomi Baru sudah bertambah sehingga bercambah. Dan mereka mendapat perolehan yang jauh berbeza daripada pendapatan ibu bapa mereka.

Memang benar mereka tidak jutawan. Tetapi mereka kaya, dari segi tafsiran, mereka kaya, dari pandangan orang miskin, termasuk ibu bapa mereka sendiri, mereka kaya. Percubaan mempamerkan diri sebagai orang miskin dan bertambah miskin, mengikut slogan yang suka mereka laungkan adalah satu perbuatan yang tidak jujur. Mereka tidak seharusnya menidak nikmat yang mereka telah rasai.

Perbuatan ini amat bertentangan dengan agama jika mereka terdiri daripada orang Islam.

Mungkin pensyarah yang berkenaan akan berkata, yang miskin bertambah miskin berasal daripada keluarga yang kaya. Dengan peluang yang dia telah dapat melalui DEB, dia menjadi lebih miskin. Jika ini yang berlaku, yang salah ialah dirinya sendiri. Sebagai anak kepada satu keluarga yang kaya, dianya patut menolak peluang yang wujud dalam DEB kerana DEB adalah untuk yang miskin menjadi kaya. Kalau dianya sudah sampai taraf yang tidak memerlukan pertolongan DEB, tidak seharusnya dia menggunakan peluang dalam DEB.

Sebenarnya, hampir semua peserta bumiputera dalam konvensyen ini, sama ada dianya di atas pentas atau di bawah, telah mendapat nikmat daripada DEB. Jika mereka sudah bekerja, saya percaya pendapatan mereka adalah lebih tinggi daripada pendapatan keluarga mereka dahulu. Jikalau mereka sedang belajar, ini pun bermakna pendapatan mereka sudah bertambah kerana pembentukan sebenar seorang penuntut universiti tidak mungkin dipikul oleh keluarga yang miskin. Sama ada dia mendapat biasiswa atau tidak, sebahagian besar daripada perbelanjaan memberi pelajaran kepadanya, dipikul oleh kerajaan.

Sebenarnya, tiap-tiap seorang penuntut dibiayai oleh kerajaan tiap-tiap bulan lebih daripada gaji bulanan setengah pegawai. Adalah tidak secocok dengan ajaran agama Islam jika kita menidakkannya pemberian orang kepada kita dan sebaliknya kita mengcam orang yang bersedekah – lebih-lebih lagi jika kita miskin dan memerlukan pertolongan.

Mungkin ada yang akan berkata, "Ya, memang benar pendapatan bertambah, tetapi ini tidak bermakna kami menjadi kaya." Selain daripada tafsiran kaya dan miskin, dalam mana yang mendapat lebih adalah kaya daripada yang miskin yang mendapat kurang – selain daripada ini, pengakuan sudah mendapat lebih dengan sendirinya menolak dakwaan bahawa:

- (a) DEB cuma memberi nikmat kepada beberapa kerat bumiputera sahaja, dan
- (b) DEB menyebabkan yang miskin menjadi lebih miskin – slogan yang popular sekali di kalangan ahli kritik dan mereka yang tidak senang melihat DEB berjaya.

Dakwaan dan kecaman bahawa yang kaya menjadi lebih kaya mendedahkan peranan iri hati semata-mata. Di negara ini, kekayaan dikenakan cukai yang amat tinggi. Lebih kaya seseorang itu, bukan sahaja lebih tinggi jumlah cukai yang mesti dibayar tetapi peratusan juga dilipat-gandakan. Tiap-tiap satu ringgit yang diperolehi oleh orang yang berpendapatan terlalu tinggi, kerajaan mengambil balik sebagai cukai 55 sen. Beban ini tidak mudah difaham melainkan kalau orang yang mendapat \$100 sebulan dipaksa memberi kepada kerajaan \$55 dan dianya cuma boleh guna \$45 sahaja. Tetapi inilah sebenarnya yang berlaku kepada yang terlalu kaya. Sementara yang berpendapatan rendah sekali tidak dikenakan cukai sama sekali, kumpulan yang mula membayar cukai pendapatan membayar cuma \$6 pada tiap-tiap \$100 yang lebih daripada jumlah eluan yang tidak dikenakan cukai.

Selain daripada cukai pendapatan 55 peratus ini, tiap-tiap kali orang kaya membeli belah (dan dianya membeli barang mahal dan mewah yang biasanya dikenakan cukai yang tinggi) dianya membayar cukai lagi. Apabila dia mati, cukai akan dikenakan lagi atas harta pusakanya sebelum diedar kepada zuriatnya. Dan apabila zuriatnya membelanja harta pusaka, cukai dikenakan lagi ke atas apa saja yang dibelanjakan.

Selain daripada itu, dalam usahanya mencari pendapatan dan harta yang banyak, orang kaya tadi terpaksa mengadakan perniagaan atau perusahaan. Tiap-tiap kegiatan mengumpul kekayaan, tidak dapat tidak akan wujud peluang kerja dan pendapatan bagi yang menganggur, keuntungan bagi lain-lain peniaga atau sebuah kilang orang yang menjual nasi lemak atau kopi 'O' pun dapat mencari nafkah berdekatan dengannya.

*Spin-off* daripada kegiatan orang yang mencari kekayaan cuma disedari apabila dia terpaksa menghentikan usahanya. Pekerja akan menganggur semula, penjaja di tepi kilang akan merana, peniaga kecil tidak akan ada pelanggan dan kerajaan bukan sahaja tidak akan dapat cukai tetapi terpaksa menghadapi soal sosial.

Di samping itu, muncullah jaguh-jaguh yang mengecam majikan dan kerajaan kerana menyebabkan pengangguran. Bahawa mereka juga yang dahulu mengecam adanya perusahaan dan DEB yang memberi peluang kepada usahawan menjadi kaya sudah mereka lupakan. Sebenarnya, mereka ini semasa mengecam kerajaan kerana berlakunya pengangguran juga mengecam usaha menambah peluang kerja.

Apa yang saya perkatakan ini memang tidak popular. Memang lebih sedap kalau kita benci dan kecam orang yang berada, orang yang mewah dan kaya. Tetapi sedap atau tidak sedap, apa yang diperkatakan adalah kenyataan – sekurang-kurangnya di negeri ini. Memang ada jenis manusia kaya yang tamak dan suka menindas pekerja miskin. Tetapi di dalam negeri ini, selain daripada mereka dipaksa membahagikan kekayaan mereka supaya masyarakat dan golongan miskin khususnya merasai nikmat bersama, saluran dan jentera disediakan untuk mengambil tindakan terhadap majikan yang kejam atau ganas.

Kita tidak harus menyembah dan mendewa-dewakan orang yang kaya ini – tetapi di samping itu, kita juga tidak harus menafi peranan sebenar yang dimainkan oleh mereka kerana mahu menonjol ideologi kita atau kerana hendak memuaskan nafsu, atau kerana hendak populariti atau semuanya. Jika mereka ingkar, elak daripada tanggungjawab yang ditentukan oleh masyarakat, adat, agama dan undang-undang, kita perlu ambil tindakan. Tetapi apa yang benar perlu diakui sebagai benar.

Perspektif kita terhadap fenomena miskin dan kaya adalah penting jika ingin betulkan kepincangan dalam ekonomi bumiputera. Jika di waktu kita semua miskin, kita

menganggap keadaan ini tidak adil, janganlah pula apabila sahaja kita cuba kurangkan kemiskinan maka kita kecam pula perubahan yang berlaku.

Kita tidak mungkin dengan sekaligus, serentak dan menyeluruh menjadikan semua yang miskin kaya. Daripada segi tafsiran sendiri pun tidak mungkin. Adanya kaya ialah kerana adanya miskin – sekurang-kurangnya secara relatif. Yang kita perangi ialah miskin secara *absolute* – tetapi di negara ini, tidak mungkin. Tuhan yang Maha Kaya telah kurniakan negara ini dengan kesuburan dan sumber alam yang luar biasa. Kita bukan hidup di padang pasir yang tidak ada tumbuh-tumbuhan. Kita cuma dikehendaki cucuk bumi bertuah Malaysia dengan benih tumbuhan dan akan tumbuh makanan. Bumi ini subur kurniaan Tuhan. Adalah menjadi satu angkuhan dan takbur jika pemberian Tuhan kita nafikan.

Kita harus tentukan sikap dan matlamat kita dalam menghadapi masalah ekonomi bumiputera. Jangan kita terlalu terpengaruh dengan falsafah Marxist dan sosialis. Kebahagiaan dan keselesaan hidup manusia bukan berasas kepadakekayaan material semata-mata. Teori bahawa sejarah manusia adalah sejarah pertentangan antara miskin dan kaya semata-mata adalah cetek dan tidak benar. Manusia tidak hidup semata-mata untuk merebut kekayaan sebagai cara mencapai kebahagiaan dan keseronokan di dunia. Ada nilai-nilai yang lebih tinggi, nilai rohaniah umpamanya, yang boleh memberi kebahagiaan dan ketenangan jiwa walaupun kekayaan material tidak sebegitu.

Sebaliknya, jangan kita menidakkannya kesan dan peranan kekayaan material sehingga kita menolak semua kekayaan; berkempen untuk menghapuskan kekayaan, dan secara menyeluruh mengecam mereka yang berada. Kekayaan material mempunyai keupayaan bukan sahaja dalam memberi penghidupan yang mewah, tetapi untuk mengekalkan keagamaan dan kepercayaan kepada agama Islam sendiri. Ramai orang-orang keturunan Islam tidak lagi Islam kerana sudah jatuh miskin. Bahawa kemiskinan

menghampiri kekufuran disebut dengan jelas dalam Al-Quran-ul-Kareem. Ini amat berbeza daripada anggapan ramai bahawa kemiskinan adalah sama dengan keimanan yang kukuh.

Penentuan sikap kita terhadap miskin dan kaya ini penting dalam usaha mengatasi masalah ekonomi bumiputera. Di waktu kita miskin kita berasa iri hati terhadap orang lain kaya dan kita desak supaya kita juga diberi peluang untuk mencapai kekayaan. Malangnya, apabila sahaja kita capai sedikit kejayaan dan beberapa kerat daripada kita mencapai taraf kekayaan yang bagi masyarakat kita agak luar biasa, bukan sahaja kita lancarkan serangan terhadap mereka ini tetapi kita kecam kekayaan sebagai materialistik dan semua usaha mencari kekayaan sebagai hampir perbuatan jenayah. Dengan ini, bukan sahaja masyarakat menjadi keliru dan tidak tentu arah tetapi semua individu bumiputera hilang haluan. Tidak berusaha mencari kekayaan, menimbulkan iri hati, kalau usaha, dikecam oleh bangsa sendiri. Hipokrisi menguasai semua lapisan sehingga mereka sudah menjadi kaya hasil perlaksanaan DEB, turut mengecam kekayaan kerana kononnya bertentangan dengan kerohanian. Jika ada satu ketika di mana ramai meludah di langit – inilah masanya.

Saya diberi tugas merasmikan konvensyen ini dan sepatutnya saya membuat itu sahaja. Tetapi memandang kepada apa yang biasanya berlaku dalam diskusi ekonomi bumiputera yang lepas, di mana ramai dengan sewenang-wenangnya mengeluarkan teguran dan pendapat yang tidak berasas, saya berpendapat, peringatan tentang pentingnya kebenaran mempunyai tempat dalam ucapan pembukaan.

Perbincangan dan perbahasan seperti ini pun perlu berasas kepada yang benar. Yang benar dalam konteks ini ialah yang umum, kerana kita membincangkan yang umum dan bukan yang khusus. DEB adalah dasar umum – iaitu dasar ini mempunyai matlamat ini *general* atau umum bagi mengurangkan kepincangan antara kaum dan membasmi kemiskinan. DEB tidak berjanji, bahawa Awang yang

tinggal di Kampung Charok atau Mek di Kampung Gunung atau Mat, atau Chin atau 'Ada satu per satu akan menjadi kaya raya – dan tiap-tiap satu daripada orang bumiputera yang ada di Malaysia dan tiap-tiap orang yang miskin akan menjadi kaya raya.

Oleh itu, kalau pada tahun 1990 masih ada orang bumiputera yang bukan jutawan dan bukan menjadi profesor, atau ketua jabatan, atau tidak ada televisyen atau apa juga yang ingin disebutkan sebagai ukuran oleh peserta seminar atau konvensyen, ini tidak bermakna DEB telah gagal jika di samping itu pukul rata ramai yang mendapat nikmat sedikit sebanyak daripada perlaksanaannya. Ya, memang benar, kita perlu usaha sehingga semua mendapat nikmat yang banyak, tetapi ini bukan kes nila setitik. Selagi masyarakat mengizinkan, dan saya telah jelaskan kenapa masyarakat terpaksa mengizinkan, akan ada mereka yang mendapat nikmat yang lebih daripada yang lain – iaitu miskin dan kaya secara relatif tetap akan ada walaupun pada tahun 1990.

Oleh itu, janganlah pilih beberapa contoh, atau dedahkan beberapa statistik dengan membelakangkan contoh yang lebih menyeluruh. Perbuatan seperti ini merupakan *intellectual dishonesty*. Jika cerdik pandai kita tidak berpegang kepada kebenaran, lain-lain anggota masyarakat tidak akan menghargai lagi kebenaran. *Politician* yang ingin popular akan jejak langkah *dishonest intellectuals* dan akan bohong sepanjang masa – dengan kesan yang saya tidak perlu jelaskan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang bijak bestari. Oleh itu, jika diizinkan saya ingin menyeru kepada semua pihak dalam konvensyen ini supaya berpegang kepada kebenaran dan menganggap konvensyen ini sebagai satu usaha yang serius, bukan untuk dapat tepuk sorak yang gemuruh dan populariti politik, tetapi untuk mencari jalan menjayakan – lebih-lebih lagi ekonomi bumiputera di negara ini. Yang dikehendaki bukan sekali lagi menentukan orang-orang tertentu adalah salah, dan kita betul. Yang dikehendaki ialah cadangan yang positif yang tepat, yang boleh

dilaksanakan oleh manusia biasa.

Sebelum saya akhiri ucapan pembukaan ini, saya memohon izin daripada ahli-ahli tafsir Al-Quran dan ulama-ulama yang ada di dalam dan di luar Dewan untuk menyebut dua potongan ayat dari Al-Quran-ul-Kareem. Saya sedar bahawa ramai yang berpendapat, saya tidak mempunyai hak mengeluarkan ayat Quran kerana pengetahuan agama saya amat cetek. Juga, mungkin pembacaan saya tidak fasih. Walaupun demikian, izinkan saya menyebut ayat-ayat ini untuk renungan kita bersama.

Yang pertama ialah tentang nikmat bagi orang yang bersyukur yang berbunyi:

“Sesungguhnya jika kami bersyukur, pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kami menginkari (nikmat-Ku) maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.” Surah Ibrahim, Ayat 7.

Sejak kita merdeka dan sejak DEB dilancar, ramai daripada kita, bahkan hampir semua daripada kita orang bumiputera, khususnya orang Islam sudah menerima nikmat, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hakikat ini perlu kita akui dan kita bersyukur kerananya. Amatlah tidak sesuai dengan agama Islam jika kita menafikan nikmat yang telah kita terima, kerana semuanya adalah pemberian Tuhan. Bagi mereka yang menafikan nikmat yang telah mereka terima, bukan sahaja mereka tidak akan menerima nikmat lagi tetapi mereka akan menerima keazaban yang amat teruk. Oleh itu janganlah dengan lantang bangun berkata, ‘Sejak kita merdeka, apa kita dapat?’.

Ayat yang kedua yang ingin saya sebutkan ialah berkenaan kesederhanaan. Ayat ini bunyi:

“Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara kaldai” – Surah Lukman, Ayat 19.

Yang jelas daripada ayat ini ialah kita dikehendaki oleh agama Islam supaya tidak keterlaluan dalam tutur kata dan gerak-geri. Saya biasa dilabelkan oleh musuh politik saya sebagai *ultra* – pelampau. Mungkin ramai akan

memikir, amatlah aneh bagi seorang *ultra* menyeru ke arah kesederhanaan. Tetapi, label itu dilekatkan oleh musuh, dan musuh memang mempunyai niat tertentu. Saya sendiri tidak mengaku saya pelampau. Sebab itu, tidaklah aneh jika saya seru ke arah kesederhanaan yang disuruh oleh Allah s.w.t.

Kesederhanaan memang mempunyai khasiat tertentu. Oleh itu, dalam memperkatakan sesuatu, janganlah melampau batas sehingga tidak lagi benar apa yang kita perkatakan. Ramai daripada kita mudah tertarik dengan *overstatement* dan *exaggeration* untuk menarik perhatian kepada tesis kita. Dengan itu, maka kebenaran terpaksa diketepian.

Akibatnya, ialah *emotional overaction* dan bukan perancangan yang waras dan teratur untuk mengatasi masalah.

Masalah ekonomi bumiputera memang besar dan tidak mudah diatasi. Yang dikehendaki bukan riak, bukan kesedihan, bukan marah-marah atau keangkuhan. Yang dikehendaki ialah kajian yang dingin yang berasas kepada fakta dan maklumat yang sebenar dan rancangan yang teratur yang mampu dibuat oleh kita sendiri – bukan oleh orang lain sahaja.

Insya-Allah, jika peserta konvensyen ini betul-betul berminat dan tidak ada niat lain daripada mengatasi masalah ekonomi bumiputera, kita akan dapat mengatasi beberapa rintangan, dan akan bergerak selangkah lagi ke arah matlamat yang kita tujukan.

*Ucapan Yang Disampaikan Semasa Merasmikan Konvensyen Ekonomi Bumiputera Di Universiti Kebangsaan Bangi, Pada 19 Mac 1978.*

## YAYASAN PELABURAN BUMIPUTERA

**SEBAGAIMANA** kita sedia maklum, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan telah mencadangkan penubuhan satu Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera, dengan modal permulaannya sebanyak \$200 juta. Tujuannya ialah bagi mendapatkan dan memegang amanah saham-saham yang telah diperuntukan kepada masyarakat bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru yang tidak dapat atau tidak mungkin dimiliki oleh bumiputera. Sesungguhnya, hasrat bahawa kerajaan sepatutnya menubuhkan satu perbadanan bagi membantu masyarakat bumiputera mendapatkan saham-saham syarikat di Malaysia, telah lahir sejak beberapa tahun lalu. Oleh kerana penubuhan Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera yang dicadangkan itu menjadi tanggungjawab saya sejak tahun 1976, saya telah mengambil perhatian terhadap dua faktor, iaitu:

Pertama: Jumlah sebanyak \$200 juta yang telah diperuntukan kepada kumpulan wang ini di bawah Belanjawan Pembangunan Kerajaan, merupakan jumlah Kumpulan Wang Rakyat yang banyak. Saya mestilah mempunyai keyakinan supaya kumpulan wang ini dapat digunakan sepenuhnya dan dengan berkesan ke arah pencapaian matlamat kumpulan wang ini, selaras dengan matlamat dan tujuan dasar kerajaan. Sebagai tambahan kepada modal permulaan ini, kumpulan wang, di sepanjang masa, akan diberi tanggungjawab dengan jumlah

kumpulan wang yang lebih besar daripada kerajaan dan lain-lain punca. Adalah sangat perlu bagi kepentingan kumpulan wang dan siapa juga yang melabur di dalam kumpulan wang ini, supaya kumpulan wang ini diurus dan diselenggarakan dengan baik dan dengan kepercayaan penuh orang ramai terhadap keselamatan sumber-sumber yang diletakkan di bawah jagaannya.

Kedua: Adalah jelas kepada saya, bahawa modal permulaan sebanyak \$200 juta, walaupun nampak banyak, masih lagi agak sederhana berbanding dengan tugas-tugas membantu masyarakat bumiputera, membeli hak milik mereka dalam bahagian modal-modal ekuiti dalam sektor syarikat di Malaysia.

Tuan-tuan akan sedar bahawa perkataan yang digunakan ialah "pembelian". Saya terpaksa menegaskan, bahawa adalah menjadi hasrat kerajaan memenuhi matlamat yang telah ditetapkan, iaitu menambahkan penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perusahaan di sepanjang 12 tahun yang akan datang dengan tidak payah mengambil tindakan memiliki negarakan syarikat-syarikat. Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera akan membantu orang-orang perseorangan dan perusahaan-perusahaan bumiputera membeli dan memiliki modal ekuiti di sektor syarikat melalui pembelian saham-saham bagi pihak mereka. Bagi melaksanakan usaha ini, kumpulan wang ini mestilah berupaya menggembangkan simpanan masyarakat bumiputera sebagai tambahan kepada sumber-sumber yang disediakan oleh kerajaan. Satu perkara yang penting bagi kejayaan Kumpulan Pelaburan Bumiputera ini ialah sokongan daripada kumpulan pengurusan yang kukuh, jujur dan berkesan, dan yang mempunyai pandangan dan pemikiran yang luas dalam menggunakan kumpulan wang ini sepenuh-penuhnya.

Apa yang membimbangkan saya, sesungguhnya kebimbangan kita semua, ialah kumpulan wang yang dicadangkan ini perlu mendapatkan keyakinan bukan saja daripada masyarakat bumiputera di dalam menempatkan

simpanan-simpanan mereka dengan kumpulan wang ini, tetapi juga keyakinan semua rakyat Malaysia, oleh kerana kesan kegiatannya bukan sahaja menyentuh satu golongan masyarakat tetapi juga kemakmuran ekonomi kita seluruhnya. Sebagai satu perbadanan kewangan yang paling besar yang akan wujud di negara ini, kumpulan wang yang dicadangkan ini akan juga membantu meningkatkan dan memperbaiki pengalaman dan kecekapan sistem kewangan kita, terutamanya mengenai pasaran modal.

Oleh kerana pentingnya kumpulan wang yang dicadangkan ini, saya telah memutuskan bahawa satu kumpulan pakar-pakar daripada masyarakat kewangan dan perniagaan harus dihubungi mengenai penubuhan perbadanan yang baru ini. Dengan itu, pada permulaan tahun lepas, saya telah meminta Tan Sri Ismail bin Md. Ali, Gabenor Bank Negara Malaysia, mengetuai satu badan petugas yang terdiri daripada orang-orang perseorangan yang telah mendapat kehormatan yang tinggi di atas kecekapan dan kejujuran dalam bidang-bidang kewangan, perniagaan dan pengurusan, supaya mengkaji bentuk, struktur dan pengurusan Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera yang dicadangkan itu. Jawantankuasa Kerja ini telah pun menyempurnakan tugas-tugasnya di dalam tempoh tiga bulan dan telah mengemukakan cadangan dan perakuannya kepada saya.

Laporan Jawantankuasa Kerja ini, menentukan enam sifat utama yang difikirkan penting olehnya bagi menjayakan pelaksanaan Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera.

Pertama: Kumpulan wang ini mestilah tidak mempunyai batasan modal bagi membolehkan pembelian saham yang tidak terhad oleh masyarakat bumiputera.

Kedua: Pentingnya diwujudkan satu kumpulan pengurusan yang kukuh, jujur dan berkesan.

Ketiga: Kumpulan wang ini haruslah berbentuk badan perniagaan yang sebenarnya, dengan kuasa melabur dalam semua jenis surat-surat jaminan dan meminjam.

Keempat: Kumpulan wang ini harus memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam menggalakkan

simpanan oleh masyarakat bumiputera.

Kelima: Kumpulan wang ini mesti mempunyai keupayaan memegang dan mengeluarkan balik sumber-sumbernya untuk pelaburan seterusnya.

Akhirnya: Bagi mewujudkan keyakinan, kumpulan wang ini mestilah bertanggungjawab kepada kerajaan supaya terselamat kumpulan wang yang telah disediakan oleh kerajaan dan daripada sumber-sumber lain.

Saya percaya bahawa sifat-sifat ini memadai bagi menjelaskan cadangan yang telah dilahirkan oleh kerajaan, menubuhkan kumpulan wang serupa ini. Apa yang kita akan lancarkan hari ini, merupakan kenyataan kepada keputusan dan cadangan-cadangan Jawatankuasa Kerja. Laporannya telah mencadangkan bahawa satu organisasi tiga peringkat adalah yang paling sesuai bagi memenuhi keperluan matlamat kumpulan wang ini. Struktur Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera sekarang ini terdiri pada bahagian tertinggi, satu yayasan yang dipanggil Yayasan Pelaburan Bumiputera, yang telah pun ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, sebagai satu syarikat berhad dengan jaminan dan tidak mempunyai sebarang modal saham. Yayasan ini telah pun menerima jumlah \$200 juta dalam bentuk geran daripada kerajaan. Satu Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah telah pun dilantik bagi mentadbirkan yayasan ini.

Yayasan Pelaburan Bumiputera akan memiliki sepenuhnya, satu syarikat pemegang pelaburan yang dipanggil, Permodalan Nasional Berhad, di mana lembaga pengarahnya dilantik oleh Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan tersebut. Peranannya ialah untuk melaksanakan dasar-dasar yayasan ini mengikut prinsip dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pemegang-pemegang amanah. Kita memanggil syarikat ini Permodalan Nasional Berhad kerana tugasnya ialah menilai, memilih dan membeli satu *portfolio* yang baik saham-saham syarikat berhad, yang mempunyai keupayaan perkembangan yang cerah. Saham-saham ini akan dipegang oleh Permodalan Nasional Berhad sebagai ama-

nah (kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera), dan seterusnya dijual kepada amanah-amanah saham dan akhirnya langsung kepada masyarakat bumiputera.

Modal yang dibayar bagi Pemodal Nasional Berhad adalah sebanyak \$100 juta, yang akan dibayar sepenuhnya oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera. Sebagai tambahan, Yayasan Pelaburan Bumiputera akan memberi pinjaman sebanyak \$100 juta kepada syarikat ini. Dividen-dividen dan faedah yang akan diterima oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera daripada syarikat ini, akan dilaburkan semula di dalam syarikat tersebut. Pemodal Nasional Berhad, sebaliknya akan menubuhkan pada masa tertentu, satu syarikat pengurusan amanah saham, yang akan dipanggil Amanah Saham Nasional Berhad, yang akan mengurus kumpulan wang amanah saham ini, dan saham-saham yang akan dijual kepada masyarakat bumiputera.

Bentuk dan struktur Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera telah pun dengan jelasnya ditetapkan. Yayasan Pelaburan Bumiputera telah ditubuhkan untuk menambahkan lagi pemilikan modal saham di sektor syarikat di Malaysia oleh bumiputera. Memoranda persatuan yayasan ini memberikan secara khas yang ianya bertanggungjawab kepada kerajaan melalui lembaga pemegang-pemegang amanahnya. Di samping itu, taraf yayasan ini menjamin, bahawa sumber-sumbernya akan dipegang dan dikeluarkan balik terus-menerus ke arah pelaburan selanjutnya.

Pemodal Nasional Berhad akan membentuk satu bahagian urusan yayasan ini, yang mempunyai bentuk perniagaan yang perlu bagi mempastikan kejayaan di dalam bidang pembiayaan. Saham-saham yang akan dibeli oleh syarikat ini, dari masa ke semasa ialah daripada syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkan saham-saham mereka kepada masyarakat bumiputera, sebagai mematuhi Dasar Ekonomi Baru, dan kemudiannya akan dijual kepada unit amanah saham. Unit amanah saham ini akan menggunakan saham-saham ini bagi menyokong unit-unit saham yang akan dikeluarkan untuk jualan kepada

masyarakat bumiputera. Oleh kerana unit amanah saham ini tidak mempunyai batasan modal, boleh mengeluarkan saham-saham baru atau menebus saham-sahamnya pada bila-bila masa mengikut budi acaranya, pengurus-pengurus kumpulan wang amanah saham boleh mengeluarkan seberapa banyak saham yang difikirkan perlu untuk memenuhi permintaan bagi simpanan dalam bentuk saham-saham oleh masyarakat bumiputera.

Pada masa yang sama, pemegang-pemegang saham serupa itu akan dibenarkan menebus saham-saham mereka pada bila-bila masa, kerana pengurus-pengurus terpaksa membeli balik saham-saham tersebut apabila dikehendaki. Oleh yang demikian, terdapat satu pasaran yang tersedia bagi saham-saham yang dikeluarkan kepada masyarakat bumiputera. Penubuhan syarikat pegangan pelaburan, Pemodalran Nasional Berhad, dan unit amanah saham, akan melengkap dan menyempurnakan seluruh proses pengeluaran saham-saham oleh syarikat kepada masyarakat bumiputera, di mana mungkin disebabkan beberapa alasan, saham-saham ini tidak dapat dibeli dengan segera oleh orang-orang perseorangan atau kumpulan bumiputera.

Saya percaya, bahawa satu faktor yang penting bagi kejayaan dan berkesannya Yayasan Pelaburan Bumiputera ini ialah keupayaan pengurusan dan kejujuran ahli-ahli yayasan tersebut, pemegang-pemegang amanahnya, lembaga pengarah anak syarikat yayasan ini dan kikitangan utamanya. Bagi menjamin supaya yayasan ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat, kerajaan melalui "*Minister of Finance Incorporated*" adalah ahli tunggal yang tetap bagi yayasan ini. Di samping itu, kepentingan kerajaan di dalam yayasan ini adalah dipenuhi oleh satu kumpulan yang kecil dan kemas oleh empat orang ahli biasa yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Gabenor Bank Negara Malaysia dan saya sendiri.

Di dalam memilih pemegang-pemegang amanah

yayasan ini, kerajaan sedar bahawa lembaga pemegang amanah yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab yang berat bagi menjaga sumber-sumber yang banyak bagi yayasan ini, di samping melaksanakan dasar-dasar dengan jayanya, seharusnya mencerminkan bukan sahaja satu pengalaman yang luas dalam bidang pembiayaan, perdagangan dan perusahaan di negara ini, tetapi juga perkhidmatan utama di sektor awam. Saya, sesungguhnya mendapat keistimewaan dan kehormatan, dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah dengan Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan sebagai Timbalan Pengerusi, Pemegang-pemegang amanah yang lain termasuklah Tan Sri Ismail bin Md. Ali, Raja Tan Sri Azlan Shah dan Encik Geh Ik Cheong. Saya penuh yakin bahawa pemegang-pemegang amanah ini, dengan pengalaman mereka yang luas, mutu pertimbangan yang bebas dan kejujuran, akan menjadi sumber kekuatan dan keaslian dalam pembentukan dasar-dasar yayasan ini, termasuklah mengawas pengurusan kumpulan-kumpulan wang dan pelaburannya.

Dalam memilih pengarah-pengarah Permodalan Nasional Berhad, kita bernasib baik mendapat khidmat daripada tujuh orang yang mempunyai taraf dan kecekapan yang tinggi di dalam lapangan pembiayaan, perusahaan dan perdagangan dan di mana pertimbangan yang bebas dan kejujuran mereka telah disanjung tinggi. Saya dengan gembiranya, mengalu-alukan Tan Sri Ismail Ali, Tan Sri Nasruddin bin Mohamed, Tan Sri General Ibrahim bin Ismail, Encik Jaafar Hussein, Encik Othman Ahmad dan Encik Barhanuddin bin Ahmad Tajuddin menganggotai Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad. Saya penuh yakin bahawa di bawah pengerusi Tan Sri Ismail Ali, lembaga ini akan berupaya melaksanakan dasar-dasar yayasan ini dengan jayanya oleh kerana tuan-tuan membawa bersama-sama pengalaman-pengalaman yang banyak lagi meluas dan khidmat-khidmat dalam semua kegiatan ekonomi dalam negara. Sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan ini, saya

berharap dapat bekerja rapat dengan tuan-tuan bagi kebaikan dan kepentingan rakyat seluruhnya.

---

*Ucapan Sempena Pelancaran Rasmi Yayasan Pelaburan Bumi-putera, Pada Hari Jumaat, 14 April 1978, Jam 10.00 Pagi, Di Bilik Gerakan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.*

---

## 20

### PENYELARASAN SISTEM PENILAIAN DAN PEMBANGUNAN

**SEGERA** kita nampaknya bukan saja sudah terkenal sebagai negara yang banyak sekali mengadakan perancangan tetapi juga yang banyak sekali mengadakan taklimat dan seminar atau *conference*. Walau bagaimanapun ada hubungan erat antara pembangunan dan pertukaran pengalaman dan hasil semua ini memanglah jelas daripada kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita.

Seminar yang akan tuan-tuan dan puan-puan sertai ini sangatlah kena pada masanya. Dalam usaha kita untuk meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara pada tahap yang optima, koordinasi sistem penilaian dan penyelidikan *impact* pembangunan sosio-ekonomi memanglah sangat mustahak. Perancangan pembangunan dan pelaksanaannya tidak akan mencapai tujuan-tujuannya yang tepat jika tidak sentiasa membuat penilaian yang betul. Penilaian itu adalah seperti melakukan diagnosis dalam memeriksa kesihatan seorang supaya bukan saja sebarang penyakit dapat diubat tetapi kesihatan badan sentiasa dapat diperbaiki lagi. Malah, perancangan dan penilaian pembangunan harus berjalan serentak supaya hasil penilaian itu akan menjadi asas bagi memperbaiki perancangan dan penyusunan polisi yang lebih jitu bagi mencapai hasrat dan kehendak-kehendak rakyat.

Sepanjang yang saya faham, tujuan seminar ini

memanglah untuk membolehkan kita semua mengkaji semula aspek-aspek penilaian pembangunan negara dan rakyat dengan mendalam. Penilaian begitu memang sedia kita lakukan melalui pemeriksaan belanjawan pada tiap-tiap tahun dan juga melalui kajian setengah penggal yang telah dibuat bagi tiap-tiap rancangan pembangunan lima tahun kita. Rancangan Malaysia Ketiga juga akan dikenakan penilaian setengah penggal ini.

Walaupun begitu, sistem penilaian kemajuan sosio-ekonomi kita perlu dikaji semula secara menyeluruh. Saya khuatir bahawa kita masih mengamalkan sistem penilaian ala Bilik Gerakan Negara yang lama di mana "pengawalan" perjalanan projek dan kemajuan-kemajuan fizikal, material dan ekonomi adalah diutamakan lebih daripada penilaian kesan-kesan projek itu secara menyeluruh. Pengawalan projek memang penting untuk memastikan supaya projek-projek pembangunan negara berjalan dengan lancar dan sebarang kelemahan dapat dikesan dan diatasi dengan serta-merta. Tetapi penilaian *impact* sosio-ekonomi yang menyeluruh adalah penting dan mempunyai *approach* yang berlainan.

Semakin negara kita membangun dan rakyat menjadi lebih maju serta sedarkan hak-hak mereka, semakin banyaklah kepentingan dan hasrat-hasrat baru yang timbul. Oleh itu, walaupun pembangunan dan kemajuan negara kita sudah diakui oleh dunia luar sebagai salah satu yang terbaik di rantau ini, kita masih mendengar berbagai-bagai rungutan dan rasa tidak puas hati daripada rakyat. Memang kita tidak akan dapat mengatasi semua rungutan itu kerana sudah sifat manusia sentiasa mahukan lebih daripada apa yang kita nikmati sekarang. Malah, semakin rakyat maju, semakin banyaklah tuntutan mereka kepada kerajaan. Ini adalah satu perkara biasa.

Yang menjadi persoalan ialah, sama ada sistem penilaian kita terhadap pembangunan telah dapat merangkumi hasrat dan cita-cita baru rakyat negara ini. Adakah usaha-usaha pembangunan negara yang telah, sedang dan akan dijalankan itu betul-betul dapat

memenuhi hasrat rakyat? Apakah hasil pembangunan itu dapat memberikan faedah-faedah yang mereka harapkan dengan secepat mungkin? Dan, adakah faedah yang didapati daripada usaha-usaha pembangunan negara itu benar-benar sampai kepada rakyat di semua peringkat terutamanya mereka yang miskin dan masih hidup menderita walaupun negara sudah mencapai kemajuan.

Inilah saya rasa separuh daripada persoalan-persoalan pokok yang dapat dikaji dalam seminar yang akan diadakan ini.

Pembangunan negara adalah satu proses yang sangat rumit. Kita bukan saja berhadapan dengan masalah-masalah ekonomi, politik dan pentadbiran tetapi juga dengan masalah-masalah perubahan sosial dan pemikiran manusia dan masyarakat. Di sinilah silapnya pakar-pakar ekonomi yang melihat pembangunan hanya sebagai satu proses perkembangan dan peningkatan kadar kemajuan ekonomi saja. Jika fahaman ini diteruskan dalam perancangan pembangunan negara dan penilaian pembangunan itu, maka akan timbulah keadaan-keadaan di mana ekonomi negara berkembang dengan pesatnya tetapi masyarakat, apa lagi mereka dari golongan miskin, akan terus menderita dan penuh rasa tidak puas hati dengan kerajaan. Keadaan begini tentulah merupakan pembangunan yang tidak diingini. Hanya apabila kemajuan ekonomi berjalan serentak dengan kemajuan sosial dan kerohanian masyarakat, barulah pembangunan itu membawa penuh erti dan kestabilan negara.

Dengan menyedari kerumitan proses pembangunan itu, apa lagi dari segi aspek-aspeknya yang banyak, sistem penilaian pembangunan itu sendiri perlu diubah. Penilaian dari sudut fizikal dan material saja tidak cukup lagi. Kita harus meliputi aspek-aspek sosial dan kemasyarakatan secara yang lebih "*multi disciplinary*" dan cuba menilai *impact* pembangunan itu terhadap "*quality*" hidup rakyat seluruhnya.

Usaha penilaian yang begini memerlukan penyelidikan sosio-ekonomi yang rapi dan mendalam.

Penyelidikan itu tidak harus lagi terbatas kepada aspek-aspek pembangunan ekonomi, perkembangan infrastruktur dan manifestasi-manifestasi pembangunan yang boleh diukur dengan wang ringgit dan unit-unit pembinaan yang jelas dan nyata. Dalam mengkaji dan menilai *impact* dan faedah pembangunan terhadap "quality" hidup masyarakat, kita mulai berhadapan dengan faktor-faktor yang sukar untuk diukur dengan wang ringgit atau unit-unit tertentu.

Izinkanlah saya memberi beberapa contoh dalam hal ini. Satu daripada aspek-aspek pembangunan yang sangat sukar dinilai ialah kadar penglibatan, *commitment* dan penyertaan masyarakat kepada projek-projek pembangunan yang telah sedang dan akan diusahakan oleh kerajaan. Sejauh manakah mereka yang hendak kita bantu dan yang hendak kita keluarkan dari golongan miskin itu, benar-benar berusaha untuk melibatkan diri dalam rancangan-rancangan yang ditaja khas untuk mereka? Adakah mereka betul-betul menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada mereka untuk mendapat faedah sebaik-baiknya daripada kemudahan-kemudahan itu? Atau adakah mereka terus berpeluk tubuh dan menanti saja akan nikmat yang boleh diberikan oleh kerajaan untuk sampai ke pangkuhan mereka tanpa usaha yang gigih daripada mereka sendiri?

Penyelidikan penilaian pembangunan yang tidak menumpukan perhatian kepada masalah-masalah ini, belumlah dapat dikatakan lengkap dan mendalam. Sebaliknya, walaupun kerajaan telah meluluskan lebih 20,000 projek pembangunan di bawah RMT, kita belum tahu bagaimana projek-projek itu akan benar-benar membawa manfaat kepada rakyat melalui penglibatan yang penuh. Kita tidak mahu projek-projek itu hanya berupa projek kerajaan dan bukan projek rakyat untuk pembangunan mereka sendiri.

Contoh kedua, ialah dalam hal mencapai matlamat perpaduan rakyat melalui usaha-usaha pembangunan negara. Aspek ini sangatlah sukar untuk dinilai kerana

perpaduan dan rasa muhibah di kalangan rakyat berbagai keturunan itu, adalah berpunca dari hati sanubari sendiri. Dalam perlumbaan dan persaingan untuk memburu kemajuan dan pembangunan, memang mudah sekali bagi rakyat untuk menghadapi konflik dan pergeseran antara diri mereka sendiri. Ini menjadi lebih berbahaya dalam masyarakat kita yang berbilang keturunan kerana konflik dalam satu golongan atau satu keturunan boleh berjangkit kepada golongan dan rakyat keturunan lain. Jika ini berlaku, maka kemajuan pembangunan akan memecahbelahkan rakyat, bukan menyatupadukan mereka. Ini harus kita elakkan dengan segala tenaga dan daya usaha supaya pembangunan tidak menjadi "*counter productive*". Perpaduan rakyat adalah asas utama bagi kemakmuran dan kestabilan negara kita buat masa ini dan pada masa-masa akan datang.

Contoh terakhir tapi tidak kurang pentingnya ialah berhubung dengan usaha membasmi kemiskinan sendiri. Ini ialah satu daripada matlamat utama negara kita. Usaha ini ialah cabaran yang paling besar bukan saja bagi kita di Malaysia tetapi bagi semua negara-negara membangun di dunia ini.

Kemiskinan bukanlah masalah ekonomi semata-mata. Oleh itu, baik perancang kita mahupun sistem penilaian kemajuan tidak harus menekankan aspek-aspek ekonomi sahaja tanpa merangkumi aspek-aspek sosial seperti pelajaran, kesihatan, sikap hidup, kebajikan dan sebagainya.

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, penyakit kemiskinan melibatkan berbagai-bgai aspek hidup. Mereka yang miskin itu bukan saja kurang sumber-sumber pendapatan yang baik tetapi juga kurang pengetahuan dan kemahiran bagi menggunakan sumber-sumber yang ada atau mencari jalan bagi mendapatkan sumber-sumber dan peluang-peluang baru. Cara berfikir mereka juga lain akibat keadaan hidup yang serba kekurangan.

Dalam keadaan yang begitu, semua kemudahan-

kemudahan serta peluang-peluang baru yang diberi oleh kerajaan mungkin terus tidak dapat digunakan oleh mereka. Mereka mungkin tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi kerajaan dan pejabat-pejabat yang bertanggungjawab bagi memberi kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan yang disediakan. Kadang-kadang, syarat yang dibuat itu sendiri tidak realistik, dibuat dengan tidak menyedari hakikat hidup orang-orang miskin itu. Kadang-kadang penerangan bagi mendapatkan kemudahan dan bantuan-bantuan itu tidak cukup jelas atau tidak sampai kepada pihak yang miskin.

Semua kelemahan-kelemahan ini harus diatasi dengan segara baik daripada segi perancang mahupun penilaian kemajuan. Janganlah jadi seperti pepatah, "pelabur habis Palembang tak alah." Beratus juga ringgit habis digunakan untuk membantu orang-orang miskin tetapi kemiskinan tidak hapus kerana perbezaan sikap mengurangkan kesan bantuan kepada mereka. Kejadian beginilah yang boleh menggagalkan semua usaha kerajaan untuk meninggikan taraf hidup masyarakat yang malang dan kurang bernasib baik di negara ini. Adalah azam kerajaan untuk mengubah nasib mereka dengan memberikan segala peluang-peluang baru untuk melepaskan mereka daripada penyakit kemiskinan. Janganlah azam ini gagal kerana perancangan, perlaksanaan dan penilaian yang dibuat tidak menitikberatkan aspek-aspek yang disebutkan ini.

Dalam usaha kita untuk memperbaiki lagi sistem perancangan dan penilaian pembangunan, yang mana kedua-dua perkara ini sebenarnya harus berjalan serentak, ada beberapa perkara yang ingin saya tekankan.

Pertama, saya yakin bahawa berbagai-bagai kelemahan yang masih terdapat dalam perancangan, perlaksanaan dan penilaian pembangunan sosio-ekonomi ialah kerana kuangnya penyelidikan yang bersungguh-sungguh. Ini adalah akibat kurangnya pakar-pakar penyelidikan sosio-ekonomi daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan sendiri. Banyak "*feasibility study*" dan penilaian-

penilaian projek pembangunan yang besar terus dijalankan oleh pakar-pakar atau "consultant" dari luar negeri.

Walaupun pakar-pakar dari luar ini selalunya telah mempunyai latihan yang tinggi dan mempunyai pengalaman yang luas, mereka tentu saja kurang memahami masalah-masalah masyarakat, cara berfikir dan kebudayaan masyarakat kita sendiri. Akibatnya, walaupun mereka sanggup memberikan cadangan-cadangan dan perakuan-perakuan yang tegas dibidang teknik pembangunan, mereka kurang faham tentang aspek-aspek kemasyarakatan dan sosial yang boleh mempengaruhi proses pelaksanaan projek-projek itu nanti. Aspek-aspek ini cuma pegawai-pegawai tempatan sendiri yang lebih maklum dan faham.

Oleh itu, amatlah penting bagi kita untuk mewujudkan pakar-pakar penyelidikan dan perundingan kita sendiri. Pakar-pakar inilah yang akan dapat melihat masalah kita dari dalam, bukan saja daripada segi-segi ekonomi dan teknik pembangunan tetapi juga dari segi sikap, nilai-nilai dan norma-norma hidup masyarakat kita. Untuk tujuan ini, saya syorkan supaya kita merancang untuk menubuhkan 'kumpulan pakar' kita sendiri dengan melatih dan memberi pengalaman yang seluas-luasnya kepada pegawai-pegawai yang layak dan berkemampuan. Janganlah selepas dua puluh tahun lebih merdeka, kita terus bergantung kepada pakar-pakar luar negeri saja untuk memimpin kita. Sudah sampailah masanya kita mengharapkan pakar-pakar tempatan sendiri memainkan peranan utama dalam penyelidikan, perancangan dan penilaian pembangunan di negara kita sendiri di samping pakar-pakar tambahan dari luar negeri.

Perkara kedua ialah berhubung dengan kecekapan, sikap dan kemampuan pegawai-pegawai pentadbir kita sendiri. Saya berpendapat, bahawa sistem pentadbiran kita sekarang ini mempunyai tanggungjawab yang begitu besar sehingga kita tidak ada masa atau tempat lagi untuk menanggung pegawai-pegawai yang tidak cekap atau tidak bertanggungjawab. Kejadian tidak cekap ini memang

banyak sebab-sebabnya. Seseorang pegawai barangkali tidak cekap kerana kurang latihan. Ini boleh diatasi dengan memberikannya latihan-latihan tambahan. Tetapi sikap tidak mahu menghadapi cabaran-cabaran baru, tidak dapat memahami masalah-masalah baru dan tidak mahu berikhtiar mencari cara-cara baru bagi mengatasi masalah dan mahu terus ikut cara lama saja, juga boleh membuat seseorang itu tidak berkesan lagi. Pegawai begitu sudah mempunyai "*closed mind*", tidak sanggup lagi membuka fikiran seluas-luasnya, mencari dan mencuba cara-cara yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah. Mereka yang begini tidak dapat ditolong lagi kecuali mereka mahu mengubah sikap dan cara pemikiran mereka.

Tentang pegawai-pegawai yang tidak bertanggung-jawab, tidak mempunyai *motivation*, dan juga yang tidak mempunyai disiplin diri lagi, mereka juga sukar untuk ditolong jika mereka tidak mahu menolong diri mereka sendiri. Saya mengesah tuan-tuan sekalian selaku ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin pentadbiran di negara kita untuk membentuk sikap yang positif dan tegas. Pengawasan dan penilaian pegawai-pegawai secara yang tegas adalah juga syarat penting bagi mempastikan penyelenggaraan dan penilaian usaha pembangunan secara yang berkesan. Jika kelemahan-kelemahan pegawai itu dibiarkan, pelaksanaan dan penilaian projek-projek pembangunan juga akan terjejas. Penilaian yang dibuat secara lebih kurang saja atau, lebih buruk, penilaian yang tidak menepati kenyataan sebenarnya, boleh mengelirukan dan menyebabkan kegagalan tujuan satu-satu projek pembangunan itu.

Bagi saya, kegagalan satu-satu projek pembangunan itu tidak kira apa sebabnya, adalah satu kerugian kepada masyarakat. Bila satu-satu projek itu terlewat dilaksanakan, masyarakatlah yang lewat pula untuk menikmati hasilnya. Kita semua memang mengalami berbagai-bagai kesulitan untuk menaja, merancang, melaksanakan, menyelaras dan mentadbir sesuatu usaha pembangunan itu. Tetapi, sekali sudah diatur dan peruntukan sudah ada,

rakyat tidak harus lagi dibiarkan tertunggu-tunggu. Apa yang sudah kita janjikan kepada rakyat harus ditunaikan biarpun seribu satu macam masalah yang perlu diatasi. Kecekapan sistem pentadbiran, bagi saya, adalah tergantung kepada kebolehannya untuk menyampaikan segala kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat yang sudah diperuntukan bagi rakyat mengikut kemampuan ekonomi negara, dengan secepat mungkin dan dengan tidak membiarkan *red tape* menyebabkan sebarang kelewatan.

Oleh yang demikian, dalam memikirkan dan membincangkan masalah koordinasi sistem penilaian dan penyelidikan *impact* pembangunan sosio-ekonomi ini, penilaian dan penyelidikan itu haruslah ditumpukan kepada kepentingan dan masalah rakyat, tidak kepada kepentingan dan masalah pentadbiran saja. Pembangunan harus memberikan faedah sebaik-baiknya kepada rakyat, harus mengagihkan faedah itu dengan seadil-adilnya kepada rakyat supaya yang miskin akan menerima bahagian mereka yang wajar. Kita harus pastikan supaya faedah yang sebenar-benarnya sampai kepada rakyat untuk meninggikan nilai atau kualiti hidup mereka dan tidak berpuas hati dengan pembangunan fizikal sahaja. Pendek kata, kita tidak mahu pembangunan hanya dapat dilihat melalui pembinaan bangunan-bangunan besar, jalan-jalan raya yang cantik, kebun-kebun getah dan kelapa sawit yang luas, projek perairan yang besar dan sebagainya, tanpa dirasai faedah dan nikmat hasilnya oleh rakyat. Kesenangan dan kemewahan rakyat itulah ukuran kejayaan kita dan saya harap itulah yang akan menjadi asas penilaian utama dan usaha pembangunan kita di masa ini dan di masa akan datang.

---

*Ucapan Di Upacara Pembukaan Rasmi "Seminar Kebangsaan Mengenai Koordinasi Sistem Penilaian dan Penyelidikan Impact Pembangunan Sosio-Ekonomi" Di Federal Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan, Pada 20 hingga 22 April 1978.*

## 21

### PENGURUSAN DAN MATLAMAT NASIONAL

PADA hemat saya, seminar ini sudah kena pada tempat dan masanya oleh kerana masalah pengurusan personel dan pendorongan atau *motivation* bagi kakitangan sesuatu organisasi adalah masalah yang amat penting, terutama dalam konteks sebuah negara yang membangun seperti Malaysia, di zaman moden ini.

Kita semua sedar betapa pentingnya tenaga dan kecekapan manusia dalam menentukan kejayaan sesuatu organisasi, bahkan sesebuah negara. Walau bagaimana kayanya sekalipun potensi hasil bumi dan sumber alam semula jadi sesebuah negara, semuanya tidak mempunyai kesan dan makna untuk apa-apa tujuan tanpa kebolehan dan minat penduduk negara tersebut mengeluarkan dan mempergunakankekayaan tersebut untuk kebahagiaan diri dan negara mereka. Sebaliknya, sesebuah negara yang tidak mempunyai kekayaan alam semula jadi, umpamanya negeri Jepun, telah menjadi kaya raya oleh kerana rakyatnya berdisiplin dan sanggup memeras otak dan bekerja bertungkus lumus serta menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan. Bukan kekayaan alam yang menentukan kehidupan yang baik dan bahagia, tetapi ketekunan dan minat manusia.

Oleh itu, pada fikiran saya, cabaran besar yang dihadapi oleh sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita ialah bagaimana hendak menyedarkan

rakyat amnya tentang hakikat ini dan menggembung dengan sepenuhnya tenaga manusia yang ada bagi keperluan bukan sahaja sesebuah organisasi tertentu tetapi juga bagi pembangunan negara pada keseluruhannya. Soal yang harus kita fikirkan bersama ialah bagi mencapai maksud yang saya sebutkan tadi, apakah dasar urusan personel dan amalan dan perlaksanaan dasar yang harus kita bentuk? Adakah dasar dan amalan-amalan yang diikuti sekarang ini sudah memadai dan jikalau tidak, apakah perubahan-perubahan yang harus kita adakan? Saya percaya persoalan-persoalan ini akan mendapat perhatian tuan-tuan dan puan-puan dalam seminar ini.

Pada pandangan saya, kemakmuran dan kesejahteraan negara ini pada masa akan datang, pada sebahagian besarnya, adalah terletak kepada keupayaan kita melahirkan tenaga pekerja yang terlatih, produktif dan mempunyai dorongan (*motivated*) dalam suasana kerja yang aman tenteram. Sungguhpun tiap-tiap seorang tentu bekerja kerana pekerjaan akan memberi sara hidup bagiinya, tetapi pendapatan tidaklah harus menjadi matlamat tunggal untuk bekerja. Orang yang bekerja semata-mata untuk wang yang dibayar tidak mungkin memberi khidmat yang memuaskan; jauh sekali daripada memenuhi cita-cita negara. Manusia harus bekerja kerana kehormatan diri (*self-respect*) kebanggaan yang sihat dengan hasil usahanya (*pride in achievement*). Sekiranya kita gagal mewujudkan pekerja jenis ini, maka segala usaha kerajaan untuk membangun ekonomi dan sosial negara ini tidak akan mencapai matlamat yang diharapkan oleh kita.

Kerajaan, melalui Dasar Ekonomi Baru dan rancangan-rancangan pembangunan lima tahunnya, telah menentukan matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran yang ditujukan. Matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran ini sukar dicapai sekiranya tiap-tiap organisasi itu, sama ada organisasi awam atau swasta tidak mampu membuat sumbangan masing-masing. Ini ialah oleh kerana negara kita ini wujud sebagai suatu sistem yang besar, yang kejayaannya ditentukan oleh kejayaan sistem-sistem kecil

yang dilambangkan oleh berbagai badan dan organisasi. Oleh itu, cabaran yang dihadapi oleh organisasi-organisasi, sama ada awam atau swasta di negara ini, adalah besar dan berat. Dasar-dasar dan amalan yang diikuti oleh mereka itu mestilah mencerminkan sikap dan hasrat negara. Dan, tiap-tiap seorang anggota mestilah sedar dan faham akan asas kerajaan dan matlamat-matlamat yang telah ditentukan.

Dalam banyak hal, dasar-dasar dan amalan-amalan personel yang kita ikuti sekarang ini telah kita warisi dari zaman penjajahan atau hasil pendedahan kita kepada aliran pemikiran dalam bidang ini di dunia barat. Mungkin banyak amalan-amalan yang kita ikuti sekarang ini, misalnya dalam mendorong kakitangan, adalah diasaskan pada andaian-andaian yang lahir dalam keadaan sosio-ekonomi yang berbeza daripada keadaan di negara kita. Amalan-amalan yang berkesan dalam zaman penjajahan tidak lagi sesuai dengan zaman sekarang. Misalnya, seorang pekerja yang berumur 20 tahun sekarang ini tidak mengenal apakah itu penjajahan dan sudah tentu mempunyai nilai-nilai dan harapan yang dipupuk dalam suasana kemerdekaan.

Seorang pekerja seperti itu akan membawa nilai-nilai dan harapan ini ke dalam organisasi tempat dia bekerja dan sudah tentu dia akan berasa kecewa dan gelisah apabila dihadapkan dengan amalan-amalan yang tidak difahami dan bertentangan dengan nilai-nilainya. Masalah seperti ini memerlukan pemeriksaan dasar-dasar dan amalan-amalan personel yang kita praktikkan sekarang ini dan mencari cara pendekatan dan kaedah yang baharu, yang berkesan dalam pencapaian matlamat kita.

Satu sikap yang harus dikikis habis-habisan ialah apa yang dikenal sebagai "Sikap Negatif". Mereka yang mempunyai sikap ini sering berkata "tidak boleh" kepada apa saja yang dirancangkan. Belum lagi mereka mendengar cadangan sepenuhnya, mereka sudah pun tahu dan menyuarakan kenapa cadangan atau rancangan itu tidak boleh dilaksanakan. Dan, jika diarah juga supaya mereka

laksanakan cadangan itu, mereka akan berusaha supaya rancangan itu gagal. Dengan itu, maka dapatlah mereka berkata mereka sudah pun ramalkan kegagalan tersebut. Masalahnya orang tidak mahu dengar.

Ramai juga daripada pegawai kerajaan dan agensi kerajaan yang menghidap penyakit ini. Mereka yang mempunyai penyakit ini tidak boleh diseminarkan kerana awal-awal lagi mereka tahu bahawa seminar ini dan rumusannya tidak akan membawa pertukaran apa-apa. Adanya pegawai yang bersikap negatif boleh dikenal apabila dia ditukar. Jika penggantinya ialah orang positif dengan serta-merta keadaan bertukar. Yang tidak boleh semuanya boleh dan orang awam hairan kenapa semua ini tidak dibuat dahulu.

Saya berharap para penulis kertas kerja dan pengurus-pengurus seminar ini sedar tentang wujudnya kumpulan "negatif" ini dan mencari jalan supaya seminar ini tidak menjadi sia-sia kerana "negativisme" yang akan ditonjolkan.

Apa yang harus dibentuk bagi mengganti sikap negatif ini ialah "sikap positif", iaitu sikap yang sanggup menjayakan apa saja arahan. Mereka yang mempunyai sikap positif tidak akan berkata tidak kepada sesuatu tetapi sebaliknya akan menerima sebarang arahan sebagai cabaran terhadap kebolehan mereka. Mereka akan mencari jalan sehingga akhirnya mereka berjaya juga melaksanakan arahan yang diberi kepada mereka. Mereka jenis ini tidak mudah kecewa dan tidak mempertimbangkan penat lelah dan upahan yang diberi mereka. Bagi mereka upahan sebenar ialah kepuasan hati kerana hasil usaha mereka. Sama ada mereka dipuji atau diberi bintang atau tidak, tidak menjadi masalah pada mereka. Yang penting dan utama ialah mereka berjaya. Dan sedikit sebanyak, bangsa mereka berjaya dan mendapat penghormatan. Dengan perkataan lain, mereka bekerja kerana semangat bukan kerana menjadi hamba kepada upahan yang dijanji.

Inilah sikap yang dipunyai oleh bangsa-bangsa yang berjaya dan dihormati oleh dunia. Dan, sikap ini bukan sesuatu yang semula jadi tetapi adalah hasil pupukan nilai-

nilai hidup yang baik. Kita semua sedar tentang ini tetapi ramai daripada kita yang lebih mudah terpengaruh dengan cara yang mudah yang sebenarnya berasas kepada nafsu. Masyarakat yang dikuasai oleh nafsu tidak akan berjaya dan sudah tentu akan dihormati.

---

*Ucapan Di Upacara Pembukaan Rasmi Seminar "National Motivation And Personnel Management" Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Pada Hari Jumaat, 15 Jun 1979, Jam 4.00 Petang.*

---

## PERDEBATAN AGUNG EKONOMI

SEPERTI biasa, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pengajur siri bahasan ini kerana sudi menjemput saya merasmikan upacara pembukaannya. Saya kata seperti biasa kerana, *The Great Economic Debate* atau Perdebatan Agung Ekonomi adalah satu, temasya yang diadakan tiap-tiap tahun oleh Persatuan Ekonomi Universiti Malaysia. Ianya sudah jadi satu tradisi, yang ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh mahasiswa tetapi ramai orang luar yang berkepentingan.

Pembukaannya juga jadi satu adat. Pada temasya pembukaan, ramai peserta, ahli panel dan peminat berkumpul untuk mendengar kata-kata biasa dan formal yang biasanya diperkatakan dalam temasya pembukaan. Dan orang yang dipilih untuk melakukan upacara pembukaan, dengan penuh harapan melafazkan kata-kata aluan dan puji-puji tentang usaha gigih yang membolehkan *debate* yang begitu berkesan dan penting untuk negara, diadakan.

Tetapi sebenarnya, apakah gerangan ianya *The Great Economic Debate* atau Perdebatan Agung Ekonomi. Pada mulanya, elemen ekonomi memang ada kaitan perbahasan dengan ekonomi negara. Para pakar dalam bidang ekonomi diundang untuk membentangkan teori dan tesis, dan hujah-hujah yang dikemukakan dibahaskan dengan minat dan ketelitian yang nyata. Kadangkala ada juga dari

teori-teori ini disebut oleh perancang-perancang negara, iaitu oleh kerajaan kerana idea-idea itu adalah bernalas. Untuk memeriahkan dan mengamatkan sedikit siri bahasan yang teragung ini, pada penghujung acara, ahli-ahli politik dijemput untuk mengemukakan pandangan mereka terhadap masalah-masalah ekonomi negara. Dan strategi ini amat berkesan kerana biasanya program inilah yang popular sekali, tidak pernah tidak *item* ini menjadi kemuncak pada acara semua aktiviti yang terkandung dalam siri bahasan *The Great Economic Debate*.

Ahli-ahli politik ini bukan pakar ekonomi - bahkan adapun di antara mereka yang "*haven't the faintest notion what economy means*". Tetapi ini tidak menghalang mereka dari, kelantangan berhujah. Bergantung kepada latar belakang politik mereka, atau ideologi mereka, mereka menyokong atau menentang tajuk yang dibahaskan. Walau dengan apa cara sekalipun, butir-butir dicari dan dikemukakan yang boleh menyokong pendirian politik mereka.

Jika mereka terdiri dari, ahli parti pembangkang, maka sudah tentu apa juga yang disebutkan ekonomi negara membuktikan kesalahan atau kegagalan kerajaan. Butir yang disebut, walaupun sama seperti yang disebut oleh pro kerajaan, tetapi dapat ditunjuk sebagai *facts* yang menyokong pendapat pembahasan walau apa pun pendiriannya. Dasar Ekonomi Baru umpamanya, dikatakan gagal oleh peserta yang anti-kerajaan melihat kedudukan penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi dan pencapaian yang sama dikatakan oleh penyokong kerajaan sebagai bukti kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Yang jelas ialah, *fact* yang sama boleh dijadikan bukti kebenaran apa juga pendirian peserta *debate*. *Fact* yang satu itu boleh ditafsir sebagai penyokong atau menolak hujah yang sama, bukan kerana kebenaran yang nyata tetapi kerana pendirian peserta awal-awal lagi. Peserta datang dengan pendirian yang sudah ditentukan kerana politiknya dan apa juga *fact* dibentuk sehingga secocok dengan pendirian peserta dan bukan pendirian disesuaikan

dengan *fact*.

Inilah yang tetap berlaku apabila satu perbahasan akademik dijadikan forum politik semata-mata. Nilai *debate* ini sudah tidak ada lagi. Kita sudah tahu apa yang akan dilafazkan oleh siapa. Kita tahu si polan itu tetap akan berkata begitu dan si polan ini tetap akan berkata begini – kerana kita kenal orangnya. Ramai juga yang menunggu-nunggu forum ini kerana ia sudah menjadi satu kemudahan tertentu untuk mempamerkan, bukan kebenaran tetapi pegangan politiknya. Biasanya, peserta adalah orang itu juga, orang yang mempunyai motif politik yang tertentu. Hadirin juga terdiri daripada satu golongan yang sama, yang pendirian politiknya, juga kaumnya dikenali. Sebahagian besar daripada hadirin simpatetik dengan pendirian-pendirian yang tertentu. Siapa yang menyuarakan pendapat yang secocok dengan pendirian ini akan mendapat tepuk sorak yang gemuruh dan siapa yang tidak, akan merasai kebencian hadirin.

Pendirian hadirin tidak ada persamaan dengan pendirian sebenar orang ramai. Pendirian hadirin mencerminkan *class elitist* dalam mana hadirin meletak dirinya, sebagai ahli kelas ini kebanyakannya dari hadirin akan *react* dengan cara yang sudah diduga kepada pendapat-pendapat tertentu. Semua peserta tahu ini dan ada yang berpendapat, bahawa bahasan *The Great Economic Debate* ini memberinya peluang memperalatkan satu lagi forum untuk kepentingan politiknya.

*Trend* penilaian para hadirin diketahui umum dan sudah tentu diketahui oleh peserta. Pada satu-satu tahun yang tertentu, sokongan hadirin mengalir kepada satu-satu tajuk tertentu. Dengan diketahuinya *trend* ini, maka dengan mudah peserta dapat memperalatkan perbahasan ini untuk maksud perjuangannya. Sekarang ini, *trend* yang amat menarik ialah teguran tentang keislaman negara dan keislaman kerajaan. Subjek ini popular sekali dan masing-masing boleh merenung dan memikir apa pula yang harus ditegurkan. Dan renungan ini tidak pernah gagal daripada menjumpai lagi satu amalan yang boleh ditegur. Kalau apa

yang ditegur dahulu sudah pun diambil, tindakan ini tidak menyebabkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak yang mengambil berat terhadap teguran yang lama. Yang diberi perhatian ialah kepada yang baru, yang boleh menunjuk keburukan pihak tertentu dan disamping itu, kejujuran dan keislaman pihak yang menegur.

Cara popular isu ini, iaitu agama Islam, dipermainkan oleh peserta sudah pun difaham oleh semua pihak. Bukan sahaja yang sudah lama Islam tentang memperalatkan Islam, tetapi yang baru sahaja masuk Islam pun tahu bagaimana memainkannya. Akibatnya ialah, perbahasan menjadi jauh sekali daripada apa yang menjadi tajuk bahasan ini. *The Great Economic Debate* tidak ada kaitan dengan ekonomi dan tidak *great*. Ianya menjadi *platform* politik semata-mata.

Tema perbahasan pun tidak dihiraukan. Tema tahun ini ialah "Dasar Ekonomi Baru – Ke Arah Kemakmuran dan Perpaduan", dan saya yakin Dasar Ekonomi Baru tidak akan menarik fikiran yang mendalam dan jauh sekali soal arah yang kita tujukan. Peserta-peserta tertentu akan menggunakan peluang bahasan sebagai peluang menyuarakan pendapat yang kita telah tahu dimiliki oleh mereka dan *net result* atau hasil muktamad siri bahasan adalah kosong sahaja, tidak satu pun pendapat yang betul-betul bernalas dan berguna yang boleh disebut dan dilaksanakan untuk maksud mencapai matlamat yang begitu penting untuk negara.

Saya dukacita kerana forum yang sangat baik ini sudah pun terlencung daripada tujuan asalnya. Asyik dengan hendak si polan si polan dihentam, isi kandungan yang berguna diketepikan. Tepuk sorak diberi bukan kerana cadangan yang berguna tetapi ditujukan kepada pembahas kerana dianya popular, awal-awal lagi sudah dihentamkan dan walau bagaimanapun betul dan berguna hujahnya, dianya tidak akan mendapat apa-apa sokongan. Minoriti yang mungkin berminat menyokongnya pun takut hendak menunjuk pendapat mereka yang sebenar, takut diperli main atau dikecam oleh majoriti yang mempunyai

pendirian yang terkenal.

Saya tidak meminta maaf kerana menyuarakan pendapat saya yang sebenar walaupun tidak popular. Saya boleh jadi hipokrit yang menepuk belakang dan memuji dengan kata orang putih, "*tongue in cheek*" – tetapi itu bukan biasanya pilihan saya. Walaupun saya akan menambah kebencian terhadap diri saya, saya terpaksa memperkatakan yang benar.

*The Great Economic Debate is neither great in academic stature nor economic in subject matter.* Ia cuma satu *popularist* forum untuk tujuan politik tertentu pesertanya tidak lagi dipilih kerana politik diri dan status populariti mereka. Dan mereka datang kerana kepentingan politik, kerana mahu satu lagi forum untuk memperkatakan apa yang umum diketahui, mereka akan perkatakan. Saya yakin dan percaya tajuk tidak akan menjadi tumpuan dan asas bahasan. Tajuk ini akan diperlakukan, dan dengan penggunaan fakta-fakta yang kebanyakannya direkakan di mana pendirian peserta dapat diutarkan. Kerana tujuannya bukan untuk kebahagiaan negara dan bangsa dan juah sekali agama. Tujuannya ialah untuk mengeliru dan mendapat *popular support* daripada satu majlis yang *trend* pemikiran dan minatnya sudah pun di ketahui awal-awal lagi. Saya juga telah mengambil bahagian dahulu dalam siri bahasan ini. Tetapi dahulu, sekurang-kurangnya di waktu permulaan ada juga unsur ekonomi dalam bahasan dan peserta dipilih daripada mereka yang mempunyai pengetahuan ekonomi dan boleh membahas dengan secara objektif. Cuma untuk adegan yang terakhir, yang ahli politik dijemput untuk memberi pandangan melalui kaca mata politik kepada masalah ekonomi ini, memang wajar kerana elemen politik tidak dapat tidak mempunyai pengaruh terhadap ekonomi dan dasar ekonomi. Tetapi sekarang, tidak ada sedikit pun percubaan memberi makna kepada nama dan tajuk siri bahasan ini. Cuma sahaja yang tinggal – *The Great Economic Debate*.

Malaysia mempunyai banyak masalah ekonomi yang besar. Yang pertama ialah kedudukan tidak seimbang

dalam bidang ekonomi antara kaum-kaum di Malaysia. Ketidakseimbangan ini adalah begitu ketara sehingga ia mengasingkan secara fizikal kaum-kaum yang ada di Malaysia – orang Melayu/bumiputera di desa, orang keturunan Cina di bandar dan orang keturunan India di ladang-ladang getah.

Yang keduanya, ekonomi negara ini bergantung kepada pengeluaran bahan mentah yang terpaksa dijual di dunia luar terutama dalam negara-negara kapitalis *free enterprise* ekonomi. Berbagai *market forces* memainkan peranan menentukan untung rugi perniagaan bahan-bahan ini – dan kebanyakannya tidak dapat dikuasai oleh kita.

Yang ketiganya, Malaysia tidak mempunyai teknologi perusahaan yang tersendiri. Dalam usaha kita mempelbagaikan ekonomi dengan memasuki bidang pengeluaran barang-barang buatan yang boleh dijual di pasaran dunia, kita terpaksa melibatkan dan bergantung kepada *expertise* dan *know-how* orang luar. Tanpa meréka dari luar ini, perusahaan baru tidak dapat diadakan dan pengangguran akan menjadi masalah besar bagi negara.

Selain daripada masalah yang tiga ini, ada lagi masalah-masalah ekonomi yang terpaksa di hadapi oleh negara ini. Cara penyelesaian berkenaan dengan masalah-masalah ini belum lagi diketahui dengan sepenuh dan tepat. Kadang-kadang kita berjaya dan kadang-kadang kita berasa seolah-olah kita sedang meraba-raba mencari jalan. Oleh itu, kerajaan mengalu-alukan sebarang usaha dan pendapat untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara. Kesalahan kerajaan harus dikritik dan jalan ke arah kejayaan harus dihuraikan oleh semua pihak. Cuma dengan cara berbanding bahu dan bermesyuarat, kita boleh mengatasi sebahagian besar daripada masalah yang kita hadapi.

Tidak syak lagi, bahawa masalah yang terbesar ialah ketidakseimbangannya kedudukan ekonomi antara kaum. Ketidakseimbangan ini bukan sahaja memerlukan penyelesaian untuk mengelak daripada kecelakaan sosial dan politik, tetapi dengan sendirinya ia menghalang

perkembangan ekonomi negara. Kita tahu, jika tidak ada masalah perbezaan ekonomi antara kaum ini atau jika ianya diketepikan dan tumpuan diberi semata-mata kepada perkembangan ekonomi yang tidak terhad, hari ini Malaysia akan jadi lebih kaya dan maju lagi. Lebih banyak perniagaan dan perusahaan akan berkembang dan ahli-ahli ekonomi dan *statistician* akan dapat menunjukkan bahawa *Gross National Product* dan *Per Capita Income* meningkat berkali ganda. Mungkin kita sudah menjadi *developed nation* atau sekurang-kurangnya maju seperti Singapura atau Korea Selatan.

Tetapi, walaupun indeks ekonomi atau *economic indicators* menunjuk bahawa dengan cara itu purata kita sudah kaya dan maju, sebenarnya penyakit sosial dan ekonomi dalam masyarakat akan bertambah. Bukan sahaja perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya raya akan bertambah, tetapi perbezaan antara kaum dari segi pembangunan ekonomi akan menjadi lebih ketara. Seperti di zaman British, kita akan lihat tauke-tauke yang tidak terhingga kekayaan mereka tinggal di mahligai-mahligai dan mempamerkan kehidupan mewah yang menyolok mata, sementara yang miskin amat miskin, menjadi hamba kepada tauke-tauke dan terdiri daripada kaum bumiputera.

Sejarah dan kejadian di negara lain telah menunjukkan, bahawa semata-mata kekayaan ekonomi sesebuah negara tidak dapat menjamin keadilan sosial dan kestabilan. Sebenarnya, kemungkinan huru-hara dan revolusi berlaku adalah tidak kurang dalam negara yang kaya daripada yang miskin. Bencana perang saudara dan anarki kurang berlaku jika terdapat keadilan dalam ekonomi, iaitu keadilan dalam pembahagian kekayaan dapat diadakan, walaupun penduduk terdiri daripada berbagai kaum dan diancam oleh masalah-masalah lain.

Ini tidak bermakna bahawa sosialisme akan menjamin kestabilan. Sosialisme cuma menjadi semua pihak miskin walaupun jumlah pendapatan pekerja mungkin meningkat. Sosialisme juga akan meghapuskan minat dan innovasi dalam bekerja. Pekerja pula akan menjadi terlalu

naterialis, bekerja semata-mata untuk pendapatan. *Free enterprise* ekonomi dapat mengatasi masalah sistem komunis yang kononnya bertujuan menyamakan semua rakyat, ia juga tidak dapat menghapuskan ketidakadilan dalam masyarakat komunis tertampil cuma menyamakan taraf kemiskinan rakyat. Semua kekayaan dibolot oleh negara dan rakyat cuma menjadi hamba kepada negara dan dipaksa mempertahankan negara dan beberapa kerat pemimpin negara yang mendapat kuasa dan keistimewaan.

Jika sistem sosialis dan komunis tidak boleh mengatasi masalah ekonomi, apakah sistem kapitalis yang menyeluruh boleh berbuat demikian. Dalam keadaan tidak seimbang kedudukan kaum dan dalam keadaan miskin dan kaya wujud bersama, sistem kapitalis yang tidak terhad juga tidak dapat mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara. Sistem kapitalis *free enterprise* secara total akan menjauhkan lagi jurang perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya dan ini akan ditokok dengan perbezaan antara kaum, di mana yang miskin akan terdiri daripada satu kaum dan yang kaya daripada kaum yang lain. Keadaan ini bukan sahaja tidak stabil tetapi sebenarnya amat explosif.

Memandang bahawa sistem sosialis komunis dan kapitalis sepenuh semuanya tidak sesuai, Malaysia membentuk sistemnya yang tersendiri. Sebab itu, kita perolehi kerajaan memasuki dalam bidang perusahaan dan perniagaan sebagai pemegang amanah. Sementara itu, orang yang pintar masih boleh menggunakan peluang untuk mencari kekayaan yang akan dikenakan cukai yang tinggi oleh kerajaan sebagai sumbangan mereka kepada usaha mengurangkan ketidakseimbangan antara miskin dan kaya, kaum dan kaum. Kerajaan tidak akan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan awam dan modal untuk agensi-agensi perniagaan kerajaan jika tidak ada cukai yang banyak yang dibayar oleh kumpulan yang kaya tadi.

Banyak teguran yang dilempar terhadap kerajaan kerana kegagalan begitu banyak agensi-agensi perniagaan-

perkembangan ekonomi negara. Kita tahu, jika tidak ada masalah perbezaan ekonomi antara kaum ini atau jika ianya diketepikan dan tumpuan diberi semata-mata kepada perkembangan ekonomi yang tidak terhad, hari ini Malaysia akan jadi lebih kaya dan maju lagi. Lebih banyak perniagaan dan perusahaan akan berkembang dan ahli-ahli ekonomi dan *statistician* akan dapat menunjukkan bahawa *Gross National Product* dan *Per Capita Income* meningkat berkali ganda. Mungkin kita sudah menjadi *developed nation* atau sekurang-kurangnya maju seperti Singapura atau Korea Selatan.

Tetapi, walaupun indeks ekonomi atau *economic indicators* menunjuk bahawa dengan cara itu purata kita sudah kaya dan maju, sebenarnya penyakit sosial dan ekonomi dalam masyarakat akan bertambah. Bukan sahaja perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya raya akan bertambah, tetapi perbezaan antara kaum dari segi pembangunan ekonomi akan menjadi lebih ketara. Seperti di zaman British, kita akan lihat tauke-tauke yang tidak terhingga kekayaan mereka tinggal di mahligai-mahligai dan mempamerkan kehidupan mewah yang menyolok mata, sementara yang miskin amat miskin, menjadi hamba kepada tauke-tauke dan terdiri daripada kaum bumiputera.

Sejarah dan kejadian di negara lain telah menunjukkan, bahawa semata-mata kekayaan ekonomi sesebuah negara tidak dapat menjamin keadilan sosial dan kestabilan. Sebenarnya, kemungkinan huru-hara dan revolusi berlaku adalah tidak kurang dalam negara yang kaya daripada yang miskin. Bencana perang saudara dan anarki kurang berlaku jika terdapat keadilan dalam ekonomi, iaitu keadilan dalam pembahagian kekayaan dapat diadakan, walaupun penduduk terdiri daripada berbagai kaum dan diancam oleh masalah-masalah lain.

Ini tidak bermakna bahawa sosialisme akan menjamin kestabilan. Sosialisme cuma menjadi semua pihak miskin walaupun jumlah pendapatan pekerja mungkin meningkat. Sosialisme juga akan mehapuskan minat dan innovasi dalam bekerja. Pekerja pula akan menjadi terlalu

materialis, bekerja semata-mata untuk pendapatan. *Free enterprise* ekonomi dapat mengatasi masalah sistem komunis yang kononnya bertujuan menyamakan semua rakyat, ia juga tidak dapat menghapuskan ketidakadilan dalam masyarakat komunis tertampil cuma menyamakan taraf kemiskinan rakyat. Semua kekayaan dibolot oleh negara dan rakyat cuma menjadi hamba kepada negara dan dipaksa mempertahankan negara dan beberapa kerat pemimpin negara yang mendapat kuasa dan keistimewaan.

Jika sistem sosialis dan komunis tidak boleh mengatasi masalah ekonomi, apakah sistem kapitalis yang menyeluruh boleh berbuat demikian. Dalam keadaan tidak seimbang kedudukan kaum dan dalam keadaan miskin dan kaya wujud bersama, sistem kapitalis yang tidak terhad juga tidak dapat mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara. Sistem kapitalis *free enterprise* secara total akan menjauhkan lagi jurang perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya dan ini akan ditokok dengan perbezaan antara kaum, di mana yang miskin akan terdiri daripada satu kaum dan yang kaya daripada kaum yang lain. Keadaan ini bukan sahaja tidak stabil tetapi sebenarnya amat explosif.

Memandang bahawa sistem sosialis komunis dan kapitalis sepenuh semuanya tidak sesuai, Malaysia membentuk sistemnya yang tersendiri. Sebab itu, kita perolehi kerajaan memasuki dalam bidang perusahaan dan perniagaan sebagai pemegang amanah. Sementara itu, orang yang pintar masih boleh menggunakan peluang untuk mencari kekayaan yang akan dikenakan cukai yang tinggi oleh kerajaan sebagai sumbangan mereka kepada usaha mengurangkan ketidakseimbangan antara miskin dan kaya, kaum dan kaum. Kerajaan tidak akan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan awam dan modal untuk agensi-agensi perniagaan kerajaan jika tidak ada cukai yang banyak yang dibayar oleh kumpulan yang kaya tadi.

Banyak teguran yang dilempar terhadap kerajaan kerana kegagalan begitu banyak agensi-agensi perniagaan-

selepas pengkritik mencapai kuasa dan menjadi kerajaan, tekanan yang lebih kuat lagi dilakukan terhadap rakyat.

Kebebasan bersuara, bersurat-khabar, berdemo dan lain-lain dihentikan. Pendek kata, apa yang dahulu dikecam sekarang diamalkan oleh mereka yang dahulunya dengan lantang membuat kecaman. Sebagai kacang yang melupakan kulit, mereka mengancam dan mengambil tindakan keras terhadap orang-orang yang dahulu bersama mereka dalam perjuangan.

Di Malaysia, kalaularah pengkritik kerajaan mengambil alih kerajaan maka kemungkinan ialah Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain dasar akan dilaksanakan dengan kesan yang jauh lebih buruk daripada yang terdapat sekarang. Jika ini tidak berlaku, kemungkinan yang sehabis baik ialah kejayaan mereka adalah sama sahaja dengan yang terdapat sekarang. Kemungkinan bahawa kebaikan dan kejayaan akan bertambah adalah satu perkara yang sukar berlaku kerana pengkritik kerajaan hari ini terdiri dari golongan yang mirip jauh ke kiri atau ke kanan. Mereka sebenarnya telah beberapa kali mendapat peluang untuk mentadbir negeri-negeri tertentu atau sekurang-kurangnya bandar-bandar, tetapi pentadbiran mereka tidak adil sama sekali dan tidak membawa apa-apa keuntungan kepada rakyat jelata.

Kita harus berpolitik. Tiap-tiap seorang daripada kita harus berpolitik. Kita patut terlibat sedikit sebanyak dalam politik. Tetapi politik tidak harus menguasai semua gerak-geri kita. Itu adalah peranan agama, sekurang-kurangnya bagi orang Islam. Siri bahasan ini menunjukkan bagaimana politik bukan sahaja telah mempengaruhi ekonomi tetapi sudah mengambil alih tempat ekonomi. Susunan dan penglibatan peserta dalam *The Great Economic Debate* atau Perdebatan Agung Ekonomi ini, tidak lagi mencerminkan minat terhadap ekonomi tetapi adalah politik semata-mata. Memang benar ada beberapa tokoh ekonomi yang diundang tetapi suara mereka akan tenggelam dalam lautan yang sunyi dan dalam, jika tidak mereka diperlok-olokkan.

Apabila politik sebenar menguasai ekonomi, maka fakta ekonomi tidak lagi diberi penghargaan. Semua yang dibuat tertakluk kepada kepentingan ideologi politik. *Facts* dan *lojik* tidak ada tempat di sini, cuma sentimen, anutan politik dan juga kebencian yang ada peranan. Begitu juga dengan keagamaan yang akan diutarkan dalam bahasan ini. Apabila politik dibenarkan menguasai agama, maka tafsiran agama sanggup disalahkan supaya secocok dengan politik diri. Kafir-mengkafir yang salah di sisi agama pun sanggup dibuat kerana kepentingan politik.

Saya amat dukacita kerana siri *The Great Economic Debate* atau Perdebatan Agung Ekonomi ini sudah tidak lagi bercorak lama. Tetapi kedukacitaan saya mungkin *irrelevant*. Peranan saya ialah merasmikan perayaan ini. Dan ini akan saya lakukan sekarang. Saya memohon maaf bukan kerana kandungan ucapan ini tetapi kerana melakukan kesalahan yang sama. Saya tidak menggunakan ucapan pembukaan untuk kata-kata manis dan aluan-aluan. Sebaliknya, saya mengeluarkan pendapat saya yang sebenar tentang majlis yang sama-sama kita sertai.

---

*Ucapan Di Upacara Perasmian Perdebatan Agung Ekonomi Ke-10  
(The Great Economic Debate) Di Dewan Tunku Canselor Universiti  
Malaysia, Rabu, 12 September 1979.*

---

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI-AGENSI KERAJAAN

**SOAL** memperkemaskan jentera kerajaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga merupakan satu faktor yang "*critical*" buat masa ini, dan latihan-latihan yang diberi oleh INTAN adalah penting di dalam usaha menggembangkan segala tenaga dan jentera kerajaan ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Namun demikian, perlu diingatkan bahawa jaya atau gagalnya latihan-latihan ini banyak bergantung kepada sikap dan nilai pegawai-pegawai yang menerima latihan ini. Sesuatu kursus latihan hanya boleh menyampaikan prinsip-prinsip dan tunjuk ajar tentang apa yang patut dibuat atau yang tidak patut di buat di dalam sesuatu keadaan atau masalah tertentu. Saya percaya, bahawa di dalam latihan yang saudara-saudara telah jalani di INTAN, di dalam apa jua bidang, banyak idea-idea baru dan prinsip-prinsip telah disampaikan dan dibahaskan oleh saudara-saudara. Sekarang, apabila saudara-saudara pulang berkhidmat di jabatan dan organisasi masing-masing, saudara-saudara adalah dikehendaki menggunakan prinsip itu untuk memperbaiki pentadbiran organisasi saudara-saudara.

Pada pendapat saya, ini berkehendakkan "*moral courage*" yang tinggi kerana untuk membawa apa-apa pembaharuan, saudara-saudara sudah tentu akan mengalami tentangan sama ada aktif atau pasif. Jaya atau tidaknya pembaharuan ini terpulanglah kepada kebijak-

sanaan *approach* saudara-saudara sendiri dalam membawa pembaharuan itu. Saudara-saudara hendaklah menggunakan budi bicara sendiri dan mengetahui tentang selok-belok perangai manusia dalam hal menerima pembaharuan. Sekiranya saudara-saudara tidak berjaya membawa apa-apa pembaharuan dan penukaran untuk meninggikan mutu perkhidmatan di tempat saudara-saudara, maka ini bermakna pengetahuan yang saudara-saudara pelajari itu tersia-sia sahaja dan segala tenaga latihan tidak akan membawa kebaikan sama ada daripada segi saudara-saudara sendiri ataupun organisasi saudara-saudara.

Soal memupuk dan mendidik nilai-nilai yang sejajar dengan kepentingan negara adalah perlu bagi menentukan, bahawa kepentingan diri sendiri tidak mempengaruhi sikap terhadap kepentingan negara atau kepentingan umum. Mungkin saudara-saudara berpendapat, bahawa apabila kepentingan diri bertentangan dengan kepentingan negara, amatlah sukar mengenepikan kepentingan diri. Tetapi sebenarnya ini tidak begitu sukar, kerana negara dan masyarakat sudah pun memberi saudara-saudara peluang berlatih dan bekerja – iaitu negara sudah pun memberi keutamaan kepada kepentingan saudara. Sekarang, tibalah masanya untuk saudara pula mengutamakan kepentingan negara. Di samping itu, khidmat yang saudara berikan kepada negara akan dibalas balik kemudian hari.

Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, Rancangan Malaysia Ketiga telah pun dilancarkan oleh kerajaan. Tidaklah perlu bagi saya menghuraikan di sini satu per satu apa yang terkandung di dalamnya. Saudara-saudara sendiri sudah tentu telah membaca dan meneliti-nya bagi menentukan implikasi rancangan-rancangan pembangunan kepada jabatan dan peranan saudara-saudara sendiri. Walau bagaimanapun, mengambil sempena upacara penyampaian diploma dan sijil-sijil pada malam ini, saya ingin mengambil kesempatan menyentuh masalah yang kita hadapi khusus dalam usaha membasmi kemiskinan, iaitu dari segi “*absolute*” dan “*relative*”nya

serta implikasinya terhadap peranan jentera kerajaan.

Cábaran yang kita semua hadapi memerlukan usaha yang gigih dan berkekalan serta "commitment" daripada semua anggota kerajaan kepada Dasar Ekonomi Baru. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kita menekankan kepada soal meninggikan produktiviti rakyat dalam usaha membasmikan kemiskinan. Produktiviti rakyat tidak akan ditinggikan jika mereka tidak diberi pimpinan dan tunjuk ajar daripada pegawai. Oleh itu, sebelum dapat kita meninggikan produktiviti rakyat, kita perlu meninggikan terlebih dahulu produktiviti pegawai-pegawai.

Kemiskinan tidak mengenal kaum. Ia wujud di desa ataupun di bandar. Tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, kemiskinan di desa biasanya lebih daripada di bandar. Berlanjutan daripada ini, kemiskinan orang Melayu dan lain-lain bumiputera adalah lebih tinggi peratusannya daripada lain-lain golongan. Ini menjadikan usaha membasmikan kemiskinan lebih penting daripada biasa, kerana bukan sahaja kita bertujuan mengurangkan jarak pendapatan antara yang berada dan yang tidak berada tetapi juga untuk menyamakan pembangunan antara kaum-kaum di Malaysia. Dalam menghadapi masalah ini, kita memerlukan segala tenaga daripada semua golongan masyarakat. Kerajaan sahaja tidak akan berjaya tanpa kerjasama daripada semua pihak termasuklah mereka yang miskin itu sendiri.

Saya tegaskan ini kerana cara mengatasi kemiskinan dengan berkesan dan berkekalan bukanlah dengan memberi derma dan bantuan sepanjang masa. Cara yang berkesan ialah dengan menyediakan peluang berlatih dan peluang bekerja. Latihan dan kerja memerlukan minat dan tenaga. Oleh itu, jika mereka yang miskin tidak berusaha maka kemiskinan tidak akan dapat dibasmikan. Begitu juga ahli masyarakat yang sudah kaya, jika mereka tidak mengenepikan sedikit kepentingan diri dan menimbang masalah kemiskinan orang lain dan bertindak mengikut panduan masyarakat seperti yang dirancangkan oleh kerajaan yang mewakili masyarakat, maka rancangan

membasmi tidak akan mencapai kejayaan.

Bagi pihak kerajaan, peruntukan lebih kurang 38.2 peratus daripada jumlah \$18.6 billion adalah untuk pembasmian kemiskinan, di desa dan di bandar. Tugas membasmi kemiskinan bagi pihak kerajaan bukan sahaja terletak kepada FELDA, RISDA, FELCRA dan MARA. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, dan badan-badan berkanun yang lain, Jabatan-jabatan Pertanian, Talair, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam, dan agensi-agensi yang lain, yang secara langsung bertanggungjawab menjayakan infrastruktur pembangunan. Mereka hanya boleh dianggap sebagai "*frontline agencies*" dalam usaha membasmikan kemiskinan. Tindakan barisan hadapan ini bergantung kepada barisan di belakang. Tanpa sokongan logistik dari barisan belakang, angkatan di hadapan akan tumpas. Oleh itu, dalam kerja membasmikan kemiskinan, tiap-tiap agensi baik di "*front-line*" ataupun di "*rear*" mempunyai peranan yang sama penting.

Kerajaan telah menetapkan peruntukan yang besar kepada agensi-agensi di barisan hadapan. Bagi pegawai-pegawai yang bertugas di agensi-agensi ini, mereka haruslah bersikap dinamis, agresif dan "*imaginative*". Segala aspek kemiskinan haruslah difahami oleh mereka bagi menentukan bahawa satu projek yang dirancang dan dilaksanakan itu akan kemudiannya memberi manfaat kepada golongan-golongan miskin yang ditujukan. Agenzi-agensi yang di barisan belakang seperti agensi-agensi pusat, patutlah memahami masalah yang dihadapi oleh barisan hadapan. Segala keperluan yang dikehendaki perlu diambil tindakan yang segera. Ini memerlukan persefahaman yang erat di kedua-dua pihak semoga "*communication line*" sentiasa terbuka dan bergerak dengan lancarnya.

Kemiskinan di dalam satu masyarakat senang menjadi "*self-perpetuating*" kerana ia lazimnya mewujudkan sikap-sikap dan nilai-nilai yang dengan sendirinya mengekalkan sifat-sifat dan keadaan kemiskinan. Ini adalah merupakan faktor yang rumit dalam usaha kerajaan membasmikan

kemiskinan. Sekiranya pegawai-pegawai kerajaan dan mereka-mereka yang terlibat dalam menjalankan tugas-tugas harian tidak memahami sifat-sifat kemiskinan dan kurang insaf kepada masalah orang-orang miskin, kita tidak akan dapat membangunkan masyarakat kita. Dalam menjalankan tugas dan peranan, kita hendaklah mengelakkan sebarang tindakan dan tingkah laku yang mungkin menimbulkan keraguan rakyat terhadap usaha kerajaan membasmikan kemiskinan. Kepada ketua-ketua jabatan kerajaan, saya menyeru supaya mereka sentiasa mengawasi tingkah laku pegawai-pegawai di bawahnya. Janganlah kerana nila setitik maka habis susu sebelanga.

Perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan usaha kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, adalah memerlukan ketabahan dan “*commitment*” daripada semua golongan pegawai-pegawai kerajaan. Saudara-saudara sekalian mempunyai tugas yang berat. Segala latihan yang diberi akan tersia sekiranya saudara-saudara tidak memupuk sikap dan nilai yang tinggi dalam menjalankan tugas. Kemiskinan adalah “*epidemic*” dan sekiranya kita hendak mencapai matlamat yang ditetapkan, kita semua harus “*re-examine ourselves and our agencies seriously*” bagi menentukan bagaimana kita dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada negara dan generasi yang akan datang dalam usaha membasmikan kemiskinan. Dalam menghadapi cabaran ini, melepaskan batuk di tangga tidak memadai. Kita harus memahami, menilai dan bertindak bersama-sama dengan mempunyai dorongan yang tinggi serta dapat membayangkan tingkah laku yang jujur.

Hari ini saudara-saudara akan mengambil satu lagi langkah dalam tugas sebagai pegawai kerajaan. Saya percaya, di institusi ini saudara-saudara telah banyak menerima nasihat dan latihan. Saya tidak berhajat menasihati lagi. Tetapi saya ingin mengajak saudara-saudara sama-sama merenungkan sedikit dan menoleh ke belakang untuk lebih memahami jiwa dan hati diri sendiri dalam konteks masyarakat sekeliling. Perhatian ini perlu

kerana cuma mereka yang memahami diri 'sendiri' akan dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

Saudara-saudara yang sampai ke peringkat ini sudah tentu meninggal ramai kawan-kawan yang tercicir sepanjang jalan. Di sekolah rendah, menengah dan universiti, ramai daripada rakan-rakan saudara yang tidak sampai ke peringkat yang saudara-saudara berada sekarang. Saudara-saudara yang sampai ke peringkat ini adalah orang yang terpilih – orang yang *privileged* – yang dikurniakan oleh Tuhan satu kebahagiaan istimewa, yang diberi oleh masyarakat satu kedudukan yang utama. Mereka yang tercicir adalah mereka yang tidak bernasib baik. Jika keluhan patut disuarakan maka tentulah mereka yang tercicir yang patut disuarakannya. Tetapi kerap kali kita mendengar bukan yang tercicir di sepanjang jalan yang mengeluh tetapi mereka yang telah dianugerah kedudukan yang istimewa ini yang mengeluh dan meratap tentang kekecewaan.

Perkara ini berlaku kerana kita sudah tidak lagi pandai bersyukur. Pemberian Tuhan dan pemberian masyarakat dianggap kejadian biasa – dan oleh itu, tidak perlu kita berterima kasih. Sudah tentu kita tidak perlu membayar balik untuk sesuatu yang memang hak kita. Dan dengan itu, kita menumpukan fikiran dan perhatian kita kepada diri sendiri, dan kita jumpai masih banyak yang kita ingin yang belum kita perolehi. Lebih kuat kita perhatikan kepada diri sendiri, lebih banyak kehendak hati kita yang belum kita capai. Kita bincang dengan kawan yang sejawat dengan kita, maka lebih banyak lagi ketidakpuasan hati akan wujud. Akhirnya, kita menjadi golongan yang sedih kerana nasib diri sendiri, "*you feel sorry for yourself*" sehingga ketenangan jiwa tidak tercapai.

Yang kita sedih itu ialah terhadap pencapaian hak dan harta – iaitu sedih kerana penghargaan yang terlalu tinggi terhadap materialisme dan kepuasan nafsu. Manusia tidak akan capai sehingga bila pun semua kehendak hati mereka. Yang belum dapat mahu, yang sudah dapat lebih, yang sudah lebih mahu lebih lagi.

Sebab itu, nafsu terhadap kekayaan material di dunia mesti diimbangkan dengan nilai-nilai rohaniah. Tuntutlah kekayaan tetapi janganlah lupa bahawa kekayaan sahaja tidak akan membawa ketenangan jiwa. Kekayaan penting untuk diri sendiri, untuk masyarakat, untuk negara, untuk agama. Tetapi kekayaan yang dituntut kerana kekayaan seperti terdapat di kalangan masyarakat materialis akan membawa kecelakaan.

Oleh itu, saudara-saudara dan saya juga perlu bersyukur dengan apa yang sudah pun kita capai sehingga ini. Kita perlu mencari lebih kekayaan tetapi janganlah sehingga kita lupa mereka yang tidak bernasib baik seperti kita. Janganlah kita tuntut dari masyarakat kekayaan yang tidak mampu diberi oleh masyarakat. Lebih-lebih lagi jangan kita ancam masyarakat yang telah memberi kedudukan istimewa kepada kita kerana kita mahu lebih daripada apa yang telah diberi kepada kita oleh masyarakat.

Kita akan dapat menentukan dan mengamal sikap yang jujur ini jika kita tahu bersyukur dan berterima kasih. Renungkan sedikit dan hitungkan sendiri jumlah yang masyarakat menguntukkan supaya saudara-saudara sampai ke sini - dan bandingkan dengan peruntukan bagi kawan-kawan yang tercicir di sekolah rendah dan menengah yang setengahnya menganggur sekarang.

Ketenangan dan kebahagiaan masyarakat dan individu tidak datang daripada kekayaan material. Ia juga tidak akan datang daripada pengasingan diri daripada kenyataan kesan material di dunia. Ketenangan dan kebahagiaan bagi individu dan masyarakat cuma akan wujud apabila imbangan dicapai antara kenyataan nilai material dengan ketinggian nilai-nilai rohaniah.

## PENGURUSAN DI MALAYSIA

**MEMIKIRKAN** masalah-masalah pengurusan dan perkembangan-perkembangan yang terbaru dalam bidang ini pada masa sekarang, saya rasa seminar ini amat wajar sekali. Saya telah beberapa kali menyatakan, bahawa pengurusan dan mutu tadbiran yang terdapat di negara ini terkebelakangan zaman dan tidak sejajar dengan rancangan-rancangan pembangunan yang telah diatur sejak beberapa lama dahulu dan yang akan terus dirancang untuk masa-masa yang akan datang.

Pada masa-masa yang lepas, saya cuma memberi perhatian kepada soal kelemahan-kelemahan yang terdapat di agensi-agensi kerajaan sahaja. Ini bukan bermakna, bahawa kelemahan-kelemahan ini mempunyai batasan dan terhad kepada agensi-agensi kerajaan sahaja. Dalam pemerhatian saya, semua aspek pergurusan, tidak mengira sama ada dalam bidang pengurusan awam ataupun swasta, masih menunjukkan tanda-tanda kelemahan yang menyebabkan sukar bagi negara ini mencapai dengan sepenuhnya segala rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang telah dirancangkan.

Dalam bidang pengurusan di sektor awam, boleh kita perhatikan bahawa perkembangan dalam bidang pengurusan tertinggal jauh ke belakang jika dibandingkan dengan perkembangan dalam bidang perancang ekonomi. Sejak pencapaian kemerdekaan dahulu, kerajaan terpaksa

menumpukan perhatiannya kepada bidang ekonomi hinggakan bidang pengurusan yang semestinya ditimbang bersama, di ketepikan, umpamanya, apabila menjalankan "feasibility study" berkenaan sesuatu projek tidak pernah diadakan bersama "feasibility study" tentang pengurusan atau "administrative feasibility study". Ini menyebabkan rancangan-rancangan pembangunan dirancang tanpa rancangan pengurusan yang sejajar untuk projek-projek tertentu.

Dan ini menyebabkan terdapatnya kelemahan-kelemahan seperti kelemahan struktur pentadbiran serta ketiadaan pegawai-pegawai yang terlatih dalam bidang-bidang yang tertentu. Di antara negara-negara membangun, Malaysia adalah negara utama daripada segi perancangan projek-projek pembangunan tetapi daripada segi pelaksanaan dan pengesahan projek yang menjadi tanggungjawab pengurusan, negara ini masih menempuh masalah-masalah sama seperti yang selalu dihadapi oleh negara-negara membangun yang lain.

Sejak tahun 1957 dahulu, tanggungjawab pengurusan di negara ini telah menjadi bertambah rumit akibat semakin bertambahnya beban kerja dan aktiviti di berbagai peringkat yang dijalankan bagi mencapai tujuan pembangunan. Harapan rakyat yang kian bertambah memerlukan perkhidmatan yang cekap dan cepat dan yang mendatangkan hasil yang segera. Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa berusaha untuk membentuk satu sistem penyampaian yang berkesan dan mengurangkan kenaikan kos seunit pada tahap yang paling minima.

Beberapa usaha memperkemaskan pengurusan pentadbiran kerajaan telah dibuat. Pada tahun 1949 dahulu, kerajaan telah menukuhan Bahagian Pengaturcara dan "*Organisation and Method Division*" di bawah Perbadaharaan sebagai satu usaha untuk mengurangkan perbelanjaan pentadbiran. Bahagian "*Organisation and Method*" ini, telah menjalankan beberapa kajian berkenaan dengan "*organisation*" dan "*staffing*" serta rekaan borang, kajian sistem file dan lain-lain. Kajian-kajian

mengenai sistem dan pengurusan yang telah dijalankan tidak dirancang secara sistematik.

Pada tahun 1965, dua orang pegawai dari seberang laut telah dilantik menganggotai satu kumpulan perunding dan membuat kajian tentang sistem pentadbiran negara ini. Ini boleh dikatakan langkah pertama dalam sejarah pentadbiran awam di mana usaha untuk membuat kajian berkenaan dengan jentera pentadbiran dikaji dengan keseluruhannya. Pasukan perunding ini telah membuat tiga cadangan utama:

1. Ditubuhkan "*Development Administration Unit (DAU)*" atau Unit Kemajuan Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri, untuk merancang dan membimbing usaha membaiki jentera pentadbiran negara.
2. Kerajaan mengadakan sistem latihan bagi semua peringkat pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam; dan
3. Perkhidmatan pegawai-pegawai pengurusan diperkembangkan dan pengurus-pengurus diberi latihan dengan lebih pesat lagi.

Laporan ini telah diterima oleh kerajaan Malaysia dan pada penghujung tahun 1966, *DAU* telah ditubuhkan.

Penubuhan *DAU* adalah pada masa kerajaan sedang menjalankan dengan pesatnya rancangan-rancangan pembangunan negara dan dalam masa 10 tahun selepas penubuhan *DAU*, bahagian itu semakin terlibat dalam usaha mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan hingga bidang pengurusan telah kurang mendapat keutamaan. Oleh yang demikian, pembentukan *DAU*, sungguhpun ianya menandakan kesedaran kerajaan tentang perlunya satu badan untuk membaiki sistem pengurusan kerajaan, tidak mengakibatkan perubahan yang radikal dalam jentera pentadbiran kerajaan. Sebab itulah, usaha baru sedang dibuat untuk mengkaji segala aspek jentera pentadbiran negara pada masa ini dan dengan tujuan tersebut kerajaan telah menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia

untuk membuat kajian menyeluruh berkenaan dengan jentera pentadbiran negara.

Mungkin elok jika saya sentuh sedikit sebanyak tentang pengurusan di bahagian swasta pula. Pada masa negara mencapai kemerdekaan dahulu, mutu pengurusan dalam bahagian swasta amat lemah dan ini menjadi salah satu sebab mengapa kerajaan terpaksa memikul segala beban perancangan pembangunan negara. Saya perhatikan, bahawa sehingga masa ini, dalam setiap rancangan lima tahun yang telah diadakan sejak merdeka dahulu, pihak swasta tidak dapat memenuhi peranannya yang telah dirancang oleh kerajaan dengan sepenuhnya. Keadaan ini tidak dapat dibiarkan berterusan. Oleh sebab pengharapan rakyat semakin meningkat, usaha pembangunan negara mesti diperluaskan dan pihak swasta mesti memainkan peranan yang lebih aktif. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga umpamanya, peranan sektor swasta telah dititikberatkan dan melebihi peranannya dalam rancangan-rancangan lima tahun yang lepas.

Pengurusan firma-firma "family business" juga perlu diubah mengikut zaman. Negara ini, yang menggalakkan sistem *free enterprise*, sedang memerhatikan perkembangan perniagaan yang besar-besaran seperti *supermarket* yang dapat mengatasi tarikan kedai-kedai persendirian. Mungkin telah tiba masanya bagi berbagai *Chamber's of Commerce* dan badan perniagaan meneliti perkembangan perniagaan mereka agar secocok dengan kehendak masa moden ini.

Lewat dalam tahun enam puluhan dan tujuh puluhan ini, kesedaran tentang perkembangan dalam bidang pengurusan telah mengakibatkan perkembangan yang pesat dalam usaha latihan pegawai-pegawai daripada berbagai lapisan. Dalam sektor awam, Pusat Latihan Pegawai telah ditubuhkan pada tahun 1957.

Pusat Latihan Pegawai telah ditukar menjadi Institut Tadbiran Awam (INTAN) pada tahun 1972, dan rancangan latihan *postgraduate* juga telah diperluaskan sejak tahun 1970. Pusat-pusat latihan yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan juga semakin berkembang seperti di

Lembaga Letrik Negara, Pusat Latihan Tun Abdul Razak di Jabatan Penyiaran dan lain-lain. Terdapat juga beberapa pusat latihan lagi yang digunakan oleh kakitangan kerajaan dan ahli-ahli swasta seperti *Management Institute of Malaysian (MIM)*, *National Productivity Centre (NPC)* dan universiti-universiti, dan MIT juga telah memulakan kursus-kursus dalam bidang pengurusan.

Pihak swasta juga tidak ketinggalan dalam usaha melatih pegawai-pegawaiannya. Mengikuti contoh Bank Negara yang mempunyai pusat latihannya sendiri, beberapa bank telah mengadakan pusat latihan mereka sendiri, di samping menghantar pegawai-pegawai kanan untuk latihan di seberang laut. Kesedaran tentang betapa mustahaknya latihan, saya percaya akan membawa kesan yang baik pada masa depan.

Perkembangan pengurusan di negara ini, saya rasa, akan dipengaruhi oleh dua perkara yang mustahak. Pertama sekali, amatlah perlu bagi setiap lapisan pengurusan mempunyai sikap "*open-minded*" dan sedia menerima perubahan-perubahan sistem untuk membolehkan perkembangan yang lebih pesat lagi. Saya penuh kepercayaan, bahawa masa depan negara ini akan bergantung kepada cara bagaimana kita dapat mengubah sikap dan teknik untuk menghadapi perubahan-perubahan zaman dalam sekeliling. Masa hadapan kita adalah bergantung kepada perubahan. Oleh sebab pengurusan adalah satu konsep yang dinamik, ianya tidak secocok dengan sesiapa yang mempunyai pemikiran yang statik. Pada masa ini, perubahan pemikiran dan teknik kepada kita tidak akan melibatkan "*risk taking*" yang keterlaluan, oleh sebab saya perhatikan, bahawa kebanyakan perubahan-perubahan ini cumalah untuk menggunakan sistem-sistem baru yang telah diuji dan didapati berfaedah di negara-negara yang telah maju.

Perkara kedua, ialah berkaitan dengan perubahan yang baru saya sebutkan. Saya percaya dalam sedikit masa lagi, bidang pengurusan di negara ini akan disertai dengan penggunaan komputer dengan lebih pesat lagi. Komputer

telah mula digunakan di negara ini oleh agensi kerajaan sejak tahun 1966. Pada masa itu, komputer merupakan satu perkembangan yang baru dan kebanyakan jabatan-jabatan kerajaan merasa sangsi tentang penggunaannya kerana ianya merupakan konsep baru dan kerana harganya adalah mahal. Sejak tahun tersebut, iaitu 1966, perkembangan penggunaan komputer amatlah sederhana tetapi dalam masa dua tiga tahun yang lepas, bilangan komputer di jabatan-jabatan kerajaan telah bertambah dengan pesatnya, hingga pada hari ini jabatan-jabatan kerajaan sedang mengendalikan 51 buah komputer.

Sungguhpun perkembangan dalam masa dua tiga tahun ini amat pesat jika dibandingkan dengan perkembangan di masa-masa yang telah lampau, saya rasa ini masih tidak mencukupi dan saya anggarkan bahawa perkembangan dalam masa dua tiga tahun yang akan datang, dalam bidang penggunaan komputer, akan semakin bertambah bukan sahaja kerana beban kerja agensi kerajaan bertambah banyak dan memerlukan kegunaan komputer tetapi juga kerana telah banyak terdapat unit-unit komputer yang sederhana yang dapat dibeli dengan harga yang kurang daripada \$100,000.

Tanpa penggunaan komputer, saya merasa was-was sama ada sistem penyimpanan dan penggunaan maklumat kerajaan dapat diselenggarakan dengan sempurna oleh sebab kadarnya yang amat besar dan semakin bertambah. Daripada segi kakitangan, umpamanya, kerajaan mempunyai lebih kurang setengah juta jawatan dan adalah paling rumit untuk mengesahkan jawatan-jawatan ini dengan menggunakan tenaga manusia sahaja.

Daripada segi pengambilan, umpamanya, apabila satu atau dua jawatan kerani diiklankan, kerajaan memperolehi permohonan yang berbilang puluhan ribu untuk diselenggarakan. Begitu juga daripada segi pengesahan kenderaan dan penyelenggaraan sistem pembayaran bil-bil oleh agensi-agensi kerajaan.

Pada masa ini, kerajaan mempunyai kelemahan kerana setengah-setengah daripada maklumat-maklumat

yang diperlukan tidak dapat dikesan oleh kerana kesukaran memproses maklumat-maklumat ini. Saya percaya, dengan kegunaan sistem komputer masalah ini dapat diatasi dan ini akan menambah mutu pengurusan di jabatan-jabatan kerajaan.

---

*Ucapan Di Upacara Pembukaan Rasmi Seminar "Pengurusan Di Malaysia" Di Kampus ITM, Shah Alam, Selangor, Pada Hari Isnin, 24 April 1978, Jam 9.30 Pagi.*

---

## BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN

**PERKARA** yang sedang menjadi tumpuan dan perbincangan ramai pada masa sekarang ini ialah Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita pada 19 Julai yang lalu. Ini bermakna, kita sekarang berada di dalam peringkat kedua perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru kerajaan.

Sebagai ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan, antara perkara yang sudah tentu menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan ialah, sejauh manakah perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini akan memperhebatkan lagi penyertaan orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain untuk menguasai sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kegiatan perdagangan dan perindustrian. Kita juga mesti mempunyai kesedaran, bahawa perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini juga bererti, bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru hendaklah dicapai pada akhir tahun Rancangan ini, iaitu pada tahun 1980.

Saya percaya, ada di antara yang hadir pada malam ini telah pun menikmati faedah-faedah daripada perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua ataupun telah dapat menikmati sebahagian daripada faedah-faedahnya. Rancangan Malaysia Kedua telah pun berlalu, dan sama ada kita sedari ataupun tidak ataupun sama ada kita hendak mengakuinya ataupun tidak, perlaksanaan

Rancangan Malaysia Kedua telah pun menunjukkan bahawa orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain telah dapat mencapai beberapa kejayaan dalam bidang perdagangan dan perindustrian daripada segi pemilikan saham-saham, perlaksanaan projek-projek perindustrian dan pengedaran barang-barang tertentu.

Sama ada kejayaan-kejayaan tersebut memberi kepuasan kepada orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain, adalah bergantung dari arah mana kita meneliti kejayaan tersebut. Jika tuan-tuan dan puan-puan menilai dari sudut kegagalan tuan-tuan dan puan-puan harapkan, tentulah pencapaian setakat ini tidak memuaskan. Tetapi sebaliknya, jika pencapaian setakat ini dipandang dari sudut ianya merupakan satu permulaan bagi orang-orang Melayu dan bumiputera menceburkan diri dalam bidang yang baru, maka pencapaiannya bolehlah dianggap memuaskan.

Apa yang penting sekarang ini ialah sejauh mana kita, baik secara persendirian ataupun secara berpersatuan, dapat menyesuaikan diri untuk mengambil kesempatan penuh terhadap peluang-peluang yang terbuka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Segala kejayaan orang lain, kegagalan tuan-tuan dan puan-puan serta mana-mana kepincangan di dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua pada masa yang lalu, patutlah dijadikan satu pengalaman dan pengajaran serta panduan kepada kita semua.

Rancangan Malaysia Ketiga ini mengharapkan penyertaan yang lebih pesat lagi daripada sektor swasta, malah penyertaan daripada sektor ini dikehendaki melebihi penyertaan sektor awam. Di sini saya ingin menekankan, bahawa penyertaan dan pelaburan yang dibuat oleh kerajaan bagi membantu orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain, tidak dapat menjamin pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru tanpa sokongan daripada orang-orang Melayu dan bumiputera sendiri. Orang-orang Melayu dan golongan bumiputera mestilah mengumpulkan tenaga daripada sumber-sumber di kalangan mereka

sendiri. Dalam erti kata yang lain, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu hendaklah mengkaji semula strukturnya, pentadbirannya, dan matlamatnya untuk membolehkan dewan ini menjadi satu daya penggerak penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera di bidang perdagangan dan perindustrian secara aktif dan berkesan.

Dewan ini tidak seharusnya menumpukan aktiviti-aktiviti semata-mata sebagai tempat ahli-ahli membuat aduan serta menjadi satu "*pressure group*" sahaja. Apa yang lebih penting lagi, dewan ini hendaklah memainkan peranan yang lebih dinamik lagi dengan menimbulangkan kemungkinan memulakan projek-projek perindustrian sendiri, menyertai di dalam industri-industri melalui pembelian saham-saham dan menubuhkan *network* pengedar sendiri. Industri-industri yang hendak ditubuhkan tidak semestinya yang besar-besar sahaja malahan jika dewan dapat memulakan projek-projek yang kecil-kecil yang sederhana sahaja, usaha-usaha ini masih dapat dibanggakan dan sudah semestinya menjadi satu sumbangsan yang positif terhadap pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, kerajaan akan terus mempergiatkan lagi usahanya untuk menambahkan penglibatan bumiputera di dalam sektor perindustrian. Rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu:

1. Mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman terutama bagi projek-projek kecil;
2. Memberi bantuan latihan dan teknikal;
3. Melaksanakan langkah-langkah pentadbiran supaya menggalakkan usahawan-usahawan bumiputera untuk menyertai sektor perdagangan dan perindustrian; dan
4. Menubuhkan dan membesarlu agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan khas untuk mewujudkan kaum perdagangan dan perindustrian bumiputera.

(FIDA), sebagai agensi utama kerajaan yang bertanggung-jawab untuk menggalak dan menyelaras pembangunan perindustrian, akan mempergiatkan usaha-usahanya untuk menarik lebih ramai lagi usahawan-usahawan bumiputera bagi memilih projek-projek perindustrian yang dianggap 'viable' didirikan di negara kita ini. Sejumlah 20 daripada projek-projek ini telah diumumkan dan kini diedarkan kepada para pelajar bumiputera. Seterusnya, di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga ini, memandangkan keutamaan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan projek-projek yang berdasarkan bahan mentah tempatan, FIDA akan juga menjalankan kajian-kajian yang menitikberatkan perusahaan-perusahaan pertanian dan sumber-sumber bahan asli negara untuk pemilihan kaum pelabur bumiputera.

Daripada segi untuk meningkatkan penyertaan ekuiti bumiputera di projek-projek perindustrian pula, seperti tuan-tuan dan puan-puan telah ketahui, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, kerajaan telah memperuntukkan \$200.00 juta kepada Tabung Pelaburan Bumiputera untuk tujuan membeli saham-saham yang dikhaskan kepada orang-orang Melayu dan bumiputera di dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Peruntukan yang sebanyak ini tidaklah bererti, bahawa masalah pembelian saham-saham yang telah dikhaskan kepada orang-orang Melayu bumiputera telah selesai. Peruntukan sebanyak itu, walaupun ditambah seberapa banyak pun, tidak akan memberi manfaat secara langsung kepada kaum bumiputera selagi ianya belum ditukar milik kepada orang-orang Melayu dan bumiputera. Kita harus ingat bahawa kerajaan hanya merupakan pemegang amanah sahaja di dalam hal ini, sementara menantikan kaum bumiputera mempunyai kemampuan kewangan memiliki saham-saham yang telah dikhaskan kepada bumiputera agar tanggungjawab untuk meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera di dalam projek-projek perindustrian tidak dibenarkan kepada kerajaan sahaja.

Dalam ucapan saya merasmikan Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Negeri Kedah telah pun saya syorkan, iaitu Dewan sendiri mengadakan kumpulan kewangan yang digunakan khas untuk membeli saham-saham yang telah dikhaskan kepada bumiputera. Tabung yang bercorak *Unit Trust* ini akan dapat membantu kerajaan dalam usaha mempercepatkan lagi usaha menjadikan saham-saham ini hak bumiputera dan juga orang-orang Melayu keseluruhannya. Saya menaruh penuh harapan agar syor ini diberi kajian oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kerajaan akan memberi apa juga pertolongan dan galakkan supaya kumpulan wang bumiputera untuk ditanam dalam kegiatan perusahaan dan perniagaan dapat dikumpul dan diuruskan.

Akhir sekali, saya ingin tegaskan bahawa tidak ada jalan atau cara yang mudah dalam bidang perniagaan. Kepercayaan bahawa kekayaan dapat dicapai dengan 'berniaga atas angin' adalah khayalan ataupun berasas kepada harapan yang tidak halal. Kejayaan cuma dapat dicapai jika usaha dijalankan dengan cekap dan tekun. Kecekapan dalam bidang urusan dan kesanggupan bekerja keras walaupun pendapatan agak tidak setimpal akhirnya akan membawa kepada kejayaan. Sebaliknya mereka yang lebih tertarik dengan gaya perniagaan sahaja, mereka akan menemui kegagalan dalam jangka masa yang pendek.

Dalam bidang perniagaan kita perlu akui bahawa pengetahuan bumiputera masih berkurangan. Oleh itu, kita tidak harus segan-segan untuk mempelajari daripada kaum lain. Kita perlu bekerjasama dengan kaum yang lebih cekap supaya ilmu perniagaan dapat diserap oleh kita. Yang penting bukan kerjasama kita dengan orang lain, tetapi sama ada kita bekerja atau tidak. Walaupun *partner* kita lebih cekap dan boleh mengurus tanpa pertolongan dari kita, kita tidak boleh jadi *sleeping partner* sahaja. Syarikat Ali Baba bukan buruk kerana ianya adalah usaha Ali dan Baba, tetapi kerana Ali tidur dan Baba sahaja yang bekerja. Dengan ini selain dari Baba mendapat nikmat yang jauh lebih banyak, Ali pula tidak ada

kebebasan dan menjadi alat semata-mata. Syarikat Ali Baba tidak payah dihapuskan. Yang penting ialah Ali betul-betul memainkan peranannya.

---

*Ucapan Di Majlis Makan Malam Tahunan Dewan Perniagaan Dan Perusahaan Melayu, Malaysia, Di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pada Hari Sabtu, 31 Julai 1976, Jam 8.00 Malam.*

---

## 26

### GUNA TENAGA DAN PRESTASI PERLAKSANAAN

**LEMBAGA KEMAJUAN TENAGA MANUSIA** ini adalah bertanggungjawab menyelaras usaha kemajuan tenaga manusia di negara ini, yang pada masa ini dijalankan oleh berbagai-bagai institusi latihan awam dan swasta. Kita juga mengetahui, bahawa sebelum ini telah wujud jentera penyelarasan untuk tujuan itu, dalam bentuk *National Advisory Council on Industrial Training (NACIT)* dan *Co-ordination Committee of Officials on Education and Training (CCOET)*.

Berdasarkan beberapa kelemahan yang dikesani dalam badan-badan itu, langkah penubuhan lembaga ini jelas menggambarkan satu usaha ke arah memperkuatkan jentera penyelarasan supaya dapat melaksanakan tugas tersebut dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, adalah diharap pelancaran lembaga ini merupakan satu titik tolak kepada satu zaman baru dalam bidang kemajuan tenaga manusia di negara ini, yang akan membawa kepada titik pertemuan yang sejajar dalam permintaan dan penawaran tenaga kerja terlatih bagi memenuhi matlamat pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi negara kita.

Sejak mencapai kemerdekaan, negara kita telah pun mengambil beberapa langkah ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju di rantau ini. Tahun-tahun antara tahun 1957 hingga tahun 1967, bolehlah dianggapkan sebagai '*import-substitution decade*'

manakala tahun-tahun antara 1968 hingga 1978, merupakan sebagai '*export-orientation decade*'. Keadaan itu telah tercapai dengan tertubuhnya FIDA (sekarang dikenali sebagai MIDA) dan tergubalnya *Industrial Incentive Act*. Setelah itu, adalah menjadi hasrat kerajaan Malaysia menjadikan tahun lapan puluhan sebagai '*decade of the resource-based industries*'. Hasrat ini diharapkan boleh menjadi satu pernyataan sekiranya semua pihak, khususnya pihak swasta, dapat berganding bahu dengan pihak kerajaan.

Sejak dua tahun yang lalu saya telah mula mengetuai '*mission*' pelaburan ke negara-negara maju untuk menarik pelabur-pelabur asing datang melabur di Malaysia. Hasil lawatan ini sangatlah menggalakkan. Menerusi lawatan-lawatan ini juga, saya telah memperolehi beberapa '*feedback*' berfaedah bagi membolehkan negara kita mengambil sewajarnya membentuk iklim pelaburan yang sesuai, yang difikirkan perlu oleh pihak pelabur. Saya difahamkan, sebab utama mereka tertarik dan berminat melabur di sini adalah kerana mereka mempunyai kepercayaan kepada kemantapan dan kestabilan politik dan ekonomi kita, dan kemudahan '*infrastructure*' yang baik yang boleh kita sediakan. Selain daripada itu, tenaga pekerja kita adalah didapati mudah dilatih (*trainable*) dan senang pula menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan dan kehendak teknologi pengeluaran semasa.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengingatkan, walau-pun terdapat sanjungan baik yang diberikan kepada mutu dan kebolehan tenaga pekerja kita, sanjungan serupa ini, saya harap, tidaklah akan melalaikan kita hingga kita tidak mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyediakan tenaga manusia yang diperlukan oleh pihak pelabur baik daripada segi kualiti mahupun kuantiti. Gejala ini perlulah kita awasi oleh kerana, di samping penyediaan tenaga pekerja untuk mendapatkan pelabur-pelabur datang ke Malaysia, kita juga memerlukan tenaga pekerja untuk melaksanakan tanggungjawab yang tidak kurang pentingnya untuk membangunkan negara, sejajar dengan hasrat

rakyat dan Dasar Ekonomi Baru. Dengan itu, tenaga pekerja di negara kita perlulah dilatih dan digembeleng sepenuhnya.

Tidak berapa hari lagi, tahun 1980 akan menjelang tiba dan ini bermakna negara kita akan mula melaksanakan Rancangan Malaysia Keempatnya dan tahun 1980 juga, merupakan berakhirnya peringkat 10 tahun pertama melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi, jika kita analisa prestasi pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, jelaslah bahawa *shortfall* yang dialami, misalnya dalam tahun 1977, adalah sebahagiannya disebabkan kekurangan tenaga pekerja terlatih untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan bagi tahun tersebut.

Untuk mengelakkan peristiwa ini berulang lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, aktiviti perancangan dan pembangunan tenaga manusia yang sistematik, berkesan dan *integrated*, perlu disusun dari sekarang. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu dalam bidang Perancangan Tenaga Manusia dan penubuhan Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri adalah pada pendapat saya, kena pada masanya. Kedua-dua badan ini mempunyai fungsi 'penyelaras' dan MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancang Tenaga Manusia) telah dijadikan Urusetia kepada kedua-dua badan ini. Walaupun agak sukar untuk dipisahkan antara fungsi Perancangan Tenaga Manusia dan Kemajuan Tenaga Manusia, tetapi oleh kerana Urusetia badan-badan ini ditugaskan kepada MAMPU, maka masalah membuat pemisahan tegas fungsi kedua-dua badan ini tidak timbul.

Laporan '*Manpower Survey*' tahun 1973, yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi menunjukkan, bahawa tenaga manusia tambahan yang diperlukan, misalnya, bagi kumpulan '*production workers*' bagi tahun 1980, adalah dianggarkan seramai lebih kurang 80,000 orang dan keperluan tenaga manusia tambahan tahunan (pukul rata) bagi tahun-tahun 1981 hingga 1990, adalah dianjurkan dalam lingkungan seramai lebih kurang 72,000 orang.

Manakala mengikut data yang diperolehi daripada 'Skill Production Facilities Survey' tahun- 1979, yang dijalankan oleh MAMPU, kemudahan latihan yang terdapat di kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini hanya dapat mengeluarkan tenaga manusia terlatih seramai lebih kurang antara 25,000 hingga 30,000 orang sahaja. Angka ini adalah didapati jauh lebih rendah daripada tenaga manusia yang diperlukan oleh negara. Keadaan ini amat membimbangkan sekiranya kita mahu semua aktiviti pembangunan ekonomi kita berjalan mengikut tempo yang kita rancangkan. Ia patut diperbaiki segera.

Kerajaan sedar perkembangan dan kemajuan sosio-ekonomi negara banyak bergantung kepada penawaran tenaga manusia terlatih yang mencukupi. Kerana itu, kerajaan telah mengambil langkah positif cuba menyelaraskan semua aktiviti perancangan dan kemajuan tenaga manusia bagi memastikan penawaran dan permintaan tenaga manusia dapat disejajarkan. Penubuhan MAMPU dan Lembaga KTM misalnya, adalah merupakan salah satu langkah positif yang telah diambil oleh kerajaan, juga sedang mengambil langkah sewajarnya menambah dan memperbesarkan kemudahan latihan yang sedia ada untuk merapatkan jurang perbezaan di antara penawaran dan permintaan tenaga manusia terlatih di negara ini.

Adalah dianggarkan pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan akan mempunyai sebanyak 10 buah ITI, 19 buah IKM, 48 buah SMV, 7 buah Politeknik, 4 buah Pusat Latihan Belia dan 6 buah Institut Pertanian yang kesemuanya dianggap boleh mengeluarkan lebih kurang antara 20,000 hingga 30,000 tenaga pekerja terlatih setahun. Sungguhpun bilangan tempat latihan di institusi latihan kerajaan bertambah dengan banyaknya, bilangan tenaga terlatih yang ditawarkan ke pasaran buruh masih belum dapat memenuhi permintaan tenaga seperti yang dianjurkan dalam 'Manpower Survey Report' tahun 1973. Keupayaan kerajaan ada hadnya. Di sini, saya berharap pihak swasta, terutamanya industri, akan

menggubalkan sistem *apprenticeship*, *pre-service* dan *in-service* training untuk membantu kerajaan dalam menyediakan tenaga manusia yang terlatih yang diperlukan oleh negara kita.

Seperti yang sedia diketahui, keupayaan agensi-agensi kerajaan menyerap tenaga manusia terlatih yang dihasilkan daripada institusi latihan awam adalah terhad. Malah, sebahagian besar daripada tenaga manusia terlatih hendaklah diserap oleh pihak swasta. Akan tetapi, malangnya, walaupun terdapat kemudahan latihan disediakan oleh kerajaan untuk penyertaan pihak swasta, misalnya *National Apprenticeship Scheme* yang dijalankan di Institut-Institut Latihan Perindustrian (ITI), daripada maklum balas yang diterima, saya difahamkan bahawa sambutan yang diberikan oleh majikan kepada skim ini adalah kurang memuaskan. Sebagai contoh, bilangan pelatih-pelatih yang dianjurkan oleh majikan pada tahun 1978, adalah seramai 93 orang sahaja manakala bagi tahun 1979, pihak majikan hanya menganjurkan seramai 86 orang sahaja.

Perlu disedari, bahawa di bawah skim ini majikan hanya dikehendaki menganjurkan dan membayar gaji bulanan pekerja-pekerja sementara. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan latihan di bawah skim ini adalah tanggungjawab kerajaan. Saya tidak dapat membayangkan bagaimanakah pula jenis dan tingkat penyertaan yang akan diberikan oleh pihak majikan sekiranya kerajaan tidak langsung menyediakan apa-apa bentuk subsidi atau mengenakan bayaran tertentu kepada majikan bagi tujuan latihan NAS ini?

Sebelum tahun 1971, majikan menghadapi masalah yang agak rumit juga apabila hendak memilih pekerja-pekerja oleh kerana ketika itu di pasaran buruh terdapat berbagai-bagai agensi sijil yang dikeluarkan sama ada dari institusi latihan tempatan atau luar negeri. Untuk mengurangkan masalah itu, kerajaan telah menujuhkan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (NITTCB) yang juga melibatkan penyertaan sektor swasta dengan diberikan tanggungjawab, antara

lain, membentuk ketukangan di peringkat kebangsaan, menjalankan ujian dan mengeluarkan sijil-sijil. Sungguhpun telah ada satu sistem ujian dan persijilan bagi seluruh negara, tetapi daripada analisa yang dibuat oleh NITTCB sendiri, ternyata sambutan pihak majikan kepada pemegang sijil NITTCB masih lagi tidak begitu menggalakkan.

Daripada senarai seramai 364 orang pemegang sijil NITTCB yang mendaftar di pejabat-pejabat pekerjaan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam bulan Ogos tahun 1979, hanya seramai enam orang pemegang sijil NITTCB yang diambil bekerja dalam bulan yang sama. Itu pun hanya empat orang pemegang sijil sahaja yang diambil bekerja di dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dengan bidang kemahiran mereka. Ini merupakan satu pembaziran penggunaan tenaga manusia terlatih.

Saya kerap juga terdengar majikan mengeluh dan memandang berat masalah kekurangan tenaga manusia terlatih di pasaran buruh. Tetapi, apa yang saya tidak faham ialah, di ketika yang sama saya juga mendapati masih ramai pencari-pencari kerja yang mempunyai kemahiran tertentu berdaftar di pejabat-pejabat pekerjaan kerajaan, tidak mendapat apa-apa tawaran pekerjaan yang sesuai daripada majikan-majikan tempatan yang kononnya menghadapi masalah mendapat tenaga yang diperlukan.

Saya kurang pasti sebab-sebab yang sebenarnya kenapa keadaan begini boleh berlaku. Apa yang terlintas di kepala saya, keadaan ini mungkin berlaku disebabkan, sama ada pencari-pencari pekerja terlatih terlampau memilih pekerjaan ataupun mereka menuntut tangga gaji yang tidak munasabah? Justeru itu, majikan-majikan terutama sekali majikan yang kecil-kecil terpaksa mencari cara-cara lain mendapatkan pekerja-pekerja yang diperlukan. Jika benar ini, yang menyebabkan pengangguran dan kekosongan kerja berlaku bersama, saya syorkan supaya dalam kursus latihan hendaklah ditekankan soal sikap terhadap kerja.

Sikap yang terlalu materialistik dan mahu semuanya disesuaikan dengan diri sendiri dan bukan diri sendiri disesuaikan dengan kerja dan keadaan yang sedia ada, haruslah dihapuskan dalam masa latihan. Sebaliknya, tahun-tahun awal bekerja hendaklah dianggap sebagai lanjutan kepada latihan dan pendapatan dianggap sebagai pembiayaan sara hidup sahaja. Setelah kecekapan diperolehi melalui pengalaman, baharu soal pendapatan diberi perhatian.

Di sebaliknya, besar kemungkinan juga keadaan ini boleh berlaku kerana majikan-majikan sendiri tidak mahu menggunakan perkhidmatan pejabat-pejabat pekerjaan yang terdapat berhampiran dengan '*establishment*' mereka untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang diperlukan. Walau apa pun sebab-sebab yang boleh menimbulkan keadaan ini, pada hemat saya, LKTM akan dapat turut memainkan peranannya untuk memperbaiki keadaan itu.

Saya difahamkan, tidak ramai majikan yang cenderung melantik pelatih-pelatih yang baru keluar dari institusi latihan, kerana mengikut anggapan mereka, pelatih-pelatih itu masih lagi tidak mempunyai pengalaman bekerja yang mencukupi dan boleh merupakan '*liability*' kepada majikan kerana pekerja-pekerja begini perlu diberi tunjuk ajar dan bimbingan sebelum boleh berdiri atas kaki sendiri. Sekiranya perkara ini benar, saya fikir untuk mengatasi masalah ini pihak majikan sendiri perlu memberikan lebih banyak peluang kepada pelatih-pelatih menjalani latihan dalam loji. Lagi pun, saya rasa, menerusi cara ini majikan sudah pasti boleh mendidik pekerja yang diperlukannya. Sekiranya ada langkah-langkah positif yang diambil oleh majikan-majikan dalam melantik dan melatih kakitangan masing-masing, maka saya percaya amalan 'curi-mencuri' kakitangan tidak perlu berlaku.

Kita semua tahu, masalah kekurangan tenaga manusia terlatih berlaku juga di negara-negara lain dan ada cara-cara yang diambil untuk menyelesaiakannya. Saya sendiri yakin, masalah-masalah ini boleh diselesaikan sekiranya ada perasaan saling memahami dan kerjasama erat di

antara pihak yang mengeluarkan tenaga terlatih dengan pihak yang akan menggunakan tenaga manusia terlatih.

Penglibatan sektor swasta dalam melatih sebahagian daripada keperluan masing-masing, dan juga menggunakan dengan lebih luas kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk tujuan itu amatlah perlu. Di samping itu, khidmat pemasaran tenaga kerja yang diwujudkan untuk kemudahan pihak majikan hendaklah juga digunakan dengan lebih luas. Sekiranya kerjasama sukarela seperti itu tidak dipupuk dari sekarang, maka kerajaan mungkin terpaksa memikirkan langkah-langkah yang lebih ketat untuk mempastikan supaya masalah tenaga kerja tidak memberi rintangan kepada pembangunan ekonomi kita, di samping mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Daripada senarai tugas dan fungsi LKTM, saya dapat perkara-perkara yang saya sentuh di atas adalah jatuh di bawah bidang tugas dan kebolehan LKTM. Untuk masalah-masalah yang saya sentuh itu, saya ingin membuat seruan supaya pihak swasta dapat mengamat-amati perkara ini dengan teliti dan mengulang kaji amalan yang diamalkannya sekarang. Saya ingin melihat lebih ramai majikan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti menganjurkan lebih ramai lagi pekerja mereka mengikuti latihan di bawah Skim Apprenticeship Negara.

Jika pihak swasta mempunyai kekosongan yang perlu diisi, maka gunakan perkhidmatan percuma yang disediakan oleh pejabat-pejabat pekerjaan kerana (dan seberapa boleh utamakanlah pemegang-pemegang sijil NITTCB). Saya ingin mengesyorkan supaya majikan dapat memberi banyak tempat dan peluang kepada peserta-peserta di institusi latihan menjalani '*in-plant training*' di '*establishment*' mereka untuk faedah semua pihak. Akhir sekali, latihan seperti yang diadakan oleh *Outbound School* perlu diberi untuk memupuk perasaan tanggungjawab, inisiatif dan disiplin.

Di samping perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi, sukalah juga saya menarik perhatian para hadirin

sekalian kepada satu perkembangan penting yang dicapai dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia, iaitu hakikat bahawa tugas penyelarasan lembaga ini turut meliputi usaha-usaha kemajuan tenaga manusia pada peringkat profesional dan separa profesional dalam kumpulan-kumpulan pekerjaan 0, 1 dan 2 seperti yang diberikan dalam *Dictionary of Occupational Classification (DOC)*, terbitan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Ini bermakna, bahawa kegiatan-kegiatan akademik institusi-institusi pelajaran tinggi yang bertanggungjawab melahirkan tenaga mahir ikhtisas dan separa ikhtisas itu akan turut tertakluk kepada pengawasan dan penyelarasan LKTM.

Sukalah saya menegaskan di sini, bahawa langkah ini bukanlah bertujuan menyekat kebebasan institusi-institusi pelajaran tinggi dalam merancang kegiatan akademik masing-masing, tetapi sekadar mempastikan supaya kebebasan itu digunakan berlandaskan batasan-batasan tertentu. Sebagaimana juga dengan institusi-institusi latihan kemahiran yang lain, institusi-institusi pelajaran tinggi juga perlu diawasi dan diselaraskan bagi memastikan peringkat pengeluaran yang sesuai daripada segi kualiti dan juga kuantiti, dan khususnya supaya mengelak berlakunya duplikasi yang membazirkan. Saya sendiri bersetuju, bahawa duplikasi kursus itu sendiri tidaklah merugikan sekiranya ia bertujuan secara keseluruhannya untuk mencapai matlamat tertentu di bawah garis panduan dasar negara.

Dalam hal ini, duplikasi yang menghasilkan persaingan yang sihat dalam bidang-bidang kemahiran yang diperlukan oleh negara wajarlah digalakkan. Akan tetapi, penyelarasan amat perlu sekiranya dalam berlumba-lumba itu hasilnya adalah pengeluaran lulusan yang berlebihan dalam sesuatu bidang yang kelak menimbulkan gejala yang disebut "*white-collar unemployment*" dan melahirkan kumpulan penganggur terpelajar. Hal seperti ini bukan sahaja merugikan daripada segi penggunaan sumber negara, malah juga boleh membahayakan keselamatan negara.

Dari itu, dengan tertubuhnya Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia, maka akan wujud satu jentera penyelarasan usaha kemajuan tenaga manusia yang meliputi semua peringkat kemahiran yang diperlukan bagi seluruh kategori kumpulan pekerjaan utama 0 hingga 9 dalam *DOC* yang disebutkan tadi. Dengan itu juga, maka luputlah zaman yang membezakan latihan di peringkat bawahan dengan latihan di peringkat atasan yang telah dipecahkan, secara sedar atau tidak, pada masa lampau. Dengan perhatian yang menyeluruh yang akan dibuat melalui lembaga ini kelak, maka saya berharap dan yakin, bahawa segala jentera kemajuan tenaga manusia di semua peringkat akan dapat digembleng dengan berkesan ke arah mengeluarkan tenaga terlatih yang mencukupi pada semua peringkat bagi memenuhi keperluan untuk mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi negara ini.

Saya sangat tertarik hati dengan komposisi keanggotaan Lembaga ini yang tidak hanya mewakili agensi-agensi kerajaan, pertubuhan majikan dan kesatuan sekerja, tetapi juga terdapat wakil daripada institusi pelajaran tinggi. Dengan kebolehan dan pengalaman luas yang ada pada ahli-ahli lembaga, khususnya dalam bidang kemajuan tenaga manusia, saya menaruh penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa dengan sokongan semua pihak yang terlibat, lembaga ini akan dapat memenuhi segala matlamat yang telah diberikan kepadanya. Saya berharap, penubuhan LKTM ini adalah merupakan satu langkah positif mengatasi masalah pengeluaran tenaga pekerja mahir di negara ini.

---

*Ucapan Di Upacara Pelancaran Rasmi LKTM Di Dewan Taklimat, Bangunan Pusat Komputer, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Pada Hari Sabtu, 15 Disember 1979, Jam 9.30 Pagi.*

---

## SABARLAH MENGHADAPI KEMELESETAN

**ASSALAMUALAIKUM** warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur kita ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita sama-sama telah melalui tahun 1985, dan dalam sekejap masa lagi kita akan memasuki tahun 1986.

Tahun 1985, adalah satu tahun yang penuh cabaran, tetapi alhamdulillah, kita telah berjaya melaluinya dengan sabar dan tabah. Keadaan ekonomi dunia yang meleset turut melibatkan negara kita juga. Harga barang mentah seperti getah, kelapa sawit dan bahan-bahan mentah lain, yang mana negara kita banyak bergantung kepadanya untuk mendapatkan pertukaran wang asing, telah jatuh ke paras yang paling rendah.

Akibat daripada kejatuhan harga barang mentah itu, ramai pekerja di sektor swasta kehilangan mata pencarian mereka. Kerajaan sangat mengambil berat terhadap perkara ini dan sentiasa memikirkan tentang cara-cara bagaimana masalah itu dapat diatasi.

Pelbagai langkah telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk meringankan beban yang dihadapi oleh rakyat. Setiap kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan telah diarahkan supaya mengambil kira keadaan kedudukan kewangan negara dalam setiap projek yang sedang dan akan dirancangkan.

Dalam menghadapi keadaan itu, yang penting ialah penerimaan hakikat, bahawa cara kehidupan kita hendaklah selaras dengan pendapatan kita. Apabila pendapatan kita menurun, maka kita hendaklah mengurangkan perbelanjaan kita. Dengan lain perkataan, di waktu kita susah kita mestilah mengikat perut dan berbelanja setakat yang kita mampu sahaja.

Ini bukan sahaja perlu dibuat oleh kerajaan tetapi juga oleh setiap seseorang daripada kita. Jika kita berhutang untuk mengekalkan taraf hidup yang tinggi, maka apabila keadaan pulih, beban membayar hutang akan melambatkan proses pemulihan kita. Oleh itu, di waktu kemelesetan ini bersabarlah. Insya-Allah, kita akan dapat kebahagiaan daripadanya.

Sementara itu, untuk mengatasi kesan kemelesetan, kita semua mesti meningkatkan daya pengeluaran kita. Peningkatan daya pengeluaran bermakna pengeluaran hasil kerja lebih banyak berbanding dengan perbelanjaan. Dengan itu, barang yang dikeluarkan akan menjadi lebih murah dan dapat dibeli oleh lebih ramai rakyat dalam negeri, dan dapat pula bersaing dengan lebih berjaya di luar negeri. Angka-angka yang didapati menunjukkan, bahawa semua barang keluaran Malaysia adalah lebih mahal daripada barang-barangan yang sama dari negara-negara asing, sama ada yang membangun atau yang maju. Sebabnya, ialah kerana daya pengeluaran kita rendah.

Dalam arena politik pula, walaupun terdapat pergerakan politik yang mencabar, namun negara kita tetap stabil dan tenteram. Perasaan tanggungjawab yang menjadi sebahagian daripada sifat rakyat Malaysia, telah membolehkan masalah parti-parti politik diselesaikan dengan cara yang adil dan demokratik. Beberapa masalah yang sedang berlaku akan dapat diselesaikan melalui proses rundingan. Yang penting ialah di negara kita, ini yang menang tidak terlalu tamak dan membolot semua untuknya. Dengan sifat itu, maka kerjasama dan persefahaman dapat dijalin semula, walaupun sebelumnya pertentangan yang hebat telah berlaku.

Memanglah senang bagi seseorang ahli politik atau sesebuah parti politik dalam negara majmuk mendapat sokongan ramai dengan menggunakan isu-isu perkauman atau agama. Tetapi, perbuatan itu amat berbahaya dan tetap akan membawa keburukan, bukan sahaja kepada masyarakat umum tetapi juga kepada mereka yang menggunakan isu-isu itu.

Dari itu, kita di Malaysia hendaklah berhati-hati dalam apa juga ucapan dan tindakan kita. Kita hendaklah sentiasa mengambil kira sensitiviti masyarakat majmuk kita. Kita hendaklah sentiasa bersikap sederhana dan toleran dalam segala kegiatan kita. Kita boleh mengkritik, kita boleh menyuarakan pandangan kita secara terbuka, tetapi kita mestilah mengetahui akan batasan-batasannya. Sepertimana kebebasan berucap, tidak bermakna kita boleh membuat fitnah dan melemparkan tuduhan dengan sewenang-wenangnya, begitu juga kita tidak boleh begitu bebas bercakap sehingga tercetus rusuhan dalam masyarakat.

Setiap anggota masyarakat, secara tidak langsung terikat dengan perjanjian kemasyarakatan atau *social contract*. Perlindungan yang diberi kepadanya oleh masyarakat mestilah dibalas dengan menghormati aturan dan undang-undang masyarakat. Tidak sesiapa pun yang boleh mengecapi nikmat hidup bermasyarakat tanpa memikul tanggungjawabnya kepada masyarakat.

Dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia, tidak sesiapa pun yang boleh mendapat semua kehendak hatinya.

Kita telah menentukan hak dan bentuk masyarakat kita dan kita tidak harus mempersoalkan lagi persetujuan yang telah dicapai. Perbuatan membuka semula soal-soal lama akan membawa reaksi yang akan mengancam keamanan dan kestabilan masyarakat kita. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk bertindak terhadap sesiapa yang mengancam kestabilan dan keamanan negara ini.

Baru-baru ini, satu kejadian yang amat menyedihkan telah berlaku di negara kita. Kejadian di Memali adalah

satu perbuatan yang mencemarkan nama baik negara kita. Akibat daripada ajaran, bahawa darah orang-orang tertentu dan kakitangan kerajaan adalah halal bagi pengikut Ibrahim Mahmood serta pemakaian tangkal-tangkal yang kononnya menjadikan pengikutnya kebal, maka kumpulan Ibrahim telah menyerang polis dengan senapang patah dan lain-lain senjata.

Tembakan-tembakan pertama yang dimulakan oleh pengikut-pengikut Ibrahim telah membunuh dan mencerakau beberapa orang polis yang tidak menyangka akan serangan hendap mereka. Orang-orang yang menembak dan membunuh ini bukanlah penjenayah biasa tetapi telah menjadi pembunuhan kerana ajaran dan hasutan Ibrahim. Kemudian daripada itu, beberapa orang pengikut Ibrahim pula terbunuh dan tercedera. Pengikut-pengikut Ibrahim telah menjadi mangsa kerana ajaran Ibrahim. Siasia sahajalah kematian pengikut-pengikut Ibrahim kerana mereka tertipu dengan ajaran karut Ibrahim. Demikianlah kesan buruk yang berpunca daripada kafir-mengkafir dan penggunaan agama Islam untuk kepentingan politik dan diri sendiri.

Sebagai sebuah negara yang demokratik, kita tidak boleh membenarkan golongan-golongan seperti ini melakukan kehendak hati mereka dan mempengaruhi dan menganiaya orang ramai dengan dakyah sesat. Kerajaan akan terus bertindak tegas dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi membanteras sebarang kegiatan jenayah dan sebarang kegiatan yang boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan sesiapa pun yang menggunakan kekerasan untuk mencabar undang-undang dan memaksa pendapat atau pandangan mereka diterima oleh orang ramai.

Negara tidak akan selamat dan tenteram sekiranya undang-undang negara tidak hormati dan dipatuhi. Kita semua, sebagai warganegara yang cintakan negara ini, iaitu tanah tumpah darah kita, mestilah sentiasa mendukung undang-undang negara. Pendapat, bahawa seseorang boleh membuat, mentafsir dan menguatkuasakan undang-undang

sendiri akan mencetuskan haru-hara dalam negara. Tiada siapa pun akan selamat kerana tiada siapa pun yang akan tahu, apakah undang-undang dan siapakah yang berkuasa. Apa juga undang-undang yang dikuatkuasakan oleh sesebuah negara mestilah dibentuk, ditafsirkan dan ditadbirkan dengan teratur. Ini yang kita lakukan di negara kita Malaysia, baik bagi undang-undang am atau undang-undang Islam.

Sempena Tahun Baru ini, saya ingin menyeru seluruh rakyat Malaysia memperbaharui azam dan tekad untuk meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman di antara satu sama lain. Walaupun benar kita masih lagi menghadapi pelbagai masalah, tetapi ini tidak seharusnya digunakan sebagai alasan untuk tidak bekerjasama dan tidak bersatu padu. Memang ada golongan-golongan atau pihak-pihak tertentu yang cenderung menggunakan masalah yang kita hadapi itu untuk memecahbelahkan kita. Kita haruslah ingat, bahawa tujuan golongan-golongan itu bukanlah untuk menyelesaikan masalah itu, tetapi hanya untuk menggunakan masalah ini bagi kepentingan sempit mereka.

Kita juga harus ingat, bahawa kita telah menghadapi lebih banyak lagi masalah dan cabaran di masa-masa yang lalu. Kita telah berjaya mengatasi cabaran-cabaran itu hasil daripada perpaduan yang erat, persefahaman yang kukuh dan kerjasama yang sepadu di kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Dengan adanya perpaduan, persefahaman dan kerjasama itu, kita telah mencapai pelbagai kejayaan baik daripada segi politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Kita telah menikmati kemajuan, taraf hidup dan pertumbuhan ekonomi yang menjadi sebutan dan pujian oleh pakar-pakar ekonomi antarabangsa.

Janganlah kerana tidak puas hati terhadap sesuatu, kita sanggup melakukan perkara-perkara yang boleh menghancurkan segala apa yang telah kita capai dengan susah payah semenjak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Saya mempunyai penuh kepercayaan, bahawa rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan cintakan negara ini tidak

mudah dipengaruhi oleh sesiapa pun untuk tujuan jahat mereka.

Sempena menyambut tahun baru 1986 ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam dan terus meningkatkan lagi perpaduan, persefahaman serta kerjasama dan bersama-sama berganding bahu serta bergerak sebagai satu pasukan menghadapi cabaran tahun 1986 dan tahun-tahun yang akan datang. Insya-Allah, kita akan berjaya.

Kepada semua rakyat Malaysia, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

---

*Perutusan Tahun Baru 1986 Oleh Perdana Menteri, Pada Selasa,  
31 Disember 1985.*

---

## KEMAHIRAN MANUSIA MENGGUNA MASA DAN TEKNOLOGI MENENTUKAN KEJAYAAN

**MALAYSIA** merasa terhormat dipilih menjadi tuan rumah untuk Persidangan Produktiviti Antarabangsa (*IPC*) ini. Saya ingin mengucapkan tahniah atas daya usaha yang diambil oleh Pertubuhan Produktiviti Asia (*APO*) dan Pusat Daya Pengeluaran Negara (*NPC*) kerana menganjurkan persidangan ini.

Persidangan ini berjaya menemukan tokoh-tokoh yang terkemuka di bidang peningkatan produktiviti, untuk berbincang mengenai beberapa isu yang sangat genting dihadapi oleh negara-negara membangun di dalam maupun di luar rantau Asia dan Pasifik.

Saya gembira menyatakan di sini, bahawa persidangan ini sedang mengambil satu pendirian produktif seperti yang dibayangkan pada pemilihan temanya: "Produktiviti Melalui Rakyat Di Zaman Perubahan Teknologi".

Lebih 70 peratus daripada penduduk dunia tinggal di negara-negara membangun. Apa yang lebih menyedihkan ialah hakikat, bahawa dalam sedikit masa lagi penduduk dunia akan meningkat sekali ganda bilangannya sekarang. Lebih 80 peratus penduduk tersebut terdapat di negara-negara membangun.

Oleh itu, sangat wajarlah negara-negara anggota *APO* memberikan keutamaan kepada pembangunan sumber tenaga manusia. Dengan berbuat demikian, mereka telah memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada faktor

manusia dalam imbalan produktiviti. Faktor manusia sebenarnya masih merupakan anak kunci kepada pertumbuhan ekonomi, walaupun terdapat kemajuan teknologi yang sungguh pesat.

Bagaimana malang sekali kita tidak dapat menyedari, bahawa dengan mengendalikan wang dan cukai, kita boleh mengatasi kos yang tinggi dan paras pengeluaran yang rendah. Kita gagal menyedari, bahawa dasar-dasar mata wang dan fiskal memberikan hanya jawapan sementara. Akhirnya, manusia dan kemahiran mereka menggunakan masa, bahan-bahan dan teknologi yang menentukan kejayaan atau kegagalan, produktiviti tinggi ataupun rendah.

Kemajuan teknologi, biasanya memberikan kita cara-cara meningkatkan produktiviti kita. Sebaliknya, kita masih mempunyai kebimbangan primitif, bahawa teknologi baru akan merampas pekerjaan kita. Kita tahu cerita mengenai bagaimana mesin tenunan yang pertama telah dimusnahkan oleh para pekerja yang bimbang mereka akan kehilangan pekerjaan mereka.

Kita juga tahu sekarang, bahawa pakaian yang lebih murah menghasilkan permintaan yang meningkat dan, bahawa bilangan pekerja yang mendapat pekerjaan di dalam industri tekstil bertambah dengan banyaknya kerana permintaan tadi. Oleh itu, bukanlah teknologi yang patut kita bimbangkan, tetapi sebaliknya cara produktiviti lebih tinggi teknologi baru itu dikendalikan, dengan lain perkataan produktiviti mereka yang mengendalikan cara-cara untuk memperolehi produktiviti yang lebih tinggi.

Malangnya, perindustrian di negara membangun telah tidak mencapai revolusi perindustrian yang dialami di negara-negara Eropah dan Jepun. Sektor pertanian tradisi masih lagi mundur di segi teknologi dan tidak kompetitif. Sekiranya terdapat ladang pertanian yang besar, ladang-ladang ini akan menikmati ekonomi bidangan. Bagaimanapun, para pekebun kecil masih merupakan petani yang subsistens yang tidak mampu menggunakan teknologi baru bagi meningkatkan produktiviti.

Di sebalik pendapatan dan produktiviti mereka yang rendah, para pekebun kecil dan pekerja ini masih memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia. Mereka membekalkan berbagai bahan mentah yang penting bagi ekonomi negara perindustrian di utara dan seterusnya menjadi pasaran untuk barang-barang siap kilang.

Bagaimanapun, di dunia kebendaan, sumbangan mereka hampir tidak dipedulikan. Sekiranya mereka mahu memperbaiki nasib mereka, mereka terpaksa bersaing, lebih produktif. Mereka tidak boleh memberi alasan kurangnya modal dan ilmu pengetahuan dan kurangnya kepakaran pengurusan. Sama ada mereka kompetitif ataupun mereka akan ketinggalan.

Di negara-negara kaya, para petaninya mudah mendapat subsidi dan perlindungan. Akibatnya ialah pengeluaran yang berlebihan, gula, daging, mentega, bijirin dihasilkan bukan kerana terdapat pasaran untuk semua itu tetapi kerana pengeluaran mereka melayakkkan para petani itu mendapat subsidi.

Dan dengan itu, di Eropah dan Amerika sekarang terdapat lebihan daging dan bijirin menggunung yang tidak dikehendaki oleh sesiapa pun. Kemudian, ada pihak yang bercadang mendermakan kepada negara-negara miskin.

Ini memanglah suatu perkara baik kecuali, bahawa negara-negara miskin tersebut dahulunya membeli bahan makanan mereka daripada negara miskin yang lain yang para petaninya tidak mendapat bantuan subsidi. Limpahan daging dan bijirin tersebut lenyap daripada negara-negara kaya dan muncul semula di negara miskin.

Tiada siapa pun perlu memberitahu kita, bahawa pengeluaran yang berlebihan adalah membazir. Apabila subsidi mengganggu kecekapan dan persaingan, maka produktiviti tidak bererti lagi. Negara-negara miskin yang sukar mendapat tukaran mata wang asing menjadi bertambah miskin. Dan negara kaya pula akan mendapat, bahawa mereka juga tidak akan terselamat. Mereka, lambat-laun akan kehilangan pasaran bagi barang-barang siap kilang mereka.

Sekiranya produktiviti mahu dijadikan sesuatu yang berfaedah, ia hendaklah dalam konteks sebuah pasaran yang bebas bersaing. Agak aneh kerana saya yang memperkatakan perkara ini sedangkan lazimnya ianya diperkatakan oleh orang-orang di negara maju.

Dahulunya, kecekapan disanjung sebagai sesuatu yang mulia dan persaingan dianggap sebagai antipati perdagangan bebas. Hari ini, negara-negara pasaran bebas yang maju pula menghadkan pasaran dan menghulurkan subsidi besar-besaran kepada industri-industri mereka yang tidak cekap.

Bagaimanapun, kita adalah negara kecil dan tidak mempunyai kuasa ekonomi. Sekiranya produktiviti kita ditekan oleh kuota, dasar perlindungan dan subsidi, kita hendaklah jangan putus asa. Kita hendaklah berusaha untuk lebih cekap dan lebih produktif daripada sebelumnya.

Inilah sebabnya Malaysia terus berusaha untuk meningkatkan lagi produktiviti. Sememangnya kita juga banyak melakukan perkara-perkara lain. Tetapi, memperbaiki produktiviti tetap merupakan faktor terpenting dalam strategi kita.

Produktiviti tidak bererti sekadar bekerja keras dan lebih lama, sungguh lama semua ini merupakan syarat mutlak di sebuah pasaran yang pesat bersaing. Produktiviti pada asasnya bererti, mengurangkan kos seunit dan ini boleh dicapai melalui pelbagai cara.

Penyelidikan dan pembangunan mungkin merupakan langkah pertama ke arah produktiviti lebih tinggi. Negara-negara membangun sentiasa tidak sanggup berbelanja untuk penyelidikan dan pembangunan. Mereka menganggapnya sebagai menambah kos mereka. Mereka mendakwa, mereka tidak mempunyai wang yang diperlukan. Kenapakah perlu mereka membelanjakan apa yang dianggap pendapatan mereka untuk sesuatu yang belum pasti memberikan hasil?

Pengalaman Malaysia dengan penyelidikan agak banyak memberikan pengajaran bagi negara ini. Pokok-

pokok getah yang kita tanam hari ini menghasilkan sepuluh kali susu getah berbanding dengan pokok-pokok getah asal yang dibawa masuk dari hutan Amazon. Pokok sawit Malaysia sekarang boleh dituai selepas ditanam sedangkan dahulunya ia mengambil masa lima tahun. Jenis-jenis baka baru padi menghasilkan dua kali ganda atau lebih setiap ekar berbanding dengan jenis lama.

Hasil penyelidikan dan pembangunan ini, sewajarnya meyakinkan kita mengenai faedah yang didapati daripada wang yang dibelanjakan untuk penyelidikan dan pembangunan. Bagaimanapun, Malaysia, seperti negara-negara membangun lainnya, membelanjakan sebahagian paling kecil daripada wang yang ada untuk penyelidikan. Para pengawal kewangan sentiasa sahaja mempersoalkan perlunya begitu banyak wang untuk penyelidikan.

Penyelidikan hendaklah jangan terhad kepada sesuatu bahagian tertentu sahaja daripada perniagaan. Setiap peringkat perniagaan boleh mendapat faedah daripada penyelidikan. Kaedah-kaedah perkilangan di negara membangun sebenarnya masih lagi primitif atau ketinggalan zaman. Kita mempunyai ramai tenaga kerja tetapi automasi dan robot hendaklah dipertimbangkan sekiranya ianya dapat menjadi kita bersaing. Ia janganlah pula digunakan hanya kerana kita mahu kelihatan moden seperti negara-negara maju.

Meningkatkan pelajaran dan kemahiran, sewajarnya dapat melengkapi kerajinan bekerja dan dedikasi. Kita kerap melihat wujudnya golongan profesional di negara membangun yang keberatan mendekatkan diri dengan pekerja dan bekerja di bengkel. Mereka tinggal di bilik berhawa dingin di mana mereka mengharapkan produktiviti diperbaiki dengan menulis kerja berjela-jela di kertas nota yang cantik.

Sebenarnya, bilangan profesional yang duduk bersenang-senang di bilik pejabat mereka, tidaklah begitu ramai. Kadangkala kelayakan pelajaran di negara membangun lebih merupakan lambang status berbanding dengan sebagai syarat serius bagi kerja yang mahir.

Apa yang dapat diperkatakan mengenai para profesional tersebut boleh juga diperkatakan tentang para pengurus tersebut. Ramai pengurus tidak begitu biasa dengan suasana di kilang, lombong ataupun ladang. Mereka juga mengendalikan surat-menyurat dan membuat laporan serta mengharapkan sesuatu dilakukan dengan sekadar menulis nota. Produktiviti tidak dapat ditingkat sekadar dengan menulis nota.

Tragedi yang dihadapi di negara-negara membangun ialah, bahawa walaupun ekonomi mereka setanding dengan ekonomi Eropah, mungkin pada kurun ke-17 atau ke-18, tetapi harapan dan etika mereka setanding dengan harapan negara-negara Eropah sekarang. Ekonomi kurun ke-18 tentunya tidak mampu menanggung amalan dan hak-hak nilai lewat kurun ke-20.

Bila paras KKN (Keluaran Kasar Negara) rendah, tidak mungkin pendapatan per kapitanya tinggi. Sekiranya anda mencubanya, maka produktiviti daripada segi kos seunit pasti akan tinggi dan anda tidak dapat bersaing. Sekiranya anda gagal bersaing, paras KKN tidak akan naik kecuali bagi negara-negara kecil yang mengeluarkan minyak atau fosfat secara besar-besaran.

Para pekerja sewajarnya mempunyai hak-hak mereka tetapi hendaklah dalam batasan kemampuan negara-negara membangun. Di samping hak-hak ini, hendaklah pula ada sumbangan kepada produktiviti. Sekiranya apa yang dihasilkan tidak bersaing di pasaran, akibatnya ialah kehilangan pekerjaan. Hak tidak bererti tanpa pekerjaan.

Jelas sekali, manusia dan kegiatannya memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti. Sekiranya setiap komponen sanggup menyolal dirinya, sendiri apa yang dapat dilakukannya untuk meningkatkan produktiviti dan seterusnya berusaha melakukannya, hasilnya pastilah positif. Tetapi, sekiranya setiap komponen sekadar mengadu, bahawa komponen lainnya tidak berbuat apa yang sepatutnya mereka lakukan, maka produktiviti tentunya tidak akan meningkat.

Produktiviti tidak dapat ditingkatkan dengan melaku-

kan perkara yang sama dengan cara yang lama. Tidak kira sama ada ianya bekerja lebih rajin atau automasi, atau memperbaiki hubungan perusahaan atau taktik atau baka baru, perubahan mestilah diterima sebelum produktiviti dapat ditingkatkan. Oleh itu, mestilah ada kesanggupan pada semua pihak untuk menerima perubahan.

Terdapat banyak perubahan yang tidak menyenangkan. Memang tabiat manusia sukaan sesuatu yang biasa baginya. Benda yang biasa itu mungkin membosankan tetapi kita tidak perlu menyesuaikan diri dengannya. Kita sudah biasa dengannya. Sesuatu yang baru menghendaki kita menyesuaikan diri dan proses ini memang membebarkan.

Masalahnya ialah bahawa sekiranya kita terus-menerus melakukan perkara yang sama secara yang sama di dunia yang sentiasa berubah, kita pasti akan ketinggalan. Di dalam perniagaan, kita akan kerugian. Kerugian itu akan merupakan perubahan yang dipaksakan ke atas kita dan ianya pasti akan lebih tidak menyenangkan.

Oleh itu, kita hendaklah menerima rasa tidak senang kerana perubahan yang disengajakan daripada menanggung derita akibat perubahan yang tidak secara sukarela. Sekiranya ini kita sedari, maka ada harapan tercapainya kejayaan dan masa depan yang lebih sempurna.

Rakyat Malaysia hendaklah menerima realiti ini. Kita telah ketinggalan dalam perdagangan komoditi. Kita akui kita cekap, tetapi ada orang lain yang sama ada lebih cekap atau lebih banyak daya pembaharuan atau kedua-duanya sekali. Untuk terus hidup, kita hendaklah berubah. kita hendaklah menerima rasa tidak senang itu buat seketika sambil menyesuaikan diri kepada situasi baru ini.

Apa yang dilakukan oleh kerajaan bila ia mengubah rancangannya dan membentangkan belanjawan terbarunya, ialah mengejutkan rakyat daripada cara hidup biasa mereka. Kita terpaksa menghadapi perubahan, jika tidak akan ketinggalan.

*Ucapan Perdana Menteri Di Persidangan Produktiviti Antara-bangsa Di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, Pada 3 November 1986.*

---

## PRESTASI EKONOMI DAN CABARAN

**SAMBIL** kita menghampiri dekat 90-an, kita perlu membawa bersama pelbagai faktor ekonomi yang akan mempengaruhi bagaimana atau apa yang akan kita lakukan esok. Di peringkat antarabangsa, krisis hutang, kejatuhan harga komoditi serta kelembapan ekonomi yang dialami di seluruh dunia pada awal 80-an dan sekali lagi pada pertengahan 90-an, melonjakkan negara industri dan negara membangun ke suatu keadaan di mana perubahan asas ekonomi dibuat untuk terus hidup.

Begitu juga, kadar tukaran terapung memberi peluang kepada negara-negara besar untuk merencanakan ekonomi negaranya sendiri serta negara lain menerusi Kumpulan 7. Daripada segi pertumbuhan ekonomi pula, negara perindustrian utama amat terpesong dalam pencapaian pengeluarannya pada awal 80-an.

Sambil Amerika Utara berhempas pulas dengan pertumbuhan negatif, Jepun meluru ke depan dengan pertumbuhan Keluaran Negara Kasar melebihi empat peratus, manakala Eropah Barat berada di pertengahan antara kedua-duanya. Hari ini, perbezaan kadar pertumbuhan semakin kecil. Jepun terus mencatat pertumbuhan besar pada kadar kira-kira lima peratus, tetapi Amerika Syarikat dan Eropah tidak ketinggalan terlalu jauh dengan kadar pertumbuhan antara tiga hingga empat peratus. Semua ini membantu mengembalikan lebih perseimbangan dalam ke-

dudukan perdagangan negara-negara OECD yang turut menyumbang ke arah kestabilan lebih baik di peringkat antarabangsa.

Tetapi, satu aliran yang merunsingkan ialah anggapan negara-negara perindustrian maju terhadap tanggungjawab merancang ekonomi dunia. Di kalangan negara-negara membangun sendiri, pihak tertentu menubuhkan sekatan yang berkesan terhadap import minyak kelapa sawit dari pada negara membangun, umpamanya. Di peringkat lebih luas, pakatan perdagangan serantau juga kini berkembang pesat. Di Amerika Utara, wujud pakatan perdagangan bebas antara Kanada dan Amerika Syarikat. Menjelang 1992, 'Kubu Eropah' mungkin wujud apabila EEC menukuhan pasaran tunggal Eropah yang disokong oleh sejenis kesatuan kewangan. Malah, Eropah Timur juga mungkin mencontohnya untuk menukuhan pakatan mereka sendiri. Aliran ke arah polarisasi ini akan menyebabkan implikasi yang jauh lebih luas ke atas suasana ekonomi di seluruh dunia dan mungkin menjaskan *survival* ekonomi beberapa negara.

Ada juga cadangan untuk membentuk kerjasama di kalangan negara-negara di rantau Pasifik. Walaupun kedudukannya masih samar-samar pada masa ini, ia setidak-tidaknya menimbulkan reaksi daripada Eropah yang memberi amaran, bahawa mereka tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang pakatan perdagangan di Timur. Keadaannya seolah-olah masing-masing berasa gentar terhadap pihak yang lain dan semua pihak menafikan, bahawa pakatan mereka akan menjadi kubu ekonomi. Apa pun, persoalan yang perlu dibangkitkan ialah mengapa negara-negara berkenaan bekerjasama untuk menukuhan kuasa ekonomi yang lebih kaya dan kukuh? Adakah ia bertujuan membantu dunia atau mereka sendiri? Apabila negara-negara Eropah menukuhan EEC banyak negara kehilangan pasaran tradisi mereka untuk bulu, daging kambing, daging lembu, makanan bijirin dan gula. Bolehkah kita mempercayai bantahan semua jurucakap ini?

Izinkan saya menyentuh isu yang mempunyai lebih perkaitan dengan negara ini. Tahun 1990 akan menandakan sempadan yang penting bagi sejarah Malaysia. Menjelang akhir tahun depan, kita akan menamatkan jangka masa 20 tahun dalam Pelan Garis Kasar Perspektif (OPP). Inilah masanya untuk kita merenung pencapaian dan kegalan serta merangka arah baru bagi dekad berikutnya. Oleh sebab inilah, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) ditubuhkan untuk memberi saluran kepada semua lapisan rakyat Malaysia memberi sumbangan terhadap pembangunan negara serta memikirkan perpaduan menerusi arah dasar selepas 1990. Sebagai tambahan kepada forum ini, pelbagai persidangan, seminar dan dialog dianjurkan untuk merumuskan idea serta menyumbang ke arah kata sepakat dengan cara yang terbuka dan positif. Kerajaan, bagaimanapun tidak dapat memenuhi idea semua orang. Tetapi, kerajaan akan berada dalam kedudukan lebih baik untuk menilai apa yang harus dan tidak harus dilakukan. Bagi pihak saya sendiri, saya ingin membincangkan beberapa cabaran besar yang akan dihadapi dan apa yang perlu dilakukan untuk menjamin pertumbuhan dan kemakmuran yang berterusan bagi semua rakyat Malaysia.

Tidak diragukan, bahawa dekat 90-an akan menandakan era baru bagi ekonomi Malaysia dengan pelbagai cabaran dan peluang baru. Kajian separuh penggal Rangcangan Malaysia Kelima meramalkan ekonomi negara akan tumbuh dengan pesat pada 1989-90, selepas mencatat pertumbuhan hampir sembilan peratus pada 1988. Tanda-tanda terbaru membayangkan arah aliran pertumbuhan ini boleh dikekalkan sekurang-kurangnya hingga tahun-tahun awal 1990-an. Keyakinan kita terhadap 1990-an adalah berdasarkan prestasi negara sekarang.

Perkembangan ekonomi pada masa ini jelas mengikuti landasannya dan keyakinan terhadap pasaran juga bertambah baik. Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan adalah menggalakkan. Pertambahan dalam pekerjaan dan pengeluaran pula meningkatkan penggunaan

sumber pada kadar yang lebih tinggi daripada jangkaan. Lebih daripada itu, ada tanda-tanda, bahawa kadar pengangguran sudah mula menurun walaupun agak lewat daripada yang diharapkan. Pertumbuhan sektor perkilangan terus dikenalkan pada kadar dua angka, malah purata penggunaan kapasiti perkilangan sudah meningkat ke tahap yang tidak pernah kita lihat sejak awal 1980-an.

Adalah baik untuk kita mengingati pada peringkat ini, bahawa walaupun kemelesetan menyebabkan pelbagai masalah ekonomi, seperkara yang mengimbangi masalah itu ialah kadar inflasi yang rendah iaitu kira-kira satu peratus. Antara sebabnya yang nyata ialah permintaan yang rendah terhadap barang dan perkhidmatan. Oleh kerana pertumbuhan kini kembali, kadar inflasi pula meningkat. Permintaan juga menunjukkan peningkatan kerana kewenangan meningkatkan pasaran bagi barang tempatan dan import. Tuntutan gaji akan meningkatkan lagi kadar inflasi. Kita mempunyai pilihan sama ada untuk mengekalkan kadar inflasi yang rendah dengan menyekat permintaan atau jika kita memilih cara hidup mewah, kita hendaklah menerima kadar inflasi yang tinggi. Dalam apa keadaan sekalipun, kita tidak harus membenarkan diri kita daripada terperangkap dalam lingkaran gaji-harga. Jika kita memperolehi lebih sama ada menerusi gaji atau keuntungan, kita perlu menyimpan sebahagian sekurang-kurangnya untuk membayai pelaburan baru. Dengan cara ini, pertumbuhan tidak akan diiringi oleh kadar inflasi yang tinggi yang akan menyebabkan pendapatan yang lebih, tidak memberi apa-apa makna. Dalam soal ini, bukan saja kerajaan yang perlu berhati-hati, rakyat keseluruhannya hendaklah menerapkan suatu budaya yang bersesuaian dengan kemakmuran yang berkekalan.

Jika kita merenung tempoh selepas separuh pertama 1990, gambarannya mungkin kekal menyenangkan, selagi pakatan besar ekonomi dunia tidak berubah menjadi berang. Pencapaian matlamat perkembangan yang seimbang serta kadar inflasi yang rendah seharusnya masih boleh dilakukan. Sehubungan itu, bolehlah dijangkakan,

bahawa dasar awam pada 1989 akan menyokong pertumbuhan stabil yang berterusan. Langkah-langkah kawalan dan kewangan akan diambil untuk mengurangkan kadar inflasi manakala tumpuan perbelanjaan kerajaan pula ialah kepada pemberian keperluan infrastruktur ekonomi yang berkembang. Kita perlu mewujudkan suatu suasana di mana jangkaan perubahan harga dalam Indeks Harga Pengguna (*CPI*) adalah cukup kecil dan berperingkat agar ia tidak mempengaruhi keputusan perusahaan menetapkan harga. Proses mengelakkan pertumbuhan yang tidak diperlukan dalam *CPI* memerlukan sedikit sebanyak kefahaman orang ramai terhadap tanggungjawab mereka bagi mengekalkan permintaan selari dengan potensi jumlah bekalan. Adalah salah untuk menganggap cukai dan peraturan oleh kerajaan sahaja boleh melakukan ini. Jika ada permintaan, sektor swasta sentiasa boleh mengelakkan peraturan.

Sambil prospek ekonomi akan kekal baik, kita tidak harus membiarkan diri kita daripada terpesong kepada sikap mudah berpuas hati. Lebih-lebih lagi, ramalan ini dibuat berdasarkan keadaan di mana negara ekonomi perusahaan besar bertindak dengan bertanggungjawab untuk mengurangkan ketidakseimbangan perbelanjaan dan perdagangannya serta merumuskan dasar ekonomi makronya dengan berkesan untuk mengelakkan berlakunya sekali lagi tempoh kemelesetan atau inflasi atau kedua-duanya. Semua perkara ini adalah di luar kawalan kita. Tetapi, apa yang ada dalam pengaruh kita ialah bagaimana usaha Malaysia mengena pasti serta merebut peluang dalam perdagangan dunia yang sentiasa berkembang pada tahun-tahun berikutnya.

Walaupun polarisasi dunia yang semakin meningkat dengan tertubuhnya pakatan ekonomi besar yang dikuasai oleh kuasa besar, peluang-peluang yang wujud untuk usaha yang menguntungkan dalam eksport dan perusahaan tempatan masih boleh kekal menggalakkan. Pasaran tunggal EEC menjelang 1992, masih memberikan satu pasaran bebas bagi 320 juta orang. Ini bagaimanapun, berdasarkan tanggapan, bahawa EEC tidak akan menyekat perda-

gangan dengan negara luar. Untuk mengelakkan daripada disekat oleh 'Kubu Eropah' ini, kita perlu mula membina jambatan kita serta memperkuatkan hubungan kita sekarang. Dalam soal ini, saya memikirkan secara khusus usaha menggalakkan pelaburan dengan lebih pesat lagi. Kita perlu menggandakan usaha untuk memperkuatkan kemasukan pelaburan Eropah di sektor perkilangan dan pelancongan negara ini. Pelabur Eropah hendaklah digalakkan untuk mengeluarkan barang di sini bagi pasaran mereka sendiri. Sekiranya peluang wujud, saya juga menggalakkan usahawan kita sendiri membina kilang atau membeli perusahaan di Eropah dan negara lain dengan tujuan merebut peluang di pasaran berkenaan serta meraih keuntungan daripada dasar mereka. Kita perlu menjadi kuasa yang agak penting dalam kehidupan ekonomi Amerika dan Eropah serta pada masa yang sama, memperkuatkan hubungan kita di timur. Untuk melakukan semua ini, kita perlu berpandangan luas serta memperbetulkan asas ekonomi negara kita sendiri.

Kita juga perlu lebih realistik. Sebelum mana-mana pelabur Eropah atau Amerika mahu membina kilang di Malaysia atau sebelum Jepun, Korea dan Taiwan dapat diyakinkan untuk mengalihkan pusat pengeluarannya ke sini, mereka akan mengharapkan kestabilan politik dan ekonomi, infrastruktur yang baik, tenaga buruh yang produktif dan suasana hidup yang agak tinggi. Malah, kejadian di China akhir-akhir ini, menekankan pentingnya kestabilan politik dalam perhitungan bakal pelabur. Sekiranya apa yang baru saya sebutkan mencerminkan senarai keperluan untuk sausana persaingan antarabangsa, Malaysia seharusnya memenuhi keperluan. Satu laporan terbitan *World Economic Forum* yang berpusat di Geneva mengenai persaingan perdagangan antarabangsa, meletakkan Malaysia agak tinggi di rantau Asia-Pasifik. Malaysia mendapat markah yang tinggi untuk kadar inflasi yang rendah, pelaburan dalam negara yang memuaskan, desentralisasi pentadbiran serta kesungguhan untuk memperbaiki infrastruktur. Lebih daripada itu, *Article IV IMF*

*Consultations Missions* yang baru disiapkan, memberikan pujian kepada Malaysia kerana pengurusan ekonomi yang berkesan.

Bagaimanapun, persaingan dunia adalah satu fenomena yang dinamik. Ia meliputi lebih daripada semata-mata mempunyai sumber-sumber asli, tenaga buruh mahir, infrastruktur yang baik dan kestabilan politik. Lebih penting lagi ialah bagaimana kerajaan, perniagaan dan buruh bekerjasama menyelaraskan usaha mereka ke arah menggalakkan kelebihan kos kebangsaan. Pertentangan, sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah perhubungan manusia, bukan saja sudah terbukti tidak berkesan, malah menghancurkan. Pendapat, bahawa kadar upah lebih tinggi bagi pekerja boleh diperolehi dengan menunjukkan kekuatan, adalah ketinggalan.

Gaji di negara yang tidak membenarkan pendekatan sedemikian dilakukan, adalah lebih tinggi daripada di negara yang kesatuan sekerjanya kuat. Adalah perlu bagi satu cara yang baru diwujudkan di antara pekerja dan majikan. Kerajaan juga perlu memikul tugas lebih positif dalam kerjasama tiga pihak, khusus untuk pembangunan negara. Majlis pengurusan pekerja hendaklah ditubuhkan di syarikat-syarikat dengan bertanggungjawab, bukan saja untuk kebijakan pekerja, malah kepada pertubuhan keseluruhannya.

Perlu diingat, bahawa sesbuah pertubuhan yang gagal berbuat demikian tidak akan memberi faedah kepada pekerja atau mana-mana pihak pun.

Kita meraih keuntungan pada hari ini kerana kejatuhan nilai ringgit berbanding mata wang rakan-rakan dagangan yang ada menjadikan barang-barang keluaran negara ini mudah bersaing di pasaran. Jika nilai ringgit meningkat seperti tahapnya suatu ketika dahulu, adalah sukar untuk kita mencatat kadar eksport seperti yang kita nikmati sekarang, dalam bentuk jumlah dan perolehannya.

Apa yang menarik ialah, kejatuhan nilai ringgit tidak berapa menjaskan rakyat. Ini kerana kadar inflasi kita adalah rendah, khasnya di sepanjang tempoh kemelesetan.

Kadar pertukaran mata wang tidak menjadi soal asalkan kita dapat membeli jumlah barang yang sama banyaknya dengan jumlah wang yang dibelanjakan.

Malangnya, kekuahan nilai ringgit di pasaran akan dirasai oleh rakyat jika ia jatuh tiba-tiba. Kita mungkin ingin membeli lebih banyak barang-barang import, dan akan merasakan harganya terlalu mahal. Pada masa itulah kita akan merasakan kesan kadar pertukaran asing dan inflasi yang menyelubunginya. Satu-satunya cara yang ada untuk mengatasi masalah ini ialah, kita mestilah lebih produktif, satu huriahan untuk mengatasi saingen. Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada nilai ringgit yang rendah buat selama-lamanya.

Kita beralih pula kepada isu Negara Perindustrian Baru (*NIC*), atau Kuasa Ekonomi Baru, atau naga kecil dan harimau kecil. Nampaknya, banyak pihak berbahas mengenai taraf yang direka dan disebarluaskan oleh media barat ini.

Bila istilah *NIC* pertama kali digunakan oleh media, ia dianggap satu perkara yang menggembirakan. Secara umumnya, ia seolah-olah satu pujian kepada sesebuah negara mundur yang dapat bangun secara mendadak. Adalah diramalkan, banyak negara di dunia ingin ditakrifkan sebagai *NIC*, kerana ia membanggakan seluruh rakyat.

Tetapi, kumpulan tujuh negara kaya ini kemudiannya memutarbelitkan istilah itu dengan tujuan untuk menyekat mana-mana negara yang ingin mencapai taraf yang sama seperti mereka. Dengan apa cara sekalipun, mereka akan cuba menghalang negara-negara membangun daripada mencapai taraf membangun. Jepun berjaya memerangkap kumpulan ini. Ia berjaya bangun sebagai kuasa industri dan ekonomi manakala negara membangun ketika itu masih memikirkan tentang rakyat masing-masing yang boleh dijadikan 'pak turut'. Mereka, iaitu negara-negara maju ini, tidak akan membiarkan orang lain mencapai kedudukan yang lebih daripada mereka.

Kerana itulah munculnya istilah *NIC*, yang membolehkan kumpulan maju ini menarik balik Skim Keuta-

maan Khas (GSP) yang diberikan, mengenakan kuota eksport, menaikkan nilai mata wang mereka sesuka hati dan membolehkan mereka memeriksa rekod 'hak asasi manusia' negara membangun. Hinggakan beban untuk membantu lain-lain negara membangun dipikulkan ke bahu negara NIC ini.

---

*Sedutan Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Ketika Merasmikan Konvensyen Persatuan Ekonomi Malaysia Ke-10, Di Kuala Lumpur, Pada 7 Ogos 1989.*

---

**DASAR PELAJARAN  
KEBANGSAAN:  
KENYATAAN DAN CABARAN**

## PERANAN KESATUAN GURU

**KGMMB** adalah merupakan salah sebuah kesatuan guru yang besar di negara ini, dan telah melahirkan ramai pemimpin yang berkebolehan dan telah banyak memberi sumbangan kepada perjuangan untuk mencapai kemerdekaan negara ini. Di samping itu, ia juga telah memainkan peranannya untuk berjuang menegakkan kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah di seluruh negara. Syukur alhamdulillah, dengan sokongan daripada semua golongan rakyat, termasuklah sokongan daripada KGMMB, Bahasa Malaysia telah dapat didaulatkan mengikut seperti yang direncanakan.

Kerajaan telah berjaya menukarkan pengantar Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris kepada Bahasa Malaysia sepenuhnya mulai dari tahun 1975, dan pada tahun 1980 Bahasa Malaysia akan mengambil tempat Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dari Tingkatan 1 sehingga ke Tingkatan V, iaitu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di semua Sekolah Menengah kerajaan. Pada tahun 1982, hanya peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran dengan pengantar Bahasa Malaysia sahaja akan diadakan dan pada tahun 1983, semua kursus pengajian bagi tahun pertama di universiti-universiti tempatan akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna negara kita belum lagi mengeluarkan siswazah-siswazah yang mengikut kursus pengajian dengan pengantar Bahasa Malaysia sepenuhnya oleh kerana sehingga sekarang sudah ramai siswazah-siswazah yang lulus dari Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya dengan pengantar Bahasa Malaysia sepenuhnya. Sehingga tahun 1976 ini, UKM sahaja telah mengeluarkan sejumlah 1,071 orang siswazah, dan semua mereka ini sekarang sedang bertugas dengan kerajaan atau dengan badan-badan swasta di seluruh negara.

Sebagaimana termaklum, Rancangan Malaysia Ketiga telah pun dilancarkan. Dalam rancangan ini, Kementerian Pelajaran akan terus melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan berdasarkan Akta Pelajaran 1961. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama akan diperkuatkan lagi supaya tercapai integrasi dan perpaduan negara sesuai dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Untuk mencapai matlamat integrasi dan perpaduan rakyat, Kementerian Pelajaran akan meneruskan usaha untuk mengimbangkan peluang pelajaran antara yang berada dengan yang tidak berada, juga antara kaum dan wilayah. Ini adalah dilaksanakan dengan membahagikan kemudahan-kemudahan pelajaran secara lebih adil. Rakyat juga perlu mengambil bahagian sepenuhnya dalam proses pembangunan negara. Oleh itu, orientasi pelajaran amnya dan latihan khususnya, adalah bertujuan untuk mengeluarkan tenaga manusia yang terlatih, yang dapat menampung keperluan perindustrian dan perdagangan di negara ini.

Untuk membantu mempercepatkan lagi proses pelajaran dan pembangunan negara, Bahasa Inggeris akan terus menjadi bahasa kedua dan pengajarannya akan diperkuatkan lagi dalam masa lima tahun akan datang. Penguasaan Bahasa Inggeris adalah sama dengan penguasaan ilmu-ilmu lain. Penguasaannya tidak bermakna kurang penghargaan kepada bahasa kebangsaan, dan sudah tentu tidak ada kena-mengena dengan teguh atau tidak semangat kebangsaan.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga dalam

Rancangan Malaysia Ketiga ini, akan terus menitikberatkan soalan-soalan pembinaan peribadi yang mulia dan sesuai dengan kehendak-kehendak Rukun Negara. Untuk mencapai tujuan ini, kurikulum-kurikulum dan aktiviti-aktiviti dalam dan di luar sekolah akan diselaras dan perkuatkan lagi. Kegiatan-kegiatan ini akan terus dipanjangkan ke institusi-institusi pelajaran tinggi supaya pelajar-pelajar lulus pada semua peringkat akan mempunyai hemah yang tinggi, berdisiplin, bermoral dan bertanggungjawab.

Berhubung dengan segala usaha untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, kerajaan sahaja tidak boleh dipertanggungjawabkan. Semua pihak yang cintakan kemajuan dan keharmonian hidup adalah sama-sama bertanggungjawab dan mesti memainkan peranannya dengan penuh kesedaran dan kejujuran.

Saya sedar bahawa sebagai sebuah kesatuan sekerja, ia biasanya akan lebih bergiat berjuang untuk kepentingan ahli-ahlinya. Perlembagaan dan perundangan negara kita dengan jelas memberi hak kepada pekerja-pekerja untuk bersatu dalam persatuan-persatuan asalkan kegiatan mereka tidak melampaui batas-batas yang ditentukan oleh perlembagaan yang sah dalam negara ini.

Negara kita sedang membangun dan kesatuan-kesatuan guru dalam kontek ini mempunyai peranan-peranan penting. Kesatuan-kesatuan, pada hemat saya, mempunyai dua bidang tugas yang tertentu. Tugas pertama, ialah berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik bagi ahli-ahlinya. Yang kedua, ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang profesional.

Sungguhpun kesatuan sekerja ditubuh untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya, apa yang harus diingat ialah kesatuan tidak dapat wujud tanpa masyarakat di sekelilingnya. Oleh itu, di samping menjaga kepentingan ahli kesatuan, kesatuan juga perlu menjaga kepentingan masyarakat.

Di antara masalah yang dihadapi oleh masyarakat ialah kemiskinan dan pengangguran. Walaupun masyarakat

perlu melayankan kehendak pekerja yang berkesatuan. masyarakat tidak boleh membelakangkan mereka yang belum pun ada kerja ataupun bekerja separuh masa sahaja. Sementara masyarakat memberi perhatian kepada mereka ini, kesatuan sekerja tentulah tidak membuat apa-apa gangguan.

Berhubung dengan perkara ini, saya ingin mengucap syabas dan tahniah kepada KGMMB kerana sikap tanggungjawab terhadap masyarakat. Walaupun ahli-ahli KGMMB tentu ingin kepada tangga gaji yang baru, KGMMB tidak sanggup diseret masuk ke dalam kegiatan yang tidak wajar. Kepentingan diri KGMMB tidak sehingga melupakan kepentingan masyarakat dan sudah tentu tidak terhadap kepentingan negara.

---

*Ucapan Ketika Merasmikan Mesyuarat Agung Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) di Dewan Besar Maktab Perguruan Harian, Jalan Dairy, Ipoh, Pada Hari Selasa, 3 Ogos 1976, Jam 9.00 pagi.*

---

# 31

## SEJARAH DAN IDENTITI DIRI

PADA hemat saya, sejarah tidak seharusnya dianggap cuma sebagai satu timbunan peristiwa-peristiwa yang silam tanpa kaitan dengan keadaan pada hari ini dan penentuan keadaan pada masa akan datang. Perkembangan ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan kita pada hari ini, adalah hasil daripada aliran sejarah masa lampau dan berikutnya daripada itu, tanpa memahami sejarah, maka kita tidak dapat memahami diri kita sendiri.

Mengapa dan bagaimana masyarakat kita pada hari ini wujud sebagai satu bangsa berbagai kaum, cuma dapat difahami melalui sejarah perkembangan negara ini dan mengapa dan bagaimana kita harus mewujudkan perpaduan dan muhibah antara kaum ini pada masa akan datang, adalah juga berpandukan daripada pengajaran sejarah yang lalu.

Tidak syak lagi, kebenaran daripada kata-kata pujangga, "Sejarah sebagai tamadun dan tanpa sejarah tidak akan lahir tamadun".

Di samping itu pula, sejarah sebagai satu peristiwa yang telah berlalu tidak dapat dilihat dalam perspektif keadaannya yang sebenar. Sejarah selalunya merupakan interpretasi daripada ahli-ahli sejarah terhadap peristiwa-peristiwa yang telah berlalu itu mengikut ragam dan kepentingan masing-masing.

Hingga kini, kebanyakannya daripada bahan-bahan

sejarah negara kita, adalah hasil tulisan daripada ahli sejarah barat yang melihat sejarah kita daripada sudut pendapat dan kepentingan mereka sendiri. Kita hari ini disogokkan dengan fakta-fakta sejarah; Francis Light sebagai pembuka Pulau Pinang, Datuk Bahaman dan Mat Kilau sebagai penderhaka dan Datuk Maharaja Lela sebagai penjenayah. Penjajah dianggap sebagai pembawa kemajuan dan pembangunan di negeri ini.

Pada hari ini, kita telah mencapai kemerdekaan dan dapat menentukan identiti kita sendiri. Bagi saya, masa telah lama tiba bagi kita, terutamanya ahli-ahli sejarah untuk mengkaji semula tentang sejarah di negeri ini serta mempersoalkan kebenaran hakikat sejarah yang ditulis oleh orientalis-orientalis barat tersebut. Sejauh manakah kebenaran Francis Light membuka Pulau Pinang? Adakah Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Datuk Maharaja Lela penderhaka dan penjenayah atau sebaliknya patriot-patriot bangsa yang cuba mempertahankan hak dan kedaulatan negaranya? Atau, apakah kemajuan dan permodenan yang dibawa penjajah hasil usaha mereka sahaja atau hasil pemandangan yang luas dan kerjasama daripada tokoh-tokoh tempatan seperti Sultan Idris, Raja Chulan, Tengku Kudin dan lain-lain?

Ini adalah tugas dan tanggungjawab kita, memaparkan sejarah kita mengikut garis-garis landasan yang sepatutnya dan mencerminkan harapan dan cita-cita kebangsaan kita sendiri. Saya rasa dengan lebih banyak kajian-kajian daripada pihak-pihak tempatan dan inisiatif-inisiatif membongkar kesan-kesan sejarah kita sendiri, maka keadaan tidak seimbang dalam pensejarahan kita akan dapat diperbaiki.

Tema "Sejarah Kebudayaan Nasional" yang dipilih untuk tahun ini adalah, saya rasa, sebagai satu pilihan yang tepat dan amat sesuai sekali, dalam usaha menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat kita tentang hak warisan kita sendiri. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan mempunyai identiti yang tersendiri, kita seharusnya bangga dengan kebudayaan nasional kita, berdasarkan kepada

kebudayaan Melayu yang telah banyak menyerap kebudayaan kaum-kaum lain di negara ini.

Seni kebudayaan nasional kita, sama ada dalam bidang seni bina, seni tari, seni ukir dan lain-lain, mempunyai nilai yang tinggi dan tidak kalah dibandingkan dengan bentuk kebudayaan asing. Di Negeri Sembilan ini sendiri, kita berbangga dengan kehalusan seni bina Istana Lama Seri Menanti, kemerduan rentak irama nyanyian Bongai atau kelincahan langkah Silat Randai, di antara beberapa jenis bentuk-bentuk seni kebudayaan yang lain-lain.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan hari ini, di mana pengaruh barat telah banyak meresap dalam masyarakat, maka ramai daripada kita telah tidak dapat mengenali kebudayaan kita sendiri, malah terikut-ikut dengan cara kebudayaan barat yang sama sekali tidak sesuai dengan keadaan di sini. Ini menyebabkan timbul berbagai-bagai masalah sosial yang mengancam kestabilan masyarakat kita pada hari ini seperti penagihan dadah, kegiatan-kegiatan haram serta tingkah laku kurang sopan, kebebasan yang tidak terhad, dan kehilangan perhubungan rapat antara generasi yang terdapat dahulu.

Di samping itu pula, dengan pameran-pameran dan demonstrasi-demonstrasi hasil kebudayaan asli ini, kita dapat menolong menimbulkan kembali beberapa cabang seni yang telah hampir luput dan seterusnya di mana yang perlu mempersesuaikannya dengan keadaan-keadaan moden supaya dapat dipopularkan kembali.

Di samping kita menghidupkan semula kebudayaan lama kita, kita juga harus ingat, bahawa kebudayaan bukanlah statik. Sepertimana kebudayaan lama telah dibentuk dalam jangka masa yang lama dan diubah dan ditambah di zaman yang lalu, begitu juga kebudayaan yang kita warisi, boleh dibetulkan dan dibentuk supaya mencerminkan nilai-nilai seni yang ada kepada kita. Yang penting ialah, ianya asli dan baik dan dikenal, sebagai manifestasi jiwa kesenian kita.

Daripada apa yang saya fahamkan, pihak Ke-

menterian Kebudayaan Belia dan Sukan, sedang berusaha mendapatkan pakar-pakar dalam tiap-tiap bidang seni kebudayaan nasional yang tersebut itu dan dengan langkah ini juga, saya percaya kita akan dapat menghidupkan kebudayaan nasional kita dengan sepenuhnya.

---

*Ucapan Di Perasmian Minggu Sejarah Dan Pamerannya, Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan, Pada Hari Sabtu, 14 Ogos 1976, Jam 4.30 Petang.*

---

## AL-QURAN: SUMBER DAN LANDASAN ILMU

SAYA bukanlah seorang yang alim dalam pengetahuan agama Islam yang saya percayai. Ini adalah satu perkara biasa bagi semua orang-orang Islam yang tidak mempunyai kesempatan melanjut pelajaran tinggi dalam bidang agama. Tetapi, mengikut pengalaman saya belum pernah terdapat sebuah kitab atau buku yang begitu banyak dipelajari dan dikaji oleh semua orang, sama ada orang Islam atau bukan Islam, selain daripada Al-Quran.

Saya tidak payah menerangkan dengan lanjut mengapa kitab Quran itu sentiasa dikaji orang kerana memadailah dengan jawapan yang selalu diberi oleh alim ulama bahawa kerana Quran itu mengandungi pengajaran-pengajaran dalam berbagai-bagai bidang kehidupan yang sesuai untuk dijadikan pedoman hidup manusia dalam segala zaman.

Oleh kerana pengajaran Al-Quran begitu baik, maka wajarlah masyarakat Islam mengagung-agungkan Al-Quran. Tetapi hendaklah kita ingat, keagungan Al-Quran tidak tercapai semata-mata dengan mengadakan musabaqah sahaja. Kerana tiap-tiap musabaqah seperti itu akan berakhir dengan suatu acara kemuncak dan acara itu ialah pengumuman nama orang-orang yang berjaya dan penyampaian hadiah kemenangan kepada mereka. Setelah selesai musabaqah, orang pun mungkin lupa semula kepada Al-Quran dan kepada tafsiran-tafsiran yang dibuat.

Keagungan Quran dapat dicapai hanya dengan tindakan-tindakan selanjutnya daripada semua lapisan masyarakat Islam dengan mempelajari Quran, memahami isi kandungan serta mempraktikkan pengajaran agama yang terkandung di dalamnya, dalam kehidupan kita sehari-hari. Inilah tujuan yang dikehendaki di sebalik tiap-tiap musabaqah membaca Quran yang dianjurkan oleh kerajaan, sama ada di kalangan murid-murid sekolah atau orang-orang dewasa.

Tujuan yang mulia ini, mengikut proses yang biasa, tidak mungkin dicapai dengan mudah dalam masa yang singkat seperti mana yang difikirkan oleh sesetengah golongan. Ini akan mengambil masa bertahun-tahun, mungkin berpuluhan tahun. Nabi Mohammad s.a.w. sendiri, sebagai yang kita tahu, mengambil masa 23 tahun untuk menyampaikan Quran, memahamkan kepada orang ramai dan mempraktikkannya dalam masyarakat.

Saya sebutkan contoh ini bukanlah bermaksud untuk melemahkan keazaman kita terhadap menjadikan pengajaran Quran amalan masyarakat. Maksud saya menyebut contoh ini ialah, untuk mengingatkan masyarakat kenyataan yang sebenar dan kesukaran-kesukaran yang mesti kita hadapi atau tempuhi sekiranya kita berazam untuk mencapai sesuatu tujuan yang besar. Ingatan seumpama ini adalah berfaedah untuk menguatkan keazaman kita, melipatgandakan daya usaha kita dan menambahkan kewaspadaan kita.

Kita hendaklah ingat, untuk menjayakan sesuatu tujuan, kita perlu mempunyai projek atau rancangan-rancangan yang disusun dengan kemas dan bersedia melaksanakannya. Untuk melaksanakannya, kita bergantung kepada banyak faktor-faktor termasuk faktor kemanusiaan "*human*" dan faktor "*fizikal*" seperti alat-alat dan kemudahan-kemudahan. Tetapi yang paling penting daripada semua faktor-faktor itu ialah faktor kemanusiaan, iaitu kesanggupan, kemampuan dan kebolehan dan kesediaan manusia yang akan menjalankan rancangan itu dan menerimanya.

Sebagai contoh, rancangan mengadakan sebuah rumah atau tempat kediaman kita bergantung kepada kebolehan tukang yang mendirikan rumah itu dan persediaan tuan punya rumah untuk membiayai dan menanggung perbelanjaan rumah itu.

Demikianlah halnya dengan cita-cita kita untuk menjalankan ajaran agama Islam dalam masyarakat dan negara, kita bergantung kepada faktor-faktor tadi terutamanya faktor kemanusiaan. Maksud manusia di sini ialah, pemimpin-pemimpin masyarakat dan pengikut-pengikutnya, ketua-ketua pemerintah dan rakyat jelata yang diperintah.

Di sini bererti, apa juga cita-cita hanya dapat dicapai sekiranya adă kesanggupan dan kemampuan pemimpin-pemimpin memperjuangkannya, kebolehan jentera-jentera dan pentadbiran menguruskannya serta kesediaan rakyat untuk menyertainya secara serius dan positif. Tidak ada kejayaan bagi mereka yang tidak melengkapkan diri dengan semua kecekapan dan kekuatan yang perlu terlebih dahulu. Di sini juga bergantungnya kejayaan Rancangan Malaysia yang Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru kerajaan, yang diharap dan izin Allah, dapat mengubah keadaan ekonomi dan sosial rakyat terutamanya golongan rakyat bumiputera dan mereka yang berpendapatan rendah. Sekalipun kerajaan menggunakan perbelanjaan berbilion ringgit untuk tujuan itu tetapi peruntukan itu mungkin tidak mencapai tujuannya jika kita tidak menyertainya dengan usaha yang serius dan positif. Cita-cita kita tidak akan tercapai hanya dengan impian dan cakap-cakap sahaja, bahkan dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan kerja yang berlipat ganda. Dalam hubungan ini, cita-cita menegakkan ajaran Islam bergantung bukan sahaja kepada keinginan tetapi kepada kemampuan pemimpin-pemimpin dan kebolehan mereka yang diberi tugas untuk pencapaian matlamat ini. Sehingga sekarang, usaha menegakkan agama Islam terlalu banyak bergantung kepada orang lain yang tidak dipengaruhi dengan tujuan yang sama. Perkara ini perlu direnungkan oleh kita semua.

Kerajaan sekarang yang sedar tentang hakikat ini, akan membuat apa sahaja yang boleh untuk mengukuhkan pendidikan agama Islam dan dakwah Islam di semua peringkat. Langkah-langkah akan diambil untuk mempergiatkan kursus dakwah Islam di kalangan pegawai-pegawai kerajaan mengikut kemampuan kerajaan dan mempastikan semua pelajar-pelajar yang beragama Islam di sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan maktab-maktab perguruan, mendapat pendidikan agama Islam.

Selanjutnya, Kementerian Pelajaran akan mengkaji kemungkinan semua Yayasan Pelajaran Tinggi dalam negeri menyediakan rancangan kursus wajib Bimbingan Pelajaran Islam kepada semua siswa-siswi yang beragama Islam.

Saya berharap, hasil kajian ini dapat dilaksanakan dan mendapat sokongan dan kerjasama secara positif daripada semua pihak terutamanya daripada pelajar-pelajar sendiri dan orang ramai kerana sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kerajaan mempunyai banyak rancangan yang mesti dijalankan, sedangkan kerajaan menghadapi kekurangan tenaga pegawai dan wang. Jadi mana-mana tempat yang ketinggalan, diharap orang ramai dapat membantunya.

Dengan cara ini kita dapat memelihara masyarakat kita daripada diresapi oleh fahaman-fahaman yang merbahaya dan bertentangan dengan ajaran agama Islam, terutamanya fahaman komunis yang terang-terang manafikan adanya Tuhan dan tidak mengizinkan apa-apa agama wujud bersama dengannya.

Orang-orang komunis sebelum berkuasa, akan memberi berbagai-bagai janji dan akan bekerjasama dengan sesiapa juga sekalipun dengan pengedar dadah, penjenayah atau ulama tetapi setelah mereka berkuasa janji-janji mereka diketepikan dan semua orang yang bertentangan fahaman mereka akan disingkirkan satu demi satu. Agama tidak boleh lagi diajarkan kepada orang ramai. Mana-mana yang menentang fahaman mereka dan mengingkari arahan ketua-ketua, akan dituduh sebagai

pengkhianat, dibicarakan dan dihukum. Pendek kata kebebasan agama dan demokrasi tidak akan wujud lagi seperti yang kita nikmati sekarang. Yang paling teruk menerima akibat ini ialah orang-orang Islam.

Apa yang saya katakan ini, bukanlah dakyah tetapi ialah kenyataan yang telah berlaku dan sedang berlaku di beberapa negara yang dikuasai oleh komunis.

Sekiranya kita cintakan agama dan kasihkan bangsa, wajiblah kita perkukuhkan didikan agama di kalangan anak-anak kita dan menyebarkan dakwah Islam serta melengkapkan diri kita dengan ilmu dan kecekapan mempertahankan diri daripada dikuasai oleh musuh kita komunis.

Oleh kerana Al-Quran itu punca utama ajaran Islam, sudah sewajarnya ia dipelajari dan ditafsirkan dengan tafsiran yang lurus lagi tepat untuk panduan mencapai kebahagiaan hidup umat Islam di dunia dan di akhirat.

---

*Ucapan Di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Dan  
Mentafsir Al-Quran Di Antara Murid-Murid Sekolah Bantuan Kerajaan  
Di Masjid Negara; Kuala Lumpur, Pada 22 Ogos 1976.*

---

## 33

### ORANG MELAYU DAN ASAS KEMAHIRAN MODEN

KONVENTSYEN ini, yang dihadiri oleh lebih daripada 300 orang guru perdagangan dari seluruh negara, akan memberi peluang keemasan kepada peserta-peserta sekalian untuk bertukar-tukar fikiran dan pengalaman tentang pengajaran mata pelajaran perdagangan yang semakin hari menjadi semakin penting bagi usaha menyusun semula masyarakat, memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru dan pembangunan ekonomi seterusnya.

Di dalam sebuah masyarakat ekonomi moden, *exchange transaction* atau pertukaran jual beli amat penting. Keperluan-keperluan hidup masyarakat makin bertambah kompleks kerana bilangan penduduk semakin bertambah dan pendedahan terhadap barang-barang dan perkhidmatan yang baru dikeluarkan, juga turut bertambah. Kaum bumiputera merupakan satu bangsa yang amat kurang terlibat di bidang perniagaan secara moden kerana mata pencarian untuk hidup mereka terutamanya di kawasan luar bandar, banyak bergantung kepada *subsistence farming* atau perladangan secukup hidup. Sebaliknya, kaum bukan bumiputera banyak terlibat dalam perniagaan dengan akibat perpisahan dan kurang imbangannya pembangunan antara kaum di negara kita. Fenomena ini amat jelas terlihat sebelum negara mencapai kemerdekaan. Perubahan sudah berlalu sekarang, iaitu masyarakat bumiputera luar bandar sudah ada melibatkan diri di

bidang perniagaan tetapi bilangannya masih jauh daripada memuaskan. Selagi perniagaan dan perdagangan tidak diminati dan disertai bersama oleh semua kaum, selama itulah iri hati akan berada dan perpaduan kaum tidak akan tercapai.

Jikalau kita kaji sebab-sebab mengapa kegiatan perniagaan kaum bumiputera kurang memuaskan, jawapan yang tepat ialah mereka baru mula hendak bermiaga, berbanding dengan kaum-kaum lain. Kaum-kaum lain, terutama yang berketurunan Cina, sudah lama hidup dalam alam perniagaan dan mempunyai nilai-nilai dan tradisi yang amat sesuai untuk perniagaan.

Anak-anak mereka, dari kecil lagi terdedah dan dilatih dalam selok-belok perniagaan, khususnya menjual dan membuat perhitungan. Sebaliknya, ini tidak terdapat di kalangan anak-anak Melayu dari kawasan luar bandar ataupun dalam bandar. Mereka lebih mahir membelii atau membelanja duit yang diberi oleh ibu bapa tanpa sebarang khidmat untuknya. Oleh itu, mereka bukan sahaja tidak tahu kenapa harga ditetapkan tetapi tidak begitu menghargai wang ringgit dan peranannya untuk mencari pendapatan bagi seseorang.

Biasanya, orang-orang Melayu yang membuka perniagaan ini tidak ada sebarang pengalaman berkenaan alam perdagangan. Sebelum bermiaga, mereka mungkin peladang-peladang kecil atau kakitangan kerajaan atau orang-orang sengaja hendak mencuba nasib dengan menukar pekerjaan seperti daripada pekerjaan buruh kasar dan sebagainya ataupun bekas-bekas angkatan keselamatan. Hampir semua daripada mereka datang dari kumpulan yang bergaji tetap dan tidak perlu rancang untuk menentukan pendapatan ini. Dengan pengalaman yang jauh berbeza daripada yang terdapat dalam alam perniagaan, macam-macam masalah akan timbul, yang mana mereka tidak bersedia dan kurang pengetahuan untuk mengatasinya. Dengan ini, mereka pun gagal dan bukan sahaja tidak dapat mengurang jarak pembangunan antara mereka dengan kaum lain tetapi sebenarnya menambah

jauhnya jarak ini. Tiap-tiap seorang yang gagal, semakin jauh kita dari mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kita tidak dapat merancang supaya orang bumiputera mendapat pengalaman perniagaan dari kecil seperti kaum bukan bumiputera. Apa yang dapat kita lakukan ialah memberi pelajaran perdagangan di sekolah-sekolah dengan cara yang berkesan.

Sebab itu, pelajaran perdagangan merupakan satu alat yang penting untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Malangnya, sehingga ini mata pelajaran ini lebih mudah didapati di sekolah-sekolah dalam bandar daripada sekolah luar bandar. Ini cuma menambah perbezaan kebolehan dalam bidang ini di antara kawasan dan di antara kaum.

Sesungguhnya saya sedar, bahawa sukanan pelajaran ilmu perdagangan untuk sekolah-sekolah menengah sudah ada disediakan. Tetapi dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian guru-guru perdagangan khasnya dan ibu bapa serta masyarakat sekalian, bahawa pertama sukanan-sukanan pelajaran ini perlu dikaji dari masa ke semasa untuk disesuaikan dengan kehendak masa dan zaman, dan yang keduanya, teknik atau kaedah penyampaian isi pelajaran ini kepada murid-murid sekolah.

Ada beberapa perkara saya fikir guru-guru perlu memberi perhatian waktu mengajar mata pelajaran perdagangan ini di sekolah-sekolah. Mereka mesti sedar atau sensitif kepada topik-topik yang penting dan patut diberi penekanan dalam pengajaran mereka. Sukanan pelajaran biasanya amat luas, dan setengah daripadanya perlu sentuh sebagai pengenalan, bukan sebagai ilmu atau kemahiran yang mesti diajar dengan mengambil masa yang panjang dan banyak.

Sebagai contoh, kita ambil peranan wang dalam gerak-geri masyarakat. Wang merupakan satu kemudahan, yakni kalau dahulu kita terpaksa menukar barang dengan barang secara *barter*, sekarang kita tukar barang dengan wang yang mudah dibawa ke tempat lain atau disimpan dan bila perlu ditukar pula dengan barang lain. Tetapi

wang juga boleh dijadikan modal untuk perniagaan. Penggunaan wang sebagai modal adalah lebih kompleks daripada penggunaannya sebagai pengganti barang. Jika fahaman tentang peranan wang sebagai modal tidak ada, maka perniagaan tidak akan berjaya, kerana wang sebagai kemudahan boleh diguna sepenuhnya tetapi wang sebagai modal cuma boleh diguna apabila ia menelurkan keuntungan. Fahaman ini perlu dijadikan nilai hidup jika peniaga ingin mencapai kejayaan.

Sesungguhnya, seperti mana tuan-tuan dan puan-puan maklum, kadar pelaburan bergantung kepada kadar tabungan atau *saving*. Kalau individu atau masyarakat tidak boleh menabungkan sebahagian daripada pendapatannya, maka ekonomi individu atau masyarakat itu tidak akan berkembang dan meningkat. Rakyat mesti sanggup menangguhkan perbelanjaan atau penggunaan sebahagian daripada pendapatannya supaya tabungan untuk pelaburan akan dapat diadakan. Ini ialah satu sikap yang guru-guru perdagangan mesti tanam dikalangan murid-murid supaya mereka menyedari peranan wang atau pendapatan berhubung dengan perniagaan dan pembangunan ekonomi diri dan negara.

Berhubung dengan ini, guru-guru juga perlu menekan pengajaran tentang cara-cara pelaburan itu boleh dilakukan dan akan memberi faedah. Sebagai rakyat yang tertakluk kepada tradisi dan belum cukup maju dibidang ekonomi moden, mereka lebih suka menyimpan wang dengan membeli harta benda seperti tanah atau barang-barang kemas, intan dan berlian daripada melabur. Sungguhpun penyimpanan seperti ini adalah satu jenis tabungan tetapi ianya memberi manfaat yang terhad.

Sebaliknya, jika wang diguna untuk membeli saham maka perniagaan dan perusahaan akan berkembang maju dan bukan sahaja pelabur akan mendapat keuntungan tetapi nilai sahamnya akan meningkat semakin lama. Di samping itu, oleh kerana pelaburan modal mengembangkan perniagaan, perdagangan dan industri, ekonomi akan bergerak cergas dengan memberi peluang kerja kepada

orang lain, dan menambah hasil negara. Kepunyaan tanah dan harta memang baik tetapi ini bukan sahaja bermakna pembekuan modal tetapi tidak mungkin kita mengadakan tanah yang cukup bagi memenuhi keupayaan orang membelinya. Oleh sebab itu, maka dengan sekian banyak duit menjadi bertambah kecil kerana *demand* melebihi *supply*, iaitu dengan perkataan lain, inflasi akan wujud.

Begitu juga dengan barang kemas. Harga barang kemas tetap meningkat sepanjang masa tetapi faedah daripadanya tidak boleh diperolehi sehingga ia dijual. Sungguhpun duit yang didapat daripada jualan adalah lebih banyak tetapi duit itu tidak memberi faedah yang lebih kerana harga barang yang hendak dibeli juga sudah naik. Sebaliknya, saham boleh memberi keuntungan sepanjang masa dan harga jualannya meningkat sama seperti barang emas.

Kesedaran tentang pemilikan saham sebagai cara menabung akan membawa kepada nilai-nilai yang sesuai bagi perniagaan. Secara tidak langsung, pemilikan saham akan menggalakkan perniagaan dan menanam sifat pengurusan perniagaan yang baik dan berkesan. Saya berharap, tuan-tuan akan membincangkan masalah ini supaya pengajaran ilmu perdagangan di sekolah tidak menjadi *stereotype* dan kurang berkesan dan mematahkan kecenderungan dan semangat murid-muridnya.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh yang penting yang guru-guru perdagangan patut titikberatkan dalam pengajaran di sekolah-sekolah, ialah berkenaan dengan aspek kos atau *costing aspect of business* berhubung dengan keuntungan. Dalam apa juga perniagaan, tujuan utamanya tentulah keuntungan. Keuntungan cuma boleh diperolehi jika kita tahu kos kita yang sebenar. Untuk mengetahui kos, kita perlu tahu memperhitungkan satu per satu perbelanjaan untuk perniagaan. Cara agak-agak tidak boleh diharap sama sekali. Kerana ramai yang gagal kerana mereka agak mereka akan untung. Oleh itu, guru-guru perdagangan perlu menekankan bukan sahaja cara membuat *costing* tetapi kenapa ianya penting. Selagi murid

tidak tahu sebab sesuatu itu perlu dibuat, mereka tidak akan menitikberatkan perkara itu.

Mendapat keuntungan daripada perniagaan tidak bermakna kemajuan yang penuh sudah dicapai. Perniagaan mesti mengalami *growth phenomena*, atau menjadi lebih besar sepanjang masa. Untuk ini, sebahagian daripada keuntungan mestilah diguna untuk membesarkan modal. Jika seseorang menghabiskan semua keuntungannya, bukan sahaja perniagaannya tidak akan bertambah besar, tetapi apabila sesuatu yang buruk berlaku ia tidak dapat mengatasinya. Dengan itu, maka perniagaannya akan merosot atau terus menjadi bankrap. Sekali lagi kita perlu tegaskan pentingnya kos kepada murid-murid perdagangan.

Tekanan tentang perkara-perkara ini perlu dibuat kerana semuanya ada kaitan yang rapat dengan pengurusan perniagaan. Keupayaan mengurus adalah faktor yang penting dalam perniagaan. Peluang modal, lesen dan lain-lain memang perlu tetapi tanpa kecekapan mengurus semuanya, tidak akan memberi faedah. Sebab itu, pelajaran perdagangan tidak memadai dengan mengajar kira-kira wang. Pelajaran ini mesti meliputi semua aspek perdagangan, terutama masalah pengurusan dan peranan wang dalam perniagaan dan dalam masyarakat.

Saya menganggap konvensyen ini penting dan mungkin memainkan peranan yang besar dalam memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru dan untuk menyusun semula masyarakat.

---

*Ucapan Di Konvensyen Guru-Guru Perdagangan 1976, Anjuran Bahagian Pelajaran Teknik Dan Vokasional, Kementerian Pelajaran di Dewan Besar Maktab Perguruan Persekutuan Gelugor, Pulau Pinang, Pada 16 Disember 1976, Jam 9.30 Pagi.*

---

## ISLAM: DASAR PERPADUAN

**TIDAK** ada sesuatu yang lebih mempengaruhi gerak-geri hidup mati manusia daripada agama atau kepercayaan. Sejak Adam dan Hawa, berbagai agama dan kepercayaan telah wujud atau dibentuk dan telah menarik pengikut yang kemudiannya menjadi manusia yang lebih bahagia atau lebih mendekati haiwan, mengikut ajaran dan nilai yang terkandung dalam agama atau kepercayaan.

Orang yang liar dalam hutan percaya kepada aneka jenis roh dan makluk ghaib dan bukan sahaja hidup dalam ketakutan kepada roh-roh ini tetapi sanggup membunuh dan mengorban manusia, termasuk anak sendiri, kononnya kerana dituntut oleh kepercayaan mereka. Kesesatan mereka ini nampaknya jelas kepada kita, tetapi kerana ini menjadi kepercayaan mereka. Perbuatan kejam ini mereka lakukan dengan mudah sebagai perkara biasa tanpa tentangan daripada masyarakat mereka. Begitulah manusia, apabila sudah percaya kepada sesuatu. Setelah menerima kepercayaan, manusia tidak mudah dipisah, dan mereka sanggup mempertahankannya dengan nyawa mereka sendiri.

Mungkin kita berpendapat, bahawa mereka yang melakukan kekejaman ini adalah orang yang liar, yang terlalu dekat dengan kehaiwanan. Manusia yang sudah mempunyai kebudayaan dan peradaban yang tinggi, sudah tentu tidak akan melakukan perbuatan yang ngeri seperti

mengorbankan manusia kerana mengikuti sesuatu kepercayaan. Tetapi daripada sejarah manusia kita tahu, bahawa orang-orang *Egypt* di zaman Firaun yang dikatakan *civilized*, sanggup menanam hidup-hidup hamba dan orang suruhan Firaun apabila dia mati dan ditanam ke dalam pyramid. Dan di zaman ini, telah terjadi beberapa peristiwa yang mana orang India melakukan sathi, iaitu membakar hidup-hidup isteri si mati di waktu pembakaran mayat suaminya. Demikianlah kesanggupan manusia apabila percaya kepada sesuatu agama, di zaman dahulu dan juga sekarang.

Oleh kerana agama begitu sekali menakluk, jiwa dan fikiran manusia, maka pelajaran dan fahaman agama yang sebenar amatlah penting. Jika pelajaran dan didikan agama sudah salah, maka kesalahan ini akan kekal dan akan menguasai jiwa dan fikiran orang itu selama-lamanya. Usaha untuk mengikis kan fahaman yang sudah salah ini tidak mudah berjaya dan kadangkala tidak akan berjaya sama sekali. Dengan perkataan lain, sekali seorang sesat dalam agama, selama-lamanya dia akan sesat.

Dalam sejarah Islam, ajaran yang salah berlaku berkali-kali dengan membawa kepada kesesatan yang biasanya tidak boleh dibetulkan lagi. Kita tahu, umpamanya tentang kumpulan Kadiani yang menjelma di India di zaman British. Dan sebelum daripada ini, telah wujud kumpulan-kumpulan seperti Zaidisna-Asyariah dan Ismailiyah.

Semua kumpulan-kumpulan ini berpunca kepada ajaran-ajaran dan tafsiran agama Islam yang berlainan atau tidak tepat atau terus salah. Pengikut-pengikut golongan ini bukan sahaja percaya, bahawa agama yang mereka anuti adalah yang sebenar tetapi mereka sanggup berperang bermati-matian kerana mempertahankan tafsiran mereka. Bagi mereka, apa yang mereka percayai adalah agama Islam dan mereka yang lain, yang tidak menerima kepercayaan mereka sebenarnya tidak Islam dan perlu diperangi oleh mereka. Di Malaysia baru-baru ini, ajaran-ajaran yang salah telah berlaku berkali-kali.

Pembetulan telah dibuat tetapi di sana sini berkembang juga ajaran agama Islam yang salah. Kemungkinan ajaran-ajaran sesat ini berkembang; dipertahankan sebagai ajaran yang sebenar dan menyingkirkan ajaran yang kita percaya sebagai sebenar tidak boleh kita ringankan.

Memandangkan kepada kemungkinan ini berlaku, umat Islam perlu mengawasi ajaran agama yang disampaikan kepada anak-anak kita dan juga orang dewasa. Guru-guru yang mengajar agama, bukan sahaja perlu ditentukan kebolehan mereka tetapi juga perlu ditentukan pendirian mereka terhadap yang sebenar. Pengetahuan agama yang mendalam sahaja tidak dengan sendirinya bermakna kepercayaan kepada yang sebenar, kerana orang-orang yang bukan Islam juga ada yang mempelajari agama Islam dengan mendalam dan selepasnya cuba merosakkan agama Islam melalui tafsiran dan ajaran yang salah. Para orientalis Barat dan orang-orang Yahudi ramai yang mempelajari dan mengetahui agama Islam dengan cukup; mendalam tetapi tidak sedikit pun percaya kepadanya.

Pengawasan pelajaran agama Islam tidak begitu mudah kerana dalam Islam tidak ada "clergy" atau golongan yang dikenal sebagai *priests* atau paderi dengan tugas-tugas khas dalam menentukan pengajaran agama seperti terdapat dalam agama lain. Tiap-tiap orang Islam adalah pendakwah Islam dan tentulah salah kalau kita menyekat usaha sesiapa untuk mengembangkan agama Islam, jika dianya menyatakan bahawa tujuannya ialah mengembang agama Islam.

Berhadapan dengan masalah penyampaian ajaran agama yang sesat di satu pihak dan kebebasan hak berdakwah di pihak yang lain, masyarakat Islam, yang tentu tidak mahu agamanya dirosakkan semasa perkembangan ajaran yang benar, perlu menentukan pendidikan dan pelajaran agama, tidak memberi kesempatan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab atau yang berniat membawa kepada penyelewengan dalam kepercayaan dan tafsiran agama.

Sudah tentu tindakan pertama ialah pemilihan mereka

yang akan menjadi pendidik agama. Dalam pemilihan ini, mereka yang diberi tanggungjawab memilih tentulah terpaksa mengutamakan kecapaian atau kelulusan bakal pendidik dan bukan peluang mencari nafkah baginya. Ini perlu disebut kerana sementara masyarakat mendesak supaya pelajaran agama menjadi lebih berkesan, masyarakat juga meminta supaya taraf pencapaian atau kelulusan guru agama tidak ditekan sangat. Apakah sikap seperti ini wajar jikalau kita benar-benar ingin kepada pengetahuan agama yang benar dan berkesan di kalangan anak kita?

Seperti saya sebutkan tadi, bukan sahaja kecapaian bakal pendidikan agama perlu ditentukan tetapi pandangan dan sikapnya terhadap agama yang benar juga perlu diambil berat. Jika dia tahu agama sahaja tetapi memisahkan amalan dari tugas dan memandang kerjanya semata-mata sebagai usaha mencari makan, kesannya tentulah kurang baik. Sebab itu, pemilihan guru agama mestilah berasas dan tertakluk kepada syarat-syarat yang lebih ketat baik daripada segi ilmiah mahupun daripada segi keperibadian yang sesuai. Sebarang desakan supaya dilonggarkan syarat itu dan ini, tentulah tidak seharusnya dibuat, terutama apabila kita mempunyai ramai calon-calon yang boleh memenuhi semua syarat-syarat ini.

Cara yang kedua yang boleh menentukan pelajaran yang sesat tidak berlaku dalam masyarakat yang sudah Islam, ialah ajaran agama tidak disembunyikan atau dirahsiakan. Tiada ada satu sebab kenapa ajaran yang benar perlu disampaikan secara tertutup. Tetapi kita dapat ada golongan-golongan yang tidak sanggup mengajar agama secara terbuka.

Di sekolah-sekolah umpamanya, selain daripada pelajaran di waktu bersekolah, syaran agama di luar masa bersekolah amatlah berkesan. Syaran ini boleh diatur dengan tertib. Tidak ada sebab kenapa pensyarah agama perlu menyampaikan syarahannya dalam keadaan tergesa-gesa dan cemas. Tidak ada sebab pula kenapa syaran ini tidak boleh dihadir oleh orang Islam lain. Tidak ada sebab pula kenapa kebolehan pensyarah itu

perlu disembunyikan. Malangnya, ada golongan yang tidak senang hati kerana mereka tidak dibenarkan menyampaikan syarahan mereka dalam keadaan hampir cemas dan secara tertutup, khusus untuk murid yang mudah dibentuk fikiran dan kepercayaan mereka.

Orang yang ingin mengajar agama dengan cara rahsia di dalam negara yang menjadikan Islam agama rasmi, perlu disoal tentang tujuan mereka. Ini menjadi lebih penting lagi jika ajaran ini ditujukan kepada murid sekolah yang belum cukup memahami agama yang benar. Jika mereka sudah terima ajaran yang sesat, sampai bila-bila pun mereka akan pegang kepada ajaran ini. Pemulihian semula kepercayaan mereka tidak mudah dan mungkin tidak boleh dilakukan sama sekali kemudian hari.

Ada pihak yang berkata, bahawa jika seseorang ingin berdakwah maka dia tidak boleh disekat sama sekali. Memang benar, jika ajaran yang hendak dikembangkan ialah ajaran agama Islam yang sebenar. Tetapi ada kemungkinan, bahawa ajaran yang dibawa itu adalah ajaran yang sesat atau dengan tujuan lain. Apakah masyarakat Islam tidak bertanggungjawab sehingga tidak mahu mengetahui sama sekali apa yang hendak dikembangkan? Tidakkah salah masyarakat Islam jika kerana lengai dan tidak bertanggungjawab, kepercayaan satu generasi orang Islam diselewengkan? Tidakkah kita tahu betapa ramainya orang Islam yang sudah sesat dan mengikuti agama bentukan manusia, yang kononnya dibawa oleh nabi-nabi yang baru? Tidakkah kita tahu, bahawa orang yang sesat ini bukan sahaja sesat tetapi sanggup memerangi dan membunuh orang Islam lain kerana kepercayaan, bahawa orang Islam lain ini yang sesat? Di saat ini pun peristiwa ini berlaku.

Oleh sebab ini, maka pengawasan terhadap pelajaran agama yang dirahsiakan menjadi lebih penting kerana di kalangan orang Melayu sendiri, di waktu yang lampau ini, telah wujud berbagai kumpulan yang membuat tafsiran agama yang tersendiri. Kita dapat sekarang, terdapat bukan sahaja mazhab-mazhab Islam yang diakui tetapi

juga perpisahan dan perwujudan kumpulan-kumpulan Islam mengikut persatuan, mengikut warna, berasas kepada pakaian, mengikut umur, tua atau muda dan berbagai lagi pembahagian Islam yang direka bentuk oleh manusia mengikut tafsiran sendiri dan kerana berbagai sebab dan kepentingan.

Golongan-golongan ini tidak begitu menjadi masalah kalau mereka cuma berusaha mengamalkan ajaran Islam dan memegang kuat kepada persaudaraan dan perpaduan Islam. Tetapi dalam usaha mereka mencari pengaruh, kadang-kadang mereka sanggup membuat tuduhan yang tidak berasas, bahkan mencela dan menidakkann keislaman, orang lain dan secara langsung dan tidak langsung, menganjurkan perpecahan ke kalangan umat Islam. Kesan kegiatan setengah-setengah kumpulan-kumpulan ini ialah perpecahan masyarakat Islam, di mana dahulu terdapat persaudaraan yang rapat dan perpaduan. Kononnya, mereka ingin melihat Islam yang sebenar wujud tetapi apakah menuduh, mencela dan menghina orang Islam lain disuruh oleh agama Islam dalam usaha membawa kepada jalan yang benar? Apakah Islam menyuruh supaya dipecah dan dipisah-pisahkan orang Islam? Jika kegiatan mereka ini berjaya, maka orang-orang Islam akan dibahagi-bahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang kecil yang bertentangan dan bermusuhan antara satu dengan lain. Kesan daripada perpecahan ini ialah kelemahan – iaitu kelemahan orang-orang Islam untuk mempertahankan diri dalam dunia yang penuh dengan ancaman, dan kelemahan dalam pegangan kepada ajaran Islam disebabkan oleh tafsiran dan amalan yang tidak sama, yang menimbul kekeliruan.

Tidaklah dapat dinafikan, bahawa perpecahan di kalangan penganut Islam dalam sejarah Islam dan wujudnya berbagai kepercayaan yang bermusuhi-musuh antara satu dengan lain adalah disebabkan oleh ajaran-ajaran yang dibawa oleh mereka yang mendakwa diri mereka sebagai pentafsir agama yang kononnya sebenar. Di zaman ini, di Asia Barat, orang-orang Islam terbahagi kepada

berbagai kumpulan yang sanggup berperang dan membunuh sesama sendiri. Kumpulan Islam sanggup memihak dengan penganut agama lain untuk membunuh penganut-penganut Islam daripada mazhab lain sepetimana di zaman dahulu mereka biasa lakukan.

Agama Islam adalah agama suci Tuhan, agama yang bersih daripada sebarang kekotoran. Dapatkah kita berkata, bahawa perpecahan dan permusuhan di kalangan orang Islam disebabkan oleh agama Islam yang suci ini? Dapatkah kita berkata, bahawa pembunuhan orang Islam oleh orang Islam didorong oleh agama mereka yang suci.

Sebenarnya, semua ini berlaku kerana manusia mencemarkan agama Tuhan. Kerana kepentingan diri agama diseretkan ke dalam gelanggang pertikaian manusia dan di situ dicemarkan dengan membuat pentafsiran yang salah kerana ingin membuat bentuk agama kepada niat dan nafsu manusia.

Jaya atau tidak usaha memperalatkan agama, bergantung kepada kemampuan masyarakat Islam mengenal antara yang benar dengan yang tidak. Sudah tentu jika pengetahuan agama dalam masyarakat tidak mencukupi dan tegap, maka sukarlah bagi masyarakat itu mengenal dan menyingkirkan ajaran yang salah. Pentingnya pendidikan agama yang benar di kalangan orang Islam, terutama di kalangan anak-anak di sekolah tentulah jelas daripada ini.

Didikan yang berkesan tidak semestinya bermakna masa didikan yang panjang. Didikan yang berkesan juga tidak bermakna pengetahuan yang mendalam semata-mata. Didikan yang berkesan ialah didikan yang berjaya memberi pengetahuan yang mengukuhkan iman dan menyemai nilai-nilai hidup Islam supaya tidak akan berlaku apa-apa yang terkeluar daripada ajaran Islam atau bertentangan dengannya.

Di zaman moden ini, satu nilai barat yang diagung-agungkan ialah kebebasan. Semuanya mesti bebas dan kerajaan tidak boleh menyekat apa-apa. Masyarakat dan ahlinya mesti bebas bersuara, bebas bersurat-khabar, bebas

bergerak dan bertindak, bebas berpakaian dan bebas beragama. Kebebasan beragama di negara-negara baratlah yang membawa kepada aneka jenis tafsiran terhadap agama Kristian dan akhirnya penyingkiran agama Kristian sama sekali. Dalam kekosongan yang wujud, masyarakat barat telah hilang haluan dan meraba-raba mencari makna kehidupan. Dengan itu, wujudlah berbagai jenis kumpulan daripada atheist sehingga kepada gerakan Hare Krishna yang mentafsir agama Hindu sebagai membotakkan kepala, memakai kain kuning sambil menggoncang loceng dan menari-nari di tepi jalan.

Jika kita juga tertaksub dengan ideologi kebebasan beragama di kalangan orang-orang Islam di negara ini, tidak dapat tidak, kita juga akan sesat. Oleh itu, adalah penting kawalan dilakukan terhadap pelajaran dan pengajaran agama.

Walaupun demikian, pengawalan tidak boleh dilakukan secara tertutup. Jika ini diamalkan, penyelewengan oleh kerajaan akan membawa kepada akibat yang sama buruknya dengan kesan kebebasan. Kawalan yang dimaksudkan ialah kawalan yang teratur yang menentukan saluran-saluran untuk teguran dan kritik terhadap pengawasan yang dilakukan oleh kerajaan.

Sebab itu, seminar pendidikan ini dianggap penting oleh kerajaan. Di seminar seperti ini, semua pihak dapat menyuarakan pandangan mereka dengan cara yang teratur dan tersusun. Lebih penting lagi, di seminar seperti ini, hadirin juga terdiri daripada golongan yang alim dalam bidang yang diperbincangkan. Percubaan memutarbelit atau memperalatkan sesuatu akan dikenali dengan mudah dan disingkir. Hasilnya, ialah pendapat dan rumusan yang bernas yang boleh ditimbang oleh kerajaan.

Sebagai Menteri Pelajaran dan sebagai pemimpin kerajaan, saya mengalu-alukan seminar-seminar ini dan mengucapkan tahniah kepada mereka yang berusaha menyusunnya. Saya juga mengucap terima kasih kepada peserta-peserta dalam seminar ini yang sanggup meluangkan masa dan fikiran dalam usaha ke arah kebaikan.

Penghormatan yang diberi kepada hamba Allah yang jahil ini untuk melakukan pembukaan rasmi seminar ini, saya junjung tinggi dan saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t., supaya diberi-Nya taufik dan hidayat kepada kita semua, mudah-mudahan berhasillah seminar ini.

Dan dengan ini, saya rasmikan pembukaan seminar ini dengan penuh keinsafan dan kesyukuran terhadap pemberian Tuhan.

Wassallamualaikum Warahma tullah Hiwabarakatuh.

---

*Ucapan Semasa Merasmikan Seminar Pendidikan Islam Malaysia  
Yang Kedua Di Dewan Al-Malek Faisal, Fakulti Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, Pada 25 Oktober 1976.*

---

## PERANAN GURU KEPADA MASYARAKAT

**SESUNGGUHNYA** projek Koperasi Perumahan Guru-Guru Melayu Perlis ini merupakan salah satu projek yang membina, membanggakan dan amat sesuai dengan matlamat sosial yang penting dalam pembangunan negara, iaitu untuk memenuhi keperluan-keperluan perumahan. Tiap-tiap tahun, kesesakan penduduk berlaku akibat daripada kelahiran anak yang bertambah dan juga perpindahan mereka dari luar bandar ke bandar.

Jikalau langkah-langkah sewajarnya tidak diambil, masalah-masalah perumahan dan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi akan menjadi lebih rumit, dan ini akan menimbulkan lebih banyak masalah sosial. Masalah-masalah sosial ini tidak akan membawa kemajuan, malahan akan melemahkan segala usaha untuk mencapai kemajuan. Oleh yang demikian, projek perumahan Kampung Guru di Kangar ini patut menerima pujian kerana projek ini telah benar-benar berjaya menyelesaikan setengah daripada masalah perumahan di bandar Kangar ini, khususnya bagi kaum guru.

Namun demikian, masalah perumahan di negara ini termasuk di bandar Kangar ini juga masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Usaha-usaha oleh sektor awam atau kerajaan sahaja tentulah tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan begitu memuaskan oleh kerana permintaan terhadap rumah-rumah dari orang ramai

adalah terlalu banyak dan keupayaan kerajaan adalah terhad. Peranan sektor swasta amatlah diperlukan untuk membantu usaha-usaha kerajaan. Pemaju-pemaju perumahan sepatutnya lebih bertanggungjawab terhadap matlamat-matlamat sosial negara, dan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan yang berlebihan.

Pemaju-pemaju swasta ini patut memperhitungkan juga pembeli-pembeli rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana, yang hanya mampu memiliki rumah-rumah yang harganya berpatutan. Tetapi, jika pemaju-pemaju membina rumah-rumah yang terlalu besar dan mahal, oleh kerana rumah yang mahal akan memberi keuntungan yang lebih daripada pembinaan rumah yang kecil dan murah, selama itulah mereka-mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana tidak akan mendapat faedah daripada pemaju-pemaju rumah swasta ini.

Kaum guru merupakan kakitangan kerajaan yang besar dan sekarang berjumlah kira-kira 800,000 orang dari semua kategori. Daripada segi sejarah, mereka merupakan teras kepada perkembangan pelajaran Melayu; mereka juga menjadi tulang belakang kepada kebangkitan politik tanahair semenjak sebelum merdeka; dan mereka jugalah telah bergiat amat pesat di bidang perniagaan melalui syarikat-syarikat kerjasama yang mereka tubuhkan. Dan mereka juga mempunyai potensi untuk maju di segenap bidang kemajuan dalam tahun-tahun akan datang.

Walau bagaimanapun, segala aspirasi dan cita-cita kaum guru untuk memajukan diri mereka seluruhnya, banyak bergantung kepada pimpinan dan bimbingan daripada ketua-ketua mereka. Hanya pemimpin-pemimpin yang memahami serta dapat menyatukan aspirasi-aspirasi kaum guru dan aspirasi masyarakat dan negara akan dapat memberi pimpinan dan bimbingan yang berkesan.

Pemimpin-pemimpin yang mengutamakan kepentingn diri dan menggunakan kesatuan-kesatuan sebagai alat atau membenarkan diri mereka yang kesatuannya dijadikan alat oleh pihak-pihak lain yang tertentu atas tujuan-tujuan tidak sihat, tidak mempunyai tempat dalam usaha kita

membangunkan negara. Saya berharap, kaum guru tidak mudah diperalatkan oleh pemimpin-pemimpin mereka yang tidak bertanggungjawab ataupun membenarkan pemimpin-pemimpin mereka itu diperalatkan oleh pihak-pihak lain untuk tujuan-tujuan yang boleh merosakkan imej guru dan seterusnya menjejas usaha-usaha pembangunan negara.

Saya merasa gembira melihatkan kaum guru di negeri Perlis ini telah memainkan peranan yang positif dan berkesan, terutamanya dalam kontek perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru negara ini. Sesungguhnya, negara ini masih memerlukan lebih banyak pelaburan dalam berbagai bidang kegiatan ekonomi. Sehingga masa ini, kita dapat melihat banyak kesatuan-kesatuan guru di seluruh negara telah bergiat di bidang perniagaan melalui syarikat-syarikat kerjasama masing-masing. Selain daripada memberi pinjaman wang kepada ahli-ahli, svarikat-syarikat itu juga telah melaburkan wang untuk membangunkan rumah-rumah seperti projek perumahan guru-guru di Perlis ini dan mendirikan rumah-rumah kedai untuk disewa ataupun menjalankan perniagaan-perniagaan lain.

Semua ini menunjukkan perkembangan-perkembangan yang sihat. Namun demikian, syarikat-syarikat kerjasama guru-guru mungkin belum memasuki bidang perusahaan yang lebih *sophisticated* seperti perusahaan perkilangan yang akan banyak menggunakan modal, kepakaran dan tenaga pekerja. Saya berharap, dalam masa tidak lama lagi syarikat-syarikat guru ini boleh bergabung menjadi sebuah syarikat yang lebih besar sehingga mempunyai cukup modal untuk dilaburkan di bidang perkilangan ataupun perusahaan yang lebih besar.

Saya tidak menganggap ini merupakan satu angan-angan memandangkan bilangan kaum guru yang ramai dan mereka boleh mempunyai modal yang banyak dengan syarat mereka mempunyai azam dan semangat untuk maju di dalam bidang perniagaan. Usaha-usaha seperti ini amatlah dihargai oleh kerajaan memandangkan kerajaan perlukan pelaburan yang banyak dalam Rancangan

Malaysia Ketiga untuk tujuan pembangunan, terutama daripada sektor swasta.

Kejayaan kaum guru, dan lebih tepat kesatuan-kesatuan guru, melalui syarikat kerjasama mereka di bidang perniagaan berpunca, daripada kesedaran kaum guru itu sendiri tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat. Saya berharap, lebih banyak kesatuan-kesatuan kakitangan kerajaan dan swasta menabung dan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dalam syarikat-syarikat kerjasama yang mereka menjadi ahli untuk dapat dilaburkan dalam bidang perusahaan yang bukan sahaja memberi keuntungan kepada ahli-ahlinya tetapi juga kepada negara.

Sebagaimana termaklum, kemampuan penabungan (atau *saving*) bergantung kepada tabiat penggunaan (*consumption habits*) anggota sesebuah masyarakat. Jikalau anggota-anggota masyarakat sangat boros membelanjakan pendapatannya kerana membeli barang-barang yang tidak perlu seperti barang-barang kemewahan, maka kuranglah bahagian atau tidak ada langsung bahagian daripada pendapatannya yang boleh ditabungkan. Ini bermakna, kuranglah kadar pelaburan yang boleh dilakukan. Kekurangan pelaburan bermakna kurang peluang-peluang pekerjaan, dan ini tentu menimbulkan banyak masalah sosial.

Oleh yang demikian, dalam negara membangun seperti negara kita kini, setiap rakyat yang lebih sedikit pendapatannya hendaklah mengubah sikap untuk menabungkan sebahagian daripada pendapatannya untuk dapat dijadikan pelaburan. Dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, rakyat daripada golongan bumiputera khususnya, hendaklah mengubah sikap supaya tidak banyak membelanjakan wang atas barang-barang yang tidak perlu supaya dapat menambah tabungan atau simpanan.

Dengan tabungan yang bertambah, pelaburan akan bertambah, dan apabila pelaburan bertambah lebih cepat penyertaan bumiputera untuk mencapai matlamat 30 peratus kegiatan ekonomi negara di semua bidang dan

peringkat. Tanda-tanda bahawa lebih ramai kaum bumiputera menceburkan diri di bidang perniagaan, sudah dapat kita lihat sekarang dan tidak kurang juga kita dapat melihat kaum bumiputera yang banyak membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka kerana membeli barang-barang yang tidak begitu perlu. Di samping kita bersyukur melihatkan kemajuan yang dicapai oleh kaum bumiputera dalam tempoh yang singkat, janganlah pula kita lupa atau abaikan gejala-gejala yang boleh melambat atau mematahkan kemajuan yang telah dan akan dicapai.

Gejala boros berbelanja dan belia-belia bumiputera diresapi oleh pengaruh-pengaruh dadah dan anasir-anasir anti-nasional dan subversif komunis merupakan contoh-contoh tidak sihat yang mesti kita hadapi dengan penuh kejujuran, keinsafan dan tanggungjawab. Kita hendaklah sedar bahawa hakikat kepentingan negara itu adalah juga kepentingan diri kita, dan ke arah menegakkan kepentingan negaralah yang seharusnya sama-sama kita tujui.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, saya ingin menasihatkan kaum guru bahawa masyarakat sentiasa menaruh harapan yang paling tinggi kepada guru untuk memberi pelajaran dan pendidikan kepada anak-anak mereka dengan sebaik-baiknya. Imej kaum guru yang mulia tidak akan terjamin dengan hanya mengadakan projek-projek pembangunan seperti projek Kampung Guru ini. Ini adalah kerana tugas dan tanggungjawab kaum guru yang utama ialah memberi pelajaran dan pendidikan kepada anak-anak muridnya.

Anak-anak muridnya mesti mendapat bimbingan pelajaran sepenuhnya daripada guru-guru mereka. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada kaum guru, bahawa apa yang penting ialah kemampuan dan kesanggupan mengimbangkan tugas mutlak mereka di sekolah dengan tugas sambilan di luar sekolah. Hanya dengan berpegang kepada prinsip keseimbangan ini, maka kedudukan dan imej kaum guru akan sentiasa terjamin dan disanjung.

tinggi oleh masyarakat.

---

*Ucapan Di Upacara Pembukaan Rasmi Kampung Guru, Kangar,  
Perlis, Pada 29 November 1976.*

---

## PENGAJIAN MELAYU SEBAGAI INSTITUSI TAMADUN BANGSA

DENGAN meneliti sepintas lalu Perlembagaan cadangan persatuan ini kita boleh faham bahawa ianya ialah sebuah persatuan ilmiah yang akan menumpukan seluruh minat dan matlamat perjuangannya kepada perkembangan dan kemajuan pengajian Melayu. Dan di sini, kita faham juga bahawa pengajian Melayu itu tidak terhad hanya kepada jabatan-jabatan dan institusi-institusi, yang menggunakan nama itu saja.

Ia merangkumi semua jabatan, institusi-institusi dan lain-lain badan yang terlibat dengan kerja-kerja mengkaji, mendokumen, mengumpul artifek-artifek, menulis dan seterusnya apa juga badan yang menggunakan kebudayaan dan tamadun bangsa Melayu itu sebagai tapak atau latar belakang aktiviti-aktivitinya. Dengan begitu, pengajian Melayu tidak akan terhad kepada bidang-bidang bahasa, kesusastraan dan kebudayaan seperti yang kita fahamkan hari ini, tetapi merangkumi bidang-bidang lain termasuk sejarah, ilmu alam, pengajian agama, sosiologi dan antropologi, sains politik, sains dan teknologi, ekonomi dan perindustrian, perubatan, kejuruteraan, seni reka dan seni bina, dan seterusnya apa saja cabang ilmu yang ada hubungannya dengan bangsa dan tamadun Melayu.

Takrif Melayu yang difahamkan di sini juga tidak terhad kepada satu suku bangsa di Semenanjung atau di Malaysia, tetapi termasuk seluruh suku bangsa dalam

rumpun Melayu - Polinesia yang tersibar dalam daerah yang luas dari Madagaskar ke Pulau Easter dan dari Formosa ke Kepulauan Indonesia. Daripada segi jumlah, suku bangsa ini tidak kurang daripada 150 juta orang. Luasnya daerah dan penyebaran bangsa dan tamadun Melayu, demikian pula luasnya bidang ilmu yang berhubungan dengannya, akan dengan sendirinya menunjukkan kepentingan pengajian Melayu itu sebagai satu cabang ilmu yang mesti dipelopori dan diperkembangkan, sesuai dengan kepentingan konteks dan zamannya.

Sesungguhnya kita menyedari, dalam waktu yang akhir-akhir ini, ada pendapat yang kabur-kabur daripada setengah golongan yang mengatakan pengajian Melayu itu sudah kurang penting atau tidak diperlukan lagi. Dengan kedudukannya sebagai satu daripada cabang ilmu dalam Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, ia dianggap tidak sepenting Sains dan Teknologi yang mempunyai peranan yang praktis dan nyata dalam kehidupan manusia dewasa ini. Namun demikian, sebagai manusia terpelajar, yang dapat melihat dan mempertimbangkan sesuatu itu dalam perspektifnya yang wajar, kita akan terus menyedari bahawa Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan itu umumnya, dan Pengajian Melayu itu khususnya, akan terus mempunyai kepentingan dan keperluannya dalam masyarakat semasa dan yang akan datang.

Dalam hal ini mungkin ditimbulkan soalan, apakah pentingnya dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh sebuah persatuan seperti Persatuan Pengajian Melayu yang sedang dirangkakan ini. Melihat pada matlamat dan bidang pergerakannya, persatuan ini mempunyai rancangan jangka panjang yang luas untuk memperkembang dan memajukan pengajian Melayu. Persatuan ini juga akan berfungsi sebagai saluran untuk memikir dan menyampaikan idea dan *approach* yang lebih berkesan di samping mengumpulkan sebanyak mungkin tenaga dan wang untuk tujuan-tujuan pengkajian dan penyelidikan.

Semua ini jelas kepada mereka-mereka yang menganjur persatuan ini dan juga mereka-mereka yang

akan tertarik dengan tujuan dan hasrat persatuan dan oleh itu akan menyertainya. Tetapi, apabila sesuatu persatuan telah ditubuh, akan ada ahli-ahli yang berpendapat kenapa tidak badan ini digunakan untuk lain-lain kegiatan. Ada yang akan mencadang, penceburan dalam bidang perniagaan dengan alasan menambah punca kewangan. Ada yang berpendapat, ianya patut memainkan peranan dalam bidang politik. Ada pula yang memilih perkara tertentu untuk diutarakan walaupun perkara ini tidak ada kena-mengena dengan tujuan dan fungsinya.

Saya berharap, persatuan ini tidak akan dipesongkan dari tujuan asalnya. Ini tidak bermakna bahawa ahlinya tidak patut mengambil bahagian dalam bidang lain tetapi persatuan tidak harus diperalatkan untuk tujuan lain. Pendapat berkenaan dengan bidang-bidang lain ini biasanya tidak sama antara seorang ahli dengan ahli yang lain. Oleh itu, besar kemungkinan perpecahan berlaku dan hasrat dan tujuan asal tidak dicapai.

Memandang kepada kemungkinan ini saya ingin menasihatkan supaya badan yang akan ditubuh ini memegang teguh kepada tujuan asalnya. Sebagai sebuah badan ilmiah, ianya patut diletak lebih tinggi daripada politik khususnya partisan politik. Tafsiran yang dibuat tentang asas-asasnya juga tidak harus dipersoalkan oleh ahli-ahli. Mereka sepatutnya menerima tafsiran ini atau tidak menyertainya. Perbuatan menukar tafsiran dan tujuan akan menimbulkan kucar-kacir dan perpecahan yang akan menyekat kejayaan persatuan.

Dalam menghadapi tugas-tugas yang perlu dijalankan, persatuan ini tentulah memerlukan wang yang cukup. Jika ianya tidak diizinkan berniaga, punca kewangan yang berkesan ialah Yayasan Penyelidikan (*research Foundation*). Ahli-ahli yayasan ini patutlah terdiri daripada institusi-institusi yang boleh membayai yayasan serta juga penyelidikan yang akan dibuat. Pihak Kementerian Pelajaran pula akan memberi apa juga sokongan dan kerjasama yang diperlukan untuk menjayakan persatuan ilmiah ini.

Walaupun demikian, haruslah kita ingat, tidaklah mudah bagi sebuah persatuan awam mendapat bantuan kerajaan atau badan-badan yang berkenaan kalau persatuan itu tidak menunjukkan semangat perpaduan dan kerjasama daripada ahli-ahli atau orang-orang yang sepatutnya menjadi ahli. Oleh itu, persatuan ini mestilah membuktikan adanya sokongan dan penggembelangan tenaga dari setiap individu dan golongan, khasnya golongan-golongan yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti akademik, pendidikan, pelajaran, penulisan, pengkajian dan penyelidikan. Persatuan ini juga tidak seharusnya dimonopoli atau dianggotai oleh satu-satu golongan sahaja. Saya percaya hal ini tidak akan berlaku, sebaliknya ia akan mendapat penyertaan daripada setiap individu yang merasa bertanggungjawab untuk menyumbangkan tenaga dalam mencapai cita-cita dan matlamat persatuan ini.

Sebagai salah seorang yang diberi tugas dan peranan dalam pendidikan dan pelajaran tinggi negara, saya ingin menyampaikan ucapan taniah dan mengalu-alukan persatuan yang mendokong cita-cita dan matlamat Dasar Pelajaran Tinggi Negara. Setakat ini, setahu saya tidak ada persatuan umum yang jelas penglibatannya dalam hal ini. Sehingga ini, aktiviti-aktiviti yang merupakan matlamat persatuan ini telah dijalankan oleh orang-orang perseorangan, perkumpulan-perkumpulan kecil dan institusi-institusi yang tertentu antaranya universiti-universiti, perpustakaan-perpustakaan, muzium-muzium dan arkib.

Masing-masing institusi bergerak dan bertindak secara berasingan tanpa hubungan dan koordinasi dengan yang lain. Sebaliknya, kita mengetahui pula wujudnya persatuan-persatuan yang mempunyai aktiviti yang am di luar negeri dan di negara-negara tetangga. *The Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, yang mempunyai cawangannya di Malaysia, dapat kita sebut sebagai contoh. Di negeri Belanda, masih wujud persatuan-persatuan yang meneruskan pengkajian dan penyelidikan terhadap negeri-negeri Asia, termasuk Malaysia. Di Thailand, adanya *The Siam Society*, *The Royal Society of*

*Arts and Literature* dan beberapa yang lain, yang telah menghasilkan pengkajian dan penyelidikan akademik dan kebudayaan yang tinggi mutunya.

Apa yang kita harapkan, dengan tertubuhnya Persatuan Pengajian Melayu ini, akan dapatlah kita melihat penggembangan tenaga yang lebih baik, lebih dikoordinasi dan dirancang bersama oleh individu-individu, badan-badan, institusi-institusi dan lain-lain perkumpulan yang mempunyai peranan dan penglibatannya dalam bidang ini. Dan kalau hal ini berjaya, akan dapat pula nanti kita melihat hasil-hasil yang lebih *representative* yang dibuat dengan daya fikir dan daya usaha orang-orang tempatan dan daripada dalam kebudayaan itu sendiri.

Satu perkara lagi yang mungkin ditekankan ialah tentang peranan sebuah persatuan seperti ini dalam konteks pembangunan negara dan keperluan masyarakatnya. Apakah misalnya peranan persatuan ini yang dianggotai oleh golongan akademik, penyelidik dan pengkaji kepada masyarakat seluruhnya. Tentunya persatuan ini tidak akan menumpukan perhatian semata-mata untuk kepentingan ahli-ahlinya saja. Sebuah masyarakat yang sedang membangun seperti masyarakat Malaysia, memerlukan juga sumbangan daripada golongan akademik, penyelidik dan para sarjana. Pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang berasas dan membina, hasil daripada analisa dan pemerhatian yang kritis daripada para sarjana, akan dapat menambahkan lagi kekuatan semangat dan kepercayaan masyarakat dalam menerima pembangunan dan mengisi peluang-peluang kemajuan.

Satu projek yang saya tahu akan dijalankan oleh persatuan ini nanti ialah yang diberi tema "Ethos Melayu". Penyelidikan ini bertujuan, mengkaji dan mengupas pemikiran dan kehidupan manusia Melayu dengan lebih terperinci dan menyeluruh. Mungkin rumusan daripada penyelidikan ini dapat memberikan pandangan dan nilai-nilai yang baru yang dapat pula membantu dalam meningkatkan

peribadi dan pemikiran masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, peranan seperti ini baru merupakan sebagai suatu contoh yang kecil daripada segi peranan yang lebih besar yang kita harapkan daripada persatuan ini nanti.

---

*Ucapan Di Upacara Perasmian Penajaan Persatuan Pengajian Melayu, Di Oditorium Universiti Kebangsaan, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Pada Hari Sabtu, 15 Oktober 1977, Jam 9.00 Pagi.*

---

## KONVENSYEN PENDIDIKAN

SAYA bukanlah seorang pendidik, baik daripada segi latihan dan ilmu yang saya terima, maupun daripada segi pekerjaan yang saya praktikkan. Bagaimanapun, saya mungkin dibenar menganggap diri saya sebagai orang pendidik juga kerana minat dan penglibatan saya, secara langsung atau tidak, dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah pendidik sejak beberapa tahun yang lalu. Dan ditambah pula, sejak dua tahun yang lalu, saya diberikan pula tugas untuk mengetuai Kementerian Pelajaran.

Pendidikan sebagai satu disiplin, hanya baru akhir-akhir ini sahaja dibincangkan dengan meluas dan mendalam di negara kita ini. Tetapi oleh orang ramai, ia telah dianggap sebagai satu bidang yang tidak terlalu khusus, seperti umpamanya, perubatan atau kejuruteraan. Oleh yang demikian, boleh dikatakan tiap-tiap orang dewasa, merasa layak membicarakan atau membincangkan hal-hal yang berhubung dengan pendidikan. Satu lagi sebab mengapa orang ramai merasa layak membincangkan pendidikan ini, ialah kerana, kepada mereka terutamanya kepada orang-orang Melayu sendiri, pendidikan atau pelajaran adalah satu-satunya alat terakhir untuk menebus semula kedudukan mereka yang tertindas daripada segi ekonomi. Dengan kata lain, mobiliti dari bawah ke atas adalah mungkin menerusi pendidikan.

Kalau kita tinjau penulisan dan perbincangan

pendidikan dalam dua puluh tahun kebelakangan ini, kita dapat i satu perkembangan yang amat menggalakkan. Berbanding dengan Penyata Razak, yang memberikan rangka dasar permulaan kepada sistem pendidikan formal di negeri ini, kita dapat i penulisan dan perbincangan pendidikan pada hari ini, jauh lebih '*specialized*', jauh lebih akademik, jauh lebih mendalam, dan jauh lebih profesional.

Dulu, orang menggunakan istilah pelajaran dan pendidikan seolah-olah kedua-dua istilah itu sama erti dan maksudnya. Sekarang, pada pagi ini, saya difahamkan, konvensyen ini akan membincangkan konsep pelajaran dan pendidikan itu sebagai dua hal yang berbeza.

Dua puluh tahun dahulu, orang bercakap tentang sukanan pelajaran yang sama kandungan atau '*common-context syllabus*'. Sekarang, orang bercakap tentang kurikulum dan ko-kurikulum. Dulu, orang-orang bercakap tentang tujuan am dan tujuan khas pelajaran. Sekarang, guru-guru bercakap tentang matlamat pendidikan dalam bidang-bidang kognitif, efektif, dan psikomotor. Dulu, Penyata Razak menyebut *Malayan Outlook*. Sekarang, orang menyebut sosialisasi politik menerusi pendidikan.

Banyak lagi konsep-konsep baru yang kita dengar dalam beberapa tahun akhir-akhir ini seperti ujian diagnostik, peluang pendidikan sama, pendidikan imbuhan, pendidikan pra-sekolah, dan pendemokrasian peluang pelajaran. Dalam konvensyen ini pula, menurut Jawatankuasa Penyelenggaranya, akan disarankan supaya konsep 'pendidikan umum', pada peringkat pendidikan permulaan itu diubah supaya lebih bercorak 'pendidikan asas'.

Sebagai yang saya sebutkan sekejap tadi, perkembangan pemikiran pendidikan di negara kita ini, bagi saya sendiri, amat menggalakkan. Di samping itu, kita juga melihat perkembangan dalam sistem pendidikan formal di negara kita ini sendiri. Dua dekad yang lepas memperlihatkan usaha kerajaan memperkembangkan sistem pendidikan kita supaya dapat mengisi kehendak-kehendak,

seperti mengadakan tempat bagi semua kanak-kanak yang layak bersekolah dengan percuma selama sembilan tahun, membantu murid-murid dengan buku-buku teks pinjaman dan melatih ramai guru-guru bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih.

Perkembangan sistem pendidikan ini, dapat juga ditinjau daripada dua segi lain. Pertama, kalau dulu kita hanya mempunyai sebuah universiti sahaja, kini dalam jangka waktu lima tahun, kita telah mempunyai empat buah universiti lagi. Kedua, kalau dalam Rancangan Lima Tahun yang kedua, Kementerian Pelajaran menerima peruntukan sebanyak \$260 juta, peruntukan yang diterima dalam Rancangan Malaysia Pertama sebanyak \$440.8 juta, dalam Rancangan Malaysia Kedua \$537.26 juta, dan akhir sekali dalam Rancangan Malaysia Ketiga \$1,450 juta.

Perkembangan-perkembangan ini, pada umumnya, ialah bercorak perkembangan kuantiti. Kita menambah bilangan sekolah, bilangan maktab, bilangan politeknik, bilangan universiti, bilangan buku, bilangan guru, dan lain-lain. Ini terjadi kerana dua sebab. Sebab yang pertama ialah masalah prioriti yang mendesak. Kita diabaikan dalam zaman penjajah dahulu. Bila kita merdeka, kita terpaksa cuba mengatasi masalah serba kekurangan itu terlebih dahulu. Dalam keadaan yang demikian, mengadakan kuantiti dengan harapan kualiti juga akan ikut berkembang adalah mungkin; tetapi mengadakan kualiti, tanpa terlebih dahulu mengadakan kuantiti, adalah tidak mungkin sama sekali. Oleh sebab itulah, aspek kuantiti ini diberikan keutamaan lebih dulu.

Sebab yang kedua, ialah kerana apa yang dapat disediakan dengan mudah ialah struktur. Mengisi struktur itu, atau memberi erti kepada struktur itu, adalah tanggungjawab dan sumbangaan ahli-ahli komuniti profesi pendidikan itu sendiri, iaitu guru-guru dan pendidik-pendidik. Dalam konteks inilah, maka saya melihat dengan gembira, perkembangan pemikiran pendidikan dalam penulisan dan perbincangan di kalangan pendidik dalam beberapa tahun yang akhir ini. Dan dalam

## ISLAM DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI

**WALAUUPUN** seminar kerap kali diadakan dan kerap kali juga didapati seminar tinggal seminar, tetapi saya berpendapat, bahawa seminar seperti ini masih berguna dan perlu diadakan. Jika sekalipun usul dan rumusan yang dibuat oleh seminar tidak dapat dilaksanakan, tetapi seminar seperti ini tetap dapat menambah pengetahuan dan merapatkan lagi hubungan antara mereka yang mengambil bahagian. Dan kedua-dua ini, iaitu merapatkan perhubungan (dan persaudaraan) serta menambah pengetahuan, memanglah dituntut oleh agama Islam, agama yang kita semua nanti.

Pemilihan tajuk ini juga adalah kena pada tempat dan masanya. Pusat pengajian tinggi bukan sahaja menjadi tempat mempelajari dengan mendalam segala ilmu dan juga agama tetapi di zaman ini, pusat pengajian tinggi juga menjadi pusat untuk berbagai kegiatan termasuk perkembangan agama dan amalannya. Jika ada sesuatu revolusi pemikiran baik pun tindakan, maka pusat pengajian tinggilah yang menjadi pusat dan puncanya.

Memang benar, bahawa usaha mempelajari, memahami dan mengambil tindakan adalah baik dan penting dalam menjayakan sesuatu. Di samping itu, harus juga diingat bahawa kita bukan sahaja boleh mempelajari dan memahami yang baik dan bertindak untuknya tetapi kita juga boleh mempelajari, memahami dan mengambil

tindakan di atas asas yang tidak baik. Contohnya ialah, *cell* komunis biasanya diadakan di pusat-pusat pengajian tinggi dan dari situlah mereka membuat berbagai rancangan untuk menimbulkan huru-hara dan merebut kuasa.

Oleh itu, adalah penting kita tentukan, terutamanya dalam agama Islam, tidak terjadi perkembangan pelajaran dan fahaman yang salah dan tindakan-tindakan yang berasas kepadanya di pusat-pusat pengajian tinggi. Kemungkinan pelajaran agama yang salah berlaku dalam pusat pengajian tinggi, bukanlah sesuatu yang mustahil. Kemungkinan ini sebenarnya bertambah di masa-masa yang lampau ini. Ini disebabkan oleh iklim yang terdapat dalam dunia Islam sekarang. Pada sesiapa juga tentulah nyata, bahawa agama Islam sedang mengalami sesuatu *period* yang segar dalam mana ramai penganutnya mempunyai minat yang kuat untuk menjalankan hukum-hukum Islam dengan sepenuhnya.

Sungguhpun minat ini boleh mengukuh dan mengembangkan ajaran Islam yang sebenar, tetapi dalam keadaan ini ajaran yang salah juga mudah diterima dan dikembangkan. Ini dapat dilihat daripada berbagai kegiatan yang terdapat sekarang. Siapa juga yang membawa pendapat atau pelajaran yang dikaitkan dengan agama Islam dianya mudah dilayan dan ajarannya diterima dan diamalkan. Umpamanya, ada yang berkata, bahawa Islam ialah simpan rambut panjang, atau pakai kain pelekat yang singkat, atau warna hijau, atau membuang peti televisyen, atau kopiah putih atau kopiah hijau dan lain-lain. Dan, semua ini diterima oleh kumpulan itu dan kumpulan ini dan diamal serta dipertahankan oleh mereka kadang-kadang dengan sombongnya.

Bermula dengan pendapat yang tidak begitu ekstrem, lama-kelamaan datanglah pendapat dan ajaran yang melampaui batas dan akhirnya menyeleweng dan sesat. Ada yang berpendapat, bahawa memusnah patung-patung penganut agama lain menentukan tempat di syurga. Dan ini pun diamalkan. Ada yang berpendapat pula, bahawa paksaan adalah cara yang lebih berkesan. Dan ini dicuba-

nya. Dan ada pula yang sudah sampai kepada peringkat merancang keganasan dan rebutan kuasa sebagai cara yang diarahkan oleh agama.

Tidak cukup dengan ini, ada yang ingin memperalatkan agama dan Tuhan untuk kepentingan diri atau kumpulan. Dengan ini, datangkanlah ajaran yang karut yang tidak lagi berasas agama Islam. Ada yang menjadi Saidina Abu Bakar dan Iman Mahadi. Ada yang mengaku diri mereka sebagai orang yang luar biasa, mempunyai kuasa ghaib dan lain-lain lagi.

Memandang kepada kemungkinan seperti inilah maka seminar seperti ini menjadi penting. Dalam seminar yang terbuka seperti ini, tidak banyak ajaran dan tafsiran yang salah dapat dikembangkan. Mungkin ada yang akan cuba menggunakan forum ini untuk perjuangan tertentu tetapi kerana ramai yang berpengetahuan, usaha seperti ini tentu tidak akan begitu berkesan. Yang hadir tentu akan tolak segala-galanya, yang tidak betul dan benar, dan menerima cuma yang benar sahaja.

Sebab itu, saya mengalu-alukan seminar ini dan tajuknya. Peserta yang menyediakan kertas-kertas perbincangan pula terdiri daripada mereka yang terkenal daripada segi minat dan pengetahuan. Penglibatan peserta dari negara ASEAN juga merupakan satu langkah lagi dalam kemajuan kerjasama di antara negara-negara ini dan dalam merapatkan perhubungan antara umat Islam di rantau ini. Dalam dunia yang begini cacat dan sering sesat, saya tidak dapati apa-apa yang tidak baik dalam susunan dan urusan seminar ini.

Harapan saya ialah, tiada siapa pun yang akan mencacatkan seminar ini untuk kepentingan diri atau pertubuhan dengan cara mengaitkan kepentingan ini dengan agama. Saya berdoa supaya tiada siapa akan cuba memperalatkan Tuhan untuk kepentingan tertentu seperti yang berlaku baru-baru ini, tetapi sebaliknya berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar dalam tiap-tiap sesuatu yang diperkatakan atau tindakan yang diambil.

*Ucapan Di Upacara Perasmian Seminar – "Islam Di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi ASEAN" Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Pada Hari Sabtu, 2 Disember 1978, Pada Jam 10.00 Pagi.*

---

# **PERBICARAAN**

# **UMUM**

## PERANG DI MALAYSIA SEKARANG: APAKAH ERTINYA?

**MALAPETAKA** perang di Lebanon dan Ireland Utara, tidak difahami oleh kebanyakan orang-orang Malaysia. Mereka tidak mengerti pembunuhan sia-sia sedang berlaku di bumi bertuah ini.

Tapi kengerian perang mungkin menjadi satu perkara nyata sekiranya setiap rakyat yang belum terlibat secara langsung, tidak mengerti mengenai peperangan yang sedang berlaku di negeri kita. Hari ini, mereka yang malang kebanyakannya ditanggung oleh pasukan keselamatan; pihak yang bertempur.

Mereka terkorban atau cedera kerana mereka dapat menyekat dan mengusir pengganas-pengganas daripada sasaran-sasaran yang selamat. Tetapi bagaimana yang telah diterang, bahawa pasukan juruukur dan pekerja-pekerja lebuh telah diserang pengganas dan dibunuh.

Pengganas memasang jerangkap samar secara membabi buta dan telah membunuh dan akan membunuh ramai lagi pekerja-pekerja yang mencari nafkah dalam hutan.

Pengalaman dalam darurat yang lalu menunjukkan ke mana arus perang ini, sekiranya pasukan keselamatan tidak mendapat sokongan yang diperlukan daripada setiap rakyat.

Adalah sangat penting bagi setiap rakyat mengetahui mengenai peperangan yang sedang berlaku sekarang. Ini ialah perang rakyat. Ini bukan semata-mata perang kerajaan.

Dalam sistem pemerintahan negara kita, pihak yang memimpin kerajaan mungkin berubah. Inilah yang seharusnya berlaku. Asas ini telah ada kerana tanpa satu organisasi seperti kerajaan, tidak ada negara yang yang akan wujud.

Asas ini telah sedia ada kerana tanpa asas dan kacau-bilau saja yang akan berlaku. Walaupun setengah-setengah perkara yang dilakukan oleh kerajaan mungkin membebankan rakyat, namun ia melindungi rakyat daripada huru-hara; melindungi rakyat yang lemah daripada penindasan mereka yang kuat, dan melindungi mereka yang tidak berdosa daripada mereka yang tidak berperikemanusiaan.

Dalam mempertahankan negara, rakyat tidak syak lagi juga mempertahankan kerajaan. Tanpa kerajaan yang berkuasa sekarang, pertahanan yang teratur mustahil dapat diadakan. Malapetaka di Lebanon berpunca daripada tujuan menentang Israel dan menjatuhkan kerajaan yang berkuasa dan hasrat menjatuhkan kerajaan lebih diutamakan daripada menentang Israel.

Akibatnya, setiap kerajaan baru Lebanon bukan bertambah keazamannya untuk menentang Israel atau memerintah dengan adil, tetapi melemahkan negara dan tidak ada harapan untuk melahirkan perpaduan nasional yang perlu untuk melemahkan kerajaan yang berkuasa sekarang, hanya akan melanjutkan perang dan menimpa segala kesusahan-kesusahan. Sekiranya sesuatu peristiwa malang luar biasa berlaku dan kita tewas dalam perang ini, maka pihak yang kalah bukanlah kerajaan tetapi mereka yang bertindak melemahkan kerajaan. Pihak yang menang hanyalah musuh.

Adalah suatu perkara yang benar bahawa cara yang paling baik untuk menggantikan kerajaan atau pemimpinnya, jika ini benar-benar diingini ialah menyokong kerajaan sepenuhnya dalam masa krisis.

Apabila krisis telah berakhir, maka usaha melahirkan sebuah kerajaan baru dijalankan dan hal ini mempunyai harapan baik mencapai kejayaan. Kerajaan campuran

British dalam Perang Dunia Kedua, membolehkan kerajaan menghadapi perang dengan berkesan. Kejayaan ini tidak menghalang kejatuhan kerajaan *conservative* pimpinan Winston Churchill selepas tamat Perang Dunia Kedua.

Sekiranya Parti Buruh British bertindak melemahkan kerajaan *conservative* dalam masa perang, maka perang akan berlanjutan. Dalam suasana gelap selepas kejatuhan negeri Perancis, Britain yang tidak bersatu mungkin akan menyerah diri.

Dalam keadaan yang sama, sama ada rakyat suka atau tidak kepada kerajaan Malaysia, mereka mesti menyokongnya sekarang, sekiranya mereka sayang kepada negara ini. Hanya mereka yang tidak peduli apa yang terjadi ke atas negara dan suka negara ini jatuh di bawah perintah kuku besi komunis saja yang tidak akan menyokong kerajaan.

Pada saat ini, anggota pasukan keselamatan kita dibunuhi dan cedera kerana mempertahankan negara. Mereka berkorban dengan penuh dedikasi dan gagah berani. Mereka yakin bahawa mereka berjuang untuk negara. Kepada mereka, negara ialah rakyat dan kerajaan. Mereka tidak membezakan antara keduanya. Dan, perjuangan mereka sangat berkesan kerana konsep mereka terhadap negara adalah mudah dan praktik.

Bagi apa yang dikatakan para intelek dan ahli-ahli politik kedai kopi, konsep ini tidak memuaskan hati. Mereka ingin mengalihkan perhatian perajurit-perajurit kita dengan cuba membezakan antara kerajaan dan negara.

Mereka cuba mempermudah perasaan manusia; ketakutan, cemburu dan dengki. Perang sentiasa menyedihkan. Dalam perang tentu ada orang yang akan mati atau cacat supaya orang lain dapat hidup dan generasi yang akan datang selamat.

Ada setengah-setengah pihak yang mencadangkan, bahawa orang lain harus menggantikan mereka yang menghadapi musuh sekarang. Jika orang lain yang menghadapi

musuh, maka mereka pula akan menjadi "pihak yang malang" dan perasaan mereka akan mudah dipergunakan oleh mereka yang dikatakan membela golongan tertindas.

Orang yang cuba memfitnahkan, bahawa manakala mereka di medan pertempuran mengorbankan jiwa raga, mereka yang dibelakang medan tidak peduli langsung, berbuat begitu bukan kerana mereka benar-benar membela nasib perajurit-perajurit di medan perang, tetapi hanya untuk melemahkan semangat pejuang-pejuang kita. Orang-orang yang menganggap diri mereka sebagai pembela rakyat itu, sebenarnya ialah pihak yang mencacatkan dan mengorbankan perajurit-perajurit kita.

Dengan meracun fikiran askar dan polis dengan menimbulkan perasaan marah dan mengelirukan, mereka menghalang perajurit kita menumpukan sepenuh perhatian dalam perang tanpa perhatian dan tumpuan sepenuhnya dalam setiap perjuangan, kecil atau besar, mengakibatkan perajurit-perajurit kita terkorban atau cedera.

Mereka yang mengkritik dan memesangkan perhatian perajurit kita ialah pihak yang menolong membunuh dan mencederakan pejuang-pejuang kita, dan mereka itu tidak wajar diberi perlindungan daripada perajurit-perajurit kita di medan perang. Perang bukanlah satu gerakan ekonomi. Perang tidak boleh diasaskan kepada perbelanjaan yang paling kecil dan kejayaan paling besar. Bantuan besar-besaran Amerika Syarikat di peringkat akhir perang Vietnam boleh meleburkan komunis, sekiranya bantuan itu dibuat pada permulaan perang. Tetapi pada permulaan perang, bantuan itu hanya seimbang dengan kekuatan komunis ketika itu. Akibatnya, perang berlarutan dan menimpa pengorbanan jiwa dan perbelanjaan besar. Sekiranya bantuan besar-besaran diberi pada permulaan, pengorbanan dan perbelanjaan tidaklah sebegitu besar.

Kekalahan selepas perang berlanjut itu dan pengorbanannya yang dideritai, adalah sangat mengerikan. Bagi askar atau anggota polis yang berjuang di medan perang juga perlu mengetahui apakah ertinya perang ini dan mengapa ia diminta berjuang. Jiwa seorang manusia,

baik askar atau sesiapa saja, tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Untuk mengatakan bahawa seorang askar berperang kerana ia dibayar gaji untuk berjuang ialah menghina perjuangan dan kepercayaan mereka untuk mempertahankan negara serta merendahkan mereka kepada peringkat orang yang menerima upah. Sebenarnya dalam perang, pengorbanan sebilangan kecil perajurit ialah untuk kepentingan seluruh rakyat dan negara. Kegagalan golongan ini berjuang dengan gagah berani menghadapi musuh, akan mengakibatkan seluruh rakyat terlibat, dan perang akan berlanjutan dan bertambah besar. Di antara yang terlibat ialah anak dan saudara mara dan sahabat handai segolongan kecil perajurit yang diminta berjuang. Kegagalan mereka berjuang, akhirnya akan membawa kekalahan, dan dalam kekalahan ini, tidak seorang pun yang akan selamat. Jika sekarang ada orang-orang pelarian lari dari negara-negara yang kalah, di masa depan mungkin ada orang-orang pelarian Malaysia lari ke negara-negara lain.

Ada pendapat yang berkata, bahawa perajurit kita di medan perang diminta berkurban menentang musuh manakala ramai di belakang medan "bersuka ria". Pendapat ini tidak benar. Mereka di belakang medan dengan berbagai cara menolong mereka yang berjuang di barisan depan. Di antara pertolongan mereka mungkin memberi bantuan perkhidmatan atau membayar cukai. Tetapi mereka juga, dengan berbagai cara, memberi sumbangan menghadapi peperangan. Gaji yang diterima oleh perajurit kita adalah sangat perlu bagi kehidupan mereka, tetapi pengorbanan mereka bukanlah kerana wang. Tanpa pengorbanan perajurit, kita tidak akan ada negara dan tidak akan ada kebebasan dan cita-cita.

Tanpa pengorbanan mereka, yang tinggal hanya kehinaan bagi semua, penindasan bagi perajurit itu dan keluarganya, bagi saudara maranya dan sahabat-sahabatnya dan semua yang dicintainya. Musuh yang ditentang oleh perajurit kita, benar atau salah, berjuang kerana kepercayaannya. Pengganas komunis tidak mengharapkan

gaji besar atau bayaran pampasan. Mereka tidak berharap akan dapat bersara dan kembali ke keluarga masing-masing. Apa yang mereka harapkan ialah perjuangan sengit yang lama, kekalahan dan bukan kemenangan. Apabila mereka menyerang pengganas komunis, mereka mungkin akan cedera, mati, ditangkap dalam hutan.

Sukar menentang musuh seperti ini tanpa keyakinan dan semangat keperwiraan yang kukuh. Sekiranya pengganas sanggup menderita dengan balasan yang terlalu sedikit, maka mereka yang menentang musuh itu mestilah juga bersedia berbuat begitu. Keyakinan dan semangat patriotik tidak boleh beli dengan wang ringgit. Semangat ini mesti lahir dari perasaan jiwa raga. Inilah yang mesti difahami oleh perajurit-perajurit kita, kerana inilah saja yang akan menjadikan ia kuat dan akhirnya menang. Pelajaran yang mesti dipelajari daripada perang menentang pengganas komunis di Malaysia ialah *commitment* sepenuhnya sekarang, dan ini akhirnya akan menyelamatkan lebih ramai manusia daripada langkah separuh jalan yang dianggap oleh setengah pihak sudah memadai sekarang. Sekiranya rakyat bersedia berkorban dan menerima segala kesusahan dalam perang total sekarang, mereka tentulah akan terselamat daripada perang berlarutan. Kemenangan akan terjamin sekiranya langkah besar-besaran diambil sekarang. Sebaliknya, kegiatan separuh hati bukan saja akan melanjutkan perang bahkan menyulitkan usaha mengalahkan pengganas-pengganas komunis.

Untuk mengatakan, bahawa perang akan menyelubungi seluruh negara adalah seperti orang berdusta mengatakan sekawan serigala sedang memakan ternakan. Ini akan menimbulkan pula kebimbangan dan kemurungan yang akan menyentuh kesejahteraan negara. Keamanan dan kehidupan baik di negara kita, menjadikan orang sukar untuk memahami bahaya perang di negara kita. Tetapi inilah kaedahnya perang gerila cara moden, di peringkat awal. Kehidupan dalam kawasan bandar tetap seperti biasa manakala kampung-kampung di luar bandar disusupi, diserang dan diduduki kerajaan, pemimpin dan

sebahagian besar rakyat yang leka dengan keadaan keselamatan yang palsu, terus bercakaran sama sendiri dan mengamalkan rasuah yang melemahkan keazaman mereka menghadapi peperangan.

Kemudian, dalam satu serang besar, seluruh pasukan komunis akan masuk ke bandar-bandar dan menewaskan mereka. Inilah yang menyebabkan Havana dan Saigon jatuh. Lain-lain bandar dan ibu kota akan jatuh, sekiranya amaran-amaran yang dibuat sekarang diabaikan. Menjerit minta tolong hanya setelah serigala mengeroyok mangsa-nya, hanya akan membawa maut. Malaysia sedang berperang. Malaysia sekarang aman dan ini menandakan kemampuan kerajaan dan rakyat untuk menyekat perang ini di kawasan sempadan dan dalam hutan. Tetapi adakah kemampuan ini akan dapat dikekalkan manakala semangat komunis meningkat dan adalah bergantung kepada kesedaran rakyat terhadap peperangan ini yang mengancam keselamatan negara.

Kegagalan menyedari ancaman ini hanya akan memberi pertolongan besar kepada penganas, dan pertolongan ini lebih kuat daripada semua senjata yang mereka miliki. Pertolongan ini akan menolong mereka mencapai kemenangan. Inilah yang akan terjadi dalam perang menentang penganas komunis. Inilah ertinya perang yang sedang berlaku di negara kita sekarang.

## AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

**BERKENAAN** dengan cadangan supaya pihak kerajaan membatalkan atau membubarkan Akta Penyelarasian Perindustrian 1975, saya sukalah menyatakan iaitu pihak kerajaan tidak sama sekali bercadang untuk berbuat demikian oleh kerana pada pendapat saya kata tersebut adalah amat penting untuk kemajuan perindustrian negara ini.

Pihak kerajaan sedar perasaan kekhuitiran dan kebimbangan yang telah ditimbulkan oleh pihak sektor swasta terhadap pelaksanaan akta tersebut, dan kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah yang perlu termasuk juga meminda beberapa peruntukan di dalam akta itu untuk menghapuskan segala kebimbangan-kebimbangan tersebut dan juga untuk mempastikan, bahawa pelaksanaan akta tersebut tidak akan menimbulkan sesuatu keadaan yang boleh menjelas dasar kerajaan untuk meningkatkan lagi pelaburan, baik daripada pelabur-pelabur asing mahupun pelabur-pelabur tempatan di dalam negara ini.

Dalam hubungan ini, pihak kerajaan telah pun beberapa kali memberi jaminan, bahawa syarat-syarat yang dikenakan kepada pekilang-pekilang di bawah akta ini akan dikuatkuasakan seberapa *flexible* yang boleh agar pekilang-pekilang yang berkenaan tidak tergendala oleh kerana tidak dapat mematuhi syarat-syarat tersebut

disebabkan sesuatu keadaan di luar kawalan mereka.

Mana-mana pekilang yang mempunyai sesuatu masalah *specific* disebabkan dengan pelaksanaan akta ini, adalah dipersilakan berbincang dengan pegawai-pegawai saya ataupun saya sendiri supaya masalah-masalah tersebut dapat diatasi dengan saksama dan dengan seberapa segera yang boleh.

Walaupun banyak teguran telah dibuat oleh berbagai pihak terhadap Akta Penyelarasian Perindustrian, hingga ini belum ada peniagaan atau perusahaan yang terjejas semata-mata kerana akta ini. Oleh itu, kecurigaan terhadap akta ini tidak mempunyai asas.

Di samping itu, pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan, tidak berberapa lama lagi, beberapa langkah seperti "*package deal approval*" dan penubuhan "*one-stop agency*" di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dengan tujuan mengurangkan ke peringkat yang paling minima apa yang dikatakan "*red tape*" yang terpaksa dihadapi oleh para pelabur.

Saya percaya, dengan adanya langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan, kebanyakan pihak dalam sektor swasta, baik pelabur-pelabur asing maupun pelabur-pelabur tempatan, telah menerima baik akta ini. Kerajaan adalah berpuas hati dengan sambutan pekilang-pekilang terhadap akta ini setakat ini.

Mengenai syor supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuka dialog baru dengan pihak swasta, sebelum pihak kerajaan membuat pindaan-pindaan tambahan kepada akta tersebut jika kerajaan mendapati perlu membuat pindaan-pindaan tersebut, saya sukalah memberi jaminan, bahawa selaras dengan dasar kerajaan yang sudah-sudah, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengadakan rundingan yang sewajarnya dengan pihak swasta sekiranya kerajaan mendapati perlu memindah akta tersebut.

Seperti yang pernah saya nyatakan di Dewan Yang Mulia ini, Akta Penyelarasian Perindustrian tidaklah menghalang usaha kita untuk menarik lebih banyak pelaburan

asing ke negara ini. Umpamanya dalam lawatan saya ke Amerika Syarikat baru-baru ini, adalah didapati bahawa akta tersebut tidak menjadi masalah kepada pelabur-pelabur di sana. Sebenarnya, pelabur Amerika memang *familiar* dengan masalah kerana mereka juga didesak *restructure* perusahaan mereka dengan mengambil pekerja berbagai kaum dan *sex* untuk mencerminkan keadaan di Amerika. Begitu juga halnya dengan perbincangan-perbincangan yang telah saya adakan dengan pelabur-pelabur dari negara-negara lain.

'Berkenaan dengan cadangan supaya akta ini dipinda bagi menubuhkan sebuah panel rayuan yang bebas dan juga sebuah Majlis Penasihat, saya sukalah menjelaskan bahawa buat masa ini kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, kerajaan adalah sentiasa berusaha untuk memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang mungkin ada dalam pelaksanaan akta tersebut.'

---

*Ucapan Semasa Menggulung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Timbalan Yang Di Pertuan Agung Di Parlimen.*

---

## ISU PERUBATAN DALAM ISLAM

DI negeri ini, terutama di kalangan golongan orang terpelajar atau intelektual, kita sering mengadakan majlis-majlis seperti simposium yang saudara-saudara adakan hari ini, walaupun kita tidak selalu mengguna perkataan simposium. Kita adakan seminar, forum, dialog, majlis bahasa, ceramah dan lain-lain guna untuk membincang masalah-masalah tertentu. Di majlis-majlis ini, kita berpeluang mendengar dan memperdengarkan fikiran-fikiran yang terdapat di kalangan kita berkenaan dengan sesuatu. Sudah tentu fikiran-fikiran ini tidak mungkin diketahui oleh umum tanpa pendedahannya di dalam majlis-majlis ini.

Tidak dapat kita nafikan, bahawa majlis-majlis ini berfaedah. Pendedahan fikiran-fikiran peserta membawa cahaya kepada yang gelap dan menajamkan pemikiran semua pihak. Masyarakat menjadi lebih dewasa dan pemikirannya menjadi lebih luas kerana adanya majlis forum, seminar, simposium dan sebagainya. Oleh kerana ini sahaja pun, patut kita mengadakan lebih banyak forum dan seminar dan simposium.

Tetapi kita tidak harus terlalu khayal dengan mustajabnya majlis-majlis ini untuk mengubatkan penyakit-penyakit kemasyarakatan. Memang benar, kadang-kadang majlis-majlis ini membuka jalan ke arah penyelesaian masalah-masalah masyarakat tetapi apa yang

kerap berlaku apabila majlis berakhir ialah pengenalan masalah dengan lebih mendalam dan lebih dekat tanpa panduan yang tepat berkenaan cara mengatasinya.

Ini berlaku kerana perbahasan yang berlaku dalam majlis-majlis ini tidak ada keputusan. Pendapat-pendapat terhadap masalah dan cara mengatasinya yang disuarakan oleh ahli panel dan hadirin, tidak dapat tidak akan bertentangan antara satu sama lain. Semua pendapat-pendapat ini dibantu dengan alasan yang munasabah belaka dan tidak mudah ditolak oleh pendengar. Oleh itu, pendengar yang ingin mendapat panduan mungkin semakin keliru kerana semuanya benar dan juga tidak benar. Akhirnya, pendengar kekal dengan pendapat asalnya, yang mana ini bermakna majlis yang dihadirinya tidak berkesan daripada segi memberi panduan kepada mereka yang datang untuk mencari panduan.

Kadang-kadang pula, orang-orang yang hadir di majlis-majlis ini sudah terlebih dahulu menentukan pendirian masing-masing. Mereka ini tidak akan berganjak walau apa pun penerangan yang didedahkan dalam majlis. Yang penting bagi mereka dan yang menyebabkan mereka hadir, ialah untuk mendengar pendapat yang secocok dengan pendapat mereka sahaja. Apabila pendapat seperti ini disuarakan, maka puaslah hati mereka. Sebaliknya, mereka bukan sahaja menolak pendapat yang bertentangan dengan pendapat mereka tetapi menutup telinga dan menutup hati sama sekali sehingga kehadiran mereka juga tidak memberi kesan dalam usaha menyelesaikan masalah yang diperbincangkan.

Bagi mereka yang seperti ini, forum dan sebagainya tidak berkesan. Mereka akan kekal dengan pendapat mereka walaupun salah. Dengan itu, maka seminar, simposium dan majlis-majlis perbahasan lain adalah pembaziran sahaja, dan masyarakat tidak akan berubah hasil daripada usaha kaji selidik dan pemikiran peserta temasya temasya ini. Majlis-majlis ini menjadi majlis hiburan sahaja.

Hakikat ini mesti disedari oleh mereka yang

menganjurkan majlis-majlis seperti ini. Faedah daripada majlis forum dan sebagainya adalah terhad. Ianya tidak akan menyelesaikan masalah. Ianya tidak akan dapat menentukan sikap terhadap sesuatu. Dan sudah tentu ianya tidak akan jadi majlis fatwa, kerana ini bukan sahaja tidak menjadi hak dan maksudnya tetapi mereka-mereka yang mengambil bahagian tidak semuanya arif dalam bidang yang mereka bahaskan, baik daripada segi ilmiah ataupun daripada segi hukum-hukum dan ajaran agama.

Majlis-majlis ini sebenarnya merupakan majlis pendédahan di mana berbagai masalah dapat dipamerkan dan pendapat-pendapat tentang cara mengatasinya boleh disuarakan - pendapat-pendapat yang lebih kerap bertentangan. Walaupun keputusan dibuat, keputusan ini cuma akan diterima oleh mereka yang sudah awal-awal lagi bersetuju. Yang tidak bersetuju terus tidak bersetuju dan yang datang dengan hati terbuka akan lebih keliru kerana mendengar pendapat-pendapat yang penuh dengan "walau demikian" dan "akan tetapi".

Kalau kita sudah sedar tentang *limit* simposium ini, kita akan lebih mudah membincangkan tajuknya. Kita tidak dapat nafi bahawa tajuk-tajuk yang ditentukan amat menarik. Dewasa ini, masyarakat Islam di Malaysia telah diletak di persimpangan jalan oleh beberapa golongan dan berbagai soal-soal telah dibangkit sehingga timbul keraguan di kalangan orang Islam terhadap tiap-tiap sesuatu yang dilakukannya. Di antara soal-soal ini ialah isu-isu perubatan yang menjadi tajuk simposium ini.

Sebagai seorang doktor yang beragama Islam, saya tidak dapat tidak tertarik dengan tajuk ini. Di waktu saya belajar ilmu perubatan, guru-guru semuanya menekankan, bahawa perubatan yang dipelajari ialah perubatan Barat - atau *Western Medicine*. Dan saya pun telan bulat-bulat dakwaan ini dan berpendapat, bahawa Islam tidak memberi perhatian kepada kesihatan seperti agama Kristian umpamanya, yang mempunyai badan-badan mubaligh yang bergiat merawatkan pesakit.

Saya percaya saudara-saudara yang menuntut ilmu

perubatan di universiti-universiti tidak lagi terima dakwaan ini. Memang benar, teknik dan cara-cara perubatan sudah ada sebelum kedatangan agama Islam, tetapi apa yang sekarang dikenalkan sebagai *Western Medicine* ialah cara dan kaedah perubatan yang diteroka atau diperbaharui oleh orang Islam atau dorongan ajaran-ajaran Islam.

Dalam sebuah buku yang menceritakan usul asal *The Renaissance* di Eropah, S.K. Hamarneh berkata, “*It was in Islam, under the patronage of the Arab caliphs, that hospitals were first established, and they flourished in the Muslim world throughout the period the Empire* (iaitu Daulah Umayyah dan Abbasiah). *The early Arab concept of the hospital became the prototype of the modern hospital – an institution operated by private owners of the Government and devoted to the promotion of health, the cure of diseases and the teaching and expanding of medical knowledge .... In the 10th Century during the reign of al-Muqtadi (908-932) Sinan bin Thabit* (seorang physician Islam) *extended hospital services to meet the needs of neighbouring rural areas, prisons and the “inner city” – a programme that has only recently been adopted in the West.*”

Dalam abad kesepuluh juga, Adudi Hospital di Baghdad telah menjadi masyhur. Hospital ini mempunyai 24 doktor dan dilengkapi dengan bilik kuliah dan library. Penuntut dari dunia Islam datang dari beratus bahkan beribu batu untuk menuntut di Adudi.

Sikap Islam terhadap perubatan adalah jelas. Abu al-Qasim Sa'id al-Andalusi (1070), seorang hakim di Andalusia, Sepanyol, di dalam bukunya, *Tabaqat al-Umum* berkata, “Di waktu mula berkembangnya Islam, mereka (iaitu penganutnya) menumpu perhatian kepada sains philologi dan syariah Islam. Selain daripada ini, suatu sains yang diberi nilaiyan yang tinggi adalah perubatan (atau *the healing arts*).”

Hampir semua cara-cara perubatan dalam Islam terdapat dalam kitab “*al-Masa'il fi at-Tibb*” yang ditulis oleh Hunayn bin Ishaq al-Ibadi (809-873), dan dikenal

dalam bahasa Latin sebagai *The Vade Mecum of Johannius*, yang mempengaruhi bukan sahaja pengajaran perubatan dalam dunia Islam tetapi juga dalam *Christendom* atau alam orang Kristian.

Abu Bakar Muhammad bin Zakariya ar-Razi atau Razes (865-925), adalah seorang doktor Islam dari Baghdad yang dikenali di Barat sebagai "the greatest clinician, pathologist medical educator and philosopher of his time". Di antara buku-buku yang ditulis olehnya ialah al-Kitab al-Mansuri yang dikenali dengan nama Liber ad-Almansorem dan menjadi buku rujukan asas, dan "at-Tibb ar-Ruhani" berkenaan dengan *psychic therapy*. Berkenaan dengan penyakit cacar atau *smallpox* sahaja, ar-Razi menulis 14 chapter, demikianlah luas dan dalamnya kaji selidik dan pengetahuannya.

Murid ar-Razi ialah Ali bin Abbas yang menulis Kitab al-Maliki, yang dikenali dalam dunia barat dengan nama Liber Regius, satu lagi buku rujukan perubatan yang diguna di zaman *Renaissance* dan sudah tentu menjadi asas kepada ilmu perubatan sekarang.

Lain-lain *physician* Islam yang meneroka ilmu perubatan yang ditiru oleh barat ialah Ibn Sina atau Abu Ali al-Hwayn bin Abdullah bin Sina dengan kitab Al-Qanun (*The Canon of Medicine of Avicenna*), Ibn Butlan dengan bukunya, Taqwim as-Sihhah, Ibn al-Jazzr, Aribi bin Said dari Kurthubah (Cardoba), Sulaiman Ibn Jul-jul dan az-Zahrawi.

Iban Zuhr (1162), dikenali dalam bahasa Latin sebagai *Avenzoar* telah menulis kitab At-Tayser dalam mana terdapat buat kali pertama dalam sejarah perubatan "a description of a mediastinal abscess as well as wet and dry pericarditis."

Pelajaran ilmu-ilmu perubatan bukan sahaja penting daripada segi memelihara kesihatan tetapi seperti dikatakan oleh Ibn Rushd, seorang *physician - philosopher* Arab, "Siapa yang betul-betul mengetahui *anatomy* dan *physiology* manusia, kepercayaannya kepada Allah akan bertambah". Ini memang satu kenyataan kerana sesiapa

yang tahu betapa kompleksnya bentuk tubuh badan manusia dan fungsi-fungsi organ-organnya tentu tercengang dan kagum dan faham lebih lagi akan kebesaran dan kuasa Tuhan.

Apa yang saya perkatakan di sini adalah sebahagian sahaja daripada bukti-bukti, bahawa apa yang kita pelajari sekarang bukanlah *western medicine* tetapi *western improvement and development of Islamic medicine*. Malangnya, kebenaran ini jarang kali diperkatakan oleh ahli-ahli perubatan baik di Barat dan di Timur dan ini menimbulkan bermacam-macam keraguan dan syak wasangka di kalangan orang Islam, khususnya orang Melayu. Hasilnya, bukan sahaja selama beratus tahun setelah kita menganut agama Islam kita tidak mempelajari ilmu perubatan yang dikatakan Barat ini, tetapi kita tidak menerima rawatan yang berasas kepada ilmu-ilmu ini. Dengan itu, perubatan moden tidak menjadi alat kesihatan orang Islam dan mereka ketinggalan dalam semua bidang serta tidak mampu bersaing dengan orang lain. Mereka yang diserang oleh penyakit, walaupun setakat berhingus hidung tentu tahu bagaimana fikiran dan minat bekerja terganggu. Jika semua anggota sesuatu masyarakat tidak pernah sihat, kesan terhadap masyarakat itu tentulah mudah difaham.

Memandang kepada ajaran sikap dan sejarah Islam berkenaan dengan perubatan, sudah sewajarnyalah kita menguasai dan mempraktikkan cara-cara perubatan yang berkesan ini. Untuk mengurangkan lagi keraguan terhadap perubatan yang teratur, yang kita praktikkan sekarang, cadangan untuk mengadakan hospital Islam amatlah baik. Walau bagaimanapun, kita perlu fikir tentang tafsiran dan bentuk hospital Islam ini supaya ia benar-benar menjadi hospital Islam.

Apakah sebuah hospital itu boleh dikatakan hospital Islam semata-mata dengan kerana cuma pesakit beragama Islam sahaja yang boleh dirawat di hospital itu? Jika ini tafsirannya, maka kita perlu bukan satu hospital Islam tetapi berpuluh-puluh, kerana umat Islam di negara ini

adalah lebih lima juta. Tentulah tidak bermakna jika pesakit Islam di suatu tempat sahaja yang mendapat rawatan di hospital Islam dan berjuta yang lain dirawat di hospital yang tidak beragama.

Apakah sebuah hospital itu boleh dikatakan hospital Islam jika pegawaiannya, doktor-doktor dan pakar-pakarnya, jururawat dan *technician* terdiri daripada orang bukan Islam, ataupun sebahagian sahaja yang Islam? Berapakah ramaikah doktor dan pakar Islam yang kita ada sekarang dan apakah mereka sanggup bekerja dalam hospital Islam sedangkan daya penarik *private practice* begitu kuat. Untuk menentukan supaya doktor dan lain-lain kakitangan hospital Islam ini terdiri daripada orang Islam, kebolehan dan kesanggupan lebih ramai penuntut kita mempelajari ilmu-ilmu kedoktoran mesti ada. Juga kesanggupan ramai orang Islam menjadi jururawat, technician dan sebagainya.

Sebuah hospital Islam tentulah akan dibiayai oleh orang Islam. Kita tentu tidak mahu hospital ini untuk kebanggaan, untuk menjadi lambang. Perbuatan seperti ini akan merupakan perbuatan riak. Kita terlalu banyak lambang kemegahan Islam yang sebenarnya melambangkan kecekapan, keupayaan dankekayaan orang bukan Islam. Janganlah hospital Islam pula menjadi satu lagi lambang Islam hasil kecekapan, kepandaian dankekayaan orang bukan Islam. Oleh itu, hospital Islam ini mestilah dibiayai oleh orang Islam sendiri, melalui zakat dan kutipan derma khas.

Hospital Islam tidak akan menjadi hospital Islam jikalau kakitangan terdiri daripada orang yang mendapat latihan biasa sahaja. Kakitangan hospital ini mesti terlatih dalam semua ajaran-ajaran Islam, khususnya ajaran yang ada kaitan dengan rawatan pesakit dan perubatan, terhadap sikap kepada pesakit, terhadap kawalan diri, terhadap kepentingan agama dan sebagainya.

Khidmat yang diberi tidak boleh berasas kepada perolehan gaji semata-mata, tetapi hendaklah berasas kepada kesedaran tentang tanggungjawab orang Islam dalam bidang rawatan kepada masyarakatnya, iaitu satu

daripada fardhu kifayah. Hospital Islam tidak akan bermakna jika kakitangannya mementingkan keperluan dan kehendak diri lebih daripada kejayaan hospital Islam memenuhi kepentingan masyarakat Islam. Cara-cara bertindak untuk kepentingan material yang terdapat dalam masyarakat materialis sekarang tidak sesuai dengan konsep hospital yang berasas kepada agama dan kerohanian. Perkelahian antara kakitangan kerana pangkat dan lain-lain yang sering berlaku sekarang, tidak sepatutnya berlaku di hospital Islam.

Seperkara yang penting berkenaan dengan hospital Islam ini ialah ianya tidak boleh dihadkan untuk pesakit Islam semata-mata. Hospital-hospital yang didirikan oleh kerajaan-kerajaan Islam di zaman kecemasan Islam menerima pesakit daripada semua agama, termasuk *Coptic* Kristian dan Yahudi. Perbuatan menghadkan hospital Islam bagi pesakit Islam sahaja akan mencemarkan agama Islam kerana dengan adanya hospital Islam, tidak bermakna bahawa semua pesakit Islam akan dirawat di situ. Lebih ramai daripada mereka akan dirawat di hospital lain. Tentulah Islam dan penganutnya akan dianggap tamak jika kita sanggup menerima khidmat daripada orang lain tetapi tidak sanggup memberi khidmat kepada orang lain.

Saya mengucap syabas kepada pencadang hospital Islam ini. Saya percaya, dengan cadangan ini minat orang Islam dalam bidang perubatan akan bertambah. Saya percaya, sikap orang Islam terhadap apa yang dikatakan sebagai perubatan moden juga akan berubah. Di samping itu, semangat berdikari, semangat dermawan dan semangat tolong-menolong akan bertambah. Oleh itu, saya mengalau-alukan cadangan ini dan berdoa supaya ianya menjadi kenyataan yang sebenar. Projek ini adalah projek orang Islam dan kitalah yang akan menjayakannya dengan minat, kecekapan dan keupayaan kita sendiri.

Simposium isu-isu perubatan dalam masyarakat Islam ini saya percaya dan memberi faedah yang baik dan banyak kepada orang yang menganut satu agama yang jelas

meletakkan kesihatan dan kebersihan sebagai sesuatu yang wajib bagi manusia. Tidak ada agama yang begitu menekan kebersihan tubuh badan sebelum menunaikan sesuatu ibadah yang diwajibkan, seperti Islam. Tidak ada agama yang menekan kebersihan di tempat beribadat seperti agama Islam. Tidak ada agama yang menentukan kebersihan makanan yang hendak dimakan seperti agama Islam. Dari itu, sudah sewajarnyalah orang Islam menitikberatkan soal kebersihan tubuh badan dan keadaan kesihatan, dan cara-cara perubatan yang menjamin kesihatan dan kebersihan tubuh badan.

---

*Ucapan Di Upacara Peramian "Simposium Isu-Isu Perubatan Dalam Masyarakat Islam" Di Dewan Kuliah 2 Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, Pada Hari Jumaat, 14 Januari 1977, Jam 7.30 Malam.*

---

## PERS: ANTARA KEBEBASAN DAN PERTIMBANGAN

BAGI orang biasa, perkembangan moden dalam *mass media* merupakan satu *explosion* yang merejamkan mereka dengan serpihan butir maklumat yang tidak dapat mereka hadzam dan kerap kali mengancam kesiuman mereka. Dalam keadaan mereka tidak dapat menyerap semua butiran maklumat dan serangan berita yang datang bertaltalu, mereka terpaksa menerima tapisan yang dibuat oleh orang-orang yang berkepentingan.

Di Semenanjung Malaysia, bagi tahun 1979, 50 peratus pula mendengar radio dan 87 peratus menonton TV. Daripada angka-angka ini, kita boleh bayangkan betapa ramai penduduk Malaysia yang boleh dipengaruhi dan dibentuk cara pemikirannya oleh ketiga-tiga media ini sahaja, tidak termasuk lain-lain media seperti penulisan dan perhubungan awam. Jika ini semua dimasuk kira, tentulah ramai lagi penduduk yang boleh dipengaruhi. Peluang bagi mereka yang berkepentingan tentulah banyak dalam keadaan ini. Kerajaan dengan radio dan TV tetap mengondol sebahagian besar daripada peluang ini. Tetapi, oleh kerana sentimen *anti-establishment* yang sudah disemaikan, kesan usaha kerajaan sudah dapat dipatahkan. Walaupun apa yang dilaporkan melalui media kerajaan adalah *factual* tetapi ia tidak dihiraukan sangat. Sebaliknya, apa yang dilaporkan dan diulas oleh pihak asing lebih mudah diterima.

Psikologi pembaca adalah seperkara yang ganjil di zaman moden ini. Psikologi ini boleh dicerminkan dengan pepatah, "*No news is good news*", yang bermakna, bahawa jika tidak ada berita tentang sesuatu maka keadaan adalah baik. Buat beberapa lama Malaysia tidak pernah menjadi sasaran pemberita asing, kerana semuanya berjalan baik. Lawan kepada pepatah ini ialah, "*Bad news is good news*" iaitu "*good*" bagi pemberita. Apabila sesuatu yang buruk berlaku, maka laporan menjadi sasaran mereka. Di negara-negara ini, orang Islam yang kononnya mengamalkan *Islamic Fundamentalism* mudahnya diperalatkan oleh akhbar dunia dan orang lain yang berkepentingan.

Selain maksud politik antarabangsa, kita dapat sebahagian dari kejadian yang buruk di dalam dunia ini berasal daripada kebebasan yang begitu dijunjung tinggi oleh *world press* dan dipraktik oleh mereka.

Untuk menjelaskan apa yang saya maksudkan, ingin saya sebut dua peristiwa sebagai contoh. Apabila sebuah kapal terbang Lufthansa dirampas dan kemudian diselamatkan di Afrika oleh satu pasukan gerak cepat kerajaan Jerman Barat, sebuah majalah terkenal telah melaporkan dengan terperinci dan lukisan yang lengkap bagaimana penyelamatan ini dijalankan. Dengan itu, semua pengganas dan perampas akan tahu cara-cara untuk mengelak daripada usaha penyelamatan kemudian hari. Apakah perlunya seluruh dunia tahu bagaimana penyelamatan ini dilakukan? Tidakkah majalah ini tahu tentang bahayanya yang lebih yang akan dihadapi oleh mangsa perampasan kemudian hari? Semua ini tidak dihiraukan. Yang penting ialah menonjol kebolehan *investigative reporting* mereka!

Tiga hari lepas pula, seluruh dunia melihat tempat gambar yang bagaimana seorang pemberita dibunuh oleh seorang pengganas Perancis. Gambar ini dikirim kepada akhbar Perancis oleh pembunuh itu sendiri. Akhbar Perancis itu juga melaporkan, bahawa adalah satu penyakit pembunuh itu bahawa dia sukakan publisiti. Dengan tersebarnya gambar itu ke seluruh dunia maka tercapailah

cita-cita pembunuhan itu. Tidak salahlah pengganas ini atau yang lain jika mereka mengganas lagi kerana ia akan memberikan publisiti kepada mereka. Sekali lagi, kebebasan suratkhabar disalahgunakan tanpa sedikit pun memikirkan kepentingan orang awam.

---

*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Ketika Merasmikan Persidangan Komunikasi Anjuran PENA Dengan Kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka, Pada 22 September 1979, Di Kuala Lumpur.*

---

## KERJASAMA KE ARAH PERPADUAN NASIONAL

SEPERTI yang kita semua sedia maklum, untuk menjalankan pentadbiran sesebuah parti politik dengan teratur maka wajarlah parti tersebut mempunyai bangunannya sendiri. Selain daripada itu, bangunan ini juga dapat digunakan untuk lain-lain perkara yang boleh memberi keuntungan kepada tabung parti. Dengan itu juga, maka tidaklah parti tersebut akan bergantung soal kewangannya kepada sumber-sumber yang tidak tetap. Adalah menjadi satu kelaziman, iaitu tiap parti siasah akan sedaya upaya cuba mendirikan bangunan sendiri.

Seperti yang kita semua sedia maklum, kerana adanya kerjasama yang rapat di antara semua golongan rakyat di negara ini, maka kemerdekaan telah dapat kita capai dan gerakan pembangunan telah dapat kita laksanakan. Ini ialah hasil daripada adanya gabungan parti-parti siasah yang bercorak perkauman yang telah melahirkan satu kerjasama yang rapat di antara kaum-kaum di Malaysia ini untuk kebaikan negara dan rakyat.

Dalam usaha kita mencapai sepenuh kejayaan, maka kerjasama yang rapat ini haruslah diperkuatkkan lagi terutama sekali pada masa ini, ketika kita sedang menghadapi berbagai ancaman. Walaupun banyak faktor-faktor yang dapat memecahbelahkan penduduk-penduduk di negara ini, tetapi dengan adanya persefahaman di antara pemimpin-pemimpin di dalam negara, maka faktor-faktor

tersebut telah tidak dapat memecahbelah kita. Hasil daripada adanya persefahaman, negara telah dapat mencapai kejayaan dengan memuaskan dari semasa ke semasa.

Saya telah menegaskan, iaitu dalam usaha untuk menjayakan segala rancangan yang telah kita asaskan, tiap-tiap pemimpin yang mewakili parti-parti yang bergabung di dalam Barisan Nasional mestilah dapat menghuraikan kepada pengikut-pengikut mereka tentang apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan dan bagaimana tiap-tiap usaha itu akan dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat. Cuma, bila mana dapat kita memberi penerangan yang sepenuhnya kepada pengikut-pengikut kita, maka barulah dapat gabungan yang telah diasaskan itu berada di dalam keadaan yang kukuh dan sentiasa pula dapat menghadapi sebarang cabaran.

Memang diketahui umum, iaitu tidak dapat kita memuaskan hati dan kemahuan semua pihak, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa sebilangan besar daripada rakyat tidak dapat merasai nikmat daripada rancangan-rancangan yang telah kita jalankan. Tetapi, walaupun demikian, terpaksa juga kita cuba memberi fahaman kepada mereka-mereka yang kurang puas hati tentang apa yang sedang kita lakukan serta juga kenapa langkah-langkah yang kita lakukan itu berbentuk sedemikian rupa.

Kita telah menegaskan, iaitu semua rancangan yang kita lakukan ialah bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan untuk menyusun semula masyarakat kita. Dalam usaha tersebut, sudah tentu akan ada golongan-golongan yang terpaksa kurang memperolehi kemudahan-kemudahan yang lebih dirasai mereka. Ini memanglah wajar dalam mana-mana usaha juga untuk menyusun masyarakat. Cuma dengan dapat kita memberi penerangan yang sedalam-dalamnya berhubung dengan perkara ini, barulah dapat golongan ini mengerti mengapa mereka harus bersabar dan sama-sama berusaha membantu kerajaan dalam usaha melahirkan satu masyarakat baru; masyarakat yang adil, makmur dan berdikari.

Pada ketika ini, kedapatan perhubungan yang rapat yang telah terjalin di antara pemimpin-pemimpin di peringkat kebangsaan. Saya menaruh penuh harapan agar perasaan muhibah dan saling mengerti ini dapat disalurkan hingga kepada anggota-anggota biasa. Rasa cemburu dan iri hati mestilah dikikiskan jika sekiranya kita mahu apa yang kita sedang lakukan itu, akan mencapai sepenuh kejayaan. Sebab itu, adalah penting bagi pihak pemimpin-pemimpin memberi penerangan yang sepenuhnya serta pengertian yang sedalam-dalamnya kepada pengikut-pengikut mereka. Yang menjadi masalah ialah, bila masa ada pemimpin-pemimpin yang cuba mempopularkan diri dengan menggunakan isu-isu yang boleh meluaskan lagi perasaan salah faham di antara anggota-anggota parti.

Seperti yang saya sebutkan di dalam ucapan saya semasa merasmikan mesyuarat Perwakilan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO baru-baru ini, iaitu menggunakan isu-isu yang boleh mempopularkan diri bermakna bahawa kita akan akhirnya merosakkan bukan sahaja parti-parti yang sedang kita pimpin tetapi juga keadaan negara keseluruhannya. Apa yang harus kita lakukan, ialah mengemukakan tujuan dan objektif sesuatu rancangan yang sedang dilakukan oleh kerajaan. Semua rancangan-rancangan yang kita lakukan itu adalah adil daripada segi penyusunan semula masyarakat.

Mereka yang telah pun selesa keadaan hidupnya, sudah tentulah tidak akan memperolehi nikmat yang sepenuhnya daripada rancangan-rancangan ini, kerana rancangan-rancangan ini ditujukan kepada mereka yang belum pun lagi mencapai keadaan hidup yang baik. Tetapi walaupun demikian, sudah tentu akan kedapatan serba sedikit keuntungan yang akan dirasai oleh golongan yang sudah pun mewah keadaan hidup mereka. Tidak ada sesuatu sekatan pun yang boleh mengasingkan segala keuntungan itu, di mana hanya golongan yang ditujukan itu sahaja yang akan merasai. Saya percaya, mereka yang telah hidup dalam keadaan yang mewah juga mempunyai peranan-peranan yang tertentu dalam melaksanakan

rancangan-rancangan ini dan dengan demikian, mereka juga telah secara langsung akan menikmati segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan.

Kalau diperhatikan keadaan di negara kita pada ketika ini, kita akan dapat melihat bahawa tidak ada yang sedang dilakukan oleh kerajaan itu bagi memberi keuntungan kepada satu golongan. Tiap-tiap golongan dan kaum dapat merasai nikmat daripada rancangan-rancangan tersebut, dan nikmat ini akan berbentuk lain-lain rupa kepada lain-lain golongan dalam masyarakat kita.

Perkhidmatan atau *services* yang disediakan oleh kerajaan hanya akan dapat dinikmati oleh mereka-mereka yang memang perlukan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Demikian juga dengan lain-lain rancangan yang dilakukan oleh kerajaan. Dalam usaha menghapuskan kemiskinan di dalam bandar umpamanya bukan sahaja orang-orang miskin di dalam bandar yang akan dapat merasai nikmat ini tetapi mereka yang terdiri daripada golongan-golongan profesional serta mereka yang mempunyai perusahaan-perusahaan akan juga dapat merasai nikmat daripada usaha-usaha ini. Maka dengan sebab itulah saya katakan, iaitu tiap-tiap satu rancangan yang sedang dijalankan oleh kerajaan bukanlah tertumpu semata-mata kepada satu-satu golongan sahaja. Mana juga mereka yang berusaha dan mahu mendapat keuntungan daripada rancangan-rancangan tersebut tentu sekali dapat merasai nikmatnya.

Tetapi malangnya, ada gerakan yang bercorak antinasional yang giat sekali cuba memutarbelitkan segala rancangan kerajaan dengan menyatakan, bahawa rancangan-rancangan tersebut akan memberi keuntungan kepada hanya satu golongan ataupun satu kaum sahaja. Ini adalah usaha yang hanya semata-mata bertujuan bagi membangkitkan perasaan salah faham di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Maka dengan cara yang demikian, mereka akan dapat meresapi ke dalam masyarakat dan melemahkan usaha kerajaan untuk kepentingan mereka sendiri. Kita haruslah berjaga-jaga supaya perkara ini tidak

akan berlaku dan sekiranya kita selalu berwaspada dan faham tentang falsafah dan asas segala rancangan kerajaan, sudah tentu dapat kita mematahkan gerakan-gerakan mereka.

Saya tidaklah hendak berbicara panjang pada pagi ini oleh sebab saya tahu pemimpin-pemimpin MCA adalah matang dalam soal ini. Kerana adanya kematangan inilah, maka Perikatan telah dapat memerintah negara ini sebegini lama dan dapat pula meluaskan pakatan tersebut hingga mengabung; parti-parti siasah yang lain supaya dapat kita sama-sama memerintah serta memberi khidmat yang lebih kepada rakyat. Saya juga suka menyeru di sini, agar kematangan ini diperluaskan hingga ke peringkat-peringkat bahagian, cawangan dan seterusnya kepada keanggotaan. Dengan itu, bukan sahaja perkhidmatan yang lebih cemerlang dapat diberikan kepada rakyat, tetapi usaha-usaha kita juga akan dapat mencapai kejayaan dengan lebih baik lagi.

---

*Ucapan Di Upacara "Ground Breaking" Bangunan MCA Negeri Sembilan, Seremban, Pada Hari Rabu 7 Julai 1976, Jam 8.30 Pagi.*

---

## SENI WARISAN

**KEHADIRAN** tukang-tukang termahir daripada sepuluh jenis pertukangan tradisional akan memberi kepada kita semua dan juga orang ramai satu peluang yang unik dan yang sukar didapati untuk melihat pertukangan tradisional semasa sedang dijalankan. Kebanyakan daripada kita tidak mengetahui langsung tentang tukang-tukang termahir tersebut. Mereka itu tidak muncul di suratkhabar-suratkhbar atau majalah atau di peti-peti TV dan juga hasil-hasil kerja tangan mereka tidak boleh didapati di kedai-kedai yang terbesar.

Namun begitu, mereka adalah merupakan pertalian yang penting dengan warisan kebudayaan dan kesenian Malaysia dan mereka sendiri adalah amat penting kepada negara. Satu daripada negara-negara timur telah mengadakan satu cara untuk mengiktiraf kemahiran seseorang tukang dan artis-artis yang mempunyai kemahiran tertinggi, iaitu kerajaan negara itu telah menjadikan mereka sebagai "Warisan Negara". Sebagai Warisan Negara, mereka diberi layanan istimewa yang bertujuan supaya mereka dapat hidup sempurna dan kesenian serta kemahiran mereka tidak laluput. Kita di Malaysia juga perlu mengkaji kemungkinan ini jika kita tidak mahu melihat segala kemahiran dan kecekapan yang asli laluput dan hilang daripada masyarakat kita dengan diganti oleh barang buatan mesin yang diimport.

Walau bagaimanapun indahnya sesuatu pameran atau buku dan walaupun dengan adanya penganugerahan kebangsaan kepada tukang-tukang yang terpilih, tetapi apa yang diperlukan oleh mereka itu ialah panduan kepakaran serta pasaran baharu yang meluas untuk hasil kerja tangan mereka. Sekiranya generasi-generasi muda hendak mewarisi dan mengekalkan kemahiran yang istimewa daripada nenek moyang mereka, maka mereka hendaklah mempunyai keyakinan yang penuh terhadap masa depan kemahiran yang mereka warisi itu.

Mereka juga harus yakin, bahawa mereka akan menerima pendapatan yang lebih memuaskan kalau mereka yang sanggup mengekalkan mutu hasil kemahiran tradisional. Di samping itu, kita perlu gantikan naungan yang diberi oleh golongan feudal dahulu dengan naungan kita sendiri. Ini harus kita lakukan kerana naungan golongan feudal dahululah yang telah melahirkan, memelihara dan memuliakan kemahiran tradisional. Tanpa nilai etiket dan naungan yang tidak terputus daripada golongan feudal tersebut, kesenian kita tentu akan hilang dan kita tidak akan dapat mengadakan pameran "Seni Pertukangan Tangan Malaysia" pada hari ini.

Di zaman sains dan teknologi ini, jika tiada diawasi, mutu kraftangan kita akan merosot dan hasil-hasil pertukangan tradisional cuma akan membekalkan keperluan pelancong sahaja. Janganlah kita membenarkan hal ini berlaku. Syarikat Mobil Malaysia telah menolong menyedarkan kita, bahawa kita masih mempunyai pakar-pakar pertukangan tradisional lelaki dan perempuan dan kemahiran yang tinggi. Sekarang, kita pula harus berusaha mengekalkan warisan ini. Tan Sri Mubin Sheppard, pengarang buku yang telah ditajakan oleh Mobil Oil Malaysia ini telah menegaskan, bahawa di beberapa negeri-negeri lain di dunia ini tidak ada lagi ahli-ahli pertukangan lelaki dan perempuannya semenjak kira-kira seabad yang lalu.

Mereka telah digantikan dengan cara pengeluaran yang mekanikal, dengan perkara-perkara yang tidak meng-

gunakan sumber-sumber tradisional.

Beliau juga telah menyatakan, bahawa mutu kemahiran dan inspirasi tukang-tukang tradisional akan menghadapi bahaya yang besar apabila usaha-usaha dibuat bagi memodenkan kraftangan tradisional. Kerana itu, kita mestilah berhati-hati untuk memelihara dan melindungi keaslian tradisi seni perusahaan kraftangan Malaysia kita.

Kerajaan telah pun menubuhkan Lembaga Kraftangan yang bertanggungjawab terhadap semua kegiatan perusahaan kraftangan. Badan inilah yang mempunyai sumber kewangan dan kuasa untuk mengekalkan ketinggian kemahiran dan keaslian kraftangan tradisi kita dan bagi menyelidik serta mendapatkan pasaran baru yang terbaik untuk pengeluaran mereka. Pegawai-pegawai dan kakitangan lembaga ini diharap akan memahami dan menghargai perusahaan kraftangan sebagai satu kesenian kebangsaan.

Walaupun demikian, tanggungjawab masa depan seni pertukangan tangan Malaysia kita ini tidak semestinya dipikul oleh lembaga atau agensi pemasarannya sahaja. Universiti, bank, syarikat-syarikat dan lain-lain institusi awam, harus juga memainkan peranan yang aktif seperti yang dilakukan oleh Mobil Malaysia hari ini. Lebih banyak minat yang ditunjuk oleh badan-badan ini, lebih banyaklah kemungkinan seni kraftangan kita ditinggikan dan dibekalkan. Di samping itu, perkara-perkara serta mereka yang berusaha dalam bidang akitek dan *interior decoration* harus memberi perhatian yang lebih tentang cara-cara memasukkan (atau *incorporate*) bahan-bahan seni kita ke dalam *design* mereka.

Di sini, izinkan saya menegur sedikit tentang bangunan-bangunan yang sedang dan sudah didirikan di Kuala Lumpur dan seluruh Malaysia. Umumnya, bangunan-bangunan ini tidak mempunyai *character* dan tidak sekali-kali memberi identiti Malaysia. Sebabnya, mungkin kerana kebanyakan daripada akitek kita dilatih di barat dan tidak ada kursus tertentu berkenaan dengan kesenian kraftangan dan rupa bentuk tempatan dan cara-

cara menyesuaikannya dengan bahan dan bentuk bangunan moden.

Oleh itu, saya ingin mengesyorkan supaya seni kraftangan dijadikan mata pelajaran penting bagi semua akitek yang didaftar di Malaysia dan keduanya untuk mempengaruhi lagi bentuk bangunan supaya memberi identiti Malaysia, satu pertandingan diadakan untuk *design* dan model bangunan yang mencerminkan keperibadian Malaysia. Pihak kerajaan sedia memberi hadiah yang bernilai untuk pertandingan ini. Tetapi, kerajaan berharap pihak syarikat-syarikat juga akan mengeluarkan hadiah yang menggalakkan. Persatuan Akitek Malaysia juga harus memainkan peranan yang utama dalam menganjurkan pertandingan ini.

Dalam masa dua belas hari yang akan datang ini, orang ramai berpeluang melihat pakar-pakar pertukangan lelaki dan perempuan menjalankan kemahiran masing-masing. Saya berharap, orang ramai terutama generasi muda, akan membanjiri Muzium Negara semasa pameran ini berlangsung dan mengambil sepenuh kesempatan yang diberikan oleh pameran ini.

---

*Ucapan Di Upacara Pelancaran Buku Bertajuk "Seni Pertukangan Tangan Malaysia" Serta "Pameran Pertukangan Tangan Malaysia" Di Muzium Negara, Pada Hari Rabu, 13 Disember 1978, Jam 3.30 Petang.*

---

## KEBEASAN EKSTREM MENGGANGGU KEMAJUAN

**KEBEASAN** media adalah salah satu aspek penting untuk mempertahankan demokrasi. Tanpa kritikan dan teguran daripada media yang bebas, tanpa maklum balas berkenaan dengan pemikiran dan reaksi masyarakat, besar kemungkinan kerajaan dan anggotanya akan tersilap jalan, menyeleweng dan melakukan perbuatan yang tidak baik.

Sebaliknya, tanpa maklumat yang disampaikan oleh media yang bebas, rakyat pula akan berada dalam kegelapan, tidak mengetahui dan tidak memahami apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Dengan perkataan lain, tanpa media massa yang bebas, masyarakat dan kerajaan akan berada dalam keadaan tidak sedar akan hasil dasar-dasarnya dan tidak dapat menilai kekesanan sesuatu tindakan atau peristiwa. Kita akan meraba-raba dalam kegelapan tanpa mengetahui ke arah mana kita dibawa.

Ada negara-negara di mana media massa diletakkan terus di bawah kuasa kerajaan. Dengan itu, media tidak dapat menilai dengan baik dan dengan adil tindakan-tindakan dan dasar-dasar kerajaan. Semua yang dibuat oleh kerajaan dikatakan baik dan dipuji. Oleh yang demikian, apabila kerajaan tersilap jalan maka kerajaan akan sesat tanpa disedari. Negara komunis sesat 70 tahun sebelum mereka mengetahui, bahawa mereka sesat. Sepanjang masa, media yang dikongkong oleh kerajaan

memuji dasar-dasar dan strategi-strategi komunis sehingga rakyat mereka hilang keupayaan membezakan di antara yang baik dengan yang buruk.

Goebbels, Menteri Propaganda Nazi Jerman, biasa berkata sesuatu yang tidak benar, jika berulang kali dikatakan benar, akhirnya akan diterima sebagai benar oleh masyarakat. Demikian dengan negara komunis. Oleh kerana kegagalan sistem ekonomi komunis dikatakan juga satu kejayaan, akhirnya, semua pihak percaya bahawa sistem komunis berjaya. Apabila sudah sampai ke tahap ini, kebenaran sukar hendak diperkata dan diutarakan kerana ia akan dianggap tidak benar dan akan ditentang keras. Hanya pemimpin yang gagah dan berani sahaja yang akan sanggup memperkatakan yang benar, iaitu sistem ekonomi komunis gagal dan perlu digantikan dengan sistem yang dahulu dikatakan oleh pihak komunis tidak baik. Demikian *Glasnost* dan *Perestroika* anjuran Gorbachev.

Inilah satu daripada kesan kongkongan media massa oleh kerajaan. Tetapi, apakah kebebasan penuh untuk media massa akan menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara? Di beberapa negara di mana media bebas sepenuhnya, akhbar-akhbar dan media elektronik tidak segan-segan menyalahgunakan kebebasan kepada pihak lain. Sasaran mereka dikejar sehingga ke lubang cacing. Segala-galanya didedahkan sehingga keaiban yang dirasai oleh subjek adalah lebih daripada semua hukuman yang boleh dikenakan. Gambar-gambar lucu disiarkan sehingga kepada kanak-kanak. Bahasa yang kotor tidak lagi disembunyikan. Keganasan dipamer sehingga mempengaruhi budaya masyarakat. Penjenayah dibayar wang yang banyak untuk mencerita jenayah mereka yang menggambarkan mereka sebagai hero. Rahsia kerajaan didedah sehingga keselamatan negara terancam. Pemimpin-pemimpin dilaga-lagakan dan cerita-cerita yang tidak benar dicipta dan disiarkan.

Akibat daripada semua ini ialah, masyarakat keliru dan ada yang tidak dapat menilai antara yang baik dengan

yang buruk. Ada di antara mereka menjadi bingung kerana percaya kepada yang tidak benar. Nafsu dan seks menjadi tumpuan bagi setengah-setengah pihak sehingga mereka dikuasai hanya oleh keperluan memuaskan nafsu. Akhlak hancur dan institusi sosial seperti perkahwinan dan keluarga hilang kedudukan dalam masyarakat. Pendek kata, kebebasan akhbar yang ekstrem membawa kesan yang tidak banyak berbeza daripada kongkongan oleh kerajaan.

Apa yang digambarkan di sini ialah kes-kes yang ekstrem, kongkongan media yang menyeluruh dan kebebasan yang tidak terhad. Jika diakui, bahawa kedua-dua contoh ekstrem ini adalah tidak baik dan mempunyai kesan yang buruk kepada masyarakat dan negara, soal yang timbul ialah, apakah had sekatan kebebasan dan kongkongan ke atas media massa yang baik untuk masyarakat? Soal ini perlu dijawab melainkan kita mempunyai falsafah kebebasan untuk kebaikan.

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang demokratik. Lebih daripada itu, Malaysia mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama yang sukar diintergrasikan. Jika Malaysia ingin maju, maka peranan semua pihak mestilah disesuaikan dengan dasar-dasar dan usaha-usaha membangunkan negara.

Tidak sesiapa pun boleh menafikan peranan penting yang boleh dimainkan oleh media massa dalam pembangunan Malaysia. Jika diakui, bahawa kebebasan akhbar menjadi sebahagian daripada demokrasi, tetapi kebebasan secara *absolute* membawa keburukan. Perlu ditentukan, apakah yang patut mempengaruhi kerajaan, wartawan dan masyarakat mengenai peranan media massa dalam negara ini?

Saya percaya, tidak ada sesiapa pun dalam negara ini yang dengan sengaja mahu menghalang pembangunan dan kemajuan. Masalahnya ialah kadang-kadang ada konflik antara kepentingan negara dan kepentingan kumpulan serta kepentingan individu.

Oleh kerana ini, kita kadang-kadang tidak jelas

tentang pendirian yang perlu diambil oleh masing-masing, walaupun kita percaya kita mengakui tindakan yang mesti diambil oleh pihak lain.

Sebagai contoh, ramai anggota masyarakat yang mengecam akhbar yang sengaja membesar-besarkan masalah yang kecil, umpamanya tentang perkembangan politik. Tetapi, pada masa yang sama, masyarakat lebih suka akhbar-akhbar yang *sensational* ini dan menyebabkan perjuangannya lebih laris. Pada masa yang sama juga, pembaca memuji sikap sederhana dan berita yang tepat yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang bertanggungjawab tetapi mereka tidak begitu berminat membacanya. Ramai juga daripada anggota masyarakat yang menyoal, kenapa kerajaan tidak bertindak.

Kerajaan sekarang ini tidak bebas seperti dahulu, pada waktu bila mana rakyat tidak begitu *sophisticated*. Sekarang, rakyat tahu mengguna undang-undang dan kerajaan dengan mudah boleh disekat kerana kesilapan prosedur atau sebab-sebab lain. Lagi pula, kerajaan tidak mahu dituduh tidak demokratik dan menyekat kebebasan akhbar.

Dilema kita ialah jika kita membenarkan kebebasan yang ekstrem dalam media, kesejahteraan masyarakat akan terancam dan kemajuan negara terganggu. Sebaliknya, jika kita mengambil tindakan untuk menyekat, kita akan dituduh sebagai tidak demokratik. Berhadapan dengan dilema, ini kita hanya boleh berharap pada perasaan tanggungjawab wartawan tempat patriotisme mereka. Kawalan diri atau *self-discipline* diperlukan walaupun ini akan menjaskasen sedikit kelarisan penjualan akhbar masing-masing.

Bagi negara kita, perkara yang utama ialah kestabilan politik atau lebih tepat lagi persepsi rakyat serta orang asing terhadap kestabilan ini. Sebenarnya, sejak negara kita merdeka, selain daripada peristiwa 13 Mei 1969, keadaan politik negara adalah stabil. Sudah tentu ia lebih stabil daripada kebanyakan negara membangun. Adanya usaha merebut jawatan dan kempen-kempen, adalah

perkara biasa dalam sesebuah demokrasi.

Tetapi, kegiatan-kegiatan ini boleh mencemar gambaran stabiliti kerana tekanan laporan dan bahasa yang digunakan. Seseorang yang membuat kritikan biasa boleh menimbulkan kemarahan yang lebih oleh pihak sasaran jika pengkritik dilaporkan sebagai telah membuat 'tamparan hebat' terhadap seseorang. Kadangkala, keadaan tenang boleh menjadi ribut hanya dengan bertanya kepada satu pihak dan kemudian menyampaikan jawapannya kepada pihak yang menentang untuk mendapatkan reaksi.

Pihak akhbar mencipta pelbagai jenis hak mengikut kebebasan media dalam demokrasi. Sekarang ini, ada yang bercakap berkenaan dengan hak mengetahui atau '*the right to know*'. Dalam pengurusan sesuatu organisasi, rahsia diperlukan. Umpamanya semasa rundingan, semua pihak perlu menyembunyikan, apakah yang boleh dipersetujui oleh mereka, supaya dapat konsesi yang lebih menguntungkan. Sama ada perundingan ini adalah antara syarikat atau pertubuhan atau negara, masing-masing akan cuba mendapatkan sesuatu keputusan yang lebih menguntungkan.

Media massa pula ingin mendedah semuanya secepat mungkin sebelum rundingan diadakan. Dengan terdedahnya pendirian terakhir mana-mana pihak, maka *flexibility* dalam rundingan akan hilang. Mungkin juga jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju dengan pendirian sebenar pihak pertama, maka rundingan tidak akan diadakan sama sekali. Dengan itu, sesuatu usaha akan gagal sebelum ia bermula.

Sebaliknya, jika tidak berlaku pendedahan dan rundingan diadakan, mungkin juga pihak-pihak yang terbabit akan bertolak ansur setelah mendengar hujah masing-masing dan rundingan akan berhasil. Tetapi media massa kerap kali tidak mempedulikan sesuatu usaha yang baik. Kepentingan '*scoop*' lebih diutamakan, kononnya kerana kebebasan dan hak mengetahui.

Di Malaysia, kita perlu berusaha ke arah pem-

bangunan yang pesat. Jika kita membuat kajian mengenai sebab-sebab sesetengah negara mudah maju dan sesetengah lagi tidak dapat mencapai kejayaan walaupun ada keinginan untuk berjaya, kita akan mendapati, bahawa pencapaian sesuatu negara bergantung kepada peribadi dan sikap penduduk negara itu. Jika sesuatu bangsa itu rajin, beramanah, tekun berusaha, maka lambat-laun bangsa itu akan berjaya. Sebaliknya, jika sesuatu bangsa itu malas, tidak beramanah dan tidak tekun dalam menjalankan kerja, maka bangsa itu akan gagal dan mundur selama-lamanya.

Menyedari akan hakikat ini maka kita haruslah menggunakan segala cara untuk membentuk peribadi yang sesuai dengan kemajuan ini. Oleh kerana media massa adalah satu alat yang penting untuk membentuk fikiran rakyat, maka media massa haruslah memberi sumbangan kepada usaha-usaha menyemaikan nilai-nilai yang disebutkan tadi di kalangan penduduk negara ini.

Kita berasa dukacita kerana kadang-kadang ada akhbar-akhbar yang bukan sahaja tidak memberi perhatian kepada pembinaan sifat-sifat ini tetapi menunjukkan sikap sinis terhadap usaha-usaha kerajaan. Mенukar peribadi sesuatu bangsa bukanlah perkara yang mudah, terutama jika ia ke arah kebaikan. Tetapi, usaha mesti dibuat juga kerana selagi kita tidak dapat memiliki nilai-nilai yang sesuai untuk kemajuan, kita tidak akan maju.

Musuh kita yang besar sekali ialah diri kita sendiri. Ada sikap yang negatif di kalangan kita yang menyebabkan kita selalu memandang rendah terhadap kebolehan kita dan membesar-besarkan kebolehan orang lain. Jika ada sahaja sesuatu usaha, kita terus meramalkan ia tetap tidak akan berjaya. Jika akhirnya berjaya juga usaha itu, kita akan memperkecilkan kejayaan usaha itu atau mencari kesalahan titik-bengek. Dengan ini, maka sukar bagi rakyat Malaysia mempunyai keyakinan terhadap apa juga yang diusahakan.

Mengikut aliran yang baru, apa yang dipanggil sebagai '*investigative reporting*', sesuatu yang dicipta di Barat,

segala usaha dijalankan bagi mencari yang salah untuk didedahkan. Memang benar ada kalanya kita perlu mendedahkan sesuatu supaya pembetulan boleh dibuat. Tetapi, yang baik dan betul pun perlu didedahkan supaya kita tidak mempunyai *inferiority complex*.

Dalam usaha membangunkan sesuatu negara, kerajaan yang kuat amat diperlukan. Bagi negara yang maju sekalipun, jika kerajaannya lemah maka kemajuan-nya sukar dicapai. Ini adalah kerana kerajaan bukan sahaja dikehendaki mentadbir tetapi juga menolong pihak swasta dalam kegiatan ekonomi. Dalam hal ini, jika pihak swasta dikehendaki meningkatkan perniagaan dan perusahaan, melabur, mengeksport, kerajaan mesti memberi kerjasama dan bantuan.

Sebagai contoh, sekarang ini kita ingin menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Industri pelancongan bukan sahaja membawa aliran mata wang asing ke dalam negeri tetapi juga dengan pertumbuhan industri perhotelan dan industri-industri sampingan, peluang pekerjaan akan bertambah. Rakyat yang ramai menganggur akan mendapat peluang pekerjaan.

Kerajaan dikehendaki membelanjakan wang untuk mengadakan pegawai dan aktiviti promosi dan sebagainya. Jika kerajaan lemah dan tidak tentu sama ada akan mendapat sokongan yang cukup atau tidak, usaha menolong pihak swasta akan mendapat prioriti yang rendah. Dengan itu, pihak swasta dan ekonomi negara akan terjejas.

Kita lihat perkara ini berlaku dalam sebuah negara maju di mana ketua kerajaan adalah dari satu parti dan dewan-dewan undangannya dikuasai oleh parti lawan. Kesannya ialah pemerintahan yang tidak berkesan dan ekonomi meleset. Rakyat pula tidak bersemangat untuk menjayakan apa-apa usaha.

Keadaan di Malaysia tidaklah seperti ini. Tetapi, tumpuan yang terlalu sangat kepada politik boleh membawa kesan seperti ini. Sebagai negara membangun, kesan kerajaan yang lemah lebih buruk lagi. Untuk memperbaiki

keadaan ekonomi, sosial dan politik, mana-mana kerajaan mestilah berani mengambil tindakan yang tidak popular. Kerajaan yang lemah akan hanya menghabiskan masa dan tenaga untuk mencari populariti.

Semua pihak di dalam dan di luar negara sekarang mengiktiraf kerajaan Malaysia memulihkan ekonominya. Kejayaan ini dicapai kerana kerajaan mampu mengambil tindakan-tindakan yang berkesan walaupun tidak popular seperti mengurangkan perbelanjaan kerajaan, mengurang import, membantu eksport, membuka peluang perniagaan dengan mengurangkan syarat-syarat yang terlalu ketat dan sebagainya. Tetapi, usaha-usaha kerajaan ini menjadi lebih sulit kerana ada pihak yang tidak faham dan pandangan mereka kadang-kadang mendapat publisiti yang luas.

Sementara kita tidak patut disaji dengan masalah politik semata-mata dalam akhbar, pengetahuan mengenai politik perlu dipertingkatkan, terutama berkenaan dengan sistem demokrasi yang kita amalkan. Ramai yang berpendapat, bahawa demokrasi akan membawa kebahagiaan kepada negara jika ia diamalkan sepenuhnya. Apa yang kurang difahami ialah demokrasi juga boleh meruntuhkan negara jika tidak diamalkan dengan bijak dan bertanggungjawab.

Di Malaysia, kita berasasib baik kerana ada sebuah parti politik nasional yang mampu bertanding di seluruh negara. Dengan itu, kemungkinan sebuah parti mendapat majoriti yang cukup untuk membentuk kerajaan, memang nyata. Oleh kerana demokrasi memberi hak kepada sesiapa sahaja menubuhkan parti dan bertanding, bahkan individu juga boleh bertanding, di beberapa negara berpuluhan-puluhan parti politik ditubuhkan dan beribu-ribu calon bertanding. Akibatnya, tidak ada satu parti pun yang memperolehi majoriti. Dalam keadaan ini, kerajaan campuran terpaksa dibentuk yang tidak mempunyai dasar atau ideologi yang sama. Jika mana-mana pihak menarik diri, maka akan jatuhlah kerajaan.

Demikian juga jika sistem dua parti diadakan. Apabila kedua-dua parti memenangi hampir sama bilangan

kerusi, kerajaan yang ditubuhkan oleh parti yang mendapat kemenangan yang lebih sedikit, tidak mampu memerintah dengan tegas kerana takut jatuh.

Di sesetengah negara pula, sistem *proportionate representation* digunakan, iaitu bilangan wakil rakyat dari sesuatu parti diasaskan kepada peratusan undi yang diperolehi. Akibatnya, banyak parti bertanding dan ada kalanya tidak ada parti yang mempunyai majoriti yang cukup. Kerajaan yang didirikan terpaksa berbentuk kerajaan campuran, yang seperti biasa amat lemah.

Kepercayaan kepada sistem demokrasi memang baik tetapi tanpa pengetahuan tentang kegunaan, demokrasi tidak dapat menjamin kesejahteraan negara. Pihak akhbar harus memainkan peranan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai demokrasi, kekuatan dan kelebihannya. Dengan ini, maka kita lebih selamat.

Tujuan saya membangkitkan perkara-perkara itu di majlis ini bukanlah kerana saya bercita-cita untuk menghapuskan kebebasan media massa atau menghapuskan demokrasi. Ada pihak yang mudah membuat tuduhan seperti ini apabila sahaja saya menyebut mengenai sesuatu. Demokrasi berjaya diamalkan di negara ini. Kebebasan akhbar wujud di negara kita. Tetapi, kita harus sedar mengenai pelbagai kemungkinan. Dengan adanya kesedaran ini, saya percaya kita akan lebih bertanggung-jawab untuk menegakkan demokrasi di Malaysia.

---

*Sedutan Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Di Majlis Malam Wartawan Malaysia 1988, Anjuran Institut Akhbar Malaysia, Pada 19 November 1988.*

---

## MEMERANGI DADAH

SAYA ucapan terima kasih di atas penghormatan yang diberi kepada saya bagi mempengaruhi persidangan ini mengenai penyalahgunaan dan pengedaran haram dadah. Saya berjanji akan berusaha sedaya upaya bagi mempastikan persidangan ini mencapai kejayaan. Saya menerima tanggungjawab ini dengan sedikit perasaan waspada, tetapi saya yakin kebijaksanaan tuan-tuan dapat membimbing saya ke arah satu matlamat berhubung dengan isu ini yang telah menimbulkan berbagai penderitaan kepada kita.

Kita menghadapi satu tugas penting. Dalam beberapa hari akan datang, kita mestilah menggembung semula keazaman kita dan kemahiran kita bagi menyusun satu rancangan yang teratur untuk menghapuskan satu gejala yang merosakkan masyarakat kita, iaitu dadah dan pengedar-pengedarnya yang telah mengaut keuntungan daripada penderitaan manusia sejagat. Dari itu, marilah kita berusaha bagi mempastikan tugas ini dapat disempurnakan dengan sedaya upaya kita demi untuk faedah dunia seluruhnya.

Adalah menjadi satu kenyataan, bahawa pencapaian-pencapaian besar yang telah ditemui oleh manusia sejagat adalah hasil daripada ketekunan dan kerja keras dalam satu proses tindak balas yang berterusan terhadap perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran dalam keadaan-keadaan dinamik. Adalah benar, bahawa

pencapaian-pencapaian besar telah dicapai kerana kita telah berhenti mengkaji dan meninjau keadaan itu dan membuat teguran yang sewajarnya sebelum meneruskan haluan yang ditetapkan. Persidangan kita hari ini memberi peluang untuk meninjau dan menyemak semula kerja-kerja kita dan mengkaji apa yang telah kita lakukan di masa lalu yang akan membantu kita memperbaiki dan mengambil keputusan-keputusan yang tepat untuk masa depan.

Hari ini, persediaan yang telah kita buat selama lebih dua tahun lalu telah berhasil. Tetapi, kita juga sedang bersiap sedia untuk melangkah ke arah satu matlamat baru, permulaan satu usaha penting dalam meneguhkan semangat politik semua negara untuk bertindak bagi menghapuskan wabak yang telah melanda masyarakat antarabangsa iaitu pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah yang sedang berleluasa sekarang.

Dakwaan, bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu kurang mengatur rancangan bagi menghapuskan penyalahgunaan dadah adalah tidak benar. Sebaliknya, Bangsa-Bangsa Bersatu telah meneruskan kerja-kerja pengawalan dadah yang sebelum ini dijalankan oleh Liga Bangsa-Bangsa. Konvensyen Dadah Narkotik 1961, malah diluluskan dibawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ini mencerminkan satu usaha besar oleh badan dunia itu dalam menyatukan berbagai keputusan dan persetujuan untuk satu entiti yang tegas dan berkesan. Konvensyen 1961 itu, kemudiannya dipinda mengikut protokol 1972. Selain daripada itu, dalam tahun 1961, konvensyen mengenai bahan-bahan psikotropik telah diluluskan bagi mengatasi kekurangan yang terdapat dalam konvensyen 1961. Dalam tahun 1981, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu meluluskan strategi kawalan penyalahgunaan dadah antarabangsa yang bertujuan membanteras pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah. Ini disusuli dengan satu rancangan tindakan lima tahun dalam 1982.

Dalam tahun 1984, Perhimpunan Agung itu, menerusi pengistiharan mengenai kawalan pengedaran dan penyalahgunaan dadah, menekankan bahawa pengedaran dadah

narkotik dan penyalahgunaan dadah telah menjadi satu kegiatan jenayah antarabangsa yang memerlukan perhatian segera daripada masyarakat antarabangsa dan, bahawa penghapusan pengedaran haram dadah narkotik merupakan tanggungjawab bersama kepada semua negara.

Dari itu jelaslah, bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu tidak pernah lalai dalam memberi perhatian kepada masalah dadah. Sebaliknya, penglibatan yang tidak bersungguh dan tindakan yang kurang jelas daripada segi politik di kebanyakan negara pengeluar, negara persinggahan dan negara pengguna untuk bertindak terhadap masalah bersama ini telah menyebabkan pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah berleluasa.

Perniagaan dadah haram di seluruh dunia telah dianggarkan secara tidak rasmi sebanyak \$300 billion dolar, satu jumlah yang menakutkan. Tetapi untuk menghadapi gejala ini, sistem Bangsa-Bangsa Bersatu pada keseluruhannya hanya boleh menyediakan perbelanjaan sebanyak beberapa juta dolar sahaja. Ini satu ukuran bagi menunjukkan penglibatan kita belum mencukupi. Penglibatan kita itu mungkin menandakan pengertian kita yang berbeza-beza. Bagi sesetengah kerajaan di negara-negara pengguna, penagihan dadah dan penyalahgunaan dadah dianggap sebagai satu penyimpangan sosial yang sama seperti masalah merokok dan penagihan arak.

Bagi kebanyakan negara-negara pengeluar, dilema itu adalah lebih ketara. Penyusunan semula sosial menjadi satu masalah yang besar dan sensitif memandangkan pengeluaran dadah mempunyai latar belakang sejarah dan kebudayaan. Usaha mencari satu pilihan terhadap apa yang dianggap oleh kebanyakan penduduk kampung dan puak suku kaum bukit sebagai satu sumber pendapatan akan menjadi satu cabaran bagi kerajaan di negara-negara pengeluar.

Bagi negara-negara persinggahan, masalahnya ialah bagaimana menyekat pengaliran dadah yang masuk dengan banyak yang berpunca daripada keuntungan hasil daripada pengedaran.

Satu lagi masalah yang sama penting ialah bagaimana menghindarkan penagihan dadah dan untuk menempatkan semula mereka yang menagih, sama ada kerana terdapat baki bekalan dadah yang tidak dijual akibat gerakan pembersihan di negara-negara pengguna atau kerana permintaan di kalangan penagih-penagih tempatan.

Satu manifestasi yang paling serius, bagi kebanyakan negara di Amerika Latin, Amerika Utara dan Asia Tenggara ialah masalah dadah telah menjadi satu masalah keselamatan yang mendaraskan kesan ke atas kemampuan negara itu untuk terus hidup berdikari dan untuk memelihara kedaulatan kebangsaannya.

Berdasarkan latar belakang ini, saya berpendapat, bahawa persidangan ini tidak akan membincangkan cadangan-cadangan program untuk pelaksanaan. Sebaliknya, merupakan tugas badan-badan teknikal yang berkelayakan seperti suruhanjaya mengenai Dadah Narkotik, Lembaga Kawalan Narkotik Antarabangsa dan Tabung Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pengawalan penyalahgunaan dadah dan lain-lain agensi Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Pertubuhan Kebudayaan Saintifik dan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain pertubuhan bukan kerajaan yang berkelayakan.

Dua sesi Badan Persediaan yang diadakan untuk persidangan ini telah menetapkan garis panduan yang berfadeah kepada kepada Sekretariat Persidangan untuk menghasilkan Garis Panduan Tatatertib yang menyeluruh (CMO) untuk kegiatan-kegiatan masa depan mengenai pengawalan penyalahgunaan dadah yang sedang dikaji untuk diluluskan sebagai garis panduan untuk pembangunan projek tertentu dan untuk pelaksanaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Persidangan ini, sepatutnya memberi perhatian kepada pengisytiharan kekuatan politik bagi bertindak secara berkesan terhadap masalah dadah. Adalah menjadi tugas persidangan ini bagi menjelaskan pengisytiharan itu.

Kesannya ialah, kerajaan akan diingatkan tentang

kewajipan mereka yang dijelaskan dalam persidangan ini untuk bertindak sama-sama bagi memerangi secara berkesan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah sebagai satu masalah antarabangsa, memandangkan masalah dadah antarabangsa itu telah menjalar begitu luas, kempen bagi menghapuskannya tidak boleh dilancarkan tanpa kerjasama antarabangsa. Pendekatan yang mesti lahir daripada persidangan ini bukan sahaja penting sebagai satu rujukan dan peringatan tentang moral kerajaan tetapi mestilah dilaksanakan sebagai satu mesej yang tegas kepada para pengedar dadah, bahawa kegiatan-kegiatan mereka tidak boleh diteruskan tanpa kebebasan daripada hukuman. Satu lagi perkara yang sama penting ialah mesej yang disampaikan kepada masyarakat antarabangsa dan kepada orang ramai, bahawa kerajaan mereka kini bersetuju bertindak dengan tegas ke atas pengedar-pengedar dadah yang telah membawa berbagai penderitaan kepada masyarakat mereka.

Marilah kita tunjuk kepada mereka, bahawa kita memang sedang berbuat demikian mempastikan pelaksanaan segara konvensyen baru terhadap pengedaran haram dadah narkotik dan bahan-bahan psikotropik.

Untuk menyampaikan ke semua mesej ini dan untuk mempastikan matlamat-matlamatnya difahami dan disedari, adalah penting bagi persidangan ini mempertimbangkan keputusannya dengan jelas agar keazamannya yang teguh tidak diragui dalam menghapuskan pengedaran haram dadah dan agar keazaman untuk membantu penagih-penagih dadah bagi membolehkan mereka kembali ke pangkuhan masyarakat tidak dipersoalkan. Ini patut menjadi perhatian utama kita.

Dalam konteks usaha-usaha kebangsaan, banyak negara telah pun terpaksa mengenakan tekanan politik bagi bertindak terhadap ancaman dadah kerana tindakan ini sangat-sangat diperlukan.

Pengalaman kebanyakan negara juga telah memberi satu pengajaran yang penting kepada kita. Untuk menghadapi masalah dadah dengan berkesan, tindakan mestilah

diambil dalam satu cara yang selaras dan dikendalikan di peringkat politik yang tertinggi, sejajar dengan sistem pengadilan dan pentadbiran. Perjuangan untuk membanteras pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah juga telah diambil di peringkat sosial dan ekonomi.

Di peringkat antarabangsa, kerjasama serantau dalam usaha-usaha memenangi pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah telah disusun dengan rapi. Ini jelas di Amerika Latin, Eropah, Timur Tengah dan di ASEAN tetapi masih ada peluang untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha serantau ini terutamanya di kalangan negara-negara yang telah menjadi pusat persinggahan untuk pengiriman dadah secara haram. Mungkin satu kelemahan yang besar yang boleh dikaji dalam persidangan ini ialah kerjasama antara rantau yang masih diusahakan di peringkat awal.

Kerjasama telah pun terjalin di antara Kesatuan Ekonomi Eropah dan ASEAN dan peluang adalah cerah bagi mengadakan kerjasama seumpama itu di antara rantau kecil seperti Asia, Afrika, Eropah Barat dan benua-benua Amerika. Satu lagi fokus utama ialah memperkuuhkan peranan institusi antarabangsa untuk meningkatkan usaha-usaha kebangsaan serantau dan antara rantau. Di sini, saya mesti meneruskan usaha-usaha yang telah dikendalikan selama empat puluh tahun di bawah sistem Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai satu usaha antarabangsa bagi mengatasi masalah dadah. Menyentuh agensi-agensi yang terlibat dalam kerja-kerja pelaksanaan, kesan-kesan telah diperlihatkan oleh Tabung Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pengawalan Penyalahgunaan Dadah (*UNFDAC*) yang mana projek-projeknya meliputi berbagai kegiatan pengawalan narkotik termasuk menyatukan pembangunan luar bandar dan penanaman hasil gantian, rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah, pelajaran dan penerangan untuk mencegah penyalahgunaan dadah, bantuan pihak berkuasa undang-undang dan latihan serta penyelidikan.

Kita mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*). *WHO* mempunyai tugas rumit dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang diberikan kepadanya di bawah perjanjian-perjanjian pengawalan dadah antarabangsa. Pertubuhan itu memainkan peranan yang menyeluruh dalam menolong menentukan yang mana harus diletakkan di bawah kawalan antarabangsa sejajar dengan syarat-syarat konvensyen dadah 1961, dan konvensyen bahan psikotropik.

Sumbangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa juga besar. Tugasnya tertumpu kepada penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan kepada pemulihan vokasional dan permulangan penagih dadah ke pangkuhan masyarakat. Juga penting ialah usaha mencegah penyalahgunaan dadah melalui pendidikan dan kesedaran orang ramai dan ini menjadi peranan utama Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNESCO*). Memasukkan pelajaran mencegah berhubung dengan penggunaan dadah ke dalam kurikulum sekolah dan pelajaran di luar sekolah, adalah salah satu langkah yang paling berkesan untuk mengelakkan kesan-kesan buruk penyalahgunaan dadah di kalangan budak-budak dan orang dewasa. Memanglah ada banyak lagi institusi dan pertubuhan. Menguatkan lagi institusi-institusi antarabangsa ini dan program-program kerja mereka akan memberi sumbangan kepada usaha-usaha peringkat kebangsaan, antara rantau, serantau dan sedunia dalam meningkatkan lagi program memerangi ancaman dadah yang kian membesar.

Untuk persidangan ini, kerja-kerja asas yang meluas telah disediakan oleh dua sesi badan penyiap yang diadakan di Vienna dalam bulan Februari 1986 dan Februari 1987. Adalah menjadi harapan saya, semoga semua kerja asas ini, hasil tindakan bersama oleh semua perwakilan yang turut serta, akan menjadi satu agenda untuk tahun-tahun 1990-an, untuk sistem Bangsa-Bangsa Bersatu dalam meneruskan kempen memerangi penyalahgunaan dan pengedaran haram dadah.

Masalah dadah yang kita hadapi amat besar hingga

memerlukan pelaksanaan tanggungjawab, kerjasama dan tindakan bersama kita sepenuhnya untuk memerangi ancaman ini. Usaha kita tidak boleh berakhir di persidangan ini. Saya sendiri merasa perlunya diadakan pertemuan-pertemuan selanjutnya, terutama mengadakan persidangan-persidangan pakar-pakar dan pembuat dasar antara rantau dengan bantuan Bangsa-Bangsa Bersatu, di mana perlu untuk mengkaji lebih teliti setiap aspek masalah dadah. Pertemuan ini hendaklah memberi semangat kepada kita untuk melaksanakan cara-cara memerangi dadah pada peringkat serantau dan kebangsaan.

Kita mestilah pulang dari persidangan ini dengan azam yang kuat untuk memenangi peperangan menentang dadah di negara masing-masing. Persidangan ini hanya akan berjaya jika usaha-usaha bersama dan kerjasama yang dipersetujui dilaksanakan dengan berkesan di negara masing-masing. Peperangan menentang dadah di peringkat dunia tidak mungkin akan berjaya jika negara-negara tidak bersungguh-sungguh menentang dadah selepas persidangan ini.

Perjuangan kita hari ini adalah satu perjuangan di hati dan sanubari setiap individu di setiap negara di seluruh negara. Sebab merebaknya masalah dadah antarabangsa begitu cepat ialah kegagalan kita menyedarkan rakyat kita mengenai bahaya sebenar penyalahgunaan dadah dan kesan-kesan buruk daripadanya. Perjuangan ini tidak boleh mundur barang setapak pun selagi kita belum berjaya menimbulkan kesedaran, bahawa dadah membunuh dan membinasakan manusia. Kita mestilah memperbetulkan anggapan, bahawa penagihan dadah berlaku hanya kepada anak orang lain dan bukan anak kita dan bahawa punca masalah ini jauh di negara lain dan bukan di tanahair sendiri. Medan memerangi dadah ialah di dalam keluarga setiap individu, setiap masyarakat dan setiap negara.

Hari ini, pencapaian cemerlang kita dibidang sains mewujudkan perubahan-perubahan besar dalam hubungan antarabangsa manusia dan alam sekitarnya. Ianya juga

menjadi ujian kepada norma dan nilai-nilai. Manusia yang tegas melaksanakan tanggungjawab kepada kemajuan, boleh menghasilkan kemajuan besar kepada seluruh umat manusia.

Hari ini, kita boleh berlombong di lautan-lautan dan bulan, menghantar isyarat-isyarat elektronik dan sinaran laser terus melalui udara dan mengembara di angkasa lepas. Kepintaran manusia atas pemberian Tuhan nampaknya tidak terhad. Maka, janganlah kita membinaaskan masa depan yang lebih baik ini dengan "mengaku kalah" kepada penyalahgunaan dadah. Oleh itu, tugas kita amat penting dan perlu diberi keutamaan. Sebagai mengakhiri ucapan saya, sukalah saya mengucapkan selamat berjaya kepada tuan-tuan dan puan-puan semua dalam perjuangan anda. Banyak tugas yang mesti dibuat siang dan malam ke arah usaha-usaha kita ini yang berguna untuk menjayakan persidangan ini.

---

*Ucapan Perdana Menteri, Di Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dan Pengedaran Haram Dadah Di Vienna, Austria, Pada 17 Jun 1987.*

---

## PULIH KUASA BADAN DUNIA

**SEJAK** Perhimpunan Agung (Bangsa-Bangsa Bersatu) yang lepas, keadaan dunia antarabangsa tidak banyak berubah. Sebaliknya, keadaan telah menjadi bertambah buruk.

Dunia terus dicengkam oleh berbagai jenis krisis akibat sengketa politik dan ketenteraan yang tidak selesai, kebantuan dan kemelesetan ekonomi, kemiskinan dan kepapaan yang meluas, dan berbagai ketidakseimbangan yang kesemuanya seolah-olah jauh daripada penyelesaian.

Di tengah segalanya ini, berlaku pula perlumbaan senjata yang berterusan yang menelan perbelanjaan serta sumber-sumber yang amat besar dan mengancam manusia dengan kehancuran, malah mungkin kepupusan.

Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, yang bersidang membelakangkan kaedah ini, perlu mendapatkan sokongan penuh daripada anggota-anggotanya agar dapat dipulihkan kekuasaannya dan dapat memainkan peranan sebenarnya dengan penuh berkesan.

Bila kita melihat di sekeliling, kita terpaksa mengakui, bahawa kini keamanan dan ketenteraman antarabangsa telah benar-benar hancur. Kini kekuatan adalah satu-satunya yang diakui benar.

Negara-negara yang lemah seperti Afghanistan, Kampuchea dan Lebanon, dilanyak oleh tapak kasut tentera penceroboh. Sementara dunia lainnya memerhati-

kannya saja.

Ekonomi negara-negara miskin dihancurkan oleh kemelesetan daripada hasil dasar-dasar buatan manusia di pusat-pusat perdagangan dan kewangan dunia yang begitu berkuasa.

Rayuan negara-negara miskin cumalah perkara kurang penting dalam perbincangan-perbincangan negara-negara kaya ketika mereka bersidang merancang dunia mereka sendiri. Dan di Lebanon, beribu orang awam Palestin dibunuh atas nama keselamatan bagi Israel dan konco-konconya.

Dulu, Bangsa-Bangsa Bersatu menghantar pasukan berbilang bangsa untuk menghentikan pencerobohan dan benar-benar berjaya. Tetapi, sekarang ia tidak bertenaga lagi.

Ketetapan demi ketetapan telah dibuat oleh berbagai jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi pencerobohan, keganasan dan pencerakahan ekonomi tetap berterusan.

Sesungguhnya, kredibiliti Bangsa-Bangsa Bersatu kini paling daif. Dan, kami yang lemah dan kecil hidup dalam ketakutan – bimbangkan kemerdekaan kami, kehidupan kami, malah nyawa kami.

Keperluan memulihkan semula keyakinan terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu amatlah mendesak. Bangsa-Bangsa Bersatu perlu menebus semula kredibilitinya.

Saya ingin mengatakan, bahawa negara-negara seperti Malaysia harus membantu memulihkan semula kepercayaan dan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan pertubuhan ini memainkan peranan yang membina dalam menyelesaikan masalah-masalah dan krisis dan dalam mengekalkan keamanan dan kemantapan dunia. Tetapi, ini mungkin kata-kata yang enak saja.

Apa yang diperlukan, sokongan sepenuhnya dari negara-negara kuasa besar. Mereka harus menyegarkan semua pertubuhan yang mereka bentuk sendiri mematuhi keputusan-keputusannya dan memberinya sokongan kekuatan.

Di Asia Tenggara, masalah Kampuchea terus merupakan ancaman terhadap keamanan dan keselamatan. Telah tiga kali Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu menggesa pengunduran sepenuhnya tentera asing dari Kampuchea dan memberi rakyatnya hak menentukan diri sendiri.

Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK) telah menggariskan prinsip-prinsip penyelesaian politik bagi masalah ini. Tetapi, pihak yang berada dalam kedudukan yang boleh membantu mencapai penyelesaian politik masih menunjukkan sikap tidak acuh terhadap norma-norma amalan antarabangsa yang biasa.

Pencerobohan tentera asing dan penduduknya yang berterusan di Kampuchea adalah satu jenayah terhadap rakyat Kampuchea dan ancaman terhadap keamanan dan keselamatan serantau. Ia telah membawa persaingan kuasa-kuasa besar ke rantau, di mana lima negara yang cintakan keamanan telah menyetujui konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali. Anggota-anggota ASEAN mendapati dalam masalah Kampuchea ini, suatu halangan yang amat besar terhadap impian kawasan yang bebas daripada persengketaan.

Dunia harus memberi perhatian yang serius terhadap keadaan di Kampuchea sebelum persaingan kuasa-kuasa besar merebak menjadi konfrontasi terbuka – kerana bila ini berlaku, Bangsa-Bangsa Bersatu akan sekali lagi tidak berupaya melakukan sesuatu.

Sementara masanya masih ada bagi anggota-anggota Bangsa-Bangsa Bersatu untuk bertindak, maka mereka haruslah melakukannya. Mereka haruslah memberikan pengiktirafan terhadap kerajaan campuran yang cekal yang telah pun ditubuhkan.

Sejajar dengan usaha mencapai penyelesaian damai, Malaysia dan ASEAN amatlah berpuas hati dengan persetujuan yang dicapai antara ketiga kumpulan penentang di Kampuchea untuk berganding bahu dalam kerajaan campuran di mana Yang Mulia Putera Sihanouk telah memegang kepresidenan kerajaan demokratik

Kampuchea itu.

Kecekalan, kebijaksanaan dan terutama sekali semangat patriotik ketiga-tiga pemimpin itu untuk bangkit bersama memulihkan kebebasan dan maruah kepada negara mereka, layak menerima sanjungan yang tinggi daripada kita semua.

Malaysia mengalu-alukan perkembangan ini kerana ia adalah langkah yang penting dan positif ke arah pencapaian penyelesaian politik. Malaysia merasa bertuah kerana dapat menjadi tuan rumah semasa peristiwa bersejarah penandatanganan deklarasi penubuhan kerajaan campuran itu oleh Yang Mulia Putera Sihanouk, Yang Terutama Son Sann dan Yang Terutama Khieu Samphan, pada 22 Jun 1982.

Saya merasa amat gembira dengan kehadiran dan penyertaan yang mulia Putera Sihanouk, Presiden Demokratik Kampuchea dan pemimpin yang dikasihi oleh rakyat Kampuchea dalam perhimpunan ini.

Saya berharap, perhimpunan yang mulia ini akan bertindak sewajarnya dan secara positif terhadap perjuangan yang murni ini. Kita menunggu dengan harapan yang besar kepulangan Yang Mulia ke Kampuchea untuk memulihkan kebebasan dan kemerdekaan kepada negara itu, dan maruah serta kehormatan kepada rakyat Kampuchea.

Di Asia Barat, keadaan juga telah bertambah buruk semenjak Perhimpunan Agung yang lalu. Untuk kesekian kalinya, sejak bangsa Palestin diusir dari tanah tumpah darah mereka, mereka terpaksa berpindah dari satu tempat perlindungan ke tempat perlindungan yang lain. Hak mereka sebagai suatu bangsa masih tidak diiktiraf. Malah, mereka tidak dilayan sebagai manusia seperti yang jelas ditunjukkan dengan pembunuhan beramai-ramai di Lebanon.

Kita masih ingat dengan jelasnya kekejaman di Belsen, Dachau dan lain-lain khemah tahanan Nazi semasa Perang Dunia Kedua. Kita sedar akan penderitaan rakyat Yahudi pada masa itu dan penganiayaan terhadap mereka

dalam abad-abad sebelumnya. Kita gundah dengan kekejaman itu semua.

Namun tidak siapa, biarpun orang-orang yang telah begitu menderita seperti orang-orang Yahudi, berhak menimpaan kezaliman ke atas orang lain, seperti keganasan yang dilakukan di Sabra dan Shatila. Orang-orang Palestin dan Lebanon bukanlah bertanggungjawab atas peristiwa Belsen dan Dachau.

Adakah masyarakat antarabangsa telah kehilangan kenirmalaan hati nurani dengan hanya berdiri berpeluk tubuh ketika kekejaman demikian dilakukan ke atas orang-orang yang lemah dan tidak berdosa?

Untuk memuaskan hati penyokong-penyokong Yahudi, bumi Palestin telah pun dirampas daripada mereka dan dijadikan negara Yahudi. Mestikah lagi rakyat Palestin sekarang disembelih dan diusir daripada satu perlindungan ke perlindungan yang lain? Adakah mereka mesti dihapuskan?

Kita memahami rasa berdosa yang mengganggu perasaan orang-orang yang satu ketika dulu pernah melakukan kekejaman terhadap bangsa Yahudi. Kita memahami perlunya mereka menebus dosa yang lalu.

Tetapi, haruskah kita mengakuri pembunuhan beramai-ramai kerana kita, atau lebih tepat negara-negara kuasa besar di dunia, tidak sanggup menyentuh perasaan orang-orang Yahudi?

Mungkin ada yang percaya, bahawa penyembelihan di Sabra dan Shatila akan memuaskan hati Israel dan dengan itu mereka akan pulang ke negara mereka. Tetapi ini cumalah andaian yang salah.

Sejarah mutakhir telah menunjukkan dan perdana menteri Israel sendiri mengakuinya, bahawa Israel sebenarnya tidak pernah berperang untuk mempertahankan diri. Ia menyerang dengan provokasi yang paling kecil – malah dengan provokasi khayalannya sendiri.

Jiran-jiran Israel akan sentiasa menghadapi ancaman dan dari semasa ke semasa, mereka akan diserang dan keganasan dilakukan ke atas mereka. Demi kepentingan

keselamatan Israel, jiran-jirannya pula tidak akan selamat. Bolehkah kita terima, bahawa keselamatan Israel sajalah yang penting, bahawa jiran-jiran Arabnya tidak berhak ke atas keselamatan?

Israel adalah penjarah. Jika takdirnya ia lebih besar dan lebih kuat, seluruh dunia tidak akan selamat. Kerana itu, saya ingin menyeru Amerika Syarikat sebagai pembekal utama persenjataan kepada Israel, memikirkan semula kedudukannya. Senjata itu semua adalah untuk pembunuhan semata-mata.

Selain daripada penggunaan senjata-senjata maut dan sadistik yang sistematis dan dirancang terlebih dahulu di negara Palestin dan wilayah Arab yang didudukinya, Israel terus menyebarkan mitos, bahawa bangsa Palestin tidak wujud dan dengan itu menggagalkan segala usaha damai untuk mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap sengketa Asia Barat.

Sesungguhnya, pengajaran yang kita dapati daripada pencerobohan Israel ke atas jirannya, Lebanon, serta pemusnahan Beirut ialah bahawa jika Israel tidak disekat, masalah Asia Barat tidak saja akan berlanjutan, malah akan memarak sehingga akhirnya kita semua tertelan ke dalam kancahnya.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan penghormatan kepada pejuang-pejuang kebebasan Palestin yang perkasa kerana sifat-sifat kecekalan, semangat patriotik dan keberanian mereka yang luar biasa ketika berhadapan dengan tantangan yang lebih besar dalam perjuangan murni mereka menuntut hak.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menghormati Pengerusi Yassir Arafat kerana sifat negarawannya, pandangan jauh dan keberaniannya dalam meninggalkan Beirut bagi mengekalkan penduduk awam bandar tersebut daripada keganasan Israel yang berterusan. Malangnya, pengorbanan PLO itu menjadi sia-sia belaka.

Malaysia juga ingin mengalu-alukkan inisiatif yang diambil di Fez (Maghribi) baru-baru ini oleh pemimpin-pemimpin Arab, yang membayangkan kewajaran pendirian

mereka dan juga keberanian, sifat negarawan dan terutama sekali pengesahan semula penglibatan mereka terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, terhadap keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa.

Inisiatif ini mengemukakan kepada masyarakat antarabangsa suatu formula yang akan membolehkan rakyat Palestin kembali ke tanahair mereka dan mengamalkan dengan bebas hak mutlak mereka yang dikurniakan Tuhan di tanah tumpah darah mereka sendiri.

Memanglah Israel telah menolak cadangan itu bulat-bulat. Dunia dan penyokong-penyokong Israel haruslah menekankan kepada negara yang semula jadinya degil itu, supaya kembali kepada kewarasan dan amalan-amalan bertamadun.

Di Afghanistan juga, kita terus menyaksikan lagi satu contoh penggunaan kekuatan yang mencolok. Di sana juga, kita terus melihat penderitaan dan kemelaratan rakyat yang tersepit di tengah pertarungan berat sebelah untuk mengekalkan kepercayaan, sifat dan identiti kebangsaan, kedaulatan, kehormatan dan kemerdekaan mereka.

Sesungguhnya, keadaan di Afghanistan dan di kalangan tiga setengah juta pelarian yang terpaksa berlindung di negara-negara jiran itu telah menimbulkan kebimbangan yang amat sangat terutamanya bagi negara-negara yang kecil dan lemah di dunia.

Bagi negara-negara ini, penerusan perjuangan pejuang-pejuang kebangsaan Afghan adalah penting. Adalah menjadi kewajipan bagi masyarakat antarabangsa memastikan yang perjuangan ini berjaya.

Kami di Malaysia, adalah terlibat sepenuhnya terhadap pengembalian hak yang sah kepada rakyat Afghan, termasuk hak mereka menentukan sendiri masa depan mereka yang bebas daripada sebarang tekanan, dan bagi pelarian-pelarian Afghan kembali ke negara mereka dengan selamat dan bermaruah.

Kami menyokong usaha-usaha Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, memulakan perbincangan tidak

langsung dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari penyelesaian politik yang selaras dengan ketetapan-ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Persidangan Islam mengenai masalah Afghan.

Adalah mendukacitakan, bahawa perperangan antara Iraq dan Iran terus menyala. Persengketaan ini telah melarut terlalu lama. Ia telah menimpa kerugian yang besar daripada segi korban jiwa dan harta yang musnah, daripada segi kecederaan yang diakibatkannya dan penderitaan manusia.

Kerana itu, kita semua haruslah mengambil tanggung-jawab yang bersungguh-sungguh mendamaikan kedua negara ini demi kepentingan rakyatnya sendiri dan dunia amnya. Suatu hakikat nyata ialah, bahawa tidak siapa yang menang dan kalah dalam persengketaan ini.

Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dan mesra dengan kedua-dua Iran dan Iraq, dan kerana itu kami menyeru mereka supaya menghentikan perperangan yang bermaruah dan berkekalan dapat diwujudkan.

Kerajaan saya mengutuk dasar *Apartheid* Afrika Selatan yang tidak berperikemanusiaan itu. Ini adalah suatu yang menggugat keadilan dan penghinaan terhadap kehormatan manusia.

*Apartheid*, bersama-sama dengan pencerobohan-pencerobohan yang disengaja dan secara provokatif oleh rejim Pretoria ke dalam negara-negara jiran, merupakan punca utama ketegangan dan ketidakstabilan, bukan saja di Afrika malah di seluruh dunia.

Malaysia akan terus menyokong sepenuhnya perjuangan rakyat Afrika yang tertindas dalam memperjuangkan persamaan hak, keadilan dan kehormatan mereka menentang *Apartheid*.

Orang-orang yang menjadi jaguh hak kemanusiaan, atau yang mendakwa dirinya demikian, tentulah boleh berbakti lebih baik lagi dengan mengecam rejim Pretoria yang durjana ini.

Satu lagi perkara yang amat membimbangkan kami, ialah masalah penyalahgunaan dadah. Masyarakat dunia

telah menganggap masalah dadah sebagai masalah masyarakat yang boleh disamakan dengan kemiskinan, perhambaan, penganiayaan terhadap kanak-kanak dan lain-lain penyakit masyarakat.

Sesungguhnya, penagih dadah adalah gabungan daripada semua penyakit ini. Belia-belia yang terlibat dengan masalah ini adalah hamba kepada akal yang mempunyai kecenderungan penyelewangan, dan yang selamanya dalam kemiskinan.

Masalah ini harus diselesaikan dari sumbernya dan ini hanya boleh dilakukan jika Bangsa-Bangsa Bersatu bertindak secara positif. Kegagalan membendung penyakit ini daripada merebak, akan menghancurkan seluruh keturunan akan datang.

Zaman empayar dan kuasa imperial telah berlalu. Tetapi, keadaan di dunia belumlah lagi begitu baik bagi bekas-bekas jajahan itu.

Banyak sebab yang menimbulkan keadaan begini, dan antaranya ialah sikap berkelompok negara-negara kaya untuk mengekalkan kekuasaan ekonomi mereka, yang bagi sesetengah kalangan adalah sebenarnya suatu bentuk imperialisme.

Kami, di Malaysia, sangat-sangat terjejas oleh perkara ini. Sebagai sebuah negara, kami cuba mematuhi kepada peraturan-peraturan, baik secara formal maupun tidak normal, yang dijadikan panduan kepada perhubungan ekonomi antara negara-negara. Bahkan, kami telah mengelakkan daripada memiliki negarakan industri-industri yang diwujudkan di zaman penjajahan yang sebenarnya menjalankan usaha memeraskekayaan negara kami untuk kesenangan orang-orang asing yang kebanyakannya tidak tahu-menahu di mana terletaknya Malaysia, apatah lagi mengambil tahu tentang kebijakan rakyat.

Tetapi, kesabaran dan rasa keadilan kami diuji habis-habisan dengan adanya manipulasi pasaran di luar negeri, dan ini dengan sendirinya menjatuhkan kedudukan rakyat kami menjadi buruh yang rendah bayarannya. Sebagai pengeluar bahan-bahan utama seperti timah, getah dan

minyak sawit, kami juga berhak mendapat pulangan yang wajar dengan perbelanjaan kami seperti juga dengan pengeluar barang-barang di negara-negara maju.

Mengeluarkan bahan-bahan utama begini tidak lagi hanya memerlukan tanah atau galian yang mencukupi dan buruh yang murah. Ianya sekarang memerlukan perbelanjaan modal yang besar untuk mencari, menggali dan memajukannya, dan juga untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang diperlukan.

Tanda-tanda menunjukkan, bahawa kos untuk ini semua dan teknologi yang diperlukan akan meningkat terus dalam tahun-tahun akan datang. Kerana itu, wang adalah diperlukan bukan saja sebagai keuntungan, tetapi juga bagi pembangunan masa depan untuk pendapatan kami sendiri dan untuk keperluan dunia.

Ketika barang-barang buatan yang kami beli diberi harga menurut kos pengeluaran dan pemasarannya, yang sudah tentu keuntungan besar, harga bahan-bahan utama nampaknya tidak mempunyai hubungan langsung dengan kos ini. Semua harganya diberi mengikut kehendak dan kemahuuan orang-orang yang tidak ada kena-mengena dengan pengeluarannya.

Berbagai pasaran barang yang berada di negara-negara maju sebenarnya memanipulasikan harga untuk memberi keuntungan kepada ahli-ahli broker, pedagang, spekulator dan lain-lain. Orang-orang lain mengaut keuntungan bila harga naik. Mereka juga mengaut keuntungan bila harga jatuh. Segalanya disesuaikan untuk faedah mereka sendiri untuk menimbulkan kesan naik turun dalam harga-harga barang.

Tambahan lagi, pasaran-pasaran barang ini adalah kelab-kelab eksklusif yang tidak dapat disertai oleh para pengeluar. Broker dan lain-lain orang yang sama berdagang di pasaran ini jugalah yang membuat peraturan, menguatkuasakan peraturan-peraturan itu dan menimbang cara.

Adakah menghairankan bila saja keuntungan mereka terancam, mereka pun mengubah peraturan itu, supaya

mereka tidak saja terselamat tetapi juga mendapat keuntungan yang lebih baik dalam masa yang sama?

Inilah keadaannya dalam pasaran timah dan getah sekarang. Ianya telah mengucar-ngacirkan ekonomi negara saya. Kami telah cuba mengurangkan turun naik harga dengan mengadakan Perjanjian Pengeluar-Pengguna. Tetapi, perjanjian ini yang memotong pendapatan para pengeluar pada masa harga turun, sebaliknya menguntungkan para pengguna bila berlaku kecenderungan harga yang menaik.

Seolah-olah semuanya ini belum lagi mencukupi Amerika Syarikat pula menyimpan stok penimbang bagi sebab-sebab strategik, iaitu sebab-sebab keselamatan. Kita menyokong penuh hasrat Amerika Syarikat untuk menyimpan stok strategik, tetapi cara simpanan ini ditadbirkan dengan jelas menunjukkan, bahawa ianya tidak berdasarkan (dipengaruhi) oleh masalah-masalah strategi. Simpanan stok penimbang ini cuma merupakan satu senjata monopoli sebuah negara kaya yang digunakan untuk menurunkan harga-harga barang bagi faedah pengguna.

Beginilah nasib para pengeluar barang-barangan utama hingga mereka sekarang terpaksa menjual tiga hingga lima kali lebih banyak keluaran mereka demi membeli jumlah barang-barang pembuatan yang sama banyaknya seperti 20 tahun dahulu, daripada negara-negara maju.

Dengan perkataan lain, jurang di antara negara-negara maju dan negara-negara miskin sudah bertambah di antara 300 hingga 500 peratus dalam masa lebih kurang 20 tahun yang lepas.

Kini, Malaysia cuba mengubah keadaan yang berterusan ini, yang diwujudkan oleh sistem pasaran barang lama. Kita sedang mewujudkan satu sistem yang lebih imbang yang boleh menjamin harga yang munasabah, di samping mempastikan dunia mendapat bekalan timah dan getah yang cukup. Bagi mencapai matlamat ini, kami telah cuba mewujudkan sebuah persatuan pengeluaran

yang berkesan dan menguntungkan. Kami sedar sekiranya kami tidak bersikap bertimbang rasa, ini akan mengakibatkan kemerosotan pengguna dan penukaran kepada bahan ganti. Kami berharap, semua negara pengeluar memahami perlunya strategi ini dan mengambil bahagian dalam menjayakannya.

Harga barang pada masa ini berada di peringkat paling teruk. Keadaan ini bolehlah kita sabitkan kepada keadaan ekonomi meleset. Tetapi, kami kesal kerana kemelesetan ini diwujudkan oleh manusia sendiri, bekalan tidak kurang dan permintaan juga tidak kurang.

Tenaga terdapat dengan banyaknya dan pencapaian teknologi begitu tinggi. Tetapi sekarang, tiada siapa pun yang mahu membeli, padahal tidak berapa lama dahulu apa yang dikehendaki tidak mencukupi. Dan kepada yang hendak membeli, tidak pula mempunyai tukaran wang asing yang diperlukan.

Sesungguhnya, banyak negara-negara miskin terpaksa menggadai diri demi untuk terus hidup.

Seperi yang telah saya katakan, kemelesetan di seluruh dunia sekarang diwujudkan oleh manusia.

Ianya ditimbulkan di negara-negara besar oleh mereka yang berpandangan sempit.

Kaya salah satu keputusan penting yang mengakibatkan perdagangan dunia menjadi semakin kurang ialah kenaikan kadar faedah pinjaman kos wang yang tinggi telah mengurangkan pelaburan dan stok barang-barang pembuatan perlaksanaan perniagaan baru. Oleh yang demikian, banyak barang tidak terjual dan tidak terbeli dan seterusnya merendahkan lagi harga.

Tidak dapat dinafikan, bahawa ramai yang mendapat kekayaan dalam keadaan begini, tetapi akibatnya buruk sekali, terutamanya daripada segi pengangguran, jumlah yang muflis dan kemelaratuan yang ditanggung oleh rakyat miskin.

Ekonomi dunia tidak boleh berterusan lama seperti ini. Ianya boleh mencetuskan pergaduhan, rusuhan dan pemberontakan. Akhirnya, kerajaan akan tumpas dan

anarki akan bermaharajalela.

Lagi lama kemelesetan ini berterusan, maka lagi lamalah masa diperlukan untuk keadaan menjadi pulih.

Oleh kerana kemerosotan ini diwujudkan oleh manusia, maka ianya haruslah diatasi oleh manusia juga.

Pertama, apa yang diperlukan ialah menurunkan kadar faedah pinjaman walaupun ini menyebabkan kadar inflasi yang tinggi sedikit.

Kedua, dasar perlindungan yang dilaksanakan oleh negara-negara kaya mestilah dikurangkan, dan sebaik-baiknya dihapuskan langung.

Sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, sekurang-kurangnya dasar perlindungan ini haruslah digunakan dengan cermat. Negara-negara membangun tidak seharusnya dikenakan apa-apa langkah perlindungan. Sedikit sebanyak ini boleh meringankan tekanan kemelesetan ke atas mereka.

Negara-negara kaya juga akan mendapat faedah oleh kerana pendapatan lebih baik negara-negara miskin, membolehkan mereka membeli lebih banyak barang-barang pembuatan.

Dunia telah lama mengalami kemerosotan ini. Sekarang, kita perlu tindakan. Kita perlu menukar segala dasar yang terang-terang salah. Kami ingin merayu kepada mereka yang begitu banyak kuasa supaya menyedari keperluan dunia. Tukarlah dasar-dasar yang telah anda buat, dan dunia akan mengenang anda sebagai penyelamat.

Ahli-ahli Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah mengambil bahagian, seharusnya diberi tahniah di atas kejayaan yang dicapai oleh persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Dasar Laut.

Masanya telah tiba di mana negara-negara kaya di dunia tidak boleh lagi dengan sewenang-wenang menuntut segala wilayah dan kekayaan yang masih belum diterokai.

Mulai sekarang, semua kekayaan yang masih belum dituntut di alam ini, mestilah dianggap sebagai kekayaan bersama yang diwarisi oleh semua negara di alam ini.

Tidak diragukan lagi, bahawa lautan dan dasar laut ialah sumber kekayaan di masa hadapan. Tidak ada sebab mengapa bahan-bahan dan sumber kekayaan alam yang lainnya, yang sekarang terdapat dipermukaan bumi, tidak juga terdapat di dasar lautan.

Masalahnya ialah soal mencarigali dan mengeluarkannya. Dalam hal ini, negara-negara miskin tidak berkeupayaan untuk membiayai teknologi yang sofistikated dan tinggi kosnya. Jurang kekayaan antara negara-negara kaya dan negara-negara miskin akan bertambah sekiranya negara miskin tidak diberi bahagian sebagai hak mutlak.

Akhirnya, apabila mereka berkeupayaan maka sumber-sumber kekayaan yang sedia ada itu akan pupus semuanya. Adalah diharapkan dengan adanya perjanjian mengenai undang-undang laut ini, maka negara-negara miskin akan memperolehi hak mereka yang wajar.

Bagaimanapun, beberapa bidang di dunia yang masih tidak diliputi oleh mana-mana perjanjian antarabangsa, sudah menjadi kebiasaan sekarang bagi wilayah yang dijajah oleh kuasa-kuasa penjajah yang lama, mesti dilepaskan daripada belenggu ini dan dikembalikan kepada kaum peribumi atau penduduk asal.

Kebimbangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai isu ini telah mewujudkan Jawatankuasa tetap mengenai dekolonisasi. Masih banyak lagi terdapat wilayah-wilayah yang tidak didiami oleh sesiapa pun. Yang demikian, tiada siapa pun yang boleh mewarisi wilayah ini dan mewujudkan kerajaan yang berdikari, sekiranya kuasa-kuasa metropolis tidak menggugurkan tuntutan mereka. Disebabkan inilah, sedikit benar perhatian diberikan terhadap perkara ini.

Masanya telah tiba bagi Bangsa-Bangsa Bersatu menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap wilayah-wilayah ini, seperti benua Antartika yang merupakan satu-satunya wilayah terbebas. Pada masa-masa yang sudah, beberapa negara menghantar beberapa ekspedisi yang bukan hanya bagi kegiatan penyelidikan sains, tetapi juga untuk menuntut kawasan-kawanan tertentu di Antartika.

Negara-negara tersebut tidak merampas wilayah tersebut daripada mana-mana pihak.

Oleh yang demikian, mereka tidak perlu menamatkan penjajahan mereka. Tetapi pada hakikatnya, daripada segi undang-undang, wilayah yang tidak didiami ini tidak dimiliki oleh mereka yang menerokainya, seperti juga wilayah jajahan tidak dimiliki oleh kuasa penjajah.

Seperti juga lautan dan dasar lautan, wilayah yang tidak didiami ini menjadi hak milik masyarakat antarabangsa. Negara-negara yang menuntut wilayah ini, seharusnya melucutkan hak mereka demi membolehkan Bangsa-Bangsa Bersatu mentadbirkan kawasan-kawasan tersebut ataupun kuasa-kuasa yang dimilikinya sekarang bertindak sebagai pentadbir bagi pihak negara-negara lain di dunia.

Pada masa ini, kos mengusahakan sumber-sumber kekayaan di Antartika masih terlalu tinggi dan teknologinya masih belum ada. Bagaimanapun, masa akan tiba apabila Antartika dapat membekal bahan makanan dan lain-lain kekayaan untuk dibekalkan kepada dunia bagi kepentingan pembangunan.

Amatlah adil bagi negara-negara miskin mendapat faedah daripada eksplotasi ini seperti juga negara-negara kaya.

Dengan tercapainya perjanjian undang-undang mengenai Dasar Laut, Bangsa-Bangsa Bersatu seharusnya mengadakan persidangan bagi menentukan penyelesaian masalah wilayah yang tidak diduduki, sama ada dituntut atau tidak, dan juga menentukan hak-hak semua negara ke atasnya.

Kami sedar, bahawa Perjanjian Antartika dipersetujui oleh beberapa negara bagi membolehkan mereka bekerjasama untuk penyelidikan sains dan tidak membenarkan kegiatan-kegiatan yang menjelas keamanan.

Walaupun terdapat beberapa kebaikan dengan adanya perjanjian ini, namun demikian ini, hanya satu persetujuan di antara sekumpulan negara tertentu sahaja di kalangan anggota-anggota Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun hanya dakwaan semata-mata.

Suatu perjanjian antarabangsa yang baru adalah perlu supaya peristiwa-peristiwa sejarah yang tidak dijadikan asas bagi tuntutan mereka.

Seperti telah saya perkatakan pada mulanya, dunia hari ini diselubungi oleh berbagai krisis. Sekiranya kita tidak menerima kenyataan ini, maka bahawa kita membelakangkan hakikat sebenarnya.

Kita mestilah menerima hakikat ini dan mengembangtenaga kita mengatasi krisis ini. Kita berupaya mengatasinya jika kita sanggup berbuat demikian, tetapi jika tidak, kita akan hilang peluang ini.

Kini, kita telah mencapai satu tahap kemajuan dalam bidang sains dan teknologi yang belum dialami sebelumnya. Kita seharusnya menggunakan dengan bijaksana, bukan untuk menghasilkan peralatan perang yang sofistikated, tetapi sebaliknya menyalurkannya bagi maksud keamanan yang memberi faedah bagi kegunaan kebaikan bersama.

Kita berada dalam dunia yang sentiasa diancam kemusnahan dan perlu memperbaikinya dengan cara apa sekalipun. Keadaan begini dapat dihasilkan sekiranya negara-negara sanggup melaksanakan secara berkesan semua ketetapan yang telah dan akan diambil oleh badan dunia ini dan agensi-agensinya yang berkaitan.

Usaha ini bukan sahaja dapat membantu memulihkan kepercayaan-kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu, malah turut menyumbang bagi menyelesaikan pertelingkahan dan krisis yang wujud sekarang. Saya menggesa semua anggota pertubuhan ini memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya ke arah matlamat ini supaya keamanan, kemantapan dan keselamatan antarabangsa dapat dicapai.

## PERANAN WARTAWAN DAN MEDIA MASSA

**MALAM** ini adalah malam untuk para wartawan. Saya sendiri, walaupun sering bertemu dan ditemui oleh para wartawan, jarang sekali dapat bertemu sekaligus, secara serentak, dengan begini ramai para wartawan, dalam suasana yang ramah dan mesra pula. Oleh itu, pada kesempatan yang sangat baik ini, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para wartawan sekalian, daripada semua jenis media, yang telah turut memainkan peranan yang positif dalam usaha membina dan membangunkan negara yang kita cintai ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Institut Akhbar Malaysia, dan Jawatankuasa Pengelola, yang telah berjaya menyelenggarakan Anugerah Akhbar Malaysia kali yang kedua ini. Saya percaya, usaha yang baik seperti ini, apabila dilaksanakan dengan jujur dan bersungguh-sungguh, akan mendatangkan hasil yang berguna untuk kita semua.

Semenjak saya memasuki gelanggang politik, saya mempunyai banyak sebab untuk berterima kasih kepada para wartawan. Walaupun ada beberapa kerat yang tidak begitu bersimpati dengan saya, tetapi umumnya, "*treatment*" yang saya dapati daripada akhbar dan lain-lain media tidaklah mengecewakan, bahkan memberangsang dan memberi semangat kepada saya. Dan, ini pula bukan semenjak menjadi Menteri, atau Perdana Menteri, tetapi

semenjak dari masa saya masih menjadi "back-bencher" pada pertengahan tahun enam puluhan. Saya amat terhutang budi kepada wartawan sekalian. Sebab itulah, saya tidak dapat mengikut nasihat supaya tidak terlalu kerap berjumpa dengan wartawan kerana saya terlalu mudah "*shoot my mouth*" atau latah. "*Excuse*" saya ialah latah pun kadang-kadang membawa keuntungan. Lihatlah kesan terhadap "*we will shoot the refugees*" – sungguhpun "*wrongly reported*", dunia terpaksa memberi perhatian yang serius kepada masalah "*boat people*" dan membuka pintu untuk mereka.

Tetapi saudara saudari, "*the affairs of state*" tidak boleh diuruskan dengan latah sepanjang masa. Kita harus ada rancangan dan pengurusan yang menitikberatkan matlamat yang tertentu. Dalam pengurusan ini, bukan sahaja kerajaan yang perlu memainkan peranan, tetapi semua rakyat dalam semua bidang perlu memainkan peranannya masing-masing. Buruh yang mencuci longkang dan memotong rumput mempunyai peranan seperti jugalah menteri dan pegawai tinggi. Memang tanggungjawab berbeza-beza, tetapi mandur tanpa buruh dan anak buah tidak akan dapat menjayakan apa-apa. Dalam konteks pembangunan negara, Menteri dan Perdana Menteri adalah mandur sahaja. Semua rakyat adalah kakitangan negara. Masing-masing mempunyai tugas dan harus menjalankan tugas dengan sempurna. Dan, di antara kakitangan negara ialah wartawan-wartawan. (Saya harap ini tidak menyinggung sesiapa.)

Di sini, izinkan saya memberi sedikit pandangan sebagai mandur pertama tentang peranan wartawan dan media massa. Tidak siapa boleh menyolo, bahawa wartawan dan media massa merupakan satu kuasa dalam negara. Akhbar biasa disebut sebagai "*The Fourth Estate*" – demikianlah kedudukan akhbar dalam penentuan nasib sebuah negara.

Kuasa bermaksud tanggungjawab. Kuasa tanpa tanggungjawab bermakna anarki ataupun "*dictatorship*". Siapa yang memiliki kuasa, tidak penting. Tanpa sikap bertang-

gungjawab oleh pihak yang berkuasa, anarki dan “dictatorship” tetap akan wujud.

Sebaliknya, kuasa amatlah penting untuk kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat. Tanpa kuasa, sekali lagi akan muncul keadaan yang anarkis. Oleh kerana ini, kita tidak rasa iri hati kerana wartawan dan media massa berkuasa. Sebaliknya, kerajaan ingin merayu kepada wartawan-wartawan supaya menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk membantu pembangunan negara yang kita cintai ini.

Kerajaan tidak mempunyai lain niat melainkan untuk menjadikan negara ini negara yang aman dan makmur dengan membawa kebahagiaan kepada semua penduduk. Wakil-wakil yang hari ini membentuk kerajaan tidak berniat untuk memperkayakan diri melalui kuasa yang diberi kepada mereka. Tujuan dan matlamat kerajaan ialah semata-mata mengabdikan diri kepada negara dan penduduknya.

Malangnya kerajaan, walaupun begitu luas kuasanya, walau bagaimana jujur sekalipun, tidak dapat dengan sendirinya membangunkan negara kita ini. Untuk pembangunan negara, tiap-tiap seorang rakyat hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan rajin dan jujur. Di sinilah terdapat kelemahan. Ramai daripada rakyat sudah menyerap nilai-nilai Barat, sudah dikuasai oleh “Dole mentality” – iaitu sikap di mana kerajaan mesti “subsidise” segala kekurangan. Penyerapan ini bermula semenjak zaman penjajah lagi dan telah meningkat kerana sistem demokrasi memberi kuasa memilih kerajaan kepada rakyat. Jika perniagaan rugi, kerajaan mesti ada ganti rugi, jika harga jualan jatuh, kerajaan mesti beri subsidi, jika harga barang naik atau inflasi berlaku, kerajaan mesti tambahkan gaji dan kurangkan cukai. Oleh kerana kepercayaan, bahawa segala malapetaka yang menimpa diri harus ditasi oleh kerajaan, maka “resillience” atau ketahanan rakyat sudah pun lumpuh. Kerajaan yang memerintah rakyat yang lemah tidak mungkin menjadi kerajaan yang kuat. Dan kerajaan yang lemah yang memerintah rakyat

yang lemah tidak mungkin mewujudkan negara yang kukuh dan kuat.

Kelemahan yang terdapat di kalangan rakyat sekarang ini boleh diatasi. Apa yang diperlukan ialah perubahan sikap, perubahan ke arah mewujudkan rakyat yang lebih rajin dan lurus, yang boleh berdikari, yang sanggup mempertahankan maruah. Untuk mencapai matlamat ini, segala alat pelajaran dan pengetahuan adalah penting. Dan, di antaranya ialah akhbar dan wartawan.

Saya yakin saudara saudari bukan sahaja menganggap diri sebagai wartawan tetapi lebih daripada itu – sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Saya juga yakin saudara saudari ingin melihat negara ini, dan rakyatnya maju dan hidup bahagia. Memandang bahawa yang penting ialah sikap rakyat, maka tentulah saudara saudari akan memainkan peranan yang positif dalam usaha menjadikan rakyat Malaysia, rakyat yang rajin, jujur dan berdikari.

Cara mana sikap ini dapat dibentuk oleh akhbar dan media lain ialah perkara yang saudara saudari lebih mengetahui. Pepatah "*The Pen is Mightier than the Sword*" bermakna, lebih banyak boleh dibuat oleh pena daripada pedang. Sebagai patriot, sebagai golongan yang bertanggungjawab, saya yakin, pena saudara saudari akan ditajam dan digunakan untuk membentuk peribadi yang dikehendaki. Bukan sahaja kerajaan akan menganggap saudara saudari sebagai rakan seperjuangan tetapi rakyat akan berterima kasih akhirnya walaupun mereka tidak akan begitu terhibur dengan tulisan wartawan yang tidak berminat dengan perkara-perkara yang "*sensational*", dengan skandal seks dan cerita-cerita dongeng.

Dalam banyak perkara, saya adalah "*old-fashioned*". Saya masih bercakap berkenaan patriotisme, berkenaan bekerja kuat, mengutamakan kepentingan umum dan lain-lain. Di zaman ini, patriotisme dianggap kolot. Ramai dari-pada anak Malaysia tidak segan-segan memburukkan nama Malaysia di luar negeri supaya dapat tepukan belakang daripada orang Barat khususnya. Ramai yang menganggap kerajinan bekerja sebagai pengabdian kerana ini adalah

fesyen di Barat. Ramai yang mengutamakan individu lebih daripada masyarakat sebagai tanda kebebasan. Walaupun dianggap kolot, saya masih percaya kepada nilai-nilai lama – kerana ada bukti-bukti yang jelas, bahawa nilai-nilai lama ini membawa kebaikan kepada pengamalnya.

Di kalangan wartawan juga tentulah ada yang moden dan ada yang “*old-fashioned*”. Saya ingin merayu kepada yang moden supaya memikir semula tentang nilai-nilai baru dari Barat ini. Kita adalah negara membangun. Kita perlu memperkuuhkan negara kita. Dalam negara kita pula terdapat masalah kaum dan “*inequitability*”. Jika negara yang kaya raya boleh jadi kucar-kacir dan lemah kerana nilai-nilai moden ini, apatah lagi negara membangun seperti Malaysia. Apakah kita akan terlalu rugi jika kita dikatakan tidak moden. Apakah sanjungan tinggi orang Barat terhadap kita lebih utama daripada kejayaan dan ketahanan negara dan bangsa kita. Bagi saya, jawapannya mudah. Adalah lebih baik negara dan bangsa kita menjadi kuat dan bahagia dari segala puji-pujian dan tepukan belakang daripada orang Barat. Wartawan Malaysia hendaklah berusaha supaya nilai-nilai Barat yang negatif dikikis, bukan sahaja daripada diri sendiri tetapi daripada semua rakyat.

Kerajaan telah memikir semula dan hasil kajian ini ialah “*Look East Policy*” kita. “*Look East*”, tidak bermakna kita akan membeli barang semuanya dari negara-negara Timur. Yang kita sanjung tinggi dan kita alu-alukan ialah nilai hidup yang dimiliki oleh beberapa bangsa Timur. Sebenarnya, nilai-nilai ini adalah “*universal*” yang diakui semua – tetapi sementara kita pandai bercakap tentang nilai-nilai kita yang baik, kita tidak pula begitu mengamalkannya. Jadi, “*Look East*” ini ialah untuk mempelajari cara mengamal nilai-nilai yang sudah pun kita percayai dalam segala urusan kita.

Sekali lagi wartawan dan media massa mempunyai peranan yang penting. Memang benar kita tidak boleh serap semua nilai-nilai Jepun atau Korea. Memang benar ada amalan orang Timur yang tidak perlu dan tidak baik

untuk ditiru. Tetapi tentulah semua wartawan tahu bahawa maksud kerajaan ialah menyemai dan memupuk nilai yang baik sahaja. Tidak ada niat untuk meniru patriotisme bangsa lain sehingga sanggup "hara-kiri", tetapi apakah taat setia kepada negara, kepada perusahaan yang memberi peluang kepada kita, satu keburukan? "Look East" bukan bermakna meniru secara buta-tuli, tetapi memilih yang baik dan menolak yang buruk. Inilah yang perlu dijelaskan oleh akhbar dan wartawan – bukan kerana hendak sokong kerajaan tetapi kerana bertanggungjawab, kerana sayang kepada negara sendiri, kerana ingin maju dan baha-gia. Semua ini adalah sentimen yang agak "old-fashioned," tetapi nilai dan sikap yang baik tidak patut di kebelakangkan semata-mata kerana "*it is no longer the in-thing*".

Malam ini ialah malam untuk para wartawan. Malam ini, bukan malam untuk syarahan atau "*unsolicited advice*" daripada Perdana Menteri. Apa yang telah saya perkatakan bukanlah sebagai nasihat Perdana Menteri tetapi adalah semata-mata rayuan daripada seorang rakyat kepada saudara saudari sebagai rakyat negara ini. Kita tinggal di negara ini, kita berlindung di negara ini. Tentulah wajar kita bersikap bertanggungjawab dan mencintai negara ini.

---

*Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri di Upacara Penyampaian Anugerah Akhbar Malaysia 1981 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, Pada Hari Ahad, 28 November 1982, Jam 8.15 Malam.*

---

## DIPLOMASI KAPAL PERANG

SAYA berasa sungguh gembira kerana berpeluang mengunjungi pusat Peranginan Caribbean ini. Pihak Komanwel telah bertindak dengan bijak dalam memilih Bahamas sebagai tempat persidangan ini. Bagi pihak perwakilan Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Bahamas, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Bahamas, di atas sambutan dan layanan baik yang telah diberikan kepada kami.

Walaupun saya kurang berpuas hati dengan Komanwel, tetapi saya cukup senang hati dengan suasana keliling dan dengan layanan istimewa yang diberikan. Bagaimanapun, agenda yang disediakan oleh Setiausaha Agung Komanwel untuk kita dan perkembangan-perkembangan antarabangsa telah memaksa kita menghadapi realiti. Dan realiti-realiti itu agak berbeza daripada apa yang kita lihat di syurga dunia ini.

Saya akan cuba berucap secara ringkas dan berterusan. Isu pertama ialah mengenai Kománwel. Keadaan Komanwel sekarang tidaklah sama seperti ia mula ditubuhkan. Ia bukan lagi sebuah kelab untuk negara-negara yang diasaskan oleh para pendatang dari Eropah. Ia kini sebuah kumpulan negara-negara yang pernah dijajah yang dipupuk untuk menyertai Komanwel dengan janji-janji, bahawa mereka akan mendapat faedah daripadanya.

Tetapi, negara-negara itu mendapat Komanwel gagal

memenuhi janji-janji itu. Jika Komanwel mahu terus dikalkan, ia mestilah memberi hasil yang memuaskan, yang nyata dan yang bererti kepada anggota-anggotanya. Ia mestilah mempraktikkan maksud pertubuhan itu sendiri, iaitu "*common wealth*" atau "*kemakmuran bersama*", terutamanya untuk negara-negara anggota yang miskin.

Pengalaman Malaysia dalam Komanwel telah menyebabkan negara ini tidak begitu yakin terhadap pertubuhan itu. Semangat muhibah yang ada pada kami semasa kami cuba menganggotainya dulu, kini kian pudar dengan peredaran masa dan dengan berbagai peristiwa yang telah berlaku.

Kami tidak mempunyai sebarang prasangka terhadap lain-lain negara anggota Komanwel, malah, kami mempunyai hubungan luas dua hala yang erat dengan mereka. Tetapi hubungan itu, sama ada erat atau tidak, masih tetap terjalin walaupun tanpa Komanwel.

Satu-satunya perkara yang kami hargai dan kami sambungi tentang Komanwel ialah tindakannya menyingkirkan Afrika Selatan. Saya akan membincangkan perkara ini secara lebih mendalam lagi kemudian, "memandangkan dalam pandangan kami, ia satu faktor yang paling penting dalam persidangan ini".

Bagaimanapun, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk bercakap mengenai beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang, terutamanya kesan-kesannya ke atas negara-negara membangun seperti Malaysia.

Konsep keadilan dan kejujuran telah banyak berubah. Kekuatan merupakan unsur yang paling penting yang menentukan sikap antarabangsa sekarang, iaitu kekuatan ekonomi, kekuatan politik dan tidak ketinggalan, kekuatan tentera.

Hari ini, kita sering melihat negara-negara yang kuat bersorak dan mengalu-alukan sikap dan kelakuan buruk yang tidak menyenangkan yang diamalkan oleh setengah negara seperti Israel. Kami menentang keganasan antarabangsa, tidak kira sama ada ia dilakukan oleh individu atau

## DIPLOMASI KAPAL PERANG

SAYA berasa sungguh gembira kerana berpeluang mengunjungi pusat Peranginan Caribbean ini. Pihak Komanwel telah bertindak dengan bijak dalam memilih Bahamas sebagai tempat persidangan ini. Bagi pihak perwakilan Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Bahamas, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Bahamas, di atas sambutan dan layanan baik yang telah diberikan kepada kami.

Walaupun saya kurang berpuas hati dengan Komanwel, tetapi saya cukup senang hati dengan suasana keliling dan dengan layanan istimewa yang diberikan. Bagaimanapun, agenda yang disediakan oleh Setiausaha Agung Komanwel untuk kita dan perkembangan-perkembangan antarabangsa telah memaksa kita menghadapi realiti. Dan realiti-realiti itu agak berbeza daripada apa yang kita lihat di syurga dunia ini.

Saya akan cuba berucap secara ringkas dan berterusan. Isu pertama ialah mengenai Komanwel. Keadaan Komanwel sekarang tidaklah sama seperti ia mula ditubuhkan. Ia bukan lagi sebuah kelab untuk negara-negara yang diasaskan oleh para pendatang dari Eropah. Ia kini sebuah kumpulan negara-negara yang pernah dijajah yang dipupuk untuk menyertai Komanwel dengan janji-janji, bahawa mereka akan mendapat faedah daripadanya.

Tetapi, negara-negara itu mendapati Komanwel gagal

memenuhi janji-janji itu. Jika Komanwel mahu terus dikekalkan, ia mestilah memberi hasil yang memuaskan, yang nyata dan yang bererti kepada anggota-anggotanya. Ia mestilah mempraktikkan maksud pertubuhan itu sendiri, iaitu "*common wealth*" atau "kemakmuran bersama", terutamanya untuk negara-negara anggota yang miskin.

Pengalaman Malaysia dalam Komanwel telah menyebabkan negara ini tidak begitu yakin terhadap pertubuhan itu. Semangat muhibah yang ada pada kami semasa kami cuba menganggotainya dulu, kini kian pudar dengan peredaran masa dan dengan berbagai peristiwa yang telah berlaku.

Kami tidak mempunyai sebarang prasangka terhadap lain-lain negara anggota Komanwel, malah, kami mempunyai hubungan luas dua hala yang erat dengan mereka. Tetapi hubungan itu, sama ada erat atau tidak, masih tetap terjalin walaupun tanpa Komanwel.

Satu-satunya perkara yang kami hargai dan kami sambungi tentang Komanwel ialah tindakannya menyingkirkan Afrika Selatan. Saya akan membincangkan perkara ini secara lebih mendalam lagi kemudian, "memandangkan dalam pandangan kami, ia satu faktor yang paling penting dalam persidangan ini".

Bagaimanapun, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk bercakap mengenai beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang, terutamanya kesan-kesannya ke atas negara-negara membangun seperti Malaysia.

Konsep keadilan dan kejujuran telah banyak berubah. Kekuatan merupakan unsur yang paling penting yang menentukan sikap antarabangsa sekarang, iaitu kekuatan ekonomi, kekuatan politik dan tidak ketinggalan, kekuatan tentera.

Hari ini, kita sering melihat negara-negara yang kuat bersorak dan mengalu-alukan sikap dan kelakuan buruk yang tidak menyenangkan yang diamalkan oleh setengah negara seperti Israel. Kami menentang keganasan antarabangsa, tidak kira sama ada ia dilakukan oleh individu atau

pertubuhan, atas apa juga alasan sekalipun. Tindakan mana-mana kerajaan yang rasional dalam meluluskan dan menyokong keganasan yang dilakukan oleh lain-lain kerajaan samalah seperti mengenepikan keseluruhan maruah antarabangsa.

Kita sering melihat ekonomi di negara-negara miskin musnah akibat dasar-dasar ekonomi yang diamalkan oleh negara-negara yang kaya dan kuat. Kita telah melihat bagaimana negara-negara yang berpengaruh mengenakan tekanan ke atas negara-negara pelanggan mereka untuk menolak tuntutan-tuntutan mutlak seperti hak ke atas Antartika. Dan, kita juga telah melihat bagaimana negara-negara yang berkuasa menduduki negara-negara jiran, kononnya untuk melindungi diri mereka sendiri.

Negara-negara yang lemah terpaksa tunduk dan mengalah kerana mereka tidak mempunyai pilihan. Diplomasi kapal perang nampaknya masih terus hidup, malah, mengikut satu dimensi yang lebih menakutkan. Inilah dunia yang negara-negara membangun terpaksa berjuang untuk terus hidup dan menentukan masa depan mereka. Mereka boleh bersatu untuk mencari jalan jaminan keselamatan mengikut pengundian. Tetapi tanggapan, bahawa cara itu berkesan telah terbukti meleset, kerana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah diketepikan oleh negara-negara kaya dan berkuasa.

Malaysia bergantung kepada perdagangan, seperti juga kebanyakan daripada negara-negara membangun. Kami hanya mampu mengeluarkan bahan-bahan utama dengan harapan dapat dijual untuk mendapatkan barang siap yang kami perlukan.

Tetapi sejak beberapa tahun lalu, harga bahan-bahan utama telah jatuh dengan banyak sekali. Malah, harga itu kadangkala lebih rendah daripada kos pengeluaran. Apa sebabnya?

Pertama, negara-negara maju telah bersaing dalam mengeluarkan bahan-bahan itu dengan memberi subsidi dan mengeluarkannya berlebihan. Kemudian mereka menetapkan harga melalui pasaran barang di negara

masing-masing yang mana keahliannya hanya terbuka kepada diri mereka sahaja. Jika terdapat rakan-rakan mereka menunjukkan tanda-tanda akan mengalami kerugian, mereka akan segera meminda peraturan. Malah, mereka akan menyebarkan khabar-khabar Barat akan membantu dan bersubahat dengan mereka.

Bagaimanapun, keadaan seperti ini tidak berlaku di negara-negara membangun yang miskin. Harga barang-barangan siap itu ditentukan oleh para pengusaha sendiri. Dan, sama ada harga bahan-bahan mentah naik atau turun, harga barang-barangan siap selalunya akan meningkat. Ini bermakna, semakin banyak bahan-bahan utama terpaksa dijual oleh negara-negara miskin dalam usaha mendapatkan barang-barangan siap yang semakin sedikit.

Sesetengah daripada negara-negara membangun cuba melibatkan diri dalam perindustrian dan mengeksport barang mereka. Tetapi, dasar perlindungan di pasaran-pasaran terkaya menyekat itu semua. Malah apabila mereka cuba masuk ke pasaran di lain-lain negara membangun, mereka terpaksa pula menyaingi kemudahan-kemudahan kredit dan kekuatan ekonomi dan politik yang dikenakan oleh negara-negara maju dan kaya.

Kemunduran ekonomi di kebanyakan negara hari ini adalah berpunca daripada manusia sendiri. Dan, ia tidak hanya dimulakan oleh negara-negara pengeluar minyak. Sebenarnya, penyalahgunaan kewangan di negara-negara maju, perbelanjaan yang besar untuk ketenteraan, pengeluaran yang berlebihan pelbagai barang dan amalan-amalan, menjadi punca kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang.

Memandangkan masalah-masalah ekonomi berpunca daripada manusia, manusia jugalah yang terpaksa mengatasinya. Kita tahu bagaimana ekonomi dunia boleh dipulihkan tetapi usaha-usaha oleh negara-negara membangun tidak akan berhasil selagi kuasa-kuasa gergasi dunia bersedia untuk bertindak. Harga minyak terlalu rendah sekiranya dan begitulah juga dengan harga bagi setiap barang-

an. Bagaimana baik sekalipun kedudukan harga itu, negara maju tetap akan mencari keburukannya.

Dan, kini berbalik pula kepada isu Afrika Selatan. Tidak ada kerajaan di dunia seperti rejim Afrika Selatan, yang paling rendah martabatnya. Ia menghalalkan apa yang haram daripada segi moral. Kaum minoriti menjadi majoriti. Perhambaan adalah kebebasan. Seperti Israel, mereka tidak menghormati norma-norma antarabangsa. Tidak ada batasan untuk kekejaman perkauman di Afrika Selatan.

Dan, rejim kulit putih ini masih kekal hingga hari ini. Kenapa ia terus kekal? Ia kekal kerana mereka yang gemar mengkritik dasar perkauman di negara-negara membangun tidak bersedia membuat apa-apa ke atas rejim perkauman yang paling kejam di dunia.

Malaysia tidak berdagang dengan Afrika Selatan. Kami menanggung banyak kerugian dengan berbuat demikian. Tetapi, bagi negara-negara yang mampu mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan, telah memberi berbagai alasan mengapa mereka tidak berbuat demikian.

Mereka sanggup mengenakan sekatan import ke atas barang-barangan negara-negara miskin. Sekatan yang boleh menimbulkan penderitaan di negara-negara miskin itu bukan satu masalah besar bagi mereka. Tetapi, mereka tidak sanggup berbuat demikian ke atas Afrika Selatan dengan alasan kaum kulit hitam akan menderita.

Kenyataannya ialah kaum kulit hitam sudah pun menderita. Pemulihan selalunya menyakitkan. Saya tahu kerana saya seorang doktor. Tetapi, menahan sakit untuk sementara waktu adalah lebih baik daripada membiarkan penderitaan itu berpanjangan. Jika sekatan boleh membantu memusnahkan satu dasar yang keji dan hina seperti *apartheid*, maka sekatanlah yang mesti dikenakan. Ia harus dilakukan oleh negara-negara yang dipengaruhi ekonomi agar dasar-dasar itu benar-benar dapat dihapuskan. Kegagalan untuk berbuat demikian bermakna negara-negara yang berkenaan bersikap berpura-pura dan ini akan menjelaskan Komanwel.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh isu Namibia. Keadaan sudah cukup buruk bagi membiarkan rejim Afrika Selatan menjadi pemegang amanah kepada negara yang malang ini. Kini rakyat Namibia sedang dihukum akibat satu jenayah yang dilakukan oleh negara lain. Kenapa Namibia yang mesti menanggung semuanya semata-mata kerana askar-askar Cuba berada di Angola?

Ini hanya setengah daripada masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh dunia hari ini. Jika persidangan Komanwel tidak mahu dijadikan hanya sebagai tempat berehat untuk menjauhkan diri daripada masalah-masalah yang dihadapi di negara masing-masing, ia mestilah membuat sesuatu untuk mengatasinya. Persidangan ini sekurang-kurangnya mestilah mencari kata sepakat tentang apa yang boleh dilakukan ke atas Afrika Selatan. Ia mesti membantu secara positif untuk memulihkan ekonomi dunia. Ia mesti cuba menghapuskan kesemua bentuk diskriminasi kaum.

Jika Komanwel enggan membuat sesuatu dengan tegas, ia mestilah berhenti daripada bersikap berpura-pura. Ia mesti mengaku, bahawa ia tidak boleh memberi sumbangan yang membina bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara anggota, apatah lagi masalah dunia. Kemudian barulah kita boleh rehat dan bergembira dengan perjumpaan kita kali ini.

---

*Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Di Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel Di Nassau, Bahamas, Pada Hari Rabu, 16 Oktober 1985.*

---

## KESTABILAN NEGARA: KENYATAAN DAN HARAPAN

DALAM negara yang demokratik seperti Malaysia, kita mempunyai banyak kebebasan. Bagaimanapun, kebebasan sahaja tidak menjamin Malaysia dan rakyatnya menjadi makmur dan bahagia.

Kita tidak boleh menerima konsep kebebasan individu ala Barat sehingga masyarakat menjadi mangsa. Seseorang individu itu bebas dalam demokrasi yang kita amalkan hanya setakat kebebasannya tidak mengancam masyarakat. Pendek kata, dalam demokrasi kita, kepentingan ramai atau kepentingan majoriti lebih utama daripada kepentingan individu.

Di Malaysia, di mana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, banyak perkara yang sensitif yang perlu diurus dengan diplomasi untuk mengelakkan timbulnya masalah.

Dalam Barisan Nasional, kita mempunyai cara dan saluran tertentu untuk membincangkan masalah-masalah yang sensitif. Begitu juga kerajaan mempunyai saluran dan forum tertentu, terutama bagi parti-parti komponennya, untuk membincangkan perkara-perkara sensitif. Melalui saluran dan forum ini, kita telah dapat mengatasi pelbagai masalah.

Di negara-negara di mana masalah-masalah telah cuba diselesaikan melalui perasaan atau emosi, masalah-masalah itu didapati berkekalan dan bertambah buruk sepanjang

masa. Akibatnya, rakyat hidup rugi dan menderita.

Antara perkara-perkara yang sering menimbulkan emosi ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan kaum. Dengan menggunakan saluran yang ada, dan memindahkan isu itu dari tempat-tempat awam dan jalan-jalan raya ke bilik mesyuarat, kita telah berjaya menyelesaikan masalah kaum berkali-kali.

Setelah pertelingkahan kaum yang terakhir dapat selesaikan, kita tidak lagi perlu menyioal status sahaja. Kita tahu, bahawa warganegara Malaysia yang berketurunan Cina dan India bukanlah pendatang asing dan mereka mempunyai hak yang sama dengan lain-lain warganegara.

Orang-orang Melayu dan bumiputera, daripada sudut sejarah, adalah penduduk asal negara ini. Persetujuan ini dicapai bersama dengan cara bermesyuarat yang tertib dan perkara-perkara ini tidak perlu dibangkitkan lagi.

Sekarang ini, masalah yang mengancam negara kita yang sebenar ialah kemelesetan ekonomi. Kemelesetan ekonomi bukan disebabkan oleh kita, tetapi oleh kejatuhan harga bahan mentah secara menyeluruh di seluruh dunia.

Di masa yang sama, nilai ringgit kita telah ditekan turun. Walaupun bukan kita yang menyebabkan kemelesetan ekonomi di negara kita, kita tidak boleh berdiam diri dan menunggu harga barang kita meningkat semula. Kita perlu menyusun langkah-langkah untuk memperbaiki semula ekonomi kita.

Kerajaan telah pun mengambil berbagai-bagai tindakan, dan mengubah beberapa dasar untuk memulihkan ekonomi negara. Tetapi, tindakan-tindakan kerajaan tidak akan mendatangkan hasil jika rakyat tidak sanggup menghadapi cabaran ini dengan menjadikan lebih produktif dan mengelak daripada sebarang perbuatan yang boleh memburukkan lagi ekonomi negara.

Ekonomi negara adalah seperti air di sungai. Di waktu air naik, ia mengalir deras dan segala sampah sarap dan kekotoran dibawa arus dan hilang di lautan. Tetapi apabila air surut, maka sampah sarap terapung di permuka-

kaan dan terlekat di tebing dan akan ternampaklah segala kekotoran yang memang ada di dalam sungai.

Demikian juga apabila ekonomi meleset, maka timbul dan ternampaklah segala kelemahan dan kecurangan yang telah berlaku. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk membersihkan ekonomi kita supaya apabila ekonomi pulih semula, ia akan mempunyai asas yang lebih sihat.

Walaupun pedih proses ini, kita harus menganggap pengalaman kita sekarang sebagai satu pelajaran. Kita harus berhati-hati apabila kita memberi kepercayaan kepada mana-mana pengurus. Kita harus ada aturan-peraturan dan kita harus menyemaknya selalu.

Janganlah kita terlalu tertarik dengan mendapat untung yang banyak dan cepat sehingga kita mudah percaya kepada kata-kata manis orang-orang tertentu.

Kita telah lihat di negara ini, orang ramai begitu mudah tertipu kerana mereka ingin menjadi kaya cepat. Apabila ada orang yang berkata, mereka boleh membuat sepuluh ringgit menjadi seratus ringgit tanpa apa-apa usaha, ada orang yang sanggup memberi ribuan ringgit duit mereka. Begitu juga dengan *chit-fund*. Sungguhpun ber kali-kali orang ditipu, ada lagi orang lain yang sanggup menjadi pelanggan *chit-fund*.

Sebenarnya, tidak ada cara yang mudah untuk mendapat untung. Penukaran syer, kenaikan nilai harta, *listing* dalam *stock exchange*, spekulasi syer, spekulasi komoditi, semuanya tidak boleh menjaminkekayaan jika tidak diasaskan kepada perniagaan, pengeluaran dan penjualan barang-barang berkenaan dengan harga yang menguntungkan.

Sekarang kita sedar, bahawa nilai syer atau komoditi atau harga jatuh, kita akan terperangkap dengan hutang yang tidak mempunyai cagaran yang cukup. Pada ketika itulah bank meminta kita menambah cagaran atau membayar semua hutang dan kita akan terjerat.

Amanah amat penting dalam perniagaan. Ramai yang menghadapi masalah sekarang ini adalah kerana menyalah-

gunakan amanah apabila menguruskan perniagaan. Sekali lagi mereka memikirkan mereka tidak akan terperangkap kerana mereka akan dapat membayar balik hutang sebelum diketahui oleh sesiapa.

Tetapi, apabila ekonomi merosot dengan mengejut, maka segala rancangan mereka terdedah dan mereka tidak dapat mengelak diri daripada tindakan. Perbuatan membawa keluar mata wang lain dengan harapan ringgit akan jatuh harga dan mereka akan untung, adalah satu khayalan. Kerajaan akan menentukan ringgit naik harga, bukan turun.

Dalam usaha kita memulihkan ekonomi negara, kita perlu kepada "*a new breed of managers*", yang bersikap profesional dan *ethical*. Mereka tidak harus tamak dan tidak boleh menggunakan peluang dan amanah yang diberi kepada mereka untuk membuat perkara-perkara yang dilarang.

Mereka harus menumpukan kepada pengurusan yang baik. Orang yang mempunyai syarikat sendiri tidak harus mengurus syarikat awam yang terlibat dengan perniagaan yang sama. Dengan perkataan lain, kita ingin melihat pembentukan etika baru bagi pengurus-pengurus syarikat di Malaysia.

Jika kita dapat pelajaran daripada kemelesetan ekonomi dan kita bersihkan diri kita dan kita tingkatkan amanah sebagai pengurus, maka kemelesetan ekonomi boleh menjadi satu *blessing in disguise*. Tetapi, jika kita tidak mendapat apa-apa pengajaran daripada kemelesetan ekonomi negara kita, maka sia-sia sahajalah penderitaan kita.

Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara kita sudah pun ternampak. Malangnya, apabila sahaja ekonomi ternampak semakin baik, ada sahaja perkara-perkara lain yang berlaku yang mencemar iklim politik dan ekonomi negara kita.

Kita terlalu sangat terbawa-bawa oleh apa yang dikatakan proses-proses demokratik sehingga kita tidak peduli sama ada proses ini membawa kebaikan atau tidak. *We are too often taken up by the so-called democratic processes to*

*the extent that we ignore whether they benefit us or not.*

Kita telah melalui proses ini berkali-kali, tetapi masih ada orang yang tidak mendapat apa-apa pelajaran daripada pengalamannya. Mereka berulang-ulang membuat perkara yang sama. Benarlah seperti kata George Santayana, bawanya mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan dihera dengan mengulangi kesilapan mereka berkali-kali. (*Those who do not learn from the lessons of history are condemned to repeat their mistake.*)

Negara kita Malaysia adalah istimewa. Kita tidak serupa dengan negara yang sudah maju di Eropah dan Amerika. Kita juga tidak serupa dengan negara membangun yang lain.

Oleh itu, jika kita pulih sistem kerajaan dan pentadbiran daripada negara-negara lain, kita bukan sahaja perlu menyesuaikan diri kita dengan sistem itu, tetapi di mana perlu kita mesti mengubahsuaikan sistem itu supaya boleh diperaktikkan di negara kita yang istimewa ini.

Kita telah memilih demokrasi dengan kebebasan yang dipercayai menjadi sebahagian daripada sistem demokrasi. Tetapi, tidak ada gunanya demokrasi dan kebebasan jika ia tidak menolong membawa kebahagiaan kepada kita dan membangunkan negara kita.

Tidak ada faedah jika sistem demokrasi berjaya diamalkan tetapi negara kita hancur kerana amalan ini. *Democracy for democracy's sake is useless if it results in oppressive anarchy and the destruction of our society. It is not the system that is important. It is the good that it can bring to society that really matters.*

Seorang negarawan dari sebuah negara demokrasi di Barat telah berkata; "*I do not agree with what he says, but I will defend his right to say it*". Tetapi, di negara tersebut sekarang, mereka tidak segan-segan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang tidak secocok dengan pendapat umum. Jika kerajaan tidak bertindak, masyarakat umum akan bertindak. Tidak ada kebebasan yang *absolute* di mana-mana di dunia ini.

Jika demokrasi yang lama ini boleh membuat tafsiran-

nya yang tersendiri apabila difikirkan perlu, tidak ada satu sebab mengapa kita tidak boleh membuat tafsiran kita sendiri.

Oleh itu, janganlah kita cepat mengecam negara kita sebagai tidak demokratik semata-mata kerana kita tidak ikut 100 peratus amalan negara lain. Kita juga tidak harus berasa malu kerana kita tidak *conform* kepada konsep-konsep tertentu negara lain. Adalah hak kita menentukan corak negara kita mengikut keistimewaan negara kita.

Kejayaan Barisan Nasional mendiri dan memerintah negara ini semenjak kita mencapai kemerdekaan adalah kerana kita terdiri daripada golongan yang *moderate*.

Kita lebih suka menyelesaikan masalah antara kita dan masalah negara melalui rundingan di meja daripada berkonfrontasi sesama kita. Parti-parti lain tidak mungkin berjaya memerintah dalam negara berbilang kaum ini kerana mereka lebih suka bersengketa daripada bermuafakat.

Mereka berpendirian ekstrem dan menuntut dengan suara lantang kerana kononnya, inilah cara demokrasi. Akibatnya, demokrasi menang, tetapi mereka kalah dan masyarakat rugi.

Kejayaan kita ini bukanlah tidak dengan pengorbanan. Sedikit sebanyak kita semua telah membuat pengorbanan demi kebaikan bersama. Kita tidak suka ‘kalah sabung, menang sorak’ atau mengikut pepatah Inggeris ‘*win the battle but lose the war*’. Kata pepatah Inggeris lagi, ‘*half a loaf is better than no bread*’.

Pihak yang keterlaluan di kalangan kita suka membuat tuntutan yang ekstrem yang tidak mungkin dijayakan. Tetapi, kepemimpinan yang bertanggungjawab di kalangan kita masih sanggup memimpin ke arah kesederhanaan supaya kita dapat, sekurang-kurang ‘*half a loaf*’ dan kita korbankan yang setengah lagi.

Harus kita ingat, bahawa pihak lain juga mesti menjaga kredibiliti mereka, dan perlu menerima ‘*the other half*’. Inilah falsafah Barisan Nasional yang telah memberi kejayaan kepada kita sejak merdeka.

Ekonomi negara kita telah menunjukkan tanda-tanda

pemulihan dan saya percaya ini adalah berita baik kepada kita semua. Dan, untuk menentukan supaya pemulihan ekonomi terus berjalan dengan lancar, rakyat Malaysia keseluruhannya dan lebih-lebih lagi pemimpin, hendaknya jangan melakukan perkara-perkara atau meluahkan kata-kata yang mungkin secara langsung ataupun tidak, menggugat pemulihan ekonomi ini.

Kadang-kadang saya rasa seolah-olah kita orang-orang Malaysia adalah musuh ketat diri kita sendiri – '*we Malaysian are our own worst enemies*'.

Kita lebih awal mengutuk apa juga rancangan untuk kebaikan yang kita buat sehingga orang lain juga tidak dapat yakin akan kebolehan kita. Dengan kehilangan keyakinan oleh semua pihak, maka rancangan kita pun gagal. Maka, puaslah hati '*the prophets of doom*' ini kerana ramalan mereka telah menjadi kenyataan.

Sebaliknya, bangsa-bangsa yang berjaya lebih suka mengalu-alukan rancangan mereka sendiri, dan untuk memelihara maruah dan komitmen mereka, mereka berusaha supaya rancangan mereka tetap berjaya. '*We cannot win if we start off by saying we will lose and then to ensure that our prediction is right we work against the possibility of winning*'. Inilah yang selalu di Malaysia.

Parti-parti komponen Barisan Nasional masing-masing sememangnya berjuang untuk memajukan kedudukan sosio-ekonomi dan juga politik masyarakatnya sendiri. Ini tidak menjadi satu kesalahan. Bagaimanapun, dalam kita memperjuangkan kepentingan kaum kita sendiri, kita mestilah sentiasa berpandu dan mengamalkan kesederhanaan dan bersikap rasional dalam setiap kegiatan kita. Kita mestilah sentiasa berhati-hati dalam membuat apa-apa tuntutan jika kita hendak mengelakkan diri daripada dituduh bertindak keterlaluan. Di sinilah letaknya kebijaksanaan dan kematangan seseorang pemimpin itu.

Kebelakangan ini pula, kita banyak mendengar dan membaca di akhbar-akhbar mengenai begitu banyak pendapat yang berlainan di antara parti-parti komponen Barisan Nasional mengenai beberapa perkara sehingga ia

memberi gambaran seolah-olah parti-parti Barisan Nasional tidak lagi sepakat dan sealiran.

Apa yang tidak diberi perhatian ialah kejayaan Barisan Nasional mengatasi masalah akhirnya. Jika kita pandang ke belakang, kita akan lihat begitu banyak perselisihan yang difikirkan akan menghancurkan Barisan Nasional, sekarang ini tidak menjadi masalah lagi. Anggapan orang lain, bahawa Barisan Nasional sudah lemah adalah mimpi mereka.

Sepertimana kita semua sedia maklum, Barisan Nasional bergerak dan bertindak berpandukan, di antara lain, kepada prinsip-prinsip kerjasama, bermuafakat dan bantu-membantu di antara satu sama lain. Barisan Nasional lebih mengutamakan mesyuarat dan *concensus*. Barisan Nasional juga mementingkan kerjasama, toleransi dan semangat tolak ansur di antara parti-parti komponen dalam usahanya untuk mencapai persetujuan.

Barisan Nasional lebih suka berbincang sesama sendiri dahulu secara tertutup sekiranya berbangkit sesuatu isu yang dianggap penting. Inilah yang kita lakukan semenjak dahulu lagi dan tindakan-tindakan kita telah berjaya menyelesaikan pelbagai masalah, yang kalau tidak dapat diatasi tetapi akan menhancurkan parti dan kerajaan campuran.

Bagaimanapun, pada akhir-akhir ini, prinsip toleransi, tolak ansur dan kerjasama ini, pada hemat saya, nampaknya agak tergugat sedikit. Ada pihak-pihak tertentu yang telah membelakangkan prinsip mesyuarat kita, prinsip sepakat dan prinsip saling hormat-menghormati. Ada juga di kalangan parti-parti komponen, pihak-pihak yang kerap dan nyaring menyuarakan sesuatu tanpa mengambil kira asal usul perkara yang dibangkitkan itu dan tanpa memperhitungkan akibat tindakan gopoh mereka.

Saya berpendapat, sekiranya ada ketidakpuasan hati mengenai sesuatu perkara, parti-parti komponen Barisan Nasional sepatutnya menggunakan saluran yang sedia ada antara parti. Dengan berbuat demikian, kita dalam Barisan Nasional dapat membincangkan sesama kita secara tertib,

teratur dan rasional. Jika tidak, faktor '*public posture*' akan menyulitkan usaha ke arah penyelesaian.

Perjuangan Barisan Nasional dan perjuangan kerajaan yang dibentuk oleh Barisan Nasional adalah untuk menentukan Malaysia terus aman, makmur, stabil dan tenteram. Tetapi, jika kita tidak berjaga-jaga, kestabilan yang telah kita capai akan hilang.

Satu gejala politik yang perlu diawasi di negara ini ialah kegiatan memindah kesetiaan daripada satu parti kepada parti lain. Jika pemindahan ini adalah kerana perbezaan pendapat atau ideologi, ini tidak mengapa, walau-pun agak tidak *ethical*. Wakil dipilih oleh rakyat kerana, antara lain, dia dicalonkan oleh parti tertentu, jika dia tidak bersetuju lagi dengan partinya, dia sepatutnya mengosongkan tempatnya.

Apa yang menjadi semakin jelas ialah pemindahan ini adalah kerana wakil rakyat itu disogok atau dijanjikan wang atau sesuatu yang lain. Perbuatan seumpama ini tidak berbeza dengan penerimaan rasuah untuk tertentu.

Rasuah, walau apa juga bentuknya, tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat atau kerajaan. Jika disyaki, bahawa pemindahan kesetiaan mana-mana wakil rakyat adalah kerana disogok wang atau cara-cara lain yang sedemikian, siasatan akan dibuat terhadap wakil berkenaan dan jika didapati benar, tindakan undang-undang akan diambil terhadapnya.

Politik wang tidak boleh dibenarkan berleluasa di negara ini. Jika kerajaan sudah boleh dibeli, maka bukan sahaja demokrasi tidak bermakna lagi, tetapi juga negara ini mungkin diperkosa oleh orang yang kaya dan lebih buruk lagi oleh orang asing. Oleh sebab itu, kerajaan memandang berat terhadap sebarang kegiatan yang cuba menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan wang.

Kemajuan dan kestabilan yang kita nikmati setakat ini adalah hasil usaha kita bersama. Kerja dan beban yang berat telah dipikul bersama-sama. Pelbagai rintangan dan halangan telah sama-sama kita atasi. Dalam erti kata yang lain dengan satu hati, kata sepakat dan keazaman rakyat.

Malaysia telah mengatasi berbagai cabaran dengan jaya-nya.

Malaysia adalah negara kita. Baik buruknya Malaysia bergantung kepada cara kita mentadbir dan menguruskan-nya. Baik kita menguruskannya, maka baik dan majulah negara kita ini. Sekiranya kita cuai mentadbirkannya, buruklah akibatnya. Malaysia, pada umumnya mempunyai cukup kemudahan untuk menampung keperluan asas masyarakatnya, tetapi Malaysia tidak dapat memenuhi kehendak orang-orang yang tamak. '*Malaysia has enough for everyone's needs, but not for everyone's greed*'.

Sepertimana yang kita semua maklum, negara kita mempunyai penduduk berbilang kaum yang juga menganuti agama-agama yang berlainan. Justeru itu, bukan sahaja perpaduan sukar dicapai, tetapi keretakan, pecah belah dan ketegangan mudah berlaku di antara kaum kerana sensitiviti isu kaum, isu agama, dan isu kebudayaan.

Semenjak 1981, kerajaan cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan dan gerak-geri rakyat yang mungkin boleh menyebabkan berlakunya ketegangan antara kaum dan antara agama. Kerajaan sudah membebaskan kebanyakan daripada mereka yang dalam tahanan sebelum tahun 1981. Kerajaan sudah meluluskan lebih bahan permohonan mencetak akhbar dan majalah. Kerajaan membenarkan laporan dan rencana, yang dahulunya ditakrif sebagai hasutan, disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Kegiatan kebudayaan yang dahulunya ditegah atau dihadkan, diberi kelonggaran. Perhim-punan, seminar, dialog dan juga *rally* yang dahulunya dianggap sebagai menghasut, tidak diambil tindakan oleh kerajaan. Badan-badan politik, sosial, dan profesional bebas membuat bermacam-macam tohmahan dan tuduhan melulu yang bercorak perkauman terhadap kerajaan.

Kerajaan percaya, bahawa rakyat Malaysia, terutama pemimpin-pemimpinnya, sudah dewasa dan tahu memben-dung diri sendiri tanpa kawalan oleh kerajaan. Kerajaan percaya, bahawa mereka ini sedar bahawa ketenteraman

dan kestabilan negara perlu dipelihara dengan rapi. Kerajaan percaya, bahawa mereka sedar, bahawa pembangunan Malaysia dan kesejahteraan rakyatnya bergantung kepada ketenteraman dan kestabilan. Kerajaan juga berpendapat, bahawa rakyat tidak akan dipengaruhi oleh kegiatan dan tohmahan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini.

Kita semua masih ingat peristiwa 13 Mei 1969. Tentulah tidak ada antara kita yang suka mencetuskan rusuhan berdarah seperti itu sekali lagi. Oleh itu, sikap tidak bertanggungjawab dan kegiatan menjolok isu-isu yang sensitif sepatutnya tidak berlaku.

Bagaimanapun, polis yang sepanjang masa memerhati dan meneliti perkembangan politik dan lain-lain gerak-geri rakyat, mendapati, bahawa ada pihak-pihak tertentu yang tidak menghargai sikap kerajaan. Mereka sebaliknya menggunakan peluang daripada pendirian kerajaan ini untuk memperalatkan isu-isu sensitif untuk kepentingan mereka dan dalang-dalang mereka. Mereka tidak mempedulikan kesan buruk akibat daripada sikap tidak bertanggungjawab itu.

Polis mendapati, bahawa beberapa tokoh dan pemimpin parti pembangkang dan kumpulan-kumpulan yang sebulu dengan mereka dengan sengaja membesar-besarkan isu yang ada kaitan dengan kaum.

DAP khususnya, terlalu memainkan isu-isu perkauman Cina dan India secara terbuka. Mereka memberi gambaran, bahawa kerajaan menindas kaum-kaum ini. Mereka mengadakan rapat-rapat umum, mesyuarat awam, *rally*, demonstrasi dan kegiatan-kegiatan untuk membakar hati orang-orang Cina dan India terhadap kerajaan dan terhadap orang Melayu.

Polis mendapati, bahawa pemimpin-pemimpin parti DAP amat gemar menggunakan isu-isu yang berbau perkauman untuk mendapat sokongan bagi parti mereka. Mereka bukan sahaja berlagak sebagai juara kaum Cina dan India, tetapi juga sengaja mencabar parti-parti kaum Cina dan India dalam kerajaan, kerana kononnya, tidak memperjuangkan kepentingan kaum-kaum mereka.

Dengan ini, maka parti kaum Cina dan India dalam kerajaan pun melenting dan cuba pula untuk melebihi parti DAP dalam ketebalan perkauman mereka.

Usaha menjadi jaguh ini meningkat apabila DAP dapat mengalahkan beberapa calon parti Cina dalam Barisan Nasional dalam Pilihanraya 1986. DAP sengaja mengejek parti Cina dalam Barisan Nasional sebagai '*running dogs*' parti UMNO. Dengan ini, maka semakin bertambahlah usaha parti Cina dan India dalam Barisan Nasional untuk membuktikan, bahawa mereka juga kuat di segi perkauman, bahkan lebih kuat lagi daripada DAP dan pemimpin-pemimpinnya.

Pelbagai isu dijadikan atas ujian mengenai siapa lebih kuat perkaumannya. Beberapa daripada isu-isu ini amat sensitif termasuk soal tarian singa, soal koperasi, soal papan tanda dan iklan, soal bahasa Cina, soal Bukit Cina, soal pakaian, soal ikrar murid sekolah, soal mata pelajaran pilihan di Universiti Malaya, KBSR, soal pribumi/bumiputera dan akhir-akhir ini soal guru sekolah Cina. Satu perbuatan yang amat bahaya ialah penggunaan kuil untuk mesyuarat perkauman.

Dalam ucapan-ucapan yang dibuat sewaktu membincangkan isu-isu ini, banyak kata-kata kesat yang boleh ditakrif sebagai hasutan, disuarakan dengan lantang.

Reaksi daripada orang Melayu juga meningkat kerana sebab-sebab ini sehingga ke peringkat yang melampaui batas.

Semua ini dilaporkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah, dan media massa ini juga semakin berani melapor dan membuat rencana-rencana yang membakar hati kaum-kaum yang terbabit. Beberapa akhbar dan majalah sengaja menokok-tambah hasutan-hasutan ini untuk memperluaskannya kepada seluruh rakyat.

Pada masa yang sama, pihak yang pro komunis tidak berdiam diri. Mereka memang menangguk di air keruh ini. Mereka menghasut melalui badan-badan sah dan tidak sah. Ada bukti yang menunjukkan, bahawa mereka mendapat ilham dan sokongan moral dan kebendaan daripada pihak-

pihak luar negeri yang tidak ingin melihat negara tenteram dan maju.

Selain perkauman, perkara yang merenggangkan jarak perhubungan antara kaum adalah agama yang berlainan. Sepatutnya, soal berlainan agama boleh diatasi. Malangnya, kerana kepentingan politik dan fanatik agama, jarak perpisahan antara penganut agama-agama yang berbeza menjadi lebih jauh disebabkan oleh kegiatan pihak-pihak tertentu.

Beberapa pemimpin parti PAS cuba, bukan sahaja memecahbelahkan orang Islam sesama Islam, tetapi juga menghasut orang Islam supaya benci dan marah kepada orang Kristian dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas.

Soal orang Islam dikristiankan sengaja dibesar-besarkan oleh beberapa orang untuk mengambil kesempatan daripada suasana syak wasangka di kalangan orang Islam terhadap kegiatan orang Kristian. Sudah ada tanda-tanda, bahawa hasutan daripada orang-orang tertentu ini menolong meningkatkan lagi ketegangan antara penduduk di Malaysia.

Semenjak zaman British memerintah lagi, segala kegiatan pendakwah Kristian mengembangkan agama Kristian di kalangan orang Islam adalah dilarang. Pihak British menghormati perjanjian dengan raja-raja Melayu berkenaan dengan sekatan terhadap pendakwah Kristian ini.

Dalam Perlembagaan Malaysia yang merdeka, ada peruntukan undang-undang yang menegah perkembangan agama-agama lain di kalangan orang Islam. Kita percaya, bahawa gereja-gereja Kristian dan pendakwah mereka sedar akan larangan ini dan tidak akan membuat sesuatu yang mereka tahu akan menyebabkan ketenteraman negara tergugat.

Umumnya, pihak gereja-gereja Kristian berhati-hati dalam perkara ini dan tidak cuba berdakwah di kalangan orang Islam. Malangnya, ada sebuah gereja yang cuba berbuat demikian. Mereka tidak begitu berjaya. Hanya beberapa orang sahaja yang dilahirkan sebagai orang Islam

yang terpengaruh oleh mereka. Beberapa daripada mereka ini mempunyai masalah peribadi atau mencari kesempatan. Siasatan menunjukkan jumlah mereka tidak pun sampai 50 orang dan mereka ini pun belum menerima sepenuhnya agama Kristian.

Namun demikian, kegiatan gereja ini diketahui oleh beberapa orang Islam yang kemudian menghebohkan cerita kononnya beribu-ribu orang Islam sudah dikristiankan. Akibat daripada cerita-cerita yang sengaja dibesar-besarkan ini, iklim perhubungan kaum menjadi lebih tegang.

Akibat daripada semua pergolakan ini, keadaan di negara menjadi amat tegang sekarang. Polis yang bertanggungjawab terhadap ketenteraman dan kestabilan negara berpendapat, bahawa kita sudah sampai kepada tahap yang berbahaya bagi negara.

Polis berpendapat dan saya bersetuju dengan pendapat mereka, bahawa kerajaan tidak boleh menunggu sehingga rusuhan tercetus sebelum bertindak. Langkah-langkah mencegah kejadian rusuhan perlu diambil sekarang juga untuk menyelamatkan negara daripada baha dan bencana yang mungkin dihadapinya.

Kita sudah merdeka lebih 30 tahun. Sewaktu kita mula bekerjasama antara kaum untuk mencapai kemerdekaan, kita setuju dengan beberapa perkara yang menjadi asas kemerdekaan dan perlombagaan negara.

Kita semua mengiktiraf keistimewaan kedudukan bumiputera dan hak kerakyatan bagi bukan Melayu, termasuk kaum Cina dan India, yang layak dan memilih untuk warganegara Malaysia.

Kita mengakui, bahawa agama Islam adalah agama rasmi Malaysia tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas.

Kita bersetuju, bahawa bahasa kebangsaan ialah Bahasa Malaysia tetapi kaum-kaum lain berhak menggunakan bahasa-bahasa mereka.

Persetujuan ini mestilah dihormati oleh semua pihak. Perkara-perkara ini tidak boleh disoal oleh sesiapa. Jika

ada mana-mana pihak menyoal hak sesuatu kaum, maka kaum itu akan menyoal balik hak kaum yang mencabarinya. Maka akan meningkatkan soal-mensoyal, caci-mencaci dan cabar-mencabar. Dengan itu, keadaan menjadi keruh dan tegang dan kestabilan negara akan tergugat.

Negara tidak mampu mengalami rusuhan kaum. Negara kita mengalami kemelesetan ekonomi dan ramai daripada tenaga kerja kita menganggur. Jika kemelesetan ekonomi ditokok dengan keadaan politik yang tidak stabil dan rusuhan kaum pula berlaku, negara ini akan menjadi huru-hara. Rakyat akan hidup dalam ketakutan dan terus menderita. Pembangunan dan kemajuan negara dan rakyat akan terjejas. Peristiwa-peristiwa yang kita lihat di Asia Barat, Asia Selatan dan Ireland Utara, akan menimpa kita.

Kerajaan bertanggungjawab terhadap keamanan dan kestabilan negara dan oleh itu, bersetuju di atas tindakan yang diambil oleh polis.

Memandangkan keadaan dalam negeri adalah tegang dan untuk menjayakan tindakan polis, saya sebagai Menteri Dalam Negeri mengambil keputusan untuk melarang sebarang perhimpunan atau *rally* di seluruh Malaysia. Larangan ini juga bermakna, perhimpunan raksasa UMNO pada 1 November ini dibatalkan.

Semua perhimpunan awam atau *rally*, sama ada di dalam bangunan atau di luar, adalah dibatalkan, termasuk yang sudah mendapat kebenaran terlebih awal dahulu.

Akhir kata, saya menyeru rakyat sekalian serta semua pihak untuk memberi kerjasama penuh kepada kerajaan dalam usaha-usaha menjamin perpaduan dan persefahaman. Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang cuba menimbulkan huru-hara atau menghalang kerajaan dalam menjalankan kewajipannya untuk menjamin kestabilan dan ketenteraman negara demi kesejahteraan semua rakyat.

*MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, Pada 17 November 1986; Di Perasmian Perhimpunan Agung MCA, Di Wisma MCA, Pada 12 Julai 1987; Kenyataan Perdana Menteri Merangkap Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Di Dewan Rakyat, Pada 28 Oktober 1987.*

---

## KESEPAKATAN PERLU UNTUK MENGGUBAL DASAR EKONOMI

**BIARLAH** saya nyatakan dari awal lagi bahawa saya tidak dapat memberikan gambaran secara mutlak mengenai dasar ekonomi selepas 1990 seperti yang diharapkan oleh sesetengah golongan kerana kita masih dalam proses menggubalnya. Saya tidak mahu mengatakan sesuatu yang boleh mengikat kerajaan atau akan menimbulkan kekeliruan kepada sektor swasta serta jentera kerajaan.

Bagaimanapun, saya ingin menjelaskan mengenai proses yang diambil ketika ini. Bila Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal 20 tahun lalu, tidak ada perundingan yang mencukupi, terutama dengan mereka yang menentangnya atau yang terus-menerus mengkritik kerajaan. Kesannya, DEB menjadi bahan kecaman dan kritikan hebat.

Pengkritik-pengkritik mungkin berfikir bahawa mereka lebih mengetahui tetapi sebenarnya mereka hanya melihat daripada sudut mereka yang sempit. Kerajaan terpaksa mengambil kira keperluan setiap orang. Kita ragu-ragu sama ada pengkritik-pengkritik berkenaan benar-benar tahu apa sebenarnya yang diperlukan dalam menggubal dasar ekonomi yang boleh diterima oleh majoriti, jika tidak oleh setiap orang. Sudah pasti kita tidak fikir mereka boleh bersetuju dengan aspek-aspek politik mengenai satu dasar ekonomi dalam sebuah masyarakat pelbagai kaum di mana wujud pembangunan ekonominya yang tidak seimbang.

Mesti diingat bahawa DEB adalah kesan langsung daripada rusuhan kaum pada 1969 – selepas kira-kira 12 tahun merdeka. Oleh itu, ia bukan semata-mata penyelesaian kepada satu masalah ekonomi saja tetapi mungkin lebih besar daripada itu, penyelesaian kepada satu masalah politik yang serius.

Ekonomi tidak boleh diceraikan sama sekali daripada politik. Kewujudan perbezaan yang ketara antara kaya dan miskinlah menjadi faktor kelahiran teori-teori sosialis dan komunis. Hari ini kita tahu bahawa sosialisme dan komunisme, gagal mencapai matlamatnya. Bagaimanapun selepas kelahiran sosialisme dan komunisme, kapitalisme juga dipaksa berubah untuk terus wujud. Kapitalisme yang kita lihat hari ini hanya satu bayangan sistem lalu.

Akibat kecaman hebat sosialisme dan komunisme terhadap eksplotasi manusia secara keterlaluan di zaman feudal dan pada permulaan masyarakat industri, memaksa kapitalisme melalui pengubahsuaian mendadak. Kesannya ialah lahir masyarakat yang lebih peka terhadap hak pekerja dan kelas menengah yang mempunyai peluang yang sama untuk bersaing. Jurang ketara di antara kaya dan miskin dalam sebuah masyarakat kapitalis dapat dikurangi dengan banyaknya. Hubungan ‘tuan-hamba’ antara pekerja dan majikan dihapuskan.

Mungkin jika kapitalisme dibiarkan berkembang, pertumbuhan ekonomi akan lebih cepat. Bagaimanapun ia tidak akan kekal. Ketidaksamarataan ketara dalam sistem kapitalisme akan menyebabkan pergolakan politik dan apa jua faedah ekonomi yang dinikmati daripadanya akan musnah sama sekali. Malah, revolusi-revolusi sosialis dan komunis adalah reaksi terhadap jurang melampau yang wujud dalam sistem kapitalisme. Yang berlaku ialah perubahan dari satu jurang perbezaan yang ekstrem kepada kesamarataan yang melampau. Usaha mewujudkan kesamarataan yang tidak munasabah inilah yang menjadi punca kegagalan masyarakat sosialis dan komunis di Russia, blok negara Eropah Timur, China, benua Afrika dan negara-negara Amerika Latin. Manusia mungkin

dilahirkan sama tetapi persamaan mutlak antara manusia akan menyebabkan mereka berkongsi faktor hidup yang sama – kemiskinan.

Adalah penting untuk mengingati latar belakang sejarah ini bagi memahami percubaan Malaysia dalam usaha merencana masyarakat. Jika Malaysia memilih sosialisme atau komunisme, ketidaksamaan dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia mungkin dapat dihapuskan tetapi ekonominya pasti musnah. Di segi lain, jika Malaysia mengabaikan jurang ini dan memilih pertumbuhan ekonomi tanpa sekatan kemungkinan besar kestabilan yang kita nikmati sekarang tidak dapat dicapai. Malah, rusuhan kaum pada 1969 mungkin berulang dan pertumbuhan ekonomi seperti apa yang kita nikmati sekarang tidak mungkin dapat dicapai.

Walau apa cara pun, ada harga yang perlu dibayar. Kira rasa kita telah membayar dengan harga yang rendah melalui perancangan sosio-ekonomi DEB berbanding harga yang lebih tinggi jika kita mengabaikan soal sensitiviti kaum dan hanya menumpukan perhatian kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata.

Namun, kerajaan masih berpendapat bahawa ia tidak memonopoli kebijaksanaan. Oleh itu, untuk menggubal dasar ekonomi negara selepas 1990, kerajaan terpaksa membawa satu jumlah yang sama rata antara pengkritik-pengkritik yang penyokongnya untuk duduk bersama dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) supaya mereka boleh menggubal dengan mencapai kata sepakat mengenai dasar ekonomi selepas 1990. Kesepakatan adalah perlu demi mengelak kita berlaku tidak adil kepada mana-mana kumpulan. Jika tidak, kerajaan boleh menggubal dasar itu sendirian kerana kerajaan juga mempunyai sokongan yang besar.

Tetapi seperti yang diketahui, DAP dan pendidik Cina memilih untuk keluar dari menganggotai Mapen. Mereka mengkritik DEB yang digubal oleh kerajaan, tetapi dengan meninggalkan majlis ini bermakna mereka tidak mempunyai sebarang formula yang tidak akan dikri-

tik oleh rakyat. Kumpulan ini hanya pandai mengkritik tetapi tidak berupaya menghasilkan sesuatu yang positif dan membina. Sementara mereka mengutuk kerajaan kerana didakwa tidak mendengar pandangan mereka, jelaslah bahawa mereka juga tidak bersedia mendengar pandangan orang lain. Kesediaan mereka menyesuaikan tuntutan dalam pengiktirafan ke atas hak-hak orang lain untuk membuat tuntutan amat sedikit. Mereka seolah-olah mendakwa bahawa mereka saja yang bijak. Dengan bertindak keluar, mereka berasa mereka bebas mengkritik dan mengutuk sebarang keputusan Mapen dan sudah tentu, apa yang kerajaan akan gubal. Mereka menganggap matlamat politik sempit, golongan mereka lebih penting daripada kepentingan negara.

Berikutnya Mapen tidak boleh mencapai satu kata sepakat, kerajaan tidak terikat untuk menerima semua cadangannya. Kita hampir berbalik kepada asal di mana kerajaan terpaksa menggubal dan merancang dasar ekonomi negara selepas 1990 secara sendirian.

DEB ialah satu percubaan dalam usaha kejuruteraan sosial. Bila ia digubal, kita tahu matlamat kita - membasmikan kemiskinan dan menyusani semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan sesuatu kaum berdasarkan fungsi ekonomi. Tetapi kita tidak ada pengalaman dan model untuk dijadikan panduan bagi mencapai matlamat-matlamat itu. kita telah menolak sosialisme dan komunisme. Kita percaya kepada sistem pasaran bebas dan ini bermakna kepada desakan pasaran yang cenderung untuk meningkatkan ketidaksamarataan daripada mengurangkannya. Kita terpaksa menggerakkan pertumbuhan dalam satu bahagian masyarakat tanpa merampas sedikit pun bahagian lain. Semuanya adalah tanggungjawab ru nit kepada kerajaan dan birokrasi, yang mana hanya hingga 12 tahun lalu, menjadi satu bentuk pentadbiran semata-mata.

Pakar-pakar tidak boleh dipersalahkan jika mereka meramal kejatuhan Malaysia. Hari ini kita tahu bahawa projek kejuruteraan masyarakat terbesar iaitu sosialisme

dan komunisme, juga boleh gagal sedangkan di negara ini, sekumpulan amatur memikul tanggungjawab melaksanakan sebuah projek kejuruteraan masyarakat raksasa pula.

Tidak hairanlah bahawa banyak perkara yang mereka lakukan gagal dan ada yang gagal sama sekali. Oleh kerana memiliki negarakan tidak boleh diterima, undang-undang diluluskan untuk menyusun semula syarikat-syarikat bagi memberi saham kepada bumiputera. Akta Penyelarasaran Perindustrian (ICA) digubal. Menurut bidang kuasanya ditubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC). Perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri muncul di setiap negeri dan mereka menubuhkan beratus anak syarikat, secara usahasama dan agensi kecil. Pelbagai bentuk perbadanan ditubuh – dari industri berat kepada kilang membuat roti. Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuh untuk membeli saham dan kadangkala membeli keseluruhan syarikat.

Ramai orang sebelum itu asing kepada bidang perniagaan, tiba-tiba mendapati diri mereka mengendalikan syarikat perdagangan bernilai jutaan ringgit, syarikat pengilangan dan firma pembinaan.

Kakitangan awam tidak pasti apa yang akan dibuat tetapi amat ingin mencapai matlamat-matlamat DEB sehingga kadang-kadang menjadi terlalu bersemangat. Mereka dan kerajaan tidak dibantu oleh bumiputera, manakala bukan bumiputera menggunakan DEB untuk kepentingan mereka sendiri. Oleh itu, bumiputera mendapatkan lesen, permit dan saham yang kemudiannya mereka jual kepada bukan bumiputera. Dan bukan bumiputera bersubahat dengan membeli lesen menggunakan nama bumiputera. Dalam sebahagian besar kes, bumiputera tidak diberi pengalaman dan pengetahuan asas mengenai pengurusan perniagaan. Mereka disuruh mendapat lesen dan kemudian jangan fikir bagaimana menggunakaninya. Dalam banyak kes, bumiputera hanya belajar bagaimana menggunakan kedudukan mereka bagi mendapat lebih banyak lesen.

Nyatanya, banyak dosa dilakukan atas nama DEB oleh bumiputera dan bukan bumiputera. Malaysia memang boleh lumpuh atau jatuh disebabkan DEB, sama seperti negara-negara sosialis dan komunis jatuh.

Tetapi adakah Malaysia jatuh? Jawapannya ialah tidak. Pertumbuhan ekonomi sebenarnya bergerak dengan kewujudan DEB. Pertumbuhan pada 1970-an ialah antara tujuh dan lapan peratus. Pada 1990-an selepas tempoh kelembapan sekejap yang bukan disebabkan oleh DEB tetapi kemerosotan di seluruh dunia, ekonomi pulih semula dan mencatatkan kadar pertumbuhan lapan peratus.

Hari ini, Malaysia di tempat kelima antara negara-negara sedang membangun. Hanya empat daripada 130 negara di kalangan negara membangun mengatasi kita.

Ekonomi Malaysia sedang berkembang pesat sekarang. Pelabur asing berpusu-pusu. Malah pelabur tempatan, yang bersungut sepanjang masa dengan ketidak-adilan DEB, melabur lebih banyak dan membuat keuntungan berjuta-juta ringgit.

Peniaga kecil juga turut menikmati faedahnya. Jumlah restoran, besar dan kecil meningkat dan perniagaan mereka maju. Kereta-kereta persendirian menyesakkan jalan raya. Butik-butik mewah bercambah. Semakin ramai rakyat Malaysia melawat negara luar. Pelancongan dalam negara juga satu perniagaan besar. Ramai memenuhi pusat membeli-belah, yang tidak terbilang jumlahnya. Tahun baru dan pelbagai cuti lain serta musim perayaan disambut penuh meriah.

Hakikatnya ialah, DEB bukan halangan kepada pertumbuhan ekonomi. Negara yang tidak mempunyai DEB belum memperolehi apa yang dicapai oleh Malaysia. Negara satu kaum tidaklah lebih baik daripada Malaysia yang mempunyai berbilang kaum.

Rencana terbaru dalam Majalah Time iaitu majalah yang memang diketahui tidak pernah memihak kepada Malaysia, Jay Brenegan menulis mengenai negara ini di bawah tajuk '*A working racial bias*'. Oleh itu jelas, bahawa penyelia piawaian moral antarabangsa juga mengakui

bahawa DEB berjaya mencapai matlamatnya. Dengan pertumbuhan lebih lapan peratus, kestabilan selama 20 tahun dan keharmonian antara kaum, tidak ramai pengkritik yang boleh mengatakan sebaliknya, kecuali jika mereka tidak mahu menerima kenyataan.

Tetapi, ke manakah kita pergi dari sini? Apakah kita mesti meneruskan DEB atau kita patut menghentikannya? Patutkah kita berpuas hati dengan pencapaian sekarang?

Malaysia mencatat kejayaan ekonomi yang membanggakan, tetapi semua orang tahu bahawa DEB belum mencapai sasarannya. Dengan itu, bumiputera masih lagi jauh ketinggalan berbanding kaum lain. Walaupun mereka tidak meluahkan masalah mereka secara bebas, kerana berpendapat mereka mempunyai kerajaan yang akan memelihara kepentingan mereka, mereka tetap tidak berpuas hati. Mereka masih melihat, bahawa mereka tidak mendapat hak untuk menikmati kebahagiaan hidup. Berdasarkan hal itu, tentulah bodoh untuk mengatakan bahawa kita tidak perlu lagi melakukan sedikit perubahan dalam sosio-ekonomi.

Malaysia adalah sebuah negara kaya, cukup untuk semua orang. Dengan memberi sedikit kepada bumiputera tidak akan merosakkan ekonomi atau kesenangan kaum lain. Oleh itu, marilah kita mengakui, bahawa kita masih perlu membentuk satu dasar yang akan mengurangkan jurang antara kaum di negara ini.

Terlebih dulu, biarlah kita meneliti kegagalan DEB supaya kita tidak akan mengulanginya. Teras DEB ialah berkongsikekayaan. Ia amat mudah difahami dengan mengandaikan bahawa jika kita memberi 30 peratus kekayaan kepada bumiputera, maka penyusunan semula ekonomi negara akan dapat dicapai.

Bagaimanapun, pemilikan harta tanpa keupayaan untuk menguruskannya tidak akan menyelesaikan masalah jurang antara kaum seperti kata pepatah: "Orang yang bodoh dan wangnya akan berpisah jua." Sesiapa yang tidak mampu menguruskan kekayaannya akan jatuh miskin.

Oleh itu, apabila DEB memberikan kekayaan kepada

bumiputera tanpa memberi latihan pengurusan kekayaan kepada mereka, hasilnya sangat menyedihkan. Tanpa kawalan agensi kerajaan seperti PNB dan Pernas, bumiputera tidak akan mencapai 19 peratus penyertaan dalam DEB, mungkin hanya empat peratus. Jika dibiarkan, jumlah empat peratus itu juga boleh lenyap kerana kegagalan bumiputera memelihara harta mereka.

Paling penting ialah latihan dalam bidang etika dan pengurusan. Jika sebarang dasar perubahan sosial akan dilaksanakan, maka dasar itu mestilah menekankan kepada latihan etika dan pengurusan.

Kerajaan sudah pun memulakannya dengan memasukkan mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kurikulum sekolah, sebagai persiapan masyarakat menyesuaikan diri dengan era perindustrian dalam sistem pasaran terbuka. Pada masa ini, ilmu pengurusan diajar di institut pengajian tinggi seperti ITM dan universiti. Universiti Utara Malaysia (UUM) sudah pun menyediakan pengajian khusus dalam pengurusan. Diharapkan bumiputera akan belajar segala aspek pengurusan menerusi institut pengajian tinggi itu. Mereka tidak sepatutnya membuat silap dan berpendapat bahawa dengan diploma dan ijazah yang diperolehi sudah cukup menjadikan mereka pengurus yang berkeupayaan. Ia memerlukan lebih dari pada pembelajaran buku untuk menjadi pengurus.

Tetapi, sektor swasta, terutama di kalangan bukan bumiputera mesti turut memainkan fungsi masing-masing. Mereka mesti sanggup melalui kepаяhan dalam melatih rakan bumiputera dan eksekutif mereka mengenai selok-belok pengurusan. Bumiputera mesti sentiasa meningkatkan daya kecekapan mengurus. Mereka harus menerima segala kemungkinan dalam dunia perniagaan - keperluan untuk mengawal perbelanjaan dan kesedaran bahawa setiap sen yang dibelanjakan mesti memulangkan modal.

Bukan bumiputera tidak sepatutnya menggunakan rakan bumiputera mereka sebagai barisan hadapan, digunakan hanya untuk berurus dengan pegawai kerajaan, mendapatkan lesen dan permit.

Bumiputera pula mesti belajar, bahawa tidak ada jalan senang untuk cepat kaya. Jika anda tidak tahu melaburkan wang, ia tidak akan kekal bersama anda. Penyusunan semula bukan sesuatu yang sementara, ia mesti menjadi sesuatu yang kekal.

Etika adalah penting. Kekayaan boleh membawa kepada rasuah, terutama kekayaan yang mudah diperolehi. Kita perlu mempunyai beberapa kod etika untuk bumiputera seperti juga untuk kumpulan lain. Terlalu ramai bumiputera terpengaruh dengan perbuatan rasuah bagi mendapatkan wang secara mudah. Mereka memang patut menjadi kaya, tetapi ia hendaklah menerusi perolehan setiap sen daripada kekayaan itu. Bukan bumiputera pula tidak sepatutnya membantu dalam proses melakukan rasuah dan bumiputera mesti belajar mengelakkan diri daripada rasuah.

Apa yang kerajaan mahu bukan 30 peratus kekayaan negara ini dimiliki oleh bumiputera tetapi 30 peratus pengurus dan usahawan yang mempunyai skil dan etika. Peratus itu akan membolehkan bumiputera mengekal dan mendapatkan kekayaan dengan bantuan yang minimum daripada kerajaan.

Dasar sebenar selepas 1990 tidak dapat dijelaskan sepenuhnya malam ini. Ini kerana kerajaan belum selesai merangkanya lagi. Tetapi kerajaan Barisan Nasional mempunyai rekod dan berjaya melaksanakan DEB tanpa memusnahkan ekonomi negara ini. Kita sukar keluar dari pada masalah itu pada peringkat awal tetapi kesannya adalah minimum. Selepas beberapa tahun kita bertambah bijak dan mampu membaiki pendekatan yang digunakan dan mengatasi masalah. Sewaktu kemelesetan, kerajaan menghadapi dan memulihkannya tanpa mengenepikan DEB.

Tindakan kita adalah waras. Kita tidak akan menghancurkan ekonomi kita semata-mata kerana ideologi. Kerajaan mempunyai pengalaman dan idea bagaimana untuk mengurangkan perbezaan kaum dan menghapuskan kemiskinan tanpa mengganggu pertumbuhan ekonomi.

Untuk tempoh masa yang panjang, Malaysia memerlukan pelaburan asing dan teknologi. Kita tidak akan melakukan sesuatu yang akan mencemaskan pelabur. Pelaburan mereka akan selamat di Malaysia, sekurang-kurangnya selagi Barisan Nasional berkuasa. Kita sudah membuktikan bahawa kita adalah liberal dan dapat menerima idea.

Pelabur tempatan juga tidak perlu bimbang. Tingkat pelaburan tempatan dalam tempoh pelaksanaan DEB adalah agak tinggi. Kerajaan bersedia mendengar dan membuat perubahan. Akta Penyelarasaran Perindustrian (ICA) dipinda untuk menampung keperluan peniaga tempatan. Jika jumlah dan pencapaian syarikat diambil kira, saya tidak fikir sesiapa pun boleh mendakwa DEB menjadi punca musibah bagi pelabur tempatan. Apa yang nyata, melalui DEB usahawan tempatan bukan bumiputera mencapai kejayaan yang berkesan. Syarikat keluarga yang lama, sekarang diberi peluang menjadi syarikat berhad, manakala modal bumiputera bukan sesuatu yang sukar dikumpul apabila syarikat terbabit disenaraikan.

Sebarang dasar baru yang dirangka oleh kerajaan akan mengambil kira keperluan untuk mendapatkan sokongan daripada ahli perniagaan dan usahawan tempatan. Mereka dan pelabur luar adalah angsa yang mengeluarkan telur emas. Kita tidak akan menyembelih mereka.

Kerajaan Barisan Nasional adalah bertanggungjawab kepada kepesatan ekonomi negara. Kami sudah membuktikan bahawa kerajaan memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi. Kerajaan mahu kejayaan diagihkan dan bumiputera terbabit dalam pengurusan. Kerajaan juga mahu bumiputera berusaha dan mendapat saham mereka. Tetapi ia menjadi tidak bermakna dan bercanggah apabila kita memusnahkan ekonomi hanya kerana mahu memberikan mereka saham. Oleh itu, kerajaan akan memastikan pertumbuhan ekonomi terus dikekalkan apabila kita berusaha mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kita bukan dalam keadaan terburu-buru. Kita mahu saham bumiputera dapat dipertingkatkan dan berjaya dicapai tanpa bantuan kerajaan. Itu adalah matlamat yang tinggi. Tetapi kita rasa, kita boleh mencapainya tanpa terlalu banyak gangguan.

Saya sudah mencuba menerangkan kelemahan dalam pelaksanaan DEB dan bagaimana kerajaan merancang memperbaikinya. Saya sudah tekankan perihal pentingnya meningkatkan skil pengurusan dan etika bumiputera. Sesuatu dasar baru mesti mengambil kira faktor yang penting ini. Kerajaan tidak akan memaksa langkah itu tetapi pelabur bukan bumiputera dan pelabur luar akan memainkan peranan mereka bagi membantu bumiputera mencapai matlamat di peringkat awal. Jika lebih cepat kita mencapai matlamat itu maka lebih cepat bantuan istimewa dapat ditamatkan.

Adalah penting untuk diingatkan bahawa ada harga untuk dibayar, sehala atau sebaliknya. Kami merasa harga yang akan dibayar adalah rendah jika semua orang menerima keperluan sosio-ekonomi dan membantu menjayakan projek itu.

Tahun 1991 tidak akan membawa malapetaka. Kerajaan tidak akan membiarkan sebarang perubahan radikal yang boleh memusnahkan segala yang telah dirancang dan dicapai. Kita tidak akan sekonyong-konyong bertukar menjadi tidak bertanggungjawab dan cuba melaksanakan skim cepat kaya. Dasar ekonomi selapas 1990 tidak akan membabitkan sebarang gerak langkah khayalan. Ia adalah satu rancangan yang difikirkan secara teliti bagi mencapai pertumbuhan ekonomi dengan keadilan.

Saya takut pada tahap ini saya tidak dapat menjelaskan mengenai dasar ekonomi selepas 1990. Tetapi saya sudah menjelaskan kepada semua orang untuk membuat penilaian sikap dan pendekatan yang akan dibuat oleh kerajaan. Kita sudah hidup dalam dasar DEB dalam tempoh 20 tahun. Jika prestasi Malaysia sesuatu yang diambil kira, DEB bukanlah terlalu merosakkan. Ia men-

jemukan beberapa orang kerana mereka tidak dapat apa yang mereka mahu. Tetapi jika mereka berfikir, mereka mesti menerima bahawa walaupun tanpa DEB bukan semua orang boleh mendapat apa yang mereka mahu. Bumiputera juga tidak mendapat semua yang mereka mahu sewaktu DEB.

Jika di dalam negara ini, pelabur tempatan dan luar negara dapat hidup dengan DEB bagi tempoh 20 tahun, mereka sudah semestinya dapat hidup dengan sebarang dasar yang dilaksanakan selepas 1990. Rekod dan pragmatisme kerajaan Barisan Nasional ini memang sudah diketahui.

Kami bertanggungjawab kepada negara ini. Kami mahu negara dan rakyat hidup maju. Kami mahu berkongsi kemakmuran. Mencapai 30 peratus daripada ekonomi yang meleset tidak akan memberi makna kepada bumiputera. Mereka juga *committed* terhadap segala usaha peningkatan ekonomi seperti orang lain, sama seperti kerajaan.

Jadi sekiranya saya tidak dapat menjelaskan secara terperinci mengenai dasar ekonomi selepas 1990 pada malam ini, tidak ada sebab untuk semua orang berasa takut. Jika seseorang teragak-agak untuk melabur di Malaysia, beliau merugikan masanya dan kemungkinan kehilangan peluang. Dasar ekonomi yang akan dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan dan membantu bumiputera terbabit secara langsung dalam ekonomi negara, akan dirancang dengan teliti, positif seperti dasar sebelumnya. Dasar sebelum ini berjaya membawa pertumbuhan ekonomi purata sebanyak lapan peratus dan meletakkan negara ini di antara enam negara membangun utama di dunia.

---

*Sedutan Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Di Majlis Makan Malam Kelab Harvard Malaysia, Di Kuala Lumpur, Pada 23 Ogos 1990.*

---

# **LANGKAH KE HADAPAN**

**TUJUAN** kertas kerja ini ialah untuk mengemukakan kepada anda beberapa pandangan mengenai arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi Negara Perindustrian. Turut digariskan ialah beberapa langkah yang patut diambil dalam jangka pendek gabungan asas bagi perjalanan jauh mencapai matlamat utama itu.

Adalah diharapkan rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini dan pada tahun-tahun akan datang, akan menjadi generasi terakhir warganegara kita yang tinggal di negara yang digelar ‘Membangun’. Matlamat utama yang patut kita tujui ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Apakah, anda mungkin bertanya ‘negara maju sepenuhnya’? Adakah kita mahu menjadi seperti 19 negara sekarang yang digelar negara maju? Adakah kita mahu menjadi seperti United Kingdom, Kanada, Holland, Sweden, Finland, Jepun? Sebagai kepastian, setiap daripada 19 negara ini, daripada masyarakat dunia yang mempunyai lebih 160 negara, mempunyai kekuatan tersendiri. Tetapi setiap negara itu juga mempunyai kelemahannya. Tanpa meniru salah satu negara berkenaan, kita masih boleh membangun. Kita patut menjadi negara maju mengikut citarasa kita.

Malaysia tidak patut dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang: Ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kejiwaan, maruah bangsa dan keyakinan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil di segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental.

Tidak akan wujud Malaysia yang maju sepenuhnya sehingga kita akhirnya mengatasi sembilan cabaran strategik yang kita hadapi sejak kelahiran kita sebagai negara merdeka.

Cabaran pertama ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil, dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Yang kedua ialah cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai, gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati rakyat negara lain.

Cabaran ketiga yang sering kita hadapi adalah usaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

Keempat ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

Cabaran kelima yang selalu kita alami ialah untuk mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.

Keenam ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Cabaran ketujuh ialah untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana

kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri, yang mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi disekeliling sistem keluarga yang kukuh.

Kelapan ialah cabaran untuk memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Ini adalah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

Cabaran kesembilan ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Kita sudah lama berusaha untuk mencapai matlamat berkenaan. Sembilan matlamat utama yang dinyatakan tidak semestinya menjadi keutamaan kita untuk tiga dekad akan datang. Sebenarnya, keutamaan dalam satu-satu insa mesti memenuhi keadaan khusus pada satu-satu masa itu.

Tetapi agak memerlukan jika cabaran strategik pertama yang saya sebutkan mewujudkan negara Malaysia bersatu — tidak menjadi keutamaan yang paling asas.

Oleh kerana apa yang akan saya katakan banyak tertumpu kepada pembangunan ekonomi, biar saya tekankan sekali lagi bahawa pembangunan sepenuhnya ke arah masyarakat maju yang kita cita-citakan — walau macam mana setiap daripada kita mahu mentafsirkannya — tidak boleh dimaksudkan kepada kemajuan kebendaan dan ekonomi sahaja. Pembangunan ekonomi tidak harus menjadi satu-satunya matlamat paling utama untuk memenuhi keperluan negara kita.

Oleh kerana Majlis ini perlu menumpukan kepada isu pembangunan ekonomi dan keadilan sosial ekonomi, yang mana setiap bangsa perlu berkerjasama untuk masa depan yang lebih cerah, biar saya jelaskan tanggapan mengenai cabaran strategik utama yang berkaitan dengan dua matlamat utama ini.

Pada ketika ini, adalah lebih baik untuk menjelaskan dengan lebih terperinci matlamat mewujudkan keadilan ekonomi dalam masyarakat. Daripada dua mata serampang Dasar Ekonomi Baru

(DEB), tidak ada sesiapa pun yang menentang pembasmian kemiskinan mutlak — tanpa mengira kaum dan kedudukan geografi. Semua rakyat Malaysia, sama ada mereka yang tinggal di kawasan bandar atau luar bandar, sama ada mereka di selatan, utara, timur atau barat, mesti dinaikkan daripada garis kemiskinan mutlak.

Negara ini mesti mampu menyediakan cukup makanan di atas meja supaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia mengalami masalah kekurangan zat makanan. Kita mesti menyediakan keperluan asas yang cukup seperti tempat tinggal, hak mendapatkan kemudahan kesihatan, dan semua keperluan asas. Malaysia maju perlu mempunyai kelas menengah yang besar dan bertenaga dan menyediakan peluang penuh untuk mereka di peringkat bawah bagi membolehkan mereka keluar dari lubang kemiskinan relatif. Mata serampang kedua, iaitu memansuhkan pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi utama juga diterima umum kecuali ada anggapan bahawa ia boleh dicapai tanpa mengubah sebarang kedudukan. Jika kita ingin membina masyarakat adil, kita mesti menerima beberapa tindakan perlu. Ini bermakna dalam pelbagai sektor pekerjaan, ia patut mempunyai campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia. Melalui usaha yang sah, kita mesti memastikan imbalan yang adil dalam profesion dan semua kategori pekerjaan. Sudah tentu kita juga mesti berminat dalam mutu. Tetapi kita perlu memastikan pembangunan sihat bagi masyarakat Bumiputera yang mampu dan gigih dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Malaysia maju tidak patut mempunyai masyarakat yang mengaitkan kekayaan ekonomi dengan kaum. Ini tidak mencerminkan kesaksamaan pendapatan individu, keadaan di mana semua rakyat Malaysia mempunyai pendapatan yang sama. Ini adalah mustahil kerana usaha tersendiri kita sebagai individu, cara didikan hidup dan kehendak peribadi kita, kita akan mempunyai nilai ekonomi berlainan, dan akan menerima bayaran nilai yang berbeza. Kesaksamaan dalam pendapatan individu sebagaimana yang dikemukakan oleh sosialis dan komunis bukan sahaja mustahil tetapi, tidak ada sesiapa yang mahukannya dan ia adalah formula untuk kehancuran.

Tetapi saya yakin bahawa merapatkan jurang pendapatan kaum, melalui peruntukan secara sah peluang-peluang, melalui persamaan

yang lebih dekat berhubung perkhidmatan sosial dan infrastruktur, melalui pembangunan kebudayaan ekonomi yang sesuai dan melalui pembangunan sumber manusia sepenuhnya, adalah perlu dan memang dikehendaki. Kita mesti menanam cita-cita menjelang tahun 2020 untuk mencapai tahap di mana tidak ada seorang pun dapat mengatakan kumpulan kaum tertentu adalah mundur di segi ekonomi manakala satu kaum lagi maju. Keadaan seperti itulah yang mesti kita usahakan — secara lancar, berkesan, dengan adil dan penuh dedikasi.

“Perkongsian penuh dalam kemajuan ekonomi” bermaksud perkongsian penuh dalam kemiskinan. Ia mestilah bermaksudimbangan adil dalam penyertaan dan sumbangan semua kaum — termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak — dalam sektor ekonomi kita yang meningkat dan moden. Ianya mestilah bermaksud agihan yang adil bagi kawalan, pengawasan dan hakmilik ekonomi moden.

Untuk mencapai matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat kita mesti meningkatkan program kita secara bersungguh-sungguh untuk pembangunan sumber manusia. Memang ada keperluan untuk menjamin kewujudan masyarakat Bumiputera yang mampu bersaing serta anjal dalam kegiatan ekonomi supaya ia setaraf dengan masyarakat bukan Bumiputera. Memang ada keperluan untuk revolusi mental dan perubahan budaya. Semua tugas untuk memajukan diri perlu kita lakukan sendiri. Dalam usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi, perlu wujud penekanan penuh untuk mencapai keperluan dengan segera serta hasil yang produktif — pada kos paling rendah di segi ekonomi dan masyarakat.

Untuk mewujudkan masyarakat makmur, kita boleh menetapkan banyak matlamat yang bersumberkan aspirasi. Saya yakin kita harus menetapkan matlamat yang munasabah (sebagai berlawanan dengan matlamat beraspirasi) untuk meningkatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebenar kita setiap 10 tahun di antara 1990 dan 2020. Jika kita lakukan ini, KDNK akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang tahun 2020, berbanding 1990. KDNK kita pada 1990 ialah \$115 bilion. KDNK kita pada 2020 patut menjadi kira-kira \$920 bilion dalam nilai ringgit pada 1990.

Pertumbuhan pesat ini memerlukan pertumbuhan kita pada

kadar purata kira-kira tujuh peratus (dalam nilai sebenar) setahun untuk 30 tahun akan datang. Diakui bahawa ini adalah anggaran optimis tetapi kita patut menetapkan matlamat tinggi jika kita mahu menggalakkan diri kita untuk gigih berusaha. Kita mesti berjaga-jaga menentang ‘penetapan pertubuhan’, iaitu bahaya apabila memaksa untuk mencapai matlamat yang ditetapkan untuk menjamin kestabilan, mengawal kadar inflasi supaya sentiasa rendah, menjamin kadar pengekalan, membangunkan mutu hidup kita dan taraf hidup, dan pencapaian matlamat sosial lain. Ia akan menjadi usaha yang sukar dengan pelbagai kejayaan dan kelemahan. Tetapi saya yakin ini boleh dilakukan.

Pada 1960-an, pertumbuhan kita adalah pada kadar purata 5.1 peratus setahun; pada 1970-an, dekad pertama DEB, pertumbuhan Malaysia adalah pada kadar purata 7.8 peratus; pada 1980-an, kerana tahun-tahun kemelesetan, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 5.9 peratus setahun. Jika kita mengambil 30 tahun lalu, KDNK kita meningkat setiap tahun dalam nilai sebenar pada kadar purata 6.3 peratus setahun. Jika kita mengambil 20 tahun lalu, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 6.9 peratus setahun. Apa yang diperlukan ialah tambahan bagi pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus. Sudah pasti jika kita berusaha sepenuhnya, Insya-Allah 0.1 peratus ini dapat dicapai.

Jika kita berjaya, dan diandaikan pertumbuhan tahunan penduduk ialah 2.5 peratus, menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia akan kaya empat kali ganda (dalam nilai sebenar) berbanding 1990. Itulah ukuran masyarakat makmur yang kita inginkan dan harap dapat mencapainya. Perkara kedua dalam matlamat ekonomi kita ialah menjamin kewujudan ekonomi yang bersaing. Ekonomi sedemikian dapat bertahan bagi tempoh yang lebih lama, lebih dinamik, giat dan kental. Ia mesti membawa maksud, antara lain:

- Ekonomi yang pelbagai dan seimbang dengan sektor perindustrian yang matang dan luas, sektor pertanian yang matang dan maju dan sektor perkhidmatan yang berkesan dan produktif serta matang;

- Ekonomi yang cepat bertindak, pantas menyesuaikan diri terhadap perubahan penawaran, permintaan dan persaingan;

- Ekonomi yang mempunyai teknologi berkesan, boleh disesuaikan,

diubah suai dan dicipta sepenuhnya, iaitu sentiasa meningkat teknologinya - intensif, bergerak ke arah teknologi lebih tinggi;

‘ Ekonomi yang mempunyai hubungan perindustrian yang kukuh dan saling berkaitan dengan keseluruhan sistem;

‘ Ekonomi yang digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan ketekunan dalam menguasai maklumat kekayaan, dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya;

‘ Ekonomi yang mempunyai productiviti tinggi dan terus meningkat dalam hubungannya dengan semua faktor pengeluaran;

‘ Ekonomi keusahawanan yang berdikari, berpandangan luas dan bersifat keusahawanan;

‘ Ekonomi yang dikekalkan dengan contoh etika kerja, mutu kesedaran dan usaha terhadap kecemerlangan;

‘ Ekonomi yang ditentukan sifatnya dengan kadar inflasi dan kos sara hidup yang rendah; dan

‘ Ekonomi yang berdasarkan disiplin dan perubahan besar dalam kuasa pasaran.

Ramai di antara kita dalam Majlis ini tidak akan berada di sana pada pagi 1 Januari 2020. Tidak ramai, rasa saya. Beban tugas yang perlu dilaksanakan untuk memastikan negara maju sepenuhnya yang dipanggil Malaysia satu generasi dari sekarang, sudah pasti dilakukan oleh pemimpin yang menuruti kita, oleh anak dan cucu kita. Tetapi kita mesti pastikan bahawa kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka berkaitan dengan apa yang kita mahukan. Dan biar kita letakkan batu asas untuk mereka teruskan pembinaannya.

#### *Beberapa Dasar Utama Ekonomi Sektor Awam Untuk Jangkaan Masa Depan.*

Sejak awal 1980-an, kita menekankan bahawa negara ini akan bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Kita sebenarnya sudah mendahului negara lain di dunia, termasuk negara maju dalam memberi kepercayaan kepada sektor swasta.

Dalam tahun-tahun yang awal, sektor swasta kita yang masih muda tidak dapat memberi sambutan terhadap cabaran yang diberikan. Kemudian datang kemelesetan yang tidak diduga serta

menyulitkan dan tahun kelembapan. Bagaimanapun, sejak tiga tahun lalu, sektor swasta kita sudah berkembang dan mula bertindak balas. Dasar ini mula membawa hasil. Hasilnya: pada 1988, pertumbuhan kita dalam nilai sebenar ialah 8.9 peratus; pada 1989, 8.8 peratus; pada 1990, 9.4 peratus tanpa pertambahan Belanjawan kerajaan. "Harimau ekonomi Timur Laut Asia" tidak dapat berbuat demikian.

Tidak ada negara yang boleh menolak formula yang berjaya. Dan negara ini tidak akan menolaknya. Untuk jangkaan masa depan, Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta, untuk bergantung kepadaanya sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, kerajaan akan terus mengurangkan saiz pembabitannya dalam bidang pengeluaran ekonomi dan perdagangan. Negara sudah tentu tidak boleh berundur sepenuhnya daripada kehidupan ekonomi Malaysia. Ia tidak boleh meninggalkan tanggungjawabnya untuk mengawal dan memperuntukkan rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat.

Kerajaan akan bersikap proaktif untuk memastikan pengurusan fiskal dan kewangan yang sihat serta kelancaran perjalanan ekonomi Malaysia. Ia akan meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan suasana perdagangan yang baik — selaras dengan keutamaan sosial yang lain.

Di mana perlu, kerajaan tidak semestinya akan terikat sepenuhnya dengan komitmennya untuk menarik diri daripada fungsi ekonomi, iaitu ia tidak akan campur tangan. Ia akan berfungsi mengikut undang-undang dan secara giat. Proses mengurangkan peraturan akan diteruskan. Tidak dinafikan lagi bahawa peraturan adalah perkara penting untuk mengawal masyarakat, di mana ekonomi adalah sebahagian daripadanya. Negara tanpa undang-undang dan peraturan adalah negara yang bermain dengan anarki.

Apa yang tidak diperlukan ialah terlebih peraturan walaupun tidak mudah untuk menentukan bila kerajaan menguatkuasakan terlebih peraturan. Kebijaksanaan berada pada kebolehan membezakan di antara undang-undang dan peraturan yang memberi hasil kepada matlamat kita dan yang bukan sedemikian; dan ia berada pada kemampuan membuat keputusan yang tepat. Jadi,

kerajaan tidak boleh bersikap bodoh atau tidak bertanggungjawab, dan memenuhi kehendak masyarakat di samping keperluan untuk pertumbuhan pesat dan ekonomi yang bersaing, giat dan kental. Ia akan berpandukan dengan pengetahuan bahawa membebaskan perdagangan juga - bukan sahaja undang-undang dan peraturan, dan campur tangan negara - boleh menyumbang kepada pencapaian matlamat sosial yang lebih luas.

Berdasarkan ini dan fakta bahawa memang ada ruang untuk peraturan yang tidak menghasilkan apa-apa boleh dimansuhkan, anda boleh mengharapkan proses mengurangkan peraturan akan diteruskan. Langkah Bank Negara baru-baru ini yang meminda peraturan rejim Kadar Pinjaman Asas (BLR) adalah contoh kepada perkara ini. Penswastaan akan terus menjadi asas penting dalam pembangunan negara dan strategi kelancaran kebangsaan. Dasar ini tidak diasaskan pada kepercayaan ideologi. Ia ditujukan khusus untuk menggalakkan persaingan, kelancaran dan produktiviti dalam ekonomi, bagi mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan dan mencapai matlamat pengagihan hasil negara.

Dalam melaksanakan dasar penswastaan kita, kerajaan memang sedar dengan keperluan untuk melindungi kepentingan rakyat, memastikan golongan miskin mendapat hak untuk perkhidmatan asas, menjamin mutu perkhidmatan disediakan dengan kos paling minimum, mengelakkan amalan monopoli tidak produktif dan memastikan kebijakan pekerja. Memang akan ada masalah. Tidak ada apa akan diperolehi tanpa membayar harganya. Tetapi jelas bahawa dasar ini setakat ini menghasilkan keputusan positif dan kita boleh menjangka pelaksanaannya akan diperluaskan lagi. Dengan siapnya Kajian Pelan Induk Penswastaan, saya yakin banyak masalah yang mengganggu kemajuan penswastaan akan diatasi, seterusnya menggalakkan lagi pelaksanaan yang lancar. Akan wujud pada tahun-tahun akan datang satu Galakan Perindustrian Berterusan, galakan yang tidak berdasarkan keghairahan terhadap perindustrian tetapi atas kebenaran bahawa jika kita mahu pesat membangun - dalam keadaan di mana ekonomi maju akan meninggalkan perindustrian untuk memasuki peringkat lepasan perindustrian - inilah cara untuk terus bergerak.

Jika kita mahu mewujudkan perindustrian pesat, kita perlu meng-

gunakan sepenuhnya tenaga negara dan secara bersungguh-sungguh mengatasi segala kelemahan. Untuk mencapai dasar ini, kerajaan perlu mengendalikan masalah sempit asas sektor pembuatan. Pada 1988, 63 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan Malaysia datangnya daripada industri elektrik, elektronik dan tekstil. Elektronik sahaja merangkumi 50 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan. Kita mesti mempelbagaikan (industri). Walaupun pembangunan paling pesat dalam zon perdagangan bebas, ada permintaan kecil untuk barang perantaraan tempatan. Kita perlu mengendalikan masalah kelemahan hubungan perindustrian. Pembangunan teknologi asli pula tidak mencukupi. Terlalu sedikit tambahan nilai, terlalu mudah penyusunan dan pengeluarannya. Juga diperlukan untuk mengatasi peningkatan kos pengeluaran dengan meningkatkan kos buruh, bahan mentah dan perbelanjaan awal (overhead) secara meningkatkan kelancaran dan produktiviti.

Memang ada kekurangan serius di segi tenaga manusia. Semua ini dan banyak lagi isu perlu dibincangkan. Industri kecil dan sederhana mempunyai fungsi penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan, dalam mengukuhkan hubungan perindustrian, dalam menembusi pasaran dan menghasilkan pendapatan eksport. Mereka mempunyai fungsi utama sebagai tempat asas untuk melahirkan usahawan masa depan. Kerajaan akan menentukan skim bantuan yang wajar dan berusaha meningkatkan taraf kepakaran pengurusan, pengetahuan teknologi dan kemahiran pekerja dalam sektor ekonomi kita ini yang sangat penting dan sering diabaikan. Industri kecil dan sederhana akan menjadi asas utama untuk penekanan perindustrian kita di masa depan. Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk memajukannya sepenuhnya.

Sebagaimana kita mesti mempelbagaikan barang eksport, kita juga mesti mempelbagaikan pasaran eksport kita. Pengeksport Malaysia mesti melihat kepada pasaran bukan tradisi. Ia memerlukan pengetahuan baru, saluran baru, hubungan baru dan pendekatan baru ke arah mengendalikan undang-undang dan peraturan yang belum biasa ditemui. Ia memang tidak menyenangkan tetapi adalah silap jika menganggap ia tidak menguntungkan untuk melalui kesulitan ini dalam mengendalikan pasaran berkenaan. Secara persendirian mereka mungkin kecil tetapi secara

keseluruhan pasaran Asia, Afrika dan Amerika Selatan yang sedang membangun adalah besar. Jika negara maju menganggap adalah menguntungkan untuk mengeksport ke pasaran ini, sudah tentu ia juga akan menguntungkan kita.

Kerajaan akan membantu tetapi sektor swasta harus melaksanakan tanggungjawab mereka. Pergantungan kepada pertumbuhan yang diterajui eksport masih menjadi cara terbaik untuk pertumbuhan pesat. Penyertaan dalam pasaran dunia meletakkan syarikat kita berdepan dengan saingan dan kuasa persaingan antarabangsa. Ini adalah cabaran yang kita mesti terima bukan sahaja kerana pasaran tempatan terlalu kecil tetapi kerana dalam jangka panjang ia akan menguntungkan pasaran tempatan dan mengurangkan pergantungan kita kepada eksport.

Kita mesti terus tegas dengan pertumbuhan yang diterajui eksport walaupun mengalami kelembapan sangat, walaupun berlaku peningkatan dasar perlindungan, blok perdagangan dan perdagangan terurus. Apabila perjalanan semakin mencabar, kita tidak boleh berpatah balik. Kita tidak ada pilihan lain kecuali terus berani, berkesanggupan, produktif dan lebih bersaing, lebih mampu untuk mengendalikan pelbagai perkara.

Liberalisasi ekonomi Malaysia sudah menunjukkan hasil menguntungkan dan menyumbang ke arah pertumbuhan lebih dinamik. Sudah pasti, liberalisasi perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan secara berperingkat untuk memastikan tidak berlaku ketidakpastian ekonomi dan kewujudan kos pelarasian struktur berlebihan. Kita patut menimbang kemampuan Malaysia untuk melaksanakan liberalisasi. Kita tidak patut menolak hujah industri baru tetapi kita juga tidak boleh tunduk kepada tekanan yang tidak berasas. Pada masa yang sama, liberalisasi yang memberi hasil akan memastikan sektor swasta kita kurang bergantung kepada keuntungan tidak bernilai dan perlindungan, yang menguntungkan sesetengah pengeluar yang memperolehinya daripada tekanan terhadap pengguna dan pengeluar lain. Bayi mesti membesar. Mereka mesti membesar untuk menjadi kuat. Dan ini tidak boleh dilakukan jika mereka terlalu dilindungi. Kerajaan akan meneruskan usaha menarik pelaburan asing. Ini perlu bagi Galakan Perindustrian Berterusan. Sekali lagi, kita tidak akan menolak strategi yang ber-

jaya. Tetapi kita akan mengubahsuai untuk memastikan semuanya kemas bagi membolehkan usaha sungguh-sungguh menggalakkan pelaburan tempatan kerana kita terlalu menumpukan pelaburan asing. Ini sebenarnya tidak seratus-peratus benar tetapi kita akan mengkaji keadaan ini apabila mendapat maklum balas yang lebih tepat.

Perusahaan kecil dan sederhana perlu dibantu untuk terus berkembang. Lebihan simpanan dan modal tempatan perlu disalurkan dengan lebih produktif kepada pelaburan. Lebih ramai usahawan perlu dihasilkan. Apabila diperlukan, bantuan latihan dan teknologi perlu diperluaskan, dan bantuan infrastruktur diberikan.

Adalah penting ditegaskan sekali lagi bahawa pembanguan yang kita perlukan tidak boleh wujud tanpa sokongan infrastruktur. Kita mesti terus selangkah ke depan daripada permintaan dan keperluan. Dalam Belanjawan baru-baru ini, kita dengan jelas menyatakan kita akan melakukannya dalam jangka pendek. Rancangan Malaysia Keenam akan menjelaskan apa yang kita akan lakukan dalam jangka sederhana manakala garis kasar Pelan Perspektif Kedua akan menentukan arah untuk jangka panjang. Kerajaan memang sedar mengenai masalah infrastruktur dan keperluan untuk pelaburan besar-besaran dalam tahun-tahun akan datang. Kita tidak akan membiarkan pertumbuhan terencat dengan gangguan pelaburan berlebihan yang pernah berlaku di banyak negara.

Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan sumber manusia.

Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung keajaiban ekonomi terhadap negara yang miskin dalam erti kata 'sumber semulajadi', adalah jelas sumber utama di mana-mana negara adalah bakat, kemahiran, kepakaran kreatif dan semangat rakyat. Apa yang kita ada di antara dua telinga, pada siku dan hati adalah lebih penting daripada apa yang kita ada di bawah kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita adalah sumbar paling utama. Tanpa diragui lagi, pada 1990-an dan selepas itu, Malaysia memberi penekanan kepada pembangunan sumber utama ini.

Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Tetapi untuk perjalanan yang kita perlu sediakan kepada generasi kedua, tahap dan piawaian baru perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai.

Kita perlu berhasrat untuk mencapai taraf paling tinggi berkaitan dengan kemahiran rakyat kita, terhadap tumpuan mereka kepada pengetahuan dan peningkatan ilmu serta usaha membaiki diri, kebolehan berbahasa, sikap kerja dan disiplin, kebolehan pengurusan, pencapaian, motivasi, sikap terhadap kecemerlangan dan mewujudkan semangat keusahawanan.

Kita tidak boleh mengabaikan kepentingan keusahawanan dan pembangunan keusahawanan, yang berfungsi lebih besar daripada latihan dan pendidikan. Kita mesti memastikan adunian tepat berhubung dengan golongan profesional, separuh profesional, artisan, dan imbangian tepat dengan mereka dalam bidang sains dan teknologi, seni dan sains sosial.

Dalam pembangunan sumber manusia kita tidak boleh mengabaikan separuh daripada penduduk negara, iaitu Bumiputera. Jika mereka tidak dibawa ke dalam masyarakat, jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka hanya menjadi perlambangan, tentu kemajuan kita akan tergendala. Tidak ada negara yang dapat mencapai kemajuan penuh dengan hanya separuh penduduknya melaksanakan tugas. Apa yang dianggap sebagai beban sekarang, dengan sikap dan pengurusan yang betul, akan menjadi tenaga yang akan meringankan beban dan meneruskan kemajuan kita. Bumiputera mesti berfungsi sepenuhnya untuk mencapai matlamat negara.

Inflasi adalah racun kepada semua perancang ekonomi. Kecuali sewaktu kenaikan harga minyak pertama, inflasi meningkat sehingga 17 peratus, Malaysia masih bernasib baik dapat mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Kita mesti terus mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Kerajaan, sektor perdagangan dan rakyat perlu bersungguh-sungguh untuk mengekalkan inflasi pada kadar rendah. Satu-satunya cara terbaik untuk memerangi inflasi adalah untuk hidup mengikut kemampuan, jangan beli. Di Malaysia, ini boleh dilakukan kerana kita dapat menghasilkan apa yang kita mahu dalam erti kata makanan, tempat tinggal dan pakaian. Apabila kita mengalami

kemelesetan baru-baru ini, kehidupan masih seperti biasa kerana kita mampu membeli keperluan kita pada kadar harga yang hampir sama, iaitu kita tidak mengalami inflasi. Sekarang kita mempunyai lebih banyak wang, permintaan secara perlahan-lahan menaikkan harga. Jadi, walaupun kita mungkin lebih senang sekarang, walaupun kita lebih kaya dengan wang, tetapi dalamerti kata kuasa membeli, kita sebenarnya belum senang.

Umum mesti memahami apa yang menyebabkan inflasi dan cukup berdisiplin untuk memeranginya. Di sesetengah negara, apabila kadar inflasi meningkat sehingga beribu-ribu peratus, kerajaan sentiasa bertukar-tukar tanpa dapat membendung inflasi. Sebabnya ialah rakyat tidak berdisiplin dan bersedia untuk mengawal diri. Tidak ada kerajaan dapat mengekang inflasi kecuali rakyat bersedia menghadapi kesukaran itu. Dalam usaha menentang inflasi, tidak ada yang lebih berkesan daripada pendidikan dan sikap disiplin rakyat.

Dalam dunia perdagangan yang saling bergantung, kadar tukaran mata wang mempunyai fungsi penting. Kadar matawang yang terlalu murah akan meningkatkan import dan bayaran hutang tetapi ia akan menyebabkan persaingan eksport. Tetapi keuntungan sepenuhnya melalui kadar tukaran rendah bagi eksport boleh ditolak dengan kos bahan import yang ditukarkan kepada barang eksport. Nilai matawang tinggi akan 'mengkayakan' rakyat kita, khususnya di segi pembelian barang import yang mewah tetapi eksport kita tidak akan bersaing dan ekonomi akhirnya akan terjejas.

Jelasnya pengurusan kadar tukaran adalah penting untuk kemajuan negara. Ia hanya mempunyai kemampuan terhad untuk digunakan sepenuhnya. Dalam analisis terakhir, bagaimana kita mengimbangkan perdagangan kita akan menentukan bagaimana matawang kita dinilai. Malaysia mesti belajar supaya lebih bersaing melalui produktiviti lebih tinggi daripada sekadar melalui manipulasi kadar tukaran. Sekali lagi rakyat mesti faham fungsi mereka, khususnya yang berkaitan dengan produktiviti.

Dalam dunia teknologi, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita tidak boleh berada di barisan depan teknologi moden tetapi kita mesti sentiasa bersamanya, terutama di bidang yang mana kita mempunyai kelebihan tertentu. Kita sudah menerima Pelan Tindakan

Kebangsaan Bagi Pembangunan Teknologi. Ini adalah bahagian yang mudah. Sekarang kita mesti meneruskan usaha yang lebih sukar, iaitu melaksanakannya.

Kerajaan sudah tentu akan memberi komitmen dan kepimpinan sebagai satu keutamaan negara ini. Infrastruktur institusi dan sampingan akan diletakkan di tempat utama untuk memastikan pembangunan kemampuan teknologi kita yang berdasarkan pasaran pesat, realistik dan ditumpukan sepenuhnya. Tetapi kita jangan lupa bahawa teknologi bukan untuk makmal tetapi kilang dan pasaran. Sektor swasta dan rakyat kita mesti bertindak. Selalunya hasil penyelidikan tidak dihiraukan kerana orang lebih berminat kepada bahan yang sudah diuji. Sering dikatakan bahawa rahsia kejayaan Jepun ialah kemahiran melaksanakan hasil penyelidikan untuk barang yang boleh dipasarkan. Jika kita tidak melakukan ini, kita akan ketinggalan tanpa mengira tahap teknologi kita.

Dalam meningkatkan sektor industri pembuatan kita, Malaysia mesti memastikan sektor pertanian dan perkhidmatan tidak akan diabaikan. Kita mesti maju. Kita mesti berusaha ke arah kecekapan, pemodenan dan persaingan. Ini patut menjadi prinsip asas panduan kepada dasar kebangsaan kita terhadap pertanian, pelancongan dan kemajuan sepenuhnya sektor perkhidmatan.

Kita juga tidak boleh mengabaikan sektor luar bandar dalam ekonomi dan masyarakat kita. Dalam tahun-tahun akan datang, kita mesti berusaha untuk perubahan pembangunan luar bandar kedua, membina semula kampung supaya lebih sesuai dengan pertanian dan industri moden. Petani yang semakin kurang akan menghasilkan lebih banyak makanan, dan seterusnya menyediakan tenaga kerja untuk masyarakat perindustrian.

Dalam melakukan semua ini, kita juga mesti memastikan sumber semula jadi kita yang bernilai tidak dibazirkan. Bumi kita mesti kekal sebagai sumber hasil dan subur, persekitaran terang dan bersih, air tidak cemar, sumber hutan dapat ditanam semula, mampu menghasilkan keperluan untuk pembangunan negara. Keindahan bumi kita tidak patut dinodai - untuk kepentingannya dan untuk kemajuan ekonomi kita.

Dalam zaman maklumat, masyarakat Malaysia mesti kaya dengan maklumat. Hari ini tidak ada negara kaya dan maju yang tidak

mempunyai maklumat dan negara kurang maklumat yang miskin dan tidak membangun.

Pada suatu masa dulu tanah memang menjadi asas kemakmuran dan kekayaan. Kemudian datang arus kedua, zaman perindustrian. Asap keluar daripada cerobong yang dahulunya adalah ladang. Sekarang, bukan pengetahuan sahaja menjadi asas kuasa tetapi juga kernakmuran. Sekali lagi kita mesti terus bersama. Rakyat Malaysia adalah antara yang paling ramai menggunakan komputer di rantau ini. Pengeluaran komputer adalah satu kemestian jika kita mahu maju dan membangun. Usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai maklumat tinggi.

Dalam hubungan antarabangsa, penekanan terhadap politik dan ideologi patut dikurangkan tetapi patut dilebihkan kepada keperluan ekonomi. Walaupun kita kecil kita mesti berusaha untuk mempengaruhi aliran perdagangan antarabangsa. Untuk berkembang kita mesti mengeksport. Pasaran tempatan kita terlalu kecil. Adalah penting untuk kita supaya perdagangan bebas dikekalkan. Arah aliran terhadap pembentukan blok perdagangan akan menjaskan kemajuan kita dan kita mesti menentangnya. Dengan itu, kita mesti berfungsi sepenuhnya dan tidak menerima secara pasif kata dua daripada negara lain yang kuat yang mungkin tidak menyedari bagaimana keputusan mereka memberi kesan kepada kita.

Negara tanpa kemampuan ketahanan ekonomi yang kukuh dan kebolehan mempengaruhi serta mewujudkan pakatan dalam arena ekonomi antarabangsa adalah negara yang lemah dalam pertahanan ekonomi. Malaysia tidak boleh jadi seperti ini.

Ada banyak dasar yang mesti diletakkan pada tempatnya jika kita mahu menjadikan 1990-an sebagai dekad yang paling produktif dalam sejarah kita. Biar saya akhiri dengan mengemukakan satu lagi pandangan: keperluan untuk menjadikan Persyarikatan Malaysia sebagai kejayaan sebenar.

Biar saya tekankan bahawa tidak semua kerjasama di antara sektor awam dan swasta adalah tepat atau produktif. Dalam banyak segi, ia mesti mempunyai pendekatan kawalan berpanjangan. Tetapi sudah pasti usahasama yang produktif akan membawa kita ke arah

aspirasi yang diharapkan.

Saya sudah menggariskan apa yang saya fikir dasar utama ekonomi yang sepatutnya diwujudkan untuk meneruskan usaha kita ke arah kemakmuran dan ekonomi yang bersaing. Biar saya tekankan sekarang mengenai fungsi yang perlu dilaksanakan oleh sektor swasta.

Negara ini tidak boleh bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan jika sektor swasta tidak cekap dan lemah. Anda mesti kuat dan dinamik, giat dan berdikari, kukuh dan jujur.

Malaysia tidak boleh mengurangkan undang-undang dan peraturan jika ahli bank berlagak sebagai pakar bank, jika kebebasan kepada usahawan hanya menjadi lesen untuk mengeksplotasi tanpa sebarang perasaan tanggungjawab sosial. Syarikat kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab korporat. Perjuangan kita adalah untuk menjamin keadilan sosial - untuk meningkatkan kedudukan dan daya saingan Bumiputera dan mencapai matlamat sosial lain - mesti menjadi perjuangan anda juga.

Penswastaan tidak boleh dilaksanakan jika matlamatnya dipatahkan oleh mereka yang mahukan keuntungan peribadi tanpa tanggungjawab sosial. Galakan Perindustrian Berterusan dan usaha membangunkan dengan pesat industri kecil dan sederhana kita mesti dilaksanakan oleh usahawan kita. Mereka mesti bersedia untuk berfikir secara jangka panjang, menyertai pasaran dunia yang penuh persaingan. Usaha menarik pelaburan asing tidak patut menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja. Sektor swasta mesti membabitkan diri dengan pelabur asing dalam usahasama kerana ini akan membantunya dalam pembabitan ekonomi Malaysia. Dan tanggungjawab pelabur tempatan perlu lebih luas daripada rakan asing mereka kerana Malaysia adalah negara kita, bukan mereka. Kita boleh bertanya kepada diri sendiri untuk berkorban kepada negara tetapi kita tidak boleh mengharapkan mereka melakukannya untuk kita.

Dalam pembangunan sumber manusia, sektor swasta kita mempunyai tanggungjawab penting. Latih sumber tenaga anda sendiri. Lengkapkan mereka dengan perubahan tugas. Jaga kepentingan mereka. Tingkatkan kemahiran. Uruskan mereka dengan baik. Dan

berikan penghargaan yang sewajarnya untuk menghargai sumbangan mereka.

Sudah pasti banyak yang perlu dilakukan oleh semua orang. Sayangnya, tidak ada satu formula ringkas yang mudah untuk membangunkan negara. Banyak perkara mesti dilakukan oleh ramai orang. Dan ia perlu dilakukan dengan sebaik dan setepat mungkin. Kita mesti bersedia untuk bersikap lebih kritikal terhadap diri sendiri dan sanggup membetulkan kesilapan. Tetapi Insya-Allah, kita akan berjaya.

Ini adalah agenda kita dalam Majlis ini dan negara kita. Saya harap anda akan membincangkan agenda ini dan mengkritik atau membetulkannya. Sama ada kita mencapai kesempurnaan atau keputusan sebulat dalam agenda ini tidak terlalu penting. Tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda yang sempurna tidak dilaksanakan.